



TREND DAN ISU-ISU DALAM TEKNOLOGI, PENGURUSAN DAN SAINS SOSIAL

disunting oleh

**NURUL FADLY HABIDIN
SHARON ONG YONG YEE
TUAN WAHEDA TUAN CHIK
UMMU AIMAN MUHAMAD
NURSYAZWANI MOHD FUZI**

TREND DAN ISU-ISU DALAM TEKNOLOGI, PENGURUSAN DAN SAINS SOSIAL

**disunting oleh
Nurul Fadly Habidin
Tuan Waheda Tuan Chik
Sharon Yong Yee Ong
Ummu Aiman Muhamad
Nursyazwani Mohd Fuzi**

**Penerbit
Kaizentrenovation Sdn Bhd
Tanjung Malim
2020**

Cetakan Pertama Julai 2020

Hakcipta © 2020 Nurul Fadly Habidin, Sharon Yong Yee Ong, Tuan Waheda Tuan Chik, Ummu Aiman Muhamad dan Nursyazwani Mohd Fuzi

Penerbit : Kaizentrenovation Sdn Bhd (1167478-D)
Alamat : No A10-1 & A10-2, Gemilang Avenue, Jalan Pulai 1, Proton City,
35900 Tg Malim, Perak
Emel : info.kaizentrenovation@gmail.com
Laman Web : <https://kaizentrenovationpublishing.com>
Facebook : Kaizentrenovation Bookstore
Tel : 017-5716705

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan menyalin mana-mana bahagian e-book, ilustrasi dan isi kandungan e-book ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekali pun sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit dan penulis.

eISBN 978-967-17718-2-2

Prakata	Muka Surat
KERANGKA KONSEP MODEL DIGITAL BELIA TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT TERHADAP MENJANA INTEGRITI DAN SOSIO-EKONOMI NEGARA Nurul Fadly Habidin, Sharon Yong Yee Ong, Tuan Waheda Tuan Chik, Ummu Aiman Muhamad dan Nursyazwani Mohd Fuzi	1
PERKEMBANGAN PELAJARAN INGGERIS DI DAERAH KOTA SETAR, 1909-1957 Muhammad Qiwamuddin Alif Mahamad Najib dan Khairi Ariffin	5
PEMILIKAN TANAH MASYARAKAT MELAYU DI PAHANG SEHINGGA 1957 Nor Hidayah Dzul-Kifli dan Khairi Ariffin	16
BULI SIBER MENURUT PERSPEKTIF ISLAM Mapatan Bin Sudin	29
PENGARUH MEDIA SOSIAL TERHADAP TINGKAH LAKU PENCARIAN MAKLUMAT POLITIK DALAM KALANGAN BELIA Nor Hafizah Abdullah	39
MALAYSIA SEBAGAI HAB PELANCONGAN ISLAM DUNIA: SATU TINJAUAN AWAL Nor Fadzilah Binti Zainal, Nor Hidayah Binti Harun dan Noorsaliza Binti Amin Nudin	44
PENGARUH RELIGIOSITI DAN PERSEKITARAN SOSIAL TERHADAP AMALAN KESUKARELAWANAN PELAJAR Abdul Jamir Md Saad, Mohammad Shiham Mahfuz, Nurhaniza Rais Mokhtar dan Siti Suhaila Ihwani	54
ANALISIS KEPERLUAN: TINJAUAN TAHAP SOSIOEMOSI KEINGINSEMPURNAAN, KEBIMBANGAN SOSIAL DAN KETERUJAJAN LUAR BIASA DALAM KALANGAN PELAJAR PINTAR DAN BERBAKAT Amnah Zanariah Binti Abd Razak, Shahlan Bin Surat dan Rosadah Binti Abd Majid	63
TINJAUAN MINAT PELAJAR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH TERHADAP BAHAN BACAAN INTERNET DAN BAHAN BERCETAK Nor Hakimah Binti Ahmad Subri, Sharuddin Bin Mohd Dahuri, Eliza Binti Shamsudin	71
FACEBOOK SEBAGAI RANGKAIAN SOSIAL DALAM KALANGAN IBU BAPA ANAK CEREBRAL PALSY: TAHAP SOKONGAN SOSIAL DALAM PENGGUNAANNYA Nur Maizatul Khair Mokhtar dan Norshidah Mohamad Salleh	83

PENGGUNAAN TIK DALAM PENJANAAN IDEA KREATIF SENI ANYAMAN Norsiah Bahari, Noorlian Ishak, Siti Aishah Mohamad dan Halimatussaadiah binti Salleh.	86
KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN CF@ER MENGGUNAKAN ANALISIS FAKTOR EKSPLORASI Rohaida Muslim, Nurul Fadly Habidin, Nor Azrin Md Latip dan Amizan Saidon	91
MODEL INTEGRASI BAHASA ARAB PEMASARAN UNTUK PEMPROMOSIAN PRODUK USAHAWAN PKS B40 DI PERINGKAT GLOBAL Mohd Nizwan Musling dan Hanim Misbah	104
PENERIMAAN PENGGUNA TERHADAP PEMBANGUNAN KIT PEMBELAJARAN UNTUK MODUL IOT Mohd Hafiez Ahmad dan Sharifah Nadiyah Razali	113
KESAN PEMBANGUNAN MODUL IAR-IOT TERHADAP PENCAPAIAN, PEMBELAJARAN KENDIRI DAN PERSEPSI PESERTA Sharifah Nadiyah Razali dan Mohd Hafiez Ahmad	119
GELAGAT PENGGUNAAN CIDOS DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI POLITEKNIK SABAH Mohd Nazrulhisham Mohd Amin	129
SIKAP REMAJA IPTA TERHADAP PERMAINAN DIGITAL: KAJIAN EMPIRIKAL DI POLITEKNIK SABAH Mohd Nazrulhisham Mohd Amin	136
PELUANG DAN POTENSI KEPIMPINAN BERETIKA DALAM SEKTOR PENDIDIKAN Wan Mohd Hafis Pak Wan Chik	142
HUBUNGAN KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL GURU BESAR TERHADAP EFIKASI GURU Mohd Fairoz Affendy bin Md Nordin	153
REPUTASI, KELEBIHAN DAYA SAING DAN PRESTASI KEWANGAN INFAQ YANG DITERIMA DI KALANGAN SEKOLAH ISLAM SWASTA DI MALAYSIA Azira Hanani Ab Rahman dan Sofri Yahya	157
KECUKUPAN SUMBANGAN (INFAQ) DI KALANGAN SEKOLAH AGAMA SWASTA DI MALAYSIA: PERANAN REPUTASI Azira Hanani Ab Rahman dan Sofri Yahya	165
GAYA KEPIMPINAN TRANSFORMASI GURU BESAR DALAM PEMBENTUKAN KEMENJADIAN MURID DI SEKOLAH RENDAH DI BAWAH PROGRAM SEKOLAH TRANSFORMASI DI TUARAN, SABAH. Rovica Lawrence Odong dan Roslee Talip	174

PERANAN AGIHAN ZAKAT DALAM PEMBASMIAN KELAPARAN DAN KEMISKINAN DI KEDAH Yusuf Othman, Mohd Sholeh Sheh Yusuff dan Mohammadtahir Cheumar	182
LANDSKAP PEMILIKAN DAN PENYEWAAN RUMAH DI KALANGAN GOLONGAN MUDA Nor Suzylah Sohaimi	187
KEPIMPINAN GURU BESAR KAJIAN BERDASARKAN SURAH AL-ASR AYAT 3 MENURUT TAFSIR AL-AZHAR Mohd Syafiq Bin Zainuddin	191
PENCETUSAN IDEA REKABENTUK ALAT LATIHAN SOLAR FOTOVOLTA MENGGUNAKAN KAEDAH TEORI PENYELESAIAN MASALAH INVENTIF (TRIZ) Norazlinda Mohamed, Nurul Fazura A Hamid, Irdyanti Mat Nashir dan Muhammad Firdhaus Che Hassan	195
KERANGKA KONSEP FAKTOR PENENTU PENGLIBATAN PENIAGA BUMIPUTERA SABAH TERHADAP E-NIAGA SEMPENA COVID-19 Merlin Dunding dan Heather Valarie Benilus	201
LITERASI KEWANGAN DALAM KALANGAN PELAJAR BUMIPUTERA SABAH Edward John dan Ernie Suzana Mahsum	206
TAHAP KESEDARAN TERHADAP CAJ PINJAMAN PENDIDIKAN DALAM KALANGAN PELAJAR Edward John dan Merlin Dunding	212
ANALISIS BIBLIOMETRIK: SYARIKAT RANGKAIAN PENGANGKUTAN SEBAGAI MOD PENGANGKUTAN UNTUK MOBILITI MASYARAKAT Norazlisham Mohd Amin dan Mazdi Marzuki	217
PENERIMAAN SISWA GURU TERHADAP PENGGUNAAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN (OLL) SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) COVID-19 Bani Hidayat Mohd Shafie	228
AMALAN NORMA-NORMA BUDAYA TERHADAP KEPEDULIAN KERJA GURU MAKTAB RENDAH SAINS MARA Faridah Binti Darus dan Mohd Khairuddin@ Jerry Bin Abdullah	241
KESAHAN DAN KEMAMPUAN PERCAYAAN MODUL My TAPS DALAM KELANCARAN PENGURUSAN KELAS PRASEKOLAH Siti Rohana binti Salleh	253

PRAKATA

Artikel dalam ebook ini disumbangkan oleh penyelidik-penyelidik yang telah menjalankan penyelidikan berkaitan Trend dan Isu-Isu dalam Teknologi, Pengurusan dan Sains Sosial. Artikel berkaitan dengan isu-isu yang merangkumi bidang penyelidikan: Kerangka konsep model digital belia tanggungjawab sosial korporat terhadap menjana integriti dan sosio-ekonomi Negara, perkembangan pelajaran Inggeris di daerah Kota Setar, 1909-1957, pemilikan tanah masyarakat Melayu di Pahang sehingga 1957, buli siber menurut perspektif Islam, pengaruh media sosial terhadap tingkah laku pencarian maklumat politik dalam kalangan belia, Malaysia sebagai hab pelancongan Islam dunia: satu tinjauan awal, pengaruh religiositi dan persekitaran sosial terhadap amalan kesukarelawanan pelajar, analisis keperluan: tinjauan tahap sosioemosi keinginsempurnaan, kebimbangan sosial dan keterujaan luar biasa dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat, tinjauan minat pelajar jabatan kejuruteraan mekanikal Politeknik Sultan Azlan Shah terhadap bahan bacaan internet dan bahan bercetak, *facebook* sebagai rangkaian sosial dalam kalangan ibu bapa anak cerebral palsy: tahap sokongan sosial dalam penggunaannya, penggunaan tik dalam penjana idea kreatif seni anyaman, kesahan dan kebolehpercayaan instrumen CF@ER menggunakan analisis faktor eksplorasi, model integrasi bahasa arab pemasaran untuk pemrosesian produk usahawan PKS b40 di peringkat global, penerimaan pengguna terhadap pembangunan kit pembelajaran untuk modul IoT, kesan pembangunan modul iAR-IoT terhadap pencapaian, pembelajaran sendiri dan persepsi peserta, gelagat penggunaan cidos dalam pengajaran dan pembelajaran di politeknik Sabah, sikap remaja IPTA terhadap permainan digital: kajian empirikal di politeknik sabah, peluang dan potensi kepimpinan beretika dalam sektor pendidikan, reputasi, kelebihan daya saing dan prestasi kewangan infaq yang diterima di kalangan sekolah Islam swasta di Malaysia, hubungan kepimpinan instruksional guru besar terhadap efikasi guru, kecukupan sumbangan (infaq) di kalangan sekolah agama swasta di Malaysia: peranan reputasi, gaya kepimpinan transformasi guru besar dalam pembentukan kemenjadian murid di sekolah rendah di bawah program sekolah transformasi di Tuaran, Sabah., peranan agihan zakat dalam pembasmian kelaparan dan kemiskinan di kedah, landskap pemilikan dan penyewaan rumah di kalangan golongan muda, kepimpinan guru besar kajian berdasarkan surah al-asr ayat 3 menurut Tafsir Al-Azhar, pencetusan idea rekabentuk alat latihan solar fotovolta menggunakan kaedah teori penyelesaian masalah inventif (TRIZ), kerangka konsep faktor penentu penglibatan peniaga bumiputera Sabah terhadap e-niaga sempena covid-19, literasi kewangan dalam kalangan pelajar bumiputera sabah, tahap kesedaran terhadap caj pinjaman pendidikan dalam kalangan pelajar, analisis bibliometrik: syarikat rangkaian pengangkutan sebagai mod pengangkutan untuk mobiliti masyarakat, penerimaan siswa guru terhadap penggunaan pembelajaran dalam talian (OLL) semasa perintah kawalan pergerakan (PKP) covid-19, amalan norma-norma budaya terhadap kepedulian kerja guru Maktab Rendah Sains Mara dan kesahan dan kebolehpercayaan modul My TAPS dalam kelancaran pengurusan kelas prasekolah.

Penyusunan artikel dalam "Trend dan Isu-Isu dalam Teknologi, Pengurusan dan Sains Sosial" dapat menyumbang kepada literatur dalam bidang pengurusan, sains social serta teknologi.

Dari Penyunting

KERANGKA KONSEP MODEL DIGITAL BELIA TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT TERHADAP MENJANA INTEGRITI DAN SOSIO-EKONOMI NEGARA

Nurul Fadly Habidin, Sharon Yong Yee Ong, Tuan Waheda Tuan Chik,
Ummu Aiman Muhammad dan Nursyazwani Mohd Fuzi

Abstrak

Dalam usaha untuk menjana integriti dan sosio-ekonomi negara, para belia perlu ditekankan dengan pembangunan belia cinta terhadap tanggungjawab sosial korporat. Dengan itu, mengkaji kepentingan model digital belia tanggungjawab sosial dapat menggalakkan para belia ke arah kebaikan seperti meningkatkan kebajikan sosial, memperbaiki hubungan masyarakat dan nilai-nilai murni terhadap alam sekitar dan sosial. Dalam kajian ini, sampel akan dipilih dari kalangan belia di Malaysia. Manakala, bagi analisis data, dua teknik statistik akan digunakan iaitu Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) versi 20 untuk analisis data awalan dan teknik pemodelan persamaan struktur (SEM) dengan menggunakan perisian AMOS 20.0 untuk pembangunan dan kesahan model. Kerangka konsep akan dicadangkan sebagai asas pembangunan kerangka Model untuk Model Digital Belia Tanggungjawab Sosial Korporat. Implikasi kajian ini memberi pengetahuan asas dan hala tuju bagi penyelidik dan pengamal dalam kerangka konsep Model Digital Belia Tanggungjawab Sosial Korporat dan pengukur prestasi melalui Amalan Tanggungjawab Sosial Korporat Belia.

Kata Kunci: Amalan Tanggungjawab Sosial Korporat Belia, Pengukur Prestasi, Alam Sekitar, Sosial, Ekonomi, Kerangka Konsep

Pengenalan

Golongan belia merupakan golongan utama yang mencorak ke arah kemajuan dan pembangunan negara. Peranan belia amat penting kerana mereka adalah aset masa depan negara. Dalam usaha mencapai arah kemajuan negara, peranan belia sangat penting dalam menjana integriti dan sosio-ekonomi negara. Dalam usaha untuk menjana integriti dan sosio-ekonomi negara, para belia perlu ditekankan dengan pembangunan belia cinta terhadap tanggungjawab sosial korporat. Tanggungjawab sosial korporat adalah salah satu bentuk inisiatif dan strategi yang boleh dilaksanakan oleh organisasi bagi usaha meningkatkan pemuliharaan alam sekitar dan pembangunan komuniti. Berdasarkan Sum, Bustami dan Gapor (2012), tanggungjawab sosial korporat boleh meningkatkan sumbangan kepada komuniti termasuk kerajaan, NGO dan masyarakat yang boleh menjana integriti dan sosio-ekonomi negara.

Dalam usaha untuk menambah elemen pembangunan ke dalam amalan tanggungjawab sosial korporat, para belia perlu diberi penekanan terhadap isu-isu yang melibatkan persekitaran dan masyarakat (Williams, 2007; Rakan & Ayman, 2020). Dengan adanya amalan tanggungjawab sosial korporat yang dilaksanakan oleh para belia memberi impak kepada pembangunan komuniti untuk memberi perhatian kepada usahapembangunan keupayaan kepada masyarakat. Dengan pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat dapat menggalakkan para belia ke arah kebaikan seperti meningkatkan kebajikan sosial, memperbaiki hubungan masyarakat dan nilai-nilai murni terhadap alam sekitar dan sosial.

Di samping itu, tanggungjawab sosial korporat menerapkan budaya etika, nilai-nilai murni dan integriti dalam masyarakat (Salleh, 2013). Berdasarkan Institut Integrasi Malaysia (IIM), para belia digalakkan untuk menggerakkan integriti dan menerapkan nilai-nilai murni

kepada masyarakat dengan menjalankan pelbagai program latihan peningkatan integriti seperti seminar, bengkel, ceramah, dan forum bagi memupuk nilai-nilai murni terhadap tanggungjawab sosial korporat. Sebagai contoh, amalan yang boleh diterapkan dalam tanggungjawab sosial korporat termasuk memerangi gejala rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa, meningkatkan tadbir urus korporat, memantapkan institusi keluarga dan komuniti dan meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat. Dengan itu, mengkaji kepentingan model digital belia tanggungjawab sosial dapat menggalakkan para belia ke arah kebaikan seperti meningkatkan kebajikan sosial, memperbaiki hubungan masyarakat dan nilai-nilai murni terhadap alam sekitar dan sosial.

Kajian Literatur

Tanggungjawab sosial korporat membawa maksud penglibatan secara aktif sektor swasta melalui penyertaan atau sumbangan kepada komuniti yang bertujuan untuk menambah baik kesejahteraan masyarakat. Dalam hal ini sektor korporat boleh memainkan peranan dalam pelbagai bidang merangkumi aspek pendidikan, kesihatan, sosial, alam sekitar dan ekonomi (Suandi et al., 2005). Secara ringkasnya, tanggungjawab ini sekiranya direalisasikan dengan niat murni dan adil pastinya memberi seribu satu manfaat kepada masyarakat terutama kepada para belia. Selain itu, Tanggungjawab sosial korporat juga merupakan komitmen bagi mempertingkatkan kesejahteraan rakyat serta meningkatkan imej organisasi (Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, 2015). Ia mampu memberikan satu laluan yang kondusif dan efektif kepada para belia untuk mengamalkan tanggungjawab sosial korporat.

Manfaat tanggungjawab sosial korporat juga memberi penekanan terhadap penjagaan alam sekitar (Hashim, 2011). Persekitaran yang bersih dan selesa mencerminkan asas kehidupan rakyat sesebuah negara. Justeru, alam sekitar adalah penting dalam pembangunan model digital belia tanggungjawab sosial. Para belia akan terlibat secara langsung terhadap persekitaran untuk lebih sensitif dalam kehidupan mereka. Para belia juga perlu ditekankan dengan kesedaran penjagaan alam sekitar bagi mengurangkan isu-isu pencemaran (Sparkes, 2014). Sebagai contoh, mengurangkan pembaziran, mengurangkan penggunaan karbon dioksida, mengamalkan kitar semula dan pembuangan sisa toksik. Oleh yang demikian, aktiviti-aktiviti seumpama ini akan dapat mendidik masyarakat untuk lebih bersikap mengambil berat terhadap alam sekitar dan merealisasikan impian membentuk sebuah negara maju berkonsepkan bumi hijau akan terlaksana bagi meningkatkan sosio-ekonomi negara.

Dari aspek sosial, tanggungjawab sosial korporat menitikberatkan tentang kebajikan sosial terhadap masyarakat. Berdasarkan Rakan dan Ayman (2020), tanggungjawab sosial korporat menekankan obligasi polisi, pembuatan keputusan dan memberi kebaikan sosial kepada masyarakat. Dengan penekanan sosial, para belia dapat ditekankan dengan nilai-nilai murni seperti menjaga hubungan dengan masyarakat, mengamalkan gaya hidup sihat, mengelak berlaku jenayah, menjaga kebajikan sosial, mengurangkan kos sosial dan dapat menggalakkan hak sosial dalam kalangan para belia. Amalan ini perlu diterapkan dalam model digital belia tanggungjawab sosial supaya dapat meningkatkan kesedaran para belia mengenai kehidupan yang lebih baik terhadap tanggungjawab sosial korporat. Di samping itu, dari aspek ekonomi, tanggungjawab sosial korporat dapat meningkatkan prestasi ekonomi negara (Sum et al., 2012). Sebagai contoh, para belia diberi peluang pekerjaan yang besar dengan mengadakan seminar, bengkel, ceramah, latihan dan kemahiran yang berkaitan dengan pekerjaan supaya dapat mengurangkan masalah pengangguran. Dengan adanya tanggungjawab sosial korporat, usaha ini dapat menyumbang kepada pembangunan dan prestasi ekonomi negara. Amalan tanggungjawab sosial korporat memainkan peranan yang penting kepada para belia untuk meningkatkan integriti dan sosio-ekonomi negara dan secara tidak langsung dapat meningkatkan prestasi sosial, alam sekitar dan ekonomi negara. Justeru,


pembangunan Model Digital Belia Tanggungjawab Sosial Korporat menyumbang kepada panduan pengukuran prestasi sosial, alam sekitar, ekonomi dan amalan tanggungjawab sosial korporat.

Metodologi

Dalam kajian ini, sampel akan dipilih dari kalangan belia di Malaysia. Menurut Institut Penyelidikan Pemuda Malaysia (IYRS), pada tahun 2014 golongan belia Penduduk di Malaysia berumur antara 15 tahun hingga 30 tahun adalah 9.1 juta yang mewakili 30 peratus daripada penduduk. Justeru, golongan belia dipilih menjadi sampel kajian ini kerana merupakan sumber potensi yang besar yang dapat diperluaskan. Intrumen yang akan digunakan ialah borang soal selidik. Manakala, bagi analisis data, dua teknik statistik akan digunakan iaitu Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) versi 20 untuk analisis data awalan dan teknik pemodelan persamaan struktur (SEM) dengan menggunakan perisian AMOS 20.0 untuk pembangunan dan kesahan model. Untuk analisis faktor dalam SEM, Analisis Penyelajahan Faktor (EFA) dan Analisis Pengesahan Faktor (CFA) akan digunakan untuk model pengukuran analisis SEM. CFA amat berguna untuk menguji hipotesis bahawa hubungan antara pemboleh ubah yang diperhatikan dengan konstruk pendam (latent) adalah berdasarkan kepada nilai-nilai loading (Hair, Ringle dan Sarstedt, 2011). Bagi EFA, EFA adalah teknik pengurangan pemboleh ubah bagi mengenal pasti bilangan konstruk pendam (latent) dalam satu set pemboleh ubah (Jain dan Shandliya, 2013) bagi pembangunan Model Digital Belia Tanggungjawab Sosial Korporat.

Kerangka Konsep

Berikut menunjukkan rajah kerangka konsep yang dicadangkan untuk Model Digital Belia Tanggungjawab Sosial Korporat. Rajah menunjukkan hubungan amalan tanggungjawab social korporat terhadap pengukur prestasi iaitu Alam sekitar, social dan ekonomi. Kerangka konsep ini akan dijadikan asas pembangunan kerangka Model Digital Belia Tanggungjawab Sosial Korporat.



Rajah 1.0 Kerangka konsep Model Digital Belia Tanggungjawab Sosial Korporat.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, pembangunan belia terhadap tanggungjawab sosial korporat dapat menggalakkan belia untuk cinta kepada tanggungjawab sosial korporat dan pada masa yang sama dapat membantu mereka menerapkan nilai-nilai yang baik dalam kehidupan mereka supaya dapat mengurangkan masalah-masalah sosial atau gejala yang tidak baik seperti jenayah, penyalahgunaan dadah dan rasuah. Oleh itu, Pembangunan model digital belia tanggungjawab sosial, dapat dijadikan sebagai alat pendidikan tanggungjawab sosial korporat bagi organisasi, industri dan kerajaan serta panduan kepada para belia menjalani tanggung jawab sosial korporat. Implikasi kajian ini memberi pengetahuan asas dan hala tuju bagi

penyelidik dan pengamal dalam kerangka konsep Model Digital Belia Tanggungjawab Sosial Korporat dan pengukur prestasi melalui amalan tanggungjawab social korporat belia.

Rujukan

- Hashim, C.N.M. (2011). Kebajikan masyarakat. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*, 37. Diperolehi daripada <http://www.jkm.gov.my>
- Institut Penyelidikan Pemuda Malaysia (2014). Had umur Belia diperolehi pada 20 Jun 2020 di <https://www.iyres.gov.my/index.php/persidangan-meja-bulat-belia/2-uncategorised/1487-persidangan-meja-bulat-belia-had-umur-belia-transisi-dan-pelaksanaan>
- Rakan, A., & Ayman, A. (2020). Role of youth centers in developing social responsibility. *Utopía y praxis latinoamericana: revista internacional de filosofía iberoamericana y teoría social*, 25(2), 125-135.
- Salleh, M.T. (2013). Membudayakan etika, nilai-nilai murni dan integriti dalam masyarakat Malaysia.
- Sparkes, S. (2014). Corporate social responsibility: Benefits for youth in hydropower development in Laos. *Int Rev Educ*, 60, 261-277. doi: 10.1007/s11159-014-9401-9
- Suandi, T., Hamzah, A., Tamam, E., Shah, W.M.A., Yaacob, Z., Hamzah, R., & Dahalan, D. (2005). Indeks budaya belia kontemporari dan implikasinya terhadap pembangunan negara. Ringkasan Penyelidikan Universiti Putra Malaysia.
- Sum, S.M., Bustami, R., & Gapor, S.A. (2012). Usaha tanggung jawab sosial korporat (CSR) dalam meningkatkan keupayaan komuniti: Kajian kes peladangan cili di Bukit Awang, Pasir Puteh, Kelantan. *Malaysia Journal of Society and Space*, 8(5), 1-13.
- Williams, C. (2007). *Management: International students edition, South Western*. U.S.A: Thomson Higher Education.

PERKEMBANGAN PELAJARAN INGGERIS DI DAERAH KOTA SETAR, 1909-1957

Muhammad Qiwamuddin Alif Mahamad Najib dan Khairi Ariffin

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengkaji perkembangan pelajaran Inggeris di daerah Kota Setar dari tahun 1909 sehingga 1957. Sebelum kemasukan British, sistem pendidikan tidak formal telah digunakan di daerah Kota Setar. Namun setelah Perjanjian Bangkok 1909 berlaku, Kedah telah diletakkan di bawah pengaruh British. Sejajar dengan hal tersebut, British telah membawa perubahan terhadap pentadbiran di Kedah khususnya dalam sistem pendidikan Inggeris di daerah Kota Setar. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan membuat rujukan di perpustakaan dan arkib. Maklumat-maklumat tersebut diperolehi melalui sumber primer dan sekunder. Sumber primer tersebut merujuk kepada analisis dokumen seperti *Annual Report*, dan fail-fail Setiausaha Kerajaan (SUK) dari Arkib Negara. Selain itu, sumber sekunder seperti penulisan-penulisan ilmiah dari Arkib Negara, Universiti Malaya (UM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) turut digunakan. Kajian ini mendapati bahawa British telah membuat perubahan dalam pelajaran Inggeris dan memperkembangkan pendidikan Inggeris di daerah Kota Setar. Pada awalnya, daerah Kota Setar mengamalkan sistem pendidikan secara tidak formal dan secara tradisional iaitu pengajian secara tidak langsung, pengajian di pondok-pondok dan di masjid-masjid. Namun setelah kemasukan British, sistem pendidikan Inggeris yang diperkenalkan olehnya telah memberikan kesedaran kepada masyarakat setempat untuk mempelajari pelajaran Inggeris bagi meningkatkan taraf kehidupan mereka. Justeru, kajian ini dijalankan bagi melihat perkembangan pelajaran Inggeris yang dibawa oleh British bagi membantu melincinkan pentadbiran negeri serta meningkatkan taraf hidup masyarakat daerah Kota Setar sepanjang pendudukan British di Kedah khususnya daerah Kota Setar.

Kata Kunci: Pondok, Sistem, Tradisional

Pengenalan

Kajian sejarah perkembangan pelajaran Inggeris di Tanah Melayu telah banyak dijalankan, namun kebanyakannya hanya dibuat di negeri-negeri tertentu sahaja seperti di Selangor. Namun pengkaji melakukan kajian tentang sejarah perkembangan Inggeris yang tertumpu di daerah Kota Setar pada tahun 1909 sehingga tahun 1957. Pelajaran Inggeris bermula di daerah Kota Setar pada tahun 1909 apabila tertubuh Sekolah Inggeris Kerajaan, Alor Setar yang diasaskan pada 8 Disember 1908 oleh hasil usaha bersama Sheikh Ahmad dan Tuan Richey. Pada awal perubuhannya, Sekolah Inggeris Kerajaan hanya bertapak di sebuah rumah kayu yang terletak diantara Balai Nobat dan Mahkamah Tinggi (Mohd Radzi Puteh, 1956). Pada permulaan penubuhan Sekolah Inggeris Kerajaan, Alor Setar, mereka tidak mempunyai seorang guru yang berkelayakan untuk menjadi tenaga pengajar di sekolah tersebut. Oleh hal demikian, pihak kerajaan British telah mengambil inisiatif dengan meminta seorang guru dari Penang Free School untuk menjadi guru di sekolah tersebut. Oleh sebab permintaan daripada pihak British di daerah Kota Setar, Penang Free School telah menghantar seorang guru penolong kanan iaitu Cikgu Mohamad Iskandar untuk menjadi tenaga pengajar di Sekolah Inggeris Kerajaan di daerah Kota Setar. Beliau mempunyai kelulusan '*Normal Examination*' pada tahun 1908 setelah mengikuti latihan Normal Class

yang diajar oleh Mr. W.E. Maan di Pulau Pinang (Muhammad Iskandar,1953).Namun sambutan masyarakat Melayu pada Sekolah Inggeris Kerajaan pada tahun 1909 kurang memberangsangkan disebabkan oleh sikap prejudis terhadap Sekolah Inggeris Kerajaan, Alor Setar. Hal ini kerana, masyarakat Melayu pada ketika itu berpendapat bahawa dengan penerimaan pelajaran Inggeris, anak-anak mereka akan dikafirkan (Muhammad Iskandar,1953).Manakala bagi masyarakat Cina pula, mereka bimbang untuk menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Inggeris tersebut disebabkan anak-anak mereka akan ditindas oleh kaum-kaum lain kerana pada ketika itu bilangan penduduk kaum Cina di daerah Kota Setar adalah sedikit (Muhammad Iskandar,1953). Walau bagaimanapun, masalah demikian berjaya diatasi dan telah memperkembangan pelajaran Inggeris di daerah Kota Setar dengan penubuhan Sekolah Inggeris Perempuan Kampung Baharu pada tahun 1924. Hal ini secara tidak langsung telah memperlihatkan perkembangan pelajaran Inggeris di daerah Kota Setar semakin berkembang luas dalam kalangan masyarakat daerah Kota Setar.

Latar Belakang

Kajian ini dilakukan di negeri Kedah Darul Aman yang terletak di utara Semenanjung Malaysia. Negeri Kedah telah dibuka oleh Maharaja Durbar Raja yang memberi nama sebagai “ Kalaha” (Mazidah Haji Md Darus & Zahidi Dato Zainol Rashid,1999). Negeri Kedah juga kaya dari segi sejarahnya, hal ini kerana Kedah telah melalui beberapa peristiwa dalam mempertahankan kedaulatannya daripada ancaman Siam dan British sehingga terpaksa melepaskan Pulau Pinang (1786M), Seberang Perai (1800M), Perlis dan Setol yang merupakan sebahagian wilayah yang dirampas dan dipisahkan kuasa politiknya (Dokumentari Konvensyen Sejarah Negeri Kedah, 1991).

Penulis telah menjalankan kajian ini di daerah Kota Setar. Kota Setar merupakan sebuah daerah yang terletak di negeri Kedah Darul Aman. Dalam daerah ini, terletaknya ibu negeri Kedah iaitu Alor Setar. Nama Kota Setar berasal daripada nama sebatang pokok yang tumbuh di sekitar kawasan itu iaitu pokok Setar atau nama saintifiknya *Boueamacrophylla*. Alor Setar juga telah diasaskan pada 15 Syaaban 1148 oleh Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muazzam Shah 11 (1710- 1778) (H.MD Norr Salleh,1995). Kota Setar mempunyai keluasan sebanyak 66,470.80 hektar atau 665 km². Terdapat 28 mukim di dalam daerah Kota Setar ini. Alor Setar merupakan pusat pentadbiran kelapan negeri sejak Kesultanan Kedah pada 1136. Bandar ini terletak di tempat pertemuan dua batang Sungai Kedah (Mohamed Roselan Abdul Malek,1998). Selain itu, Istana Diraja Kedah juga terletak di daerah Kota Setar. Sungai Kedah yang mengalir di Anak Bukit menyalurkan sebatang anak sungai iaitu Sungai Chegar Kechil yang mengelilingi Istana melalui pokok buah-buahan yang subur rendang (Mazidah Hj MD Darus,2003). Terdapat beberapa pusat ilmu yang muncul awal di Daerah Kota Setar dari segi perkembangan pelajaran Inggeris.

Kerajaan Siam telah menyerahkan Kedah kepada British pada tahun 1909 melalui Perjanjian Bangkok 1909 di antara British dengan Siam. Melalui perjanjian ini, kuasa untuk mentadbir Negeri Kedah tersebut telah berpindah tangan kepada British. Pendudukan British di Kota Setar telah membawa pelbagai perubahan dalam pentadbiran, sosial- ekonomi dan pendidikan.

Isu dan Permasalahan

Masyarakat di daerah Kota Setar kurang memberikan sambutan untuk menghantar anak mereka ke sekolah Inggeris kerana berpendapat bahawa sekolah Inggeris boleh merosakkan akidah anak mereka. Manakala bagi masyarakat Cina pula, mereka takut soal diskriminasi kaum di mana mereka takut anak-anak mereka ditindas oleh kaum-kaum lain (Lim Swee Kee, Arkib Negeri Kedah). Selain itu, masyarakat Melayu pada ketika itu risau

akan keadaan anak mereka sekiranya dipengaruhi agama Kristian. Cara pemakaian sekolah Inggeris pada ketika itu juga menjadi isu kepada golongan ibu bapa untuk menghantar anak mereka ke sekolah Inggeris. Hal ini secara tidak langsung telah memberikan masalah kepada kerajaan British dalam memperkembangkan pelajaran Inggeris di daerah Kota Setar.

Metodologi Kajian

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif yang mendapati sumber daripada sumber primer dan sekunder. Sumber primer yang diperolehi oleh pengkaji adalah dengan menganalisis dokumen dan manuskrip daripada fail *Annual Report*, dan fail-fail Setiausaha Kerajaan (SUK) yang diperolehi di Arkib Negara Malaysia dan Arkib Negara Malaysia cawangan Kedah/Perlis. Manakala sumber sekunder turut digunakan bagi menyokong kajian ini dengan merujuk kepada penulisan-penulisan ilmiah, rujukan sumber yang terdapat di universiti-universiti tempatan seperti Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Arkib Negara Malaysia dan juga Arkib Negara Malaysia cawangan Kedah/Perlis. Sumber-sumber yang diperolehi di nilai secara analitikal dan tafsirkan secara hermeneutik.

Dasar Pelajaran Pendidikan Daerah Kota Setar

Dasar Pelajaran yang dilaksanakan oleh kerajaan British adalah dengan meneruskan dasar sebelumnya yang telah wujud sebelum kedatangan British iaitu dengan menekankan kebolehan membaca, menulis dan mengira. Namun pelaksanaan yang berlaku pada sebelum tahun 1909 tidak mempunyai susunan yang sistematik seperti mana yang telah dilaksanakan selepas tahun 1909. Setelah British menjalankan pentadbiran dalam bidang pelajaran di Kedah, mereka telah melantik pegawai-pegawai British daripada '*Malayan Educational Service*' bagi menjawat jawatan sebagai Penguasa Pelajaran.

Walaupun British telah mentadbir Kedah pada tahun 1909, namun Pegawai British tidak mempunyai kuasa mutlak dalam menjalankan hal-hal pentadbiran. Hal ini kerana Majlis Negeri masih lagi dikuasai oleh sultan dan para pembesar tempatan. Oleh hal demikian, pegawai British hanya berperanan sebagai pemerhati dan penasihat kepada sultan dan para pembesar tempatan dalam hal pentadbiran negeri.

Perkara demikian ini muncul adalah disebabkan oleh rasa kebimbangan Kerajaan Kedah akan kehilangan kuasa dan kedaulatan mereka akibat daripada kehadiran Penasihat-penasihat British ke negeri tersebut. Kebimbangan tersebut semakin bertambah apabila timbulnya khabar angin yang menyatakan bahawa pihak British hendak memasukkan Kedah di bawah Pentadbiran Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Oleh disebabkan hal tersebut, satu perkembangan dari aspek politik di Kedah telah berlaku pada tahun 1909 hingga tahun 1923 apabila penentangan yang berterusan terhadap sebarang percubaan hendak mengurangkan taraf negeri Kedah kepada taraf Negeri-negeri Melayu bersekutu (Sharom Ahmad, 1981).

Hal ini juga adalah dikaitkan dengan peristiwa penyerahan kuasa Siam ke atas Negeri-negeri Melayu Utara kepada pihak British pada tahun 1909 tidak diketahui oleh sultan negeri-negeri tersebut terutamanya Sultan Kedah (Kedah Annual Report, 1909-1910). Rentetan daripada peristiwa tersebut, timbulnya perasaan tidak puas hati Sultan Kedah terhadap Perjanjian 1909 tersebut. Hal ini kerana tiada perjanjian rasmi pernah dibuat diantara pihak Kedah dengan pihak British. Namun pada tahun 1 November 1923 telah termeterainya perjanjian secara rasmi iaitu perjanjian Persahabatan Kedah-Inggeris. Perjanjian ini telah dibuat diantara wakil kerajaan British iaitu Sir Lawrence Guillimard yang merupakan Gabenor Negeri Selat dengan Pemangku Raja iaitu Tunku Ibrahim yang mewakili pihak Negeri Kedah.

Berdasarkan butiran-butiran perjanjian tersebut telah menunjukkan bahawa Sultan dan Pembesar masih berkuasa dalam menjalankan pentadbiran negeri walaupun telah menerima Penasihat Inggeris. Selain itu, Kedah juga telah dijanjikan tidak akan diletakkan di bawah Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Neger-negeri Selat.

Sebelum berlakunya perjanjian ini, pada tahun 1923 pemangku Raja iaitu Tunku Ibrahim telah merangka butiran-butiran perjanjian yang akan di bawa dalam pertemuan tersebut. Namun butiran-butiran tersebut tidak dinyatakan dalam syarat-syarat perjanjian yang ditermeterai ini. Walau bagaimanapun pihak British telah bersetuju dengan syarat-syarat surat akuan Pemangku Raja Tunku Ibrahim tersebut. Berdasarkan surat akuan tersebut menunjukkan bahawa hasrat pemerintah Kedah untuk mengekalkan kuasa dalam pentadbiran negeri serta menerima penasihat British pada waktu yang sama. Jadinya penasihat dan pegawai British tidak dapat membuat keputusan dengan mudah tanpa mendapat persetujuan Majlis Negeri. Hal ini secara tidak lansung dikaitkan dengan peranan pentadbiran British dalam mengembangkan pelajaran Inggeris di Kedah. Butiran-butiran surat akuan tersebut memberi penekanan kepada kita terhadap pendidikan yang mesti dijalankan oleh Penasihat British yang di hantar bertugas di Kedah. Hal ini adalah untuk memajukan taraf kehidupan masyarakat setempat agar setanding dengan bangsa asing. Pada tahun diantara 1934 sehingga 1937, satu perubahan penting dalam dasar pelajaran dilakukan oleh Penguasa Pelajaran pada ketika itu iaitu Mr. E. La M. Stowell yang menganjurkan pelajaran rendah percuma untuk semua sekolah-sekolah Melayu dan penutupan kelas-kelas rendah di sekolah-sekolah Inggeris (Ahmad Nordin Zain,1981).

Dasar pelajaran yang dibuat oleh British di Tanah Melayu lebih bertujuan menjaga “status quo” (keseimbangan) masyarakat (Ibrahim Saad,1981). Selain itu, pihak British tidak mempunyai hasrat untuk mengganggu nilai-nilai yang wujud dalam sesebuah masyarakat tersebut, terutamanya masyarakat Melayu. Berkait dengan pelajaran orang Melayu, Philip Loh telah menulis iaitu:

“ Malay education was kept ‘safely’ within the framewort of primary instruction and the confines of nineteenth century malay kampong economy. Education to preuserve the stability of Malay Village life and economy because the major concern of policy”(Philip Loh Fook Seng,1969.ms.178).

Oleh hal demikian, pihak British hanya memberikan pendidikan kepada orang Melayu hanya melalui kebolehan membaca, menulis dan mengira sekadar menjadikan anak-anak Melayu lebih pandai sedikit daripada ibu bapa mereka (Sulaiman Zakaria,1994). Hal ini kerana tujuan pembelajaran tersebut adalah :

“ Helps the boy to do and make the things he wants. Incidentally in doing and making , he develops his manual skill and acquires a certain attitudes of mind which can be developed is noother way. Hegradually realise that skill of hand is an invaluable possession ...it is specially useful in developing self-reliance and will to preserve”(Fail Setiausaha Kedah, No.157/50).

Bagi mencapai matlamat dasar tersebut, pihak kerajaan telah melakukan pemantauan kepada setiap sekolah di Kedah termasuklah kawasan daerah Kota Setar bagi memastikan perkembangan ini terus berlaku. Dasar pelajaran ini terus diguna pakai sehinggalah keluarnya Laporan Razak yang dibuat oleh Tun Abdul Razak iaitu merupakan Perdana Menteri Malaysia yang ke-2. Di samping itu, menurut Pengarah Pelajaran dalam laporanya pada tahun 1920 telah menyatakan bahawa :

“Tujuan kerajaan bukanlah untuk mengeluarkan beberapa orang pemuda pemudi yang berpelajaran, atau beberapa orang pemuda yang kurang berpelajaran. Tetapi tujuannya ialah untuk memperbaiki keadaan hidup sebahagian besar penduduk (Melayu), supaya anak-anak nelayan atau petani akan menjadi nelayan dan petani yang lebih cerdas dari bapanya, dan supaya pendidikannya membolehkannya memahami bagaimana kehidupannya secocok dengan keadaan di sekelilingnya (Sufean Hussin,1996.ms.206).

Berdasarkan kenyataan di atas, secara tidak ini telah menunjukkan peranan Kerajaan British dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat tempatan untuk dijadikan lebih baik daripada ibu bapa mereka serta untuk menjana ekonomi di sesebuah negeri tersebut. Hal ini samalah situasi yang berlaku di daerah Kota Setar dalam memajukan masyarakat setempat agar dapat bertugas dalam bahagian pentadbiran kerajaan British. Namun pendidikan Inggeris yang berlaku pada ketika awal penubuhannya adalah terhad di sebabkan oleh faktor-faktor tertentu. Selain itu, keterangan mengenai dasar terhad bahawa pihak pentadbir adalah biasanya mengenai masalah pengambilan kerja belia-belia yang berpelajaran Barat dan mereka berasa takut bahawa dengan bertambah luasnya kemudahan-kemudahan di sekolah Inggeris akan menghasilkan rasa tidak puas hati dari segi politik (Paul Chang Ming Phang,1975).

Di antara sebab yang nyata adalah kos perbelanjaan pelajaran Inggeris adalah tinggi berbanding kos pelajaran di sekolah vernakular biasa. Hal ini dikatakan bahawa kos bagi seorang pelajar sekolah Inggeris adalah 3 kali lebih tinggi daripada pelajar sekolah vernakular biasa. Oleh demikianlah pelajaran Inggeris diterhadkan kepada golongan tertentu sahaja serta kepada golongan mampu membayar yuran.

Setelah Jepun telah tewas Perang Dunia Ke-2 pada tahun 1945, kerajaan British telah datang ke Tanah Melayu semula untuk mengambil alih pentadbirannya semula. British telah melaksanakan dasar pendidikan yang sama dengan sebelum pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Dasar ini telah di terus diguna pakai sehinggalah wujudnya Laporan Razak pada tahun 1956. Laporan Razak telah diterima oleh Majlis Perundangan Persekutuan pada 15 Jun 1956 (Nik Anuar Nik Mahmud, Muhammad Haji Salleh & Abd Ghapa Harun,2011). Laporan ini telah dibuat oleh Tun Abdul Razak iaitu mantan Perdana Menteri Malaysia yang ke-2.

Laporan ini telah diguna pakai sebagai dasar pelajaran kebangsaan yang menegaskan bahawa satu bahasa digunakan oleh semua pihak untuk membina negara. Laporan Razak juga ada menyatakan bahawa dasar pendidikan yang diterima oleh semua harus memenuhi dua kehendak iaitu ia dapat memenuhi aspirasi setiap kaum utama di negara ini dan dapat menjamin bahawa setiap kanak-kanak yang lahir di negara ini berhak mendapat pendidikan dalam mana-mana sekolah mengikut kehendak ibu bapa mereka (Sufean Hussin,1996).

Secara tidak langsung ke semua dasar-dasar ini turut digunakan oleh sekolah pelajaran Inggeris di daerah Kota Setar mengikut zamanya. Walaupun dasar ini berubah pada zaman pemerintahan Jepun di Tanah Melayu, namun dasar utama iaitu seperti membaca, menulis dan membaca tetap terus dikekalkan sehingga ke hari ini.

Permulaan sekolah Inggeris di daerah Kota Setar.

Bermulanya penubuhan sekolah-sekolah Inggeris di daerah Kota Setar ialah pada tahun 1908 apabila tertubuhnya Sekolah Inggeris Kerajaan atau kini lebih dikenali sebagai Sekolah Menengah Kebangsaan Kolej Sultan Abdul Hamid. Penubuhan pendidikan sekolah Inggeris di Kedah berbeza dengan negeri-negeri Selat dan Negeri Melayu bersekutu dimana pada awal penubuhan Pendidikan Inggeris di Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu bersekutu di usahakan sendiri oleh golongan Mubaligh. Berbanding dengan Negeri Kedah dimana pada

mulanya penubuhan sekolah Inggeris dilakukan oleh kerajaan British dengan mempunyai tujuannya tersendiri. Penubuhan Sekolah Inggeris di Kedah oleh golongan Mubaligh mula berlaku pada awal sekitar tahun 1930-an sahaja.

Penubuhan pendidikan Inggeris di daerah Kota Setar mula berkembang dengan tertubuhnya Sekolah Perempuan Kampong Baharu atau kini dikenali sebagai Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Asma pada tahun 1922. Perkembangan pendidikan Inggeris di Kota Setar di kembangkan lagi oleh golongan mubaligh dengan tertubuhnya Sekolah St Nicholas dan Sekolah St Michael pada tahun 1934.

Namun perkembangan pelajaran Inggeris yang berlaku di daerah Kota Setar adalah berkait rapat dengan faktor ekonomi serta politik kerajaan British di Negeri Kedah. Pada mulanya, pendidikan Inggeris bertujuan untuk memberikan peluang pekerjaan dalam sektor kerajaan British. Namun, di sebabkan peluang pekerjaan itu adalah terhad, kerajaan British telah memutuskan bahawa mereka hanya mengambil pelajar daripada golongan-golongan bangsawan tempatan (Enndy Lee,1972). Dalam melakukan perkembangan pelajaran Inggeris, pihak kerajaan British juga mengawal dengan mengehadkan penubuhan sekolah Inggeris secara berleluasa agar dapat mengikut dasar pelajaran penjajah tersebut.

Tujuan Penubuhan Sekolah Inggeris di daerah Kota Setar

Pada permulaan awal penubuhan sekolah-sekolah Inggeris di daerah Kota Setar adalah disebabkan oleh dorongan kerajaan British untuk membangunkan Negeri Kedah agar setaraf dengan negeri-negeri lain yang terletak dibawah pentadbirannya juga. Dalam hal demikian, penerapan sistem pelajaran moden merupakan salah aspek yang penting bagi mencapai hasrat kerajaan British. Hal ini kerana, hanya melalui pelajaran Inggeris sahaja yang dapat melayakkan rakyat negeri itu untuk menyandang penjawatan penting dalam bidang pentadbiran negeri. Ini kerana adalah bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan terhadap khidmat pegawai-pegawai Inggeris yang dihantar untuk bertugas di negeri tersebut.

Pada 8 Disember 1908, penguasa pelajaran iaitu Sheikh Ahmad dan dibantu oleh Mr Richey telah menubuhkan *Government English School* (GES) yang bertujuan untuk melahirkan tenaga kerja yang terlatih demi meningkatkan mutu pentadbiran Negeri (Tengku Abdul Rahman,1997). Pada peringkat awal penubuhan Sekolah Inggeris Kerajaan Alor Setar hanya menerima pelajar daripada golongan Diraja dan bangsawan Kedah sahaja. Manakala bagi golongan rakyat biasa pula, telah diwujudkan dua buah sekolah melayu pada ketika itu iaitu Sekolah Melayu Jalan Baharu dan Sekolah Melayu Perempuan Seberang Perak.

Di samping itu, penubuhan pelajaran Inggeris ini juga bertujuan untuk menyedarkan rakyat bagi terlibat dalam pentadbiran Negeri Kedah. Hal ini adalah bagi memajukan hidup rakyat dengan meningkatkan kebajikan sosial serta intelektual rakyat Kedah pada ketika itu. Maka bagi mencapai matlamat tersebut, pendidikan moden perlu di adaptasikan kepada rakyat terutamanya dalam pelajaran Inggeris. Ini membuktikan bahawa pemerintah Kedah pada ketika itu mulai sedar betapa pentingnya pelajaran moden kepada rakyatnya bagi meningkatkan taraf kehidupan mereka. Melalui pendidikanlah rakyat mulai sedar bahawa mereka masih lagi dijajah dan perlu berjuang untuk membebaskan diri dari cengkaman penjajah tersebut.

Selain itu, terdapat penulis yang beranggapan bahawa cara terakhir untuk meningkatkan kebajikan sosial dan mencapai kemajuan kepada rakyat pribumi adalah melalui pengajaran bahasa Inggeris (Chai Hon Chan,1967). Hal ini kerana hanya melalui sekolah-sekolah Inggeris sahaja dapat melahirkan golongan-golongan elit baru yang berkhidmat penting dalam pentadbiran kerajaan British. Golongan ini juga memainkan peranan penting dalam menyebarkan serta melaksanakan dasar penjajah kepada rakyat negeri tersebut.

Jika dilihat secara umumnya, penubuhan sekolah-sekolah Inggeris lebih menumpukan kepada keuntungan penjajah. Disebabkan itulah kebanyakan penubuhan sekolah Inggeris disasarkan di kawasan bandar sahaja. Berkait dengan perkara ini, penubuhan sekolah-sekolah Inggeris untuk pelajar perempuan di negeri Kedah telah ditubuhkan di daerah Kota Setar. Hal ini kerana, daerah Kota Setar merupakan pusat pentadbiran negeri yang mempunyai pelbagai kemudahan pada ketika itu.

Namun penubuhan sekolah Inggeris perempuan di daerah Kota Setar adalah lewat berbanding penubuhan sekolah Inggeris lelaki. Hal demikian kerana disebabkan oleh kurangnya kesedaran dikalangan masyarakat Melayu pada ketika itu untuk memberi pelajaran moden sewajarnya kepada anak-anak perempuan mereka. Pada mulanya, masyarakat Melayu pada ketika itu berfikir bahawa kaum wanita hanya perlu diajar hal untuk menguruskan rumah tangga sahaja. Oleh disebabkan itu, sekolah-sekolah Melayu perempuan juga kurang mendapat sambutan daripada masyarakat Melayu.

Walaupun kurang mendapat sambutan, pihak kerajaan terus berusaha menubuhkan sebuah sekolah Inggeris untuk murid perempuan. Hal ini kerana, pihak kerajaan berpendapat bahawa perlu diwujudkan sekolah Inggeris perempuan memandangkan telah terdapat sekolah Inggeris lelaki di daerah Kota Setar.

Tujuan Penubuhan Sekolah Inggeris Mubaligh di daerah Kota Setar.

Terdapat dua buah sekolah Inggeris telah ditubuhkan sehingga tahun 1924 di daerah Kota Setar. Kedua-dua sekolah tersebut dikenali sebagai '*Government English School*' (G.E.S) yang ditubuhkan oleh pihak kerajaan British. Namun begitu, tiada sebarang penubuhan sekolah Inggeris yang dilakukan oleh golongan Mubaligh Kristian sehingga tahun 1929. Hal demikian berbeza dengan penubuhan sekolah Inggeris oleh mubaligh di negeri lain yang bermula lebih awal berbanding Negeri Kedah. Penubuhan sekolah Inggeris oleh golongan mubaligh mulai tertubuh pada sekitar tahun 1930 di daerah Kota Setar.

Kelewatan penubuhan ini adalah disebabkan oleh masyarakat tempatan di sekitar daerah Kota Setar yang tidak berminat dengan sekolah Inggeris yang diuruskan oleh paderi Kristian. Hal ini kerana kebanyakan masyarakat tempatan yang tinggal di daerah Kota Setar adalah berbangsa Melayu dan beragama Islam. Tambahan pula, propaganda agama Kristian di sekolah ini telah menimbulkan pandangan yang tidak baik oleh masyarakat tempatan. Bukti yang menyatakan bahawa majoriti masyarakat Melayu yang tinggal di daerah Kota Setar adalah seperti jadual 1 dibawah :

Jadual 1

Jumlah Penduduk Mengikut Kaum Di Setiap Daerah Di Kedah 1931.

Daerah	Melayu	China	India	Eropah & Eurasin	& Lain-lain & Melayu Imigran
Kota Setar	103,089	21,642	6,032	76+29	6,171+1,766
Kubang Pasu	39,312	6,118	2,219	17	2,676+319
Kuala Muda	35,888	15,678	16,288	133+41	701+904
Padang Terap	11,496	552	160	-	2,114+5
Bandar Baharu	12,274	8,247	4,948	36+12	47+493
Kulim	17,011	17,213	15,593	103+26	204+482
Yan	18,626	2,892	203	-	69+637
Baling	31,382	5,063	6,071	41	2,268+1,625

Langkawi	10,819	1,010	370	5	21+134
----------	--------	-------	-----	---	--------

Sumber : C.A Vlieland, British Malaya- A Report on The 1931 Ceneus, The Crown Agent For The Colonies, ms.124-125.

Merujuk kepada jadual 1.0 di atas didapati bahawa jumlah bangsa asing di daerah Kota Setar semakin meningkat secara mendadak dari tahun ke tahun. Hal ini kerana daerah Kota Setar merupakan daerah yang mempunyai kepentingan dari segi ekonomi di negeri Kedah. Oleh hal demikian, golongan Mubaligh bertumpu di daerah Kota Setar bagi menubuhkan sekolah Inggeris. Sekolah Inggeris Mubaligh pertama telah ditubuhkan di daerah Kota Setar pada tahun 1934. Sekolah tersebut diberi nama St Nicholas Convent yang ditubuhkan pada bulan Februari tahun 1934. Pada tahun yang sama juga, golongan mubaligh Kristian telah menubuhkan sebuah lagi sekolah Inggeris bagi murid lelaki yang dikenali sebagai nama St Michael Institution. Daripada enam buah sekolah Inggeris yang dibina oleh golongan mubaligh di Kedah, terdapat empat buah sekolah dibawah kelolaan Roman Catholic Mission dan dua lagi adalah dibawah pengawasan pihak *American Methodist Mission* (Kedah Annual Report,1937-1938).

Diantara tujuan penubuhan sekolah-sekolah Inggeris oleh golongan Mubaligh Kristian adalah untuk menyediakan pendidikan yang menyeluruh bagi meningkatkan moral kepada tahap yang lebih baik dengan berlandaskan kepada kepercayaan agama Kristian (Francis Wong Hoy Kee & Gwee Yee Hean,1972). Selain itu, melalui penubuhan sekolah ini dapat menjayakan tiga faktor penting iaitu penyampaian agama, pertukaran bahasa dan dapat membina kebudayaan baru yang sesuai dengan masyarakat seperti diharapkan oleh mereka (Attan Long,1997).

Hal ini disebabkan, dengan melalui kewujudan sekolah-sekolah ini golongan mubaligh dengan mudah dapat menyebarkan pengaruh agama Kristian kepada masyarakat setempat. Dengan ini ternyatalah tujuan sebenar penubuhan sekolah-sekolah Inggeris oleh golongan Mubaligh Kristian adalah didasarkan kepada penyebaran agama Kristian disamping memberikan pelajaran Inggeris secara umum kepada masyarakat setempat. Dalam perkara ini, secara tidak langsung memperlihatkan bahawa golongan Mubaligh Kristian mempergunakan Institusi Pendidikan sebagai alat untuk melaksanakan hasrat mereka. Oleh hal demikian, Brian Holmes dengan tegasnya menyatakan bahawa “ *the policy of the missionaries was to convert people to Cristianity and the school was agency of conversion*”(Brian Holmes,1967).

Secara keseluruhannya, tujuan penubuhan sekolah Inggeris di daerah Kota Setar adalah untuk memberi pelajaran Inggeris kepada masyarakat setempat. Hal demikian disebabkan oleh kepentingan ekonomi dan politik kerajaan British di daerah Kota Setar. Murid lepasan sekolah Inggeris akan diambil untuk berkhidmat dengan kerajaan Bristish sebagai kerani di dalam jabatan-jabatan kerajaan bagi melaksanakan dasar pentadbiran British ke atas masyarakat setempat. Dalam hal tersebut, Hong Seng Ong (1952) telah menulis di dalam bukunya iaitu :

“ Matlamat pelajaran Inggeris adalah untuk menyediakan pelajar-pelajar dengan sijil Keperluan semua bidang pekerjaan di dalam kerajaan koloni dan Negara tempatan (*native states*) untuk jabatan perkeranian dan bidang perusahaan “

Oleh sebab itu, bagi mencapai matlamat tersebut, pihak kerajaan British di Kedah telah menubuhkan sekolah-sekolah Inggeris di kawasan yang mempunyai kepentingan ekonomi

mereka sahaja. Selain itu, jumlah sekolah yang ditubuhkan oleh kerajaan British adalah sedikit disebabkan oleh pembinaanya di kawasan tertentu sahaja.

Sukatan Pelajaran Di Sekolah Inggeris.

Pada permulaan pertumbuhan sekolah Inggeris, sukatan pelajaran yang telah disediakan adalah tidak begitu sistematik untuk diajar kepada para pelajar. Hal demikian kerana terdapat beberapa masalah yang telah dihadapi oleh Jabatan Pelajaran diantaranya adalah masalah kekurangan guru dalam bidang pelajaran Inggeris. Oleh sebab hal demikian, perkara yang diajar adalah membaca dan memahami maksud perkataan Inggeris.

Setelah kehadiran Mr. A.L Stuart pada tahun 1914 sebagai penguasa pelajaran pada ketika itu telah memperkenalkan sukatan pelajaran yang lebih sistematik. Sukatan pelajaran Inggeris yang di gunakan adalah sama dengan negeri-negeri Melayu bersekutu dengan Negeri-negeri Selat di samping turut diperkenalkan sistem jadual waktu serta sistem peperiksaan untuk digunakan di Sekolah Inggeris yang terdapat di daerah Kota Setar.

Sukatan pelajaran ini telah digubal adalah bagi mencapai matlamat British iaitu dapat melahirkan tenaga kerja untuk berkhidmat dengan Kerajaan British dalam bidang pelajaran di daerah Kota Setar pada ketika itu. Diantara mata pelajaran yang diperkenalkan adalah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Geografi, Sejarah, Ilmu Hisab Awal, Algebra, Kesusasteraan dan Lukisan (Bukhari bin Abdullah,1994). Selain itu, Sekolah Inggeris Kerajaan juga telah menawarkan mata pelajaran pertukangan kayu dan kerja tangan. Tujuan mata pelajaran ini ditawarkan adalah bertujuan “*to learn to handle and use their tools correctly this takes time and practice*” (Fail Setiausaha Kedah, No2746/53). Di samping itu, jadual persekolahan ketika itu bermula dari 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan hari-hari persekolahan ialah dari hari Isnin hingga hari Jumaat (Ahmad Nordin Zain,1981).

Manakala bagi Sekolah Inggeris Perempuan Kampung Baharu pula, mereka telah menawarkan matapelajaran yang sama seperti Sekolah Inggeris Kerajaan iaitu seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Geografi, Sejarah, Ilmu Hisab Awal, Algebra, Kesusasteraan. Namun bagi pelajar yang lemah dalam matapelajaran akademik mereka telah di latih dalam bidang masak- memasak, menjahit dan kerjatangan (Ahmad Nordin Zain,1981).

Sekolah St. Michael juga telah menawarkan tahap pelajaran sehingga darjah 9 atau dikenali sebagai Senior Cambridge.Terdapat 6 mata pelajaran yang telah ditawarkan oleh sekolah tersebut diantaranya adalah mata pelajaran Bahasa Perancis, Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab, Ilmu Alam, Kesusasteraan Inggeris dan Lukisan (Ahmad Nordin Zain,1981). Bahasa pengantar yang digunakan oleh sekolah ini adalah Bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun pembelajaran Bahasa Melayu tidak diwajibkan untuk belajar. Selain itu, bagi mereka beragama Kristian diwajibkan untuk mengikuti pelajaran “*Gospel dan Scripture*” manakala bagi pelajar beragama Islam tidak diwajibkan untuk mengikuti pelajaran tersebut (Ahmad Nordin Zain,1981).

Namun pada zaman Jepun pada tahun 1941 sehingga 1945 kebanyakan sekolah ini ditutup dan pemerintah Jepun telah menggunakan sekolah-sekolah ini untuk mengajar bahasa Jepun, nyanyian lagu-lagu Jepun dan aktiviti berhubung dengan pemupukan taat setia kepada pemerintah Jepun dan Maharaja Jepun (Sufean Hussin,1996). Selepas kekalahan Jepun pada tahun 1945 dan kembalinya Kerajaan British berkuasa di Tanah Melayu, pihak Kerajaan British telah meneruskan sukatan pelajaran seperti tahun sebelumnya.

Di dalam sukatan pelajaran yang telah dibuat oleh Jabatan Pelajaran Inggeris adalah berpandukan kepada keperluan mata pelajaran yang perlu diambil dalam peperiksaan *Junior Cambridge* dan *Senior Cambridge*. Hal boleh dilihat pada tahun 1941 tiada masalah bagi mereka yang lulus *Senior Cambridge* untuk mendapat pekerjaan (Ahmad Nordin Zain,1981).

Selain itu, bagi mereka yang lulus *Junior Cambridge* juga turut ditawarkan pekerjaan dalam bidang pentadbiran British di daerah Kota Setar.

Secara kesimpulannya, kita dapat lihat dimana sukatan yang telah dilakukan secara sistematik ini adalah bertujuan untuk memberikan pendidikan yang mampu membina pekerjaan yang lebih baik kepada masyarakat setempat serta dapat mengisi dalam perkhidmatan pentadbiran British pada ketika itu. Selain itu, hal ini juga bertujuan untuk menjadikan anak-anak masyarakat setempat dapat menjadi lebih baik daripada pekerjaan ibu bapa mereka.

Kesimpulan

Dalam proses memperkembangkan pelajaran Inggeris di daerah Kota Setar, Kerajaan British telah membina beberapa dasar untuk di jadikan sebagai panduan oleh sekolah Inggeris yang baru ditubuhkan bagi mencapai matlamat yang telah diharapkan oleh mereka. Selain itu, terdapat beberapa buah sekolah Inggeris telah ditubuhkan di daerah Kota Setar secara berperingkat. Terdapat sekolah Inggeris yang ditubuhkan oleh Kerajaan British dan golongan Mubaligh Kristian dalam memperkembangkan pendidikan Inggeris di daerah Kota Setar.

Selain itu, isu yang dibangunkan ketika perubuhan Sekolah Inggeris Kerajaan dapat di atasi dengan baik oleh Kerajaan British dimana diantara masalah yang timbul adalah ketiadaan guru untuk mengajar di sekolah Inggeris. Selain itu, Jabatan Pelajaran British juga telah menetapkan sukatan pelajaran bagi sekolah-sekolah Inggeris di daerah Kota Setar dengan berpandukan keperluan mata pelajaran untuk mengambil peperiksaan *Junior Cambridge* dan *Senior Cambridge*. Secara tidak langsung, kita dapat melihat usaha Kerajaan British dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat tempatan.

Rujukan

- Ahmad Nordin Zain.(1981).” *Sejarah Pendidikan Inggeris Dan Pelajaran Tinggi Di Kedah*”. Konvensyen Sejarah Negeri Kedah,28 November-1 Disember 1981.
- Atan Long.(1997). *Fikiran-fikiran Tentang Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Brian Holmes.(1967). *Educational Policy And The Mission School-Case Study For British*.London.
- Bukhari bin Abdullah.(1994) *Sejarah Perkembangan Sekolah Inggeris di Kedah 1909 sehingga 1940*.Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chai Hon Chan.(1967). *The Development of British Malaya 1896-1907* (Kuala Lumpur : Oxford University Press.
- C.A Vlieland, British Malaya- A Report on The 1931 Ceneus, The Crown Agent For The Colonies.
- Dokumentari Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Darul Aman. (1991).C.1. Kedah: Lembaga Muzium Negeri Kedah Darul Aman, Alor Setar.
- Eddy Lee.(1972).*Educational Planning In West Malaysia*.Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Fail S.U.K No. 157/50.
- Fail S.U.K. No 2746/53.
- Francis Wong Hoy Kee & Gwee Yee Hean.(1972). *Perapectivea The Development of Education in Malaya And Singapore*. Kuala Lumpur: Percetakan Art.
- H. MD . Noor Salleh.(1995). *Cetera* .Selangor: Istiramai Marketing Sdn. Bhd.
- Ho Seng Ong.(1952).*Education For Unity In Malaya* .Penang: The Ganesh Printing.
- Ibrahim Saad.(1981).*Pendidikan Dan Politik Di Malaysia*, Dewan Bahasa Dan Pustaka,Kuala Lumpur,cet.
- Kedah Annual Report 1327 H (1909-1910).
- Kedah Annual Report 1356 H (1937-1938).
- Lim Swee Kee, *Kajian Kes Sejarah Pendidikan Inggeris di Kedah-* (Kolej Sultan Abdul Hamid,)(Arkib Negeri Kedah).
- Mazizah Haji Md. Darus, Zahidi Dato’ Zainol Rashid.(1999).*Tak Sesungguhnya Seluang Melaut*. Kedah: Upcas Sdn. Bhd.
- Mazizah Hj. MD. Darus, *Kedah Dulu-Dulu* (Kuala Lumpur: Darulfikir Sdn. Bhd. 2003),
- Mohd Radzi Puteh.(1956).”*The Sultan Abdul Hamid College*”,dalam *The Gate*, The Magazine of S.A.H.C. Historical Society,No 6.

- Muhammad Iskandar .(1953).” *The Sultan Abdul Hamid College*”,dalam,The Gate.
- Mohamed Roselan Abdul Malek.(1998). *Kesan Sejarah Dan Tempat-Tempat Menarik Negeri Kedah Darul Aman*.Selangor: Percetakan Soonly Trading.
- Nik Anuar Nik Mahmud, Muhammad Haji Salleh,Abd. Ghapa Harun.(2011)”*Biografi Tun Abdul Razak Negarawan dan Patriot*”. Kuala Lumpur:Ampang Press Sdn. Bhd.
- Paul Chang Ming Phang.(1975). Kajian Kes: “ *Perkembangan Pelajaran Dalam Masyarakat Berbilang Kaum*”.Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Philip Loh Fook Seng.(1969).*The Malay States1877-1895, Political Change and Social Policy*, Oxford University Press, Kuala Lumpur.
- Sulaiman Zakaria.(1994)”*Dasar Pendidikan Pada Zaman British*”.Selangor:Istiramai Enterprise. Sdn. Bhd. 1994).
- Sufean Hussin.(1996).”*Pendidikan Di Malaysia Sejarah, Sistem dan Falsafah*”.KualaLumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sharom Ahmad.(1981).”*Sejarah Negeri Dalam Pensejarahan Malaysia: Sejarah Kedah 1842 Hingga 1923 sebagai contoh*”,kertas kerja Konvensyen Sejarah Kedah,Wisma Negeri, Alor Setar,28 Nov-1 Disember 1981.
- Tengku Abdul Rahman.(1997). *Looking Back* . Kuala Lumpur : Pustaka Antara.

**PEMILIKAN TANAH MASYARAKAT MELAYU
DI PAHANG SEHINGGA 1957**

Nor Hidayah Dzul-Kifli dan Khairi Ariffin

Abstrak

Sistem pemilikan tanah diperkenalkan kepada masyarakat Melayu melalui sistem undang-undang tanah baru oleh British. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan melakukan analisis dokumen-dokumen yang terdapat di Arkib Negara Malaysia seperti *Straits Settlement, Federated Malay States, Annual Report, District Office Report* dan fail Setiausaha Kerajaan Negeri. Dapatan kajian menunjukkan pemilikan tanah yang diperkenalkan oleh British berjaya menghapuskan sistem perhambaan yang diamalkan dalam masyarakat di Pahang. Sistem undang-undang tanah yang baru juga memudahkan masyarakat untuk meningkatkan taraf ekonomi kehidupan mereka tanpa perlu bergantung kepada Sultan dan pembesar lagi. Dapatan kajian juga penting bagi menunjukkan peranan Sultan dalam Sistem Tanah Tradisi sehingga munculnya sistem undang-undang tanah baru yang diperkenalkan oleh British di Pahang dalam memastikan masyarakat Melayu mendapatkan pengiktirafan diri sebagai orang yang bebas tanpa digelar hamba lagi. Di samping itu, melalui sistem pentadbiran tanah, golongan pembesar yang sebelum ini banyak bergantung kepada perhambaan dalam perusahaan tanah, mereka tidak lagi dapat melakukannya di bawah pentadbiran British setelah undang-undang tanah diperkenalkan. Kesimpulannya, masyarakat dapat mengusahakan tanahnya sendiri dan memperoleh hasil daripada tanaman yang diusahakan bagi menjamin kelangsungan hidup tanpa perlu membuat bayaran cukai kepada pembesar lagi.

Kata Kunci: Pemilikan Tanah, Perhambaan, Undang-Undang Tanah Baru

Abstract

The system of land ownership was introduced to the Malay community through a new system of land laws by the British. This study uses qualitative methods by analyzing the documents available in the National Archives of Malaysia such as *Straits Settlement, Federated Malay States, Annual Report, District Office Report* and State Secretary files. The findings show that land ownership introduced by the British succeeded in eradicating the system of slavery practiced in Pahang. The new land legal system also facilitated the people to improve their economic standard of living without having to rely on the Sultan and his nobility. The findings of the study are also important to show the role of the Sultan in the Traditional Land System until the emergence of a new system of land laws introduced by the British in Pahang to ensure that the Malays gained their independence as free slaves. In addition, through the land administration system, the nobles who had previously relied heavily on slavery in land enterprises, could no longer do so under British rule after the introduction of land laws. In conclusion, the community is able to cultivate its own land and reap the benefits of the plantation to ensure its survival without having to pay tax to the growers.

Keywords: Land Ownership, Slavery, New Land Law System

Pengenalan

Sejarah pembangunan tanah pada zaman British di Tanah Melayu telah banyak dijalankan, namun kebanyakannya hanya membicarakan dan menyentuh dua sektor utama pembangunan iaitu berkaitan dengan kegiatan pertanian dan pembentukan kawasan penempatan sebagai petunjuk awal sesebuah kawasan yang dimiliki. Bersandarkan sistem adat, sesuatu pemilikan tanah hanya boleh diiktiraf setelah terbukti dengan wujudnya sebarang usaha atau kerja-kerja yang dianggap memakmurkan atau membangunkan tanah berkenaan. (Wilson, T.B, 1958) Di bawah pentadbiran pemerintahan kesultanan Melayu tradisional, rakyat dibenarkan untuk mengusahakan tanah dengan syarat mereka membayar cukai kepada Sultan atau pembesar daerah yang dilantik oleh raja. (Gullick, J.M, 1965) Oleh sebab penduduk di Negeri-negeri Melayu tidak ramai berbanding dengan keluasan tanah yang ada masih luas dan banyak, tanah tidak mempunyai nilai tukaran kerana setiap keluarga menghasilkan makanan hanya cukup untuk sara diri masing-masing sahaja. (William Brendon & Son: Plymouth, 1940) Justeru, persoalan memiliki tanah sebagai harta tidak timbul kerana tanah hanya diperlukan untuk menyediakan keperluan hidup.

Meskipun permasalahan hak milik tanah di dalam sistem adat Melayu menerima pelbagai kritikan dan pandangan daripada para sarjana, namun sesuatu yang diterima oleh sarjana ialah tanah adalah asas dan ada kaitan dengan pembangunan kemanusiaan di atasnya. Dalam konteks undang-undang dan pentadbiran tanah, sama ada adat mahupun kolonial, tanah dilihat sebagai alat pembangunan dan pertumbuhan ekonomi. Dalam sistem peraturan tanah kolonial pula, tanah menjadi asas pembangunan kepada manusia, peraturan tersebut memastikan pembahagian tanah dengan adil. Oleh sebab itu, sebarang undang-undang tanah bukan sahaja menekankan permasalahan pemilikan, bahkan ia mencakupi permasalahan corak penggunaan, hak dan tanggungjawab tuan punya dan penggunaanya. (Johnson, V.M. & Barlowe, R. 1954) British melihat potensi ekonomi di negeri-negeri Melayu yang begitu memberangsangkan juga mendapati mereka berdepan dengan sistem pemilikan tanah adat yang tidak sesuai dengan pendekatan ekonomi kapitalis British.

Latar belakang

Sebelum kedatangan British ke Pahang, pentadbiran yang digunakan adalah sistem tradisional tetapi setelah kedatangan British, pentadbiran mulai berubah kepada corak pentadbiran Barat. Kenyataan ini dibuktikan dengan petikan di bawah:

“Surat yang bertarikh 24 Ogos 1888 menandakan tamatnya kedaulatan Sultan Ahmad di Pahang. Sejak itu, kuasa politik mula beralih dari sultan ke kerajaan British.” (Aruna Gopinath, 1993 ms. 100)

Pentadbiran tradisional di negeri Pahang tidak jauh beza dengan negeri-negeri lain di Tanah Melayu. Masyarakat dibahagikan kepada kelas tertentu iaitu dari yang tinggi kepada yang rendah mengikut susun lapis masyarakat secara menurun. (Gullick, J.M, 1969) Pentadbir-pentadbir Melayu tradisional terdiri daripada Sultan, pembesar-pembesar daripada keturunan diraja dan bukan diraja serta penghulu. (Gullick, J.M, 1969) Sultan merupakan kelas pemerintah yang memiliki kedudukan tertinggi dan menjadi lambang kebesaran sesebuah negeri. Baginda bertanggungjawab untuk mengetuai pentadbiran pusat di peringkat negeri, melaksanakan keadilan dan menguruskan hubungan dengan negeri-negeri luar yang lain. Baginda juga berkuasa atas tanah di negeri pegangannya dan mengarahkan pembesar tempatan untuk menguruskannya. Sistem pemilikan tanah dalam masyarakat tradisional terdahulu dipermudah kerana penduduk setempat sering berpindah, jadi pembesar-pembesar

tempatan menggunakan cara pemilikan tanah secara kolektif kerana terdapat banyak tanah yang kosong. (Jang Aisjah Muttalib, 1972) Sesuatu tanah adalah kepunyaan raja dan seseorang yang berkehendakkan tanah tersebut perlulah memberikan surat kepada raja. (Hugh Low, *Dissertation on Penang and Province Wellesley*) Maxwell pula menerangkan bahawa:

“Sesungguhnya bahagian kecil sahaja dari tanah adalah hak nyata negara dan mungkin hanya tanah penanaman padi yang terbaik sahaja yang didapat secara langsung dari raja dengan surat putus.” (Maxwell, W.E, 1884 ms.79-80)

Petikan di atas jelas menunjukkan bahawa tanah di Pahang sebelum kemunculan British sebahagian kecilnya merupakan hak negara. (Jang Aisjah Muttalib, 1972) Namun, hanya tanah pertanian untuk penanaman padi sahaja tidak diganggu oleh sultan kerana padi merupakan tanaman yang penting untuk cukai. Sultan juga berhak untuk memindahkan hak tanah kepada sesiapa yang dikehendakinya sama ada kepada ketua daerah mahupun orang yang disukainya di atas tanah yang tidak ada sebarang hitam putih atau surat putus yang menandakan sesebuah tanah itu dimiliki. Namun, setelah perang saudara selesai di Pahang, hak milik tanah terus bertukar. Pertukaran hak milik ini terjadi kerana sultan menyerahkan tanah ini kepada mereka yang banyak berjasa kepada baginda dalam peperangan tersebut. (Jang Aisjah Muttalib, 1972)

“...sultan menunjukkan hak miliknya atas tanah dengan memberikan konsesi-konsesi sesuka hatinya kepada pemodal luar seperti China, Eropah dan pengusaha Arab dari Johor.” (Jang Aisjah Muttalib, 1972 ms. 27)

“Para kepala inilah yang *de facto* menjadi tuan dari tanah itu, dalam pengertian hak menarik pajak yang sering pula dilakukan secara sewenang-wenangnya. Para kepala di samping itu mempunyai tanah-tanah pertanian sendiri di mana seluruh hasil adalah menjadi haknya sebab para pekerja yang terdiri dari hamba-hamba tidak mempunyai hak atas pembahagian hasil selain daripada hak mendapatkan keperluan pokok berupa makanan dan pakaian dari tuannya secara minimum.” (Jang Aisjah Muttalib, 1972 ms. 27)

Petikan di atas menggambarkan bahawa hak seorang hamba ke atas tanah yang dikerjakan hanyalah sebagai pekerja dan hasil yang dimiliki juga adalah makanan dan pakaian yang diperolehi daripada tuan mereka dalam skala yang sangat minimum. Hal ini menunjukkan bahawa tuan tanah memonopoli hak seorang hamba sesuka hati mereka supaya mereka terus mengerjakan tanah pertanian.

Isu dan Permasalahan

Sistem pemilikan tanah merupakan satu inisiatif yang dirangka dan dilaksanakan oleh pihak British di negeri Pahang untuk menghapuskan sistem pemilikan tanah adat yang digunakan dalam Sistem Tanah Tradisi Melayu. Dalam usaha menghapuskan sistem pemilikan tanah adat ini, sikap kebergantungan dalam kalangan rakyat terhadap pembesar dan Sultan turut terhapus. Sultan Pahang ingin melihat satu pembentukan ekonomi yang maju untuk Pahang,

namun usahanya tidak memberangsangkan disebabkan oleh pemberian konsesi tanah kepada orang luar. (Malaysian Historical Society, 2005) Pelbagai masalah yang terjadi seperti penindasan, pembunuhan dan kecurian yang berlaku dalam pentadbiran negeri sehingga memberi peluang kepada British untuk membawa masuk Sistem Residen. Peluang British untuk memasuki Pahang terjadi apabila persetujuan pada tahun 1887 dengan Sultan Ahmad terjejas akibat berlakunya pembunuhan rakyat British. (Colonial Office, 1888) Namun begitu, sejak campur tangan British berlaku dalam sistem pentadbiran, masalah pemilikan tanah telah memberikan kemudahan kepada penduduk di Pahang untuk menjalankan ekonomi bagi meneruskan kelangsungan hidup.

Metodologi Kajian

Analisis data telah dilakukan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dengan reka bentuk analisis dokumen dan manuskrip yang menggunakan penyelidikan bahan Arkib Negara Malaysia. Kajian telah dibuat di Arkib Negara dengan membuat rujukan dan analisis sumber primer seperti fail. Fail yang dianalisis seperti fail Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dan fail rekod kolonial British. Penggunaan sumber kedua juga digunakan untuk menyokong kajian ini dengan membuat kajian di Perpustakaan Sultan Idris dan Perpustakaan Awam Negara. Bagi langkah yang terakhir, penilaian data dan dapatan dibuat secara analitikal serta tafsiran secara hermeneutik. Penelitian terhadap kajian terdahulu juga digunakan sebagai sumber persejarahan berkaitan dengan kajian ini oleh pengkaji terdahulu. Bahan daripada sumber kedua digunakan sebagai bahan kajian dan analisis oleh pengkaji untuk melihat koheren kajian ini seperti buku, jurnal dan tesis.

Dapatan Kajian

Dalam usaha pihak British untuk mendapatkan kepercayaan Sultan Ahmad al-Mu'azzam Shah yang lebih dikenali sebagai Sultan Ahmad amatlah sukar kerana pelbagai isu dan cabaran yang timbul dalam sistem pemerintahan. Namun, kerjasama antara Johor dan Pahang mendorong Sultan Ahmad untuk menandatangani satu perjanjian dengan British dengan syarat British melaksanakan pemerintahan di Pahang "serupa dengan Johor". (Colonial Office, 1886) Keputusan yang diambil oleh Sultan Ahmad didorong oleh perkembangan-perkembangan politik di Johor. Namun begitu, perjanjian antara Sultan Ahmad dan pihak British masih belum secara sepenuhnya dalam sistem pentadbiran, hal ini demikian kerana Sultan masih mempunyai keistimewaan dalam pemberian konsesi berdasarkan fasal keenam dalam Perjanjian 1887. (Muhammad Yusoff Hashim & Aruna Gopinath, 1992) Baginda juga boleh menyewakan tanah dan memberi konsesi tanpa persetujuan Gabenor kecuali kepada orang Eropah yang bukan Inggeris.

Namun, dalam perjanjian pada tahun 1887 menyatakan bahawa sekiranya keselamatan ejen British terjejas ataupun dibunuh, Pahang terpaksa menerima Sistem Residen. (Colonial Office, 1888) Peluang British untuk memasuki Pahang menjadi kenyataan apabila Go Hui, seorang rakyat British terbunuh pada bulan Februari 1888. Pembunuhan tersebut membawa kepada pengenalan pemerintahan British yang sekaligus mengakhiri kebebasan pemerintahan Sultan Ahmad. Sultan Ahmad bimbang akan lantikan seorang Residen, namun, Sultan Johor telah dihantar oleh Gabenor Smith untuk menasihati Sultan Ahmad supaya bersetuju untuk menerima penasihat British. (Colonial Office, 1888). Disebabkan oleh keadaan di Perak dan Selangor yang aman setelah kehadiran Residen, keadaan ini meyakinkan baginda untuk menerimanya. Sungguhpun begitu, Sultan Ahmad turut menghantar sepucuk surat kepada pihak British dengan menyatakan supaya Residen British iaitu John Pickersgill Rodger yang dihantar ke Pahang dapat menjalankan tugas-tugas pentadbiran dan menegaskan soal pengekal hak-hak keistimewaannya.

Kemunculan Sistem Residen yang bermula di Pahang membawa perubahan dalam sistem pentadbiran terutama sekali sistem pemilikan tanah. Hal ini adalah jaminan untuk rakyat di Pahang untuk melakukan sebarang pekerjaan kerana dengan adanya sistem undang-undang tanah yang diperkenalkan memberikan kemudahan seterusnya meningkatkan taraf hidup rakyat di Pahang yang sebelum ini hanya bergantung kepada pembesar dan juga Sultan untuk mengerjakan sebarang kerja.

British memperkenalkan 'Sistem Hak Milik' untuk memberi peluang kepada rakyat di Pahang untuk memperoleh tanah mereka sendiri untuk mengerjakan sebarang pertanian mahupun ternakan. (British Adviser's office Selangor, 1954). Melalui sistem hak milik ini juga, dalam tidak sedar masyarakat di Pahang terlepas daripada sistem perhambaan dan juga sistem cukai tanah yang dikenakan oleh pembesar ke atas mereka. Di samping itu, melalui sistem pemilikan tanah ini juga mengajar masyarakat supaya dapat memajukan ekonomi mereka sendiri agar tidak terikat dengan sistem pemilikan adat yang diamalkan sebelum ini bagi mencapai pendekatan ekonomi kapitalis British ke atas masyarakat di Pahang.

Sistem pemilikan tanah sebelum kedatangan British

Pentadbiran tanah sebelum campur tangan British di Pahang diletakkan di bawah kuasa sultan dan pembesar daerah sahaja. Jika mereka mahukan seseorang untuk memilikinya, mereka akan memberikan tanah tersebut kepadanya. Pembesar daerah yang telah memiliki tanahnya sendiri sememangnya akan menggunakan khidmat hamba untuk mengerjakan pertanian di atas tanah mereka. Bagi kawasan hutan yang tidak diusahakan tanahnya, tanah tersebut merupakan tanah yang tidak bertuan. Apabila orang Cina atau Eropah menginginkan tanah tersebut, mereka perlu membayar wang konsesi atau memberikan pembahagian hasil kepada ketua daerah. Pentadbiran tanah sebelum tahun 1889 diuruskan dan dilaksanakan oleh sultan dan pembesar daerah. Pentadbiran tanah di Pahang juga tidak mempunyai sistem pemilikan tanah yang khas untuk penduduk setempat kerana sultan dan pembesar daerah akan menyerahkan tanah mengikut kehendaknya kepada sesiapa sahaja. Sebelum adanya surat-menyurat, cara pemilikan tanah sebelum abad ke-19 adalah berdasarkan kepada mereka yang mendiami sesuatu tanah. (Jang Aisjah Muttalib, 1972) Dalam sistem pentadbiran tradisional, tanah dibahagikan kepada dua iaitu tanah hidup dan tanah mati.

Sebelum kedatangan British ke Pahang, masyarakat Melayu tidak mengalami sebarang kerumitan dalam soal tanah. Penggunaan tanah sebelum abad ke-19, hanya sekadar memenuhi keperluan hidup iaitu secara berkebun, bersawah atau mencari bahan-bahan hutan. (Nazri Abdullah, 1985) Keadaan ini menyebabkan masyarakat Melayu tradisional tidak memerlukan satu sistem pemilikan dan pentadbiran tanah yang khusus dan berinstitusi. (John Anderson, 1965). Berdasarkan undang-undang tanah yang dikaji oleh Maxwell, tanah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu tanah hidup dan tanah mati. (Maxwell, W.E, 1884) Berkaitan dengan hak milik tanah, undang-undang adat tanah menjelaskan bahawa hak seseorang ke atas tanah adalah bergantung kepada sesiapa yang meneroka, menebas, membersihkan, dan mengerjakan tanah itu dengan syarat tanah tersebut tidak diduduki oleh sesiapa lagi dan peneroka mestilah seorang Islam. (Maxwell, W.E, 1884)

Tanah Mati

Tanah mati merupakan tanah yang telah ditinggalkan dan tiada satu pokok atau tanaman kekal di atas tanah tersebut. Seseorang yang membuka tanah mati menjadi tanah hidup tidak mempunyai hak untuk menjual tanahnya. (Jang Aisjah Muttalib, 1972) Tanah mati juga dapat diklasifikasikan apabila tanah tersebut tidak diduduki dan tidak ada sebarang tanda yang tanah itu digunakan, maka tanah itu dipanggil sebagai tanah mati. Tanah mati juga termasuklah tanah-tanah hutan atau tanah yang pernah dikerjakan tetapi ditinggalkan

sehingga menjadi hutan semula. (Winstedt, R.O, 1928) Tanah bendang yang ditanam dengan padi akan dikategorikan sebagai tanah mati apabila sesuatu tanah itu tidak dikerjakan selama tiga tahun.

Tanah Hidup

Tanah hidup pula ialah tanah yang dipunyai oleh seseorang sama ada dengan cara mendudukinya atau dengan cara menanam tanaman di antaranya. Jika tanah tersebut mempunyai tanda-tanda yang menandakan masih digunakan atau diusahakan oleh sesuatu tanaman, ia dikenali sebagai tanah hidup dan tanah ini tidak akan diusik oleh orang lain selagi masih mempunyai tanaman yang perlu diusahakan. (Winstedt, R.O, 1928) Pembahagian tanah hidup ini antaranya melibatkan tanah kampung, tanah bendang atau sawah, tanah huma atau ladang. Tanah kampung ini ditanami dengan pokok buah-buahan dan hak pemilikan ke atasnya berlaku selama tanah itu diduduki, asalkan ia ditanam dengan pokok buah-buahan. Kemudian, tanah bendang atau sawah. Tanah ini berair dan ditanami dengan padi. Hak pemilikannya berlaku selama mana tanah itu diduduki atau sepanjang tiga tahun selepasnya. Seterusnya, tanah huma atau ladang. Tanah bukit yang biasanya digunakan untuk bercucuk tanam, tanaman yang tidak kekal. Hak pemilikan ke atas tanah ini berlaku selama mana tanah ini diduduki yang biasanya selama satu musim.

Setiap orang bebas untuk memilih dan membuka tanah yang dikehendakinya tetapi dengan syarat iaitu hasil daripada penanaman yang diusahakan di atas tanah tersebut haruslah diberikan sebahagiannya kepada ketua daerah. (Jang Aisjah Muttalib, 1972) Tanah pada asasnya dianggap sebagai milik Sultan dan baginda mempunyai hak-hak untuk mengutip hasil tanah, hasil cukai dan menjual tanah usang di samping mempunyai hak untuk mengurniakan tanah kepada sesiapa sahaja yang disukai oleh baginda. (Jang Aisjah Muttalib, 1972) Berdasarkan sistem tanah yang lama ini juga pemilikan tanah lebih bergantung kepada konsep usaha. Bagi sesiapa yang mengusahakan tanah tersebut, jadi orang yang mengusahakan itulah yang akan memperoleh tanah itu. Tambahan lagi, pembesar daerah juga berkuasa untuk menganugerahkan tanah yang berada di bawah jagaannya kepada pengikut atau rakyatnya yang setia atau berjasa. Walau bagaimanapun, penganugerahan tanah yang dilakukan tidak melebihi keluasan tanah yang mampu dikurniakan oleh Sultan dalam bentuk konsesi yang pernah dibuat. Pemilik tanah juga dikenakan sewa ke atas tanah yang dimiliki. Para pembesar akan membuat kutipan ke atas sewaan tanah yang dimiliki. Ini kerana, para pembesar tidak dapat lagi mengutip sebarang kutipan sewaan tanah setelah undang-undang baru diperkenalkan oleh British. Ini dapat dibuktikan lagi dengan petikan di bawah.

“...in Pahang, land revenue has formed an item of our receipts almost from the first. The people have thus become accustomed to the payment of rent upon the land they occupy, and the headmen are gradually becoming acquainted with their duties...” (Federated Malay States, 1896)

Hal ini menunjukkan bahawa para pembesar di setiap daerah tidak lagi mempunyai kuasa untuk mengutip sebarang sewaan tanah di bawah pentadbirannya sebaliknya tugas mereka diambil alih oleh pegawai-pegawai British yang ditugaskan di setiap daerah misalnya F. Belfield di daerah Pekan. Hal ini disebabkan oleh sistem pentadbiran yang baru diperkenalkan oleh Residen British di Pahang. Pentadbiran negeri Melayu yang beraja sememangnya telah wujud tetapi hubungan pihak pentadbiran tersebut dengan rakyat tidak langsung diasaskan kepada prinsip hak pemilikan tanah yang berada secara mutlak di tangan raja. (David Wong, 1975) Beliau menolak hakikat rakyat terpaksa mengerjakan suruhan

pihak berkuasa atau raja dan terpaksa menyerahkan sebahagian hasil mereka kepada Sultan. Sebaliknya, segala kerja rakyat atau tenaga yang dilakukan dan bayaran atau sumbangan yang diberikan rakyat kepada sultan lebih menunjukkan tanda taat setia sahaja. Jadi, perkara ini menunjukkan bahawa sistem pemilikan tanah sebelum datangnya pembaharuan yang dibawa oleh British, rakyat lebih mudah untuk menerima kerana ia merupakan satu cara mereka untuk menunjukkan taat setia terhadap Sultan. Namun, sejak kemunculan British, hak pemilikan tanah yang diperkenalkan oleh British telah mengajar masyarakat Melayu di Pahang untuk tidak lagi bergantung kepada Sultan mahupun pembesar dan tuan tanah.

Kelemahan Sistem Pentadbiran Tanah Tradisi Melayu

Sistem Tanah Tradisi Melayu ini lebih mengutamakan kepada undang-undang adat tanah tradisi yang mana konsep hak milik tanah tidak begitu ditekankan. Jadi, rakyat tidak mempunyai tanah secara rasminya seperti yang termaktub dalam surat atau perjanjian hitam putih mengatakan bahawa sesebuah tanah tersebut merupakan kepunyaannya. Oleh sebab pemerintahan yang dilaksanakan oleh Sultan Pahang sebelum datangnya British berbentuk Raja mutlak, maka Raja dianggap sebagai seorang yang mempunyai daulat dan bagindalah tempat pergantungan rakyat. Raja sebagai kuasa mutlak dalam zaman tradisional adalah lambang perpaduan dan tempat tertumpunya taat setia rakyat yang dibuktikan dalam pelbagai bentuk taat setia, pembayaran, pemberian, persembahan atau perkhidmatan tenaga. (David Wong, 1975) Walaupun segala bentuk taat setia ini tidak semestinya ditunaikan oleh setiap rakyat, tetapi ia wujud dalam sistem nilai masyarakat Melayu dan menjadi sebahagian daripada ada yang menggambarkan kebesaran golongan pemerintah. Oleh sebab dalam sistem pemerintahan tradisional tidak ada satu badan yang dikhaskan untuk mentadbirkan perkara-perkara yang berkaitan dengan tanah maka tanah ini merupakan hak milik Raja dari segi praktiknya sukar untuk dipastikan. Swettenham berpendapat bahawa

“...konsep hakmilik tanah kepunyaan Raja adalah satu andaian yang salah.” (Cowan, C.D, 1964)

Sebaliknya, beliau menegaskan bahawa orang Melayu tidak mempunyai sebarang sistem hak milik tanah. Hal ini demikian kerana, mereka bebas untuk membuka mana-mana tanah tanpa membayar apa-apa bayaran. Menurut Swettenham, hanya Raja atau pembesar sahaja yang cuba untuk menunjukkan kuasa mereka dengan mengenakan pelbagai cukai. (David Wong, 1975) Undang-undang adat tanah masyarakat Melayu dikaitkan dengan undang-undang Islam, oleh itu, sebagai seorang Sultan yang mentadbir negeri, semua tanah adalah milik Allah dan Sultan hanya sebagai pentadbirnya sahaja. (Nazri Abdullah, 1985) Jadi, rakyat boleh membuka dan memanfaatkan tanah termasuklah hak memiliki barangan yang dapat diambil daripada tanah itu. Memandangkan Sultan sebagai pentadbir kepada semua tanah, Baginda mempunyai hak untuk mengutip sebarang cukai ke atas rakyat. Namun begitu, sekiranya rakyat tidak membayar cukai-cukai tertentu maka Sultan mempunyai kuasa untuk merampas tanah mereka. Konsep Sultan mempunyai kuasa ke atas semua tanah menjadi kabur terutamanya di suku akhir abad ke-19 apabila sistem politik di negeri Melayu menjadi longgar, termasuklah di daerah Pekan. Keadaan ini berpunca daripada kepentingan ekonomi yang mencetuskan pergeseran kuasa dalam kalangan golongan pemerintah. Pembahagian kuasa kepada para pembesar daerah secara langsung memberi kesan terhadap kewibawaan Sultan itu sendiri. Apabila kepentingan ekonomi mengatasi kesucian adat, maka timbullah pergolakan politik yang berakhir dengan kekacauan iaitu pembahagian kuasa daripada Sultan kepada pembesar daerah turut melonggarkan kekuasaan Sultan.

Walaupun Sultan mempunyai kuasa untuk meletakkan sebarang perintah misalnya ‘kawasan A merupakan kepunyaan pembesar’, tetapi kawasan tersebut bergantung juga kepada hubungan baik antara Sultan dan pembesarnya. Jika Sultan tidak lagi berkenan akan pembesar tersebut, hak milik dan segala usaha atas tanah atau kawasan tersebut terus akan bertukar hak milik kepada orang yang seterusnya. Pada suku akhir abad ke-19, kedudukan Sultan sebagai kuasa tertinggi tidak lagi mempunyai kemampuan untuk menuntut sebarang kawasan yang dipegang oleh pembesarnya. Secara dasarnya, dalam banyak keadaan, rakyat lebih mentaati pembesarnya daripada Sultan sendiri. Pembahagian kuasa kepada pembesar menyebabkan Sultan tidak berhak menuntut hak milik tanah yang dikuasai oleh pembesarnya. (David Wong, 1975) Namun begitu, kedudukan dan perlantikan Sultan menjadi terjamin setelah British memperkenalkan sistem pentadbirannya selepas tahun 1874. Dengan memegang hakikat bahawa semua tanah adalah kepunyaan Sultan, British kemudiannya membuat beberapa reformasi perundangan tanah. Oleh sebab itu, apabila Sultan berjaya dikuasai oleh British maka secara langsung, di bawah undang-undang yang diperkenalkan oleh British, semua tanah diisytiharkan kepunyaan kerajaan.

Sistem Pentadbiran Tanah British

Pengenalan sistem pentadbiran Inggeris di negeri Pahang bermula apabila sistem Residen menguasai negeri ini pada tahun 1889. Kenyataan ini turut dijelaskan dalam syair Tanah Melayu, *Cerita Perang Pahang dan Johor Bahru* yang berbunyi:

“Kepada hijrah Rasul yang indah
Seribu Tigaratus Sembilan jumlah
Masuklah Residen sekarang sudah
Sudah bertukar adat perintah”

(Monograf Sejarah dan Kebudayaan Negeri Pahang, 1982 ms. 100)

Kemasukan Residen British di Pahang telah menyebabkan perubahan yang berlaku dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran yang sebelum ini Pahang menggunakan sistem tradisional. Penguasaan British yang merupakan kepentingan kepada ekonomi menyebabkan persoalan tanah turut menjadi isu utama kepada pentadbiran mereka. Sistem hak milik tanah secara adat seperti yang dipraktikkan sebelumnya oleh orang Melayu sememangnya tidak bersesuaian dengan sistem ekonomi bebas yang diperkenalkan British. Oleh itu, sistem ini diubahsuai selaras dengan keperluan sistem ekonomi kapitalisme. Di bawah Sistem Residen, Sultan tidak lagi mempunyai kuasa dalam pentadbiran tetapi Residen yang berkuasa penuh dan dipertanggungjawabkan untuk memperkenalkan beberapa perubahan termasuklah sistem hak milik tanah. (Nazri Abdullah, 1985)

Sistem pentadbiran Barat dijalankan untuk menggantikan sistem pentadbiran tradisi. Menjelang 1 Julai 1889, pentadbiran British mula menguasai pentadbiran di Pahang yang menyebabkan beberapa perubahan berlaku dalam pentadbiran tanah di daerah Pahang. (Census of Pahang, 1891) Pahang dibahagikan kepada enam daerah pentadbiran iaitu Pekan, Kuala Pahang, Kuantan, Rompin, Temerloh, dan Ulu Pahang. Setiap daerah itu di bawah pentadbiran seorang pengutip cukai bangsa Eropah. (Annual Report Pahang, 1889) Oleh itu, kedudukan penghulu tradisi sebagai pemungut cukai terjejas kerana digantikan oleh pemungut cukai British ini. Disebabkan oleh konsep Sultan sebelum kedatangan British mewakili sebuah kerajaan, jadi semua tanah bagi sesebuah negeri adalah hak milik kerajaan dan apabila Sultan berjaya dikuasai oleh British maka pentadbiran tanah turut berpindah kepada pentadbiran baru. Oleh itu, bermulalah perubahan kepada sistem undang-undang

tanah. Perubahan yang berlaku dalam sistem pentadbiran tanah ini memberi kesan kepada sistem pemerintahan dan ekonomi di Pahang.

Pada bulan September 1890, John Pickersgill Rodger telah meninggalkan Pahang kerana bercuti panjang. Jadi, ibu pejabat kerajaan Pahang di Pekan itu diletakkan di bawah jagaan F. Belfield sehingga Hugh Clifford diangkat menjadi Pemangku Residen British Pahang mulai 24 November 1890. (Buyong Adil, 1972) Dalam Majlis Mesyuarat Negeri Pahang yang bersidang untuk kali ketiga pada 11 Disember 1890, Hugh Clifford telah mengemukakan suatu rang undang-undang tanah yang dimiliki oleh masyarakat Melayu sejak turun-temurun dalam negeri. Undang-undang dan peraturan tanah itu mula dilaksanakan pada Januari 1891 dan menetapkan tanah milik dikenakan sewa atau cukai. (Buyong Adil, 1972) Pengkaji berpendapat melalui perubahan yang dilakukan oleh British dalam pentadbiran tanah telah menamatkan sistem perhambaan dalam kalangan rakyat di Pahang. Dengan adanya sistem sempadan ataupun sistem pemilikan tanah kepada seseorang individu, dan secara tidak langsung memberikan hak kepada seseorang untuk memiliki tanah. Di samping itu, sistem pemilikan tanah oleh rakyat ini, menyebabkan mereka bebas daripada kerahan pembesar tempatan kerana sebelum ini mereka berkuasa dalam meletakkan sesuatu pekerjaan kepada rakyat. Di samping itu, kuasa pembesar tempatan ke atas rakyat mulai hilang dan begitu juga dengan sumber pendapatan yang sebelum ini diperolehi daripada hasil pungutan cukai daripada rakyat. Penyataan ini dapat dibuktikan lagi dengan kenyataan daripada *Aminudin Abdul Karim* yang menyatakan:

“Pembesar-pembesar Pahang yang selama ini hidup dengan tradisi perhambaan dan sebagai pemungut cukai yang diwarisi secara turun-temurun telah hilang kuasa dan pendapatan.”
(Aminuddin Abdul Karim, 2012 ms. 55-56)

British menggantikan pendapatan mereka dengan elaun, namun pembesar-pembesar tempatan ini tidak memersetujui dengan pemberian elaun ini sehinggalah berlakunya penentangan terhadap British. (Aminuddin Abdul Karim, 2012) Berdasarkan artikel daripada *Kapitel Kedua: Invigorate Sejarah Pahang dari tahun 1889-1952*, British juga telah campur tangan dalam soal perhambaan dan sistem kerah dengan memperkenalkan undang-undang baru. (Aminuddin Abdul Karim, 2012) Hal ini diperkukuhkan lagi menerusi *Tradisi Persejarahan Pahang Darul Makmur 1800-1930*, yang mengatakan bahawa kedudukan Sultan Ahmad terganggu terutama sekali disebabkan dua isu sensitif iaitu perhambaan dan buruh paksa. (Muhammad Yusoff Hashim & Aruna Gopinath, 1992) Dalam sistem kerajaan tradisional, kedua-dua faktor ini merupakan ukuran kekayaan individu dalam masyarakatnya dan pengenalan undang-undang memberi kesan negatif kepada sultan dan pembesar-pembesarnya.

Undang-undang Tanah British

Sebelum kedatangan British ke Pahang, pentadbiran yang dijalankan adalah pentadbiran tradisional iaitu undang-undang tanah adat tetapi setelah sistem Residen dan penguatkuasaan Peraturan Tanah Am diperkenalkan menerusi Sistem Torrens, undang-undang tanah adat ditamatkan. Pentadbiran mulai berubah dengan memperkenalkan pelbagai peraturan tanah yang baru. Bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB), undang-undang Inggeris secara umumnya mula berkuatkuasa melalui sistem Residen yang bermula di Perak melalui Perjanjian Pangkor pada tahun 1874. Secara khususnya, undang-undang tanah yang berasaskan sistem Torrens mula dilaksanakan oleh British bermula di Selangor pada tahun

1882 melalui Peraturan Tanah Am. British melaksanakan sistem Torrens melalui beberapa peringkat:

1. Peraturan Tanah Am yang seragam dan dikuatkuasakan di Selangor (1882), Negeri Sembilan (1887), Pahang (1888) dan Perak (1897).
2. Peraturan Pendaftaran Hak Milik yang seragam dan dilaksanakan di Selangor (1891), Perak dan Pahang (1897) dan Negeri Sembilan (1898).
3. Enakmen Tanah NMB 1911 dan Enakmen Pendaftaran Hak Milik NMB 1911 berkuatkuasa dan memansuhkan semua undang-undang negeri yang berasingan terdahulu.
4. Kanun Tanah 1928 yang memansuhkan kedua-dua enakmen terdahulu. (Muhammad Fathi Yusof, 2016)

Pemilikan Tanah di bawah Pentadbiran British

Soal pemilikan tanah tentang penghulu-penghulu di Pahang di tahun-tahun 1940-an dan sebelumnya tidak susah untuk mendapatkan atau meminta kebenaran untuk memiliki tanah daripada kerajaan sepertimana yang disyaratkan ke atas pegawai-pegawai kerajaan yang lain dan ini tertakluk di bawah peraturan *Perintah Am*. (Nazri Abdullah, 1985) Kelonggaran ini diberikan kerana memikirkan bahawa penghulu adalah orang yang dihormati dan ketua bagi satu-satu mukim. Walau bagaimanapun, kelayakan memiliki tanah adalah di atas pertimbangan pegawai jajahan masing-masing. (No. 2246/48 Pahang Secretariat File, SUK Pahang) Peraturan ini telah disokong oleh Sultan Pahang atas nasihat Majlis Raja. (No. 659/49 Pahang Secretariat File, SUK Pahang) Namun begitu, sejak bermulanya peraturan tanah baru yang dibawa oleh British, dokumen hak milik diperkenalkan. Dokumen yang didapati daripada *Pahang Secretariat File* inilah yang membuktikan hak berdaftar seseorang pemilik tanah. Ia juga mengandungi segala perkara dan maklumat yang penting berkaitan dengan tanah seperti geran atau pajakan, peringkat negeri mukim, pelan tanah, keluasan, nombor lot dan lain-lain.

Pemberontakan Pahang 1891 sehingga 1895

Pembaharuan yang dibawa oleh pihak British di Pahang telah mendapat tentangan dalam kalangan pembesar di Pahang iaitu gerakan yang diketuai oleh Dato' Bahaman. Tambahan lagi, pengenalan Sistem Residen di Pahang telah ditentang oleh pembesar-pembesar Melayu yang kehilangan kuasa dan keistimewaan mereka sebagai pemungut cukai dan pentadbir keadilan. Perasaan tidak puas hati ini juga adalah disebabkan oleh undang-undang baru yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Negeri pada 31 Disember 1889 iaitu berkaitan dengan tanah, penghapusan sistem kerah dan hamba abdi. Pembesar-pembesar daerah turut kehilangan kuasa untuk menghakimi kes-kes jenayah dan sivil di kawasan masing-masing. Dato' Bahaman juga tidak dibenarkan untuk memungut cukai dan tidak diberi elaun. Pembinaan balai polis di Lubuk Terua iaitu kawasan jagaannya tanpa kebenaran turut menimbulkan perasaan tidak puas hati Dato' Bahaman. (Jang Aisjah Muttalib, 1972) Tentangan tidak hanya dalam kalangan pembesar, malah rakyat di Pahang juga tidak suka dengan perubahan yang dibuat oleh pihak British. Sebagai contohnya, kepelbagaian cukai yang diperkenalkan dan dinaikkan iaitu cukai tanah seperti tanah kampung, tanah paya, dusun dan tanah nipah dengan kadar 40 sen seekar manakala untuk ladang dan tenggala dengan kadar 20 sen seekar. (Jang Aisjah Muttalib, 1972) Seterusnya, senjata seperti keris sebagai alat untuk keselamatan diri juga tidak dibenarkan untuk dibawa. Hal ini memberi kesan kepada penduduk tempatan yang sangat terikat pada nilai feudalism yang kuat iaitu senjata merupakan alat yang mutlak yang diperlukan kerana melambangkan keberanian sebagai

seorang lelaki Melayu Pahang. (Jang Aisjah Muttalib, 1972). Perkara ini turut dapat dibuktikan lagi dengan petikan di bawah,

“The Pahang boy grows up amid talk of war, and rumours of war, which makes him long to be a man that he may use his weapons almost before he has learned to stand up upon his feet.” (Hugh Clifford, 1903, ms. 21)

Di samping itu, perasaan benci terhadap orang asing timbul dalam kalangan rakyat tempatan apabila kehadiran orang asing terutamanya pasukan polis yang terdiri daripada orang Sikh. Seterusnya, ramai orang Eropah dan Cina yang terlibat dalam perusahaan perlombongan dan penguasaan mereka dalam bidang ekonomi terutamanya dalam sektor perlombongan. Dalam sektor perlombongan ini juga pengabaian berlaku dalam kalangan penduduk tempatan terutamanya pembesar Melayu dalam usaha membawa pembangunan ekonomi. Sistem lesen dan permit untuk memungut hasil hutan dan mencari atap nipah bagi mendirikan rumah yang dahulunya dipungut secara percuma juga menjadi ketidakpuasan hati dalam kalangan rakyat tempatan. Sebagai contohnya, British telah menangkap tiga orang pengikut Dato' Bahaman kerana mengutip hasil hutan tanpa kebenaran daripada pihak British. Tindakan British menyebabkan Dato' Bahaman dan pengikutnya menyerang Balai Polis Lubuk Terua dan peristiwa ini telah mencetuskan peperangan pada 16 Disember 1891. Pada 26 Disember 1891, Hugh Clifford mengetuai pasukan dengan membawa 200 orang tentera untuk menawan semula Lubuk Terua tetapi tewas dalam pertempuran di Kelubi. (Jang Aisjah Muttalib, 1972) Kemudian, Hugh Clifford berundur dan meminta bantuan daripada Singapura pada bulan Januari 1892. Disebabkan oleh kebangkitan yang dilakukan dalam kalangan rakyat tempatan, British telah memaksa Sultan Ahmad untuk menamatkan kebangkitan mereka. 'Gerakan Sultan' (Jang Aisjah Muttalib, 1972) yang bekerjasama dengan Residen British, J. P. Rodger yang bermula pada 22 Januari 1892 telah berjaya menawan 11 buah kubu Dato' Bahaman dimusnahkan dan rombongan mereka telah sampai ke Bentong pada 31 Januari 1892. (Jang Aisjah Muttalib, 1972) Pada bulan Mac 1892 British sekali lagi menyerang Lubuk Terua dan akhirnya pejuang Pahang telah berundur ke Kelantan dan Terengganu. (Jang Aisjah Muttalib, 1972) 14 Jun 1894, Dato' Bahaman dan 100 orang pengikutnya menawan Kuala Tembeling dan Jeram Ampai. British bertindak balas dengan menghantar Kolonel Walker untuk menawan semula Jeram Ampai. (Jang Aisjah Muttalib, 1972) Kemudian, Dato' Bahaman, Tok Gajah dan Mat Kilau berundur ke Kelantan. Justeru, pengunduran ini menandakan berakhirnya perang menentang British di Pahang dan pihak British dapat memperkenalkan pembaharuan dalam sistem pentadbiran tanpa sebarang perlawanan yang dibuat oleh penduduk tempatan.

Rumusan

Undang-undang adat adalah undang-undang lisan dalam bentuk perbilangan maka, ia sukar untuk orang luar untuk menghasilkan suatu undang-undang dalam pentadbiran tanah yang dimiliki oleh sekumpulan masyarakat yang berlainan orientasi. Jadi, dengan kemasukan British di Pahang, dan meletakkan sistem Residen yang dikawal oleh Pemungut Cukai di setiap daerah memudahkan British untuk mengawal keadaan sistem pentadbiran di Pahang. Dengan kemasukan pihak ini juga sistem pentadbiran tanah mengalami perubahan dengan menukarkan sistem pentadbiran tradisional, justeru, penduduk di Pahang menjadi lebih bermakna dengan hak pemilikan tanah yang berdaftar di atas setiap tanah yang dimiliki. Di samping itu, cara ini memberi kesedaran kepada penduduk-penduduk di Pahang supaya mengambil sikap secara terbuka berkenaan dengan sistem tanah yang baru ini bagi membuka

mata ke arah kemajuan dari segi ekonomi dan menghapuskan sistem feodal yang diamalkan sejak dahulu lagi. Justeru, sistem perhambaan turut terhapus apabila setiap masyarakat tidak lagi bergantung kepada Sultan dan pembesar dalam mengerjakan sesuatu pekerjaan.

Rujukan

Dokumen

- British Adviser's office Selangor. (1954). *A General Survey of New Villages*. Kuala Lumpur: Government Press.
- Census of Pahang. (1891). *Straits Settlement Government Gazette, 1892*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Colonial Office 273/142. (1886). *Granville kepada Meade, 18 Mei 1886*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Colonial Office 273/154. (1888). *Smith kepada Sultan Ahmad, 29 Jun 1888*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Colonial Office 273/154. (1888). *Smith kepada Sultan Ahmad, 21 November 1888*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Federated Malay States. (1890). *Supplement to the Pahang Government Gazette, Pahang Administration Report for 1890*. Kuala Lumpur: F.M.S Government Printing Office.
- Federated Malay States. (1896). *Supplement to the Pahang Government Gazette, Pahang Administration Report for 1896*. Kuala Lumpur: F.M.S Government Printing Office.
- No. 2246/48, Pahang Secretariat File, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Kuantan.
- No. 659/49, Pahang Secretariat File, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Kuantan.

Journal Article

- Cowan, C.D. (1964). "Sir Frank Swettenham's Perak Journal 1874-1876", *JMBRAS*, Vol. XXXVII, Pt. 1.
- Clifford, Hugh. (1903). *In Court and Kampong*. London: Grant Richards.
- Low, H. Dissertation on Penang and Province Wellesley, *Journal of the Indian Archipelago*, I, 377.
- Malaysia in history. (2005). Malaysian Historical Society, Vol. 29. Kuala Lumpur.
- Maxwell, W.E. (1884). "Law and Custom of the Malays with reference to the Tenure of Land" *Journal of Straits Branch Royal Asiatic Society*, Vol. 13, June.
- Winstedt, R.O. (1928). "Kedah Law", *JMBRAS*, Vol. VI, Pt. 11.

Book

- Aminudin Abdul Karim. (2012). *Rona-rona Pengembaraan, Peristiwa dan Pembangunan di Pahang*, dlm *Kapitel Kedua: Invigorate Sejarah Pahang dari tahun 1889-1952*. Kuantan: Syarikat Percetakan Inderapura Sdn. Bhd.
- Aruna Gopinath. (1993). *Sejarah Politik Pahang 1880-1935*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buyong Adil. (1972). *Sejarah Pahang*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- David Wong. (1975). *Tenure and land dealings in the Malay States*. Singapore: Singapore University.
- Jang Aisjah Muttalib. (1972). *Pemberontakan Pahang 1891 – 1895*. Kelantan: Pustaka Aman Press.
- John Anderson. (1965). *Political and Commercial Considerations Relative to the Malayan Peninsula and the British Settlements in the Straits of Malacca*. Singapore.

Muhammad Yusoff Hashim, et al. (1992). *Tradisi Persejarahan Pahang Darul Makmur 1800 1930*. Selangor: Tempo Publishing (M) Sdn.Bhd.

Muhammad Fathi Yusof. *Undang-undang Tanah di Malaysia*. Selangor: Mus'ab E-Book Publication, Universiti Teknologi Malaysia.

Monograf Sejarah dan Kebudayaan Negeri Pahang. (1982). Pekan: Lembaga Muzium Negeri Pahang.

Nadzan Haron. (1997). *Pemilikan dan Pentadbiran Tanah Adat 1800 – 1960*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nazri Abdullah. (1985). *Melayu dan Tanah: Tumpuan khusus kepada Tanah Simpanan Melayu*. Kuala Lumpur: Media Intelek Sdn. Bhd.

Technical and Research Reports (often with corporate authors):

Asiah Othman et. al. (2006). *Tesis: Implikasi Pencerobohan Tanah Kerajaan Kajian Kes: Bandaraya Johor Bahru* Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

BULI SIBER MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Mapatan Bin Sudin

Abstrak

Buli siber adalah satu bentuk buli atau gangguan menggunakan alat elektronik dan dikenali juga dengan buli dalam talian. Buli siber semakin umum dalam kalangan masyarakat memandangkan sfera digital telah berkembang dan teknologi telah maju selaras dengan revolusi perindustrian 4.0 (IR 4.0). Buli siber berbeza dengan buli fizikal kerana buli fizikal kita dapat mengetahui siapa mangsa dan siapa pembuli, namun pembuli dan mangsa buli siber sukar di kesan. Penulisan ini akan membincangkan aspek buli siber menurut perspektif Islam iaitu dari aspek Daruriyyat al Khamsah yang mengharuskan setiap muslim untuk melindungi agama (deen), kehidupan (nafs), akal (Aql), garis keturunan (Nasl) dan harta benda (Mal). Buli siber menurut perspektif Islam berpunca daripada akhlak yang tidak baik seperti mengganggu orang lain, menindas hak orang lain, mengintip dan mencari keaiban orang serta sifat syak wasangka dalam diri. Kesannya ialah kepada gaya hidup dan nilai seseorang, penyebaran fitnah, menghadkan pergerakan fizikal seseorang, pengurusan masa terjejas, penyebaran fitnah, menjejaskan hubungan kekeluargaan dan jiran tetangga serta kemerosotan akademik bagi remaja yang bergelar pelajar. Namun Islam menyediakan garis panduan untuk pencegahan buli siber yang antara lain menekankan aspek menjaga amanah sesama manusia, menjaga privasi dan hak orang lain, menjaga aib diri dan orang lain, memeriksa maklumat yang diterima dan dikirim serta bersifat menyelidik maklumat yang ada di media sosial ataupun disebut *tabayyun* dalam Islam.

Kata Kunci: Buli Siber, Perspektif Islam

Pengenalan

Buli siber adalah gangguan yang berterusan, sebarang penghinaan yang berterusan, sebarang penghinaan yang dilakukan di alam siber iaitu internet, tanpa wayar atau telefon ke atas remaja. Pembuli di alam siber lebih agresif kerana identiti mereka yang tidak diketahui (AITI Cyber Safety). Buli siber juga didefinisikan sebagai penggunaan komunikasi berasaskan teknologi termasuk telefon selular, emel, mesej segera, dan jaringan sosial yang bertujuan menimbulkan gangguan atau ugutan terhadap individu melalui mesej atau ekspresi secara dalam talian (Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia). Buli siber juga ditakrifkan sebagai penggunaan komunikasi berasaskan teknologi, termasuk telefon bimbit, e-mel, mesej segera, dan rangkaian sosial, yang bertujuan untuk mencetuskan gangguan atau ancaman kepada individu melalui mesej atau ekspresi dalam talian (Brady, 2010)

Menurut Ketua Kemampanan Digi Philip Ling, berdasarkan Digi's 2018 Yellow Heart *Cyberbullying and Youth Disposition Survey 2018*, sebanyak 20.5 peratus kanak-kanak sekolah mengatakan mereka dibuli dalam talian, manakala 42.1 peratus mengakui tahu siapa dalam kalangan mereka dibuli. Manakala menurut Che Hasniza (2018) dalam kajian yang melibatkan 276 remaja Malaysia mendapati bahawa 30 peratus daripada keseluruhan responden pernah menjadi mangsa buli dalam talian. Selain daripada itu juga, responden yang meluangkan masa dalam talian lebih lama cenderung menjadi mangsa buli siber. Situasi ini dilihat sebagai satu fenomena sosial negatif yang memerlukan perhatian khusus oleh semua lapisan masyarakat.

Buli siber di negara ini sudah sampai ke tahap yang amat membimbangkan. Ini dinyatakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia (CSM), Datuk Dr Amirudin Abdul Wahab, buli siber di negara ini berada pada tahap serius ketika ini dan masyarakat perlu bersedia menghadapi ancaman berkenaan. Jika tidak dibendung, buli siber akan menjadi ancaman kepada diri dan masyarakat kerana buli siber dikesan lebih bahaya berbanding buli secara fizikal berikutan buli siber boleh dilakukan sesiapa saja tanpa kawalan di alam internet. Perkara ini disokong berdasarkan statistik Pusat Bantuan Cyber999 terdapat 51 kes membabitkan remaja berusia sehingga 18 tahun, 19 tahun hingga 25 tahun mencatatkan 246 kes, manakala remaja berumur 26 tahun hingga 40 tahun mencatatkan 314 kes, 69 kes melibatkan individu berumur 41 tahun hingga 55 tahun dan 56 tahun ke atas. Manakala jumlah kes yang dilaporkan kepada Pusat Bantuan Cyber999 yang dikendalikan oleh CSM dan penguat kuasa undang-undang mencatatkan pada suku ketiga tahun 2017 sebanyak 228 kes dilaporkan kepada Pusat Bantuan Cyber999, manakala pada tahun 2016 sebanyak 344 kes, 319 kes pada tahun 2015, pada tahun 2014 mencatatkan 374 kes, 410 kes pada tahun 2013 dan mencatatkan pengurangan kes iaitu 62 kes sahaja pada tahun 2012. (Pusat Bantuan Cyber999).

Satu kajian yang dilakukan oleh CyberSecurity Malaysia dan Kementerian Pelajaran Malaysia mendapati pada tahun 2013 mendapati 13 peratus responden daripada 9651 pelajar dari 459 sekolah rendah dan menengah di seluruh Malaysia mengaku sedang menjadi mangsa buli siber manakala 26 peratus responden pernah mengalami situasi buli siber (Cybersecurity Malaysia, 2014). Selain itu, satu organisasi bebas iaitu *Sosial Networking Fact Sheet* (2014), menjalankan kajian dan mendapati bahawa 89 peratus remaja berumur 18 tahun hingga 29 tahun menggunakan laman jaringan yang merupakan peratus tertinggi berbanding peringkat umur lain. Kajian juga menunjukkan laman web media sosial yang sering digunakan remaja ialah Facebook iaitu sebanyak 71 peratus diikuti Twitter 23 peratus. Laman sosial Instagram mencatatkan 26 peratus, Pinterest dan LinkedIn mencatatkan masing-masing 28 peratus penggunaan oleh remaja

Buli Siber Menurut Perspektif Islam

Buli siber dari perspektif Islam dianggap sebagai perbuatan mengganggu atau menindas hak orang lain dan dikategorikan sebagai “Zulm” dalam perkataan arab yang digunakan secara bergantian untuk kekejaman atau perbuatan penindasan dan salah laku yang tidak adil yang mana seseorang itu merosakkan hak orang lain atau tidak memenuhi kewajibannya terhadap mereka sebagai seorang lelaki. Orang yang melakukan zulm dipanggil zalimin atau yang jahat. Dalam Fiqh (perundangan Islam) Zalim sering dianggap sebagai bertentangan dengan konsep Adl (keadilan) yang memberi penekanan kepada perlindungan keperluan asas manusia iaitu agama, kehidupan, keturunan, martabat, minda dan harta benda. Ancaman buli siber telah didedahkan ALLAH sejak 1,420 tahun lalu tentang penyalahgunaan teknologi menerusi surah Al-Ahqaaf [46:24] bermaksud,

“Maka tatkala mereka melihat azab itu berupa awan yang menuju ke lembah-lembah mereka, berkatalah mereka: "Inilah awan yang akan menurunkan hujan kepada kami". (Bukan)! bahkan itulah azab yang kamu minta supaya datang dengan segera (iaitu) angin yang mengandung azab yang pedih.”

Islam menyediakan garis panduan yang jelas berhubung dengan interaksi sosial dan hubungan manusia. Prinsip umum ini disebut Daruriyyat al Khamsah yang mengharuskan setiap muslim untuk melindungi agama (deen), kehidupan (nafs), akal (Aql), garis keturunan (Nasl) dan harta benda (Mal) (Wan Ibrahim, Asyraf, Fadzli, 2004). Perlindungan prinsip-

prinsip ini akan membawa keamanan dalam masyarakat manusia termasuk keamanan dalam individu, keluarga dan komuniti besar. Apa-apa tindakan gangguan orang lain melalui e-mel, atau mesej adalah dilarang. Nabi Muhammad (saw) menyebut,

“Muslim adalah salah satu dari lidahnya dan tangan Muslim lain yang aman. Orang yang berhijrah adalah orang yang meninggalkan perkara-perkara yang telah dilarang Allah (Al-Bukhari).

Dalam konteks Islam, buli siber tidak mempunyai tempat dalam masyarakat kerana buli siber bercanggah dengan nilai positif yang disebutkan dan disediakan oleh Islam. Ini kerana dalam Islam, pendekatan pencegahan adalah lebih ditekankan untuk mengelakkan bencana yang lebih besar pada individu, keluarga dan masyarakat secara keseluruhannya. Ini dibuktikan dengan ayat berikut dalam Al-Quran surah Al-Hujurat ayat 12 yang bermaksud

“Wahai orang-orang yang beriman, jauhilah banyak dari prasangka, sesungguhnya sebagian prasangka itu dosa. Dan janganlah kamu mencari-cari kesalahan orang lain. Apakah ada di antara kamu yang suka memakan daging saudaranya yang sudah mati? Tentu kamu merasa jijik. Dan bertakwalah kepada Allah, sungguh Allah Maha Penerima taubat, Maha Penyayang.” (QS. Al-Hujurat: 12)

Seterusnya buli siber merangkumi syak wasangka, gossip dan pengintipan dan merupakan perbuatan yang jahat dan dilarang dalam Islam. Buli siber boleh menyakitkan dan menghina mangsa yang boleh menyebabkan kemusnahan kepada diri sendiri dan orang lain. Ini ditekankan oleh Saidina Umar Ibn Khattab berkata:

“Jika saudara Muslim anda membuat pernyataan yang samar-samar kepada anda, anda hanya perlu berfikir yang terbaik dan anda akan mendapat penjelasan yang baik untuknya”.

Kesan Buli Siber Menurut Perspektif Islam

Buli siber boleh berlaku selama-lamanya iaitu 24 jam sehari, 7 hari seminggu dan 365 hari setahun dan ini memberikan kesan yang sangat mendalam kepada pemikiran, fizikal, emosi, rohani dan nilai seseorang. Kewujudan banyak laman web yang negatif, berunsur lucah dan keganasan yang mudah diakses oleh remaja akan memberikan kesan kepada gaya hidup dan nilai seseorang itu. Perbuatan menyebarkan gambar seseorang yang tidak senonoh, kata-kara lucah dan unsur-unsur keganasan memberikan kesan mendalam khasnya kepada mangsa buli siber. Perlakuan-perlakuan menyebarkan aib seseorang amatlah dilarang di dalam Islam dan perbuatan sering mengakses benda yang tidak senonoh akan merosakkan akhlak seseorang. Ini tersebut amat di larang di dalam Islam kerana boleh menghampirkan seseorang itu kepada zina. Sebagaimana firman Allah dalam al-Quran Surah al-Isra', 17:32 yang bermaksud;

“Jangan kamu hampiri perbuatan zina kerana ia adalah amalan yang sangat keji”.

Selain daripada itu juga, kemudahan internet sering disalahgunakan untuk kepentingan peribadi. Gejala utama yang selalu dikaitkan dengan teknologi internet ialah penyebaran fitnah dan gosip oleh satu pihak bagi tujuan memburukkan, memalukan atau menjatuhkan pihak lain. Fitnah disebar menggunakan laman web internet, sms, mms dan media lain. Menurut ajaran Islam, penyebaran fitnah adalah satu perbuatan yang sangat

dilarang oleh Allah kerana fitnah memberi kesan terhadap maruah dan kedudukan seseorang individu serta keluarganya. Firman Allah dalam al-Quran Surah Al-Baqarah: 191 yang bermaksud;

“Fitnah itu lebih merbahaya dari membunuh”

Buli siber juga memberi kesan dari aspek pengurusan masa dan menghadkan pergerakan dan perkembangan fizikal seseorang. Ini kerana, remaja yang banyak menghabiskan masa dengan media sosial dengan menggunakan telefon pintar, mereka dapat melayari internet dengan mudah dan di mana sahaja mereka berada. Masalah ini tidak boleh dipandang remeh kerana satu kajian dijalankan oleh Laporan Keluarga Norton online 2019 mendapati bahawa remaja Malaysia menghabiskan masa mereka selama 18 hingga 20 jam dalam seminggu dengan media sosial. Bahkan yang lebih membimbangkan lagi, sembilan daripada sepuluh remaja Malaysia terdedah kepada perkara negatif daripada penggunaan media sosial (Ayub et al., 2019). Perbuatan ini menyebabkan pembuli siber dan mangsa buli siber banyak menghabiskan banyak masa dalam rumah berbanding di luar dan menyebabkan masalah kegemukan atau “obesity” (Jasmi, Kamarul Azmi et al, 2015). Perbuatan pembaziran masa akibat banyak melayari media sosial diterangkan oleh Allah dalam Al-Quran yang bermaksud

“Demi Masa, Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar. (Surah al-Asr, 103: 1-3)

Buli siber juga memberi kesan yang mendalam kepada pembuli siber dan mangsa buli siber dari aspek perkembangan akademik. Remaja yang menghabiskan masa lapang mereka dengan media sosial secara berlebihan akan menyebabkan ketagihan (Al-Qorni, 2010; Fadzli Yusof & A. Muthalib, 2006; Jasmi, Kamarul Azmi, 2017; Jasmi, Kamarul Azmi, Mustari, et al., 2017; Jasmi, Kamarul Azmi & Razali, 2017; Jasmi, Kamarul Azmi, Saleh, et al., 2017; Jasmi, Kamarul Azmi & Zulkifli, 2016; Lukman, 2009; Marican & Mohamed, 1995). Dalam masa yang sama, pembelajaran di sekolah menjadi semakin bosan dan tidak menarik bagi mereka sehingga menyebabkan mereka sanggup ponteng sekolah (Abdul Razak, 2006; Jasmi, Kamarul Azmi & Tamuri, 2007) semata-mata untuk menggunakan media sosial (Hasbollah et al., 2019; Mohd Azmi et al., 2019; Moktar et al., 2019). Hal ini menyebabkan mereka malas untuk hadir ke sekolah menyebabkan prestasi akademik mereka semakin merosot dan ketinggalan dalam pelajaran. Sedangkan Allah SWT berfirman menjelaskan tentang kepentingan ilmu dan menyebarkan ilmu

“Wahai orang yang beriman. Apabila diminta kepada kamu memberi lapang daripada tempat duduk kamu (untuk orang lain) maka lapangkanlah sebolehnya supaya Allah melapangkan (segala halnya) untuk kamu. Dan apabila kamu diminta bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang yang beriman antara kamu, dan orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (daripada kalangan kamu) beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan (Surah al-Mujadilah, 58: 11)

Buli siber juga menyebabkan remaja lebih cenderung kepada gejala negatif (Abdul Halim et al., 2019; Ayub et al., 2019; Azman, 2018; Ismail, M. S. et al., 2019; Rosli et al., 2019). Ini kerana dalam alam siber banyak memaparkan gambar yang tidak sopan dan budaya baru yang menjadi ikutan dalam kalangan remaja masa kini. Remaja terdedah dengan aktiviti seperti pergaduhan dan pembulian secara lisan di alam siber kerana memperli para rupa dan bentuk fizikal seseorang. Selain itu, ramai dalam kalangan anak muda ingin dikenali sebagai seseorang yang hidupnya lebih mewah, lebih terkenal atau “role model” kepada anak muda yang lain. Mereka sering memuat naik gambar tentang aktiviti harian dan menunjukkan kemewahan hidup yang mereka perolehi. Kenyataan ini berdasarkan hadis berikut yang bermaksud

Abu Hurairah RA berkata, “Rasulullah SAW bersabda, “Sesungguhnya Allah SWT tidak melihat kepada rupa dan harta kamu. Akan tetapi Allah SWT melihat kepada hati dan amalan kamu.” 36 (Muslim)

Buli siber juga memberi kesan dengan berleluasanya penyebaran maklumat palsu, penyebaran fitnah terhadap seseorang remaja. Remaja sering memuat naik berita-berita palsu tentang seseorang dan memfitnah orang yang tidak disukai di laman sosial. Tujuan remaja yang menyebarkan maklumat palsu dan fitnah semata-mata ingin mendapat perhatian ramai di laman sosial dengan mendapat banyak *like* dan komen dan bertujuan memalukan mangsa tersebut. Ini memberikan kesan yang mendalam terhadap emosi remaja mangsa buli siber dan terdapat kes remaja seperti Amanda Todd yang membunuh diri akibat dimalukan dan difitnah di laman sosial. Perbuatan tersebut menggambarkan rendahnya keperibadian dan akhlak dalam kalangan remaja tersebut (Abd Razak et al., 2016; Ismail, A. M., 2009; Norhisham, 2015; Suhid, 2007; Yusuf, 2011). Hal ini sangat membimbangkan kerana akhlak dalam diri yang akan menentukan nasib dan masa depan mereka. Allah SWT berfirman

“Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. (Surah al-Ra’d, 13: 11)

Hubungan kekeluargaan, jiran tetangga dan sesama rakan sebaya akan terkesan akibat perbuatan buli siber. Buli siber yang teruk dan kronik boleh menyebabkan mangsa menjadi resah, mengasingkan diri dari rakan-rakan dan ahli keluarga. Hubungan silaturrahim haruslah dikekalkan dan diertatkan dan janganlah sesekali memutuskannya (Basiron, 2017; Djaelani, 2013; Fauzan, 2007; Idris et al., 2019; Mohamad, K. A. & Othman, 2009; Mustafa, 2007; Mustari & Jasmi, 2008; Pauzi, 1990). Seperti diriwayatkan dalam hadis riwayat ‘Abdullah bin ‘Amr bahawa Rasulullah SAW bersabda (Al-Bukhari, M., 2001: 5991 bermaksud;

“Bukanlah orang yang menyambung (silaturrahim) itu adalah orang yang membalas kebaikan orang lain setimpal sepertimana yang dilakukan kepadanya, akan tetapi penyambung itu adalah orang yang jika ada yang memutuskan hubungan dengannya, dia bertindak menyambungnya. (Al-Bukhari)

Buli siber juga memberi kesan kepada aspek penggunaan bahasa baru atau lebih dikelani sebagai bahasa rojak. Pembuli siber sering menggunakan kata-kata singkatan untuk memperli mangsa dan juga simbol-simbol yang boleh menyebabkan mangsa tertekan. Bahasa yang digunakan oleh pembuli siber menggunakan bahasa rojak. Dari segi linguistik, satu teori yang sangat bersesuaian dengan buli siber adalah teori ketidaksantunan dalam berbahasa yang dicadangkan oleh Culpeper pada tahun 1996. Culpeper (2008:36) menyatakan

ketidaksantunan berbahasa sebagai satu cara komunikasi yang dilakukan secara tidak sengaja untuk menjatuhkan air muka seseorang. Antara penggunaan kata-kata kesat dalam Bahasa Inggeris dalam kalangan remaja Malaysia ialah *f*ck, sh*t, holy f*ck, holy sh*t, d*mn, f*ck up, d*mb*ss, b*tch dan as*h*l** (Azianura Hani & Mohamad Rahim, 2019). Bahasa ini banyak digunakan dalam laman sosial seperti Whatsapp dan Facebook untuk memudahkan pergaulan. Hal ini menyebabkan Bahasa Melayu yang menjadi bahasa perantaraan rasmi di negara Malaysia semakin lemah dan luntur. Bahasa baru ini dihasilkan melalui media sosial dan menjadi bahasa pergaulan anak muda zaman sekarang. Generasi muda yang akan menjadi pemimpin di masa akan datang tidak mahu menggunakan Bahasa Melayu yang asli. Hal ini menyebabkan jatuhnya darjat Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi di negara ini. Dalam diberi kebebasan untuk bersuara, adab dalam berkata-kata haruslah dijaga dan elakkan berkata sesuatu yang tidak sopan dan menyakiti hati orang lain. Allah SWT berfirman bahawa:

“Allah tidak suka kepada perkataan-perkataan buruk yang dikatakan dengan berterus-terang (untuk mendedahkan kejahatan orang); kecuali oleh orang yang dianiayakan. Dan (ingatlah) Allah sentiasa Mendengar, lagi Maha Mengetahui. (Surah al-Nisaa, 4: 148)

Perbuatan buli siber juga mampu merosakkan imej negara sebagai sebuah negara Islam. Menurut Pusat Cyber999, Malaysia pada tahun 2018 berada pada kedudukan yang keenam dari 28 negara yang mencatatkan kes buli siber terbanyak di seluruh dunia. Pelbagai trend dan budaya yang tidak baik disalurkan oleh pembuli siber dari luar Negara ke laman sosial untuk tatapan remaja di Malaysia. Trend berpakaian yang dianggap moden dan terkini dipaparkan di media sosial dan alam siber untuk ikutan remaja khususnya remaja wanita beragama Islam. Islam tidak pernah melarang umatnya untuk berpakaian yang cantik dan berhibur, namun perlulah berdasarkan landasan yang telah ditetapkan oleh agama Islam. Sekiranya ingin dikenali ramai dengan cara mendedahkan aurat, tarian seksi dan sebagainya, pasti ditolak oleh Islam (Azman, 2018). Sebagai umat Islam perlulah menjaga tingkah laku dan tidak melakukan sesuatu yang boleh mendatangkan dosa. Seperti dalam al-Quran yang bermaksud

“Dan tiadalah (kejahatan) yang diusahakan oleh tiap-tiap seorang melainkan orang itulah sahaja yang menanggung dosanya. (Surah Al-An’aam, 6: 164)

Pencegahan Buli Siber Menurut Perspektif Islam

Terdapat beberapa langkah yang sangat penting untuk menghentikan siber buli dalam kalangan masyarakat khususnya dalam kalangan remaja Pencegahan yang dicadangkan dalam penulisan ini adalah berlandaskan kepada al-Quran, hadis, ijmak dan qias. Islam amat menekankan aspek pencegahan dalam mengatasi sesuatu perkara selaras dengan pepatah melayu yang berbunyi ‘mencegah lebih baik dari mengubati’.

Pencegahan buli siber menurut perspektif Islam antaranya ialah dengan cara menghormati hak sesama manusia. Islam adalah agama yang amat menitikberatkan mengenai pembangunan manusia kerana ia adalah asas kepada pembangunan tamadun manusia. Hubungan dengan Allah dan hubungan antara sesama manusia, kedua-duanya penting dalam Islam. Pada era teknologi maklumat, kadang-kadang manusia kurang menitikberatkan terhadap etika hubungan interpersonal di alam siber sehingga timbul pelbagai masalah seperti konflik dan permusuhan sesama manusia sama ada konteks sosial, politik atau ekonomi. Perkara ini menjadi tanggungjawab seorang Muslim untuk menjadi manusia yang adil,

menyatakan tidak bersetuju dengan mereka secara jujur, menikmati persahabatan bersama mereka, bekerjasama untuk tujuan yang sama dan membantu satu sama lain untuk mencapainya. Penghormatan tersebut dilakukan atas dasar ajaran agama. Firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala dalam surah Al-Qasas ayat 77.

“Dan carilah pada apa yang telah di anugerahkan Allah kepadamu (kebahagiaan) negeri akhirat, dan janganlah kamu melupakan kebahagiaanmu dari (kenikmatan) duniawi dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu, dan janganlah kamu berbuat kerosakan di muka bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerosakan.”

Seterusnya Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wassalam turut bersabda yang bermaksudnya:

“Sesungguhnya dunia itu manis dan menghijau. Dan sesungguhnya Allah mengangkat kalian sebagai khalifah di dalamnya untuk melihat (menguji) bagaimana kalian bekerja. Maka berhati-hatilah dengan dunia dan berhati-hatilah dengan wanita. Kerana sesungguhnya fitnah Bani Israil adalah pada wanita” Setiap kemudahan yang diberikan dan dibenarkan oleh agama Islam, sudah tentu ada batasannya. Allah melarang hamba-hambanya bersifat berlebih-lebihan dalam beribadat apa tah lagi di dalam mencari kesenangan dunia.

Firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala dalam surah Al-Maidah ayat 77 yang bermaksud;

“Katakanlah hai ahli kitab, janganlah kamu berlebih-lebihan (melampaui batas) dengan cara tidak benar dalam agamamu. Dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu orang-orang yang telah sesat dahulu (sebelum kedatangan Muhammad) dan mereka telah menyesatkan kebanyakan (manusia), dan mereka tersesat dari jalan yang lurus.”

Seterusnya buli siber dapat dicegah dengan cara menghormati privasi dan hak peribadi orang lain. Di Malaysia terdapat undang-undang di bawah Akta 709 iaitu Akta Perlindungan Data Peribadi 2019 bertujuan untuk melindungi hak peribadi dan privasi seseorang. Pembuli siber misalnya telah melanggar hak peribadi seseorang dengan mencuri maklumat dan menyiarkan maklumat tersebut di media sosial. terdapat banyak ayat Al Quran yang menyentuh mengenai hak peribadi, kepercayaan dan kecurian maklumat yang boleh dijadikan rujukan. Antaranya Firman Allah mengenai hak peribadi dalam konteks melibatkan kediaman yang bermaksud;

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu masuk dalam mana-mana rumah yang bukan rumah kamu, sehingga kamu terlebih dahulu meminta izin serta memberisalam kepada penduduknya; yang demikian adalah lebih baik bagi kamu, upaya kamu beringat (mematuhi cara dan peraturan)” (An-Nur, 24: 27)

Pencegahan buli siber juga dapat dilakukan dengan menjauhi dari mencari keaiban orang lain. Pembuli siber sering mencari kesalahan dan keaiban orang lain dengan menyelidik maklumat mangsa dan kemudiaannya mendedahkan maklumat tersebut kepada umum melalui Mdengan masyarakat sekeliling. Malah aktiviti mengendap dan membuli siber ini tidak selaras dan jauh terpesong dari dengan ajaran Islam. Allah SWT memberi peringatan

mengenai larangan mencari dan mendedahkan keaiban orang lain melalui surah al Hujurat ayat 12 seperti di bawah.

“Wahai orang-orang yang beriman, jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan tersebut) dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah penerima taubat, lagi Maha Mengasihani”

Selain daripada itu, pencegahan buli siber dapat dilakukan dengan cara amanah dalam menjaga maklumat dan data peribadi diri sendiri dan orang lain. Amanah merupakan perkara yang penting dalam diri seorang muslim. Sifat ini akan memandu manusia dalam amalan seharian. Ia juga sifat yang akan menentukan baik buruk akhlak seseorang dalam urusan seharian. Salah satu agensi kerajaan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang bertanggungjawab mengawasi keselamatan ‘online’ di negara ini iaitu Cybersecurity Malaysia melaporkan hampir 9,370 insiden online berlaku pada tahun ini (data sehingga november 2018). Ia meningkat 15 peratus berbanding tempoh setahun pada tahun lalu iaitu 7,962 kes. Pemangsa siber sering menyalahgunakan maklumat mangsa dan menceroboh data peribadi mangsa kemudian menyebarkan untuk tujuan memalukan dan mengaibkan mangsa dalam alam siber. Sesungguhnya sifat amanah itu dituntut dalam Islam dan Allah melarang hambanya mengkhianati amanah yang telah diberikan. Ini ditekankan Allah melalui surah An-Nisa 4:58

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa melihat.

Bagi mangsa buli siber pula, perkara yang perlu dilakukan adalah dengan memeriksa dan menyelidik kesahihan maklumat yang diterima. Mengikut Kajian Pengguna Internet 2018 oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), peratusan pengguna Internet pada tahun lalu berada pada 87.4 peratus. Sementara itu, tinjauan menganggarkan ada lebih 24 juta pengguna media sosial. Berdasarkan maklumat itu, masyarakat Malaysia mengalami pelbagai situasi di mana mesej sensitif serta ‘radang’ yang boleh mengancam keharmonian disebarkan melalui media sosial. Mesej itu termasuk berbentuk propaganda dan fitnah membabitkan agama, bangsa dan bahasa dengan tujuan untuk menimbulkan konflik antara rakyat berbilang agama dan kaum. Maklumat dalam media sosial tidak semestinya tepat dan benar. Oleh itu, penting bagi pengguna mengesahkan perkara yang disebarkan di media sosial. Oleh itu konsep tabayyun perlu didedahkan kepada seseorang remaja. Satu kajian dijalankan Nur Azira Rameli dari Universiti Kebangsaan Malaysia terhadap 200 pemuda Malaysia yang memberi respons kepada soal selidik mengenai penggunaan media sosial dan tabayyun mendedahkan, konsep itu adalah elemen penting dalam mengesahkan maklumat daripada media sosial dalam konteks Malaysia (Ali, 2019).

Menurut ulama abad ke-14, Ibn Kathir, tabayyun adalah proses pemantauan berita atau peristiwa sebelum disebar. Konsep tabayyun memerlukan individu lebih berhati-hati membuat kesimpulan. Ia adalah konsep Islam yang bermaksud pengesahan. Imam al-Syaukani berkata, tabayyun adalah memeriksa dengan teliti dan yang dimaksud dengan tatsabbut adalah berhati-hati dan tidak tergesa-gesa, melihat dengan keilmuan yang dalam terhadap sebuah peristiwa dan kabar yang datang, sampai menjadi jelas dan terang baginya. Allah SWT memerintahkan supaya menyelidik serta mendapat kebenaran berita yang disampaikan seseorang. Ini kerana bagi mengelak daripada terjadinya perkara yang tidak diinginkan berlaku. Allah SWT menjelaskan perkara ini di dalam al-Quran, firmanNya dalam surah Al-Hujurat ayat 06 yang bermaksud;

“Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diinginkan dengan sebab kejahatan kamu (mengenainya)-sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan”

Kesimpulan

Penulisan mengenai buli siber menurut perspektif Islam ini akan membuka kefahaman kepada masyarakat Islam khasnya bahawa buli siber memberikan implikasi yang dapat merugikan individu Islam dan masyarakat Islam. Pembuli siber dan mangsa buli siber diberikan perhatian khusus dalam Islam kerana perbuatan tersebut adalah bertentangan dengan syariat dan akhlak Islam. Dalam Islam diberikan penekanan kepada keharmonian dan pemeliharaan agama (deen), akal (aql), kehidupan (nafs) dan asal keturunan (nasl). Buli siber berlaku berpunca daripada perbuatan zalim seseorang kepada seseorang yang lain dengan mengganggu dan menindas hak orang lain.

Buli siber juga memberikan kesan kepada gaya hidup dan nilai seseorang dan masyarakat tersebut, berleluasanya penyebaran fitnah dan gosip, kesan kepada pengurusan masa seseorang yang banyak membazir masa kepada laman sosial. Buli siber juga akan menghadkan pergerakan dan perkembangan seseorang, kemerosotan akademik, wujudnya gejala negatif, penyebaran maklumat palsu dan fitnah, merosakkan hubungan kekeluargaan, sesama rakan dan jira tetangga

Islam merupakan agama yang membawa risalah *a'lamiyyah* (universal) bertujuan menyalur kesejahteraan yang seimbang dan kebahagiaan lestari dan berkekalan dari dunia hingga akhirat. Sesuai dengan ciri pembawa rahmat kepada sekalian alam, agama Islam menawarkan penyelesaian yang amat sempurna kepada pelbagai masalah termasuk masalah buli siber. Menurut al-Ghazali manusia akan dapat mencapai kepada kesempurnaan apabila memiliki segala ilmu tentang ketuhanan dan bermujahadah dengan ilmu yang diperolehi dengan menentang kehendak hawa nafsu (ibid.) disamping sentiasa melatih diri untuk melazimi sifat-sifat mahmudah dalam kehidupan seharian (Ibid)

Rujukan

- Ab Halim, Fazlinda, & Muslaini, Mohammad Siraj Munir. (2018). Impak Media Sosial Terhadap Tingkah Laku Sosial Pelajar di Kolej Vokasional. *Online Journal for TVET Practitioners*, 3(1).
- Abdul Kadir, Fakhru Adabi Paad, Nur Shahidah Abd Ghapar, Mohd Nawawi (2013) *Salah laku remaja dan asas penyelesaiannya menurut perspektif Islam*. In: International Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society 2013, 30 Nov- 01 Dec 2013, Kuala Terengganu.
- Abd Razak, Siti Rashidah, Hamzah, Haslina, & Rashed, Zetty Nurzuliana. (2016). Cabaran Guru Pendidikan Islam dalam Pembentukan Akhlak Pelajar. *Journal of Social ad Humanities*, Special Issue 3, 101-108.
- Ali Asman (2019). *Tabayyun Bendung Maklumat Negatif*. Utusan Metro.

- Al-Qorni, 'Aidh Abdullah. (2010). *Mendidik Remaja Muslim Menjadi Orang Beriman & Bertakwa (Mujahidin Muryadi, Trans.)*. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Shafa.
- Ayub, Muhammad Syazwan, Rozali, Amirul Azha, & Marni, Nurazmallail. (2019). *Media Sosial dan Kecanduan Penggunaan Menurut Islam*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Azianura Hani Shaari, Mohammad Rahim Kamaluddin. (2019). *Buli Siber: Ketidaksantunan Bahasa dan Etika Media Sosial dalam Kalangan Remaja Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azianura Hani Shaari. (2017). *Language of the Digital Minds*. Bangi UKM Press.
- Azman, Munirah. (2018). *Kesan negatif budaya ikut trend media sosial*. Retrieved from <https://www.kosmo.com.my/k2/rencana-utama/kesan-negatif-budaya-ikut-trend-media-sosial-1.714782>
- Brady, K.P. (2010). Cyberbullying. *Encyclopedia of law and higher education*. Sage Publications, Inc.
- Che Hasniza Che Noh, Mohd Yusri Ibrahim, Fatimah Yussoff. (2018). *Meneroka Ciri Dan Faktor Buli Siber Kalangan Remaja Di Malaysia*. Penerbit UMT.
- Ismail, Ahmad Munawar. (2009). *Pengaruh Akidah Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Di Malaysia*. (Doktor Falsafah), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ismail, Mohd Shawal, Khor, Shaw Zhan, & Mohamad, Ahmad Marzuki. (2019). *Media Sosial dan Impak Psikologi Menurut Islam*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor
- Jasmi, Kamarul Azmi; Md Saleh @ Masrom, Siti Fauziyani; Razali, Siti Suraini. (2017). *Peranan Islam dalam Membentuk Peribadi Remaja Cemerlang in Remaja Hebat Siri 2: Akhlak Sebagai Dasar Pembangunan Remaja Muslim*, p. 1-18, ISBN: 978-983-52-1377-9
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2017). *Pembangunan Akhlak*. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Kedua ed., Vol. 1, pp. 149-150). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam UTM & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam (Malaysia)
- Norhisham, Muhamad. (2015). *Biah Solehah Dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)*. (Doktor Falsafah), Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. Pusat Bantuan Cyber999.
- Muhammad Fathi Noor Din. (2019). *Tabayyun dalam Penerimaan dan Penyampain Berita*. Bayan Linnas.
- Razali, Nurul Afiza; Hera, Noor; Jasmi, Kamarul Azmi (2019). *Media Sosial dan Impak Negatif Menurut Islam in Jasmi, Kamarul Azmi (Ed.)*, Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19) pada 15hb. Disember 2019 di DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM, p. 33-48.
- Rosli, Tasnim, Muniandy, Yogenathan, & Jasmi, Kamarul Azmi (2019). *Media Sosial dan Impak Tingkah Laku Menurut Islam*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor
- Suhid, Asmawati. (2007). Pengajaran Adab dan Akhlak Islam dalam Membangunkan Modal Insan. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 8(167), 167-178.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (2019)
- Tamrin Amboala, Ainnur Hafizah Anuar Mokhtar, Mohd Zulkifli Muhammad, Nasrul Hisyam Nor Muhamad. (2014). *Undang-Undang Siber dari Perspektif Islam*. Universiti Malaysia Kelantan.
- Yusuf, Nashruddin (2011). Perspektif Islam tentang Pengintegrasian ilmu Akhlak Dalam Pembelajaran Ilmu Sains dan Penerapannya di Lembaga Pendidik Islam, *Lembaga Penelitian dan Pengabdian*, 14(2).

PENGARUH MEDIA SOSIAL TERHADAP TINGKAH LAKU PENCARIAN MAKLUMAT POLITIK DALAM KALANGAN BELIA

Nor Hafizah Abdullah

Abstrak

Dalam dunia moden hari ini, pengetahuan politik tidak lagi sekadar disampaikan atau dicari melalui kaedah tradisional seperti menghadiri perhimpunan politik tetapi proses ini turut melangkaui kaedah lain seperti perkongsian dan pencarian maklumat politik di alam siber terutamanya di media sosial. Aktiviti pencarian maklumat politik menggunakan internet kini telah menjadi suatu fenomena global dan telah berkembang dengan pesat. Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui pola penggunaan media sosial dalam kalangan belia dari sudut pencarian maklumat politik. Data diperolehi daripada 370 orang belia yang berumur 18-29 tahun di Malaysia. Implikasi kajian ini memberi perspektif baharu mengenai pencarian maklumat politik dalam konteks media baharu iaitu media sosial di mana pengguna terbesarnya ialah golongan belia. Di samping itu dapat membantu pihak institusi kerajaan terutamanya dan pembangkang amnya untuk merancang penyaluran maklumat politik atas talian secara kreatif, sesuai serta relevan dengan kehendak, keperluan, tujuan serta persekitaran belia selari dengan keperluan serta perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) masa kini.

Kata Kunci: Media Sosial, Tingkah laku Pencarian Maklumat Politik, Belia, Malaysia

Pengenalan

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (2015) mendapati kadar penembusan internet di Malaysia adalah dalam sekitar 67 peratus dan pengguna internet yang tertinggi adalah golongan yang berusia 20-24 tahun (24.2 peratus). Didapati juga aktiviti pencarian maklumat merupakan aktiviti atas talian yang kedua popular iaitu 90.1 peratus berbanding untuk tujuan mesej (92.7 peratus) dalam kalangan masyarakat di negara ini (SKMM, 2016). Begitu juga dengan kadar penembusan jalur lebar (broadband) di Malaysia yang hampir 70 peratus dan masyarakat lebih menghabiskan masa sehingga 20 jam seminggu telah meletakkan internet berpotensi sebagai sumber utama maklumat (Bunt, 2009) yang sekaligus menggalakkan proses penyertaan dan tingkah laku pencarian maklumat politik dalam kalangan belia khususnya.

Salah satu teknologi komunikasi berasaskan Internet yang menjadi sambutan di seluruh dunia ialah media sosial. Media sosial dianggap teknologi komunikasi yang paling berpengaruh dalam mengubah tingkah manusia dalam segala aspek kehidupan (Lee & Lim 2015). Media sosial dianggap teknologi komunikasi yang paling berpengaruh dalam mengubah tingkah manusia dalam segala aspek kehidupan (Lee & Lim 2015). Lebih daripada 75 peratus pengguna Internet menggunakan media sosial sebagai medium untuk berkomunikasi dan berkongsi maklumat (Smith, 2011). Maka tidak hairan teknologi mudah alih, internet dan media sosial menjadi fenomena sosial dalam kalangan generasi muda yang berusia antara 18 hingga 29 tahun atau mereka ini lebih dikenali sebagai generasi milenium (Lenhart et al., 2010). Terdapat pandangan optimistik mengenai potensi media sosial dalam menggalakkan penglibatan politik dalam kalangan belia (Bennett, 2008; Jenkins, 2006; Levine, 2011; Rheingold, 2008). Mereka berpeluang membentuk kumpulan politik baharu atas talian, menulis dan menyebarkan isu politik melalui blog dan menularkan video politik dalam rangkaian sosial mereka. Generasi muda membesar dalam era di mana media sosial

adalah sebahagian daripada budaya pembelajaran, permainan, dan komunikasi (D, Macarthur, & Series, 2008).

Sejajar dengan itu, kajian terhadap tingkah laku pengguna enjin carian yang berorientasikan internet telah menarik perhatian ramai pengkaji sesuai dengan peranan pentingnya sebagai alat untuk mencari maklumat (Shen & Shakir, 2009; Shoeleh, Zahedi dan Farhoodi, 2017). Dalam pada itu, peningkatan maklumat percuma di web juga turut mempengaruhi tingkah laku pencarian maklumat (Natarajan, 2012).

Kajian Literatur

Weinstein (2014) menyatakan bahawa laman rangkaian sosial digunakan dalam kalangan belia amat meluas pada masa sekarang. Dalam konteks penyertaan politik, penyelidikan sebelumnya menggambarkan potensi penyertaan politik atas talian dalam kalangan belia adalah rendah (Kim & Geidner, 2008). Justeru, penyelidik berpendapat, berdasarkan kajian semasa, kecenderungan untuk belia bergiat aktif dalam aktiviti politik adalah berbeza berdasarkan corak dan tujuan kenapa mereka bersuara dan aktif berpolitik atas talian. Begitu juga dalam konteks politik di mana setiap individu tidak sekadar mencari maklumat politik yang relevan tetapi bagaimana maklumat tersebut dapat digunakan dalam kehidupan seharian mereka. Sehubungan dengan itu, Scheepers (2001) menjelaskan bahawa orang ramai bergantung kepada internet untuk mendapatkan maklumat dan membuat keputusan. Dervin (1983) pula menyatakan individu mencari maklumat kerana ingin merapatkan jurang antara situasi yang sedang dihadapi dengan keperluan maklumat yang diingini.

Namun begitu, pencarian maklumat dan penglibatan politik di media sosial oleh belia sering digambarkan sebagai sangat rendah. Terdapat banyak kebimbangan bahawa belia tidak mempunyai peluang untuk mempamerkan kemahiran dalam politik. Golongan belia ini tidak tahu dan tidak pasti bila dan bagaimana menyatakan suara dan pendapat mereka terutamanya di laman media sosial. Seperti yang diketahui, persepsi sebilangan generasi belia yang sempit terhadap politik turut mempengaruhi sikap berkecuali mereka dalam sosialisasi politik negara. Di samping itu, kelekaan golongan belia dalam arus hiburan dan keseronokan menyebabkan mereka mengabaikan hal-hal lain yang lebih besar dalam kehidupan mereka, khususnya dalam berpolitik. Indeks Belia Malaysia (IBM) 2015 yang dilakukan terhadap 60,000 belia seluruh negara mendedahkan golongan muda hari ini tidak begitu berminat terhadap pembangunan senario politik negara (Nawar Firdaus, 2015). Selain itu, kajian Norizan et al. (2013) mendapati generasi muda lebih berminat menggunakan internet untuk tujuan mencari maklumat hiburan, aktiviti santai malah kurang berminat dengan topik-topik yang serius. Mereka juga memperuntukkan masa secara purata dalam 4 jam sehari untuk melayari internet (SKMM, 2016).

Melalui tinjauan susastera, terdapat beberapa kajian yang meninjau pencarian maklumat dalam konteks media sosial, namun masih terdapat persoalan dan jurang yang memerlukan jawapan melalui kajian lanjutan. Hasil dapatan daripada Salman & et.al (2018) menunjukkan bahawa responden sangat mengambil berat terhadap pandangan yang dikongsikan berkenaan politik di media sosial. Bukan itu sahaja, responden turut menyatakan minat mereka untuk membaca kandungan berita ataupun maklumat mengenai calon politik yang dikongsikan di media sosial (Salman & et.al, 2018). Dapatan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Mat Jali et.al. (2012) di mana sebanyak 70 peratus daripada responden kajian tersebut bersetuju bahawa segala maklumat yang diperolehi daripada internet, blog dan juga Facebook telah mempengaruhi kecenderungan politik dalam kalangan belia India di universiti awam. Ini sedikit sebanyak menunjukkan bahawa masyarakat pada hari ini sangat prihatin dengan apa yang dipaparkan di media sosial berkenaan perkara yang melibatkan politik semasa. Justeru, adalah perlu kajian akan datang untuk melihat akan kredibiliti

maklumat dan sumber berita di media sosial supaya maklumat yang dikongsikan tidak menjejaskan kredibiliti mana-mana pihak. Manakala Kushin dan Yamamoto (2010) menekankan akan keperluan dan kepentingan kajian lanjutan terhadap fungsi media sosial dalam pencarian maklumat dan impak dalam membuat keputusan politik sejajar dengan kepesatan penggunaan media baharu oleh generasi muda. Analisis ulasan karya secara sistematik oleh Kaye dan Johnson (2004) mendapati bahawa kajian lanjutan terhadap penggunaan media sosial dalam konteks pencarian maklumat adalah perlu bagi menjawab permasalahan seperti isu apakah motivasi disebalik pencarian maklumat di media sosial, maklumat yang berkualiti dan kepercayaan terhadap maklumat yang diterima.

Peranan yang dimainkan oleh media sosial sebagai perantara atau medium kepada terdorongnya golongan belia untuk mencari maklumat politik belum dapat dikenal pasti secara empirikal. Senario pencarian maklumat politik dalam konteks media baharu dalam kalangan belia masih belum diterokai secara meluas. Tidak banyak kajian dilakukan untuk meninjau sejauh mana peranan media sosial sebagai medium sumber maklumat politik menjadi dorongan atau daya penarik kepada belia untuk mencari maklumat politik. Justeru, bagi mengisi kelompongan kajian ilmiah mengenai pencarian maklumat politik di Malaysia, penyelidik terdorong untuk mengkaji faktor-faktor yang menyumbang kepada tingkah laku pencarian maklumat politik dalam kalangan belia.

Metodologi

Dalam kajian ini, populasi ialah golongan belia di Malaysia. Belia merupakan kumpulan yang terbesar dalam populasi kependudukan di Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013). Merujuk kepada definisi yang diberikan oleh Institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia Negara (1997), belia merujuk kepada mereka yang berumur 15-40. Namun dalam merangka strategi pembangunan belia, kerajaan telah memberi fokus kepada golongan belia yang berumur 15-29 tahun. Bagaimanapun, kajian ini ingin menghadkan responden yang berusia antara 18-29 tahun kerana peringkat usia ini mereka lebih matang berfikir serta ada tujuan tertentu mencari maklumat politik atas talian. Menurut laporan oleh Pew Research Center (2015), belia yang berumur 18-29 merupakan golongan yang mempunyai peratusan yang tinggi daripada segi tahap penggunaan media sosial seperti facebook dan twitter. Dalam konteks kajian ini, penyelidik melibatkan belia di sekitar bandar di empat zon utama iaitu zon barat, timur, utara dan selatan yang dipilih secara rawak bertujuan (purposive random sampling) kerana ia bersesuaian dengan konteks kajian yang memerlukan responden dalam pelbagai ciri dan persekitaran. Lokasi yang dipilih untuk tujuan kajian ini ialah Kuala Lumpur, Kuala Terengganu, Johor Baharu dan Pulau Pinang. Kawasan ini merupakan kawasan bandar yang mempunyai rangkaian (connectivity) serta aksesibiliti (accessibility) internet yang sangat baik yang lebih memudahkan serta menggalakkan tingkah laku pencarian maklumat politik atas talian.

Kesimpulan

Kajian ini dilihat penting dan memberi manfaat kepada pihak kerajaan untuk memperlihatkan trend serta tahap penggunaan media sosial dalam kalangan belia. Kajian ini dapat menyediakan suatu gambaran tentang bagaimana tahap penggunaan media sosial terutamanya bagi tujuan pencarian maklumat politik. Sementara di pihak lain, kajian ini memberikan idea kepada pihak yang menyalurkan maklumat politik agar dapat memberikan maklumat politik yang betul. Penggunaan medium tertentu perlu dipertingkatkan agar dapat menarik golongan belia dalam menggunakan internet bagi tujuan politik. Melalui data yang diperolehi, kajian ini juga dapat menyumbang kepada kajian pencarian maklumat yang terkini berkaitan penggunaan sumber atas talian (*online resources*) dalam konteks politik.

Penghargaan

Nor Hafizah Abdullah merupakan pensyarah komunikasi di Pusat Pengajian Bahasa Moden dan Komunikasi, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).
Email: hafizah781@gmail.com atau hafizahabdullah@unisza.edu.my

Rujukan

- A. Rahim, Samsudin & Hasan, Hamisah (2017) Digital engagement: a preliminary analysis of marginalized youth in the information society. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 25, 77-88.
- Bennett, W. L., Wells, C., & Freelon, D. (2011). Communicating Civic Engagement: Contrasting Models of Citizenship in the Youth Web Sphere. *Journal of Communication*, 61(5), 835–856. <http://doi.org/10.1111/j.1460-2466.2011.01588.x>
- D, T. J., Macarthur, C. T., & Series, F. (2008). Learning How Digital Media Can Engage Youth. *Digital Media* 72. <http://doi.org/>
- Hariton, A., & Smyth, R. (2011). Satirical Political Media and Youth Political Participation : A Look at The Daily Show with Jon Stewart and The Colbert Report Advisors, (May), 1–64.
- Kaye, B.K., & Johnson, T.J. (2004) . A Web for all reasons: uses and gratifications of Internet components for political information. *Telematics and Informatics*, 21, 197-223. [https://doi.org/10.1016/S0736-5853\(03\)00037-6](https://doi.org/10.1016/S0736-5853(03)00037-6)
- Kahne, J. ., & Middaugh, E. (2012). Digital media shapes youth participation in politics. *Phi Delta Kappan*, 94(3), 52–56. <http://doi.org/10.1177/003172171209400312>
- Kim, Y., & Geidner, N. (2008). Politics as friendship: The impact of online social networks on young votes; political behavior. Paper presented at the annual convention of the International Communication Association, Montreal, Canada.
- Kushin, M.J., & Yamamoto, M. (2010). Did social media really matter? College Students' use of online media and political decision making in the 2008 election. *Mass Communication and Society* 13(5), 608-630. <https://doi.org/10.1080/15205436.2010.516836>.
- Lenhart, A., Duggan, M., Perrin, A., Stepler, R., Rainie, H. & Parker, K. 2015b. Teens, Social Media & Technology Overview, (2015). Pew Research Center <http://www.pewinternet.org/2015/04/09/teens-social-media-technology-2015>.
- Lee, Y., & Lim, Y. K. (2015). Understanding the Roles and Influences of Mediators from Multiple Social Channels for Health Behavior Change. In Proceedings of the 18th ACM Conference on Computer Supported Cooperative Work & Social Computing :1070-1079.
- Mat Jali, M.F, Awang Besar, J., Sidek, A.H., Ibrahim, Y., Mohd Awal, N.A., & Ismail, K. (2012). Politik pembangunan dalam pilihan raya kecial Dewan Undangan Negeri (DUN) Batang Air, Sarawak. *Jurnal E-Geografia*, 8(2), 88-97.
- Middaugh, E., & Kahne, J. (2011b). Youth Internet Use and Recruitment into Civic and Political Participation by The Civic and Political Significance of Online Participatory Cultures among Youth Transitioning to Adulthood. DMLcentral.
- Natarajan, M. (2012). Information seeking behavior of students of Management Institutions in NCR of Delhi. *Trends in Information Management*, 8(2), 100-110.
- Norizan Abdul Razak, Murad Saeed & Zulkifli Ahmad. (2013). Adopting Social Networking Sites (SNSs) As Interactive Communities Among English Foreign Language (EFL) Learners In Writing: Opportunities And Challenges. - *English Language Teaching*. 6(11):187-198.
- Owen, D. (2009). Election media and youth political engagement. *Journal of Social Science Education*, 7/8(1/2), 14–24. Retrieved from <http://www.jsse.org/2009/2009-1/owen-election-media-and-youth-political-engagement-jsse-2-2008-1-2009>
- Salman, A., Yusoff, M.A., Mohamad Salleh, M.A., & Haji Abdullah, M.Y. (2018). Penggunaan media sosial untuk sokongan politik di Malaysia. *Journal of Nusantara Studies*, 3 (1), 51-63. <http://dx.doi.org/10.24200/jonus.vol3iss1 pp51-63>
- Shen, K. & Shakir, M. (2009). Internet usage among young Arab students: preliminary findings. European, Mediterranean and Middle Eastern Conference on Information Systems, pp. 1-10.
- Shaughnessy, J.J., Zechmeister, E.B., & Zeichmeister, J.S. 2000. Research methods in psychology. USA.: McGraw-Hill Companies, Inc.
- SKMM, 2016. Communications & multimedia pocket book of statistics 2016. Cyberjaya: Malaysian Communications and Multimedia omission
- Smith, A. (2011). Why American use social media. pew reserach report.

- Soh, P. C-H., Chew, K. W., & Ridhwan, F. (2007, November 19-21). Preliminary findings of Internet usage amongst youths in Malaysia. Paper presented at the Conference of the Asia Pacific Sociological Conference, Penang, Malaysia.
- THESIS_Marginalized Youth and Civic Engagement. (n.d.).
- We are social, (2018). Report 2018 <http://www.slideshare.net/wearesocialsg/digital-in2018>.
- Weinstein, E. C. (2014). The personal is political on social media: Online civic expression patterns and pathways among civically engaged youth. *International Journal of Communication*, 8(1), 210–233.
- Yusop, Farah Dina and Sumari, Melati (2013) The Use of Social Media Technologies among Malaysian Youth. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 103 DOI: 10.1016/j.sbspro.2013.10.448
- National Youth Development Policy of Malaysia. (1997). Retrieved from http://www.youthpolicy.org/national/Malaysia_1997_National_Youth_Development_Policy.pdf

MALAYSIA SEBAGAI HAB PELANCONGAN ISLAM DUNIA: SATU TINJAUAN AWAL

Nor Fadzilah Binti Zainal, Nor Hidayah Binti Harun dan Noorsaliza Binti Amin Nudin

Abstrak

Potensi sektor pelancongan Islam ketika ini dilihat cukup besar, terutama dalam memacu pembangunan ekonomi dan sosial. Malaysia sebagai negara Islam perlu merebut peluang ini kerana Malaysia berpotensi untuk menjadi hab pelancongan Islam di Dunia. Tambahan pula, Malaysia telah diiktiraf sebagai destinasi popular pelancongan Islam daripada aspek kesesuaian destinasi dan keperluan percutian keluarga, kemudahan dan perkhidmatan untuk pelancong Islam. Sorotan daripada ini, Malaysia bukan sekadar menjadi rujukan kepada negara bukan Islam malah negara ahli dalam Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) seperti Dubai turut mahu menjadikan Malaysia sebagai model dalam membangunkan konsep pelancongan Islam. Justeru, objektif utama kajian ini untuk melihat potensi Malaysia sebagai hab pelancongan Islam di dunia serta membincangkan cabaran yang dihadapi oleh pelancongan Islam di Malaysia. Kajian ini menggunakan data-data sekunder yang diambil daripada pelbagai sumber seperti jurnal, buku, prosiding dan sebagainya. Dapatan kajian menunjukkan Malaysia sememangnya mempunyai potensi yang besar untuk mengembangkan pelancongan berteraskan Islam. Namun dengan cabaran yang ada, strategi dan pemasaran produk pelancongan Islam harus diberi perhatian sekiranya Malaysia ingin mengungguli sebagai negara teratas dalam menawarkan dan menarik pelancong menikmati produk berteraskan pelancongan Islam ke negara ini.

Kata Kunci: Pelancongan Islam, Potensi, Malaysia dan Cabaran

Pengenalan

Dalam konteks dunia hari ini, pelancongan merupakan salah satu kegiatan ekonomi dan sosial yang semakin penting. Jumlah pelancong dalam negeri dan antarabangsa semakin meningkat malah beberapa buah negara di dunia kini memajukan sektor pelancongan sebagai sektor utama yang menjana pendapatan negara (Inskeep, 1996). Umumnya terdapat pelbagai kategori pelancongan, seperti ekopelancongan, agropelancongan, pelancongan kesihatan, pelancongan yang berkonsepkan mesyuarat, persidangan, pelancongan budaya, pelancongan pendidikan dan pelancongan Islam (Abdul Rahman, 2018).


Konsep Pelancongan Islam Dan Pelancongan Komersial

Dari segi konsep, pelancongan Islam adalah berbeza dengan pelancongan komersial. Pada umumnya, World Tourism Organization (WTO) mendefinisikan pelancongan sebagai merangkumi semua perjalanan lebih dari 24 jam atas tujuan untuk bercuti, perniagaan, rekreasi, belajar, kesihatan dan sebagainya. Manakala Islamic Tourism Centre (ITC) (2009), telah mendefinisikan pelancongan Islam sebagai apa jua aktiviti, acara, pengalaman, atau kelonggaran yang dijalankan dalam keadaan perjalanan yang patuh dengan ajaran Islam, bertujuan untuk mengalami pengalaman cara kehidupan Islam dan mengeksplorasi sejarah, seni, budaya dan warisan Islam. Selain itu, dari segi perspektif Islam, konsep pelancongan dilihat dalam spektrum yang lebih luas. Ianya adalah suatu ibadah, manifestasi dalam menghayati kebesaran ciptaan Ilahi dan mendapatkan keredhaanNya. Disini jelas menunjukkan bahawa pelancongan komersial lebih mengutamakan keuntungan serta


kepuasan pelanggan, berbanding pelancongan Islam yang meletakkan keredhaan Allah S.W.T sebagai matlamat utama.

Prestasi Pelancongan Di Malaysia

Pada tahun 2019, Malaysia telah menunjukkan peningkatan yang positif dalam pendapatan pelancongan. Laporan Pencapaian MOTAC 2019 menyatakan pendapatan pelancongan sebanyak RM 66,14 bilion telah dicatat bagi tempoh Januari sehingga September 2019 iaitu peningkatan sebanyak 6,9 peratus berbanding dengan RM61.85 pada tahun 2018 bagi tempoh yang sama. Penyumbang utama perbelanjaan pelancong adalah dari pasaran Singapura (RM16.3 bilion), China (RM12.8 bilion), Indonesia (RM8.8 bilion), Thailand (RM2.8 bilion) dan India (RM2.5 bilion). Keadaan ini disokong dengan kemasukan 20.1 juta pelancong antarabangsa pada tahun 2019. Penyumbang ketibaan pelancong tertinggi adalah dari negara Singapura (7,868,755), Indonesia (2,792,776), China (2,413,956), Thailand (1,44,224), Brunei (929,789), India (539,167), Korea Selatan (508,080), Vietnam (323,393), Jepun (321,238) dan Filipina (317,294). Keprihatinan kerajaan dalam memberikan memberi komitmen yang tinggi untuk membangunkan industri pelancongan negara dapat dibuktikan dengan peningkatan perbelanjaan sebenar (2016-2018) dan peruntukan (2019-2020) seperti di Jadual 1. Begitu juga dengan perbelanjaan per kapita pelancongan antarabangsa turut menunjukkan pertumbuhan yang positif dari tahun 2016 hingga 2019 seperti di Jadual 2.



Rajah 1. Perbelanjaan Sebenar (2016-2019) Dan Peruntukan (2019-2020) Bagi Mengurus Dan Pembangunan



Rajah 2. Perbelanjaan Per Kapita Pelancongan Antarabangsa (2016-2019)
Sumber: Laporan Prestasi Pelancongan Pelbagai Tahun, Malaysia Tourism Data.

Potensi Pelancongan Islam Di Malaysia

Di Malaysia, pelancongan Islam dilihat sebagai salah satu produk pelancongan yang berpotensi untuk berkembang dan semakin mendapat permintaan ramai termasuklah daripada pelancong domestik mahupun antarabangsa. Menurut Abdul Rahman (2018), daripada 38 buah negara Islam yang terlibat secara serius dalam pembangunan sektor pelancongan, hanya 10 negara yang memberikan impak dan sumbangan besar di peringkat global iaitu Malaysia, Turki, Emiriyah Arab Bersatu (UAE), Mesir, Maghribi, Indonesia, Arab Saudi, Lubnan, Tunisia dan Syria. Malaysia juga merupakan antara negara yang paling aktif di rantau Asia Tenggara dalam mencari peluang untuk membangunkan pelancongan Islam diikuti dengan Singapura (Henderson, 2003). Ini jelas menunjukkan negara Malaysia mempunyai potensi yang cukup besar ke arah mempromosi pelancongan Islam. Antara potensi lain yang membolehkan Malaysia menerajui hab pelancongan Islam di dunia adalah seperti berikut:

1. Berdasarkan hasil kaji selidik MasterCard-CrescentRating Global Muslim Travel Index 2019 (GMTI), Malaysia telah sembilan kali berturut-turut berada di tempat pertama sebagai destinasi pelancongan Islam paling popular dalam pasaran pelancongan muslim global. Namun pada tahun 2019, Malaysia berkongsi kedudukan itu dengan Indonesia dengan skor sebanyak 78. Kaji selidik ini dijalankan terhadap 130 destinasi dengan mengambil kira empat faktor utama iaitu akses, komunikasi, persekitaran dan perkhidmatan seperti rajah di bawah.

Sumber: MasterCard-Crescent Rating Global Muslim Travel Index 2019

2. Menurut laporan MasterCard-Crescent Rating Global Muslim Travel Index (2019), menjelang tahun 2026 kedatangan pelancong Islam antarabangsa dijangka mencapai 230 juta orang. Tambahan pula, sektor pelancongan halal dan mesra muslim global dijangka bernilai lebih US\$220 bilion atau hampir RM1 trilion menjelang tahun 2020 (Sinar Harian, 7 Disember 2019)
3. Tourism Centre (ITC) yang ditubuhkan pada tahun 2009 yang mana organisasi ini merupakan salah sebuah organisasi di bawah penyeliaan Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) yang bertanggungjawab untuk membangun dan mempromosi produk pelancongan Islam di Malaysia (Kamarudin & Ismail, 2012). Sehubungan dengan itu, MOTAC telah merangka strategi menerusi ITC bagi meletakkan Malaysia dalam kedudukan negara mesra pelancong Muslim terbaik dunia. Antara pelan inisiatif tersebut ialah:
 - a. Pengajian sekolah pondok sebagai tarikan pelancong.
ITC dan institusi pengajian tinggi tempatan sedang menjalankan penyelidikan mengenai Sekolah Pondok sebagai produk pelancongan untuk edu-pelancongan. Sekolah Pondok mempunyai potensi tinggi untuk menarik pelancong dan pelajar untuk belajar ilmu Islam melalui pengajian bagi tempoh jangka pendek, sederhana atau jangka panjang
 - b. Memperkayakan pengalaman jelajah masjid.
ITC sedang membangunkan modul untuk sukarelawan pelancongan masjid untuk meningkatkan pengetahuan mereka dan memberikan pengalaman terbaik kepada pelawat.
 - c. Pengiktirafan hotel mesra-Islam.

Pengenalan hotel kategori berkenaan bertujuan memperkukuhkan ITC sebagai kuasa besar dalam sektor pelancongan Islam sekali gus menjadikan Malaysia sebagai hab pelancongan mesra Muslim dunia.

4. Portal halalholiday.com memacu sektor mesra pengembara muslim di Malaysia. Portal seperti ini adalah yang pertama di dunia dan ianya dilancarkan oleh agensi pelancongan dan pengembaraan POTO Travel & Tours bertujuan melancarkan urusan perjalanan dengan memilih kemudahan penginapan dan pilihan makanan bersifat mesra pelancong beragama Islam.
5. Pelancongan Islam mula berganjak ke suatu dimensi yang berbeza dengan penganjuran festival, forum dan persidangan antarabangsa. Ia adalah suatu platform yang mempertemukan bukan sahaja orang Islam tetapi yang bukan Islam untuk berkongsi idea, profesionalisme, intelektual, kepakaran dan pengetahuan tentang ajaran dan prinsip Islam Sebagai contoh, Arabian Travel Market (ATM), International Muslim Friendly Carnival (IMFC), dan Putrajaya International Islamic Arts & Culture Festival (PIIACUF). Penganjuran program sebegini dapat mempromosikan Malaysia sebagai pilihan utama bagi destinasi pelancongan Islam.

Komponen Utama Pelancongan Islam Di Malaysia

Al-Hamarneh (2004), yang telah dipetik oleh Mapjabil et.al, 2015 membincangkan bahawa pelancongan Islam boleh diteliti dalam tiga komponen utama iaitu dari segi ekonomi, kebudayaan dan keagamaan.

1. Ekonomi

Dari segi konsep ekonomi, pelancongan Islam dilihat sebagai medium yang mampu menjalin kerjasama erat di antara institusi kerajaan seluruh dunia. Ia juga dapat meningkatkan aktiviti pelancongan sesama umat Islam di samping turut menyumbang kepada kewujudan destinasi produk pelancongan baru ataupun memperkukuhkan destinasi sedia ada untuk meningkatkan pelaburan, kestabilan politik, peluang pekerjaan dan seterusnya pendapatan negara. Menurut Stephenson et al. (2010), telah berkembang di rantau ini trend baru terhadap keperluan dalam pelaburan, amalan perniagaan serta skim kewangan yang berasaskan prinsip syariat Islam. Seterusnya kedatangan pelancong dari Timur Tengah ke Malaysia didorong oleh reputasi negara ini sebagai destinasi pelancongan yang aman dan faktor melanjutkan pendidikan di institut pengajian tinggi. Malah, Malaysia turut dikenali dalam kalangan negara Arab dan negara Islam sebagai destinasi produk halal yang terkenal.

Pelbagai usaha kerajaan telah dilakukan untuk meningkatkan ekonomi, salah satunya ialah mewujudkan kawasan bebas cukai untuk mengalakkan pelancong membeli belah dan berbelanja di Malaysia. Sebagai contoh, Pulau Langkawi dan Pulau Tioman telah diiktiraf sebagai 'Pulau Bebas Cukai'. Dengan peristiharan tersebut, para pengusaha luar yang bermodal besar telah berlumba-lumba masuk dan membuka perniagaan mereka di sini tetapi adalah menjadi satu cabaran besar bagi pengusaha tempatan yang bermodal kecil kerana taraf ekonomi mereka yang rendah. Kewujudan pulau bebas cukai ini jika ditinjau akan harga barangan pula, apa yang benar-benar dikatakan murah adalah harga rokok dan minuman keras untuk dinikmati oleh para pelancong. Hal ini menyebabkan sesetengah restoran dan kedai runcit dan resort yang dimiliki peniaga Islam juga turut menjual minuman keras (Y. Ibrahim,

2005). Ini memberikan imej yang tidak baik kepada Malaysia dari sudut pelancongan Islam.

2. Kebudayaan

Konsep kebudayaan dalam pelancongan Islam menekankan isu-isu Islamik dalam program pelancongan dan tapak warisan Islam kontemporari yang boleh dilawat oleh pelancong Islam seperti masjid atau monumen bersejarah yang menerapkan kehalusan dan keunikan seni bina Islam seperti yang terdapat di Taman Tamadun Islam, Terengganu. Selain itu, Malaysia turut menawarkan pakej yang berlainan daripada yang ditawarkan oleh negara Islam yang lain iaitu pelancong boleh melihat dan mengutip pengalaman bagaimana budaya masyarakat Islam negara ini menyambut Ramadan, peluang iftar (berbuka puasa) dan terlibat dalam persiapan merayakan perayaan seperti Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji. Ini termasuklah pengalaman menganyam ketupat, membakar lemang, mengacau dodol, membakar kuih bahulu dan sebagainya. Pelancong juga boleh melihat dengan lebih dekat lagi acara-acara istimewa yang disambut oleh masyarakat Islam di Malaysia seperti majlis aqiqah dan korban, majlis khatam Al-Quran dan Sambutan Maulidur Rasul.

3. Keagamaan

Perkara 3 (1) di dalam Perlembagaan Persekutuan Negara memperuntukkan bahawa, Islam ialah agama bagi Persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Bahagian Persekutuan. Ini jelas bahawa Perkara 3(1) di dalam Perlembagaan Persekutuan Negara memperuntukkan Islam adalah agama persekutuan. Hal ini adalah salah satu daya tarikan penting kepada pelancong beragama Islam kerana Malaysia mengangkat agama Islam sebagai agama persekutuan. Malaysia juga telah berusaha untuk menjadi jenama Islam dan halal sejak kebelakangan ini dengan membentuk peraturan mengenai tingkah laku pelancong yang dilarang oleh Islam (Shafaei & Mohamed, 2015). Oleh itu, konsep keagamaan dalam pelancongan Islam di Malaysia adalah aktiviti yang tidak melanggar syariat Islam di sepanjang tempoh perjalanan pelancongan Islam berlangsung. Antaranya ialah larangan kepada alkohol, tidak meninggalkan solat, bertanggungjawab terhadap penjagaan persekitaran kawasan yang dilawati, memastikan makanan yang dimakan adalah halal, penginapan mengikut syariat Islam, memakai pakaian yang menutup aurat dan menggunakan sumber yang halal untuk segala perbelanjaan perjalanan pelancongan. Tidak terkecuali juga dari segi mendapatkan perkhidmatan kemudahan perubatan Islam. Kemudahan perubatan Islam merujuk kepada yang berasaskan al-Quran dan as-sunah serta perubatan model iaitu hospital yang operasinya mengikut tata cara syariat Islam (Berita Harian, 29 September 2017).

Cabaran Pelancongan Islam Di Malaysia

Dalam konteks pengalaman Malaysia, pelancongan Islam turut mempunyai cabarannya tersendiri. Antara cabaran yang dihadapi dalam merealisasikan pelancongan Islam sebagai hab pelancongan Islam dunia adalah seperti berikut:

1. Penguatkuasaan undang-undang halal dan patuh syariah.

Perkembangan pesat industri pelancongan di Malaysia juga adalah kerana sektor makanan halal kita yang berjaya menembusi pasaran global. Pelancong yang beragama Islam tidak perlu risau dan was-was tentang status makanan, produk dan

perkhidmatan yang halal di Malaysia kerana pensijilan halal yang dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Selepas pindaan Akta Perihal Dagangan 2011 (APD) yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2012 telah melaksanakan penyeragaman sijil dan logo halal oleh pihak berkuasa JAKIM dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN/JAIN). Sebelum pindaan APD dibuat, bidang kuasa JAKIM selaku pengeluar sijil halal hanya terbatas kepada pemantauan aktiviti para pemegang sijil halal Malaysia sahaja (Mohd Shahwahid et al, 2015). JAKIM tidak mempunyai sebarang bidang kuasa terhadap produk yang tidak berdaftar atau pihak yang menggunakan logo halal palsu. Namun selepas pindaan APD 2011, bidang kuasa pegawai JAKIM dalam aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang terhadap pengusaha yang menyalahgunakan logo halal pada produk mereka di mana pegawai JAKIM dan MAIN/JAIN akan dilantik sebagai Penolong Pegawai Perihal Dagangan yang diberi kad kuasa oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (Liziana & Mariam, 2014). JAKIM turut diberi kuasa pendakwaan sama seperti KPDNKK berbanding hanya menjadi saksi sebelum pindaan APD 2011 dibuat (Liziana & Mariam, 2014). Agensi penguatkuasa lain yang turut terlibat ialah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Kastam Diraja Malaysia (KDRM) dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Setiap agensi perlu meningkatkan persefahaman dan kerjasama dalam penguatkuasaan halal berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah agensi masing-masing supaya dapat mengukuhkan industri pelancongan Islam serta dapat menyakinkan lebih ramai pelancong beragama Islam untuk memilih Malaysia sebagai destinasi percutian mereka. Sistem perundangan kawalan halal di setiap peringkat perlu dimantapkan dengan mengkaji peruntukan undang-undang sedia ada di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Kerajaan Tempatan (Shahwahid et al., 2015). Namun, kesannya kuasa yang ada pada JAKIM menjadi terhad kerana terpaksa bergantung kepada agensi-agensi lain.

Selain itu, konsep patuh syariah dalam industri perhotelan juga turut menjadi cabaran pada pelancongan Islam di Malaysia. Ini kerana pelancong yang beragama Islam mementingkan aspek patuh syariah untuk memilih tempat penginapan mereka agar mudah untuk mereka melakukan ibadah walaupun sedang melancong. Pelancong tidak perlu berkejar-kejar dan menghabiskan masa untuk keluar dari tempat penginapan semata-mata untuk mencari makanan dan tempat solat yang selamat digunakan (Mansor & Mohamad Rasit, 2015). Istilah hotel patuh syariah bermaksud hotel yang memberikan perkhidmatan yang selaras dengan prinsip-prinsip syariah (B. Ibrahim et al., 2018). Perkhidmatan yang dimaksudkan adalah merangkumi dari segala aspek operasi hotel yang selari dengan keperluan syariah seperti penyediaan makanan dan minuman, restoran bebas alkohol, penyediaan keperluan ibadah, kemudahan ruang solat, cara pemakaian kakitangan yang menutup aurat, perkhidmatan yang telus kepada pelanggan, pergaulan serta cara komunikasi berteraskan Islam. Walaubagaimanapun bilangan kewujudan hotel patuh syariah ini adalah sangat kecil berbanding hotel komersial kerana pihak pengurusan hotel tidak mahu mengambil risiko kehilangan pelancong bukan beragama Islam sekaligus boleh menyebabkan sumber kewangan dan keuntungan mereka terjejas. Sedangkan kewujudan hotel patuh syariah ini bukan hanya untuk pelancong yang beragama Islam malah hotel berteraskan syariah sangat mengalu-alukan pelancong bukan Islam untuk menikmati hospitaliti mereka.

Sebagai contoh pengistiharan Kota Bahru di negeri Kelantan sebagai Bandar Raya Islam adalah suatu usaha jangka panjang kerajaan negeri Kelantan menjadikan Kota Bharu sebagai bandar raya berkonsepkan Islam (Abdullah & Abdullah, 2010). Negeri Kelantan boleh dijadikan model terbaik dari segi pelancongan Islam kerana mereka mengutamakan pelancongan hotel berkonsepkan Islam atau patuh syariah dimana hotel-hotel serta tempat penginapan di Kelantan tidak dibenarkan mengadakan pusat-pusat hiburan seperti kelab malam, tidak ada perkhidmatan pelacuran, dan minuman keras kecuali hotel tersebut diuruskan oleh golongan bukan Islam sahaja. Hal ini harus ditekankan sekiranya ingin menarik lebih ramai pelancong Islam datang mengunjungi Malaysia. Negeri lain yang turut mengikut jejak langkah negeri Kelantan adalah negeri Terengganu. Negeri Terengganu telah menerima anugerah 'Islamic Quality Standard' yang sekaligus diiktiraf sebagai destinasi mesra Muslim. Pengiktirafan tersebut diberikan oleh Universal Crescent Standard Centre dan Universiti Teknologi Mara. Anugerah ini selari dengan usaha kerajaan negeri untuk menjenamakan semula Terengganu sebagai pusat pelancongan Islamik.

2. Keselamatan.

Aspek keselamatan pelancong juga perlu dititikberatkan. Ini kerana kejayaan atau kegagalan sesebuah destinasi pelancongan adalah bergantung kepada kebolehan untuk menyediakan persekitaran yang selamat dan terjamin kepada pelancong. Aspek keselamatan dan jaminan di destinasi pelancongan telah dianggap sebagai multidimensi yang kompleks dengan melibatkan kepelbagaian komponen yang terkandung didalamnya seperti keselamatan politik, keselamatan awam, kesihatan dan kebersihan, keselamatan data peribadi, perlindungan sah terhadap pelancong, perlindungan hak pengguna, keselamatan dalam komunikasi, perlindungan dari bencana alam, keselamatan persekitaran, mendapatkan maklumat sahih, jaminan kualiti perkhidmatan dan sebagainya (Kovari, 2010 seperti yang dinyatakan dalam, Tangavello et al., 2015). Seterusnya, pelancong yang rasional biasanya hanya akan memilih destinasi pelancongan yang selamat dan aman sahaja. Tidak ada seorang pelancong pun yang sanggup mengambil risiko yang mungkin membawa maut dan kerugian terhadap diri sendiri. Sebagai contoh, apabila terdapat pelancong diculik atau dibunuh, ia akan mendorong banyak negara meletakkan tanda amaran merah dan meminta rakyat mereka tidak melancong ke tempat berkenaan. Seperti mana yang berlaku ketika krisis pencerobohan di Lahad Datu pada tahun 2013. Selain itu, kebanjiran pendatang asing yang datang bekerja di Malaysia menjadi satu lagi masalah dalam konteks peningkatan kes jenayah. Sesetengah daripada mereka sanggup melakukan jenayah seperti mencuri, meragut, merompak, menculik dan membunuh.

Destinasi pelancongan sempadan juga sangat penting kerana Malaysia juga banyak menerima pelancong beragama Islam dari sempadan Malaysia seperti pelancong dari negara Thailand kerana Malaysia dan Thailand adalah bersempadan. Kemudahan urusan keluar masuk menjadi faktor utama kemasukan pelancong dari Negara Thailand ke Malaysia. Namun, satu hal yang bersifat kurang meyakinkan dari aspek keselamatan pelancong sempadan ini ialah mudahnya pergerakan pelancong dan pengguna melalui lorong tikus. Meskipun laluan ini hanya disifatkan popular dalam kalangan komuniti setempat, senangnya seseorang itu membolos pintu masuk bermakna longgarnya kawalan keselamatan di destinasi sebegini. Ini menjadikan pintu sempadan adalah satu kawasan pelancongan transit yang tidak menyenangkan pihak berkepentingan kerana wujudnya beberapa aktiviti pergerakan transaksi

manusia dan barangan seludup hasil daripada dua negara, ini bermakna para pelancong akan terdedah kepada sebarang kemungkinan ancaman keselamatan (Ahmad et al., 2017).

Oleh itu, ancaman keselamatan sama ada dari segi jenayah, ancaman pengganas, peperangan dan pergolakan politik termasuk ancaman penyakit, keracunan makanan, bencana alam dan penipuan perlu ditangani secara holistik dan bersepadu. Langkah keselamatan dan prosedur mengatasi ancaman yang berlaku terhadap pelancong perlu lebih proaktif, pantas diatasi, kurangkan karenah birokrasi dan konsisten (Tangavello et al., 2015)

3. Kemudahan infrastruktur dan alam sekitar.

Walaupun keunikan masyarakat atau kebudayaan di suatu destinasi boleh menjadi taruhan kepada pelancongan Islam, namun ianya belum memadai kerana tarikan itu harus dilengkapi pula dengan kemudahan pelancongan lain berserta infrastruktur yang baik. Kemudahan infrastruktur yang mencukupi, cekap dan berkesan akan memudahkan pergerakan pelancongan ke destinasi tertentu. Kesukaran perjalanan akan menyekat keinginan pelancong untuk menikmati ciri tarikan pelancongan. Jadi inilah cabarannya, kerana salah satu faktor penting dalam memajukan industri pelancongan Islam adalah pembangunan infrastruktur yang boleh menyebabkan pertambahan kemasukan pelancong dan perkembangan industri seterusnya.

Pencemaran alam sekitar juga merupakan halangan kepada kemajuan industri pelancongan di Malaysia. Kebanyakan pelancong terutamanya pelancong beragama Islam memilih Malaysia sebagai destinasi perlancongan kerana ingin melihat keindahan alam semula jadi ciptaan Allah s.w.t. Malaysia mempunyai banyak destinasi perlancongan semulajadi yang indah iaitu pulau-pulau peranginan, tasik-tasik semula jadi serta hutan rimba seperti Pulau Perhentian, Pulau Jerejak, Pulau Tioman dan Pulau Langkawi. Kebanyakan aktiviti pembangunan dan sikap kerakusan manusia telah menyebabkan berlakunya pencemaran air, udara dan tanah. Hal ini telah menjejaskan aktiviti dan promosi pelancongan yang diusahakan oleh pihak kerajaan dan swasta kerana pencemaran alam sekitar akan mencacatkan keindahan secara memberi imej yang negatif kepada negara. Al-Quran dan sunnah memberikan penekanan yang serius mengenai penjagaan alam sekitar (Abdul Rahman, 2018). Oleh itu umat manusia sebagai khalifah Allah perlu bertanggungjawab memelihara dan menjaga ciptaan serta kurniaan-Nya. Justeru itu semua pihak perlu bertanggungjawab menjaga kebersihan alam sekitar untuk menarik lebih ramai pelancong Islam.

Selain itu, perubahan moden dan Islam seharusnya saling lengkap melengkapi antara satu sama lain yang mana kedua-dua cabang ini mempunyai kebaikannya yang tersendiri. Para pelancong khususnya pelancong Islam juga seharusnya diberikan peluang untuk menikmati kebaikan daripada kedua-dua jenis perubahan ini. Akta Perubahan Tradisional dan Komplementari 2016 (Akta 775) telah memasukkan pengubatan Islam sebagai perubahan komplementari yang diberi pengiktirafan untuk diamalkan dan diberi ruang di beberapa hospital moden (Abdul Rahman, 2018). Rentetan itu, pihak kerajaan dan swasta perlu lebih menitikberatkan penyediaan kemudahan perubahan yang berlandaskan Islam dan moden secara seiring dalam industri kesihatan dan pelancongan.

Kesimpulan

Malaysia sebagai negara Islam perlu merebut peluang membangunkan konsep pelancongan mesra Muslim. Kemegahan nama Malaysia di peringkat antarabangsa tidak asing lagi kerana kemampuan Malaysia membangunkan konsep pelancongan Islam yang bukan sahaja memberi kesan kepada industri pelancongan tempatan tetapi kini menjadi rujukan negara asing sekaligus memberi manfaat kepada perkembangan ekonomi negara. Suasana pelancongan di Malaysia sendiri adalah mesra muslim yang mana dapat mengamalkan konsep kebebasan beragama secara aman. Malaysia yang terkenal dengan berbilang kaum turut menjadikan Malaysia negara yang fleksibel terhadap semua pelancong di dunia (Laderlah et.al, 2011). Keadaan ini telah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara tumpuan pelancong Islam dari serata dunia dan dikenali sebagai destinasi percutian yang popular kerana imejnya sebagai sebuah negara Islam yang aman dan pesat membangun. Sehubungan dengan itu, pendekatan secara holistik perlu diberikan perhatian sewajarnya oleh pihak kerajaan dan swasta agar dapat menjadikan Malaysia sebagai hab pelancongan Islam di dunia.

Rujukan

- Abdul Rahman, H. (2018). Potensi dan Cabaran Dalam Memajukan Pelancongan Islam di Malaysia. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, (Special Issue), 506–518.
- Abdullah, M. A., & Abdullah, R. (2010). Peruntukan undang-undang aurat dan pakaian sopan menurut kuasa majlis perbandaran Kota Bharu? bandar raya Islam: satu huraian. *Jurnal Syariah*, 18(2), 361–400. Retrieved from http://apium.um.edu.my/journals/journal_syariah/About_Syariah.php
- Ahmad, H., Jusoh, H., Choy, E. A., Buang, A., Selvadurai, S., Zainuddin, N. farahin, Samsir, S. W. (2017). Mengurus pelancongan sempadan Malaysia-Thailand: Kesepaduan atau konflik (Managing border tourism Malaysia-Thailand: Cohesion or conflict). *Malaysian Journal of Society and Space*, 10(8), 65–71.
- Berita Harian, 29 September 2017. Rebut potensi ekonomi pelancongan Islam.
- Ibrahim, B., Mat Ropi, M. Z., Zahidi, N., Abdullah, F., Zulkifli, N. I. Y., & Wan Chik, W. M. Y. (2018). Pelancongan Islam Dan Peranannya Dalam Mempromosikan. *International Conference on Islamic Civilization and Technology Management Editors:*, 214–228.
- Ibrahim, Y. (2005). Komuniti Melayu Pulau Tioman: Isu dan cabaran dalam konteks pembangunan pelancongan. *Jurnal Melayu*, 2, 152–167.
- Inskeep, E. 1996. Perancangan pelancongan: Pendekatan pembangunan bersepadu dan berkekalan. *Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur*.
- Kamarudin, L. M., & Ismail, H. N. (2012). Islamic Tourism Cultivation in Malaysia: Strategies and Issues. *The 9th Regional Symposium of the Malay Archipelago (SIMPORA 9;2012)*, (December).
- Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia. (2019). *Slide - Laporan Pencapaian MOTAC 2019 (1).pdf* (pp. 1–56). pp. 1–56.
- Laderlah, S. A., Rahman, S. A., Awang, K., & Man, Y. C. (2011). A Study on Islamic Tourism : A Malaysian experience. *2nd International Conferences of Humanities and Social Sciences*, 17, 184–189.
- Makawi, K. (2015). Kajian Jangka Panjang Sektor Pelancongan Terhadap Pertumbuhan Ekonomi di Malaysia Kasmaroni binti Hj Makawi. *Social Sciences Postgraduate International Seminar (SSPIS)*.
- Malaysia Tourism Promotion Board. (2018). *Malaysia Tourism Key Performance Indicator*.
- Mansor, S. F., & Mohamad Rasit, R. (2015). Ciri-Ciri Hotel Patuh Syariah Terhadap Masa Depan Pelancongan Islam Di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur. *Prosiding Kolokium Jejak Warisan Ilmu Islam*, (March), 1–10. Retrieved from <http://www.ukm.my/fpi>
- Mapjabil, J., Razak, R. R. A., Marzuki, M., & Zainol, R. M. (2015). Pelancongan Islam: suatu tinjauan konseptual dan relevannya di Malaysia. *Geografia: Malaysian Journal of Society & Space*, 11(1), 172–182.
- Mastercard, & CrescentRating. (2019). *Global Muslim Travel Index 2019*. Retrieved from <https://www.crescentrating.com/halal-muslim-travel-market-reports.html>.
- Shafaei, F., & Mohamed, B. (2015). Malaysia's branding as an Islamic tourism hub: An assessment. *Geografia - Malaysian Journal of Society and Space*, 11(1), 97–106.
- Shahwahid, F., Abdul Wahab, N., Syed Ager, S. N., & Abdullah, M. (2015). Peranan Agensi Kerajaan Dalam Mengurus Industri Halal Di Malaysia. *World Academic and Research Congress*, (December), 284–303.
- Sinar Harian, 7 Disember 2019. Malaysia Perlu Rebut Peluang Bangun Pelancongan Mesra Muslim.

- Stephenson ML, Russell KA, Edgar D (2010) Islamic hospitality in the UAE: Indigenization of products and human capital. *Journal of Islamic Marketing* 1(1), 9-24.
- Tangavello, L., Mapjabil, J., Rahman, B. A., Zainol, R. M., Zainal Abidin, M. K., & Ibrahim, M. Z. (2015). Isu Keselamatan Dalam Industri Pelancongan: Satu Tinjauan Konsep. *Malaysian Journal of Society and Space*, 11(12), 32–41.
- Utusan Malaysia, 12 Oktober 2017. Malaysia menduduki tangga ke-12 sebagai negara paling banyak dikunjungi oleh pelancong dari seluruh dunia

PENGARUH RELIGIOSITI DAN PERSEKITARAN SOSIAL TERHADAP AMALAN KESUKARELAWANAN PELAJAR

Abdul Jamir Md Saad, Mohammad Shiham Mahfuz, Nurhaniza Rais Mokhtar dan Siti Suhaila Ihwani

Abstrak

Generasi pelajar adalah modal insan yang penting dan berharga dalam sesebuah negara. Mereka adalah pemimpin masa depan yang akan menyumbang kepada kejayaan negara. Bagi mencapai hasrat tersebut, pelajar perlu lebih bertanggungjawab, prihatin dan banyak melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan. Semangat kesukarelawan adalah antara nilai teras yang perlu ada dan harus disemai dalam kalangan generasi pelajar yang merupakan barisan pelapis kepimpinan negara masa akan datang. Golongan inilah yang akan menentukan kemajuan atau kemunduran sesebuah negara. Walau bagaimanapun, dapatan daripada kajian-kajian lepas menunjukkan penglibatan pelajar dalam aktiviti kesukarelawan kurang memuaskan atau masih diperingkat sederhana. Kertas konsep ini membincangkan faktor-faktor yang dijangka akan mempengaruhi penglibatan pelajar dalam aktiviti kesukarelaan di peringkat sekolah dan komuniti. Berpandukan teori dan dapatan kajian lepas, kajian keperustakaan ini mencadangkan religiositi dan persekitaran sosial sebagai faktor yang boleh menggalakkan penglibatan pelajar dalam aktiviti kesukarelawan.

Kata Kunci: Aktiviti Kesukarelaan, Pelajar, Religiositi, Persekitaran Sosial, Kerja Sosial, Kesukarelawan.

Pengenalan

Generasi muda atau golongan pelajar merupakan asset penting atau tulang belakang pembangunan negara pada masa akan datang. Mereka adalah generasi pelapis kepada kepemimpinan hari ini yang akan menerajui kepimpinan negara pada masa akan datang. Mereka hendaklah dididik dengan pelbagai ilmu pengetahuan, kemahiran dan adab sahsiah yang terpuji agar dapat mencapai kecemerlangan dalam ilmu pengetahuan, menguasai pelbagai kemahiran serta menjadi ahli masyarakat yang baik. Mereka hendaklah sentiasa dibimbing dengan diberi tunjuk ajar yang baik daripada ibu bapa, guru dan ahli masyarakat agar tidak terjebak dengan pelbagai gejala sosial yang boleh menghancurkan masa depan generasi muda. Pembangunan generasi muda yang berkualiti merupakan suatu pelaburan yang penting dalam pembangunan sesebuah negara dan tamadun. Penglibatan generasi muda dalam aktiviti kesukarelawan menjadi isu yang penting dalam memenuhi pembangunan dan cabaran terhadap kesejahteraan individu dan komuniti (Ezhar & Madiha, 2015). Generasi muda seharusnya perlu melibatkan diri secara aktif serta menjadi pelopor dalam kerja-kerja sosial dalam masyarakat. Keterlibatan dalam aktiviti sukarela merupakan suatu amalan yang baik dan mulia.

Semangat untuk terlibat dalam aktiviti kesukarelawan merupakan satu daripada tuntutan negara dan agama dalam kerangka perpaduan nasional bagi mendepani cabaran zaman. Semangat amalan kesukarelawan hendaklah didorong oleh nilai-nilai budaya, ideologi, prinsip serta tradisi kerana ia memberi impak besar dalam kehidupan bermasyarakat dan sosial (Azizan Bahari, 2003). Malah, kesukarelawan juga memberi implikasi penting terhadap pembinaan negara bangsa yang kuat dan maju. Semangat kesukarelawan adalah antara nilai teras yang perlu ada dan harus disemai dalam kalangan generasi muda kerana

golongan inilah yang akan menentukan kemajuan atau kemunduran sesebuah negara. Sukarelawan juga membantu membina komuniti yang lebih baik dengan memupuk kepercayaan yang lebih besar antara rakyat dengan membangunkan norma-norma perpaduan dan timbal balik yang penting untuk komuniti yang stabil (Mihajlovic, 2016). Oleh sebab itu amalan atau budaya kesukarelawanan ini harus dipupuk dan dirangsang secara berterusan kepada generasi muda bermula sejak awal lagi. Semangat ini juga perlu diterapkan melalui kerjasama pelbagai pihak, sama ada individu, Institusi pendidikan, badan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan mahupun institusi keluarga.

Kajian-kajian lepas menunjukkan keterlibatan generasi muda dalam aktiviti kesukarelawanan masih kurang memuaskan bahkan semakin merosot. Perkembangan ini suatu yang membimbangkan kerana harapan untuk melahirkan masyarakat yang hidup saling bantu membantu serta mengekalkan nilai tradisi yang murni, khususnya dalam konteks hidup bermasyarakat dalam rumpun komuniti yang murni, saling bantu membantu untuk kesejahteraan kehidupan secara bersama. Kajian yang dilakukan oleh Ezhar dan Madiha (2015), Warren, et al. (2014), Sarimah et al. (2014) dan Haslinda et al. (2012) menunjukkan bahawa penglibatan belia dalam aktiviti komuniti tersebut masih berada pada tahap yang belum memuaskan (Mohd Yusri Ibrahim, 2017). Proses untuk memupuk budaya kesukarelawan dalam diri pelajar haruslah diambil tindakan yang serious. Usaha ini hendaklah bermula dari awal sejak kecil dan berterusan ke alam persekolahan hinggalah ke peringkat universiti. Faktor-faktor utama yang boleh menjadi pendorong utama keterlibatan mereka dalam amalan kesukarelawanan hendaklah dikenalpasti serta dipupuk dan dirangsang secara berterusan bagi meningkatkan lagi keterlibatan generasi pelajar dalam kesukarelawan. Jesteru perbincangan ini akan meninjau dan membincangkan secara khusus dari aspek pengaruh religiositi dan persekitaran sosial terhadap amalan kesukarelawanan pelajar. Dua pengaruh ini dijangka antara faktor penyumbang keterlibatan pelajar dalam aktiviti kesukarelawan dan dapat memupuk budaya kesukarelawanan dalam diri mereka.

Isu Dan Permasalahan

Antara isu yang sering diperbahaskan mutakhir ini adalah kemerosotan budaya kesukarelawanan dalam kalangan generasi muda untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti-aktiviti kesukarelawanan. Semangat kesukarelawanan, keterlibatan dalam aktiviti kemasyarakatan secara sukarela dan amalan saling membantu adalah amat penting bagi membina kualiti jati diri yang baik bagi generasi muda yang merupakan barisan pelapis yang akan memimpin negara pada masa hadapan. Generasi hari ini dilihat semakin menjauhi aktiviti kesukarelawanan sosial seperti aktiviti gotong royong, kawalan keselamatan kejiranan, bantuan semasa bencana dan sebagainya. Isu penglibatan pelajar atau generasi muda dalam aktiviti sukarela kelihatan semakin jelas apabila gaya hidup baru yang banyak bergantung dan berhubung dengan teknologi. Ledakan teknologi moden telah memberi kesan yang amat besar terhadap kehidupan generasi muda pada hari ini. Menurut Zhang & Lallana (2013) gaya hidup seperti itu telah memberi kesan kepada penurunan ketara penglibatan generasi muda dalam aktiviti kesukarelawan berbanding tahap penglibatan daripada generasi yang lebih tua yang majoritinya masih mengekalkan budaya hidup lama.

Kajian yang dilakukan oleh Fauziah Ibrahim et. al. (2015) juga mendapati penglibatan generasi muda di negara ini dalam aktiviti kesukarelawanan berada di tahap yang sederhana. Manakala Kajian Tuan Pah Rokiah Syed Hussain dan Lilah Yasin (2016) menyatakan bahawa penglibatan dan penghayatan generasi muda terhadap program kesukarelawanan masih belum dihayati dengan sebaiknya. Seseorang individu beranggapan bahawa program kesukarelawanan ini adalah tanggungjawab pihak yang bergerak secara senyap di bawah

kerja pertubuhan belia dan ia tidak memerlukan komitmen semua pihak. Aktiviti kesukarelawan ini dilihat sebagai suatu perkara asing yang dilakukan pada masa tertentu dan dilakukan oleh kumpulan tertentu sahaja. Pemahaman ini perlu diperjelaskan agar dapat meningkatkan penglibatan dan penghayatan tentang semangat kesukarelawanan yang mana mampu memupuk semangat kekitaan dalam hidup bermasyarakat (Norazrine Abdul Tahar@Ariffin, 2018). Atas sebab itu, kempen-kempen sukarelawan serta modul-modul kesukarelawan perlu diperkasakan dan dipupuk kembali, terutama dalam kalangan generasi muda atau golongan pelajar khususnya. Perkara ini juga disokong oleh Musick dan Wilson (2014) yang berpendapat bahawa semua pihak harus membantu dan bekerjasama bagi mendedahkan dan mengalakkan penglibatan generasi muda dalam aktiviti kesukarelawanan. Pendedahan dan dorongan daripada pihak komuniti seperti keluarga, rakan, sekolah, masyarakat, kerajaan, dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) memainkan peranan penting untuk membuka fikiran, mengasah minat serta kemahiran individu untuk melibatkan diri dan bekerjasama dalam aktiviti kesukarelawanan.

Walaupun begitu, tidak dinafikan masih ada generasi muda yang terlibat dengan dengan aktiviti kesukarelawanan dan kemasyarakatan. Namun lebih ramai yang gemar menghabiskan masa dengan perkara yang kurang berfaedah seperti melepak di pantai, menyertai konsert, berhibur, berlumba dan melakukan perbuatan jenayah. Genrasi muda sering dikritik kerana kurang penglibatan dalam isu-isu yang berkaitan dengan sosial (Warren et al., 2014) Lebih memburukkan keadaan, kritikan oleh orang awam dan anggota masyarakat yang lain bukan menyedarkan golongan, malah menjadikan perasaan marah mereka semakin membuak-buak. Perkembangan terkini menunjukkan mereka semakin kurang bertanggungjawab untuk membantu orang lain (Sarimah et al., 2014), tidak melibatkan diri dalam aktiviti sosial, serta hanya berada dalam kelompok seusia sahaja.

Penglibatan Dalam Aktiviti kesukaralewanan

Berdasarkan kajian yang dijalankan ke atas 5,223 responden belia, sebanyak 27.1 peratus berminat untuk menyertai aktiviti kesukarelawan dan sebanyak 6.1 peratus belia berpendapat aktiviti kemasyarakatan dapat menanam rasa tanggungjawab dalam diri. Selain itu, sebanyak 22.6 peratus belia bersetuju untuk sanggup menghabiskan masa dan wang ringgit bagi kerja-kerja sukarelawan. Berdasarkan satu kajian yang dijalankan ke atas 5,223 responden yang terdiri dalam kalangan belia, hasil dapatan menunjukkan sebanyak 18.2 peratus belia menggunakan waktu senggang untuk aktiviti sukarelawan. Walaubagaimanapun, sebanyak 81.8 peratus menggunakan waktu senggang mereka dalam lain-lain aktiviti (Institut Penyelidikan pembangunan Belia Malaysia, 2011). Manakala kajian pada tahun 2012 mendapati bahawa sebanyak 4, 117 daripada 21, 665 orang belia di Malaysia melaksanakan aktiviti kesukarelawanan di waktu lapang berbanding yang belia yang lain yang dilihat mengisi masa lapang mereka dengan menonton VCD atau DVD, memperuntukkan masa lapang mereka dengan menggunakan laman sosial, di samping berkelah dan melancong. Hal ini menunjukkan bahawa penglibatan golongan belia dalam aktiviti kesukarelawanan ini masih lagi rendah (Azlina Mohd Khir 2016). Disebabkan ini pihak kerajaan telah melakukan pelbagai program kesukarelawanan untuk meningkatkan lagi penyertaan generasi muda seperti program iM4U (Azlina Mohd Khir et. al. 2016).

Tajul Arifin Muhamad dan Aishah Nadirah Mohd Alauddin (2013) serta Artikharina Awang dan Zakaria Mustafa (2013) berpendapat di Malaysia sektor kesukarelawanan melalui NGO juga boleh memberikan sumbangan bermakna kepada pembangunan, namun demikian masih jauh di belakang dalam banyak aspek berbanding negara maju. Manakala Suzanah Jumat et al (2014) menyatakan malangnya ramai pelajar yang terpengaruh dengan pendapat

yang menyatakan bahawa penyertaan dalam kegiatan aktiviti sosial tidak mendatangkan apa-apa faedah dan hanya membazirkan masa dan wang ringgit. Justeru itu, tidak hairanlah sekiranya hanya sebilangan kecil sahaja pelajar yang bergiat cergas dalam kegiatan aktiviti sosial dalam komuniti ini berbanding dengan bilangan sebenar pelajar sesebuah universiti. Mardhiyyah Sahri et. al. (2013) menyatakan bahawa statistik pelajar Institusi Pengajian Tinggi Malaysia terdapat 1.2 juta pelajar harus diberi kuasa untuk memainkan peranan mereka memberi sumbangan kepada pembangunan negara. Salah satu ialah mempunyai kemahiran kesukarelawanan dan kualiti kepimpinan supaya menjadi aset negara. Perkara ini tidak dapat dicapai semata-matanya melalui pembelajaran dalam kuliah, tetapi mereka harus menyertai aktif dalam aktiviti sosial untuk membantu membentuk modal insan yang berharga kepada negara. Jika dilihat di China motivasi penyertaan adalah faktor yang tinggi untuk para belia negaranya menyertai aktiviti sukarelawanan (Liao, Chang & Tsai 2016). Pendapat kajian ini selari dengan pernyataan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (2016) menyatakan sukarelawanan secara umum bahawa melakukan sesuatu perkara tanpa mengharapkan apa-apa ganjaran.

Kajian yang dijalankan oleh Julinawati Suanda et. al. (2016) dalam kalangan mahasisiswa Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia untuk melihat sejauhmana semangat sukarelawan berbangsa Melayu sebagai satu arah bagi pembentukan pendidikan kesukarelawanan. Seramai 3,816 orang terlibat dalam kajian ini dan dapatan analisis menunjukkan tahap semangat sukarelawan dalam kalangan mahasisiswa berbangsa Melayu berada di tahap yang sederhana. Manakala, bagi kecenderungan dalam aktiviti sukarelawan pula menunjukkan aktiviti kesukanan dan kemasyarakatan menjadi tumpuan golongan mahasisiswa. Generasi muda seharusnya diberi pendedahan agar terlibat aktif dalam aktiviti sebegini bagi memupuk semangat kerjasama dan saling membantu dalam komuniti masyarakat sekaligus membina semangat patriotisme dalam diri mereka. Selain itu, pendedahan penglibatan sukarelawan untuk generasi muda bukan sahaja bagi memupuk nilai-nilai murni namun bagi melahirkan pewaris kepimpinan negara yang berkualiti.

Kajian Zain et. al. (2014), di mana kerja-kerja sukarelawanan memberi banyak kepentingan terutama dalam membuat perubahan kepada kesejahteraan hidup dan persekitaran sekeliling manusia. Selain itu, kesukarelawanan adalah aktiviti yang tidak melibatkan sebarang bayaran kepada sukarelawan, namun mereka bebas untuk membantu dan meluangkan masa bagi membantu individu ataupun kumpulan yang memerlukan bantuan (Norazrine Abdul Tahar@Ariffin, 2018). Justeru sukarelawan ini dilihat memiliki sikap yang pemurah, berfikiran terbuka dan memiliki jati diri yang kuat. Menurut Shahrom Md Zain et. al. (2015) menyatakan bahawa aktiviti kesukarelawanan ini boleh dipupuk menerusi pendidikan alam sekitar dan para pelajar dilihat sukar menjalankan aktiviti ini dalam keadaan terpaksa. Maka, pendidikan alam sekitar ini dilihat mampu menggalakkan pelajar memahaminya dengan baik. Menurut Azizan Bahari(2016) menyatakan bahawa jika terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan, maka mereka dilihat mempunyai perasaan cintakan alam sekitar, keprihatinan yang tinggi, di samping memiliki semangat juang tinggi dan sanggup berkorban.

Pendekatan Teori

Kajian ini menggabungkan enam teori iaitu Teori tingkah laku terancang yang dikemukakan oleh Ajzen (1991) dan Teori Tindakan Beralasan menurut Ajzen dan Fishbein (1980) yang menjadi pegangan asas dalam kajian ini, diikuti teori dan model sokongan meliputi teori nilai al-Ghazali dan teori peribadi al-Ghazali (1058 – 1111/H) untuk menghuraikan konstruk religiositi serta pengaruhnya terhadap amalan kesukarelawanan Islam. Manakala Teori Ekologi Perkembangan Manusia oleh Urie Bronfenbrenner (1986) dan teori Aspirasi pelajar

oleh Hossler dan Gallagher(1987) digunakan untuk menghurai pengaruh persekitaran sosial terhadap amalan kesukarelawanan. Dorongan sosial (*socio environment*) yang berasaskan kepada Teori Bronfrenbrenner menyatakan persekitaran sosial banyak mempengaruhi tingkahlaku individu sama ada secara langsung atau tidak langsung. Dorongan sosial dalam kajian ini memfokuskan kepada empat aspek utama dorongan keluarga (ibu-bapa), dorongan rakan sebaya, dorongan komuniti sekolah dan dorongan globalisasi serta media massa.

Menurut teori tingkah laku terancang Ajzen (1991), kawalan gelagat ditanggap adalah darjah kawalan individu terhadap sesuatu gelagat yang akan dilakukan. Ia merupakan satu model teoritikal yang seringkali dikaitkan dengan cabang psikologi sosial yang menerangkan situasi seseorang individu yang tidak mempunyai kawalan sepenuhnya terhadap sesuatu gelagat. Teori ini juga menjelaskan niat untuk melaksanakan sesuatu gelagat dipengaruhi oleh sikap terhadap gelagat, norma subjektif dan kawalan gelagat ditanggap. Dalam aktiviti sukarela, faktor niat ialah pemboleh ubah kawalan gelagat ditanggap yang mencerminkan persepsi seseorang individu. Sebagai contoh, banyak sumber luaran yang mempengaruhi niat untuk terlibat dalam aktiviti sukarela seperti bersedia menyumbang masa dan harta benda, berkongsi idea, berminat terhadap aktiviti yang dijalankan dan sebagainya. Manakala, sumber dalaman termasuklah kemahiran, keupayaan, maklumat, sumber manusia yang dimiliki, emosi, personaliti dan sebagainya. Pertembungan di antara kedua-duanya, iaitu sumber luaran dan dalaman akan menentukan kawalan gelagat ditanggap dapat diteruskan sehingga menggerakkan sesuatu tingkah laku untuk terlibat dengan aktiviti sukarela. Walau bagaimanapun, menurut teori ini sungguhpun seseorang sukarelawan mempunyai niat yang sangat kuat untuk melaksanakan program dan aktiviti sukarela namun kekurangan sumber dalaman dan luaran akan menyebabkan usaha ini terbantut. Hyde dan Knowles (2013) melaporkan kesukarelawanan adalah satu konsep yang mempunyai hubung kait dengan teori gelagat terancang Azjen. Seseorang individu akan membuat pertimbangan dalam dirinya berasaskan faedah serta faktor yang memotivasikan serta mendorong untuk terlibat dengan aktiviti sukarela. Kajian mengenai niat untuk terlibat dalam program dan aktiviti sukarela dalam kalangan belia di Malaysia masih berkurangan, namun begitu terdapat kajian (Chacon, Vecina, & Davila, 2007) yang membuktikan faktor niat sebagai sumber yang terkuat mempunyai hubungan dengan aktiviti sukarela.

Menurut Teori Tindakan Beralasan Ajzen dan Fishbein (1980) menjelaskan bahawa sikap mempengaruhi tingkah laku dalam membuat keputusan yang teliti dan beralasan. Teori ini merangkumi dua perkara iaitu (1) perilaku tidak banyak dipengaruhi dan ditentukan oleh sikap umum tetapi berasaskan sikap yang spesifik terhadap sesuatu. (2) Perilaku dipengaruhi tidak hanya oleh sikap, tetapi juga oleh norma-norma subjektif. Ajzen dan Fishbein (1980) berusaha untuk mengembangkan suatu pemahaman terhadap sikap dan hubungannya terhadap perilaku manusia. Mereka mengemukakan salah satu teori penting iaitu Teori Tindakan Beralasan (*Theory of Reason Action*). Kim dan Lee (2014) menjelaskan bahawa tingkahlaku individu dipengaruhi oleh niat melakukan sesuatu berdasarkan pengaruh sikap ke arah norma subjektif tentang bagaimana seharusnya bertindak. Teori ini seterusnya menggambarkan bahawa norma subjektif bergantung kepada kepercayaan tentang jangkauan individu berdasarkan motivasi seseorang. Menurut Ajzen dan Fishbein (1980), niat pula merupakan jangkauan individu tentang tingkahlaku yang dimiliki oleh seseorang. Dua teori ini menjadi teori utama dalam menentukan kecenderungan keterlibatan pelajar terhadap amalan kesukarelawanan Islam.

Teori nilai sahsiah Al Ghazali (1058-1111/H) pula berhubung kait dengan konstruk emosi, motivasi, sikap *habluminallah* dan *habluminannas* sebagai unsur dalaman yang berupaya mempengaruhi tingkah laku manusia. Imam al-Ghazali telah memberi penekanan kepada konsep latihan jiwa (*riyadah al-nafs*) dan pembersihan/pemurnian jiwa (*tazkiyyah al-*

nafs) agar di aplikasikan oleh manusia untuk membentuk perlakuan dan akhlak yang baik. Andaian teori ini disokong oleh Ibn Miskawaih bahawa individu harus sentiasa mendalami pengetahuan yang benar untuk sentiasa menambah baik kelakuan dan sahsiahnya (Al-Ghazali, 2006). Menurut Al Ghazali (1058-1111/H) juga, perilaku manusia bukan sahaja kuasa baik atau jahat, baik atau buruk sahaja malah nilai-nilai agama dan *Akallah* yang berupaya menilai sama ada perbuatan itu baik atau buruk. Andaian utama teori ini adalah perilaku manusia adalah lukisan dalaman yang dinamik dan tabii yang sehati dalam jiwa manusia yang berupaya membentuk perilaku yang cenderung kepada kebaikan.


Kajian ini juga menggunakan menggunakan teori peribadi Imam al-Ghazali. Beliau memandangkan tingkah laku sebagai sesuatu yang mempunyai tujuan agama dan kemanusiaan. Tingkah laku itu berkait antara manusia dengan penciptanya, antara manusia sesama manusia dan antara manusia dengan makhluk di sekelilingnya iaitu alam sekitar. Secara ringkasnya pendapat Imam al-Ghazali tentang tingkah laku adalah seperti berikut (Syed Nawab, 2010 dan Hassan Langgulung, 1999): i) Tingkah laku itu mempunyai penggerak (motivasi), pendorong, tujuan dan objektif : ii) Motivasi itu bersifat am yang muncul dari dalam diri manusia, tetapi dirangsang dengan rangsangan luar mahupun dalam yang berhubung dengan keperluan jasmani dan kecenderungan fitrah seperti lapar dan takut kepada Allah: iii) Tingkah laku ini mengandungi rasa keperluan dengan perasaan tertentu dan kesedaran akal terhadap suasana tersebut. Ini semua disertai oleh aktiviti yang tidak terpisah dari rasa, perasaan dan kesedaran terhadap suasana tersebut: iv) Kehidupan psikologi adalah suatu perbuatan dinamis iaitu interaksi terus menerus antara tujuan atau motivasi dan tingkah laku: v) Tingkah laku bersifat individu yang berbeza menurut perbezaan faktor keturunan dan perolehan atau proses pembelajaran: vi) Tingkah laku mempunyai dua peringkat. Peringkat yang pertama adalah manusia berdekatan dengan semua makhluk hidup. Peringkat kedua adalah mencapai cita-cita ideal dan mendekatkan diri dengan makna ketuhanan dan tingkah laku malaikat. Tingkat pertama dikuasai oleh motivasi dan faktor kegapohan, sedangkan tingkat kedua dikuasai oleh kemahuan dan akal. Dua teori ini digunakan untuk untuk menghurai faktor religiositi dalam diri pelajar serta pengaruhnya terhadap amalan kesukarelawanan.

Faktor Persekitaran sosial pelajar juga dilihat sebagai faktor penyumbang kepada keterlibatan pelajar dalam amalan kesukarelawanan. Teori Ekologi Perkembangan Manusia yang dikembangkan oleh Urie Bronfenbrenner (1986) telah mendasari konstruk persekitaran sosial dalam kajian ini. Merujuk kepada konsep teori ini, seseorang remaja adalah individu yang berada dalam ruang lingkup mikro (berpusat di tengah) yang boleh dipengaruhi oleh faktor persekitaran. Remaja akan berinteraksi dengan persekitaran dalam mengembangkan konsep diri. Menurut Bronfenbrenner (1986), terdapat 5 sistem persekitaran remaja iaitu mikrosistem, mesosistem, eksosistem, makrosistem dan kronosistem. Walau bagaimanapun, atas keperluan dan batasan kajian, pengkaji hanya memilih dua sistem sahaja iaitu mikrosistem dan kronosistem. Justifikasi pemilihan mikrosistem dan kronosistem dalam teori ini ialah pengkaji ingin meninjau faktor yang paling hampir dengan diri remaja iaitu mikrosistem (keluarga, sekolah dan rakan sebaya) dan faktor yang dirasakan dekat dengan remaja milenium masa kini iaitu kronosistem (media dan teknologi). Ini adalah berdasarkan pertimbangan kajian-kajian lepas seperti Wan Salha et al. (2010), Azizi et al. (2012) dan Woolfolk (2012).

Model Konsep

Kerangka konseptual kajian memberi gambaran tentang hubungan di antara beberapa pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian ini (rujuk rajah 1.1). Kerangka konseptual

kajian ini adalah berasaskan gabungan dan mengadaptasi beberapa teori dan model bagi membuat kajian yang berkaitan dengan pengaruh religiositi dan persekitaran sosial terhadap amalan kesukarelawan dalam kalangan pelajar Kolej MARA. Kerangka konsep kajian ini dibina berdasarkan kepada Teori tingkah laku terancang yang dikemukakan oleh Ajzen (1991) dan Teori Tindakan Beralasan menurut Ajzen dan Fishbein (1980) yang akan digunakan sebagai landasan kepada kajian ini. Kajian ini akan menghuraikan faktor sikap dan faktor norma subjektif dalam teori berkenaan kepada dimensi yang lebih khusus iaitu faktor religiositi dan persekitaran sosial dalam menerangkan pengaruhnya terhadap penglibatan pelajar dalam aktiviti sukarela. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh atau sumbangan religiositi dan persekitaran sosial amalan kesukarelawanan Islam dalam kalangan pelajar kolej MARA. Secara keseluruhan kerangka konseptual kajian ini dapat dilihat melalui Rajah 1.2 yang dapat memberi gambaran tentang pemboleh ubah-pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian ini



Rajah 1. Kerangka konseptual kajian yang diadaptasi dan ubahsuai daripada Teori Nilai al-Ghazali : Teori Peribadi al-Ghazali (1058-1111H) : Teori Ekologi Perkembangan Manusia oleh Urie Bronfenbrenner (1986) : Teori Aspirasi oleh Hossler & Gallagher (1987) : Teori Tingkah Laku Terancang, Ajzen (1991) dan Teori Tindakan Beralasan ,Ajzen dan Fishbein (1980).

Kesimpulan

Melalui sorotan ini, boleh dirumuskan bahawa tingkah laku penglibatan belia boleh diramal melalui budaya komunikasi interpersonal, budaya komunikasi maya melalui media dan keterlibatan atau interaksi mereka dengan organisasi peringkat komuniti sama ada rukun

tetangga, kelab kebajikan dan sebagainya. Pada setiap masa, belia seharusnya perlu dibimbing dan diberi galakan supaya memiliki dan mengamalkan komunikasi interpersonal yang berkesan dalam konteks keluarga, rakan sebaya, dengan jiran-jiran dan dengan ahli komuniti yang berlainan etnik. Ibu bapa dan warga dewasa dalam komuniti perlu sentiasa cakna untuk memastikan kemahiran ini dimiliki dan dipraktikkan secara berkesan oleh remaja dan belia dalam kejiwaan masing-masing. Dalam konteks teoritikal, kertas konsep ini berjaya membina sebuah model hipotesis pengaruh reliositi dan persekitaran sosial terhadap amalan kesukarelawan pelajar. Namun perlu dilakukan kajian lanjut untuk melihat dan meneliti kesepadanan antara model yang dikemukakan ini dengan amalan sebenar yang berlaku di lapangan. Kajian Lapangan tersebut akan dapat menambahbaik lagi model yang dikemukakan ini serta dapat memberi sumbangan teoritikal keilmuan dalam kajian yang berkaitan kesukarelawan.

Rujukan

- Azizan Bahari (2016). *Kesukarelawan*. Kangar. Pustaka Qarya
- Azizan Bahari (2002) *Menghayati kerja sukarela*. Qarya Sdn Bhd., Petaling Jaya.
- Azlina Mohd Khir, Nur Afiqah, A.A. & Noor Shahirah, M.N.(2016). Motivasi dan tahap penglibatan belia felda dalam kesukarelawan di Felda Bukit Rokan, Negeri Sembilan. *Journal of Youth Studies* 15 (2016), 235-250. ISSN: 2180-1649.
- Al Ghazali, A.H (1991). *Ayyuhal Walad*. Khazanah Al Bayyinah. Versi terjemahan.
- Al-Ghazali, A. H. (1994). *Ihya' 'Ulumu alDin*, 6 jilid. Damsyik: Dar al-Khayr.
- Al Ghazali, Abu Mahmud Muhammad.(1998). *Nizam Al-Islam Fil Al-Aqidah Wa Al-Akhlak Wa Al Tasri'*. Damsyik: Dar Al Fikr.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. T. th.(1988). *Raudah al-Talibin wa' Umdah al-Salikin*. Beirut: Dar al-Nahdah al-Hadithah.
- Ajzen, I. (1991). Theory of Planned behaviour. *Organizational Behaviour and Human decision Process*, 50, 179-211.
- Ajzen, I., & Fishbein, M. (1980). *Understanding attitudes and predicting social behavior*. Englewood-Cliffs, NJ: Prentice-Hall
- Azizi Yahaya et al, (2012). Aggressive behavior and the influencing factors at five schools in Johor bahru. *Elixir International Journal. Elixir Psychology* 42A 6530-6536.
- Bronfenbrenner, U. (1986). Recent advances in research on the ecology of human development. In R. K. Silbereisen, K. Eyferth, & G. Rudinger (Eds.), *Development as action in context: Problem behavior and normal youth development*. Heidelberg and New York: Springer-Verlag.
- Chacon, F., Vecina, M.L. & Davila, M.C. (2007). The three-stage model of volunteers' duration of service. *Social Behavior and Personality: An international Journal*, 35 (5), 627-642.
- Ezhar Taman, Madiha Hashmi (2015) Predicting interethnic bridging social capital in youth ethnic-diversity engagement: The role of interethnic interaction and intercultural sensitivity. *International Journal of Adolescence and Youth*, 1-14.
- Hyde, M. K., & Knowles, S. R. (2013). What predicts Australian university students' intentions to volunteer their time for community service? *Australian Journal of Psychology*, 65(3), 135-145. Doi: 10.1111/ajpy.12014.
- Hassan Langgulong. (1999). *Pendidikan Islam menghadapi abad ke 21*. Jakarta: Pustaka Al-Husna.
- Ibrahim, F., Amin, A. & Sivabalan, T. (2015). Penglibatan dan Motivaasi Kesukarelawan: Ke Arah Memupuk Semangat Kesukarelawan Dalam Kalangan Mahasiswa. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 10(1),/ 84-96.
- Institusi Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (2017). Diakses daripada <http://www.iyres.gov.my/index.php/ms/>
- IPPBM. (2011). *Indeks Belia Malaysia 2011*. Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, Putrajaya
- Julinawati Suanda, Mohammad Rezal Hamzah, Azizan Bahari, Ku Amir Ku Daud , Siti Rabaah Hamzah, Turiman Suandi. 2012. *Semangat Kesukarelawan Dalam Kalangan Mahasiswa*

- Melayu Di IPTA: Satu Tinjauan Ke Arah Pembentukan Pendidikan Kesukarelawan*. Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa.
- Kim Y, Lee W-N (2014) Networking for philanthropy: increasing volunteer behavior via social network sites. *Cyberpsychology, Behavior and Social Networking* 17(3), 160-165.
- Norazrine Abdul Tahar@Ariffin (2018). Dorongan Persekitaran Sosial, Kecenderungan Dan Motif Penglibatan Belia Dalam Aktiviti Sukarelawan Berstruktur Serta Sumbangannya Kepada Amalan Nilai Patriotisme. *Tesis Dr. Falsafah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Musick, M., & Wilson, J. (2003). Volunteering and Depression: The Role of Psychological and Social Resources in Different Age Groups. *Social Science and Medicine* 56(2), 259-269.
- Sarimah Ismail (2014) Youth volunteerism in Chow Kit, Malaysian: Factors of involvement. *International Conference on Global Trends in Academic Research*. Kuala Lumpur, 2-3 Jun.
- Sheu Tsuey Chong (2011). Enhancing youth civic engagement and generalized trust through bonding social capital among friends. *Pertanika Journal of Social Science & Humanity* 19, 57-64.
- Siti Rabaah H, Turiman S, Azimi H, Ezhar T (2012) The influences of sociological factors towards hedonistic behavior among Malaysian youth. The Graduate Research in Education Seminar GREduc. Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia. 18 November.
- Suzanah Jumat, Andi Muhammad Yusuf B Andi Maddukelleng, Muhamad Roslan Omar, Anuar Ahmad & Mohd Mahzan B. Awang. (2014). Penglibatan Pelajar Universiti Terhadap Aktiviti Sosial Dalam Komuniti Pada Waktu Senggang: Kajian Perbandingan di Malaysia dan China
- Shahrom Md Zain, Muhammad Imran Mohd Junaidi & Noor Ezlin Ahmad Basri. (2016). Sukarelawan Alam Sekitar: Penerimaan dan Keahaman Pelajar. *Jurnal Personalia Pelajar* 18 (2) (2015): 75 – 84 (Preview Copy)
- Syed Nawab 'Ali. (2010). *Imam al-Ghazali: Moral and Religious Teachings*. Kuala Lumpur: A.S Nordeen.
- Tajul Arifin Muhamad, Aishah Nadirah Mohd Alauddin. 2015. *Motif penglibatan sukarelawan sukan institusi pengajian tinggi terhadap tahap kepuasan diri*. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 38(2), 51-59.
- Tuan Pah Rokiah Syed Hussain & Lilah Yasin. 2016. Belia dan program kesukarelawan di Malaysia: Satu kajian empirikal. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space* 12 issue 10 (183 - 194)
- Tuan Pah Rokiah Syed Hussain & Lilah Yasin. 2016. Belia dan program kesukarelawan di Malaysia: Satu kajian empirikal. *Malaysian Journal of Society and Space* (10), 183 – 194.
- Tuan Pah Rokiah Syed Hussain, Shamsul Anuar Nasarah & Zaheruddin Othman. 2016. Pembinaan bangsa Malaysia (1): Kajian empirikal tahap patriotism belia. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space* 12 issue 10 (159 - 170)
- Warren AM, Sulaiman A, Jaafar NI (2014) Facebook: The Enabler of online civic engagement for activist. *Computer in Human Behavior* 32, 284-289.
- Woolfolk, A. (2012). *Educational Psychology* (12th ed.). New York: Pearson Education.
- Wan Salha Yusoff et al. 2010. Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penentuan Identiti Diri Remaja Melayu. Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa. 29-31 Mac.
- Zhang W, Lallana E (2013) Youth, ICTs, and civic engagement in Asia. *International Communication Gazette* 75, 249-252.

**ANALISIS KEPERLUAN: TINJAUAN TAHAP SOSIOEMOSI
KEINGINSEMPURNAAN, KEBIMBANGAN SOSIAL DAN KETERUJAHAN LUAR
BIASA DALAM KALANGAN PELAJAR PINTAR DAN BERBAKAT**

Amnah Zanariah Abd Razak, Shahlan Surat dan Rosadah Abd Majid

Abstrak

Kajian tinjauan ini dilaksanakan bagi memenuhi kajian di fasa pertama analisis keperluan bagi pembangunan modul. Objektif bagi kajian ini adalah bagi mengenal pasti tahap sosioemosi bagi keinginsempurnaan, kebimbangan sosial dan keterujaan luar biasa dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat. Kajian ini dilaksanakan ke atas 252 orang pelajar (123 orang pelajar lelaki dan 129 orang pelajar perempuan) di sebuah sekolah Pintar Berbakat di Negeri Sembilan. Tiga instrumen yang digunakan dalam mengukur isu sosioemosi ini adalah; Skala Keinginsempurnaan Multidimensi bagi menilai tahap keinginsempurnaan, Skala Kebimbangan Sosial Remaja bagi kebimbangan sosial dan Soal selidik Keterujaan Luar Biasa bagi keterujaan luar biasa. Instrumen ini telah diadaptasi daripada pengkaji asal dan telah diterjemahkan oleh pengkaji tempatan dan telah digunakan di dalam kajian sebelum ini. Analisis statistik dilaksanakan menggunakan SPSS (Versi 25) bagi mendapatkan nilai min skor bagi setiap pembolehubah yang dikaji. Walaubagaimanapun ujian rintis telah dilaksanakan bagi ke semua instrumen yang digunakan. Hasil daripada dapatan kajian menunjukkan, ke semua item soal selidik mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Seterusnya dapatan kajian tinjauan menunjukkan bahawa tahap keinginsempurnaan pelajar di tahap yang rendah, kebimbangan sosial di tahap yang tinggi manakala tahap keterujaan luar biasa pula berada di tahap yang rendah. Daripada dapatan ini jelaslah isu sosioemosi ini perlu dibantu melalui pembangunan modul. Dapatan kajian ini memberikan input kepada fasa analisis keperluan dalam proses pembangunan modul yang akan menggunakan model ADDIE.

Kata Kunci: Pintar dan Berbakat, Analisis Keperluan, Sosioemosi, Keinginsempurnaan, Kebimbangan Sosial, Keterujaan Luar Biasa, Model ADDIE.

Pengenalan

Pelajar pintar dan berbakat (PPB) sering terdedah dengan isu sosioemosi. Kebanyakan kajian tentang PPB berkisar tentang daya kognitif PPB dan mengabaikan isu sosioemosi yang dialami oleh golongan pelajar ini. Sebenarnya semakin tinggi daya intelektual pelajar ini maka mereka akan semakin cenderung untuk berhadapan dengan isu sosioemosi. Antara isu yang dialami pelajar ini adalah keinginsempurnaan, kebimbangan sosial, keterujaan luar biasa mementingkan keadilan sosial, kepekaan yang tinggi, daya kritik yang tinggi, sukar menyesuaikan diri dengan suasana yang baru, serta mempunyai isu dalam kemahiran penyesuaian sosial (Abu Yazid Abu Bakar & Noriah Mohd Ishak, 2014; Rosadah Abd Majid, 2004). Perlaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) telah memberi penekanan tentang pembangunan pelajar pintar dan berbakat. Selari dengan usaha ini adalah keperluan untuk mengkaji isu penyesuaian sosioemosi dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat ini.

Kajian sosioemosi ini selari dengan kajian sosioemosi yang telah dijalankan oleh Thavamani ap Selvan & Grace Annammal Piragasam (2016); Akay & Bratton (2017). Kajian-kajian lepas mencadangkan bahawa isu sosioemosi ini perlu dikenal pasti sedari awal lagi dan perlu dibantu untuk difahami (Mofield & Parker Peters, 2018). Kajian ini perlu diperluaskan untuk manfaat bersama. Kajian ini dapat memperkayakan kajian literasi bagi

pelajar pintar dan berbakat (PPB). Walaupun terdapat kajian tentang pintar dan berbakat ini namun, ianya masih kurang dilaksanakan di dalam negara berbanding dengan luar negara. Modul di dalam Bahasa Melayu masih kurang dibangunkan dewasa ini kebanyakan kajian adalah di dalam Bahasa Inggeris.

Kajian tinjauan tahap sosioemosi pelajar ini merupakan salah satu usaha yang telah dilakukan oleh pengkaji di dalam fasa analisis keperluan. Di antara kajian lain yang dibuat di dalam fasa analisis keperluan ini adalah menjalankan analisis keperluan pembangunan modul, analisis kriteria dan juga analisis dokumen bagi mengenal pasti isu sosioemosi yang berlaku di dalam populasi. Daripada kajian yang telah dilakukan didapati tiga isu utama dalam kalangan populasi pelajar ini adalah isu keinginsempurnaan, kebimbangan sosial dan keterujaan luar biasa dalam kalangan PPB. Seterusnya kajian ini dilaksanakan bagi meninjau tahap isu yang telah dikenal pasti bagi menyumbang kepada keperluan kepada pembangunan modul.

Kajian Literatur

Kajian tentang isu sosioemosi banyak dilakukan dewasa ini. Jika sebelum ini kajian tentang pintar dan berbakat ini banyak membincangkan tentang tahap intelek serta kognitif pelajar, namun trend terkini menunjukkan bahawa banyak kajian cenderung untuk membuat kajian tentang isu sosioemosi pelajar. Pelajar pintar berbakat merupakan individu yang unik. Mereka sentiasa bertarung bagi menyesuaikan diri dengan isu sosioemosi (Versteynen 2013). Sosioemosi menurut Rorlinda et al. (2017) adalah merujuk kepada kebolehan seseorang individu untuk menyesuaikan diri dengan proses sosial dan mampu mengawal emosi.

Keinginsempurnaan merupakan pemikiran serta perlakuan yang mempunyai jangkaan atau standard yang tinggi yang kadangkala tidak realistik (Hamachek, 1978). Kebimbangan sosial pula adalah kelemahan yang ditonjolkan di dalam fungsi sosial yang berlebihan menyebabkan seseorang individu meneghindarkan diri dari sesuat mereka menjauhi daripada sesuatu situasi (Webb et al., 2013). Manakala keterujaan luar biasa pula merupakan rangsangan dalaman atau luaran yang menjadikan seseorang individu menonjolkan tingkahlaku luar kawalan (Piechowski, 1999). Ketiga-tiga isu ini merupakan isu utama yang berlaku dalam kalangan populasi PPB di Negeri Sembilan. Isu ini merupakan keunikan yang ada pada pelajar pintar dan jika tidak dibantu isu ini mampu menjejaskan potensi sebenar PPB.

Adalah keperluan untuk mengenal pasti tahap isu sosioemosi ini sebelum pengkaji membangunkan modul di peringkat yang seterusnya. Pembangunan modul yang dilaksanakan menggunakan kajian reka bentuk dan pembangunan menggunakan pendekatan ADDIE. Pendekatan ADDIE mempunyai lima fasa pembangunan iaitu analisis keperluan, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian (Robert Maribe Branch, 2009). Kajian ini memfokuskan kepada fasa yang pertama yang memerlukan pengkaji mencari jurang atau isu yang benar-benar berlaku di dalam populasi yang dikaji (Azimi & Rastegarpour, 2015). Dapatan kajian ini akan menentukan keperluan pembangunan modul berdasarkan dapatan tahap sosioemosi yang dilaksanakan secara tinjauan ini.

Objektif Kajian

Kajian tinjauan ini dirangka bertujuan untuk;

1. Mengetahui tahap keinginsempurnaan
2. Mengetahui tahap kebimbangan sosial
3. Mengetahui tahap keterujaan luar bias

Metodologi Kajian

Metodologi kajian ini akan membincangkan tentang reka bentuk kajian, sampel kajian, instrumen dan analisis data. Metodologi kajian ini akan dihuraikan seperti berikut;

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif bagi meninjau isu sosioemosi bagi mengenal pasti tahap sosioemosi PPB bagi isu keinginsempurnaan, kebimbangan sosial dan keterujaan luar biasa (KLB). Kajian ini dijalankan di dalam fasa pertama pembangunan Modul GIFTED iaitu fasa analisis keperluan bagi pembangunan modul.

Sampel Kajian

Responden kajian dipilih berdasarkan pensampelan bertujuan yang terdiri daripada 252 orang pelajar (123 orang pelajar lelaki dan 129 orang pelajar perempuan) di salah sebuah Kolej Pintar dan Berbakat di Negeri Sembilan.

Instrument Kajian

Instrumen yang digunakan ialah;

- a) Skala Keinginsempurnaan Multidimensi atau oleh Fros et al. (1990) telah diterjemahkan ke Bahasa Melayu dan digunakan dalam kajian oleh Zainon Basirion, (2014).
- b) Skala Kebimbangan Sosial Remaja oleh La Greca dan Lopez (1998) telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu dan digunakan di dalam kajian Mahzam (2013).
- c) Soal selidik Keterujaan Luar Biasa dibina oleh Falk et al. (1999) telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu dan digunakan di dalam kajian Aliza Alias (2014).

Analisis Data

Analisis data menggunakan SPSS (Versi 25) bagi menganalisis dapatan secara deskriptif menggunakan nilai min, maksimum, purata dan *standard deviation*.

Dapatan Kajian dan Perbincangan


Sebelum pengkaji menjalankan kajian sebenar di dalam kajian ini, kajian rintis telah dijalankan bagi menguji kebolehpercayaan instrumen yang bakal digunakan di dalam kajian sebenar. Menurut Kumar (2011) kajian kebolehpercayaan boleh diterima sekiranya ujian itu boleh dipercayai dan dapat mengukur apa yang hendak diukur secara tekal. Kajian ini menggunakan adaptasi daripada instrumen yang sedia ada kerana menurut Fraenkel, Wallen, & Hyun (2013) penggunaan instrumen sedia ada ini dapat menjimatkan masa bagi pengkaji yang akan membangunkan modul.

Jadual 1 menunjukkan bahawa instrumen yang digunakan mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Instrumen Skala keinginsempurnaan multidimensi bagi mengukur keinginsempurnaan mempunyai nilai Alpha Cronbach 0.904, instrumen Skala kebimbangan sosial digunakan bagi mengukur kebimbangan sosial pula mempunyai nilai *Alpha Cronbach* sebanyak 0.813 manakala instrumen yang ke tiga adalah instrumen Soal selidik keterujaan luar biasa mempunyai nilai *Alpha Cronbach* sebanyak 0.927. Oleh itu menurut Fraenkel et al. (2013) menyatakan nilai kebolehpercayaan yang boleh diterima adalah di tahap 0.7 hingga 0.99. Oleh itu tahap kebolehpercayaan bagi ketiga-tiga instrumen ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan tekal untuk digunakan di dalam kajian seterusnya.

Jadual 1
Kebolehpercayaan instrumen

Instrumen	Nilai <i>Alpha Cronbach</i> (α)
1.Skala Keinginsempurnaan Multidimensi	0.904
2.Skala Kebimbangan Sosial Remaja	0.813
3.Soal Selidik Keterujaan Luar Biasa	0.927

Kajian tinjauan telah dilaksanakan dalam kalangan PPB bagi mengenal pasti tahap sosioemosi pelajar bagi tahap keinginsempurnaan, kebimbangan sosial dan keterujaan luar biasa. Berdasarkan rajah 1 dapatan kajian tinjauan menunjukkan bahawa, dapatan kajian menunjukkan tahap keinginsempurnaan pelajar berada di tahap yang rendah ($m=2.158$), tahap kebimbangan sosial pelajar berada di tahap yang tinggi ($m=2.94$) manakala tahap keterujaan luar biasa adalah di tahap yang rendah ($m=2.369$).



Rajah 1. Dapatan tahap sosioemosi bagi keinginsempurnaan, kebimbangan sosial dan keterujaan luar biasa PPB.

Jadual 2 menunjukkan dapatan bagi tahap sosioemosi PPB. Dapatan ini menunjukkan bahawa ke tiga-tiga isu ini sesuai untuk dikaji di dalam pembangunan modul bagi pelajar pintar dan berbakat ini. Dapatan kajian ini membuktikan terdapat jurang kajian bagi isu sosioemosi pelajar dan mereka perlu dibantu. Modul yang akan dibangunkan akan membantu pelajar memahami isu keinginsempurnaan dan keterujaan luar biasa dan seterusnya bagi kebimbangan sosial pula tahap kebimbangan sosial akan cuba untuk dikurangkan.

Jadual 2

Dapatan tahap sosioemosi PPB

	Tahap Keingin-Sempurnaan	Tahap Kebimbangan Sosial	Tahap Keterujaan Luar Biasa
N	252	252	252
Nilai Purata	2.158	2.940	2.369
Sisihan Piawai	.487	.253	.515
Tahap	Rendah	Tinggi	Rendah

Di dalam kajian lepas tentang keinginsempurnaan kebanyakan pengkaji membincangkan tentang keinginsempurnaan adaptif dan maladaptif (Albano, 2012; Di Schiena, Luminet, Philippot, & Douilliez, 2012; Öngen, 2009; Zainon Basirion, 2014). Keinginsempurnaan adaptif (keinginsempurnaan yang positif) akan memacu kecemerlangan PPB manakala keinginsempurnaan maladaptive (keinginsempurnaan yang negatif) akan menghalang kebolehan atau potensi sebenar bagi PPB ini. Kajian lepas juga menyarankan bahawa isu keinginsempurnaan ini perlu difahami (Amnah Zanariah, Amirah, 2016). Terdapat enam sub konstruk yang diuji bagi keinginsempurnaan iaitu keteraturan hidup, standard individu, kritikan, penghargaan ibu bapa, ragu ragu membuat pilihan dan bimbang melakukan sebarang kesilapan. Daripada dapatan keinginsempurnaan ini menunjukkan tahap keinginsempurnaan pelajar di tahap yang rendah ($m=2.158$). Ini menunjukkan bahawa ibu bapa sebenarnya adalah faktor yang menyumbang kepada keinginsempurnaan yang dimiliki pelajar (Basirion, Majid, & Jelas, 2014; Besharat, M.A Azizi, K, Poursharifi, & H, 2011; Olszewski-Kubilius, Lee, & Thomson, 2014). Dari kawalan ibu bapa ini akan memberikan kesan kepada individu pelajar seperti meletakkan standard diri yang tinggi dan tidak mempunyai keyakinan bagi membuat apa-apa keputusan di dalam hidup mereka. Di dalam sub konstruk keinginsempurnaan ini mengandungi item adaptif dan maladaptif. Apa yang penting bagi keinginsempurnaan ini adalah pelajar perlu memahami konsep keinginsempurnaan (Zainon Basirion, 2014) dan bagaimana bagi menyesuaikan diri dengan sifat ini. Pelajar pintar dan berbakat yang mempunyai isu ini perlu dibantu.

Kebimbangan sosial merupakan *borderline* bagi masalah kesihatan mental. Terdapat tiga subkonstruk bagi kebimbangan sosial iaitu ketakutan kepada penilaian negatif dan stres. Jika individu gagal mengurangkan kebimbangan sosial di dalam diri maka mereka akan berdepan dengan pelbagai masalah yang akan menggugat pelajar. Kebimbangan sosial ini perlu dikurangkan. Dapatan ini jelas membuktikan bahawa kebimbangan yang paling tinggi berlaku dalam kalangan pelajar adalah ketakutan penilaian negatif ($m=2.940$). PPB mempunyai ciri ini disebabkan PPB merasa risau dan takut serta merasakan diri mereka sentiasa diperhatikan dan di nilai. Apa yang dirisaukan pelajar adalah jika mereka tidak dapat memenuhi ekspektasi orang lain di sekeliling nya. Seterusnya pelajar akan lebih suka mengasingkan diri dan berlaku tekanan di dalam hidup pelajar. Kajian yang dilakukan oleh Bergold, Wirthwein, Rost, & Steinmayr, (2015) menunjukkan bahawa PPB merasa mereka memberikan reaksi menyatakan mereka tidak puas hati dengan kualiti dirinya berbanding dengan pelajar di aliran perdana. Isu kebimbangan sosial ini perlu segera dibantu untuk diturunkan tahap kebimbangan sosial ini. Tahap kebimbangan sosial pelajar di tahap yang tinggi ini perlu diturunkan. Ini boleh membahayakan pelajar dan pelajar boleh berdepan dengan isu gangguan kesihatan mental. Dapatan ini selari dengan kajian (Mahzam, 2013;

Webb et al., 2013) yang mengkaji tentang kebimbangan sosial pelajar di tahap yang tinggi dan pelajar ini perlu segera dibantu.

Seterusnya kajian tentang isu keterujaan luar biasa. Isu keterujaan luar biasa merupakan isu yang ada pada PPB. Dapatan daripada kajian tinjauan yang telah dijalankan menunjukkan tahap KLB PPB adalah di tahap rendah ($m=2.369$). Subkonstruk bagi keterujaan luar biasa ialah psikomotor, emosi, sensori, intelek dan imaginasi. Kesemua domain psikomotor, emosi, sensori, intelek dan imaginasi ini merupakan ciri-ciri bagi mengenal pasti PPB (Penny, Karpinski et al 2018; Karwowski et al 2016; Winkler, & Voight 2016; Miedma & Mazmanlan 2015; Chang 2014; Kuo & Chang 2013; Mendaglio and Tillier 2006; Lind 2001; Piechowski 1999). Namun terdapat juga pakar pengkaji yang tidak bersetuju dengan pendapat ini dan berpendapat ciri intelek tidak semestinya nilai tertinggi bagi PPB pendapat ini disokong oleh Yakmaci-Guzel, B. & Akarsu (2006); Wirthwein, & Rost (2011); Aliza Alias (2014); Bergold et al. (2015). Namun di dalam kajian ini pengkaji bersetuju dengan kajian pendapat bahawa ciri-ciri KLB psikomotor, sensori, emosi, intelek dan imaginasi merupakan ciri-ciri bagi mengenali PPB.

Kajian keperluan ini telah dilaksanakan bagi kajian-kajian pembangunan modul oleh pengkaji yang lepas Analisis keperluan diperlukan bagi mengenalpasti dengan lebih dekat isu sebenar yang berlaku di dalam populasi yang dikaji (Aliza & Zamri, 2016; Hamizah, Ku Suhaila, Izwan, Md Zubir, & Johan, 2018; Rafidah, 2013; Rashidah, 2020; Shahlan, 2012). Rumusan daripada perbincangan ini, isu keinginsempurnaan dan keterujaan memerlukan kepada pelajar memahami dengan lebih mendalam isu ini dan bagi kebimbangan sosial isu ini perlu dikurangkan kerana banyak memberikan kesan negatif kepada perkembangan pelajar. Jurang kajian ini akan diselesaikan dengan cadangan pembangunan modul sosioemosi untuk pelajar pintar dan berbakat.

Rumusan Dan Cadangan

Dapatan kajian ini menunjukkan tahap sosioemosi dalam kalangan populasi adalah tahap rendah bagi isu keinginsempurnaan dan keterujaan luar biasa, seterusnya dapatan bagi tahap kebimbangan sosial berada di tahap yang tinggi. Dapatan ini telah memberi input bagi analisis keperluan dan dalam masa yang sama menyokong pembangunan modul menggunakan tiga isu yang dikaji ini. Dapatan ini menunjukkan terdapat jurang isu sosioemosi yang berlaku nilai keinginsempurnaan perlu ditingkatkan dan lebih difahami, nilai kebimbangan sosial perlu dikurangkan dan nilai keterujaan luar biasa perlu ditingkatkan sesuai dengan ciri pelajar pintar dan berbakat.

Dapatan kajian ini akan diambil kira dalam proses pembangunan modul. Di dalam kajian pembangunan modul seterusnya modul akan berperanan bagi memberi kefahaman kepada pelajar tentang isu keinginsempurnaan dan keterujaan luar biasa dan bagi isu kebimbangan sosial isu ini akan cuba untuk dikurangkan di dalam merangka modul ini nanti. Seterusnya teori yang sesuai bagi setiap sub modul keinginsempurnaan, kebimbangan sosial dan keterujaan luar biasa ini. Kerangka teoretikal penting dalam memandu pengkaji bagi membina aktiviti yang bersesuaian. Aktiviti modul ini akan menterjemahkan daripada teori kepada amalan.

Kajian pembangunan modul ini akan didasarkan kepada kajian reka bentuk dan pembangunan (*Design Development Research*) bersandarkan kepada model ADDIE. Limitasi kajian ini adalah pembangunan modul hanya berdasarkan tiga isu sosioemosi ini sahaja. Kajian ini hanya dijalankan di sebuah sekolah pintar dan berbakat di Negeri Sembilan. Kajian ini juga mempunyai limitasi hanya dilaksanakan ke peringkat kebolegunaan. Pengkaji-pengkaji akan datang dicadangkan agar menyambung kajian ini secara yang lebih meluas bagi pemboleh ubah yang lain, dilaksanakan di lokasi yang berbeza dan kajian analisis

keperluan dicadangkan untuk dilaksanakan secara kualitatif iaitu menggunakan teknik temu bual. Semoga kajian ini boleh dijadikan rujukan bagi proses analisis keperluan dan sebahagian daripada usaha kearah pembangunan modul menggunakan pendekatan DDR berpandukan Model ADDIE.

Rumusannya kajian tentang isu sosioemosi PPB ini perlu diperhebatkan untuk dijadikan rujukan bagi masyarakat dan panduan bagi pengkaji yang akan datang. Isu sosioemosi ini perlu dibendung supaya potensi sebenar PPB dapat digilap.

Penghargaan

Penulis pertama bertugas sebagai pensyarah di Kolej GENIUS Insan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ingin merakamkan sekalung ucapan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) di atas tajaan biasiswa SLAB bagi pengajian PhD (di Universiti Kebangsaan Malaysia). Juga ucapan terima kasih buat warga Kolej GENIUS Insan USIM dan Universiti Kebangsaan Malaysia dalam membantu menjayakan kajian ini.

Rujukan

- Abu Yazid Abu Bakar, & Noriah Mohd Ishak. (2014). Depression, anxiety, stress, and adjustments among Malaysian gifted learners: Implication towards school counseling provision. *International Education Studies*, 7(13). <https://doi.org/10.5539/ies.v7n13p6>
- Albano, A. R. (2012). The relationship among perfectionism, life satisfaction, and socio-emotional variables in gifted children. *Dissertation Abstracts International Section A: Humanities and Social Sciences*.
- Aliza Alias. (2014). *Profil keterujaan luar biasa pelajar pintar intelek dan kaitannya dengan keupayaan kognitif*. Tesis Phd. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan MalaysiaUniversiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Aliza, & Zamri. (2016). Pembangunan Dan Kebolegunaan Modul Berasaskan Bermain Bagi Pembelajaran Kemahiran Bahasa Melayu Kanak-Kanak Prasekolah. *Malay Language Education Journal – MyLEJ*.
- Amnah Zanariah Abd. Razak, Amirah Zainun, N. F. A. & S. M. S. (2016). Kajian tentang Perfectionism Dan Stail Berfikir Pelajar Pintar Berbakat Muslim Di Malaysia. *Proceeding of 2nd International Convention on Islamic Science & Education*.
- Azimi, K., & Rastegarpour, A. J. (2015). A Survey of the Effectiveness of Instructional Design ADDIE and Multimedia on Learning Key Skills of Futsal. *Journal of Educational and Management Studies*, 5(3), 180–186. Retrieved from www.science-line.com
- Basirion, Z., Majid, R. A., & Jelas, Z. M. (2014). Big Five personality factors, perceived parenting styles, and perfectionism among academically gifted students. *Asian Social Science*, 10(4), 8–15. <https://doi.org/10.5539/ass.v10n4p8>
- Bergold, S., Wirthwein, L., Rost, D. H., & Steinmayr, R. (2015). Are gifted adolescents more satisfied with their lives than their non-gifted peers? *Frontiers in Psychology*, 6(OCT), 1–10. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2015.01623>
- Besharat, M.A Azizi, K, Poursharifi, & H. (2011). The Relationship Between Parenting Styles And Children' Perfectionism AmongAcademically Gifted Students. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 15, 1276–1279.
- Di Schiena, R., Luminet, O., Philippot, P., & Douilliez, C. (2012). Adaptive and maladaptive perfectionism in depression: Preliminary evidence on the role of adaptive and maladaptive rumination. *Personality and Individual Differences*. <https://doi.org/10.1016/j.paid.2012.05.017>
- Falk, R.F., Lind, S., Miller, N.B., Piechowski, M.M., & Silverman, L. K. (1999). *The overexcitability questionnaire –two (OEQ-II): Manual, scoring system, and questionnaire*. Denver, CO: Institute for the Study of Advanced Development.
- Fraenkel, J. R., Wallen, N. E., & Hyun, H. H. (2013). *Educational Research: A Guide To the Process* (8th ed.). New York: McGraw-Hill.
- Hamachek, D. . (1978). Psychodynamics of normal and neurotic perfectionism. *Psychology*, 15(27), 33.
- Hamizah Ab Razak, N., Suhaila Ku Johari, K., Izwan Mahmud, M., Md Zubir, N., & Johan, S. (2018). Module of Cognitive Behavior Play Therapy on Decision Making Skills and Resilience Enhancement (CBPT Module). *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 7(4), 179–199. <https://doi.org/10.6007/IJARPED/v7-i4/4846>
- Kumar, R. (2011). *Research Methodology -A step by step guide for beginners* (3rd Editio). Chennai, India: Sage

- Publications, Inc.
- Mahzam Bt Mohd Saad. (2013). *Kesan pendekatan kognitif tingkahlaku dalam kaunseling kelompok terhadap keimbangan sosial dan perhatian fokus sendiri*. Tesis PhD, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Mofield, E. L., & Parker Peters, M. (2018). Mindset Misconception? Comparing Mindsets, Perfectionism, and Attitudes of Achievement in Gifted, Advanced, and Typical Students. *Gifted Child Quarterly*, 62(4), 327–349. <https://doi.org/10.1177/0016986218758440>
- Olszewski-Kubilius, P., Lee, S. Y., & Thomson, D. (2014). Family environment and social development in gifted students. *Gifted Child Quarterly*, 58(3), 199–216. <https://doi.org/10.1177/0016986214526430>
- Öngen, D. E. (2009). The relationships between perfectionism and aggression among adolescents. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 1(1), 1073–1077. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2009.01.193>
- Piechowski, M. (1999). Overexcitabilities. *Encyclopedia of Creativity*, 2, 325–334. Retrieved from <https://www.positivedisintegration.com/Piechowski1999.pdf> <https://positivedisintegration.com/Piechowski1999.pdf>
- Rafidah Kastawi. (2013). *Pembinaan Modul Terapi Seni (MOTES) dan Penggunaannya Dalam Proses Kaunseling Pelajar Pintar Dan Berbakat*. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Rashidah Karnain. (2020). *Latihan Kemahiran Metakognitif Guru Penerapan Kemahiran Asas Abad Ke-21*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Robert Maribe Branch. (2009). *Instructional Design The ADDIE*. Athens: Sage Publications, Inc.
- Rosadah Abd Majid. (2004). *Satu kajian perbandingan profil pelajar pintar cerdas akademik dengan pelajar sederhana akademik*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahlan Surat. (2012). *Keberkesanan Strategi 4-Meta Dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu Pelajar Tingkatan 4*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Webb, C. A., Auerbach, R. P., DeRubeis, R. J. R., Naeem, F., Phiri, P., Munshi, T., ... Gentes, E. (2013). Effect of Anger Management Module Using Cognitive Behavioral Therapy (CBT) On Anger Expression Among Adolescents in Secondary School. *Journal of Behavior Therapy and Experimental Psychiatry*, 9(1), 1–24. <https://doi.org/10.5964/ejcop.v6i1.85>
- Wirthwein, L., & Rost, D. H. (2011). Focussing on overexcitabilities: Studies with intellectually gifted and academically talented adults. *Personality and Individual Differences*, 51(3), 337–342. <https://doi.org/10.1016/j.paid.2011.03.041>
- Yakmaci-Guzel, B. & Akarsu, F. (2006). Comparing overexcitabilities of gifted and non-gifted 10th grade students in Turkey. *High Ability Studies*, 17(1), 43–56.
- Zainon Basirion. (2014). *Profil keinginsempurnaan pelajar pintar akademik dan hubungannya dengan gaya keibubapaan dan personaliti*. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

**TINJAUAN MINAT PELAJAR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL
POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH TERHADAP BAHAN BACAAN INTERNET
DAN BAHAN BERCETAK**

Nor Hakimah Ahmad Subri, Sharuddin Mohd Dahuri dan Eliza Shamsudin

Abstract

This descriptive study aims to explore the tendency of Polytechnic Sultan Azlan Shah student to find information either through internet reading and printed materials. The study respondents consisted of 73 students and the questionnaire was used as a research instrument. The questionnaire consisted of five categories: Part A regarding respondents background, Part B was the level of respondents' interest in obtaining information either from printed material or the internet, Part C regarding the time period of use of the information, Part D of the source material obtained, and Part E of the barriers in the use of information resources. The data obtained were analyzed using Microsoft Office Excel 2013 software for percentages and meanings that would then be interpreted in tables and charts. The findings show that the majority of students choose to read printed material from the book category as their reference. A total of 63% are certain and 15.07% are very certain that the book is their reference material. While from the internet material reference analysis graphs, it was found that reading the web site's web site content was their favorite. printed. This is due to the mobility, speed, speed of information, and ability to interact with the author. The findings of this study are seen as enabling the educators to be more creative to inculcate and nurture reading interest among Sultan Azlan Shah's Polytechnic students.

Keywords: Reading, Information, Internet

Abstrak

Kajian deskriptif ini bertujuan untuk meninjau kecenderungan pelajar Politeknik Sultan Azlan Shah mencari maklumat samaada melalui bahan bacaan internet dan bahan bercetak. Responden kajian melibatkan 73 pelajar dan borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Soal selidik ini melibatkan lima pengkelasan iaitu Bahagian A berkaitan latar belakang responden, Bahagian B merupakan tahap kecenderungan responden mendapatkan maklumat samada dari bahan bercetak atau internet , Bahagian C berkaitan tempoh masa penggunaan bahan maklumat, Bahagian D sumber bahan maklumat yang diperolehi, dan Bahagian E halangan dalam menggunakan sumber maklumat. Data-data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian Microsoft Office Excell 2013 bagi mendapatkan peratus dan min yang kemudiannya akan diinterpretasikan dalam bentuk jadual dan carta. Dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan majoriti pelajar memilih untuk membaca bahan bacaan bercetak dari kategori buku sebagai rujukan mereka iaitu sebanyak 63 %pasti dan 15.07% sangat pasti bahawa buku adalah bahan rujukan mereka. Bagi bahan rujukan internet, didapati laman web menjadi kegemaran sebagai rujukan mereka iaitu sebanyak 52.05% pasti dan 45.21% sangat pasti, Melalui hasil analisis kajian ini, rujukan dari internet lebih dominan berbanding bahan bercetak. Diantara sebabnya ialah kerana mobiliti, kepantasan, maklumat terkini, dan kemampuan berinteraksi dengan pengarang. Dapatan daripada kajian ini dilihat berupaya memberi kesedaran kepada warga pensyarah supaya bersifat lebih kreatif dalam menyemai dan menyuburkan minat membaca di kalangan para pelajar Politeknik Sultan Azlan Shah.

Kata Kunci: Membaca, Maklumat, Internet

Pengenalan

Buku, ilmu dan ketamadunan merupakan satu rangkaian yang penting dalam kemajuan, keperabadian dan sanjungan pada sesebuah bangsa. Jadi, tidak menghairankan kebanyakan kaedah musuh untuk melumpuhkan dan memundurkan bangsa tersebut dengan menghapuskan sumber ilmu, ini dapat dilihat dari beberapa peristiwa penaklukan kota Baghdad, Perpustakaan Agung Baitul Hikmah yang kaya dengan khazanah ilmu pengetahuan dimusnahkan oleh tentera Mongol. Sehingga dikisahkan Sungai Tigris bertukar warna menjadi hitam akibat banyaknya buku-buku yang dibuang (Marzuk, 2012). Betapa pentingnya buku dan ilmu dilihat masa kini, dimana sesetengah bangsa—berusaha mengembalikan kegemilangan mereka dengan menghasilkan pelbagai jenis kajian dan disimpan kejam dalam simpanan mereka.

Iktibar yang boleh diambil daripada peristiwa lalu ialah buku memainkan peranan yang penting dalam mencipta dan seterusnya merangsang perkembangan ilmiah untuk ketamadunan manusia. Buku berupaya mencetuskan ilham pemikiran kritis menyeluruh dalam bidang politik, falsafah, sosial, ekonomi, teknologi dan perubatan. Betapa pentingnya peranan buku sehinggakan Napoleon Bonaparte pernah berkata, “Aku lebih takut dengan empat orang penulis daripada 1,000 senapang (Abadi, 2017). Malah yang paling menakjubkan kalimah Al-Quran yang pertama telah menekankan kepentingan membaca, “Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan” (Al-Alaq, ayat 3-4). Sebuah madah mutiara kata dengan indah menyatakan “Setitik dakwat mampu membuat sejuta manusia berfikir tentangnya” (Faizli, 2016).

Pada masa kini, trend pembacaan generasi ini dilihat mempunyai pelbagai sumber, tidak tertumpu pada naskah bacaan bercetak semata. Satu kajian Kecenderungan Penggunaan Internet Dan Bahan Bercetak Di Kalangan Pelajar, Satu Tinjauan yang dibuat pada pelajar Politeknik menyatakan pelajar politeknik didapati menunjukkan buku menjadi bahan rujukan yang paling diminati oleh pelajar dengan peratusan yang tinggi iaitu 53.7% dan 51.6%. Penggunaan internet sebagai rujukan adalah lebih rendah iaitu 44.2% menggunakan laman web (Siti Norzaemah Bt Mohd Rashid, 2014). Namun, seiring peredaran masa, ditambah dengan ledakan teknologi terkini, kemungkinan hasil dapatan ini akan berubah.

Selari dengan kepentingan membaca ini, para pentadbir, pensyarah harus mengenal pasti kecenderungan pelajar dalam kaedah mencari maklumat agar minda dan fungsi komponen yang berkaitan relevan dengan kepintaran generasi ini yang mana mereka mahu mendapat sumber rujukan yang tepat dalam tempoh masa yang singkat.

Pernyataan Masalah

Politeknik merupakan salah satu institusi pengajian tinggi awam di Malaysia yang mempelopori pendidikan bercorak teknikal. Pada masa kini terdapat 33 politeknik yang menawarkan pelbagai kursus bidang teknikal di Malaysia (Senarai Politeknik Malaysia, 2020). Corak pembelajaran adalah 70 % praktikal dan 30 % teori (Asas Pembelajaran dan Pengajaran Pensyarah Institusi Pengajian Tinggi, 2012). Bermula dari semester 1, pelajar telah diberi pendedahan dalam mencari sumber rujukan dalam menyelesaikan masalah berkaitan pelajaran dan juga melengkapkan laporan-laporan berkaitan aktiviti pengajian mereka. Berdasarkan pemerhatian, amalan membaca di waktu-waktu senggang boleh dikatakan kurang dipraktikkan. Sehubungan itu, satu tinjauan dijalankan dalam menyiasat samada pelajar-pelajar ini gemar membaca ataupun tidak. Selain itu, tercetusnya kajian ini hasil dari tinjauan pensyarah dari segi kualiti persembahan laporan amali dan tugasan pelajar. Jumlah rujukan yang dipaparkan dalam tugas pelajar agak sedikit. Kebiasaannya pelajar hanya akan meletakkan satu alamat laman web sebagai rujukan, sedikit lebih baik apabila ada yang meletakkan modul politeknik dan beberapa judul buku yang umum sebagai rujukan.

Justeru, kajian untuk mengetahui modus operandi pelajar Politeknik Sultan Azlan Shah dalam mencari maklumat adalah satu kunci bagi memperbaiki keadaan ini.

Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini dilaksanakan adalah untuk meninjau:-

- i. Jenis rujukan yang digunakan oleh responden dalam mencari maklumat
- ii. Tempoh masa yang diperuntukkan responden semasa sumber rujukan tersebut Sumber dari mana bahan rujukan diperolehi.
- iii. Halangan-halangan yang menghalang responden dari menggunakan bahan rujukan

Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini dilaksanakan adalah untuk meninjau:-

- i. Apakah bahan rujukan yang digunakan oleh responden dalam mencari maklumat?
- ii. Berapa lamakah masa yang diperuntukkan oleh responden bagi mentelaah bahan bacaan?
- iii. Dari manakah sumber bahan rujukan diperolehi?
- iv. Apakah halangan yang menyekat responden dari menggunakan bahan rujukan?

Kepentingan Kajian

Kajian ini dilaksanakan bagi menentukan kecenderungan penggunaan internet dan bahan bercetak di kalangan pelajar Politeknik Sultan Azlan Shah. Terdapat dua faedah yang boleh diraih hasil dari dapatan kajian ini iaitu Politeknik boleh menjadikan kajian ini dalam menentukan kaedah terbaik bagi memperkaya dan memperkasa sumber rujukan yang ada di Politeknik. Para pensyarah pula boleh menjadikan kajian ini sebagai satu rujukan bagi memahami gaya pembacaan dikalangan pelajar dan dalam masa yang sama memberikan tunjuk ajar kepada pelajar kaedah terbaik dalam mencari rujukan supaya matlamat mencipta bangsa membaca dapat direalisasikan .

Batasan Kajian

Fokus utama kajian ini adalah terhadap pelajar semester empat di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM), Politeknik Sultan Azlan Shah yang mengambil kursus DJJ5141, Projek 1 dimana mereka perlu menghasilkan satu laporan berkenaan projek mereka secara individu. Batasan kajian ini hanya tertumpu kepada semua item yang terkandung dalam borang soal selidik yang diedarkan. Dalam melaksanakan kajian ini, penyelidik hanya menggunakan satu jenis instrumen kajian sahaja iaitu borang soal selidik. Ini kerana borang soal selidik mudah diedar, dijawab dan sesuai kepada semua responden. Namun, kebolehpercayaan kajian ini bergantung kepada kejujuran responden semasa menjawab borang soal selidik.

Kajian Literatur

Dua komponen yang berkait rapat dalam proses penggalian ilmu iaitu 'Buku' dan 'Baca'. Buku didefinisikan helaian-helaian kertas berjilid yang berisi tulisan untuk dibaca atau berisi ruangan-ruangan kosong untuk ditulis manakala baca didefinisikan satu aktiviti pemerhatian isi sesuatu yang tertulis atau tercetak dengan teliti dan memahami makna kandungannya (Melayu, jilid kedua). Manakala istilah membaca pula merupakan proses mengenal lambang-lambang tulisan dan menterjemahkannya kepada bentuk bunyi yang dilambangkan dan mendapatkan makna bagi bentuk tulisan tersebut (Hamid, 1994)

Aktiviti membaca merupakan aktiviti utama dalam penggalian ilmu dan maklumat. Pada masa dahulu, bahan-bahan cetak adalah sumber yang paling mudah diperolehi dalam mendalami sesuatu disiplin ilmu, malah sehingga kini ia masih relevan dipelbagai tahap institusi pendidikan, sumber rujukan bahan bercetak merupakan salah satu sumber rujukan

yang digunakan secara meluas. Penggunaan sekurang-kurangnya tiga pancaindera (penglihatan, pendengaran, sentuhan) semasa menggunakan bahan bercetak memberi impak pemahaman yang lebih kepada pengguna sekaligus membantu pengajaran dan pembelajaran. Bahan bercetak yang biasa digunakan adalah buku teks, buku kerja, Lembaran kertas amali, buku rujukan, majalah, risalah, surat, berita, surat khabar dan nota-nota bercetak. Umumnya, bahan bercetak seperti ini mengandungi maklumat dalam bentuk perkataan atau bergambar (Samani, 1997). Peranan bahan bercetak dalam kehidupan manusia boleh dilihat dalam catatan surah al-Alaq ayat 1-4 yang terkandung dalam kitab suci al Quran.

Seiring dengan peredaran waktu, kepintaran manusia telah menemukan satu wadah baru dalam menyimpan dan mengeluarkan ilmu dan kajian. Ia dinamakan Internet, penemuan internet bukan sahaja membantu dalam proses sosial, komunikasi, urusan perbankan dan jual beli, keselamatan, hiburan dan lain-lain, malah internet juga telah mempercepatkan lagi penyebaran ilmu pengetahuan dan pembelajaran. Penggunaan internet dapat menjimatkan masa, tenaga dan wang. Dari sudut pandang pelajar pula, pelajar tidak perlu beratur di kedai untuk membeli atau mengusung buku yang berat, ditambah keadaan dunia semasa yang dilanda wabak covid-19 yang mana terdapat kekangan kepada manusia untuk bergerak juga kekangan dari segi penjarakan sosial. Maka penggunaan internet menjadi wadah baru dalam pencarian maklumat. Namun, penggunaan internet jika tidak diselidik dengan baik boleh membawa pengguna kepada sumber rujukanyang palsu.

Jesteru itu terpulang kepada pengguna bagi memilih kaedah maklumat yang hendak dicari, samada melalui bahan bercetak atau internet, selagi ia tidak mengganggu norma kehidupan manusia dan selagimana maklumat yang diperolehi boleh diaplikasikan dan dipercayai, kesemuanya akan membantu dalam meningkatkan ilmu pengetahuan demi mencapai kemajuan Malaysia.

Metodologi

Metodologi membawa maksud sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan atau disiplin (Melayu, jilid kedua). Dalam kajian ini, data dari soal selidik dinilai bagi mendapatkan pola pemikiran dan tindakan para pelajar

Rekabentuk Kajian Dan Instrumen.

Rekabentuk kajian ini adalah berbentuk deskriptif. Kajian ini terbatas satu jenis instrumen sahaja iaitu penggunaan borang soal selidik untuk mendapat respon daripada pelajar di JKM tentang kecenderungan penggunaan internet dan bahan bercetak sebagai sumber rujukan mereka. Satu set borang soal selidik digunapakai bagi mendapatkan data yang merangkumi soalan berkaitan dengan objektif kajian iaitu; Bahagian A berkaitan latar belakang responden, Bahagian B merupakan kecenderungan mendapatkan maklumat dari bahan bercetak atau internet, Bahagian C berkaitan jangkamasa penggunaan bahan maklumat, Bahagian D iaitu sumber bahan maklumat yang digunakan, dan Bahagian E halangan dalam menggunakan bahan rujukan. Soal selidik soalan yang terkandung dalam soal selidik ini diberi kepada responden untuk dijawab. Soalan yang dikemukakan adalah berdasarkan tahap kepastian mereka terhadap setiap item berdasarkan skala likert dimana 1 (sangat tidak pasti),2(tidak pasti), 3(kurang pasti), 4(pasti) dan 5 (sangat pasti)

Persampelan

Sampel kajian dalam penyelidikan ini menggunakan Kaedah Persampelan Rawak Mudah. Sebanyak 73 responden dari 90 orang pelajar, sampel kajian terdiri daripada pelajar semester empat di JKM terlibat dalam kajian ini (Krejcie, 1970).

Prosedur Kajian.

Arahan dan penerangan yang jelas telah disampaikan oleh penyelidik sebelum responden mengisi borang tersebut. Responden mengambil masa kurang 25 minit untuk melengkapkan 42 item ringkas di dalam borang soal selidik. Borang itu kemudiannya dipungut sebaik sahaja ia dilengkapkan untuk dianalisa.

Penganalisan Data.


Data dianalisis menggunakan perisian Microsoft Office Excel 2013 bagi mendapatkan frekuensi, peratus dan min yang kemudiannya akan diinterpretasi dalam bentuk graf dan carta.

Dapatan Kajian Dan Perbincangan


Kajian seterusnya ke bahagian 4, dimana ia akan membincangkan analisis data dan hasil penemuan kajian berdasarkan soal selidik, dijemakan dalam bentuk graf dan carta. Data yang diperolehi, telah diproses bagi mendapatkan statistik seperti frekuensi, peratusan dan purata.

Analisis Latar Belakang Responden Dari Aspek Demografi.

Rajah 1 menunjukkan analisis jantina bagi 73 pelajar yang dikaji. Didapati bilangan pelajar lelaki dan perempuan semester empat di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) adalah tidak seimbang iaitu seramai 68 orang pelajar lelaki dan 5 pelajar perempuan. Dari rajah 2 diketahui bahawa majoriti responden adalah pelajar Melayu iaitu seramai 63 orang, manakala selebihnya iaitu minoriti pelajar India 8 orang dan Cina 2 orang.



Rajah 1. Analisis Taburan Jantina



Rajah 2. Analisis Taburan Kaum


Analisis Latar Responden Dari Aspek Pencapaian Pendidikan.

Jadual 3 merupakan analisis latar belakang pendidikan pelajar yang dikaji. Disebabkan responden yang dipilih adalah dari pelajar semester empat, maka latar belakang responden dilihat dari jumlah Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM) dari semester 1 hingga semester tiga. Didapati bilangan 4.1% daripada pelajar mendapat 3.5-4, 49.31% mendapat 3-3.49, 45.2% mendapat 2.5-2.99 dan 1.4% mendapat 2.00-2.49, tiada pelajar yang mendapat HPNM dibawah 2.00, melalui Rajah 3 menunjukkan latar belakang pendidikan yang baik di kalangan pelajar-pelajar tersebut.

Jadual 3

Analisis Pencapaian Pendidikan (HPNM)

	Frekuensi	Peratus
Di bawah 2.0	0	0
2.00 – 2.49	1	1.4
2.50 – 2.99	33	45.2
3.00 – 3.49	36	49.3
3.50 – 4.00	3	4.1
Jumlah	73	100



Rajah 3. Analisis Pencapaian Pendidikan (HPNM)

Analisis Bahan Bacaan Yang Dibaca Oleh Responden


Jadual 4 menunjukkan analisis bahan bacaan yang dibaca oleh responden. Perbandingan dibuat kepada frekuensi responden yang bersetuju dengan pilihan bahan bacaan yang disediakan. Dari graf analisis rujukan bahan bercetak, mudah dilihat dari Rajah 4 bahawa majoriti pelajar memilih untuk membaca bahan bacaan bercetak dari kategori buku sebagai rujukan mereka. Jumlah sebanyak 63.01 % pasti dan 15.07% sangat pasti bahawa buku adalah bahan rujukan mereka. Manakala dari graf analisis rujukan bahan internet, didapati membaca bahan internet kategori laman web menjadi kegemaran sebagai rujukan mereka, Jumlah sebanyak 52.05% pasti dan 45.21% sangat pasti.

Jadual 4

Analisis bahan bacaan yang dibaca oleh responden.

Bahan bacaan bercetak	Frekuensi				Bahan bacaan dari internet	Frekuensi			
	P	%	SP	%		P	%	SP	%
Buku	46	63.01	11	15.07	Jurnal atas talian	36	49.32	8	10.96
Surat khabar	25	34.25	4	5.48	Surat khabar atas talian	29	39.73	9	12.33
Majalah	27	36.99	5	6.85	Laman web	38	52.05	33	45.21
Jurnal	33	45.21	13	17.81	Majalah atas talian	33	45.21	16	21.92
Ensiklopedia	32	43.84	8	10.96	E-book	40	54.79	17	23.29

Merujuk graf dalam rajah 4 di bawah, Peratusan Perbandingan Pasti dan Sangat Pasti menunjukkan Item rujukan dari internet lebih dominan berbanding bahan bercetak



Rajah 4 Peratusan perbandingan pasti dan sangat pasti


Analisis Masa Diperuntukkan Bagi Membaca Bahan Bacaan

Berdasarkan kepada jadual 5, diperolehi bahawa majoriti pelajar sebanyak 50.68% pelajar membaca bahan bercetak selama 1 hingga 5 jam. Kadar masa yang sama diperuntukkan oleh sebanyak 60.27% responden untuk membaca bahan dari internet. Melalui Rajah 5, Jika diambil masa maksimum membaca bagi kedua-dua bahan bacaan, iaitu 5 jam, hanya 20% dari masa yang ada sehari diluangkan untuk membaca. Anggaran selebihnya adalah 8 jam atau 33% untuk tidur, 8 jam untuk kuliah dan 12.5% untuk aktiviti yang lain. Ini menunjukkan bahawa budaya membaca pelajar semester 4 di Politeknik Sultan Azlan Shah berada dalam keadaan yang baik.

Jadual 5

Masa diperuntukkan bagi membaca bahan bacaan

	Bahan bacaan bercetak		Bahan bacaan dari internet	
	Frekuensi	%	Frekuensi	%
Kurang dari 1 jam	25	34.25	12	16.44
1-5 jam	37	50.68	44	60.27
6-10 jam	9	12.33	14	19.18
11-15 jam	0	0	3	4.11
16-20 jam	2	2.74	0	2.74



Rajah 5. Peratusan masa diperuntukkan bagi membaca bahan bacaan.


Analisis Sumber Bahan Bacaan

Sumber bacaan seperti jadual 6, adalah analisis sumber rujukan. Ia dianalisis dari dua kategori yang berbeza iaitu kategori bahan bacaan bercetak dan bahan bacaan internet. Bagi bahan bacaan bercetak, ia adalah bersumberkan pembelian sendiri, hadiah ataupun dipinjam dari perpustakaan atau rakan manakala bahan bacaan internet bersumber dari data internet peribadi, kemudahan internet berbayar ataupun sumber internet awam (wifi).


Jadual 6
Analisis sumber rujukan

Bahan bacaan bercetak	Frekuensi				Bahan bacaan dari internet	Frekuensi			
	P	%	SP	%		P	%	SP	%
Pembelian	34	46.58	11	15.07	Komputer peribadi/ internet jalur lebar	33	45.21	19	26.03
Perpustakaan	39	53.44	11	15.07	Kafe siber/kemudahan internet berbayar	38	52.05	28	38.36
Rakan	45	61.64	8	10.96	Wifi	29	39.73	39	53.42
Hadiah	27	36.94	11	15.07					

Berdasarkan rajah 6, analisis sumber bahan bercetak, pelajar cenderung mendapatkannya dari rakan/senior (Pasti 61.64% dan Sangat Pasti 10.96%) dan Perpustakaan (Pasti 53.44% dan Sangat Pasti 15.07%). Manakala berdasarkan rajah 7, analisis bahan internet, pelajar cenderung mendapatkannya dari wifi (Pasti 39.73% dan Sangat Pasti 53.42%) dan Cyber Cafe (Pasti 52.05% dan Sangat Pasti 38.36%).



Rajah 6. Analisis sumber bahan bercetak



Rajah 7 Analisis bahan internet.


Analisis Halangan Membaca.

Beberapa halangan membaca dianalisis dari dua kategori yang berbeza iaitu kategori bahan bacaan bercetak dan bahan bacaan internet. Kedua-dua kategori ini dianalisis dari segi halangan dan dapatan dari soal selidik adalah seperti Jadual 7 berikut.


Jadual 7: Analisis Halangan Membaca

	Bahan bacaan bercetak	Frekuensi				Bahan bacaan dari internet	Frekuensi			
		Pasti	%	Sangat Pasti	%		Pasti	%	Sangat Pasti	%
Mahal	Harga bahan mahal	22	30.14	4	5.45	Harga bahan mahal	10	13.7	7	9.59
Masa	Kekurangan masa	22	30.14	3	4.11	Kekurangan masa	22	30.14	4	5.45
Minat	Tidak berminat /bermotivasi	19	26.03	5	6.95	Tidak berminat /bermotivasi	15	20.55	2	2.74
Keperluan	Tiada keperluan membaca	18	24.66	1	1.37	Tiada keperluan melayari internet	12	16.44	3	4.11
Sukar	Sukar mendapatkan bahan	22	30.14	2	2.74	Talian internet lemah	14	19.18	2	2.74
Penglihatan	Kecacatan penglihatan.	15	20.55	3	4.11	Tidak celik IT.	17	23.29	3	4.11
Bahasa	Halangan bahasa.	19	26.03	4	5.45	Halangan bahasa.	11	15.07	3	4.11
Persekitaran	Persekitaran yang tidak mengalakkan	17	23.29	3	4.11	Persekitaran yang tidak mengalakkan	14	19.18	5	6.95
Kerja	Banyak kerja	24	32.88	9	12.33	Banyak kerja	14	19.18	8	10.96

Berdasarkan analisa dalam Rajah 8 dan Rajah 9 yang diperolehi, majoriti pelajar sebanyak 32.8% pasti dan 12.33% sangat pasti bahawa mereka banyak kerja dan itulah yang menghalang mereka dari memperuntukkan masa untuk membaca bahan bercetak. Bagi bahan internet pula 30.14% pasti dan 5.14% sangat pasti responden mengatakan kekurangan masa adalah punca mereka kurang membaca melalui internet.



Rajah 8. Analisis faktor rujukan bercetak internet.



Rajah 9. Analisis faktor rujukan internet.

Kesimpulan

Dari analisis yang dibuat, diperolehi bahawa pelajar semester empat JKM PSAS mempunyai kecenderungan yang lebih tinggi dalam membaca bahan bacaan dari internet kerana ia mudah dan pantas. Walaubagaimanapun, minat itu terhalang dengan kekurangan masa disebabkan aktiviti pelajar di Politeknik padat dan aktif. Kajian ini telah membongkar kecenderungan membaca di kalangan pelajar semester empat JKM di PSAS. Boleh dikatakan pelajar semester empat mempunyai amalan membaca yang baik dan perlu diperkukuhkan dari masa ke semasa. Disini juga dapat dilihat kepantasan wifi di Politeknik Sultan Azlan Shah adalah baik dan bukan merupakan masalah yang besar yang dialami oleh pelajar politeknik dalam mencari sumber rujukan melalui internet.

Pelajar juga dilihat berkeupayaan mempelbagaikan sumber bacaan dan tidak hanya tertumpu kepada bahan yang diperolehi dari koleksi sendiri dan kawan-kawan sahaja. Lebih banyak bahan bacaan yang dirujuk, maka lebih banyak maklumat diperolehi serta dapat memanfaatkan fasiliti yang telah disediakan seperti perpustakaan.

Cadangan

Penyelidik telah mengemukakan pelbagai cadangan untuk memimpin pelajar dengan kaedah mencari maklumat yang betul.

Cadangan Kepada PSAS.

- i. Antara beberapa cadangan yang dikenalpasti untuk tindakan PSAS adalah seperti berikut:
- ii. Penasihat Akademik perlu membimbing pelajar mereka tentang kepentingan menjadi ahli perpustakaan dan kepentingan membaca.
- iii. Mempergiatkan kempen yang boleh meningkatkan amalan membaca seperti pertandingan menulis sinopsis bahan bacaan
- iv. Pensyarah harus ada inovasi dalam mendekati pelajar dan buku atau internet di bilik kuliah bagi mencari maklumat sesuatu subtopik dalam pengajaran dan pembelajaran serta membimbing pelajar mencari maklumat melalui buku atau internet. Pendedahan pencarian journal,
- v. Pensyarah juga perlu mahir mengguna internet kerana generasi kini dilihat cenderung untuk mendapatkan sumber yang pantas dan kreatif. Penggunaan Internet telah membuka ruang untuk pembelajaran tanpa batas fizikal dan waktu.
- vi. Memperkasa jaringan internet di PSAS bagi membolehkan laman-laman web yang berkualiti diakses di mana sahaja di PSAS.

Rujukan

- Abadi, H. (2017, November 26). *Kuasa Membaca Memperkasakan Tamadun*. Retrieved from Pressreader.
- (2012). *Asas Pembelajaran dan Pengajaran Pensyarah Institusi Pengajian Tinggi*. Universiti Tun Hussien Onn Malaysia.
- Faizli, A. A. (2016, Oktober 24). *Memupuk budaya membaca ke arah kecemerlangan negara*. Retrieved from AstroAwani.com.
- Hamid, Z. (1994). *Pembelajaran dan pengajaran bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krejcie, R. V. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*. Retrieved from UConn University of Connecticut school .
- Marzuk, J. R. (2012, September 20). *Baitul Hikmah dan Peranannya Terhadap Peradaban Islam*. Retrieved from Hidayatullah.com.
- Melayu, K. B. (jilid kedua). *Kamus Bahasa Melayu*. Retrieved from Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Samani, M. C. (1997). *Penulisan rencana berkesan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Senarai Politeknik Malaysia*. (2020, April 8). Retrieved from Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.
- Siti Norzaemah Bt Mohd Rashid, T. N. (2014). *Kecenderungan Penggunaan Internet Dan Bahanbercetak Di Kalangan Pelajar : Satu Tinjauan*. *Academia*.

FACEBOOK SEBAGAI RANGKAIAN SOSIAL DALAM KALANGAN IBU BAPA ANAK CEREBRAL PALSY : TAHAP SOKONGAN SOSIAL DALAM PENGGUNAANNYA

Nur Maizatul Khair Moktar dan Norshidah Mohamad Salleh

Abstrak

Facebook sebagai platform media diterima secara meluas di seluruh dunia. Mencirikan mesra pengguna, mengakibatkan tahap penggunaan yang tinggi dan menjadi sebahagian rutin harian mereka untuk daftar masuk. Populariti dan kemudahan akses Facebook mencipta peluang dalam evolusi kumpulan sokongan sosial. Tujuan kajian ini akan memberikan penjelasan tentang bagaimana penggunaan Facebook dalam kalangan ibu bapa anak *Cerebral Palsy* dengan mengenalpasti tahap sokongan sosial yang diperolehi melalui penggunaan Facebook sebagai rangkaian sosial. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ibu bapa anak *Cerebral Palsy* yang terlibat sedar betapa pentingnya sokongan sosial dengan penggunaan Facebook dalam menjalankan tanggung jawab terhadap anak *Cerebral Palsy* mereka, melalui objektif yang melihat kepada empat elemen sokongan sosial skor yang tinggi adalah sokongan maklumat, diikuti dengan sokongan emosi dan sokongan penghargaan dan seterusnya tahap halangan yang dihadapi melalui penggunaan Facebook sebagai rangkaian sosial adalah berada pada tahap yang rendah dapat mengatasi penggunaan Facebook sebagai rangkaian sosial ini menunjukkan bahawa faedah yang diperolehi melalui penggunaan Facebook sebagai rangkaian sosial dan tahap sokongan sosial yang diperolehi melalui penggunaan Facebook sebagai rangkaian sosial dalam kalangan ibu bapa kepada anak *Cerebral Palsy* adalah berada pada tahap yang tinggi secara keseluruhannya. Implikasi kajian ini memberikan pengetahuan bahawa penggunaan Facebook dapat memberi maklumat dan memberikan faedah dalam penglibatan ibu bapa anak *Cerebral Palsy* dengan penglibatan mereka dalam kumpulan Facebook secara meluas dalam menggunakan laman rangkaian sosial sebagai komunikasi dalam kehidupan mereka.

Kata Kunci: Facebook, Cerebral Palsy, Rangkaian Sosial

Pengenalan

Cerebral Palsy ialah gangguan yang dialami oleh individu mempengaruhi pergerakan dan posisi tubuh (postur). Ini mempengaruhi cara individu *Cerebral Palsy* mengurus dan melakukan pergerakan-pergerakan kecil tertentu tanpa henti kepada pelbagai kemahiran seperti berjalan, duduk, makan dan bercakap atau tiada kawalan kencing dan berak. *Cerebral Palsy* bukanlah suatu penyakit atau boleh berjangkit (Appleton & Gupta, 2019). Ibu bapa kepada anak *Cerebral Palsy* secara langsung terlibat dalam aktiviti penjagaan diri sepanjang hayat mereka. Kekangan yang dihadapi inilah menyebabkan ibu bapa beralih kepada sumber internet untuk mencari maklumat dan mengakses sokongan sosial yang berkaitan dengan cara menangani penjagaan anak mereka (Ammari et al., 2014, Huws, J., Jones, R., 2001 dan Mandell, D.S. & Salzer, M.S., 2007).

Penggerak negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan Korea mendorong negara-negara lain bersaing untuk menggunakan kemudahan teknologi rangkaian sosial dalam semua bidang yang diceburinya. Data daripada *Internet World Statistic* (i.intenertworldstats.com) menunjukkan jumlah pengguna rangkaian sosial ini meningkat pada setiap tahun. Data dari laman web tersebut telah menyatakan secara lebih jelas dan terkini iaitu dikemaskini pada bulan Januari, 2020 yang menyatakan sebanyak 25,520,000 daripada 32,365,999 orang penduduk Malaysia menggunakan Facebook. Facebook telah

menjadi satu cara yang semakin biasa di mana kumpulan mempunyai sokongan sosial yang teratur. *Facebook* adalah salah satu daripada Tapak Rangkaian Sosial (Nadkarni dan Hoffman 2012) dan komuniti maya ini membenarkan individu untuk berinteraksi dan saling berhubungan berasas tujuan untuk menyambung dan berinteraksi antara satu sama lain dengan objektif tertentu (Murray and Waller 2007).

Berdasarkan isu ibu bapa anak *Cerebral Palsy* ini, lima jenis sokongan sosial daripada Kod Sokongan Sosial, iaitu sokongan maklumat, sokongan emosi, sokongan penghargaan, sokongan ketara dan sokongan rangkaian, (Cutrona & Suhr, 1992) di kaji untuk melihat tahap jenis sokongan dengan penggunaan *Facebook* untuk melihat keberkesanan rangkaian sosial kepada ibu bapa anak *Cerebral Palsy* ini.

Kajian Literatur

Facebook ialah inovasi komunikasi sebagai sokongan sosial dalam komuniti maya dengan membenarkan individu untuk berinteraksi dan saling berhubungan berasas tujuan untuk menyambung dan berinteraksi antara satu sama lain dengan objektif tertentu (Murray and Waller 2007). Melalui sokongan sosial yang mantap dapat membina sikap positif ibu bapa anak *Cerebral Palsy* ini dan dapat membantu anak mereka secara realistik serta menilai kekuatan dan kelemahannya secara objektif (Hurlock, 1991).

Faedah penggunaan *Facebook* sebagai rangkaian sosial menawarkan jenis sokongan iaitu sebagai sumber sokongan dan pengetahuan sosial alternatif (Kelleher, 1994), sokongan emosi (Huws, Jones & Ingledeu, 2001; Solomon, Pistrang & Barker, 2001), sokongan maklumat (Douma, Dekker & Koot, 2006; Macintosh, Myers & Goin-Kochel, 2005) dan dilaporkan juga dapat mengurangkan tekanan (Beaudoin & Tao, 2007)

Oleh itu, penggunaan *Facebook* sebagai medium kepada ibu bapa yang mencari identiti sebagai ibu bapa anak kurang upaya atau *Cerebral Palsy*, membantu mereka menavigasi maklumat yang bertepatan. *Facebook* bukan sahaja untuk mencari sahabat tetapi platform untuk bertukar pandangan, maklumat yang bersamaan dengan kehendak ibu bapa kepada anak *Cerebral Palsy* melalui kumpulan *Facebook* berstatus *close group*.

Metodologi

Dalam kajian ini, sampel telah dipilih secara rawak dan sukarela. Seramai 80 orang responden yang terlibat dalam kalangan ibu bapa kepada anak *Cerebral Palsy* dan mereka juga rakan dalam kumpulan *Facebook Cerebral Palsy Malaysia-GAPS Gabungan Anak-anak Palsi Serebrum dan Malaysian Advocates for Cerebral Palsy-MyCP*. Kaedah soal selidik atas talian dijalankan dengan menggunakan capaian perisian *Google Form* sebagai instrumen kajian yang disebarkan pautannya dalam kumpulan *Facebook*. Penyampaian atas talian dalam kaji selidik kini popular dan dapat membentangkan maklumat dengan lebih sistematik dengan mereka kaji selidik dengan teliti berdasarkan objektif memberi makna kepada keseluruhan rangkaian atau kajian egonet (Reips, 2012).

Kesimpulan

Kajian ini memberikan beberapa implikasi dari segi pengetahuan dalam meningkatkan komunikasi, pemindahan maklumat dan respon daripada komuniti terpilih yang mempunyai sama identiti sebagai ibu bapa dalam kalangan anak-anak *Cerebral Palsy* dalam penggunaan *Facebook*. Kajian ini memberi sumbangan untuk mengisi jurang dalam penyelidikan mengenai faedah penggunaan *Facebook* sebagai landasan bagi membantu mereka meningkatkan komunikasi ibu bapa dengan komuniti untuk mencapai objektif dalam kehidupan dan penjagaan anak *Cerebral Palsy* dan sebagai saluran dan tapak penglibatan kemasyarakatan yang aktif demi kelangsungan hidup anak-anak kelainan upaya di Malaysia.

Penghargaan

Saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Dr. Ghazali Yusri, Pensyarah dan Pengurus Pentadbir Kumpulan Facebook MyCP, kepada Pengurus Kumpulan Facebook Cerebral Palsy Malaysia_GAPS Gabungan Anak-anak Palsi Serebrum, di atas sokongan dan kerjasama yang diberikan dalam menyempurnakan kajian ini. Saya juga ingin merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada ibu bapa dan penjaga kepada anak Cerebral Palsy atas kesudian mereka terlibat menjadi informan dalam kajian ini.

Rujukan

- Appleton RE, Gupta R. (2019). Cerebral palsy: not always what it seems. *Archives of Disease in Childhood* 2019;104:809-814.
- Christopher E. Beaudoin and Chen-Chao Tao.(2007). CyberPsychology & Behavior : 587-590.
- Cutrona, C. E., & Suhr, J. A. (1992). Controllability of stressful events and satisfaction with spouse support behaviors. *Communication Research*, 19, 154–174.
- Douma, J.C.H., Dekker, M.C. and Koot, H.M. (2006), Supporting parents of youths with intellectual disabilities and psychopathology. *Journal of Intellectual Disability Research*, 50: 570-581.
- Hurlock, E. B. (1991). *Psikologi Perkembangan Suatu Pendekatan Sepanjang Rentang Kehidupan* Edisi Kelima Terjemahan Soedjarwo & Istiwidayanti. Jakarta: Penerbit Erlangga.
- Huws, J. C., Jones, R. S. P., & Ingledew, D. K. (2001). Parents of Children with Autism using an Email Group: A Grounded Theory Study. *Journal of Health Psychology*, 6(5), 569–584.
- James M. Perrin, Thomas F. Boat, Kelly J. Kelleher. (2016). The Influence of Health Care Policies on Children's Health and Development and commentaries, *Social Policy Report*, 10.1002/j.23793988.2016.tb00085.x, 29, 4, (1-26).
- Mandell, D. S., & Salzer, M. S. (2007). Who joins support groups among parents of children with autism?. *Autism : the international journal of research and practice*, 11(2), 111–122.
- Murray, Kristine E, Waller, Rhonda. (2007). Social networking goes abroad. *International Educator: Vol.16, Iss.3*.56-59.
- Nadkarni, A., & Hofmann, S. G. (2012). Why do people use Facebook. *Personality and Individual Differences*, 52, 243-249.
- Reips, U.-D. (2012). *Using the Internet to collect data*. In H. Cooper, P. M. Camic, D. L. Long, A. T. Panter, D. Rindskopf, & K. J. Sher (Eds.), *APA handbooks in psychology®. APA handbook of research methods in psychology, Vol. 2. Research designs: Quantitative, qualitative, neuropsychological, and biological* (p. 291–310). American Psychological Association.
- Solomon, M., Pistrang, N. & Barker, C. (2001). The Benefits of Mutual Support Groups for Parents of Children With Disabilities. *Am J Community Psychol* 29, 113–132.
- Tawfiq Ammari, Meredith Ringel Morris and Sarita Yardi Schoenebeck. (2016). Accessing Social Support and Overcoming Judgment on Social Media among Parents of Children with Special Needs, *Eighth International AAAI Conference on Weblogs and Social Media*.
- Virginia H. Mackintosh, Barbara J. Myers and Robin P. Goin-Kochel. (2005). Sources of Information and Support Used by Parents of Children with Autism Spectrum Disorders. *Journal on Development Disabilities, Vol.12, No.1*.

PENGGUNAAN TIK DALAM PENJANAAN IDEA KREATIF SENI ANYAMAN

Norsiah Bahari, Noorlian Ishak, Siti Aishah Mohamad dan Halimatussaadiah Salleh

Abstrak

Anyaman adalah kesenian yang menghasilkan produk yang memerlukan daya estetika melibatkan pancaindera penglihatan, pendengaran, pemikiran dan kesedaran secara seimbang. Walau bagaimanapun pelajar didapati sukar untuk menterjemahkan gambaran mental atau imaginasi bagi menghasilkan anyaman yang dicipta. Hal ini menyebabkan pelajar menganggap seni anyaman sebagai satu kraf tradisional yang kompleks dan sukar dihasilkan. Oleh itu intervensi Templat Idea Kreatif (TIK) diperkenalkan untuk membantu pelajar menjelmakan corak yang telah digambarkan dalam midra ke bentuk anyaman dengan lebih mudah dan cepat. Peserta kajian terdiri daripada sembilan orang responden terdiri daripada lima orang pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), tiga orang pelajar sekolah menengah dan seorang pelajar sekolah rendah. Data dikumpulkan melalui temubual berstruktur dan pemerhatian terhadap tingkah laku responden sebelum dan selepas penggunaan TIK. Penggunaan TIK ini didapati dapat memaksimumkan penggunaan sumber, meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, mudah dilaksanakan, fleksibel dan mesra pengguna, murah dan dapat meningkatkan motivasi guru dan pelajar.

Kata Kunci: Templat Idea Kreatif, Anyaman, Pelajar Imaginasi

Pengenalan

Seni anyaman adalah sesuatu yang unik lagi rumit buatannya. Namun begitu, usaha untuk mempertahankan keunikan seni ini haruslah diteruskan agar tidak ditelan peredaran zaman. Anyaman merupakan seni yang mempengaruhi kehidupan dan kebudayaan masyarakat Melayu. Seni warisan yang unik ini wajar diberi perhatian, sokongan dan bantuan supaya dapat terus dipelihara dan dimanfaatkan bersama.

Anyaman adalah proses menjarangkan atau menyilangkan bahan-bahan daripada tumbuh-tumbuhan untuk dijadikan satu rumpun yang kuat dan boleh digunakan. Bahan tumbuh-tumbuhan yang boleh dianyam ialah lidi, rotan, akar, bilah, pandan, mengkuang dan beberapa bahan tumbuhan lain yang dikeringkan. Bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran di sekolah bahan-bahan ini telah diubahsuai mengikut keperluan semasa dengan menggunakan bahan seperti kertas, plastik, reben, tali, surat khabar dan sebagainya.

Berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) sekolah rendah dan menengah, seni anyaman diperkenalkan dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual mengikut tahap dalam bidang Mengenal kraf Tradisional di sekolah rendah dan bidang Seni Kraf di peringkat sekolah menengah. Bidang Menggambar dan bidang Membuat Corak dan Rekaan diintegrasikan di dalam Pendidikan Seni Visual adalah bertujuan untuk merangsang minda kreatif pelajar dalam menghasilkan produk. Implimentasi pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh melalui eksperimentasi dan penerokaan alatan, bahan, proses dan teknik diharap dapat melahirkan pelajar yang mempunyai pemikiran aras tinggi, kreatif dan inovatif serta inventif.

Namun hasil daripada pemerhatian semasa sesi pengajaran dan pembelajaran seni anyaman yang dijalankan di Institut Pendidikan Guru Kampus Perempuan Melayu (IPGKPM), Melaka dan di sekolah-sekolah semasa sesi praktikum, di dapati pelajar IPGKPM dan sekolah masih kurang berupaya untuk menggambarkan idea, mencorak dan menterjemahkan idea dalam bentuk anyaman. Pelajar juga mengambil masa yang lama untuk

menterjemahkan gambaran idea bagi menghasilkan anyaman yang dicipta. Hasil anyaman yang dijelmakan oleh pelajar pula berlainan daripada bentuk atau corak anyaman yang digambarkan dalam fikiran atau yang diimajinasikan oleh mereka. Ini menyebabkan pelajar kurang meminati seni anyaman dan menganggap seni anyaman sebagai satu kraf tradisional yang kompleks dan sukar dihasilkan. Justeru inovasi Templat Idea Kreatif (TIK) dicipta dan diperkenalkan sebagai salah satu intervensi untuk memudahkan pelajar membuat gambaran dan mencorak idea anyaman secara tepat dan fleksibel disamping meningkatkan daya imaginasi dan kreativiti pelajar. Pengubahsuaian corak dan gambaran secara fleksibel berdasarkan imaginasi dibuat terus pada templat. TIK juga dapat membantu pelajar menjelmakan corak yang telah digambarkan dalam minda ke bentuk anyaman dengan lebih mudah dan cepat.

Semasa intervensi, pelajar dapat menterjemahkan hasil daripada eksperimentasi dan penerokaan alatan, bahan dan proses dalam penghasilan produk seni anyaman dengan menggunakan imaginasi dan idea secara kreatif. Produk seni anyaman dapat dihasilkan mengikut teknik yang telah ditetapkan secara cepat dan tepat. Kesan corak dan gambaran yang dihasilkan boleh merupakan kesan geometri asas seperti susunan rupa segi tiga, segi empat, dan rupa positif dan negatif secara keseluruhan. Proses pengiraan dan susunan blok berlaku mengikut idea yang digambarkan dan direalisasikan pada templat tersebut.

Proses menganyam dilakukan mengikut susunan blok yang telah digambarkan berdasarkan kiraan yang tepat dan cepat. Secara tidak langsung pelajar dapat meningkatkan kemahiran motor halus, membuat pengiraan iaitu kemahiran matematik dan kemahiran berfikir secara kreatif dan inovatif. Kemahiran berfikir secara kreatif adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.

Pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi melalui proses dan teknik semasa intervensi berupaya mencabar pelajar untuk menyelesaikan suatu masalah dalam kehidupan sebenar. Disamping melahirkan generasi baharu yang kreatif dan memupuk nilai menghargai budaya dan warisan sejak dari bangku sekolah lagi.

Kajian Literatur

Anyaman merupakan kemahiran menjalinkan bahan-bahan semulajadi seperti helaian-helaian daun mengkuang, pandan laut, rotan, buluh minyak dan buluh betong. Seni anyaman Melayu mempunyai hiasan berwarna, berbentuk geometri dan teknik hias yang dikenali kelarai. Teknik anyaman dan kelarai digunakan untuk menghasilkan barangan yang digunakan dalam kehidupan seperti tikar mengkuang, rompong, hamparan tetamu, tempat berbaring, alas duduk, tempat menyimpan barang, penutup makan, hiasan dinding dan sebagainya. Keindahan kelarai boleh dihasilkan daripada susunan corak yang sangat ringkas kepada corak yang lebih sukar dengan gabungan lebih daripada dua atau tiga bentuk dalam satu kelarai. Keunikan bentuk kelarai yang menggunakan prinsip geometri ini ialah setiap satu mempunyai nama yang tersendiri merujuk kepada bentuk corak yang terhasil. (Ros Mahwati Ahmad Zakaria, Mohd Rohaizat Abdul Wahab, Mohammad Anis Abdul Samad dan Siti Norbaya Mat Yacob (2018).

Kelarai merupakan satu daripada kepandaian tempatan alam Melayu yang digunakan sebagai hiasan dalam seni anyaman. Kelarai memberi satu sentuhan yang artistik dalam seni anyaman. Kelarai tidak semudah seperti yang dilihat. Penghasilan kelarai memerlukan tiga ciri utama daripada penganyam iaitu kreativiti dalam membentuk corak, mengira sudut anyaman dalam menyusun warna bagi menghasilkan corak dan kecekapan serta ketelitian menganyam dalam memastikan setiap tindihan anyaman menghasilkan corak yang dibayangkan secara konsisten bagi keseluruhan

permukaan anyaman yang sedang diusahakan. Walaupun kebanyakan penganyam terdiri daripada penduduk luar bandar yang dikategorikan sebagai tidak mempunyai pendidikan yang tinggi namun mereka mempunyai kemahiran mengira dan ketepatan yang konsisten dalam menghasilkan anyaman dengan simetri yang menakjubkan (Ros Mahwati Ahmad Zakaria et al., 2018).

Kaedah analisis simetri yang merupakan sebahagian daripada prinsip matematik menggunakan garis. Kaedah analisis simetri merupakan rekaan corak yang elemen rekaannya berulang-ulang seperti sesuatu motif pada mozek, sulaman, tenunan songket, anyaman mengkuang, seni pertukangan dan seni ukiran kayu. Kajian simetri sering dikaitkan dengan garis simetri yang menghasilkan bayang cermin yang sama daripada segi garis dan satah. Kaedah analisis simetri membahagikan reka bentuk corak mengikut kategori simetri kepada beberapa bahagian yang dikenali sebagai corak tunggal, corak satu dimensi dan corak dua dimensi bagi reka corak yang menggunakan satu warna. Kaedah analisis simetri dapat dilihat dalam seni anyaman. Kaedah ini merupakan sebahagian konsep matematik dalam kerja kesenian yang dapat memberi makna yang tersirat melalui gubahan dan corak yang halus dan berseni. Ianya dapat dilihat pada tenunan songket, anyaman mengkuang, seni pertukangan, seni ukiran kayu dan kesenian lain. Rushana Sulaiman @ Abd Rahim dan Halim Husain (2019).

Seni halus berkait rapat dengan aktiviti atau cabang seni yang menghasilkan karya dengan kecantikan yang hanya dapat dinikmati secara visual. Sifat karya seni merupakan bentuk hasil sebenar hasil sebenar dari khayalan, luahan perasaan dan emosi dan pemikiran seseorang pencipta seni. Bentuk sebenar yang dimaksudkan dapat berupa objek dua dimensi dan objek tiga dimensi. Kedua-dua objek dapat menghasilkan pelbagai jenis seni yang mempunyai nilai estetika dan nilai penggunaan tinggi seperti seni atau kraf. Ika Mustika Sari, Julia dan Ahmad Syahid (2017)

Kemahiran seni anyaman ini semakin dilupakan oleh generasi pada masa ini kerana proses untuk menghasilkan produk anyaman memerlukan kerja yang rumit dan amat teliti, serta mempunyai kreativiti yang tinggi. Selain daripada itu, generasi masa kini kurang didedahkan dengan ilmu dan kemahiran mengenai anyaman. Oleh itu, kaedah penyampaian ilmu dan kemahiran berkaitan perlu dikembangkan agar generasi masa kini memperoleh kemahiran dalam bidang anyaman ini. Maka intervensi Templat Idea Kreatif (TIK) diperkenalkan bagi membantu pelajar dalam mempelajari seni anyaman. Templat Idea Kreatif(TIK) merupakan templat yang membolehkan pelajar menggambar idea yang dibayangkan dalam bentuk yang lebih jelas dengan menggunakan blok-blok kayu yang kecil. Blok-blok kayu kecil akan disusun berdasarkan gambaran yang dibayangkan. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji keberkesanan penggunaan TIK dalam membantu dan memudahkan pelajar dalam menghasilkan anyaman dengan berpandukan kepada teknik menggambar dengan menggunakan TIK.

Metodologi

Keberkesanan penggunaan TIK diuji terhadap sembilan orang responden yang terdiri daripada lima orang pelajar universiti dan 3 orang pelajar sekolah menengah dan seorang pelajar sekolah rendah. Responden dari pelbagai peringkat pengajian dipilih kerana seni anyaman diajar di dalam mata pelajaran seni visual di peringkat sekolah menengah dan subjek seni kraf tradisional di peringkat universiti.

Borang soal selidik dengan menggunakan lima skala Likert bagi menganalisis keberkesanan penggunaan TIK diberikan kepada responden sebelum dan selepas sesi intervensi. Pemerhatian berstruktur terhadap tingkahlaku responden sebelum, semasa dan selepas penggunaan TIK juga diperhati dan direkod didalam borang senarai semak

pemerhatian. Sesi temubual separa berstruktur antara penyelidik dengan responden dilakukan selepas sesi intervensi untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahan data kajian.

Kesimpulan

Hasil kajian mendapati penggunaan TIK dapat membantu pelajar mengambil masa yang singkat untuk menterjemahkan corak yang telah digambarkan dalam bentuk anyaman, membantu pelajar membuat gambaran dan mencorak dengan lebih baik serta anyaman yang dihasilkan adalah tepat mengikut corak yang telah diimajinasi atau dicipta. Keseronokan, minat, daya cipta dan kreativiti pelajar dalam seni anyaman juga dapat ditingkatkan dengan penggunaan TIK.

Impak lain yang diperolehi hasil penggunaan TIK adalah seperti berikut:

i. *Memaksimumkan Penggunaan Sumber*

Sumber bahan yang digunakan dalam inovasi ini adalah bahan sumber yang mudah diperolehi, murah dan boleh dikitar semula.

ii. *Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Dimensi Baru*

Intervensi ini menyediakan peluang pembelajaran yang menarik dan membolehkan proses pembinaan ilmu dilakukan secara aktif. Guru dan pelajar dapat menggunakan inovasi ini dengan mudah dan selamat.

iii. *Mudah dilaksanakan*

Inovasi ini boleh dikendalikan oleh guru dan pelajar dan tenaga pengajar dengan mudah. Untuk menggunakan inovasi ini tidak memerlukan kepakaran khas.

iv. *Fleksibel*

Intervensi ini boleh digunakan pada pelbagai peringkat pengajaran dan sasaran. Iaitu dari sekolah rendah hingga pengajian tinggi. Ia juga boleh digunakan oleh pelajar dan orang awam yang terlibat dengan seni anyaman

v. *Mesra pengguna*

Intervensi ini mudah difahami dan boleh dikendalikan secara mudah. Inovasi ini mudah disimpan, ditanggal dan diselenggara. Konsep yang digunakan tidak kompleks dan tidak mendatangkan kesan miskonsepsi terhadap pengguna yang mengendalikannya.

vi. *Meningkatkan motivasi guru dan pelajar*

Intervensi yang dihasilkan dapat meningkatkan motivasi dan minat pelajar dalam mata pelajaran seni anyaman.

viii. *Murah*

Intervensi tidak memerlukan kos yang tinggi. Ia juga tidak memerlukan tempat penyimpanan yang besar, penyelenggaraan yang rumit dan alat ganti yang mahal. Intervensi ini adalah fleksibel dan mudah dibawa.

Intervensi ini juga didapati mudah difahami dan boleh dikendalikan secara mudah oleh pelajar atau pengguna. Inovasi ini mudah disimpan, ditanggal dan diselenggara. Konsep yang digunakan tidak kompleks dan tidak mendatangkan kesan miskonsepsi terhadap pengguna yang mengendalikannya.

Penghargaan

Setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Syazwani Rahimin, Najihah Rahimin, Muhammad Ali Al-Husaini Rahimin, Siti Suhailah Zahari, Hadzreen Fakhriy Fahsyeeen Kamarul Shahrin, Aida Nafisah Zahari, Aida Insyirah Zahari di atas bantuan dan kerjasama yang diberikan dalam kajian ini.

Rujukan

- Ika Mustika Sari dan Julia, Aah Ahmad Syahid (2017). Kajian pembelajaran karya seni rupa anyaman pada siswa sekolah dasar negeri Neglasari Kecamatan Ciater Kabupaten Subang. *Jurnal Pena Ilmiah*. Vol. 2, No 1 (2017) 491.
- Ros Mahwati Ahmad Zakaria, Mohd Rohaizat Abdul Wahab, Mohammad Anis Abdul Samad dan Siti Norbaya Mat Yacob (2018). Analisis simetri rekaan corak kelarai anyaman tikar di alam melayu. *Jurnal Arkeologi Malaysia* April 2018, Vol. 31, No. 1, hlm. 19-26 ISSN 0128-0732 e-ISSN 2590-4302.
- Rushana Sulaiman @ Abd Rahim dan Halim Husain (2019). Analisis Simetri Reka Bentuk Kesenian Melayu dalam Perspektif. *Research Journal. Journal of Science and Mathematics Letters*, Vol 7, 2019 (72-84) ISSN 2462-2052, eISSN 2600-8718 72.

KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN CF@ER MENGUNAKAN ANALISIS FAKTOR EKSPLORASI

Rohaida Muslim, Nurul Fadly Habidin, Nor Azrin Md Latip dan Amizan Saidon

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk menghasilkan data empirikal tentang kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik Kerangka Konseptual untuk Daya Tahan Keusahawanan (CF@ER). Satu tinjauan telah dijalankan di sebuah kolej matrikulasi di Zon Utara Malaysia ke atas 150 orang pelajar Kursus Pengurusan Perniagaan. Kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik CF@ER diuji dengan ujian alpha Cronbach dan Analisis Faktor Eksplorasi (EFA) masing-masing menggunakan perisian Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) versi 23. Soal selidik CF@ER adalah kaji selidik skala Likert 5 mata yang terdiri daripada 36 item. Ujian alpha Cronbach yang dijalankan menunjukkan bahawa skor keseluruhan adalah 0.843 menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi daripada item dalam instrumen tersebut. Untuk kesahan, EFA kemudiannya dijalankan dengan item menggunakan pengekstrakan analisa komponen utama dan rotasi Varimax. Terdapat 30 item yang disimpan dengan beban faktor yang melebihi 0.5. Analisis faktor menunjukkan bahawa CF@ER menghasilkan enam faktor iaitu kecekapan peribadi, standard yang tinggi dan ketabahan (PHT), amanah dalam naluri seseorang, toleransi memberi kesan negatif dan kesan-kesan pengukuhan tekanan (TTS), penerimaan positif perubahan dan hubungan selamat dengan orang lain (PS), kawalan (C), pengaruh rohani (S) dan hasrat keusahawanan (EI). Penemuan CF@ER akan memberi manfaat kepada pengamal pendidikan dalam merangka Rangka Kerja Pengajaran Keusahawanan.

Kata Kunci: Kesahan, Kebolehpercayaan, Analisis Faktor Eksplorasi, alpha Cronbach, CF@ER

Pengenalan

Kesahan dan kebolehpercayaan saling berkaitan dalam menentukan kualiti penyelidikan. Walau bagaimanapun, kedua-duanya adalah dua kriteria yang berbeza. Secara umumnya, menurut Kirk dan Miller (1986), kebolehpercayaan dalam penyelidikan kuantitatif merujuk kepada dua situasi (i) konsistensi ukuran; walaupun diulang beberapa kali dan (ii) ukuran kestabilan pada setiap masa. Selain itu, kebolehpercayaan prosedur pengukuran boleh ditakrifkan sebagai ukuran kestabilan atau konsistensi. Menurut Bolarinwa (2015), kebolehpercayaan merujuk kepada sejauh mana keputusan yang diperolehi oleh ukuran dan prosedur boleh direplikasi. Walau bagaimanapun, indeks kebolehpercayaan instrumen boleh didapati dengan menggunakan alpha Cronbach. Selain itu, julat indeks kebolehpercayaan adalah antara sifar ($\alpha = 0$) hingga satu ($\alpha = 1$) dan nilai alpha yang tinggi bermaksud kebolehpercayaan yang lebih tinggi. Fraenkel dan Wallen (1996) menyatakan bahawa item kebolehpercayaan boleh diterima jika alpha adalah .70 hingga .99, manakala Pallant (2000) menyatakan bahawa alpha indeks 0.7 atau lebih tinggi adalah baik untuk instrumen yang mempunyai sepuluh atau lebih item. Selain itu, Kubiszyn dan Borich (2003) mencadangkan bahawa nilai α dalam lingkungan .80 hingga .90 boleh diterima. Walau bagaimanapun, menurut Ghazali (2008) dalam Mohamad et al. (2015), dalam sains sosial, nilai α yang boleh diterima ialah .60, yang juga diamalkan oleh penyelidik lain.

Sementara itu, kesahan menyatakan sejauh mana ukuran mengukur apa yang dimaksudkan untuk mengukur (Bolarinwa, 2015). Menurut Fraenkel dan Wallen (1996) dalam Ghazali dan Sufean (2016), kesahan ditakrifkan sebagai kesesuaian, kebenaran, bermakna dan kegunaan instrumen yang membenarkan data menjadi kesimpulan. Kajian ini

menggunakan Analisis Faktor Eksplorasi (EFA) dalam menentukan kesahan instrumen. Chua (2014) menyatakan bahawa EFA telah dijalankan untuk mengenal pasti dan menyusun sebilangan besar soal selidik ke dalam pembentukan di bawah satu pemboleh ubah tertentu. Selain daripada itu, seperti yang dicadangkan oleh Hair, Black, dan Babin (2010), EFA perlu dijalankan untuk menentukan struktur dimensi laten di antara pemboleh ubah yang diperhatikan yang ditunjukkan dalam butiran instrumen. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menghasilkan bukti empirikal tentang kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik CF@ER menggunakan Analisis Faktor Eksplorasi dan alpha Cronbach.

Dalam kertas ini, terdapat enam konstruk dalam soal selidik CF@ER iaitu (1) kecekapan peribadi, standard yang tinggi dan ketabahan (PHT); (2) amanah dalam naluri seseorang, toleransi memberi kesan negatif dan kesan-kesan pengukuhan tekanan (TTS); (3) penerimaan positif perubahan dan hubungan selamat dengan orang lain (PS); (4) kawalan (C); (5) pengaruh rohani (S) dan (6) hasrat keusahawanan (EI).

Dalam seksyen seterusnya, kertas ini mengkaji literatur tentang pengukuran ER serta pengaruh RE pada EI. Seterusnya dalam Bahagian 3, penyelidik lebih fokus kepada metodologi, analisis faktor eksplorasi dan penemuan dan sebagai kesimpulan untuk bahagian ini adalah untuk membincangkan agenda masa depan untuk penyelidikan dan amalan.

Kajian literatur

2.1 *Daya tahan (RE)*

RE merujuk kepada keupayaan individu untuk berjaya menanggapi perubahan, masalah, atau risiko yang besar (Duchek, 2018). Kajian ini secara umumnya menganalisis RE terhadap konteks keusahawanan. Berdasarkan Awotoye dan Singh (2017), RE dalam konteks keusahawanan merujuk kepada keupayaan untuk mengatasi cabaran keusahawanan berimpak tinggi dan berterusan dalam proses keusahawanan dalam menghadapi situasi buruk, hasil yang tidak dijangka dan melibatkan risiko yang ketara. Oleh itu, RE berkait rapat dengan keusahawanan. Menurut Bullough dan Renko (2013), pada hakikatnya, keusahawanan dalam keadaan buruk bergantung pada kesedaran dan RE usahawan dalam menghadapi kesukaran. Selain itu, sebagai individu yang menjalankan perniagaan dalam situasi kompleks sering perlu mencabar status quo dan membuka jalan baru untuk berjaya. Tanpa RE, individu tidak boleh terlibat dalam keusahawanan atau tingkah laku keusahawanan yang diperlukan untuk mengejar perniagaan baru (Bullough & Renko, 2013). Di samping itu, daripada perspektif teori kognitif sosial, individu dengan RE lebih cenderung untuk mengenal pasti pembangunan mampan dan RE serta keyakinan mereka menjadikan mereka lebih cenderung untuk melibatkan diri dalam keusahawanan mampan. Pada masa yang sama, berdasarkan teori pertukaran sosial, dalam hubungan pertukaran sosial (misalnya, antara individu dan persekitaran), individu dengan RE mungkin lebih cenderung untuk bersetuju dengan konsep pembangunan mampan kerana pada pandangan mereka, mencari harmoni dengan persekitaran walaupun mempunyai kos akan memberi mereka lebih banyak manfaat jangka panjang seperti reputasi yang baik untuk perusahaan mereka, pembangunan mampan, dan sebagainya.

Ringkasnya, RE mempunyai impak yang penting terhadap keusahawanan dan individu yang berdaya tahan lebih cenderung untuk mengamalkan keusahawanan mampan dan kecenderungan tingkah laku. Oleh itu, untuk mengukur RE pelajar, Kolej Matrikulasi Malaysia sepatutnya mempertimbangkan lima skala faktor dalam CF@ER.

2.1.1 Kecekapan peribadi, standard yang tinggi dan ketabahan (PHT)

Berdasarkan Connor dan Davidson (2003), PHT menekankan kekuatan dan kepatuhan seseorang terhadap matlamat seseorang dalam menghadapi kemunduran. Menurut Zautra et al. (2010), PHT merujuk kepada kemampuan untuk pulih dengan cepat daripada krisis. Menurut Singh dan Yu (2010), PHT mengesahkan rasa kuasa dan ketaatan seseorang dalam menghadapi situasi mundur.

2.1.2 Amanah dalam naluri seseorang, toleransi memberi kesan negatif dan kesan-kesan pengukuhan tekanan (TTS)

TTS memberi tumpuan kepada ketenangan fikiran, keputusan dan masa apabila seseorang menghadapi tekanan (Connor & Davidson, 2003). Menurut Ungar et al. (2007), TTS mengimbangi minat dan perasaan peribadi dengan rasa tanggungjawab untuk kebaikan yang lebih baik. Berdasarkan kepada Singh dan Yu (2010), TTS memberi tumpuan kepada ketenangan, keputusan, dan ketepatan seseorang ketika menghadapi tekanan.

2.1.3 Penerimaan positif perubahan dan hubungan selamat dengan orang lain (PS)

Connor dan Davidson (2003) menyatakan bahawa PS berkaitan dengan keupayaan seseorang untuk menyesuaikan diri. Menurut Ungar et al. (2007), PS merujuk kepada penjagaan diri dan pengalaman serta kemampuan orang lain untuk mempengaruhi perubahan dalam persekitaran sosial dan fizikal seseorang. Sementara itu, Singh dan Yu (2010) menjelaskan bahawa PS berkaitan dengan kesesuaian seseorang.

2.1.4 Kawalan (C)

Connor dan Davidson (2003) menegaskan bahawa C adalah seseorang individu yang secara tersiratnya hendak mencapai matlamatnya sendiri dan mendapat bantuan orang lain. Menurut Rutter (2008), C adalah keupayaan untuk bertindak balas dan pulih dengan cepat daripada peristiwa atau bencana. Selain itu, Singh dan Yu (2010) menyatakan bahawa C adalah pencapaian matlamat individu itu sendiri dan keupayaan untuk mengakses bantuan daripada orang lain (sokongan sosial). Selain itu, Leonie, Margaret, Nicholas, dan Yvette (2017) menyatakan bahawa orang yang mempunyai lokus C dalaman yang lebih juga mempunyai profil RE yang lebih kondusif untuk mengatasi tekanan dengan lebih baik.

2.1.5 Pengaruh rohani (S)

Berdasarkan Connor dan Davidson (2003), S merujuk kepada kepercayaan seseorang terhadap imannya kepada Tuhan atau kepada takdir. Menurut Ungar et al. (2007), ia berkaitan dengan keupayaan untuk menilai sendiri kekuatan dan kelemahan, aspirasi, kepercayaan, dan nilai-nilai yang termasuk pengenalan rohani dan agama. Singh dan Yu (2010) menegaskan bahawa S menilai kepercayaan seseorang kepada Tuhan atau nasibnya. Selain itu, kerohanian juga telah diperkukuhkan untuk meningkatkan RE (Khosravi & Nikmanesh, 2014).

2.2 *Hasrat keusahawanan (EI)*

EI adalah refleksi daripada keadaan minda yang mendorong seseorang untuk bekerja sendiri (Gerba, 2012; Karimi et al., 2016). EI boleh ditakrifkan sebagai penglibatan individu atau hasrat untuk memulakan perniagaan baru (Dinis et al, 2013). Ia juga berkaitan dengan tingkah laku dan komitmen individu yang termotivasi atau digalakkan bagi memulakan usaha baru (Gerba, 2012). Literatur yang sedia ada telah menekankan bahawa hasrat adalah akibat penting daripada TPB (Ajzen, 1991; Krueger, 2002; Edelman et al., 2008) dan kebanyakan literatur ini mengkaji sebab-sebab mengapa pelajar di universiti dan institusi lain mengambil cabaran keusahawanan.

Lee et al. (2005) dalam kajian lintas budaya di empat buah negara mendapati pelajar muda akan terlibat dengan keusahawanan jika setiap negara dapat menyediakan pendidikan keusahawanan yang sesuai. Di samping itu, Wang dan Wong (2004) mengkaji minat pelajar keusahawanan Singapura berdasarkan latar belakang peribadi mereka dan mendapati bahawa jantina, tahap pendidikan, dan pengalaman daripada perniagaan keluarga merupakan faktor penting yang menjelaskan minat keusahawanan dalam kalangan pelajar.

Oleh itu, kejayaan keusahawanan dapat dicapai melalui proses kognitif yang penting dalam RE keusahawanan (Ayala & Manzano, 2010). Cabaran impak yang tinggi memberi kesan kepada prestasi firma dengan menentukan kelangsungan hidup dan kejayaannya, terutamanya dalam lima tahun pertama (Awotoye, & Singh, 2017). Oleh itu, seseorang usahawan yang berdaya tahan akan membuat keputusan yang mencerminkan kognisi positif dan keazaman untuk melihat perniagaan terus bertahan dan berkembang di tengah-tengah keadaan yang tidak baik. Ayala dan Manzano (2014) mempersoalkan kesahihan RE dalam keusahawanan dan mendapati kejayaan keusahawanan diramalkan oleh RE. Jadual 1 menunjukkan konstruk RE keusahawanan (ER).

Jadual 1

Konstruk daya tahan keusahawanan (ER)

Konstruk	Domain	Bilangan item	Adaptasi
1	Kecekapan peribadi, standard yang tinggi dan ketabahan (PHT)	8 item	Connor & Davidson (2003)
2	Amanah dalam naluri seseorang, toleransi memberi kesan negatif dan kesan-kesan pengukuhan tekanan (TTS)	7 item	Connor & Davidson (2003)
3	Penerimaan positif perubahan dan hubungan selamat dengan orang lain (PS)	5 item	Connor & Davidson (2003)
4	Kawalan (C)	5 item (3 item asal) (2 item baru)	Connor & Davidson (2003) Leonie, Margaret, Nicholas & Yvette (2017)

5	Pengaruh rohani (S)	5 item (2 item asal) (3 tem barul)	Connor & Davidson (2003) Khosravi & Nikmanesh (2014)
6	Hasrat keusahawanan (EI)	6 item	Linan & Chen (2009)

Metodologi

3.1 Sampel dan pengumpulan data

Kajian ini merupakan penyelidikan kaji selidik. Penyelidik menjalankan kajian ini pada bulan Disember 2019 melibatkan 150 responden dari sebuah kolej matrikulasi di Zon Utara Malaysia. Para responden sedang mengikuti Sijil Kursus Pengurusan Perniagaan. Sebelum menjalankan kajian ini, penyelidik mendapatkan kebenaran daripada pensyarah untuk memasuki kelas. Seterusnya, penyelidik memperkenalkan diri dan menerangkan tujuan kajian sebelum surat persetujuan dan soal selidik diedarkan. Kemudian, setiap responden diminta membaca arahan sebelum menjawab soal selidik dan menjawab secara individu mengikut pandangan mereka sendiri tanpa bantuan pelajar lain. Responden diberi masa kira-kira 30 minit untuk menyelesaikan soal selidik. Akhir sekali, soal selidik dikumpulkan dan analisis data dilaksanakan.

3.2 Instrumen

Instrumen digunakan untuk mengukur pembolehubah dalam kajian ini. Untuk berfungsi sebagai alat pengumpulan data yang berkesan, soal selidik perlu direka dengan betul, terutamanya apabila kadar tindak balas serta kebolehpercayaan dan pengesahan data dipengaruhi oleh reka bentuk soal selidik. Zuraidah (2014) menyatakan bahawa banyak aspek yang perlu dipertimbangkan dalam merekabentuk soal selidik termasuklah pilihan kerja, urutan soalan, dan penampilan. Kenyataan ini disokong oleh Chan dan Idris (2017) yang berpendapat bahawa bahasa ringkas dan pendek yang mudah difahami oleh semua responden digunakan untuk menggalakkan kerjasama dan penglibatan responden sepanjang soal selidik.

Soal selidik penyelidikan ini bermula dengan *cover letter* untuk memberitahu responden tentang tujuan penyelidikan dan jaminan rahsia maklum balas. Dua bahagian soal selidik untuk pelajar Kursus Pengurusan Perniagaan iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A adalah berkaitan dengan demografi responden dan Bahagian B adalah berkenaan dengan konstruk kajian ini. Dalam Bahagian A terdiri daripada enam soalan yang memerlukan responden untuk memberikan maklumat latar belakang mereka seperti jantina, bangsa, kawasan tempat tinggal, pekerjaan keluarga, kerja sambilan dan aktiviti perniagaan dalam matrikulasi.

Terdapat enam domain dalam Bahagian B yang mengandungi 36 item meliputi lima konstruk dalam pembolehubah bebas dan satu pemboleh ubah bersandar iaitu hasrat keusahawanan (EI).

Penggunaan nombor tepat pada skala penarafan adalah kritikal untuk mendapatkan penilaian sebenar. Walau bagaimanapun, sebelum menentukan bilangan titik skala yang ideal, isu yang perlu ditangani adalah sama ada untuk menggunakan titik tengah pada skala atau tidak iaitu untuk memutuskan sama ada menggunakan nombor yang sama atau ganjil pada skala penarafan. Menurut Gwinner (2006) dalam Thompson (2009), walaupun

penolakan titik tengah dalam skala dapat meningkatkan ketepatan tindak balas, sebaliknya, telah diperdebatkan bahawa penggunaan skala yang bernombor genap menyebabkan responden terpaksa membuat pilihan yang pasti dan meningkatkan kecenderungan responden untuk bertindak balas secara negatif.

Oleh itu, skala yang bernombor ganjil digunakan untuk mengukur pandangan responden dalam kajian ini. Skala Likert lima mata digunakan untuk responden. Soalan-soalan mempunyai tanggapan Likert (1) Sangat Tidak Setuju ; 2) Tidak Setuju; (3) Sama Ada Bersetuju Atau Tidak; (4) Setuju dan (5) Sangat Setuju (Tullis & Albert, 2013). Tanggapan ini menetapkan nilai masing-masing iaitu satu hingga lima.

3.3 Analisis Data

Analisis Faktor: Analisis Faktor Eksplorasi (EFA) dan Alpha Cronbach digunakan untuk memeriksa data dalam kajian ini seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2 Ringkasan kaedah analisis data

<i>Tujuan</i>	<i>Pengukuran statistik yang digunakan</i>
Kesahan Konstruk	Analisis Faktor: Analisis Faktor Eksplorasi
Kebolehpercayaan	Alpha Cronbach

Data dianalisis dengan menggunakan perisian Sains Sosial (SPSS) versi 23. Untuk analisis faktor, item pada kaji selidik yang tidak melebihi 0.5 beban pemotongan faktor dihapuskan. Pernyataan sarat silang juga telah dihapuskan. Hanya faktor yang mempunyai nilai eigen lebih besar daripada 1 diekstrak dan dikekalkan.

Analisis Faktor Eksplorasi

Penyelidik telah memeriksa untuk ketepatan kemasukan data, nilai-nilai yang hilang, normalisasi, dan outlier sebelum melakukan analisis. Kemudian, koefisien skewness dan kurtosis juga dikaji semula. Pemeriksaan statistik skewness dan kurtosis dalam kajian ini menunjukkan bahawa semua nilai berada dalam julat ± 2 (Garson, 2012), di mana semua item diedarkan secara normal. Sementara itu, tidak ada kes yang melampau dan tidak ada penyebab dalam data yang ditunjukkan oleh markah standard z untuk setiap item berada dalam lingkungan ± 4 . Oleh itu, data itu sesuai untuk analisa lanjut tanpa sebarang pelanggaran yang ketara.

Untuk menentukan kesesuaian data bagi analisis faktor, terdapat tiga aspek yang perlu dilihat iaitu (1) saiz sampel; (2) faktor kebolehpkerjaan matriks korelasi dan (3) Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) Kecukupan Pengukuran Sampel atau Ujian Sphericity Bartlett. Untuk saiz sampel, Hair et al. (2010) mencadangkan bahawa saiz sampel sebaiknya lebih daripada 100 bagi meneruskan analisis faktor. Selain itu, menurut Tabachnick dan Fidell (2007), ia seharusnya lebih daripada 300 kes, bilangan yang dianggap "selesa". Walau bagaimanapun, Chua (2014) mencadangkan bahawa bilangan saiz sampel harus lebih besar daripada 5 kali bilangan pembolehubah. Berdasarkan hujah-hujah tentang menentukan kesesuaian saiz sampel untuk analisis faktor tersebut, maka dengan itu, saiz sampel sebanyak 150 responden telah terlibat dalam menjalankan EFA dalam kajian ini.

Menurut Hair et al. (2010); Tabachnick & Fidell (2007); Pallant (2007), sekiranya Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) lebih besar daripada 0.6 dan Ujian Sphericity Bartlett (BTS)

adalah signifikan pada $\alpha < .05$, maka faktor kebolehkerjaan matriks korelasi diandaikan, ini dapat mengukur kecukupan pensampelan atau mengukur sama ada data boleh menjadi faktor yang baik. Dengan kata lain, Maat, Zakaria, Nordin, & Meerah (2011) menyatakan bahawa ujian KMO dan BTS menentukan sama ada persampelan itu mencukupi untuk meneruskan analisis faktor. Di samping itu, Hair et al. (2010); Coeh, Steed, Coakes, & Steed (2003) menjelaskan bahawa beberapa langkah perlu diambil kira oleh penyelidik seperti nilai korelasi anti-imej untuk semua item mestilah melebihi 0.5 iaitu tahap yang boleh diterima. Selain daripada itu, keputusan yang diberikan untuk semua item mesti mempunyai *communality* melebihi 0.3 (Tabachnick & Fidell, 2007). *Correspondence* Indeks untuk Analisis Faktor Eksplorasi ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3

Correspondence indeks untuk analisis faktor eksplorasi

<i>Indicators</i>	<i>Cut-off Value</i>	<i>Source</i>
Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) Meritorious: ≥ 0.80 , Middling: ≥ 0.70 , Mediocre: ≥ 0.60 , Miserable: ≥ 0.50 , Unacceptable: < 0.50	Recommended value of 0.6 or above	Hair et al. (2010)
Bartlett's Test of Sphericity	Significant at $\alpha < .05$	Hair et al. (2010)
Anti-Image Correlation: individual measure of sampling adequacy (MSA)	> 0.5	Hair et al., (2010); Coakes & Steed, (2003)
Communalities (variables are well defined by the solution—low values require removal)	> 0.3 > 0.4 > 0.5	Gaskin (2012); Hair et al. (2010); Tabachnick & Fidell (2007)
Factor loadings Significant Factor Loading based on Sample Size	Above sufficient factor loading to retain the item while below sufficient factor loading to eliminate the item.	Hair et al. (2010)

Dapatan

Keputusan daripada analisis kebolehpercayaan yang ditunjukkan dalam Jadual 4 menunjukkan bahawa skor min keseluruhan, sisihan piawai dan alpha Cronbach masing-masing adalah 3.8476, 0.31597 dan 0.843 sebelum menjalankan EFA. Semua alpha Cronbach untuk enam konstruk (36 item) melebihi 0.6, iaitu daripada 0.620 hingga 0.836.

Jadual 4

Nilai min, sisihan piawai dan kebolehpercayaan bagi setiap konstruk

<i>Konstruk</i>	<i>Min</i>	<i>Sisihan Piawai</i>	<i>Kebolehpercayaan</i>
Kecekapan peribadi, standard yang tinggi dan ketabahan (PHT)	3.9300	0.43410	0.828
Amanah dalam naluri seseorang, toleransi memberi kesan negatif dan kesan-kesan pengukuhan tekanan (TTS)	4.0724	0.56145	0.836
Penerimaan positif perubahan dan hubungan selamat dengan orang lain (PS)	3.6973	0.45213	0.620
Kawalan (C)	3.7720	0.63162	0.763
Pengaruh Rohani (S)	4.0467	0.56112	0.765
Hasrat Keusahawanan (EI)	3.4978	0.65964	0.728
Jumlah	3.8476	0.31597	0.843

Analisis Faktor Eksplorasi dimulakan dengan menjalankan Kaiser-Meyer-Olkin Measure dan ujian Bartlett tentang kesesuaian Ujian Kecukupan Persampelan pada satu set instrumen 36 item. Kesesuaian analisis faktor disokong oleh ujian Bartlett sphericity, penunjuk kekuatan hubungan antara pembolehubah. Telah didapati hasilnya signifikan ($\chi^2 = 2395.845$). Ukuran kecukupan persampelan KMO menghasilkan nilai 0.769, menunjukkan bahawa saiz sampel adalah cukup besar untuk menilai struktur faktor. Prosedur ini menghasilkan nilai Kaiser-Meyer-Olkin untuk setiap konstruk berada di atas 0.6 dengan nilai Ujian Kecukupan Persampelan yang signifikan. Berdasarkan Huck (2012); Pallant (2007); Tabachnick & Fidell (2007), keputusan ini menunjukkan bahawa data mencukupi untuk meneruskan analisis faktor. Akhirnya, *communalities* telah ditentukan untuk setiap item. Persamaan item tersebut berkisar antara 0.161 hingga 0.786. Jadual 5 menunjukkan keputusan KMO, *Communalities* dan Ujian Bartlett.

Jadual 5
Kaiser-Meyer-Olkin dan Ujian Bartlett

Ujian	Keputusan
Bartlett's Test of Sphericity Approx. Chi-Square (χ^2)	2395.845
Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) Measure of Sampling Adequacy	0.769
Df	630
Sig. Communalities (Range)	0.00 0.161 to 0.786

Dengan petunjuk keseluruhan yang diberikan ini, EFA kemudian dijalankan dengan 36 item menggunakan *principal component analysis extraction* dan *Varimax rotation*. Kadar pemotongan faktor minima kajian ini ialah 0.5. Enam faktor menjelaskan 54.658 peratus varians seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6. Nilai eigen menunjukkan bahawa faktor pertama menjelaskan 19.671 peratus daripada varians, faktor kedua 12.544 peratus daripada varians, faktor ketiga 8.223 peratus daripada varians dan faktor seterusnya 5.344 peratus. Faktor kelima dan keenam mempunyai nilai eigen lebih daripada satu, masing-masing menjelaskan faktor kira-kira 4.521 peratus dan 4.355 peratus. Peratusan varians dalam *Extraction Sums of Squared Loading* dan *Rotation Sums of Squared Loadings* adalah sama, yang menerangkan 54,658 peratus. *Varimax rotation* telah menyebabkan peratusan varians untuk faktor 1 berubah daripada 19.671 peratus kepada 12.201 peratus, peratusan varians untuk faktor 2 telah berubah daripada 12.544 peratus kepada 11.831 peratus, peratusan varians untuk faktor 3 telah berubah daripada 8.223 peratus kepada 8.388 peratus, peratusan varians untuk faktor 4 telah berubah daripada 5.344 peratus kepada 8.004 peratus, manakala peratusan varians untuk faktor 5 dan 6 telah berubah daripada 4.521 peratus kepada 7.809 dan 4.355 peratus kepada 6.426 peratus.

Jadual 6
Ringkasan jumlah variance dijelaskan dalam analisis faktor eksplorasi (EFA)

Component	Initial Eigenvalues			Extraction Sums of Squared Loadings			Rotation Sums of Squared Loadings		
	Total	% of Variance	Cumulative %	Total	% of Variance	Cumulative %	Total	% of Variance	Cumulative %
1	7.082	19.671	19.671	7.082	19.671	19.671	4.392	12.201	12.201
2	4.516	12.544	32.215	4.516	12.544	32.215	4.259	11.831	24.031
3	2.960	8.223	40.438	2.960	8.223	40.438	3.020	8.388	32.419
4	1.924	5.344	45.783	1.924	5.344	45.783	2.882	8.004	40.423
5	1.628	4.521	50.304	1.628	4.521	50.304	2.811	7.809	48.233
6	1.568	4.355	54.658	1.568	4.355	54.658	2.313	6.426	54.658

Kaedah Pengekstrakan: Analisis Komponen Utama

Berdasarkan *Rotated Component Matrix*, sejumlah enam item telah dihapuskan kerana gagal memenuhi pemuatan faktor minimum sebanyak 0.5 atau ke atas dan tidak menyumbang kepada struktur faktor mudah dan menghasilkan item sarat silang. Akibatnya, terdapat sejumlah 30 item yang disimpan. Keputusan analisis faktor menunjukkan bahawa CF@ER menghasilkan enam faktor. Item akhir untuk menghasilkan CF@ER dengan pemuatan faktor ditunjukkan dalam Jadual 7.

Table 7

Factor loadings based on a principal component analysis extraction with varimax rotation

Item	Component					
	1	2	3	4	5	6
B17	.773					
B11	.759					
B23	.758					
B16	.744					
B10	.737					
B24	.730					
B25	.722					
B6		.741				
B14		.723				
B7		.679				
B15		.648				
B19		.588				
B18		.583				
B20		.574				
C2			.875			
C1			.844			
C4			.780			
C5			.722			
C3R						
B30				.685		
B28				.652		
B29				.634		
B9				.604		
B22						
B3						
B12						
B26					.713	
B13					.709	
B21					.692	
B27					.669	

C6R	
B2	.671
B5	.653
B1	.642
B4	.626
B8	

Berdasarkan keputusan EFA, terdapat tujuh item yang dimuatkan dalam Faktor 1 yang mengukur Kecekapan peribadi, standard yang tinggi dan ketabahan (PHT). Terdapat tujuh item dalam Faktor 2 yang berkaitan dengan Amanah dalam naluri seseorang, toleransi memberi kesan negatif dan kesan-kesan pengukuhan tekanan (TTS). Empat item dimuatkan dalam Faktor 3 dan berkaitan dengan hasrat keusahawanan (EI), kecenderungan pelajar untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan dan kesediaan pelajar untuk memulakan usaha baru. Empat item yang dimuatkan dalam Faktor 4 berkaitan dengan Pengaruh rohani (S) dan empat item yang dimuatkan dalam Faktor 5 berkaitan dengan Kawalan (C). Untuk Faktor 6, empat item berkaitan dengan Penerimaan positif perubahan dan hubungan selamat dengan orang lain (PS) (Jadual 8).

Table 8

The different number of pooled item for each construct after exploratory factor analysis

<i>Faktor</i>	<i>Konstruk</i>	<i>Senarai Item Lama</i>	<i>Senarai Item Baru</i>
1	Kecekapan Peribadi, Standard yang Tinggi dan Ketabahan (PHT)	8	7
2	Amanah Dalam Naluri Seseorang, Toleransi Memberi Kesan Negatif dan Kesan-Kesan Pengukuhan Tekanan (TTS)	7	7
3	Penerimaan Positif Perubahan dan Hubungan Selamat Dengan Orang Lain (PS)	5	4
4	Kawalan (C)	5	4
5	Pengaruh Rohani (S)	5	4
6	Hasrat Keusahawanan (EI)	6	4

Kesimpulan

Keputusan Analisis Faktor Eksplorasi telah menunjukkan bahawa terdapat enam faktor utama dalam menjana rangka kerja konseptual untuk daya tahan keusahawanan. Enam konstruk tersebut adalah Kecekapan Peribadi, Standard yang Tinggi dan Ketabahan (PHT), Amanah Dalam Naluri Seseorang, Toleransi Memberi Kesan Negatif dan Kesan-Kesan Pengukuhan

Tekanan (TTS), Penerimaan Positif Perubahan dan Hubungan Selamat Dengan Orang Lain (PS), Kawalan (C), Pengaruh Rohani (S) dan Hasrat Keusahawanan (EI).

Oleh itu, korelasi dan regresi akan menjadi subjek kajian masa depan. Diharapkan fakta-fakta penting yang perlu ditangani dalam kertas ini akan menjadi satu cara di mana para penyelidik dapat mengkaji masalah RE dan EI dengan lebih baik dalam kalangan pelajar kolej matrikulasi di Malaysia.

References

- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179-211.
- Awotoye, Y., & Singh, R.P. (2017). Entrepreneurial Resilience, High Impact Challenges, and Firm Performance. *J. Manag. Policy Pract.*, 18, 28-37.
- Ayala, J. C., & Manzano, G. (2010). Established business owners' success: Influencing factors. *Journal of Developmental Entrepreneurship*, 15(3), 263-286.
- Ayala, J. C. & Manzano, G. (2014). The resilience of the entrepreneur. Influence on the success of the business. A longitudinal analysis. *Journal of Economic Psychology*, 42, 126-135.
- Bolarinwa, O.A. (2015). Principles and methods of validity and reliability testing of questionnaires used in social and health science researches. *Niger Postgrad Med J*, 22:195-201.
- Bullough, A., & Renko, M. (2013). Entrepreneurial resilience during challenging times. *Business Horizons*, 56(3):343-350.
- Chua, Y.P. (2014). *Statistik Penyelidikan Lanjutan: Ujian Regresi, Analisis Faktor dan Analisis Sem*. Malaysia: McGraw Hill (Malaysia) Sdn Bhd.
- Coakes, S. J., Steed, L. G., Coakes, S. J., & Steed, L. G. (2003). Multiple response and multiple dichotomy analysis. SPSS: Analysis without Anguish: Version 11.0 for Windows, 215-224.
- Connor, K.M., & Davidson, J.R. (2003). Development of a new resilient scale: The Connor-Davidson Resilience Scale (CD-RISC). *Depression and Anxiety*, 18(2), 197-212.
- Dinis, A., Paço, A.F., Ferreira, J., Raposo, M. & Rodrigues, R.G. (2013). Psychological characteristics and entrepreneurial intentions among secondary students. *Education+Training*, Vol. 55, No. 8/9, pp. 763-780.
- Duchek, S. (2018). Entrepreneurial resilience: a biographical analysis of successful entrepreneurs. *Int. Entrep. Manag. J.*, 14, 429-455. doi: [10.1007/s11365-017-0467-2](https://doi.org/10.1007/s11365-017-0467-2)
- Edelman, L. F., Manolova, T. S. & Brush, C. G. (2008). Entrepreneurship education: correspondence between practices of nascent entrepreneurs and textbook prescriptions for success. *Academy of Management Learning and Education*, Vol. 7 No. 1, pp. 56-70.
- Fraenkel, J.R & Wallen, N.E., (1996). *How to Design and Evaluate Research*. USA: Mc. Fraw-Hill Inc.
- Garson, G.D. (2012). Testing statistical assumptions. Asheboro, NC: Statistical Associates Publishing.
- Gaskin, J. (2012). Confirmatory Factor Analysis. Retrieved January 17th, 2020, from http://statwiki.kolobkreations.com/index.php?title=Confirmatory_Factor_Analysis#2nd_Order_Factors
- Gerba, D. T. (2012). The context of entrepreneurship education in Ethiopian Universities. *Management Research Review*, Vol. 35, No. 3/4, pp. 225-244.
- Ghazali, D., & Sufean, H. (2016). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hair, J.F., Black, W.C., & Babin, B.J. (2010). *RE Anderson Multivariate Data Analysis: A Global Perspective*. New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Huck, S.W. (2012). Reading Statistics and Research. 6th Edition. UK: Pearson.
- Karimi, S., Biemans, H. J. A., Lans, T., Chizari, M. & Mulder, M. (2016). The impact of entrepreneurship education: a study of Iranian students' entrepreneurial intentions and opportunity identification. *Journal of Small Business Management*, Vol. 54, No. 1, pp. 187-209.
- Khosravi, M., & Nikmanesh, Z. (2014). Relationship of spiritual intelligence with resilience and perceived stress. *Iran J Psychiatry Behav Sci*, 8(4): 52-6.
- Kirk, J., & Miller, M.L. (1986). *Reliability and Validity in Qualitative Research*. Sage.
- Krueger, N. F. (2002). *Entrepreneurship: Critical Perspectives on Business and Management*. Taylor and Francis, Philadelphia, PA.
- Kubiszyn, T., & Borich, G. (2003). *Educational Testing and Measurement: Classroom Application and Practice*. Seventh Edition. US: John Wiley & Son, Inc.
- Lee, L., Wong, P. K., Chua, B. L. & Chen, J. (2005). *Antecedents for Entrepreneurial Propensity: findings from Singapore, Hong Kong and Taiwan*.

- Leonie, K., Margaret, P., Nicholas, G., & Yvette, K. (2017) Control and resilience: The importance of an internal focus to maintain resilience in academically able students. *Gifted and Talented International*, 32:1, 59-74, DOI:10.1080/15332276.2018.1435378
- Maat, S. M., Zakaria, E., Nordin, N. M., & Meerah, T. S. M. (2011). Confirmatory factor analysis of the mathematics teachers' teaching practices instrument. *World Applied Sciences Journal*, 12(11), 2092–2096.
- Mohamad, M.M., Sulaiman, N.L., Sern, L.C., & Mohd Salleh, K. (2015). Measuring the validity and reliability of research instruments. *Social and Behavioral Sciences*, 204, 164 – 171.
- Pallant, J. (2000). Development and validation of a scale to measure perceived control of internal states. *Journal of Personality Assessment*, 75(2), 308–337.
- Pallant, J. (2007). SPSS survival manual-A step by step guide to data analysis using SPSS for windows. (3rd ed.). Maidenhead: Open University Press.
- Rutter, M. (2008). Developing concepts in developmental psychopathology. In J.J.Hudziak (Ed.), *Developmental psychopathology and wellness: Genetic and environmental influences* (pp. 322). Washington, DC: American Psychiatric Publishing.
- Singh, K., & Yu, N.X. (2010). Psychometric Evaluation of the Connor-Davidson Resilience Scale (CDRISC) in a Sample of Indian Students. *J Psychology*, 1(1): 23-30.
- Tabachnick, B. G. & Fidell, L. S. (2007). Using Multivariate Statistics. 5th edition. Boston, MA: Pearson Education. Inc.
- Thompson, N. (2019). A Climate Assessment of Working Environments at a Small Midwestern Public High School. Research Paper, University of Wisconsin-Stout.
- Tullis, T., & Albert, B. (2013). *Self-Reported Metrics. Measuring the User Experience: Collecting, Analyzing, and Presenting Usability Metrics*. Second Edition. Imprint: Morgan Kaufmann.
- Ungar, M., Brown, M., Liebenberg, L., Othman, R., Kwong, W.M., & Armstrong, M. (2007). Unique pathways to resilience across cultures. *Adolescence*, 42(166), 287-310.
- Wang, C. K. and Wong, P. K. (2004). Entrepreneurial interest of university students in Singapore. *Technovation*, Vol. 24, No. 2, pp. 163-172.
- Zautra, A.J., Hall, J.S., & Murray, K.E. (2010). Resilience: A new definition health for people and communities. *Handbook of Adult Resilience* (pp. 3-30). New York: Guilford.
- Zuraidah, Z. (2014). The Effects Of Customer-Brand Relationship Investment On Customer Engagement. Phd Thesis, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

MODEL INTEGRASI BAHASA ARAB PEMASARAN UNTUK PEMPROMOSIAN PRODUK USAHAWAN PKS B40 DI PERINGKAT GLOBAL

Mohd Nizwan Musling dan Hanim Misbah

Abstrak

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mempunyai pelbagai produk halal yang berpotensi untuk diimport ke luar negara, terutama negara-negara teluk. Walaubagaimanapun, kekangan bahasa pemasaran dalam Bahasa Arab menjadikan satu cabaran bagi menembusi dan mempromosi produk tersebut, disamping kebergantungan hanya pada logo 'halal'. Maka, kajian ini cuba mengetengahkan konsep model integrasi Bahasa Arab Pemasaran bagi keperluan pempromosian produk usahan PKS B40. Pendekatan kualitatif dipilih untuk menganalisis skop dan penggunaan Bahasa Arab Pemasaran produk usahawan PKS B40 dalam aspek dokumentasi, penjenamaan, label, detail produk dan slogan, manakala model yang akan dibina berdasarkan pendekatan Design and Development Research (DDR). Implikasi kajian ini memberi pengetahuan dan amalan Bahasa Arab Pemasaran dan Keusahawan Islam dalam kalangan PKS B40 bagi meningkatkan kebolehpasaran produk mereka di peringkat global, terutama di negara-negara arab teluk.

Kata Kunci: Bahasa Arab Pemasaran, Usahawan PKS B40, Produl Halal, Negara Teluk

Pengenalan

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) merupakan antara tulang belakang kepada pemangkin utama ekonomi negara. Menurut Abd Ghani dan Darawi (2012) hampir 99.2 % daripada keseluruhan usahawan di Malaysia merupakan peniaga PKS yang telah mendaftar dan telah menyumbang sebanyak 32 % daripada Keluaran Dalam Negara Kasar. Oleh itu, pelbagai inisiatif diambil oleh kerajaan bagi merencanakan lagi sektor ini, bahkan kerajaan menyasarkan 250,000 usahawan daripada kalangan golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40) dilahirkan dalam tempoh lima tahun (Astro Awani, 23/11/2018). Bagi meningkatkan produktiviti PKS juga, kerajaan telah melancarkan Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) yang bertemakan 'Malaysia Negara Keusahawan Menjelang 2030', disamping pinjaman Bank Negara Malaysia kepada PKF dipermudahkan dan pembiayaan alternatif (Berita Harian, 26/7/2019).

Walaubagaimanapun, terdapat cabaran dihadapi usahawan PKS, antaranya ialah aspek pemasaran. Menurut Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof, mereka kurang fokus dalam strategi pemasaran dan jenama sekaligus menyukarkan mereka untuk menjual produk dan perkhidmatan dalam jumlah yang banyak (Berita Harian, 26/7/2019). Perkara ini selari dengan dapatan kajian Rajuddin dan Alias (2010) dimana tahap pengurusan pemasaran dalam industri PKS berada pada tahap sederhana. Apatah lagi untuk menembusi pasaran luar negara terutama negara-negara Arab seperti Arab Saudi, sedangkan terdapatnya pelbagai produk halal pelbagai kaum di Malaysia berpotensi dihasilkan oleh usahawan PKS. Ini sebagaimana hasrat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) melalui projeknya 'Malaysia Food for Ummah' (MYFFU) yang bermula sejak 2016 bertujuan merintis ruang pasaran produk Agro Makanan Halal keluaran Malaysia ke pasaran negara teluk atau *Gulf Cooperation Council (GCC)* khususnya Arab Saudi, dan menyasarkan usahawan produk agro dapat menembusi pasaran negara teluk pada tahun 2020 (Sinar Harian, 24/5/2019).

Bagi membantu merealisasikan perkara tersebut, aspek bahasa pemasaran dalam bahasa ibunda di negara-negara GCC perlu diambil kira kerana ia memainkan peranan yang

sangat penting dalam mempengaruhi pembelian (Kulthum, 2017) dan proses pengantarabangsaan pasaran produk (Juan Miguel Alcántara and Ivan Manuel Sánchez, 2019). Maka, satu model Bahasa Arab Pemasaran untuk produk-produk usahawan PKS B40 yang berpotensi ke negara Arab perlu dikaji dan dibangunkan.

Maka, objektif utama kajian ini ialah:

- 1) Mengenalpasti penggunaan Bahasa Arab yang bersesuaian seperti dokumentasi, penjenamaan, label, detail produk dan *tagline* dalam aktiviti pemasaran produk-produk usahawan pelbagai kaum PKS B40 ke negara-negara Arab Teluk (GCC).
- 2) Menganalisa perkataan atau frasa Bahasa Arab untuk tujuan pemasaran dan pemromosian produk menggunakan media sosial (seperti: facebook, twitter dan instagram), yang mengambil kira aspek kesesuaian tempat dan budaya masyarakat Arab.
- 3) Membina model integrasi Bahasa Arab Pemasaran untuk produk usahawan PKS B40 melalui konsep pemadanan antara bahasa sumber (Bahasa Melayu/Inggeris) dan sasaran (Bahasa Arab) berdasarkan hasil analisis di atas.

Sorotan Literatur

Bahasa Arab Pemasaran, Bahasa untuk Tujuan Khusus

Bahasa Arab Pemasaran boleh dikategorikan dalam kajian bidang bahasa untuk tujuan khusus (*Language for Specific Purposes*), iaitu tujuan kerjaya. Ini kerana aspek bahasa dan penggunaannya adalah sangat spesifik dan selari dengan keperluan dan kehendak pengguna bahasa tersebut. Dalam konteks Malaysia, terdapat beberapa kajian bahasa Arab untuk tujuan kerjaya seperti pelancongan (Ahmad et al, 2018), diplomasi (Yusri & Chik, 2016), ketenteraan dalam kalangan anggota KAGAT (Najjah, Ahmad & Kaseh, 2015), pemandu teksi (Mohd Nizwan, 2015) dan perpustakawan (Mohd Nizwan & Taqwuddin, 2019). Kebanyakan kajian mereka adalah berbentuk analisis keperluan (*need analysis*) yang berasaskan teori Hutchinson & Waters (1987) dan mendapati ia merupakan asas pembangunan sesuatu kursus bahasa untuk tujuan kerjaya agar ianya memenuhi keperluan sebenar. Walaubagaimanapun, kajian terhadap Bahasa Arab untuk tujuan pemasaran produk usahawan tempatan PKS B40 masih belum mendapat perhatian pengkaji, sedangkan keperluannya ada sebagaimana pihak FAMA yang menyasarkan usahawan produk agro dapat menembusi pasaran negara teluk pada tahun 2020.

Bahasa, Psikologi, Sosio-Budaya dan Pemasaran

Penggunaan bahasa asing dalam pengiklanan adalah sangat penting dalam konteks pengantarabangsaan sesuatu produk. Ini kerana bahasa asing mampu meningkatkan kuasa memujuk pelanggan dengan bahasa ibundanya dalam iklan sesuatu produk (Noriega & Blair, 2008), disamping nilai-nilai budaya bahasa tersebut juga diambil kira (Juan Miguel Alcántara and Ivan Manuel Sánchez. 2019). Antara bahasa asing yang mempunyai jumlah penutur yang sangat ramai iaitu 50% daripada keseluruhan penduduk dunia adalah Bahasa Arab (Lewis, Gary and Fennig 2014). Ini menunjukkan signifikan Bahasa Arab dalam pemasaran sesuatu produk yang mana antara penggunanya adalah orang Arab, disamping faktor sosi-budaya (Hovland & Wolburg, 2010) dan psikologi (Amiri, 2013) masyarakat mereka perlu diambil kira.

Jadual 1


Taburan 10 Bahasa di Dunia Mengikut Bilangan Penutur Jati

Kedudukan	Bahasa	Negara Utama	Bilangan Negara	Jumlah Penutur (juta)
1	China	China	33	1197
2	Spanyol	Spanyol	31	414
3	English	United Kingdom	99	335
4	Hindi	India	4	260
5	Arab	Arab Saudi	60	237
6	Portugis	Portugal	12	203
7	Bengali	Bangladesh	4	193
8	Rusia	Rusia	16	167
9	Jepun	Jepun	3	122
10	Jawa	Indonesia	3	84.3

Sumber: Lewis, Gary dan Fennig (2014)

Produk Usahawan PKS ke Peringkat Global


Permintaan yang tinggi terhadap pasaran halal di peringkat antarabangsa menjadikan ruang dan peluang produk PKS dipasarkan semakin besar. Menurut Sazelin (2009), PKS berupaya mengeluarkan barangan yang tidak mendapat perhatian oleh industri besar terutama yang bertaraf antarabangsa. Ini dapat dilihat khususnya dalam industri makanan dan minuman seperti pembuatan kicap, rempah ratus, sos, roti canai segera dan keropok. Walaubagaimanapun, PKS tidak boleh bergantung kepada tanda 'halal' yang ada pada produk mereka sahaja untuk menguasai pasaran, bahkan pengguna Muslim umumnya sendiri tidak perihatin dengan tanda halal. Maka, mereka perlu bersaing dan memasuki pasaran melalui strategi biasa seperti 'market penetration' (Ahmad, Wahid & Kastin, 2007), disamping mendapatkan kerjasama dengan agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang berkaitan (Farah dll, 2015). Produk halal ini perlu dilihat dan diambil daripada pelbagai kaum yang ada di Malaysia untuk dipasarkan ke negara-negara Timur Tengah atau negara teluk seperti Emirate, Arab Saudi, Qatar, Bahrain, Oman dan Kuwait. Ini kerana negara Arab mewakili pasaran halal terbesar di dunia seperti dilaporkan dalam gambar rajah di bawah:



Rajah 1. Pasaran halal dunia

Sumber: <https://www.adroitmarketresearch.com/industry-reports/halal-market>

Manakala jenis produk halal yang mencatat dan dijangka sentiasa mendapat permintaan yang tinggi adalah makanan dan minuman, diikuti media dan rekreasi, pakaian, farmasi, kewangan dan pelancongan sepertimana yang dicatatkan di Amerika Syarikat (lihat gambar rajah di bawah):



Rajah 2. Produk halal

Sumber: <https://www.adroitmarketresearch.com/industry-reports/halal-market>

Berdasarkan kajian-kajian lepas di atas, pemasaran produk usahawan PKS B40 terutamanya dalam Bahasa Arab untuk dieksport ke negara-negara Arab belum ada lagi, sedangkan keperluan dan peluang pasarnya adalah besar. Ini menuntut kepada satu kajian yang holistik untuk membina satu model bahasa pemasaran yang mengintegrasikan strategi pemasaran moden dengan elemen psikologi dan sosiolinguistik serta nilai-nilai murni Islam.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan pendekatan pengumpulan dan analisis data seperti dalam jadual berikut:

Jadual 2

Metodologi Kajian

Objektif/Persoalan Kajian	Pengumpulan Data	Analisis Data
1. Menganalisis skop penggunaan bahasa pemasaran produk-produk usahawan PKS B40 seperti dokumentasi, penjenamaan, label, detail produk dan tagline.	Tinjauan Lapangan Bersasar	Analisis Dokumen
2. Menganalisis perkataan atau frasa Bahasa Arab untuk tujuan pemasaran dan pempromosian produk yang mengambil kira aspek kesesuaian tempat, psikologi dan sosio-budaya masyarakat Arab.	Teks-teks iklan produk berbahasa Arab. Temubual Separa Struktur bersama orang Arab.	Analisis Teks Analisis Tematik

3. Membina model Bahasa Arab Pemasaran untuk produk usahawan PKS B40 melalui konsep pepadanan antara bahasa sumber (Bahasa Melayu/Inggeris) dan sasaran (Bahasa Arab) berdasarkan hasil analisis di atas.

Bagi pembangunan model Bahasa Arab Pemasaran untuk produk usahawan PKS B40, kajian menggunakan pendekatan Design and Development Research (DDR) iaitu pendekatan reka bentuk dan pembangunan. Pendekatan ini adalah satu konsep penyelidikan yang membangunkan suatu kajian pembangunan secara teratur dan bersistematik. Ia terbentuk melalui empat fasa iaitu Analisis Keperluan (daripada dokumen/teks), Rekabentuk, Pembangunan dan Penilaian):

1) **Analisis Dokumen/Teks/Tematik**

- Analisis dokumen/teks/tematik sebagaimana dinyatakan diatas.

2) **Reka bentuk**

- Reka bentuk adalah merujuk kepada penghasilan dan pembinaan komponen-komponen utama dan elemen bagi setiap komponen yang terdapat dalam model Bahasa Arab Pemasaran untuk produk usahawan PKS B40. Bagi mereka bentuk komponen utama dan elemen ini, pengkaji telah mengaplikasikan pendekatan kaedah Fuzzy Delphi (FDM) di mana ia adalah melalui kesepakatan sekumpulan pakar bagi mengesahkan, menilai serta menolak dan menambah setiap komponen dan elemen di dalam model yang dibangunkan. Pemilihan pakar adalah amat penting dan ia hendaklah menepati konteks kajian.


3) **Pembangunan**

- Pembangunan pula adalah melibatkan proses pembangunan model Bahasa Arab Pemasaran untuk produk usahawan PKS B40. Di dalam fasa ini, setiap elemen yang telah direka bentuk melalui kaedah Fuzzy Delphi (FDM) akan dibangunkan menggunakan pendekatan Interpretive Structural Modeling (ISM). Pembangunan model ini adalah untuk melihat keutamaan setiap item di dalam komponen utama. Penggunaan ISM juga berupaya melihat kuasa memandu bagi setiap elemen. Pendekatan ini juga melibatkan sekumpulan panel pakar telah dipertemukan secara bersemuka untuk menjalankan undian (voting) bagi membangunkan model Bahasa Arab Pemasaran untuk produk usahawan PKS B40.

4) **Penilaian**


- Dalam fasa penilaian ini, instrumen berbentuk soal selidik turut digunakan. Instrumen ini juga telah melalui proses kesahan rasional daripada pakar dalam bidang kajian. Proses kesahan ini telah melibatkan tiga orang pakar yang telah menjalankan kesahan instrumen di mana ia terdiri daripada dua orang pakar bahasa (psikolinguistik, sosiolinguistik dan terjemahan) dan dua orang pakar kandungan (pemasaran).

Kajian ini juga dijalankan mengikut **kerangka teori** berikut:



Rajah 3. Kerangka Teori
Model of Consumer's Behavior by Kotler and Keller (2006)

Berdasarkan model di atas, bahasa boleh dianggap sebagai sebahagian daripada bentuk komunikasi antara penjual dan pengguna yang bertindak sebagai faktor perangsang luaran yang mampu mempengaruhi tindakan pengguna dalam membuat keputusan sesuatu pembelian. Ini disamping faktor dalaman yang lain seperti psikologi, keperibadian, sosial dan budaya pengguna tersebut. Walaubagaimanapun, kajian ini akan menggunakan model yang mengintegrasikan elemen-elemen pemasaran di atas dengan nilai-nilai Islam seperti tidak berlebihan dan tidak menipu atau mengelirukan. Ia dapat digambarkan seperti gambar rajah di bawah:



Rajah 4. Model Integrasi Bahasa Arab Pemasaran Berasaskan NILAI MURNI

Model ini juga disesuaikan dengan Kerangka Kelakuan Pengguna berasaskan Theory of Planner Behaviour. Ajzen (1991) membangunkan Teori Kelakuan Pengguna yang dipanggil Theory of Planned Behaviour (TPB) yang pada dasarnya merupakan lanjutan Theory of Reasoned Action (TRA). Ringkasan asas (TRA) adalah bahawa kebanyakan tingkah laku manusia adalah di bawah kawalan kesediaan. Oleh itu, ia boleh diramalkan dari niat sahaja. Dengan memperluas sikap terhadap tingkah laku dan membina norma subjektif (SN) terdiri daripada kawalan tingkah laku yang dilihat (PBC) dalam model dalam urutan untuk menangani keadaan tidak bersyarat.

Pembentukan lanjutan menjadikannya mungkin untuk menjelaskan tingkah laku orang yang ingin dilakukan, tetapi tidak digalakkan kerana kekurangan keyakinan atau kawalan (Miller, 2011). PBC merujuk kepada pandangan seseorang tentang keupayaannya untuk melakukan tingkah laku yang diberikan. Khususnya, kawalan tingkah laku yang dilihat diakui mempunyai kesan langsung ke atas niat tingkah laku dan tingkah laku melalui niat tingkah laku. Selalunya dengan TRA, niat adalah tersirat sebagai *antecedent* tingkah laku segera di TPB.

Dalam aplikasi kajian ini menggunakan model TPB, kajian ini akan melihat sejauh mana penerimaan pengguna di Negara arab GCC terhadap produk-produk PKS Malaysia yang dipasarkan ke Negara-Negara Teluk (GCC) yang menggunakan Bahasa arab bagi pembungkusan label dan dokumentasi-dokumentasi lain.

Bersama sikap terhadap tingkah laku dan SN, PBC dapat meramalkan niat tingkah laku seseorang. Walau bagaimanapun, ia dituntut dalam model TPB bahawa beberapa tingkah laku menyebabkan kesukaran dalam pelaksanaan yang mungkin menghadkan kawalan. Oleh itu, kawalan yang dirasakan memberikan maklumat yang berguna mengenai kawalan sebenar seseorang boleh menjalankan. Ini adalah praktikal untuk meramalkan dan menjelaskan tingkah laku khusus selain niat (Ajzen, 2001). Di TPB, adalah tersirat bahawa PBC ditentukan oleh jumlah set kepercayaan kawalan akses, iaitu kepercayaan mengenai kehadiran faktor-faktor yang mungkin akan membantu prestasi tingkah laku.

Semakin positif sikap terhadap tingkah laku dan norma subjektif, dan semakin besar PBC, semakin kuat akan niat orang untuk melaksanakan tingkah laku yang dipersoalkan. Sekiranya diberi tahap kawalan sebenar ke atas tingkah laku yang mencukupi, orang itu dijangka akan melaksanakan niatnya apabila peluang muncul (Ajzen, 2001). Dalam aplikasi kajian ini, pengguna akan ditanya tentang sejauh mana mereka mempunyai kawalan dalam menentukan pembuatan keputusan masing-masing. Semakin tinggi kadar kawalan mereka, semakin tinggilah kadar pembuatan keputusan. Ini dapat membantu pengkaji mengetahui, sejauh mana masyarakat Arab mempunyai kawalan dalam pembuatan keputusan pembelian mereka.

Kesimpulan

Kajian ini menawarkan beberapa implikasi dari segi pengetahuan dan amalan Bahasa Arab Pemasaran dan Keusahawan Islam dalam kalangan PKS B40 bagi meningkatkan kebolehpasaran produk mereka di peringkat global, terutama di negara-negara arab amnya, dan negara teluk khususnya. Pertama, kajian ini boleh membantu merealisasikan salah satu matlamat pembangunan lestari (SDG) iaitu pertumbuhan ekonomi dan kerja yang baik, melalui usaha meningkatkan pengeluaran dengan menggunakan dual labelling bagi produk PKS yang hendak dipasarkan di GCC. Kedua, ia sebagai usaha pengantarabangsaan usahawan B40 dalam industri PKS selari dengan Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) "Malaysia Negara Keusahawanan Menjelang 2030", melalui "Gagasan Kemakmuran Bersama" yang diperkenalkan oleh Mantan Perdana Menteri Malaysia Tun Dr Mahathir pada 9 Mei 2019 yang masih diteruskan kini di bawah nama Dasar Kemakmuran Bersama. Dengan ini, ia dapat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, terangkum dan inklusif. Selain itu, melalui kajian ini, model integrasi Bahasa Arab Pemasaran ini boleh digunapakai dan diaplikasi dalam pelbagai platform online media baharu seperti facebook, website, blog, twitter, instagram, dan juga aplikasi-aplikasi telefon pintar.

Rujukan

- Abd Ghani, MA dan Darawi, Z. (2012). Transformasi dan Prestasi Perniagaan Usahawan Melayu Perusahaan (Placeholder1)Kecil dan Sederhana (PKS) di Johor Bahru. *Prosiding Perkem Vii*, Jilid 1, 696 – 708.
- Ajzen, I. (1991). Theory of Planner Behaviour. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2):179-211
- 'Amiri, Muhammad Hasan. (2013). Sikologiyah al-Ittisol al-I'ilaniy. 'Amman: Dar Usamah lil-Nashr wa-al-Tawzi'.
- Hovland, Roxanne & Wolburg, Joyce Marie. (2010). Advertising, Society, and Consumer Culture. New York: M.E. Sharpe.
- Ahmad, M. I., Zainuddin, G., Jaffar, M. N., & Ramlan, S. R. (2018). Needs Analysis Model Arabic For Islamic Tourism in Selangor: A Preliminary Study. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management* eISSN: 0128-178X, 3(9), 14–25.
- Juan Miguel Alcántara and Ivan Manuel Sánchez. (2019). The Effect of Sociolinguism on Advertising Slogans: Language as a Conveyer of Cultural Characteristics. p 18. in: *The Role of Language and Symbols in Promotional Strategies and Marketing Schemes*.

- Mohd Nizwan Musling. (2015). Tahlil alHajaat alLughawiyah alSyai'ah lada Saiqi alTakasi bi matar KLIA. Master Disertation. Faculty of Major Language Studies. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohd Nizwan Musling & Mohd Taqwudin Mohd Yazid. (2019). Analisis Keperluan Komunikasi Arab Kerjaya Untuk Staf Perpustakaan. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 2(7), 107-119.
- Noriega, J. & Blair, E. (2008). Advertising to Bilinguals: Does the Language of Advertising Influence the Nature of Thoughts?, *Journal of Marketing*, 72(5), 69-83.
- Kotler & Keller (2006). *Marketing management* (12 th edition), New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Kulthum Mudqin. (2017). Luhgah al-Ishar Wazaifuha Anmatuha wa Khasaisuha. *Majallah al-Athar*, 29, 145-154.
- Rajuddin, Muhd Rashid and Alias, Fazlee. (2010). Tahap Pengurusan Perniagaan Dalam Industri Kecil Dan Sederhana (IKS) Pengusaha Batik Di Daerah Kota Bharu. Tahap Pengurusan Perniagaan Dalam Industri Kecil Dan Sederhana (IKS) Pengusaha Batik Di Daerah Kota Bharu, 1-8. (Unpublished).
- Yusri, I., & Chik, A.R. (2016). Al-Haajaat Al-Lughawiyah lil- 'Amilin bil-Majal al-Diplomasiy. *Majallah al-Dirasaat al-Lughawiyah wa al-Adabiyyah*, Dec, 3, 54-78.
- Astro Awani. 23/11/2018. "Kerajaan sasar 250,000 usahawan B40".
- Berita Harian. 26/7/2019. Rencana, bertajuk: Menyuntik 'nyawa' baharu PKS.
- Sinar Harian Online. 24/5/2019. "FAMA harap projek MYFFU tembusi pasaran negara teluk". Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/article/29741/BERITA/Nasional/Fama-harap-projek-MYFFU-tembusi-pasaran-negara-teluk>

PENERIMAAN PENGGUNA TERHADAP PEMBANGUNAN KIT PEMBELAJARAN UNTUK MODUL IOT

Mohd Hafiez Ahmad dan Sharifah Nadiyah Razali

Abstrak

Lonjakan dalam Revolusi Industri 4.0 memerlukan siswazah TVET yang mahir mengintegrasikan teknologi perkakasan ke arah dunia digital berasaskan Internet. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan satu inisiatif dengan menerapkan elemen IoT dalam pembelajaran bilik darjah bagi menuju ke arah Revolusi Industri 4.0. Namun, elemen IoT yang diperkenalkan kepada pelajar adalah tanpa mengaplikasikan dengan perkakasan sebenar. Bagi mengatasi masalah ini, pembangunan kit pembelajaran untuk modul IoT diperlukan bagi membolehkan pelajar mengintegrasikan teknologi ke dalam peralatan elektrik. Kit Pembelajaran IoT telah direkabentuk dan dibangunkan dengan menggunakan model ADDIE. Data diperoleh menggunakan satu set borang soal selidik yang diadaptasi dan dimodifikasi mengikut objektif kajian. Kit Pembelajaran IoT dan borang soal selidik telah disemak dan disahkan oleh tiga pakar bidang. Kajian rintis ke atas 30 pelajar dianalisis dan memperoleh nilai pekali Alpha Cronbach 0.935. Untuk menilai penerimaan pengguna terhadap kit pembelajaran yang dibangunkan, borang soal selidik diedarkan kepada 30 peserta yang mengikuti Kursus Asas *Internet of Things*. Borang soal selidik dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian SPSS ver 23. Dapatan menunjukkan kesemua 10 item adalah pada tahap penerimaan yang tinggi (min skor 3.97 - 4.67). Kesimpulannya, pembangunan Kit Pembelajaran IoT membolehkan peserta mengintegrasikan teknologi ke dalam peralatan elektrik. Pembangunan Kit Pembelajaran IoT diharap dapat meningkatkan kefahaman peserta dalam mengintegrasikan teknologi perkakasan ke arah dunia digital berasaskan Internet.

Kata Kunci: Kit Pembelajaran, *Internet of Things*, Ujian Penerimaan Pengguna

Pengenalan

Internet of Things (IoT) dalam bahasa mudahnya ditakrifkan sebagai merangkaikan perkakasan ke Internet. Apabila alatan elektrik rumah dirangkaikan ke Internet, seluruh sistem dikenali sebagai Rumah Pintar berasaskan IoT (Gaikwad, Gabhane, & Golait, 2015). Hari ini semakin banyak peranti elektronik direka dengan akses terbina dalam kepada rangkaian global (Lyzhin, Efremov, Rolich, Voskov, & Abrameshin, 2019). Dengan adanya teknologi IOT, ia membolehkan pengguna mengawal peralatan elektronik dari mana saja dan pada bila-bila masa. Satu kajian oleh (Ericsson, 2011) meramalkan bahawa menjelang tahun 2020 akan ada 50 bilion perkakasan yang disambungkan ke Internet. Selain itu, penganalisis meramalkan bahawa IoT akan merangkumi sehingga 26 bilion peranti yang saling berkait dengan 2020, peningkatan 30 kali dari 2009 (Roy, Bill, & Scott, 2015). Pertumbuhan pesat aplikasi IOT telah meningkatkan permintaan para profesional berpengalaman di bidang tersebut.

Lonjakan dalam revolusi industri 4.0 memerlukan siswazah TVET yang mahir menerapkan / mengintegrasikan teknologi perkakasan ke arah dunia digital berasaskan Internet (Mohd Hafiez & Sharifah Nadiyah, 2020). Untuk itu, salah satu inisiatif telah disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia adalah dengan menerapkan elemen IoT dalam pembelajaran bilik darjah. Topik berkaitan IoT telah diperkenalkan bukan sahaja kepada pelajar Institusi Pengajian Tinggi, malah ia turut diperkenalkan kepada pelajar

Sekolah Menengah melalui matapelajaran Rekabentuk Teknologi. Secara asasnya IoT diperkenalkan kepada pelajar tanpa pengaplikasian dengan perkakasan sebenar. Contohnya pelajar belajar untuk menghidupkan dan mematikan LED bukan lampu sebenar. Bagi mengatasi masalah ini, kit pembelajaran untuk modul IoT perlu dibangunkan bagi membolehkan pelajar mengintegrasikan teknologi ke dalam peralatan elektrik. Ini membolehkan peralatan elektrik rumah dikawal menggunakan Internet. Seterusnya, kajian dijalankan bagi menilai tahap penerimaan pengguna terhadap pembangunan Kit Pembelajaran IoT.

Metodologi

Kajian ini terbahagi kepada tiga fasa iaitu (i) Analisis; (ii) Rekabentuk dan Pembangunan; dan (iii) Implementasi dan Penilaian.

Fasa 1: Analisis

Dalam fasa analisis dijalankan secara semakan dokumen. Menurut (Best & Kahn, 1998; Sallabas, 2013), kaedah semakan dokumen adalah alat yang paling sesuai untuk mengumpul maklumat dalam kajian kualitatif. Satu kajian awal dijalankan bagi mengenalpasti masalah terhadap kit pembelajaran IoT sediaada. Seterusnya, analisis semakan dokumen dijalankan keatas kaedah pembangunan kit pembelajaran secara umumnya dan khususnya kit pembelajaran IoT sediaada.

Kajian awal menunjukkan Kit Pembelajaran IoT sediaada tidak menunjukkan pengaplikasian teknologi IoT dengan perkakasan sebenar antaranya Kusmin, Saar, dan Laanpere (2018) dan Pantilimonescu et al. (2014). Ada beberapa Kit Pembelajaran IoT yang menjurus kepada aplikasi perkakasan sebenar seperti Gupta, Gupta, dan Chhabra (2015) dan Lyzhin et al. (2019). Hasil analisis dokumen menunjukkan model ADDIE telah banyak digunakan oleh pendidik dalam membina alat bantu mengajar yang berkesan (Morrison, 2010; Sharifah Nadiyah & Hafiez, Mohd, 2020). Kajian terdahulu menunjukkan keberkesanan model ADDIE dalam membangunkan bahan pembelajaran untuk membolehkan sesuatu pengajaran yang disampaikan menjadi lebih efektif dan efisien (Hoffman, 2013; Mohd Hafiez, Sharifah Nadiyah, & Raja Norhafiza, 2019).

Fasa 2: Rekabentuk dan Pembangunan

Dalam fasa rekabentuk dan pembangunan, Kit Pembelajaran IoT telah direka dan dibangunkan berdasarkan model ADDIE. Model ini terdiri daripada lima (5) fasa yang dikenali sebagai Analisis Keperluan, Rekabentuk, Pembangunan, Pelaksanaan dan Pengujian. Keperluan perkakasan dan perisian yang digunakan dalam membangunkan Kit Pembelajaran IoT dianalisis melalui semakan dokumen. Yang Membezakan Kit Pembelajaran IOT papan utama yang digunakan. Analisis dokumen dijalankan terhadap tiga (3) papan utama iaitu Arduino ESP 8266, Genuino MKR1000 dan NodeMCU ESP8266. Dapatan analisis diinterpretasi dalam Jadual 1. Arduino ESP8266 dan Genuino MKR1000 merupakan sebuah mikropengawal manakala NodeMCU ESP8266 merupakan sebuah mikropemproses yang menggunakan pemproses Tensilica Xtensa LX106. Dimana ketiga-tiga papan boleh ditulis menggunakan bahasa pengaturcaraan Arduino dengan menggunakan perisian aturcara Arduino IDE. Arduino ESP8266 memerlukan peranti tambahan seperti Arduino UNO untuk berfungsi, manakala Genuino MKR1000 dan NodeMCU ESP8266 boleh berfungsi sendiri. Kebolehan Arduino ESP8266 menyimpan data adalah paling rendah (512 kb), manakala NodeMCU ESP8266 mempunyai kebolehan menyimpan data paling tinggi (4 Mb). Pengguna boleh memperoleh board NodeMCU ESP8266 dengan harga RM35 yang mana merupakan harga board paling murah berbanding Arduino ESP8266 (RM 40) dan MKR1000 (RM 200).


Berdasarkan analisis yang dijalankan keatas ketiga-tiga board, board NodeMCU dipilih untuk digunakan dalam kajian ini. NodeMCU EXP8266 dipilih berdasarkan harga dan fungsinya. Manakala bahasa pengaturcaraan Arduino boleh ditulis atau menggunakan Sketch.

Jadual 1

Jadual Perbandingan Papan Utama

Jenis Papan	Harga	Bahasa Pengaturcaraan	Pemproses	Flash Memory	Kebolehfungsian
Arduino ESP 8266	RM 40	Bahasa Pengaturcaraan Arduino	None	512 kb	Perlu tambahan microcontroller
Genuino MKR1000	RM 200	Bahasa Pengaturcaraan Arduino	None	256 kb	Standalone
NodeMCU ESP8266	RM 35	LUA Script, Bahasa Pengaturcaraan Arduino	Tensilica Xtensa LX106	4 Mb	Standalone

Dalam Fasa Rekabentuk, aturcara program dan susun atur perkakasan direka berdasarkan objektif pembelajaran yang telah ditetapkan. Pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman diadaptasikan dalam rekabentuk Kit Pembelajaran IoT.



Rajah 1. Rekabentuk Kit Pembelajaran IoT

Dalam Fasa Pembangunan, aturcara dan susun atur perkakasan disediakan berdasarkan rekabentuk yang telah ditetapkan. Satu tutorial bercetak berkaitan aturcara dan susun atur perkakasan dibangunkan untuk rujukan pengguna. Satu borang soal selidik dibangunkan untuk menguji kebolehfungsian produk. Borang soal selidik diadaptasi daripada (Sharifah Nadiyah, Faaizah, Mohd Hafiez, & Helmi Adly, 2017).



rajah 2. Kit Pembelajaran IoT

Di peringkat Fasa Pelaksanaan, Kit Pembelajaran IoT dan borang soal selidik yang dibangunkan disemak dan disahkan oleh tiga pakar bidang. Menurut (Gay & Airasian, 2003), semakan dan pengesahan pakar diperlukan untuk memastikan instrumen yang dibangunkan memenuhi objektif yang telah ditetapkan. Seterusnya, kajian rintis ke atas 30 pelajar dijalankan bagi menguji kebolehpercayaan borang soal selidik yang dibangunkan. Dalam Fasa Pengujian, dapata kajian rintis dianalisis menggunakan perisian SPSS ver 23. Keputusan menunjukkan nilai pekali Alpha Cronbach adalah 0.935. (Zikmund & Babin, 2010) menunjukkan bahawa soal selidik mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi jika Alpha Cronbach berada di atas 0.80. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa konsistensi dalaman data dicapai.

Fasa 3: Implementasi dan Penilaian

Fasa terakhir kajian adalah fasa Implentasi dan Penilaian. Responden terlibat merupakan peserta yang menyertai Kursus Asas IoT yang tidak mempunyai kemahiran elektrik. Pemilihan responden adalah berdasarkan teknik persampelan bertujuan. Menurut (Denscombe, 2010), teknik persampelan bertujuan adalah cara terbaik untuk mendapatkan maklumat kerana dengan memilih responden yang berpengalaman dapat memberikan maklumat yang berkualiti dan pandangan yang berharga terhadap kajian. Borang soal selidik diedarkan kepada semua peserta selepas tamat kursus. Dapatan soal selidik dianalisis menggunakan perisian SPSS ver 3 dan nilai skor min yang diperolehi diinterpretasikan berdasarkan jadual interpretasi (Huang & Hew, 2016).

Jadual 2

Tahap Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
0.00 – 1.66	Rendah
1.67 – 3.33	Sederhana
3.34 – 5.00	Tinggi

Dapatan dan Perbincangan

Bahagian ini membentangkan penemuan berdasarkan fokus kajian ini, iaitu untuk mengesahkan Kit Pembelajaran IoT yang dibangunkan memenuhi jangkauan pengguna.

Jadual 3

Jadual Min Skor dan Tahap Penerimaan

Kit Pembelajaran IoT adalah	Skor Min	Tahap Penerimaan
1 mudah digunakan	4.17	Tinggi
2 mudah difahami	4.30	Tinggi
3 menjadikan pembelajaran lebih menarik	4.40	Tinggi
4 meningkatkan motivasi belajar	4.53	Tinggi
5 mudah untuk dikonfigurasi	4.67	Tinggi
6 mudah untuk dicapai	4.38	Tinggi
7 boleh dicapai dari luar kawasan	4.28	Tinggi
8 tiada masalah semasa membuat capaian internet	3.97	Tinggi
9 capaian stabil semasa digunakan	4.00	Tinggi
Secara keseluruhannya, Kit Pembelajaran IoT membolehkan saya membuat sambungan teknologi IoT kepada perkakasan elektrik sebenar	4.03	Tinggi

Berdasarkan Jadual 3, dapatan menunjukkan kesemua 10 item adalah pada tahap penerimaan yang tinggi. Item 4 (Kit Pembelajaran IoT adalah mudah untuk dikonfigurasi) memperoleh nilai min yang paling tinggi iaitu 4.67. Manakala item 8 (Kit pembelajaran IoT adalah tiada masalah semasa membuat capaian) memperoleh min skor paling rendah iaitu 3.97. Ini disebabkan liputan rangkaian internet yang digunakan. Setiap peserta mengguna 3 perkakasan yang dihubungkan secara Internet (komputer, telefon pintar dan nodeMCU). Secara keseluruhan terdapat 90 perkakasan yang membuat rangkaian ke Internet menyebabkan berlaku kesesakan trafik rangkaian.

Kesimpulan dan Cadangan

Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap penerimaan pengguna terhadap pembangunan Kit Pembelajaran IoT. Analisis dapatan menunjukkan kesemua 10 item adalah pada tahap penerimaan yang tinggi. Ini menunjukkan kesemua peserta Kursus Asas IoT bersetuju bahawa pembangunan Kit Pembelajaran IoT membolehkan mereka mengintegrasikan teknologi ke dalam peralatan elektrik. Penggunaan Kit Pembelajaran IoT diharap dapat meningkatkan kefahaman peserta dalam mengintegrasikan teknologi perkakasan ke arah dunia digital berasaskan Internet. Namun begitu, terdapat beberapa kekangan dalam kajian ini yang mana perlu dijalankan kajian lebih lanjut. Antaranya, kajian ini hanya dijalankan keatas 30 responden sahaja, disarankan agar penyelidikan lanjut dilakukan untuk sampel yang lebih besar, bagi membolehkan hasil dapatan dapat digeneralisasikan. Selain itu, jalankan sesi temubual kepada kumpulan berfokus untuk mendapatkan maklum balas dalam menambahbaik kit ini. Seterusnya, perbandingan boleh dibuat diantara peserta yang mempunyai kemahiran elektrik dengan peserta yang tidak mempunyai kemahiran elektrik.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau secara tidak langsung dalam membangunkan Kit Pembelajaran IoT. Tidak lupa kepada semua responden kajian yang memberi kerjasama semasa kajian dijalankan. Terima kasih juga diucapkan kepada pihak institusi (Kolej Komuniti Bukit Beruang dan Kolej Komuniti Selandar) diatas sokongan dalam menjayakan kajian ini.

Rujukan

- Best, J. W., & Kahn, J. V. (1998). *Research In Education*. United State of America: A Viacom Company.
- Denscombe, M. (2010). *The Good Research Guide: For Small-Scale Social Research Projects: for small-scale social research projects*.
- Ericsson. (2011). *More than 50 Billion Connected Devices - Taking Connected Devices to Mass Market and Profitability*.
- Gaikwad, P. P., Gabhane, J. P., & Golait, S. S. (2015). A survey based on Smart Homes system using Internet-of-Things. *4th IEEE Sponsored International Conference on Computation of Power, Energy, Information and Communication, ICCPEIC 2015*, 330–335. <https://doi.org/10.1109/ICCPEIC.2015.7259486>
- Gay, D., & Airasian. (2003). The Rating Scale Model. In *Linden W. J. & Hambleton R. K.: Handbook of Modern Item Response Theory* (p. Chapter 4, 67-148). Springer-Verlag: New-York.
- Gupta, A., Gupta, P., & Chhabra, J. (2015). IoT based Power Efficient System Design using Automation for Classroom. *2015 Third International Conference on Image Information Processing*, 285–289.
- Hoffman, E. S. (2013). Beyond The Flipped Classroom: Redesigning A Research Methods Course For e3 Instruction. *Contemporary Issues in Education Research (CIER)*, 7(1), 51.
- Kusmin, M., Saar, M., & Laanpere, M. (2018). Smart schoolhouse-designing IoT study kits for project-based learning in STEM subjects. *IEEE Global Engineering Education Conference, EDUCON, 2018-April(April)*, 1514–1517.
- Lyzhin, I., Efremov, S., Rolich, A., Voskov, L., & Abrameshin, D. (2019). Development of an Educational Kit for Learning IoT. *Journal of Physics: Conference Series*, 1163.
- Mohd Hafiez, A., & Sharifah Nadiyah, R. (2020). Menilai Keberkesanan Integrasi Aplikasi Augmented Reality dalam Modul Interaktif Internet of Things. *National Teaching and Learning Conference*.
- Mohd Hafiez, A., Sharifah Nadiyah, R., & Raja Norhafiza, R. R. (2019). Integration of Augmented Reality Application for Interactive Internet of Things Module. *1st International E-Learning Carnival and Conference*. Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
- Morrison, G. R. (2010). *Designing Effective Instruction* (6th Editio). New York: John Wiley & Sons.
- Pantilimonescu, F., Hanganu, L. C., Peptanariu, M., Grigoras, S., Ionescu, I., Potop, G. L., ... Hanganu, S. C. (2014). Modular Student Learning Kit For Internet Of Things. *Applied Mechanics and Materials*, 659, 601–606.
- Roy, W., Bill, N. S., & Scott, J. (2015, January). Enabling the Internet of Things. *IEEE Computer Society*, 28–35.
- Sallabas, M. E. (2013). Analysis of narrative texts in secondary school textbooks in terms of values education. *African Journal of Business Education*, 1(3), 59–63.
- Sharifah Nadiyah, R., Faaizah, S., Mohd Hafiez, A., & Helmi Adly, M. N. (2017). Integrating learning management system with facebook function: The effect on perception towards online project based collaborative learning. *International Journal on Advanced Science, Engineering and Information Technology*, 7(3).
- Sharifah Nadiyah, R., & Hafiez, Mohd, A. (2020). Menilai Keberkesanan Pendekatan Flipped Classroom dalam Modul Baik Pulih dan Selenggaraan Komputer. *National Teaching and Learning Conference*.
- Zikmund, W. G., & Babin, B. J. (2010). *Essentials of Marketing Research* (4th editio). Australia: South-Western.

KESAN PEMBANGUNAN MODUL IAR-IOT TERHADAP PENCAPAIAN, PEMBELAJARAN KENDIRI DAN PERSEPSI PESERTA

Sharifah Nadiyah Razali dan Mohd Hafiez Ahmad

Abstrak

Internet of Things (IoT) merupakan salah satu isu yang kerap dibincangkan dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional. Kesukaran mencari para profesional berpengalaman dalam bidang IoT telah menyebabkan IoT diperkenalkan dalam bidang pendidikan dengan menerapkannya dalam kurikulum sekolah dan Institut Pengajian Tinggi. Dalam Bengkel Asas IoT peserta dibekalkan dengan nota edaran bercetak bagi memudahkan proses pemasangan dan pengujian. Penggunaan teks yang terlalu banyak telah mengelirukan dan menyebabkan motivasi peserta menurun. *Augmented Reality* (AR) dilihat sebagai potensi terbesar dalam merealisasikan pendekatan pembelajaran yang berkesan untuk peserta memperoleh kemahiran asas yang diperlukan dalam tempoh yang singkat. Oleh itu, integrasi teknologi *Augmented Reality* dalam modul *Internet of Things* (iAR-IOT) dicadangkan. Kajian ini bertujuan untuk menilai kesan pembangunan modul iAR-IOT terhadap pencapaian, pembelajaran sendiri dan persepsi peserta. Rekabentuk kajian kuasi-eksperimen dengan ujian pra dan pasca digunakan dalam kajian ini. Responden terdiri 20 responden kumpulan kawalan dan 20 responden kumpulan rawatan. Bagi menilai keberkesanan modul iAR-IOT, tiga instrumen digunakan iaitu rubrik pemarkahan bagi ujian pra dan pasca, borang pemerhatian dan borang soal selidik. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian SPSS ver 23. Data daripada rubrik pemarkahan dianalisis secara inferensi menggunakan ujian-T menunjukkan berlaku peningkatan pencapaian yang lebih tinggi bagi peserta kumpulan rawatan berbanding peserta kumpulan kawalan dari kemahiran membaca gambarajah litar dan kemahiran membuat pemasangan litar. Data daripada borang pemerhatian dianalisis secara deskriptif menggunakan carta bar menunjukkan berlaku peningkatan pembelajaran sendiri yang lebih tinggi bagi peserta kumpulan rawatan berbanding peserta kumpulan kawalan. Manakala data daripada borang soal selidik dianalisis secara deskriptif menggunakan min skor memberikan persepsi yang positif terhadap penggunaan modul iAR-IOT. Diharapkan pengintegrasian teknologi AR dalam pendidikan memberikan manfaat bukan sahaja kepada pelajar, malah kepada pendidik.

Kata Kunci: Modul *Internet of Things*, *Augmented Reality*, Kuasi Eksperimen

Pengenalan

Revolusi Industri 4.0 telah membawa perubahan besar kepada semua sektor kearah dunia digital. Sektor pendidikan antara bidang yang menerima impak perubahan ini. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memberikan penekanan kepada komponen utama kemajuan teknologi dalam pembelajaran seperti *Internet of Things* (IoT), keselamatan siber dan percetakan 3D bagi membantu menyiapkan pelajar dengan kemahiran dalam menghadapi Revolusi Industri 4.0 (Mohamad Izzuan, Wan Muhamad Faiz, & Yusri, 2020). IoT merupakan salah satu isu yang kerap dibincangkan dalam sektor pendidikan. Kesukaran mencari para profesional berpengalaman dalam bidang IoT telah menyebabkan IoT diperkenalkan dalam sektor pendidikan (Mrabet & Moussa, 2019). KPM telah mengambil inisiatif dengan menerapkan elemen IoT dalam bilik darjah agar sejajar dengan keperluan industri. Menurut bekas Menteri Pendidikan Malaysia, Dr. Maszlee Malik (Laporan Bernama, 2019), semakan semula Dasar Pendidikan Kebangsaan perlu dijalankan untuk meningkatkan kurikulum dan sistem pendidikan seiring dengan Revolusi Industri 4.0. Topik

berkaitan dengan IoT telah diperkenalkan kepada pelajar Sekolah Menengah melalui matapelajaran Rekabentuk Teknologi. Kurikulum Institut Pengajian Tinggi juga digubal dengan menerapkan elemen IoT kedalam matapelajaran yang sesuai.

Pernyataan Masalah

Kemahiran seperti pemasangan dan pengujian adalah sukar untuk dipelajari tanpa bantuan daripada tenaga pengajar atau pakar. Untuk itu, sebagai hub Pembelajaran Sepanjang Hayat, Kolej Komuniti Selandar (KKSLS) ada menganjurkan Bengkel Asas *Internet of Things* (IoT) yang dilaksanakan selama 8 jam. Modul ini dibangunkan dengan menggabungkan modul pengaturcaraan, rangkaian komputer, elektronik dan elektrik. Modul pengajaran bengkel terdiri daripada dua tutorial dan satu projek. Peserta dibekalkan dengan nota edaran bercetak bagi memudahkan proses pemasangan dan pengujian. Kebiasaannya, nota yang disediakan mengandungi maklumat yang umum dan tidak perlu mengenai prosedur pemasangan dan pengujian. Selain itu, langkah demi langkah yang diterangkan dalam bentuk teks yang banyak. Penggunaan teks yang terlalu banyak boleh mengelirukan dan ini boleh menyebabkan motivasi belajar menurun. Kekeliruan yang timbul boleh menyebabkan kesalahan berlaku semasa pemasangan dan pengujian dijalankan. Ini mengakibatkan masa pemasangan dan pengujian menjadi lebih panjang.

Kajian awal dilakukan terhadap 20 peserta Bengkel Asas *Internet of Things* melalui pemerhatian tenaga pengajar, tenaga pengajar pembantu dan urusetia dan juga temubual berfokus bersama peserta bengkel. Hasil pemerhatian mendapati 55% peserta gagal melaksanakan tutorial pada kali pertama. Selain itu, peserta sentiasa meminta bantuan daripada tenaga pengajar dan tenaga pengajar pembantu dalam melaksanakan tutorial yang disediakan. Temubual bersama peserta menunjukkan kesemua peserta yang gagal kali pertama merupakan peserta yang tiada asas untuk membaca litar dan membuat pemasangan litar. Maklumanbalas berkaitan nota edaran yang diedarkan mendapati, tiada sebarang elemen interaktif diterapkan serta penerangan yang disediakan dalam bentuk teks yang panjang. Berdasarkan kepada masalah seperti yang dinyatakan, satu pendekatan pembelajaran yang lebih berkesan perlu dibangunkan.

Objektif

Kajian ini bertujuan untuk menilai kesan pembangunan modul iAR-IOT terhadap pencapaian, pembelajaran sendiri dan persepsi peserta. Untuk menjawab objektif diatas, tiga persoalan kajian dibentuk:

- 1) Adakah terdapat perbezaan terhadap pencapaian peserta kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan?
- 2) Adakah terdapat perbezaan terhadap pembelajaran sendiri peserta kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan?
- 3) Apakah persepsi peserta kumpulan rawatan terhadap pembangunan modul iAR-IOT?

Kajian Literatur

Menurut (Mustafa Sirakaya, 2016), sukar untuk mempelajari kemahiran seperti pemasangan dan pengujian tanpa sebarang bantuan. Tanpa sebarang asas adalah sukar untuk membaca manual pemasangan dan pengujian yang disediakan. *Augmented Reality* (AR) dilihat sebagai potensi terbesar dalam merealisasikan pendekatan pembelajaran yang berkesan untuk peserta memperoleh kemahiran asas yang diperlukan dalam tempoh yang singkat. Terdapat banyak kajian terdahulu yang menunjukkan penggunaan AR dalam kelas dapat meningkatkan pencapaian akademik (Akçayır, Akçayır, Pektas, & Ocak, 2016; Estapa & Nadolny, 2015; Hung, Chen, & Huang, 2016; Mustafa; Sirakaya & Kilic Cakmak, 2018). Kajian dijalankan

dengan pelajar yang berbeza tahap pendidikan (pelajar sekolah, pelajar Institut Pengajian Tinggi dan Pendidik). Selain itu, pengintegrasian AR telah dapat meningkatkan pembelajaran sendiri pelajar (Iwata, Yamabe, & Nakajima, 2011; Martin-gutierrez, Guinters, & Perez-lopez, 2012; Mustafa; Sirakaya & Kilic Cakmak, 2018). AR juga dapat meningkatkan kebolegunaan dan motivasi pelajar. (Akçayır et al., 2016; Estapa & Nadolny, 2015; Grez, Valcke, & Roozen, 2012; Wojciechowski & Cellary, 2013). Oleh itu, integrasi teknologi *Augmented Reality* dalam modul *Internet of Things* (iAR-IOT) dicadangkan.

Metodologi

Rekabentuk kajian kuasi-eksperimen dengan ujian pra dan pasca digunakan dalam kajian ini. L. R. Gay, Mills, dan Airasian (2009), Koo, Md Zain, dan Mohamed Zainal (2012) dan Wiersma (1992) mendefinisikan rekabentuk kajian kuasi-eksperimen sebagai satu kaedah penyelidikan bagi menentukan hubungan sebab dan akibat dengan menguji hipotesis. Namun dapatan kajian berbentuk kuasi eksperimen tidak boleh digeneralisasikan. Kajian ini bertujuan untuk membandingkan hasil dapatan antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan melalui dua ujian iaitu ujian pra dan ujian pasca. Kajian oleh Sirakaya dan Cakmak (2018) menyatakan ujian pra dan pasca dapat meningkatkan kemungkinan setiap kumpulan adalah signifikan dari segi pembolehubah yang dikaji. Ujian pra digunakan untuk memastikan bahawa semua kumpulan adalah sama sebelum intervensi dijalankan manakala ujian pasca dijalankan untuk menilai keberkesanan intervensi yang digunakan.

Secara kebiasaanya rekabentuk kajian kuasi-eksperimen ini dilaksanakan dengan menggunakan responden rawak. Namun, dalam kajian ini, pemilihan responden secara rawak tidak dapat dilaksanakan kerana ia merupakan kursus pendek yang dihadiri oleh komuniti setempat dan dilaksanakan dalam tempoh satu hari. Pemilihan responden adalah berdasarkan teknik persampelan bertujuan. Menurut Denscombe (2010), teknik persampelan bertujuan adalah cara terbaik untuk mendapatkan maklumat kerana dengan memilih responden yang berpengalaman dapat memberikan maklumat yang berkualiti dan pandangan yang berharga terhadap kajian. Responden terdiri dua kumpulan peserta Bengkel Asas *Internet of Things* iaitu 20 responden kumpulan kawalan dan 20 responden kumpulan rawatan. Atas kekangan kesesakan trafik rangkaian Internet, peserta terpaksa dihadkan kepada 20 sahaja bagi setiap bengkel.

Kajian ini dilaksanakan berdasarkan model ADDIE yang meliputi fasa analisis, rekabentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian. Model ADDIE merupakan asas kepada model pengajaran dan pembelajaran selepasnya. Kajian terdahulu menunjukkan keberkesanan model ADDIE dalam membangunkan rancangan pengajaran dan bahan pembelajaran untuk membolehkan sesuatu pengajaran yang disampaikan menjadi lebih efektif dan efisien (Hoffman, 2013; Mohd Hafiez, Sharifah Nadiyah, & Raja Norhafiza, 2019; Sharifah Nadiyah & Faaizah, 2015).

Fasa 1: Analisis

Zaidatun (2002) menakrifkan fasa analisis termasuk analisis terhadap persekitaran pembelajaran, kumpulan sasaran, matlamat dan objektif pengajaran, rekabentuk pembelajaran dan strategi pembelajaran. Fasa ini penting dalam mengenalpasti input pemilihan untuk rekabentuk pengajaran dan pembelajaran. Pendekatan secara kualitatif melalui kaedah semakan dokumen turut dijalankan keatas kajian berkaitan pengintegrasian teknologi dalam pendidikan umumnya dan pengintegrasian teknologi *Augmented Reality* (AR) dalam pendidikan yang terkini bagi menetapkan penggunaan media dan model pembelajaran yang bersesuaian. Berdasarkan masalah yang dinyatakan, teknologi *Augmented Reality* diintegrasikan dalam modul *Internet of Things*.

Fasa 2: Rekabentuk

Modul iAR-IOT direkabentuk dalam fasa rekabentuk berdasarkan dapatan daripada fasa analisis. Pendekatan pembelajaran melalui pengalaman (Kolb, 1984) diadaptasi kedalam rekabentuk modul iAR-IOT. Model ini merupakan proses yang berlaku secara berterusan melalui pengalaman bagi meningkatkan kefahaman peserta. Kitaran bermula daripada pengalaman konkrit diikuti dengan pengumpulan data secara pemerhatian, pengembangkan data yang diperolehi kepada teori atau konsep dan membuat eksperimen secara aktif bagi mengukuhkan kefahaman. Dalam modul ini dua tutorial dan satu projek telah direkabentuk. Tutorial pertama adalah mengawal LED menggunakan laman sesawang. Tutorial kedua adalah mengawal LED menggunakan aplikasi Blynk. Dan akhirnya, pengukuhan kefahaman peserta dibuat melalui pembangunan projek yang memerlukan peserta membuat kawalan keatas lampu sebenar menggunakan laman sesawang dan aplikasi Blynk. Maklumbalas awal diperolehi daripada tiga pakar bagi memastikan rekaan modul adalah berdasarkan objektif yang telah ditetapkan.

Fasa 3: Pembangunan

Modul iAR-IOT dibangunkan dengan menggunakan perisian HP Reveal. Dalam setiap tutorial / projek, peserta dibekalkan panduan video pemasangan, kod aturcara program dan video output pemasangan. Bagi menilai keberkesanan modul iAR-IOT, tiga instrumen dibangunkan iaitu rubrik pemarkahan bagi ujian pra dan pasca, borang pemerhatian dan borang soal selidik. Kesemua instrumen yang digunapakai dalam kajian ini telah melalui proses semakan dan pengesahan oleh tiga orang pakar. Menurut Gay dan Airasian (2003), semakan dan pengesahan pakar diperlukan untuk memastikan instrumen yang dibangunkan memenuhi objektif yang telah ditetapkan. Selain itu, ujian rintis turut dijalankan ke atas 30 peserta bagi memastikan ketepatan dan konsistensi instrumen yang dibangunkan. Nilai pekali Alpha cronbach .941 diperolehi. Menurut Zikmund dan Babin (2010), nilai Alpha Cronbach yang diperolehi adalah sangat baik dan mempunyai tahap konsistensi yang tinggi.

Fasa 4: Implementasi

Dalam fasa implementasi, ujian pra dijalankan melalui pemerhatian tenaga pengajar pembantu keatas kedua-dua peserta kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan pada tutorial pertama menggunakan rubrik pemarkahan. Ini adalah untuk bagi memastikan peserta bagi setiap kumpulan adalah signifikan dari segi konstuk yang dikaji. Kumpulan kawalan mengikuti bengkel seperti biasa dengan menggunakan modul asal. Manakala kumpulan rawatan mengikuti bengkel menggunakan modul iAR-IOT. Kedua-dua bengkel menggunakan tenaga pengajar utama, tenaga pengajar pembantu dan urusetia yang sama bagi memastikan bias tidak berlaku. Sepanjang bengkel berjalan, pemerhatian dijalankan oleh urusetia bengkel menggunakan borang pemerhatian berstruktur bagi merekodkan tingkahlaku peserta. Ujian pasca dijalankan oleh tenaga pengajar pembantu semasa peserta menjalankan projek untuk melihat keberkesanan intervensi modul iAR-IOT. Selepas bengkel tamat, satu set borang soal selidik diedarkan kepada peserta kumpulan rawatan bagi menilai persepsi peserta terhadap modul iAR-IOT.

Fasa 5: Pengujian

Fasa penilaian merupakan fasa terakhir dalam model ADDIE. Dalam fasa penilaian, semua data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian SPSS ver 23. Data daripada rubrik pemarkahan dianalisis secara inferensi menggunakan ujian-T untuk membandingkan tahap

penguasaan peserta bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Analisis deskriptif menggunakan carta bar dilakukan keatas data daripada borang pemerhatian untuk membandingkan tingkahlaku peserta kumpulan kawalan dan peserta kumpulan rawatan, manakala analisis deskriptif menggunakan min skor dilakukan ke atas data daripada borang soal selidik untuk menilai persepsi peserta kumpulan rawatan terhadap modul iAR-IOT. Semua hasil dapatan dibincangkan dalam bahagian dapatan dan perbincangan.

Dapatan dan Perbincangan

Bahagian ini membenteng penemuan berdasarkan objektif kajian iaitu untuk menilai kesan pembangunan modul iAR-IOT terhadap pencapaian, pembelajaran sendiri dan persepsi peserta.

Dapatan 1: Pencapaian Peserta

Kesan pembangunan modul iAR-IOT terhadap pencapai peserta diperoleh menggunakan rubrik pemarkahan. Data yang diperoleh dianalisis secara inferen menggunakan ujian-T terhadap empat konstruk iaitu kemahiran membaca gambarajah litar, kemahiran membuat pemasangan litar, kemahiran memuat aturcara program dan kemahiran menguji pemasangan litar.

Jadual 1

Analisis Ujian-T (Ujian Pra)

Kumpulan	n	Skor Min	s.d	t	p
Kawalan	20	5.75	1.83	0.00	1.00
Rawatan	20	5.75	1.83		

Untuk menentukan tahap kemahiran awal peserta kumpulan kawalan dan peserta kumpulan rawatan, analisis ujian-T dijalankan keatas skor ujian pra. Keputusan seperti Jadual 1 mendedahkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor ujian pra peserta kumpulan kawalan dan peserta kumpulan rawatan [$t = 0.00$, $p > .05$].

Jadual 2

Analisis Ujian-T (Ujian Pasca)

Kumpulan	n	Skor Min	s.d	t	p
Kawalan	20	9.75	1.83	-10.27	.00
Rawatan	20	14.90	1.29		

Jadual 2 menunjukkan analisis ujian-T dilakukan keatas skor ujian pasca untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara skor ujian pasca kedua kumpulan. Keputusan ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan [$t = -10.27$, $p < .05$]. Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa modul iAR-IOT mempunyai kesan positif terhadap peserta kumpulan rawatan.

Jadual 3


Ujian-T mengikut Konstruk

Konstruk		Kumpulan	n	Skor Min	s.d	t	p
Membaca Litar	Gambarajah	Kawalan	20	2.50	.51	-8.85	0.02
		Rawatan	20	3.80	.41		
Membuat Litar	Pemasangan	Kawalan	20	2.50	.51	-8.85	.02
		Rawatan	20	3.80	.41		
Muatnaik Program	Aturcara	Kawalan	20	2.25	.44	-10.68	1.00
		Rawatan	20	3.75	.44		
Menguji Pemasangan Litar		Kawalan	20	2.50	.51	-6.49	.66
		Rawatan	20	3.55	.51		

Seterusnya, ujian lebih terperinci dijalankan keatas semua konstruk (rujuk Jadual 3). Nilai p bagi dua konstruk iaitu kemahiran memuatnaik aturcara program [$t = -10.68$, $p > .05$] dan kemahiran menguji pemasangan litar [$t = -6.49$, $p > .05$] ialah lebih besar dari .05. Ini menunjukkan peserta dari tiada perbezaan yang signifikan diantara kedua-dua kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dari aspek kemahiran memuatnaik aturcara program dan kemahiran menguji pemasangan litar.

Namun begitu, terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan bagi konstruk kemahiran membaca gambarajah litar [$t = -8.85$, $p < .05$] dan kemahiran membuat pemasangan litar [$t = -8.85$, $p < .05$]. Skor min kumpulan rawatan (min = 3.80) adalah lebih tinggi dari kumpulan kawalan (min = 2.50) bagi konstruk kemahiran membaca gambarajah litar. Manakala bagi konstruk kemahiran membuat pemasangan litar, skor min kumpulan rawatan juga (min = 3.80) adalah lebih tinggi dari kumpulan kawalan (min = 2.50).

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pengintegrasian teknologi *Augemented Reality* dalam modul *Internet of Things* (iAR-IOT) dapat meningkatkan pencapaian peserta. Teknologi AR telah membantu peserta dalam menjelaskan proses pemasangan dan pengujian. Dapatan ini turut disokong oleh beberapa kajian terdahulu seperti Akçayır, Akçayır, Pektaş, dan Ocak (2016), Estapa dan Nadolny (2015), Hung, Chen, dan Huang (2016) dan Sirakaya dan Cakmak (2018). Mereka mendapati AR dapat membantu dalam menjelaskan proses, bantuan simulasi yang boleh menarik pengguna, menerangkan perkara dengan jelas, menjelaskan konsep ruang dan sesuai sebagai penggantian eksperimen.

Dapatan 2: Pembelajaran Kendiri Peserta

Rajah 1. Dapatan Borang Pemerhatian

Kesan pembangunan modul iAR-IOT terhadap pembelajaran sendiri peserta diperoleh menggunakan borang pemerhatian. Sepanjang bengkel berlangsung, urusetia bertugas akan merekodkan tingkahlaku peserta dalam menyelesaikan kesemua tutorial dan projek berdasarkan kekerapan peserta memohon bantuan tenaga pengajar atau tenaga pengajar pembantu. Dapatan dianalisis secara deskriptif mengguna carta bar. Gambarajah 1 menunjukkan berlakunya penurunan kekerapan peserta memohon bantuan tenaga pengajar atau tenaga pengajar pembantu dari tutorial pertama, tutorial kedua dan projek bagi peserta kedua-dua kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Namun, penurunan kekerapan adalah lebih tinggi pada peserta kumpulan rawatan berbanding peserta kumpulan kawalan. Dapat disimpulkan bahawa pengintegrasian teknologi *Augmented Reality* dalam modul *Internet of Things* (iAR-IOT) dapat meningkatkan pembelajaran sendiri peserta. Dapatan ini turut disokong oleh kajian terdahulu seperti Iwata, Yamabe, dan Nakajima (2011), Martin-gutierrez, Guinters, & Perez-lopez (2012) dan Sirakaya dan Cakmak (2018). Mereka berpendapat teknologi AR dapat memberi gambaran yang lebih baik dalam proses pengajaran dan pembelajaran seterusnya ia dapat menyokong pembelajaran sendiri pelajar. Dengan adanya modul iAR-IOT, peserta dapat mempelajari langkah pemasangan dan pengujian secara langsung tanpa meminta bantuan dari tenaga pengajar atau tenaga pengajar pembantu. Selain itu, peserta juga boleh membuat latihan berulang kali dengan merujuk kepada video yang disertakan.

Dapatan 3: Persepsi Peserta

Jadual 4

Dapatan Borang Soal Selidik

Modul iAR-IOT		Skor Min	Tahap Persetujuan
1	mudah digunakan	4.80	Tinggi
2	adalah berguna untuk memahami kandungannya	4.10	Tinggi
3	adalah mendorong pembelajaran	4.80	Tinggi
4	adalah lebih menarik untuk pelajar mempelajari mata pelajaran teknikal baru	4.25	Tinggi
5	adalah berguna untuk memahami kandungan tanpa petunjuk guru	4.30	Tinggi
6	adalah berguna untuk mengulangkaji kandungan secara sendiri	4.80	Tinggi

7	boleh digunakan untuk mengulangi aktiviti yang dilakukan di bilik darjah untuk diri saya sebagai kerja rumah	3.95	Tinggi
8	adalah berguna untuk memuat turun kod sumber tutorial	3.70	Tinggi
9	adalah berguna untuk melihat pemasangan tutorial	4.10	Tinggi
10	adalah berguna untuk melihat output tutorial	4.05	Tinggi

Kesan pembangunan modul iAR-IOT terhadap persepsi peserta diperoleh menggunakan borang soal selidik. Selepas tamat bengkel, sat set borang soal selidik diedarkan kepada peserta kumpulan rawatan. Data daripada borang soal selidik dianalisis secara deskriptif menggunakan skor min. Nilai skor min yang diperoleh diinterpretasikan mengikut jadual intepretasi skor min (Asuncion & Galita, 2015). Jadual 4 menunjukkan kesemua 10 item adalah pada tahap persetujuan yang tinggi iaitu diantara skor min 3.70 – 4.80 dengan item pertama (mudah digunakan), item ketiga (mendorong pembelajaran) dan item keenam (adalah berguna untuk mengulangkaji kandungan secara sendiri) memperoleh nilai skor min yang paling tinggi iaitu 4.80. Manakala item kelapan (adalah berguna untuk memuat turun kod sumber tutorial) memperoleh nilai skor min terendah iaitu 3.70. Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa peserta kumpulan rawatan memberi pesepsi yang positif terhadap modul iAR-IOT. Dapatan ini seiring dengan penemuan kajian oleh (Akçayır et al., 2016; Estapa & Nadolny, 2015; Grez, Valcke, & Roozen, 2012; Wojciechowski & Cellary, 2013) iaitu teknologi AR dapat memberikan gambaran yang lebih baik seterusnya dapat meningkatkan kebolehgunaan dan motivasi belajar.

Kesimpulan dan Cadangan

Kajian ini membentangkan laporan mengenai kesan pembangunan modul iAR-IOT terhadap pencapaian, pembelajaran sendiri dan persepsi peserta Bengkel Asas *Internet of Things* anjuran Kolej Komuniti Selandar. Analisis dapatan menunjukkan berlaku peningkatan pencapaian yang lebih tinggi bagi peserta kumpulan rawatan berbanding peserta kumpulan kawalan dari kemahiran membaca gambarajah litar dan kemahiran membuat pemasangan litar. Dengan adanya modul iAR-IOT, berlaku peningkatan pembelajaran sendiri yang lebih tinggi bagi peserta kumpulan rawatan berbanding peserta kumpulan kawalan. Peserta kumpulan rawatan turut memberikan persepsi yang positif terhadap penggunaan modul iAR-IOT dalam Bengkel Asas IoT.

Namun begitu, kajian lanjut boleh dilakukan bagi meningkatkan lagi keberkesanan pengintegrasian teknologi *Augmented Reality* dalam modul *Internet of Things* seperti:

- i. Telah disimpulkan bahawa modul iAR-IOT telah meningkatkan pencapai peserta. Namun, rekabentuk kajian kuasi eksperimen telah mengakibatkan dapatan tidak dapat digeneralisasikan. Oleh itu, kajian rekabentuk eksperimen ujian pra dan pasca bagi tiga kumpulan berbeza dicadangkan bagi membolehkan dapatan keberkesanan modul iAR-IOT dapat digeneralisasikan.
- ii. Kajian terhadap sampel yang berbeza tahap pendidikan jurusan pengajian juga boleh dijalankan bagi membolehkan modul iAR-IOT digunapakai secara meluas.
- iii. Peningkatan pembelajaran sendiri berlaku pada peserta bagi kedua-dua kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dimana peningkatan lebih tinggi bagi kumpulan rawatan. Sesis temubual berfokus boleh dijalankan untuk mendapatkan maklumbalas yang lebih terperinci dalam menambahbaik modul iAR-IOT.

Diharapkan pengintegrasian teknologi AR dalam pendidikan memberikan manfaat bukan sahaja kepada pelajar, malah kepada pendidik.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau secara tidak langsung dalam membangunkan modul iAR-IOT. Tidak lupa kepada semua responden kajian yang memberi kerjasama semasa kajian dijalankan. Terima kasih juga diucapkan kepada pihak institusi (Kolej Komuniti Selandar dan Kolej Komuniti Bukit Beruang) diatas sokongan dalam menjayakan kajian ini.

Rujukan

- Akçayır, M., Akçayır, G., Pektaş, H. M., & Ocak, M. A. (2016). Computers in Human Behavior Augmented reality in science laboratories : The effects of augmented reality on university students ' laboratory skills and attitudes toward science laboratories. *Computer in Human Behavior*, 57, 334–342.
- Asuncion, R. B., & Galita, W. M. (2015). Development of an Electric Tri-Wheel Scooter. *OALib*, 02(06), 1–7. <https://doi.org/10.4236/oalib.1101558>
- Denscombe, M. (2010). *The Good Research Guide: For Small-Scale Social Research Projects: for small-scale social research projects*.
- Estapa, A., & Nadolny, L. (2015). The Effect of an Augmented Reality Enhanced Mathematics Lesson on Student Achievement and Motivation. *Journal of STEM Education*, 16(3), 40–48.
- Gay, D., & Airasian. (2003). The Rating Scale Model. In *Linden W. J. & Hambleton R. K.: Handbook of Modern Item Response Theory* (p. Chapter 4, 67-148). Springer-Verlag: New-York.
- Gay, L. R., Mills, G. E., & Airasian, P. (2009). *Educational Research: Competencies for Analysis and Application (9th ed.): Pearson Education International*.
- Grež, L. De, Valcke, M., & Roozen, I. (2012). How effective are self- and peer assessment of oral presentation skills compared to teachers' assessments? *Active Learning in Higher Education*, 13(2), 129–142.
- Hoffman, E. S. (2013). Beyond The Flipped Classroom: Redesigning A Research Methods Course For e3 Instruction. *Contemporary Issues in Education Research (CIER)*, 7(1), 51.
- Hung, Y., Chen, C., & Huang, S. (2016). Applying augmented reality to enhance learning : a study of different teaching materials. *Journal of Computer Assisted Learning*, 1–15.
- Iwata, T., Yamabe, T., & Nakajima, T. (2011). Augmented Reality Go : Extending Traditional Game Play with Interactive Self-Learning Support. *17th IEEE International Conference on Embedded and Real-Time Computing Systems and Applications Augmented*, 105–114. <https://doi.org/10.1109/RTCSA.2011.43>
- Kolb, D. (1984). *Experiential learning: Experience as the source of learning and development* (E. Cliffs, Ed.). Prentice-Hall.
- Koo, K. E., Md Zain, A. N., & Mohamed Zainal, S. R. (2012). Integration of Behaviour-Based Safety Programme into Engineering Laboratories and Workshops Conceptually. *International Education Studies*, 5(2), 88–104. <https://doi.org/10.5539/ies.v5n2p88>
- Laporan Bernama. (2019). Guru Perlu Bersedia Tempuh Cabaran Revolusi Industri. *Berita Harian*.
- Martin-gutierrez, J., Guinters, E., & Perez-lopez, D. (2012). Improving strategy of self-learning in engineering : laboratories with augmented reality. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 51, 832–839.
- Mohamad Izzuan, M. I., Wan Muhamad Faiz, W. D., & Yusri, K. (2020). Practices and Planning of Ministries and Institutions of Technical and Vocational Educational Training (TVET) in Facing the Industrial Revolution 4.0 (IR 4.0). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(3), 47–50.
- Mohd Hafiez, A., Sharifah Nadiyah, R., & Raja Norhafiza, R. R. (2019). Integration of Augmented Reality Application for Interactive Internet of Things Module. *1st International E-Learning Carnival and Conference*. Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
- Mrabet, H. El, & Moussa, A. A. (2019). Smart School Guidance and Vocational Guidance System Through the Internet of Things. *Proceedings of the 2nd International Conference on Networking, Information Systems & Security*, Article 70.
- Sharifah Nadiyah, R., & Faaizah, S. (2015). The Development of Online Project Based Collaborative Learning Using ADDIE Model. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 195, 1803–1812.
- Sirakaya, Mustafa, & Kilic Cakmak, E. (2018). Effects of Augmented Reality on Student Achievement and Self-Efficacy in Vocational Education and Training. *International Journal for Research in Vocational Education and Training*, 5(1), 1–18.
- Sirakaya, Mustafa. (2016). Use of augmented reality in applied training: Motherboard assembly. *Journal of Kirsehir Education Faculty*, 17(3), 301–316.
- Wiersma, W. (1992). *Research Methods in Education: An introduction (6th ed.): Ally and Bacon*.
- Wojciechowski, R., & Cellary, W. (2013). Evaluation of learners ' attitude toward learning in ARIES

augmented reality environments. *Computer & Education*, 68, 570–585.

Zaidatun, T. (2002). *Pembinaan dan Penilaian Keberkesanan Perisian Multimedia Interaktif Matematik Berasaskan Kecerdasan Pelbagai*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Zikmund, W. G., & Babin, B. J. (2010). *Essentials of Marketing Research* (4th editio). Australia: South-Western.

GELAGAT PENGGUNAAN CIDOS DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI POLITEKNIK SABAH

Mohd Nazrulhisham Mohd Amin dan Dicky Wiwittan Toto Ngadiman

Abstrak

Sehingga kini banyak kaedah baru seperti CIDOS banyak digunakan untuk memastikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan baik dan berkesan di samping memudahkan membantu dalam pengurusan inventori dokumen kurikulum, pengajaran dan pembelajaran, dan perkongsian pengetahuan. Kajian perlu dijalankan ke atas pelajar untuk melihat tahap penerimaan mereka terhadap aplikasi ini. Oleh itu kajian ini dijalankan untuk melihat gelagat pelajar terhadap penggunaan CIDOS dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di Politeknik Sabah. Borang soal selidik digunakan untuk mengambil data daripada responden dan kemudiannya dianalisis menggunakan perisian SPSS untuk analisis deskriptif. Hasil kajian mendapati masih terdapat segelintir pelajar yang masih belum dapat menggunakan CIDOS dalam pembelajaran mereka. Kajian ini dapat membantu pihak pengurusan Politeknik untuk menambah baik sistem ini bagi memastikan penerimaan dalam kalangan pelajar.

Kata Kunci: Gelagat, CIDOS & Politeknik

Pendahuluan

CIDOS adalah penyelesaian berasaskan web yang direka khusus untuk kawalan cekap dan berkesan ke atas inventori dokumen kurikulum, pengajaran dan pembelajaran, dan perkongsian pengetahuan. Ia adalah alat yang menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran melalui Internet antara pensyarah dan pelajar. CIDOS akan membantu mencapai dokumen kurikulum, bahan akses pengajaran dan pembelajaran bila-bila masa dan di mana sahaja melalui sambungan internet, melibatkan gaya pembelajaran yang berbeza dan persekitaran pendidikan yang unik, kerjasama dan interaktiviti yang lebih baik di kalangan rakan dan pensyarah serta dapat memantau kemajuan pembelajaran anda dengan berkesan.¹

Banyak kajian yang dijalankan berkaitan dengan pembelajaran interaktif dan secara online. Antara faktor yang mempengaruhi penerimaan pembelajaran secara interaktif atau online adalah jangkakan mudah guna sesuatu aplikasi. Kajian yang dijalankan oleh Yusoff, Mahpol & Saad (2019) terhadap penggunaan kahoot! dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran mendapati jangkakan kebergunaan aplikasi Kahoot! mempengaruhi niat untuk menggunakan aplikasi tersebut dalam pembelajaran bahasa Arab di UiTM Cawangan Kelantan. Faktor yang mempengaruhi penerimaan sesuatu aplikasi adalah berbeza mengikut negeri dan institusi disebabkan pelbagai faktor seperti capaian internet, persepsi, sikap dan lain-lain lagi. Seperti yang dilaporkan dalam laporan Daily Express bertarikh 27 Ogos 2019, kerajaan negeri mencadangkan supaya perkhidmatan Internet di negeri ini harus ditambah baik untuk memastikan penyampaian maklumat lebih menyeluruh (Ricardo Unto, 2019). Justeru kajian ini dijalankan untuk melihat gelagat pelajar Politeknik Kota Kinabalu, Sabah terhadap penggunaan CIDOS dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

¹ <http://cidos2poli.blogspot.com/2013/09/what-is-cidos.html>

Sorotan Kajian

Teknologi pembelajaran berkembang dari masa ke masa, ia sering memerlukan paradigma baru untuk kekal relevan dengan sistem pendidikan (Ismail et al. 2014). Tahap pendidikan yang baik perlu mempertimbangkan keserasian penggunaan teknologi untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Satu contoh metodologi pembelajaran campuran adalah gabungan bahan berasaskan teknologi dan sesi bersemuka untuk menyajikan kandungan pembelajaran (Cowie & Nichols, 2010). Institusi pendidikan tinggi teknik telah memperkenalkan Sistem Pengurusan Pembelajaran Sistem Maklumat Sistem Maklumat Curriculum (CIDOS LMS) untuk pendidik dan pelajar Politeknik Malaysia untuk memudahkan reka bentuk sistem pengajaran, memupuk makna pembelajaran dan mengoptimumkan konsistensi dalam penggunaannya. Kajian Ismail *et al.* (2017), mengkaji hubungan antara peranan kesesuaian di kalangan pelajar kejuruteraan sarjana dan konsistensi penggunaan, serta pelaksanaan pembelajaran berasaskan permainan android (GBL). Menurut Ismail *et al.* (2017), Kajian terdahulu mempunyai perbezaan berdasarkan keserasian terhadap tingkah laku penggunaan teknologi dan mendapati perbezaan yang signifikan. Hasil dapatan analisis Ismail et al. (2017), yang mengambil seramai 100 orang pelajar teknikal siswazah di Politeknik Merlimau Melaka, menunjukkan bahawa peranan keserasian, khususnya dalam penggunaan CMS LMS, adalah sumber penting untuk memupuk konsistensi penggunaan di kalangan pelajar bidang kejuruteraan. Hasil tersebut menunjukkan bahawa pemboleh ubah keserasian mempunyai hubungan positif yang sederhana dengan pemboleh ubah konsisten.

Metodologi Kajian


Kajian ini adalah kajian kuantitatif berbentuk tinjauan. Lokasi kajian ini adalah di kawasan Sepangar di negeri Sabah. Seramai 152 pelajar Politeknik terlibat dalam kajian ini. Kaedah pungutan data adalah menggunakan teknik pensampelan random. Instrumen yang digunakan untuk memungut data adalah borang soal selidik. Item-item yang dalam borang selidik akan dianalisis menggunakan Perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) untuk menjalankan analisis deskriptif.

Hasil Kajian


Semua hasil analisis kajian ini ditunjukkan dalam bentuk carta. Carta pai menyajikan data sebagai gambaran mudah dan mudah difahami. Ia boleh menjadi alat komunikasi yang berkesan untuk memahami sesuatu perkara, kerana ia mewakili data secara visual sebagai bahagian pecahan keseluruhan. Pembaca atau penonton melihat perbandingan data sekilas, membolehkan mereka membuat analisa segera atau memahami maklumat dengan cepat.²

² <https://ms.busesemt.com/16-list-6715678-advantages-disadvantages-pie-chart1-69425>


a) **Demografi**




Rajah 1. Jantina responden



Rajah 2. Jabatan responden




Rajah 3. Semester responden




Rajah 4. Kediaman responden


b) Analisis Deskriptif




Rajah 5. Mudah guna



Rajah 6. Mengambil nota



Rajah 7. Menjimatkan masa



Rajah 8. Kelebihan CIDOS

Perbincangan Dan Kesimpulan

Hasil kajian mendapati masih terdapat segelintir pelajar yang tidak bersetuju terhadap item-item kajian. Senario ini menunjukkan bahawa masih terdapat kekangan segelintir pelajar yang mempunyai kekangan seperti talian internet, jenis telefon mudah alih, kefahaman mengenai CIDOS dan lain-lain. Namun, penggunaan CIDOS dalam pembelajaran secara majoritinya masih di tahap sederhana walaupun masih dianggap baru dan belum digunakan secara meluas. Penerimaan pelajar terhadap penggunaannya dalam proses pembelajaran bagi satu-satu subjek belum dibuktikan secara empirikal. Oleh yang demikian kajian lanjutan perlu dilihat lebih mendalam.

Secara kesimpulannya, pembelajaran secara bersemuka di dalam kelas dan bantuan teknologi dan aplikasi baru seperti CIDOS untuk pembelajaran luar kelas memainkan peranan yang penting dalam menjadikan pembelajaran menarik dan menyeronokkan. CIDOS seperti aplikasi Kahoot! (Yusoff et al. 2019) adalah merupakan di antara aplikasi yang dapat mewujudkan suasana pembelajaran secara interaktif yang berkesan dan menyeronokkan. Oleh itu, peranan institusi sendiri perlu memberi galakan dan menggalakkan pensyarah menggunakan secara lebih kerap dalam semua subjek agar pelajar akan menjadi biasa dan menyeronokkan.

Rujukan

- Cowie, P. & Nuchols, M.. (2010). The clash of cultures: Hybrid learning course development as management of tension. *Journal of Distance Education*, 24(1), 77–90.
- Ismail, N., Ali, W. W., Yunus, A. S. M., & Ayub, A. M. (2014). The effects of blended learning methods on educational achievement and the development of online material in a Curriculum Information Document Online System (CIDOS) for computer application courses. *Malaysian Journal of Distance Education*, 16(2), 59-82.
- Ismail, Norhafizah & Ayub, Ahmad Fauzi Mohd and Yunus, Aida Suraya Md and Jalil, Habibah Ab (2017) Utilising CIDOS LMS in technical higher education: the influence of compatibility roles on consistency of use. *Advanced Science Letters*, 23 (8). 7783-7787.
- Ricardo Unto. (2019). Perlu sambungan Internet lebih baik bagi Sabah. Published on: Tuesday, August 27, 2019. <http://www.dailyexpress.com.my/news/139910/perlu-sambungan-internet-lebih-baik-bagi-sabah/>

Yusoff, M. S. A., Mahpol, S., & Saad, M. L. M. (2019). Kesiediaan Pelajar Terhadap Penggunaan Aplikasi Kahoot! Dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 2(2), 35-50.

SIKAP REMAJA IPTA TERHADAP PERMAINAN DIGITAL: KAJIAN EMPIRIKAL DI POLITEKNIK SABAH

Mohd Nazrulhisham Mohd Amin dan Dicky Wiwittan Toto Ngadiman

Abstrak

Sehingga kini permainan digital atau online bukan sahaja mendapat sambutan dalam kalangan remaja, tetapi turut diminati oleh semua lapisan masyarakat tidak kira mengira umur. Dahulunya permainan online dikaitkan dengan remaja-remaja lepak dan menganggur. Tetapi kini mereka yang berkerjaya turut meminati permainan yang kini dianggap sebagai satu sukan yang menguntungkan. Lapisan yang perlu diberi perhatian ialah remaja di institusi pengajian tinggi yang sepatutnya perlu menghabiskan masa untuk belajar. Namun, didapati banyak pelajar menghabiskan masa dengan permainan ini kerana boleh menghasilkan pendapatan sampingan. Justeru kajian ini dijalankan untuk melihat gelagat mereka terhadap permainan digital online ini. Hasil kajian mendapati masih terdapat segelintir pelajar yang mempunyai sikap positif terhadap permainan digital online ini.

Kata Kunci: Sikap, Remaja, Sukan *Online*

Pendahuluan

Remaja IPTA di Malaysia tidak kurang hebatnya dalam permainan digital mudah alih. Menurut Omar (2017), permainan digital ini sudah sejak dari zaman kanak-kanak lagi kerana mereka sering melihat orang dewasa terlibat dalam pelbagai kegiatan melalui teknologi digital. Di samping itu, pemilikan telefon pintar merupakan langkah yang mendorong proses remaja untuk menjadi bebas daripada perhatian ibu bapa dan guru. Ini kerana kandungan aplikasi permainan sangat mengasyikkan dan membuat mereka teruja. Ditambah pula dengan teknologi komputer grafik yang dihasilkan di dalam permainan digital memiliki kesan visual yang sangat menarik minat remaja untuk menghabiskan lebih banyak masa di hadapan skrin untuk bermain permainan mudah alih kegemaran mereka (Omar, 2017). Ozcan & Buzlu (2007) menyatakan bahawa kegiatan internet pelajar yang berkaitan dengan akademik seperti carian maklumat pendidikan atau penyelidikan akademik telah menurun dan prestasi aktiviti Internet yang berkaitan dengan hiburan seperti berbual, memuat turun, permainan dalam talian, kandungan seksual dan mendengar muzik meningkat. Senario ini menunjukkan bahawa pelajar cenderung menggunakan Internet untuk tujuan tidak bermanfaat dan membazirkan banyak masa. Sementara itu, Young (1996) menyatakan bahawa para pelajar yang terlibat dengan penggunaan Internet yang berlebihan mempunyai motivasi yang kurang dalam tabiat belajar, menghadapi penurunan akademik yang signifikan, dan tidak banyak kelas dan diletakkan pada masa percubaan (Latif et al., 2017)

Sorotan Kajian

Andini (2019) menyatakan bahawa Teknologi internet memberikan kesan yang besar dan mendalam terhadap kehidupan manusia. Antara kesan yang paling banyak digemari daripada internet adalah hiburan seperti permainan online. Minat orang ramai terhadap permainan online tidak mengira lapisan umur dan masa, menjadikan ia salah satu alternatif aktiviti hiburan yang mudah dilakukan hanya dengan smartphome.

Kajian yang dijalankan oleh Andini (2019) mengenai gelagat Pemain Game Online Mobile Legends di Kalangan Mahasiswa Kota Tanjungpinang. mendapati bermain game online seperti Mobile Legends dalam waktu berlebihan memiliki pengaruh terhadap munculnya perilaku seseorang iaitu timbulnya ketagihan bermain game online menjadikan timbulnya kesan negatif terhadap aktiviti pembelajaran mereka. Kajian tersebut juga mendapati pelajar sanggup bermain hingga tengah malam bahkan hingga ke subuh hari. Oleh itu, tabiat ini mengganggu waktu tidur pelajar yang akhirnya menyebabkan malas untuk menghadiri kelas dan menyelesaikan tugas yang diberikan.

Kajian yang dijalankan oleh Latif, Aziz & Jalil (2017) terhadap kesan permainan dalam talian di kalangan pelajar siswazah Malaysia. Tujuan kajian tersebut adalah untuk melihat sama ada permainan dalam talian mempengaruhi pelajar secara positif atau sebaliknya dengan memberi tumpuan kepada tiga unsur (pengurusan masa, kehidupan sosial dan emosi). Sejumlah 83 responden terdiri daripada 14 universiti di Malaysia di mana pelajar sarjana yang dipilih secara rawak yang memainkan MMOG (pemain kasual dan pemain keras - ketagihan kepada MMOGs) terlibat dalam kajian ini. Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa keupayaan pelajar dalam pengurusan masa yang terjejas secara negatif, sementara itu, MMOGs tidak mempengaruhi mereka secara negatif untuk kehidupan sosial dan emosi.


Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian kuantitatif berbentuk tinjauan. Lokasi kajian ini adalah di kawasan Sepangar di negeri Sabah. Seramai 86 pelajar Politeknik terlibat dalam kajian ini. Kaedah pungutan data adalah menggunakan teknik pensampelan random. Instrumen yang digunakan untuk memungut data adalah borang soal selidik. Kajian ini menggunakan Perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) untuk menjalankan analisis deskriptif.


Hasil Kajian

Semua hasil analisis kajian ini ditunjukkan dalam bentuk carta. Carta pai menyajikan data sebagai gambaran mudah dan mudah difahami. Ia boleh menjadi alat komunikasi yang berkesan untuk memahami sesuatu perkara, kerana ia mewakili data secara visual sebagai bahagian pecahan keseluruhan. Pembaca atau penonton melihat perbandingan data sekilas, membolehkan mereka membuat analisa segera atau memahami maklumat dengan ce


c) **Demografi**




Rajah 1. Jantina responden



Rajah 2. Jabatan responden




Rajah 3. Semester responden




Rajah 4. Kediaman responden


d) Analisis Deskriptif




Rajah 5. Pandangan terhadap



Rajah 6. Mengagumi sukan online



Rajah 7. Permainan yang patut dipuji



Rajah 8. Diberi peluang sebagai aktiviti kampus

Perbincangan Dan Kesimpulan

Hasil kajian mendapati masih terdapat segelintir pelajar yang tidak bersetuju terhadap item-item kajian. Senario ini menunjukkan bahawa masih terdapat segelintir pelajar yang mempunyai pandangan negatif terhadap permainan digital online walaupun pada masa kini seperti tiada lagi kekangan seperti talian internet, jenis telefon mudah alih murah, persekitaran kawan-kawan kampus yang menggalakkan permainan ini dan lain-lain. Namun, berdasarkan kepada hasil kajian yang di tunjukkan dalam Rajah 6 hingga Rajah 8, sikap terhadap permainan digital yang dianggap sukan ini secara majoritinya berada di tahap sederhana ke tinggi, dan hanya segelintir sahaja yang bersikap sebaliknya terhadap permainan digital ini.

Hasil kajian ini menyokong pandangan Latif et al. (2017) mengenai impak permainan dalam talian yang ada pada pemain terutamanya pelajar siswazah Malaysia. Bermain permainan dalam talian akan menyebabkan mengundang ketagihan dan mempengaruhi tingkah laku mereka. Selain itu, kesan negatif lain akibat ketagihan melampau permainan dalam talian adalah akan menyebabkan pelajar membuang masa, tidak dapat menyelesaikan tugas-tugas penilaian yang diberikan. Justeru, peranan masyarakat diperlukan untuk memberi kesedaran tentang bahaya ketagihan permainan khususnya kepada pelajar di institusi pengajian tinggi.

Rujukan

- Andini, A. R. (2019). Perilaku Pemain Game Online Mobile Legends di Kalangan Mahasiswa Kota Tanjungpinang. Perilaku Pemain Game Online Mobile Legends di Kalangan Mahasiswa Kota Tanjungpinang.
- Latif, R. A., Aziz, N. A., & Jalil, M. T. A. (2017). Impact of online games among undergraduate students. In *Proceedings of the 6th International Conference on Computing & Informatics*, 523-532.
- Omar, A. (2017). Permainan Mudah Alih dan Kanak-kanak. *IDEALOGY*, 2(1), 137-149.
- Ozlan N. K. & Buzlu, S. (2007). Internet Use and its Relation with The Psychosocial Situation for Sample of University Students, *Cyberpsychology and Behavior*, 10(6), 767-772
- Young, K. S. (1996). Internet Addiction: The Emergence of a New Clinical Disorder, *CyberPsychology & Behavior*, 1 (3), 237-244.

PELUANG DAN POTENSI KEPIMPINAN BERETIKA DALAM SEKTOR PENDIDIKAN

Wan Mohd Hafis Pak Wan Chik

Abstrak

Tujuan – Kajian ini adalah untuk menggariskan penemuan utama dari tinjauan literatur di peringkat antarabangsa yang tertumpu pada kepemimpinan beretika. Ini mensintesiskan segala peluang dan potensi yang terdapat di dalam pentadbiran pendidikan di Malaysia untuk menggariskan corak dalam asas penyelidikan pada masa hadapan.

Kaedah/methodologi – Ulasan ini berdasarkan analisis artikel-artikel empirikal yang diterbitkan dalam jurnal berindeks antara 1991 hingga 2019.

Dapatan – Kertas ini menggunakan asas pengetahuan kontemporari ini untuk meneroka: corak kontekstual penyelidikan kepemimpinan beretika setakat ini.

Limitasi – Kajian ini berdasarkan kajian di berbagai negara, menggunakan pelbagai kerangka konsep. Batasannya adalah ruang lingkup sampel yang sempit. Kajian ini juga tidak memasukkan kajian-kajian yang dijalankan di Malaysia.

Implikasi – Hasil kajian dapat memberi maklumat mengenai peningkatan kualiti etika dalam kepemimpinan pendidikan.

Nilai – Penulis mengesyorkan untuk memperluas skop sampel yang dikaji untuk memperjelaskan lagi konsep kepemimpinan beretika dan implikasinya terhadap amalan kepemimpinan pendidikan.

Kata Kunci: Etika, Pengurusan Pendidikan, Kepimpinan Beretika, Pembuatan Keputusan, Malaysia

Jenis: Ulasan literatur

Pengenalan

Kepimpinan beretika sangat kritikal kepada kredibiliti seorang pemimpin dan potensi beliau untuk memberikan pengaruh (Den Hartog & Belschak, 2012). Kredibiliti pemimpin beretika mungkin mempunyai pengaruh penting terhadap kepercayaan antara pemimpin dan pengikut (Eisenbeiss & Giessber, 2012).

Melihat etika melalui paradigma yang berbeza adalah fenomena yang sering diberi perhatian kebelakangan ini. Oleh itu, beberapa kajian telah dibangunkan yang membincangkan dilemma etika dari pelbagai perspektif. Apabila kita melihat kajian yang ada, didapati para ilmuwan dan para pengamal industri adalah terlibat dengan isu-isu etika profesional, tetapi tidak ada yang mengamalkan konsep etika profesional sebagai paradigma yang terpisah.

Beberapa tahun kemudian, banyak pengkaji di seluruh Amerika Syarikat dan negara lain telah mula memasukkan konsep kepemimpinan beretika ke dalam disertasi mereka. Kepimpinan beretika ditakrifkan dalam pengurusan sebagai tingkah laku normal yang sesuai melalui tindakan peribadi dan hubungan interpersonal, menggalakkan kelakuan sedemikian kepada pengikut melalui komunikasi dua hala, menguatkuasakan, dan membuat keputusan (Brown, Trevino, & Harrison, 2013). Pemimpin beretika menunjukkan contoh teladan yang baik sebagai pemimpin yang jujur dan berprinsip serta berusaha untuk melakukan perkara yang betul di samping menjalankan kehidupan peribadi dengan cara yang beretika serta cenderung untuk membuat keputusan yang adil dan seimbang (Bodner, 2013).

Pemimpin beretika menetapkan suatu standard, berkomunikasi, dan menguatkuasakan standard etika yang jelas dalam kalangan warga organisasi, dan memberi sokongan, prihatin, dan dipercayai oleh orang bawahan (Brown et al., 2013). Pemimpin beretika cenderung untuk menjadi contoh teladan (role model) yang memberi motivasi kepada orang bawahan untuk mengikuti contoh mereka (Symlie, 2014; Brown & Trevino, 2006). Kajian empirikal ke atas kepimpinan beretika telah mengesahkan terdapat hubungan langsung antara kepimpinan beretika pengurus dengan beberapa tingkah laku berkaitan beretika dan bukan berkaitan etika.

Teladan yang memberi motivasi kepada orang bawahan untuk mengikuti contoh mereka (Symlie, 2014; Brown & Trevino, 2006). Kajian empirikal ke atas kepimpinan beretika telah mengesahkan terdapat hubungan langsung antara kepimpinan beretika pengurus dengan beberapa tingkah laku berkaitan beretika dan bukan berkaitan etika.

Kepimpinan Beretika

Dalam tempoh tiga puluh tahun yang lalu terdapat kenaikan dalam penyelidikan kepimpinan beretika dalam pendidikan (Lapointe et al., 2010). Pada akhir 1970-an, Hodgkinson (1978) menyeru pemulihan asas teori etika mengenai kepimpinan pendidikan. Beberapa tahun kemudian, Greenfield (1981) dan Foster (1986) menekankan perlunya kajian lanjut ke dalam etika dan aspek etika kepimpinan pendidikan.

Starratt (1991) adalah antara individu pertama yang mencadangkan rangka kerja konseptual untuk kepimpinan beretika dan mencadangkan etika kepimpinan seharusnya tidak lagi ditakrifkan sebagai gaya tetapi sebagai asas untuk dimensi etika dan tindakan. Sergiovanni (1992) mengejar pendekatan ini dalam model etikanya dengan mengintegrasikan kebimbangan untuk kepentingan kolektif dan individu dan minat.

Produktiviti dan kecekapan sering menjadi pemangku utama pemimpin; walau bagaimanapun, terdapat sudut pandangan yang ada, yang mendakwa ia adalah tanggungjawab pemimpin untuk memastikan piawaian etika dan tingkah laku etika. Teori Kepimpinan Beretika Sekolah pertama kali diulas oleh Sergiovanni (Sergiovanni, 1992), yang melakukan semakan literatur terhadap penyelidikan terdahulu, dalam bukunya *Kepimpinan Beretika : Mendapatkan Peningkatan Sekolah*. Menurutnya, kepemimpinan adalah lebih daripada sikap daripada penerapan teknik; kepimpinan beretika, sepatutnya berada di kedudukan pusat kepemimpinan, dapat difahami sebagai pemimpin sekolah yang menerapkan semua cara yang layak, sesuai dengan kuasa etika, untuk merangsang potensi individu, membuat para pengikutnya, dan bersama-sama membentuk seorang yang mulia.

Berikutan dengan garis yang sama, kajian tersebut berpendapat bahawa kepimpinan beretika pemimpin merujuk kepada kakitangan sekolah untuk mengikuti daya tarik etika yang tidak dapat dirasakan, berdasarkan kewibawaan etikanya, supaya etika dan nilai-nilai yang secara semulajadi betul disahkan, rasa tanggungjawab kakitangan dan tanggungjawab diilhamkan, dan terus mencetuskan kesedaran mereka untuk menyelesaikan tugas, dedikasi mereka untuk pembangunan sekolah, dan usaha bersama mereka untuk mencapai visi pembangunan sekolah.

Jika dilihat di kawasan Asia pula, penyelidikan kepimpinan beretika telah mula tersebar luas sejak pertengahan tahun 1990-an di Taiwan. Yan Tongwen (Yan, 2002) dari University of Taiwan merumuskan bahawa kepimpinan beretika merangkumi enam dimensi: 1) pelaksanaan kepemimpinan etika yang paling spesifik dari prestasi post-zaman moden; 2) semangat kepemimpinan etika memfokuskan pada pesona pemimpin individu; 3) penguatkuasaan kepimpinan beretika ditubuhkan atas dasar kuasa pihak berkuasa; 4) tujuan kepemimpinan etika adalah untuk memupuk anggota-anggotanya dengan nilai-nilai yang dipimpin oleh obligasi; 5) peranan kepemimpinan etika adalah proaktif tetapi tidak berundur; 6) impian kepemimpinan etika untuk membina sekolah kebajikan untuk kanak-kanak.

Beberapa tahun kebelakangan ini, kajian mengenai teori kepemimpinan etika yang dijalankan secara lebih komprehensif dan mendalam, kajian empirikal yang berkaitan telah dijalankan. Para ahli akademik mengemukakan pendapat yang berbeza tentang struktur kepemimpinan etika, dengan pandangan wakil seperti berikut. (Resick et al., 2006) menentukan ciri-ciri utama seorang pemimpin etika berdasarkan pandangan kesusasteraan barat berkenaan kepemimpinan dan etika. Dengan data yang diperolehi dari Kepimpinan Global dan Keberkesanan Kelakuan Organisasi dan melalui analisis, mereka mencadangkan dimensi kepemimpinan beretika, iaitu Integriti, Altruisme, Motivasi Kolektif, dan Insentif, yang memainkan peranan penting dalam keberkesanan kepemimpinan berdasarkan latar belakang budaya.

Langlois dan Lapointe (2007) telah mengenal pasti tiga tema kepemimpinan beretika yang diamalkan oleh pengetua iaitu kritikan, keadilan dan keprihatinan. Mereka mendapati pengetua yang baru dilantik lebih cenderung kepada tema kepemimpinan keadilan. Manakala pengetua dan guru besar yang senior pula mampu menggarap ketiga-tiga elemen iaitu kritikan, keadilan dan keprihatinan dengan sebaiknya.

Karakose (2007) telah menjalankan kajian kuantitatif tentang persepsi guru terhadap kepemimpinan beretika pemimpin sekolah mereka. Karakose menggunakan soal selidik *Ethical Leadership Scale* yang dibangunkan oleh Yilmaz (2006) dan mengandungi empat dimensi iaitu komunikasi beretika, iklim etika, pembuatan keputusan secara beretika dan tingkah laku beretika. Walau bagaimanapun kajian tersebut hanya menilai dari sudut demografi sahaja. Oleh itu kajian yang lebih mendalam perlu dilakukan.

Walaupun bagaimanapun, (Ladkin, 2008) percaya bahawa "kepemimpinan beretika" mempunyai tiga dimensi utama: Penguasaan diri sendiri dan alam sekitar, koordinasi, bentuk diri, tujuan dan konsistensi dari segi maklumat, dan tujuan, tujuan tertentu dicapai. Beliau menganggap bahawa "kepemimpinan beretika" harus memainkan peranan sebagai aspek usaha pemimpin, dan mempersoalkan sama ada berpandukan dengan tujuan "bekerja keras bagi orang-orang kepentingan terbaik dari keadaan hidup".

Sementara itu pendekatan pelbagai dimensi telah dilakukan oleh Kalshoven et al. (2011), di mana beliau telah membentuk tujuh multidimensi kepemimpinan beretika. Kesemua tujuh dimensi tersebut ialah berorientasikan insan, keadilan, perkongsian kuasa, keprihatinan kepada kelestarian, bimbingan etika, penjelasan peranan dan integriti. Patterson et.al, (2013) merumuskan bahawa pengurusan memainkan peranan penting dalam melaksanakan reformasi pendidikan, sambil berusaha mengekalkan keutamaan dan nilai tersendiri.

Seterusnya kebanyakan penyelidikan antarabangsa ke atas kepemimpinan beretika telah menimbulkan beberapa soalan (Cherkowski et al., 2015; Kristinsson, 2014; Langlois & Lapointe, 2010, 2014): Adakah seorang pemimpin etika mempunyai makna yang sama tanpa apa-apa pertimbangan sejarah, agama atau budaya tertentu? Mencari jawapan untuk ini soalan boleh memupuk pemahaman yang lebih baik mengenai kedua-dua kebiasaan negara dan persamaan sejagat yang berkaitan dengan kepemimpinan beretika, serta kebudayaan dan ciri sosial yang memudahkan atau menghalang perkembangan etika kepemimpinan.

Ini adalah agak berbeza jika kita lihat kajian (Viet, 2015), yang menyatakan kepemimpinan beretika organisasi difokuskan pada struktur dan kecekapan dan datang dengan kuasa pembuatan keputusan. Ia bersifat transaksional. Kepimpinan beretika difokuskan pada kepatuhan terhadap peraturan-permainan melalui sistem penilaian prestasi dan sistem ganjaran dan memerlukan kawalan sendiri. Kepimpinan bertanggungjawab untuk pulangan pelaburan para pemegang saham dan pematuhan organisasi dengan undang-undang (Viet, 2015). Kepimpinan beretika terhadap organisasi menunjukkan pematuhan terhadap peraturan dalaman dan luaran melalui imbuhan (Viet, 2015).

Suatu kajian telah dijalankan bagi meneroka pertimbangan pengetua sekolah yang membawa kepada keputusan mereka untuk tidak memenuhi garis panduan reformasi nasional secara lengkap dan lengkap. Kajian kualitatif ini berdasarkan temu bual dengan 59 orang pengetua sekolah. Menjana tema adalah proses induktif, didasarkan pada berbagai perspektif yang diartikulasikan oleh pengetua. Dan mempertimbangkan ciri dan keadaan sekolah tertentu (Schechter & Shaked, 2017).

Dinc (2018) telah meneliti kesan secara langsung dan tidak langsung hubungan antara kepemimpinan etika, jenis iklim etika, aspek kepuasan kerja, komponen komitmen organisasi dan dimensi tingkah laku kewarganegaraan organisasi 515 pekerja yang bekerja di university awam dan swasta di Bosnia dan Herzegovina

Lowery (2019) telah menjalankan kajian ke atas persepsi pengetua di tenggara Ohio mengenai etika pembuatan keputusan. Beliau mendapati bahawa tanggapan pengetua bervariasi dalam keakraban dan keselesaan mereka dengan literasi moral. Tema menyeluruh yang muncul dari analisis ini mendapati perkaitan antara dilema etika, menjadi pemimpin yang celik moral, dimensi kepemimpinan moral, dan integrasi nilai melakukan etika dan bersikap etika.

Pada tahun yang sama, satu kajian ke atas tingkah laku beretika berprinsip bagi pemimpin sekolah di negara-negara bukan Euro-Barat dengan meneliti ntegrity yang dihadapi oleh pemimpin ntegrity Kenya telah dijalankan. Kajian tersebut menunjukkan pentingnya pemboleh ubah kontekstual dalam mempengaruhi keputusan pemimpin, yang menunjukkan ketegangan antara pendekatan etika liberal dan komunitarian. Walaupun ntegrity yang serupa dihadapi oleh mereka yang bekerja dalam konteks euro-barat, pemimpin Kenya menghadapi cabaran tambahan untuk bekerja dengan nilai-nilai budaya Ubuntu: menjaga seluruh komuniti, hubungan kerja yang harmoni, kesetiaan kepada saudara dan penghormatan kekananan (Oduol & Cornforth, 2019).

Jadual 1

Kronologi Perkembangan Kajian Kepimpinan Beretika

TAHUN	PENKAJI	KAJIAN
1991	Starratt	<ul style="list-style-type: none"> - model memberi tumpuan kepada pembangunan etika dalam konteks sekolah yang terdiri daripada tiga tema asas yang perlu dipertimbangkan oleh pemimpin sekolah. - tiga tema asas tersebut iaitu kritikan, keadilan dan keprihatinan
1992	Sergiovanni	<ul style="list-style-type: none"> - mengejar pendekatan ini dalam model etikanya dengan mengintegrasikan kebimbangan untuk kepentingan kolektif dan individu dan minat.
1998	Kanungo dan Mendonca	<ul style="list-style-type: none"> - membangunkan model kepimpinan beretika melalui tiga dimensi: motif pemimpin; strategi pengaruh pemimpin; dan pembentukan watak pemimpin.
1998	Craig dan Gustafson	<ul style="list-style-type: none"> - membangunkan instrumen Perceived Leadership Integrity Scale (PLIS).
1998, 2000	Dempster, Freakley dan Parry	<ul style="list-style-type: none"> - menjalankan kajian di Queensland, Australia dengan fokus kajian mereka tentang persepsi pengetua sekolah terhadap iklim beretika.
2002	Yan	<ul style="list-style-type: none"> - merumuskan bahawa kepimpinan beretika merangkumi enam dimensi
2005	Brown, Treviño dan Harrison	<ul style="list-style-type: none"> - pembinaan instrumen yang mengukur kepimpinan beretika secara lebih saintifik iaitu Instrumen Ethical Leadership Scale (ELS). - ELS mengandungi 10 item dan mengukur kepimpinan beretika dalam bentuk unidimensi.
2006	Resick, Hanges, Dickson dan Mitchelson	<ul style="list-style-type: none"> - menentukan ciri-ciri utama seorang pemimpin etika berdasarkan pandangan kesusasteraan barat berkenaan kepimpinan dan etika.
2006	Yilmaz	<ul style="list-style-type: none"> - membangunkan soal selidik Ethical Leadership Scale.
2007	Langlois dan Lapointe	<ul style="list-style-type: none"> - menjalankan kajian secara kualitatif di tujuh buah daerah di Kanada secara temuramah terbuka ke atas 47 orang pengetua. - mengenal pasti tiga tema kepimpinan beretika yang diamalkan oleh pengetua iaitu kritikan, keadilan dan keprihatinan.
2007	Karakose	<ul style="list-style-type: none"> - menjalankan kajian kuantitatif tentang persepsi guru terhadap kepimpinan beretika pengetua di Turki. - menggunakan soal selidik Ethical Leadership Scale yang dibangunkan oleh Yilmaz (2006) dan mengandungi empat dimensi iaitu komunikasi

		beretika, iklim etika, pembuatan keputusan secara beretika dan tingkah laku beretika.
2008	De Hoogh dan Den Hartog	- membangunkan tiga dimensi khusus iaitu keadilan, perkongsian kuasa dan penjelasan peranan melalui kajian-kajian literatur.
2009	Bowers	- kajian ke atas 209 orang guru sekolah di Ohio mendapati persepsi guru terhadap kepimpinan beretika mempunyai pengaruh yang kuat ke atas komitmen guru di sekolah. - menggunakan ntegrity Ethical Leadership Scale (ELS) yang dibangunkan oleh Brown et al. (2005).
2011	Chambers	- kajiannya ke atas 650 orang guru sekolah menengah di Tennessee Amerika Syarikat mendapati persepsi guru terhadap ntegrity pengetua mempunyai perkaitan dengan kecemerlangan sekolah. - menggunakan ntegrity Perceived Leadership Integrity Scale (PLIS) yang dibangunkan oleh Craig dan Gustafson (1998).
2011	Kalshoven, De Hoogh dan Den Hartog	- mencadangkan tujuh dimensi kepimpinan beretika iaitu berorientasikan insan, keadilan, perkongsian kuasa, prihatin kepada kemampuan, bimbingan etika, penjelasan peranan dan ntegrity. - membangunkan pengukuran kepimpinan beretika secara multidimensi iaitu Ethical Leadership at Work (ELW).
2013	Patterson, Campbell, Johnson, Marx dan Whitener	- merumuskan bahawa pengurusan memainkan peranan penting dalam melaksanakan reformasi pendidikan, sambil berusaha mengekalkan keutamaan dan nilai tersendiri.
2014	Langlois, Lapointe, Valois dan Leeuw	- menjalankan kajian kuantitatif dan membangunkan Ethical Leadership Questionnaire (ELQ)
2015	Viet	- menyatakan kepimpinan beretika organisasi difokuskan pada struktur dan kecekapan dan datang dengan kuasa pembuatan keputusan. - kepimpinan beretika terhadap organisasi menunjukkan pematuhan terhadap peraturan dalaman dan luaran melalui imbuhan
2016	Shapiro dan Stefkovich	- mengkaji kepimpinan beretika dari perspektif teori dilemma kompleks.
2016	Lapointe, Langlois, Valois,	- menjalankan kajian di 5 buah negara (Kanada, Sweden, Israel, Malta, Turki) bagi mengesahkan instrument Ethical Leadership Questionnaire

	Aksu, Arar, Bezzina, Johansson, Norberg dan Oplatka	(ELQ).
2017	Schechter dan Shaked	- menjalankan kajian yang mempertimbangkan ciri dan keadaan sekolah tertentu.
2018	Dinc	- telah meneliti kesan secara langsung dan tidak langsung hubungan antara kepemimpinan etika, jenis iklim etika, aspek kepuasan kerja, komponen komitmen organisasi dan dimensi tingkah laku kewarganegaraan organisasi 515 pekerja yang bekerja di university awam dan swasta di Bosnia dan Herzegovina.
2019	Lowery	- telah menjalankan kajian ke atas persepsi pengetua di tenggara Ohio mengenai etika pembuatan keputusan.
2019	Oduol dan Cornforth	- telah mengkaji tingkah laku beretika berprinsip bagi pemimpin sekolah di negara-negara bukan Euro-Barat dengan meneliti dilema yang dihadapi oleh pemimpin pendidikan Kenya.

Rumusan

Ulasan literatur yang telah dihuraikan menunjukkan beberapa jurang yang berkaitan dengan kesan kepimpinan beretika dalam konteks pengurusan pendidikan. Bagi mengisi jurang ini pelbagai penyelidikan yang boleh dijalankan pada masa akan datang dengan menggunakan teori dan sumber sokongan yang lain.

Rujukan

- Arar, K., Haj, I., Abramovitz, R., Oplatka, I. (2016) Ethical leadership in education and its relation to ethical decision-making: The case of Arab school leaders in Israel, *Journal of Educational Administration*, Vol. 54 Issue: 6, pp.647-660.
- [Benoliel, P.](#), [Shaked, H.](#), [Nadav, N.](#), and [Schechter, C.](#) (2019), "School principals' systems thinking: antecedents and consequences", *Journal of Educational Administration*, Vol. 57 No. 2, pp. 167-184. <https://doi.org/10.1108/JEA-08-2018-0144>.
- Brownell, J. 2006. Meeting the Competency Needs of Global Leaders: A Partnership Approach. *Human Resource Management* 45(3): 309–336.
- Brown, M. E., & Mitchell, M. S. (2010). Exploring new avenues for future research. *Business Ethics Quarterly*, 4(October), 583–616.
- Brown, M. E., & Treviño, L. K. (2006). Ethical leadership: A review and future directions. *The Leadership Quarterly*, 17(6), 595–616.
- Brown, M. E., Treviño, L. K., & Harrison, D. A. (2005). Ethical leadership: A social learning perspective for construct development and testing. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 97(2), 117–134.
- Cherkowski, S., Walker, K.D. and Kutsyuruba, B. (2015), Principals' moral agency and ethical decision-making: towards a transformational ethics, *International Journal of Educational Policy and Leadership*, 10(5), 1-17.
- Chambers, J. H. (2011). *The relationship between secondary school teachers' perceptions of principal ethical leadership and organizational health*. Tesis PhD yang tidak diterbitkan. University of Tennessee.
- Ciulla, J. B. (1995). Leadership ethics: Mapping the territory. *Business Ethics Quarterly*, 5(1), 5–28.

- Ciulla, J. B. (1998). *Ethics, the heart of leadership*. Westport, CT: Quorum Books.
- Ciulla, J. B. (2005). The state of leadership ethics and the work that lies before us. *Business Ethics: A European Review*, 14(4), 323-335.
- Dempster, N., Freakley, M., & Parry, L. (1998). A paper presented at the Annual conference of the Australian Association for Educational Research, Adelaide, November, 1998. In *A study of the ethical decision making of school principals*.
- Dempster, N., Freakley, M., & Parry, L. (2000). *The ethical decision making of school principals: Survey results*.
- Den Hartog, D. N., & Belschak, F. D. (2012). When does transformational leadership enhance employee proactive behavior? The role of autonomy and role breadth self-efficacy. *Journal of Applied Psychology*, 97(1), 194-202.
- Den Hartog, D. N., & De Hoogh, A. H. B. (2009). Empowering behaviour and leader fairness and integrity: Studying perceptions of ethical leader behaviour from a levels-of-analysis perspective. *European Journal of Work and Organizational Psychology*, 18(2), 199-230.
- Dinc, M.S. (2018) 'Direct and indirect effect of ethical leadership on employee behaviours in higher education', *Int. J. Management in Education*, Vol. 12, No. 3, pp.201-222.
- Hodgkinson, C. (1978), *Towards a Philosophy of Administration*, Oxford: Basil Blackwell.
- Hodgkinson, C. (1991). *Educational leadership: The moral art*. Albany, NY: State University of New York Press.
- Holte, K. (2014), The prevalence of silence, in Branson, C.M. and Gross, S.J. (Eds). *The Handbook of Ethical Educational Leadership*, Routledge, New York, NY, pp. 139-150.
- Hu, Z. F., Li, Q. M., & Zou, S. X. (2015). Research on the Structure of Principal's Moral Leadership in Middle Schools in Mainland China. *Creative Education*, 6, 798-804.
- Ilham Ismail (2015). *Pengaruh Kepimpinan Beretika Dan Kepuasan Kerja Guru Terhadap Komitmen Organisasi Di Sekolah*. Tesis PhD, UUM.
- Jokinen, T. 2005. Global Leadership Competencies: A Review and Discussion. *Journal of European Industrial Training* 29 (3): 199-216.
- Kalshoven, K., & Boon, C. T. (2012). Ethical leadership, employee well-being, and helping: The moderating role of human resource management. *Journal of Personnel Psychology*, 11(1), 60-68.
- Kalshoven, K., Den Hartog, D. N., & De Hoogh, A. H. (2011a). Ethical leader behavior and big five factors of personality. *Journal of Business Ethics*, 100(2), 349-366.
- Kalshoven, K., Den Hartog, D. N., & De Hoogh, A. H. (2011b). Ethical leadership at work questionnaire (ELW): Development and validation of a multidimensional measure. *The Leadership Quarterly*, 22(1), 51-69.
- Kalshoven, K., Den Hartog, D. N., & De Hoogh, A. H. (2013). Ethical leadership and follower helping and courtesy: Moral awareness and empathic concern as moderators. *Applied Psychology: An International Review*, 62(2), 211-235.
- Kantor, J., & Weisberg, J. (2012). Ethical attitudes and ethical behaviour: are managers role models? *International Journal of Manpower*, 23(8), 687-703.
- Kanungo, R. N. (2001). Ethical values of transactional and transformational leaders. *Canadian Journal of Administrative Sciences*, 18, 257-265.
- Kanungo, R. N., & Conger, J. A. (1993). Promoting altruism as a corporate goal. *The Academy of Management of Executive*, 7, 37-48.
- Kanungo, R. N., & Mendonca, M. (1996). *Ethical dimensions of leadership*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Langlois, L. & Lapointe, C. (2007). Ethical leadership in Canadian school organizations: Tensions and possibilities. *Educational Management, Administration, and Leadership*, 35(2), 247-60.
- Langlois, L., Lapointe, C., Valois, P. & de Leeuw, A. (2014). Development and validity of the Ethical Leadership Questionnaire. *Journal of Educational Administration*, 52(3), 310-331.
- Lapointe, C., Langlois, L., Valois, P., Aksu, M., Arar, K., Bezzina, C., Johansson, O., Norberg, K. and Oplatka, I. (2016). An International Cross-Cultural Validation of the Ethical Leadership Questionnaire (ELQ). *International Studies in Educational Administration*, 44(2), 55-76
- Lowery, C. (2019), "Moral literacy and school leadership: Perceptions of principals in southeast Ohio on the ethics of decision-making", *Journal of Educational Administration*, Vol. 58 No. 1, pp. 112-127. <https://doi.org/10.1108/JEA-06-2018-0120>

- Mann, L., Burnett, P., Radford, M., & Ford, S. (1997). The Melbourne Decision Making Questionnaire: An instrument for measuring patterns for coping with decisional conflict. *Journal of Behavioral Decision Making*, 10(1), 1-19.
- Mayer, D. M., Kuenzi, M., & Greenbaum, R. L. (2010). Examining the link between ethical leadership and employee misconduct: The mediating role of ethical climate. *Journal of Business Ethics*, 95, 7–16. doi:10.1007/s10551-011-0794-0.
- McMillan, J. H. (2008). *Educational Research: Fundamentals for the Consumer*. (5th Ed.) Pearson.
- Mendonca, M. (2001). Preparing for ethical leadership in organizations. *Canadian Journal of Administrative Sciences*, 18(4), 266–276.
- Merriam, S.B. (1988). *Case Study Research in Education: A Qualitative Approach*. San Francisco, California: Jossey Bass Publishers.
- Meyer, J. P., Stanley, D. J., Herscovitch, L., & Topolnysky, L. (2002). Affective, continuance, and normative commitment to the organization: A meta-analysis of antecedents, correlates, and consequences. *Journal of Vocational Behavior*, 61(1), 20–52.
- Miller, S.J., Hickson, D.J., & Wilson, D.C. (1996). Decision making in organizations. In S.R. Clegg, C. Hardy, & W.R. Nord (Eds.), *Managing Organizations: Current Issues* (pp.43-62). London: Sage Publications.
- Mintzberg, H., Raisinghani, D., & Theoret, A. (1976). The structure of “unstructured” decision processes. *Administrative Science Quarterly*, 21, 246-275.
- Mitchelmore, S. and Rowley, J. (2009), “Entrepreneurial competencies: literature review and development agency”, *International Journal of Entrepreneurial Behavior and Research*, Vol. 16 No. 2, pp. 92-111.
- Mohamad Majid Konting, (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Muhammad Faizal A. Ghani, Shahril Hj. Marzuki, & Maszuria Adam. (2009). First Regional Conference On Educational Leadership and Management. *Kajian mengenai kepimpinan moral pengetua di sekolah menengah di daerah Johor Bahru, Johor*.
- Norberg, K. (2009). School leadership for diversity and inclusion: Meeting the multicultural challenge in Sweden. *Values and Ethics in Educational Administration*, 8(1), 1-8.
- Norberg, K. & Johansson, O. (2014). The ethical demands of multiculturalism. In C. M. Branson & S. J. Gross (Eds.), *Handbook of ethical educational leadership* (pp. 426-438). New York: Routledge.
- Noddings, N. (1984). *Caring: A feminine approach to ethics and moral education*. Berkeley, CA: University of California Press.
- Norhayati Azmi. (2006). *Hubungan antara komitmen ahli pasukan dengan keberkesanan pasukan kerja dalam jabatan sains dan matematik di daerah Tumpat*. Tesis Sarjana Muda Yang Tidak Diterbitkan. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Nucci, L. P. (2015). *Education in the moral domain*. New York, NY: Cambridge University Press.
- Oduol, T. and Cornforth, S. (2019), "Ethical dilemmas in education: a case study of challenges faced by secondary school leaders in Kenya", *Journal of Educational Administration*, 57(6), 601-614. <https://doi.org/10.1108/JEA-05-2017-0060>
- Patterson, J. A., Campbell, J. K., Johnson, D. M., Marx, G., & Whitener, M. (2013). Using policy attributes theory to examine comprehensive school reform implementation in two Title I middle schools. *Planning & Changing*, 44(1/2), 36-55.
- Payne, J. W., Bettman, J. R., & Luce, M. E (1996). When time is money: An investigation of decision behavior under opportunity cost time pressure. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 66, 131-152.
- Peterson, D. K. (2002). The relationship between unethical behaviour and the dimensions of the ethical climate questionnaire. *Journal of Business Ethics*, 41(4), 313–326. doi:10.1023/A:1021243117958.
- Piccolo, R. F., & Colquitt, J. A. (2006). Transformational leadership and job behaviors: The mediating role of core job characteristics. *Academy of Management Journal*, 49(2), 327–340.
- Piccolo, R. F., Greenbaum, R., Den Hartog, D. N., & Folger, R. (2010). The relationship between ethical leadership and core job characteristics, 278(April 2009), 259–278. doi:10.1002/job
- Pierce, M. A., & Henry, J. W. (2000). Judgements about computer ethics: Do individual, co-worker, and company judgements differ? Do company codes make a difference? *Journal of Business Ethics*, 28(4), 307–322.
- Pijanowski, J. (2007). Defining moral leadership in graduate schools of education. *Journal of Leadership Education*, 6(1), 1–13.
- Podsakoff, M., Mackenzie, S. B., Moorman, R. H., & Fetter, R. (1990). Transformational leader behaviors and their effects on followers' trust in leader, satisfaction, and organizational citizenship behaviors. *Leadership Quarterly*, 1(2), 107–142.
- Reason J. (1997). *Managing the Risks of Organizational Accidents*. Aldershot, UK: Ashgate.

- Resick, C. J., Hanges, P. J., Dickson, M. W., & Mitchelson, J. K. (2006). A cross-cultural examination of the endorsement of ethical leadership. *Journal of Business Ethics*, 63, 345–359.
- Roepke, W. J. (2011). Morality as a yardstick of educational leadership. *Journalism and Mass Communication Educator*, 50(2), 71-76.
- Sabitha Marican. (2006). *Membentuk suasana kerja positif*: Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Said, J., Alam, M.M., Khalid, M. (2016). Relationship between Good Governance and Integrity System: Empirical Study on the Public Sector of Malaysia. *Humanomics*. 32(2), 151-171.
- Schechter, C. and Shaked, H. (2017), "Leaving fingerprints: principals' considerations while implementing education reforms", *Journal of Educational Administration*, 55(3), 242-260, <https://doi.org/10.1108/JEA-01-2016-0014>
- Schneider, B. (1990). *Organizational climate and culture*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Sergiovanni, T. J. (2001). *Leadership: What's in it for schools?* London: Routledge.
- Sethi-Iyengar, S., Huberman, G., and Jiang, W. (2004) "How Much Choice Is Too Much? Contributions to 401(k) Retirement Plans," *New Lessons from Behavioral Finance New York* (83-95). Oxford University Press.
- Shapira-Lishchinsky, O., & Rosenblatt, Z. (2009). Organizational Ethics and Teachers' Intent to Leave: An Integrative Approach. *Educational Administration Quarterly*, 45(5), 725–758.
- Shapiro, J.P., & Stefkovich, J.A. (2016) *Ethical Leadership and Decision Making in Education: Applying Theoretical Perspectives to Complex Dilemmas*, 4th ed. New York, N.Y.: Routledge.
- Silins, H. C., & Harvey, K. (2000). Perception of effectiveness: A study of schools in Victoria. *Journal of American Academy of Business*, Cambridge, 392–412.
- Siti Sarawati Binti Johar (2006). *Gaya Kepimpinan Pengetua dan Hubungannya Dengan Tahap Motivasi Guru Di Sekolah Menengah Daerah Kota Tinggi*. Tesis Sarjana, UTM.
- Smylie M. A., Conley S., & Marks H. (2002). Exploring new approaches to teacher leadership for school improvement. In J. Murphy (Ed.) *The educational leadership challenge: Redefining leadership for the 21st century* (162-188). University of Chicago Press.
- Somech A., (2005). Directive Versus Participative Leadership: Two Complementary Approaches to Managing School Effectiveness. *Education Administration Quarterly*, 41(5), 777–800.
- Somech, A., & Bogler, R. (2002). Antecedents and consequences of teacher organizational and professional commitment. *Educational Administration Quarterly*, 38 (4), 555-577.
- Somers, J.M. (2001). Ethical codes of conduct and organizational context: A study of the relationship between codes of conduct, employee behavior and organizational values. *Journal of Business Ethics*, 30(2), 185-195.
- Sowell, E.J. (2001). *Educational Research: An Integrative Introduction*. New York: McGraw-Hill, Inc.
- Starratt, R. J. (1991). Building an Ethical School: A Theory for Practice in Educational Leadership. *Educational Administration Quarterly*, 27(2), 185–202.
- Starratt, R. J. (2003). Opportunity to learn and the accountability agenda. *Phi Delta Kappan* 85(4): 298–303.
- Starratt, R. J. (2004). *Ethical leadership*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Strike, K. (2007). *Ethical leadership in schools: Creating community in an environment of accountability*. London: Corwin Press.
- Tamir, E. and Arar, K. (2019), "High school managements resources allocation in an era of reforms", *International Journal of Educational Management*, Vol. 33 No. 5, pp. 828-847. <https://doi.org/10.1108/IJEM-08-2017-0204>.
- Tenbrunsel, A. E., & Messick, D. M. (1999). Sanctioning systems, decision frames, and cooperation. *Administrative Science Quarterly*, 44(4), 684–707. doi:10.2307/2667052.
- Trevino, L. K. (1986). Ethical decision-making in organizations: A person-situation interactionist model. *Academy of Management Review*, 11(3), 601–617.
- Trevino, L. K., Brown, M., & Hartman, L. P. (2003). A qualitative investigation of perceived executive ethical leadership: Perceptions from inside and outside the executive suite. *Human Relations*, 56, 5–37.
- Ubben, G. C., Hughes, L. W., & Norris, C. J. (2007). *The principal: Creative leadership for excellence in schools* (6th ed.). Boston: Allyn and Bacon.
- Verstegen, D.A. (2012). Financing the new adequacy: towards new models of state education finance systems that support standards-based reform. *Journal of Educational Finance*, 27, 3, 749-81.
- Victor, B., & Cullen, J. B. (1988). The organizational bases of ethical work climates. *Administrative Science Quarterly*, 33(1), 101–125.

- Walumbwa, F. O., Avolio, B. J., Gardner, W. L., Wernsing, T. S., & Peterson, S. J. (2008). Authentic Leadership: Development and Validation of a Theory-Based Measure. *Journal of Management*, 34(1), 89–126.
- Walumbwa, F. O., Mayer, D. M., Wang, P., Wang, H., Workman, K., & Christensen, A. L. (2011). Linking ethical leadership to employee performance: The roles of leader–member exchange, self-efficacy, and organizational identification. *Organizational Behaviour and Human Decision Processes*, 115(2), 204–213.
- Washington, R. R., Sutton, C. D., & Field, H. S. (2006). Individual differences in servant leadership: The role of values and personality. *Leadership & Organization Development Journal*, 27(8), 700–716.
- [Watts, D.S.](#) and [Richardson, J.W.](#) (2020), "Leveraging professional development to build professional capital in international schools in Asia", *Journal of Professional Capital and Community*, Vol. ahead-of-print No. ahead-of-print. <https://doi.org/10.1108/JPCCC-09-2019-0025>.
- Wimbush, J. C., Shepard, J. M., & Markham, S. E. (1997). An empirical examination of the relationship between ethical climate and ethical behavior from multiple levels of analysis. *Journal of Business Ethics*, 16(16), 1705–1716.
- Yukl, G., Mahsud, R., Hassan, S., & Prussia, G. E. (2013). An improved measure of ethical leadership. *Journal of Leadership & Organizational Studies*.
- Yukl, G. A. (1981). *Leadership in organizations*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Zhu, W. (2008). The effect of ethical leadership on follower moral identity: The mediating role of psychological empowerment. *Leadership Review*, 8, 62-73.
- Zikmund, W. G., Babin, B. J., Carr, J. C., & Griffin, M. (2010). *Business research methods (8th ed.)*. Mason, HO: Cengage Learning.
- Zimmerman, M. A., & Rappaport, J. (1988). A citizenship participation, perceived control, and psychological empowerment. *American Journal of Community Psychology*, 16(5), 725-750.

HUBUNGAN KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL GURU BESAR TERHADAP EFIKASI GURU

Mohd Fairoz Affendy Md Nordin

Abstrak

Kertas konsep ini bertujuan membincangkan kepemimpinan instruksional Guru Besar terhadap efikasi guru. Gaya kepemimpinan guru besar mempunyai pengaruh yang sangat besar terhadap kemenjadian serta kecemerlangan warga sekolah. Guru besar selaku pemimpin instruksional di sekolah seharusnya menonjolkan watak penting menerajui sekolah dan dapat meningkatkan efikasi guru dalam menjana kecemerlangan pendidikan. Aspek efikasi guru juga sangat penting diberikan penekanan dalam pembinaan keperibadian atau personaliti seorang insan guru dalam usaha ke arah pembentukan tahap kesediaan, kewibawaan dan kompetensi yang tinggi di kalangan warga guru di sekolah.

Kata Kunci: Hubungan Kepimpinan Instruksional, Kepimpinan Guru Besar, Efikasi Guru.

Pengenalan

Sekolah yang cemerlang lahir dari pengurusan dan kepimpinan yang berkesan. Peranan yang dimainkan oleh guru besar sangat penting bagi menjadikan sekolah sebagai sebuah institusi pembelajaran yang berkesan. Dengan keupayaan mereka menggembeleng seluruh tenaga guru dan murid, perkara ini diyakini dapat menjadikan institusi sekolah sebagai sebuah institusi pendidikan yang cemerlang.

Oleh itu, tumpuan pengurusan sekolah yang utama seharusnya bertumpu kepada untuk meningkatkan tahap kecemerlangan akademik serta membolehkan guru-guru melaksanakan tugas pengajaran dan pembelajaran mereka dengan lebih yakin, teratur dan berkesan. Keberkesanan pengajaran guru perlu ditingkatkan dalam usaha untuk menjadikan sekolah sebagai sebuah pusat kecemerlangan iaitu tempat penyebaran ilmu pengetahuan dan penyampaian pelbagai jenis kemahiran serta pembentukan keperibadian murid.

Menurut Azizi, Noordin dan Lim (2010), kajian yang dijalankan oleh Jemaah Nazir Sekolah pada tahun 2003 menunjukkan bahawa Guru Besar yang efektif meletakkan penekanan kepada beberapa ciri kepimpinan, misalnya pendekatan kepimpinan, pengupayaan kepimpinan, galakan, semangat kerja berpasukan, kepimpinan kurikulum, dan budaya ilmu. Pemimpin pendidikan seperti guru besar perlu memainkan peranan sebagai pemimpin instruksional dan pada masa yang sama perlu memainkan peranan sebagai pemimpin kurikulum (James & Balasandran, 2012). Manakala, daripada perspektif Hallinger dan Murphy (1985), kepimpinan instruksional adalah sebarang aktiviti yang dilaksanakan oleh pentadbir sekolah bagi meningkatkan kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran serta pembangunan sekolah. Berdasarkan ciri-ciri yang disebutkan, kepimpinan instruksional bukan setakat sebuah entiti yang berbeza daripada urusan rutin pentadbiran di sekolah, tetapi berkait rapat dengan perlakuan pentadbir dalam penyeliaan tugas guru di bilik darjah dan pemantauan kemajuan murid. Kepimpinan instruksional sebenarnya turut mendokong sebarang usaha ke arah menggalakkan dan menyokong pihak-pihak yang terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi mencapai matlamat sekolah dan pembentukan satu sistem sosial sekolah yang kukuh.

Selain keberkesanan kepimpinan Guru Besar, efikasi guru juga mempengaruhi dan mempunyai hubungan terhadap pencapaian murid di sekolah yang mana secara tidak langsung akan dapat menjayakan dasar dan matlamat pendidikan negara. Ini kerana, guru cenderung untuk menilai kebolehan diri dalam mempengaruhi pembelajaran murid. Efikasi

guru adalah satu konstruk yang merujuk kepada dua elemen iaitu efikasi sendiri dan efikasi pengajaran guru. Menurut Bandura (1997), efikasi sendiri adalah keyakinan individu terhadap kemampuan diri untuk menguruskan dan melakukan suatu perkara dalam mengejar objektif tertentu. Penguasaan efikasi sendiri ini seterusnya akan meningkatkan kepercayaan guru untuk mengaplikasikan pendekatan baharu dalam aktiviti pengajaran, yang akhirnya dapat meningkatkan keyakinan guru terhadap kemampuan sendiri dan kawalan dalam kelas sehingga memberi kesan terhadap pembelajaran murid. Robbins dan Judge (2013) juga menjelaskan bahawa efikasi sendiri merujuk pada keyakinan individu bahawa ia mampu melakukan tugas. Semakin tinggi efikasi dirinya maka semakin yakin atau percaya mampu meraih keberhasilan. Dengan memiliki efikasi sendiri atau keyakinan yang tinggi, seseorang menjadi percaya atau yakin akan adanya kemungkinan keberhasilan dalam mengerjakan tugas-tugas tertentu.

Perbincangan

Kepimpinan Instruksional Guru Besar sekolah rendah

Pemimpin instruksional harus memastikan satu persekitaran pembelajaran yang teratur dan berfokus pada matlamat yang tinggi tetapi yang boleh dicapai. Guru-guru merupakan pusat dalam peningkatan instruksional kerana hanya guru-guru sendiri sahaja yang boleh berubah dan mahu meningkat. Guru besar memberi sokongan yang membina seperti menyediakan sumber dan bahan yang diperlukan kepada guru-guru supaya mereka boleh berjaya dalam bilik darjah. Tambahan pula, guru besar sendiri adalah pemimpin intelektual dan perlu mengambil berat tentang perkembangan yang terbaru dalam pengajaran, pembelajaran, motivasi, pengurusan bilik darjah dan aspek penilaian.

Glickman (2002) berpendapat, seorang pemimpin kurikulum atau instruksional yang berkesan perlu menguasai tiga aspek seperti berikut: pengetahuan asas, memahami bidang tugas dan menguasai kemahiran yang bersesuaian. Pemimpin instruksional harus memiliki kemahiran bercorak *hands-on* yang unggul dalam mengendalikan bilik darjah supaya dapat diteladani oleh guru-guru lain.

Skop yang lebih luas dapat kita halusi menerusi takrif kepimpinan oleh Gordon dan Ross-Gordon (2004) yang menggambarkan kepimpinan instruksional sebagai personel yang berkepakaran dalam mengulas dan membuat implementasi tentang kurikulum. Dengan memberi justifikasi bahawa kepimpinan terhadap pembelajaran murid menjadi keutamaan tertinggi, King (2002) mendefinisikan kepemimpinan instruksional sebagai semua tindakan yang dilakukan oleh guru besar untuk mempertingkatkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah mereka.

Efikasi Kendiri Guru Sekolah Rendah

Efikasi menurut Gibson dan Dembo (1984) ialah tahap kepercayaan, keyakinan dan kebolehan diri sendiri dalam kalangan guru untuk mengatasi masalah pembelajaran murid. Efikasi guru dapat dilihat dari tiga elemen yang berlainan iaitu efikasi terhadap strategi pengajaran, efikasi terhadap pengurusan bilik darjah dan efikasi terhadap penglibatan murid (Tschannen-Moran dan Hoy, 2001).

Dalam usaha menjadi guru yang berkesan, pengetahuan tentang kandungan murid dan pedagogi sahaja adalah tidak mencukupi. Terdapat bukti-bukti yang kukuh menunjukkan bahawa keupayaan guru mengajar adalah lebih kuat pengaruhnya terhadap keberkesanan pengajaran. Menurut Tschannen-Moran, Woolfolk dan Hoy (1998), efikasi guru merujuk kepada kepercayaan guru pada keupayaan diri untuk menyusun atur dan melakukan satu siri

tindakan yang diperlukan untuk menyempurnakan satu tugas pengajaran dalam konteks yang spesifik. Efikasi guru juga telah dikaitkan dengan banyak tingkah laku dan sikap positif guru (Bandura, 1997; Tschannen-Moran, Woolfolk Hoy & Hoy, 1998) dan juga pencapaian serta sikap murid (Henson, 2002). Dengan lain perkataan, efikasi guru merujuk kepada kepercayaan guru pada keupayaan diri untuk mengajar dalam situasi pengajaran.

Kepimpinan Guru Besar dengan Efikasi Guru Sekolah Rendah

Dalam memastikan segala visi dan misi menjadi realiti, guru besar perlu kompeten dan mengamalkan gaya atau strategi kepemimpinan yang sesuai dalam memastikan segala matlamat sekolah tercapai. Kenyataan ini selari dengan pendapat Ishak Sin (2004) yang mengatakan bahawa kompetensi memerlukan pemimpin yang berupaya melaksanakan tugas seharian dengan menepati spesifikasi yang ditetapkan, berkebolehan melaksanakan sesuatu tugas yang diamanahkan dengan jayanya, memiliki ciri-ciri peribadi dan tingkah laku yang meliputi sikap dan nilai sendiri yang sesuai dengan jawatan yang sedang disandang, mempunyai pengetahuan yang mencukupi untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab serta mempunyai kemahiran menjalankan tugas secara praktik.

Oleh yang demikian, peranan insitisi sekolah dalam untuk membentuk modal insan yang berkebolehan, berketrampilan dan berupaya menggantikan pemimpin negara pada masa hadapan adalah sangat penting. Peranan utama sekolah bukan sahaja melahirkan modal insan yang cemerlang daripada segi jasmani, emosi, intelek, sahsiah dan sosial sebaliknya turut berperanan besar dalam menyediakan individu yang boleh memenuhi permintaan pasaran kerja. Fauziah Kassim (2008) berpendapat tanggung jawab guru besar sangat luas kerana menggalas peranan selaku seorang pemimpin yang berkeupayaan, bertanggungjawab untuk merancang dan melaksana pengetahuan, berkemahiran, mempunyai kepakaran dalam mentadbir dan mengurus sekolah dengan cekap dan berkesan. Lantas, guru besar perlu memimpin, mengurus dan mentadbir sekolah mengikut gaya kepemimpinan yang sesuai dan tepat.

Lortic (1975) dalam kajiannya membuktikan bahawa pentadbiran yang tidak membantu serta maklum balas yang sedikit akan meninggalkan kesan negatif terhadap keyakinan diri guru. Malah, Bandura turut menekankan tentang kepentingan maklum balas dan penghargaan dalam meningkatkan efikasi guru secara kolektif. Hal yang sama dipersetujui oleh Pajares (2002) yang menegaskan terdapatnya hubung kait di antara keberkesanan pentadbiran sekolah dengan efikasi guru. Secara umumnya, Guru Besar yang berkesan dapat memupuk persekitaran sekolah yang sihat di samping meningkatkan keyakinan guru (Fullan, 2002:); seterusnya meningkatkan efikasi guru dan berakhir dengan peningkatan prestasi akademik murid.

Kesimpulan

Amalan kepemimpinan instruksional didapati berkaitan rapat dengan tahap efikasi sendiri guru sekolah rendah. Guru besar selaku pemimpin di sekolah berperanan besar untuk membantu guru-guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran selain daripada tugas-tugas pentadbiran seperti dicadangkan oleh Hallinger dan Murphy (1985) bahawa kepemimpinan instruksional pentadbir di sekolah terdiri daripada tiga dimensi utama iaitu mendefinisi matlamat sekolah, mengurus kurikulum dan pengajaran serta memupuk iklim pengajaran dan pembelajaran.

Guru-guru pula adalah aset penting di sekolah dalam mencernakan misi nasional pendidikan ke arah pembentukan modal insan bertaraf dunia. Justeru, Guru Besar perlulah memupuk budaya kerjasama dalam kalangan guru agar nilai kepercayaan terhadap keupayaan diri mereka dapat ditingkatkan. Perkembangan yang positif ini akan mendorong kepada

peningkatan efikasi guru terhadap pengajaran dan pembelajaran yang akhirnya membawa kepada tercapainya matlamat sekolah, iaitu kecemerlangan sekolah. Kesimpulannya, dalam usaha meningkatkan efikasi guru, Guru Besar perlu mengenal pasti keperluan dan kehendak guru bagi membolehkannya menjalankan penyeliaan secara lebih berkesan dan dapat diterima oleh semua pihak.

Rujukan

- Azizi Yahaya, Noordin Yahaya & Lim Ting Theng. (2010). *Gaya kepimpinan guru besar dan hubungannya dengan faktor-faktor kepimpinan di sekolah penerima Anugerah Sekolah Cemerlang di negeri Melaka*.
- Bandura, A. (1997). *Self-efficacy: The exercise of control*. New York: W.H. Freeman.
- Fauziah Kassim. (2003) Tekanan dan kepuasan kerja guru-guru Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Tasek Selatan, Kuala Lumpur: Latihan Ilmiah Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Fullan, M. (2002). The Change Leader. *Educational Leadership*, 59(8), 16-20.
- Gibson, S. & Dembo, M. (1984). Teacher efficacy: A construct validation. *Journal of Educational Psychology*, 76(4), 569-582.
- Glickman, C. D. (2002). *Leadership for learning: How to help teachers succeed*. Alexandria, VA: ASCD.
- Gordon, S., & Ross-Gordon, . (2004). *Supervision and Instructional Leadership(6th ed.)*. Boston: Allyn & Bacon.
- Hallinger, P., & Murphy, J. F. (1985, November). Assessing the instructional management behavior of principals. *Elementary School Journal*, 217-247.
- Henson, R. K. (2002). Teacher self-efficacy: *Substantive implication and measurement dilemmas*. Retrieved 6 February 2007 from [http://www.des.emory.edu/mfp/ERE keynote.PDF](http://www.des.emory.edu/mfp/ERE%20keynote.PDF)
- Hoy, W. K. & Woolfolk, A. E. (1993). Teachers' sense of efficacy and the organizational health of schools. *The Elementary School Journal*, 93(4), 356-372.
- Ishak Sin. (2004). Sekolah berkesan: Amalan-amalan dalam pengurusan dan pendidikan. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*, 14(2), 1-21.
- James, A.J.E. dan Balasandran Ramiah.(2012). *Kepimpinan Instruksional Satu Panduan Praktikal*. Selangor: PTS Akademia. Edisi 2.
- King, D. (2002). The changing shape of leadership. *Educational Leadership*, 59(8), 61-63. Occupational health psychology. *Work & Stress*, 24 (3), 260 – 279
- Lortie, D. C. (1975). *School teacher: A sociological study*. Chicago: University of Chicago Press.
- Pajares, F. (2002). *Self-efficacy beliefs in academic contexts: An outline*. Retrieved 31 October 2003, from <http://www.emory.edu/EDUCATION/mfp/efftalk.html>
- Robbins & Judge. (2013). *Organizational Behavior*. New Jersey: Pearson Education Inc.
- Tschannen-Moran, M., Hoy, A.W. & Hoy, W.K. (1998). Teacher efficacy: Its meaning and measure. *Review of Education Research*, 68, 202 -248.

REPUTASI, KELEBIHAN DAYA SAING DAN PRESTASI KEWANGAN INFAQ YANG DITERIMA DI KALANGAN SEKOLAH ISLAM SWASTA DI MALAYSIA

Azira Hanani Ab Rahman dan Sofri Yahya

Abstrak

Untuk mengekalkan kelebihan daya saing, organisasi harus mempunyai sumber dan menggunakannya untuk mencapai tujuan ini bagi menghasilkan prestasi yang unggul. Kebanyakan ahli akademik dan professional menganggap reputasi baik yang dimiliki oleh sesebuah organisasi adalah sumber daya yang paling berharga. Prestasi infaq yang diterima oleh sekolah Islam swasta adalah berkait rapat dengan tingkah laku para penderma. Dalam persekitaran hari ini yang sangat kompetitif dan sumber yang terhad, sekolah-sekolah Islam swasta sebagai sebuah organisasi yang bukan berasaskan keuntungan mesti memiliki imej dan reputasi yang positif bagi mendapat sokongan dan kepercayaan masyarakat. Apabila bilangan sekolah Islam swasta meningkat setiap tahun, adalah penting bagi setiap sekolah untuk mengenal pasti kelebihan daya saing mereka agar mampu menarik perhatian pihak-pihak yang berkepentingan terutamanya di kalangan para penderma. Dengan menggunakan reka bentuk tinjauan keratan rentas, kajian ini bertujuan untuk mengetahui hubungan reputasi dan kelebihan daya saing dengan prestasi kewangan infaq yang diterima oleh sekolah-sekolah Islam swasta di Malaysia. Perisian SmartPLS (v. 3.2.9) digunakan untuk menjalankan teknik Structural Equation Modeling (SEM) dan penemuan menunjukkan bahawa kelebihan daya saing dipengaruhi oleh reputasi, namun kelebihan daya saing tidak membawa kepada prestasi infaq yang diterima oleh swasta Sekolah Islam di Malaysia. Diharapkan pada masa hadapan, kajian dapat dijalankan secara berasingan terhadap institusi pondok, sekolah tahfiz serta SRI dan SMI untuk mendapatkan hasil yang lebih komprehensif.

Kata kunci: Reputasi, Kelebihan Daya Saing, Prestasi, Sumbangan, Sekolah Islam Swasta

Pengenalan

Organisasi yang bukan berasaskan keuntungan (NPO) umumnya menerima sumbangan daripada masyarakat umum, syarikat atau pihak berkepentingan yang lain. Sumbangan dari pelbagai pihak ini adalah sumber dana yang penting kerana organisasi ini bergantung kepadanya untuk menjalankan organisasi dan melaksanakan tanggungjawab mereka. Sebagai sebuah organisasi bukan berasaskan keuntungan, kebanyakan sekolah Islam swasta di Malaysia bergantung kepada sumbangan orang ramai untuk membiayai operasi mereka kerana yuran pelajar sahaja tidak mencukupi untuk menampung kos operasi dan pembangunan. Prestasi kewangan infaq yang diterima oleh sekolah Islam swasta berkait rapat dengan tingkah laku pemberi dana dan pihak berkepentingan yang lain. Dalam persekitaran yang sangat kompetitif dan sumber yang terhad, NPO mesti mencipta imej dan reputasi yang positif untuk mendapatkan sokongan dan kepercayaan masyarakat kerana imej dan reputasi sesebuah organisasi sangat penting dalam mempengaruhi tingkah laku penderma (Huang & Ku, 2016). Namun begitu, isu-isu negatif yang melibatkan sekolah-sekolah Islam swasta di Malaysia seperti yang dilaporkan oleh media tempatan sedikit sebanyak telah mencemarkan reputasi sekolah-sekolah ini. Keadaan ini telah menimbulkan kebimbangan masyarakat terhadap operasi dan kewujudan sekolah-sekolah ini (Andres, 2017; Aziz, 2018; Bernama, 2018; Ying, 2018). Tambahan pula, dengan bilangan sekolah Islam swasta yang meningkat setiap tahun (Ambotang & Majuleka, 2018; Ibrahim et al., 2005; Ismail, 2016), keadaan ini telah memaksa sekolah untuk bersaing dengan sekolah terutamanya dalam mendapatkan sumbangan daripada orang ramai. Untuk bertahan dalam industry pendidikan swasta ini,

setiap sekolah perlu mengenal pasti kelebihan daya saing masing-masing dan memastikan agar mereka dapat membina dan mengekalkan prestasi yang lebih baik daripada sekolah lain.

Oleh itu, pihak pengurusan sekolah Islam swasta perlu fokus kepada usaha-usaha untuk membina reputasi yang baik bagi menarik lebih ramai pelajar untuk belajar di institusi mereka dan juga untuk mendapatkan sokongan daripada bakal penderma. Reputasi yang baik dapat membuka jalan bagi sekolah-sekolah Islam swasta ini untuk bersaing dan dalam masa yang sama mempengaruhi pihak berkepentingan untuk menyumbang ke dana sekolah secara konsisten. Oleh itu, kajian ini cuba merungkai masalah dengan meneroka hubungan di antara reputasi, kelebihan daya saing dan prestasi kewangan infaq yang diterima oleh sekolah-sekolah Islam swasta di Malaysia.

Kajian ini terdiri daripada empat bahagian. Pertama, kajian ini membincangkan gambaran keseluruhan reputasi dan kelebihan daya saing. Kedua, tinjauan literatur dan kajian lalu yang berkaitan dengan reputasi, kelebihan daya saing dan prestasi kewangan, serta kerangka penyelidikan dan hipotesis akan dijelaskan dan dijelaskan. Ketiga, kaedah kajian dikemukakan. Akhirnya, hasil kajian disajikan, dianalisis dan dibahas, diikuti dengan kesimpulan termasuk implikasi pengurusan mengenai reputasi akan diberikan.

Kajian Literatur

Prestasi Kewangan

Roberts dan Dowling (2002) berpendapat bahawa organisasi dengan aset yang tidak ternilai (*priceless*), luarbiasa (*rare*), dan sukar untuk ditiru (*inimitable*) seperti reputasi yang baik dan kelebihan daya saing mampu mencapai prestasi kewangan yang unggul. Reputasi sangat penting untuk meningkatkan nilai entiti serta mampu mengatasi pesaing lain. Prestasi kewangan dapat diukur dengan menggunakan beberapa kaedah. Banyak kajian telah menggunakan pendekatan subjektif untuk mengukur prestasi kewangan atas beberapa faktor. Menurut Man (2011), seperti yang dipetik oleh Agyemang dan Ansong (2017), kaedah lain untuk menilai prestasi kewangan organisasi adalah dengan menggunakan skala ukuran dan bukannya menggunakan angka sebenar. Ini kerana responden yang terdiri daripada pengurus dan pemilik biasanya enggan untuk memberikan fakta kewangan yang dianggap sulit. Secara amnya, pengurus tidak akan mendedahkan data prestasi sebenar jika dianggap sensitif atau sulit secara komersial. Oleh kerana maklumat kewangan mengenai sekolah Islam swasta tidak disiarkan secara terbuka, dan kemungkinan pihak pengurusan sekolah tidak mahu mendedahkan maklumat sulit mereka, kajian ini menggunakan pendekatan subjektif untuk mengukur prestasi kewangan dan menyesuaikan skala ukuran yang digunakan oleh Suomi (2015) untuk mengukur kecukupan infaq yang diterima.

Kelebihan Daya Saing

Secara amnya, kelebihan daya saing dilihat sebagai bagaimana organisasi dapat menunjukkan prestasi yang lebih baik daripada pesaing mereka dalam industri yang sama. Kelebihan daya saing adalah faktor kejayaan jangka panjang dan penentu kelangsungan dan pembangunan sesebuah organisasi. Barney (1991) menekankan bahawa apabila organisasi memiliki beberapa sumber dan keupayaan yang unik serta sukar ditandingi oleh pesaing maka ia dinamakan kelebihan daya saing. Organisasi bukan berasaskan keuntungan sering bersaing untuk mengumpulkan sumber yang terhad yang terdiri daripada wang dan barangan sumbangan, sukarelawan, dan lain-lain. Reputasi yang baik adalah sumber yang strategik kerana ia mampu menunjukkan status persaingan organisasi terbabit berbanding pesaingnya. Organisasi yang mempunyai reputasi yang baik mempunyai kelebihan berbanding pesaingnya (Carmeli & Tishler, 2005). Bagi sekolah Islam swasta, kelebihan daya saing adalah keadaan di mana sekolah-sekolah ini dapat mencapai dan mengekalkan kelebihan

yang mereka ada berbanding sekolah lain. Ini membolehkan elemen daya saing dinilai oleh pihak yang berkenaan melalui faktor penentu yang berkaitan. Apabila sekolah Islam swasta tertentu memperoleh kelebihan daya saing, ini bermaksud sekolah tersebut mempunyai sesuatu yang tidak dimiliki oleh orang lain, dan sekolah itu mempunyai prestasi yang lebih baik daripada yang lain atau melakukan sesuatu yang tidak dapat dilakukan oleh sekolah lain.


Reputasi

Reputasi merujuk kepada persepsi pihak berkepentingan mengenai keupayaan organisasi untuk mencipta nilai berbanding dengan pesaingnya (Rindova et al., 2005). Hall (1993) mencadangkan bahawa reputasi adalah sumber kritikal kelebihan daya saing di mana pengurusan organisasi harus memberi perhatian serius terhadap sumber sensitif ini. Beberapa ciri reputasi adalah ianya dibina dari masa ke masa, wang tidak dapat membelinya dan ianya juga mudah musnah. Reputasi positif mampu memberikan banyak faedah kepada sesebuah organisasi terutamanya keuntungan dalam jangka masa yang panjang (Roberts & Dowling, 2002). Bagi NPO, reputasi sangat penting kerana ia mempengaruhi tingkah laku penderma dan meningkatkan daya saing organisasi dalam hal pengumpulan dana (Bennett & Gabriel, 2003). Sesebuah organisasi dengan reputasi yang baik diharapkan oleh masyarakat umum untuk bersikap positif yang mempengaruhi kesediaan mereka untuk menyumbang kepada sumbangan amal.

Hipotesis

- H1: Reputasi mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan kelebihan daya saing
- H2: Kelebihan daya saing mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan prestasi kewangan infaq yang diterima
- H3: Kelebihan daya saing menjadi penghubung hubungan di antara reputasi dan prestasi kewangan infaq yang diterima

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, maka model kajian konseptual dapat dijelaskan seperti dalam Gambar rajah 1.



Rajah 1. Model Kajian

Metodologi Kajian

Populasi dan Saiz Sampel

Terdapat 1148 sekolah Islam swasta berdaftar yang disenaraikan oleh JAKIM. Walaubagaimanapun, kajian ini hanya akan merangkumi sekolah-sekolah Islam swasta yang telah ditubuhkan selama lebih dari lima tahun. Senarai sekolah diperoleh dari portal JAKIM dan juga dari senarai yang disediakan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Memandangkan data yang ada dalam portal JAKIM dan MAIN adalah tidak lengkap, populasi kajian ini hanya terdiri daripada 345 sekolah. Rujuk Jadual 1 untuk jumlah sekolah Islam swasta di Malaysia mengikut kategori sekolah.

Jadual 1

Jumlah Sekolah Agama Swasta Mengikut Negeri bagi tahun 2019

Negeri	Pondok/ Madrasah	Sekolah Tahfiz	SRI	SMI	Jumlah
Kelantan	15	19	11	2	47
Terengganu	2	1	0	1	4
Pahang	1	2	4	1	8
Perlis	1	3	0	0	4
Pulau Pinang	3	9	2	1	15
Kedah	18	34	6	4	62
Perak	5	20	4	2	31
Selangor	5	63	31	4	103
Melaka	6	7	0	3	16
Neg Sembilan	0	11	3	1	15
Johor	5	19	6	5	35
Sabah	0	0	0	0	0
Sarawak	0	0	2	0	2
Wilayah Persekutuan	0	1	1	1	3
					345

Kaedah pengumpulan data

Sebanyak 200 borang kaji selidik telah diedarkan ke sekolah-sekolah Islam swasta. Untuk meningkatkan kadar maklumbalas, soal selidik telah disampaikan sendiri oleh penyelidik dan wakil-wakil yang telah dilantik melalui kunjungan secara terus ke sekolah yang terbabit. Panggilan telefon dibuat sebelum mengunjungi sekolah-sekolah tersebut untuk sesi temu janji. Selain itu, borang kaji selidik juga telah diemail ke sekolah-sekolah yang lain dan pihak sekolah telah diminta untuk melengkapkan borang tersebut dan mengembalikan jawapannya secara atas talian.

Jadual 2

Pengedaran Borang kaji Selidik kepada Responden

Kategori Sekolah	Jumlah Sekolah	Peratus	Jumlah Peruntukkan Borang Kaji Selidik (% x 200)
Pondok/ Madrasah	61	18%	36
Tahfiz	189	55%	110
SRI	70	20%	40
SMI	25	7%	14
Jumlah	345	100%	200

Analisa Data

Kajian ini menggunakan dua teknik analisis statistik, iaitu Statistic Package for Social Science (SPSS) dan SmartPLS (PLS-SEM) versi 3.2.9. SPSS digunakan untuk menganalisis statistik asas sampel. Manakala, analisis faktor pengesanan dan pengujian hipotesis dilakukan menggunakan SmartPLS.

Hasil Dapatan Kajian dan Perbincangan*Kadar Maklumbalas*

Sebanyak 200 borang kaji selidik telah diedarkan ke sekolah-sekolah Islam swasta. Daripada jumlah tersebut, 78% (148 borang) telah diisi dan dikembalikan. Walau bagaimanapun, dua borang dikecualikan kerana responden memberikan jawapan yang serupa (garis lurus) untuk semua soalan menjadikan hanya 146 tinjauan lengkap yang dapat digunakan (kadar maklumbalas adalah sebanyak 73%). Ringkasan kadar pengembalian boring kaji selidik ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3

Kadar Maklumbalas

Kategori Sekolah	Jumlah Sekolah	Jumlah Borang Yang Diedar	Jumlah Borang Yang Diterima Balik	Kesahan
SRI	70	40	31	31
SMI	25	14	9	9
Tahfiz School	189	110	85	83
Pondok/Madrasah	61	36	23	23
Total	345	200	148	146

Analisis Deskriptif

Jumlah responden tertinggi adalah daripada sekolah Tahfiz, diikuti oleh SRI, Pondok / Madrasah dan SMI. Sebahagian besar sekolah terletak di Wilayah Utara, namun Selangor mencatat jumlah responden yang tertinggi. Majoriti sekolah yang terlibat dalam kajian ini telah beroperasi di antara 5-10 tahun manakala terdapat 4 buah sekolah yang telah ditubuhkan lebih daripada 50 tahun. Dari segi jumlah pekerja, kebanyakan sekolah mempunyai di antara 2-20 orang pekerja. Manakala, majoriti sekolah mempunyai lebih daripada 100 orang pelajar

dengan jumlah pelajar tertinggi adalah seramai 1,248 orang. Dari segi yuran yang dikenakan kepada pelajar, 4.8% sekolah tidak mengenakan sebarang yuran atau tidak mengenakan bayaran tetap. Ini bermaksud pelajar membayar yuran berdasarkan kemampuan ibu bapa mereka. Sebahagian besar sekolah mengenakan yuran pengajian dari RM 151 - RM 250 sebulan. Manakala, bagi jumlah sumbangan yang diterima, majoriti sekolah menerima sumbangan kurang dari RM 30,000 setahun (56.16%) dan hanya 5 sekolah yang menerima lebih dari RM 150,000 setahun (3.42%). Tambahan pula, 15.28% responden merasakan bahawa sumbangan yang diterima tidak mencukupi sama sekali dan 44.44% merasakan bahawa sumbangan yang diterima hanya mencukupi sedikit daripada jumlah yang diperlukan sebenar.


Ujian Hipotesis

Ujian hipotesis yang dijalankan mendapati R^2 untuk pemboleh ubah bersandar (prestasi kewangan infaq) adalah 0.031, yang bermaksud bahawa hanya 3.1% varians yang dapat dijelaskan oleh reputasi. Hasil ini dianggap lemah. Manakala R^2 untuk kelebihan daya saing (0.216) boleh dianggap sebagai sederhana. Ini menunjukkan bahawa 21.6% dari kelebihan daya saing dapat dijelaskan oleh reputasi. Seterusnya, f^2 adalah ujian pelengkap untuk R^2 , di mana perubahan pada R^2 diperhatikan dengan peninggalan sebarang pemboleh ubah terpilih dari model. Hasil nilai f^2 untuk semua kombinasi konstruk pemboleh menunjukkan bahawa reputasi mempunyai pengaruh sederhana terhadap kelebihan daya saing (0.14). Sebaliknya, kelebihan daya saing didapati tidak mempengaruhi prestasi kewangan (0.00). Kelebihan daya saing tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi kewangan ($\beta = 0.05$, $T = 0.023$, $p = 0.491$). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kelebihan daya saing tidak memantapkan hubungan di antara reputasi dengan prestasi kewangan.

Jadual 4

Path Coefficient

Hipotesis	Hubungan	Beta	Std Error	Nilai T	Nilai P	f^2
H1	Reputasi > Kelebihan Daya Saing	0.382	0.098	3.834**	0.000	0.141
H2	Kelebihan Daya Saing > Prestasi Kewangan	0.005	0.092	0.023	0.491	0.000



Rajah 2. Keputusan Hubungan Mediator

Perbincangan dan Kesimpulan

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara reputasi dan kelebihan daya saing sekolah Islam swasta di Malaysia. Oleh sebab itu, cadangan kajian ini mengesahkan bahawa reputasi adalah salah satu sumber dalaman terpenting yang harus dipertimbangkan oleh organisasi bagi memperoleh kelebihan daya saing. Disebabkan bilangan sekolah Islam swasta yang banyak di Malaysia adalah sukar bagi penderma untuk memutuskan sekolah mana yang harus mereka hulurkan sumbangan. Justeru itu, bagi memperoleh sumber kewangan daripada sumbangan orang ramai, sekolah-sekolah Islam swasta harus memiliki keunikan serta kelebihan daya saing mereka sendiri. Reputasi yang baik adalah pemacu utama untuk kelebihan daya saing bagi tempoh jangka panjang dan memastikan pembiayaan kewangan yang berterusan daripada para penderma (Roberts & Dowling, 2002; Sarstedt & Schloderer, 2010; Tuckman, 1998).

Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati bahawa kelebihan daya saing tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi kewangan infaq. Ini bermaksud bahawa kelebihan daya saing tidak mempengaruhi prestasi kewangan infaq yang diterima oleh sekolah Islam swasta di Malaysia. Walaupun beberapa sekolah Islam swasta dapat mengekalkan kelebihan daya saing berbanding sekolah lain, faktor lain harus dipertimbangkan ketika menjelaskan mengapa kelebihan daya saing ini tidak mempengaruhi prestasi kewangan dari sudut infaq yang diterima. Antara faktor yang harus dipertimbangkan adalah lokasi sekolah, komunikasi yang berkesan, peranan Persatuan Ibu Bapa-Guru (PIBG) dan jumlah yuran yang dikenakan kepada setiap pelajar. Lokasi sekolah memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi sumbangan yang diterima oleh pihak sekolah. Kebiasaannya, sekolah yang berada di kawasan bandar serta berhampiran dengan penempatan penduduk dan pusat komersial, mampu meraih sumbangan yang lebih tinggi daripada sekolah yang berada di luar bandar. Walaubagaimanapun, jika sekolah-sekolah ini memanfaatkan kemudahan teknologi yang ada bagi meningkatkan komunikasi dengan pihak penderma, adalah tidak mustahil sekolah yang berada di luar bandar juga mamapu mendapat sumbangan yang besar. Di samping itu, PIBG turut perlu memainkan peranan yang aktif dalam mendapatkan sumbangan. Hasil kajian oleh Raman dan Sua (2015) mendapati sekolah-sekolah swasta Cina mampu memperoleh sumbangan yang tinggi daripada masyarakat dan badan-badan korporat hasil daripada kerjasama yang dijalankan oleh pihak sekolah serta PIBG. Seterusnya, yuran yang dikenakan ke atas pelajar. Dikatakan bahawa 70% daripada kos operasi sekolah dibelanjakan untuk gaji guru dan kakitangan serta perbelanjaan utiliti. Oleh itu, sekolah Islam swasta yang mengenakan yuran yang sangat rendah atau memberikan subsidi yuran yang tinggi kepada pelajarinya sangat perlu bergantung kepada infaq daripada orang ramai.

Penghargaan

Kajian penyelidikan ini telah dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan juga Universiti Malaysia Kelantan di bawah program SLAB. Pengkaji juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Dr Kati Suomi dari University of Turku, Finland kerana telah berkongsi maklumat berkaitan kajian yang terlibat. Penghargaan ini juga ditujukan kepada Ustaz Abdul Rashid b Abdul Lateh, Pengetua SRI Aman Wakaf Bharu, Ustaz Ahmad Shairazi b Hj Atiqullah, Setiausaha Umum Pusat Pembangunan Pondok Berhad, Ustaz Usman b Alias, Pengarah Pusat Pendidikan Aman, Ustaz Nik Omar b Nik Abdul Aziz, Pengerusi YADIM, Ustaz Nik Mohd Azam Nik Wajis dan semua pengetua, pengerusi, guru dan semua responden daripada sekolah pondok, tahfiz, SRI dan SMI di atas sokongan dan kerjasama yang telah diberikan.

Rujukan

- Agyemang, O. S., & Ansong, A. (2017). Corporate social responsibility and firm performance of Ghanaian SMEs. *Journal of Global Responsibility*, 8(1), 47–62. <https://doi.org/10.1108/JGR-03-2016-0007>
- Ambotang, A. S., & Majuleka, N. A. (2018, January 17). Peranan Sekolah Agama Rakyat dalam pembentukan modal insan. *Utusan Borneo*.
- Andres, L. (2017, September 17). History repeats itself because we fail to learn from the past. *New Straits Times*.
- Aziz, M. A. F. A. (2018, March 21). Kuantan tahfiz worker to be charged with sexual abuse of 10 boys. *New Straits Times*.
- Barney, J. (1991). Firm Resources and Sustained Competitive Advantage. *Journal of Management*, 17(1), 99–120. <https://doi.org/10.1177/014920639101700108>
- Bennett, R., & Gabriel, H. (2003). Image and Reputational Characteristics of UK Charitable Organizations: An Empirical Study. *Corporate Reputation Review*, 6(3), 276–289. <https://doi.org/10.1057/palgrave.crr.1540206>
- Bernama. (2018, September 2). Two teachers detained for allegedly threatening to cut off boy's private part. *New Straits Times*.
- Carmeli, A., & Tishler, A. (2005). Perceived organizational reputation and organizational performance: An empirical investigation of industrial enterprises. *Corporate Reputation Review*, 8(1), 13–30.
- Chin, W. W. (2010). How to Write Up and Report PLS Analyses. In *Handbook of Partial Least Squares*. Springer Handbooks. <https://doi.org/10.1007/978-3-540-32827-8>
- Hair, J. F., Ringle, C. M., & Sarstedt, M. (2011). *PLS-SEM: Indeed a Silver Bullet*. 19(2), 139–151. <https://doi.org/10.2753/MTP1069-6679190202>
- Hall, R. (1993). A Framework Linking Intangible Resources and Capabilities to Sustainable Competitive Advantage. *Strategic Management Journal*, 14, 607–618.
- Hazen, B. T., Overstreet, R. E., & Boone, C. A. (2015). Suggested reporting guidelines for structural equation modeling in supply chain management research. *International Journal of Logistics Management*, 26(3), 627–641. <https://doi.org/10.1108/IJLM-08-2014-0133>
- Huang, S. L., & Ku, H. H. (2016). Brand image management for nonprofit organizations: Exploring the relationships between websites, brand images and donations. *Journal of Electronic Commerce Research*, 17(1), 80–96.
- Ibrahim, M. S., Aziz, S. A., & Azman, N. (2005). Amalan Pengurusan Berasaskan Sekolah di Sekolah-sekolah Swasta di Malaysia: Satu Tinjauan. In *Jurnal Pendidikan*. Institut Aminuddin Baki, KPM.
- Ismail, S. (2016). Institusi Tahfiz di Malaysia : Prospek dan Cabaran. *Simposium Antarabangsa Tahfiz*.
- Raman, S. R., & Sua, T. Y. (2015). The Development of Chinese Education in Malaysia : Problems and Challenges (Issue 2). <https://www.iseas.edu.sg/images/pdf/WP2015-02.pdf>
- Rindova, V. P., Williamson, I. O., Petkova, A. P., & Sever, J. M. (2005). Being good or being known: An empirical examination of the dimensions, antecedents, and consequences of organizational reputation. *Academy of Management Journal*, 48(6), 1033–1049. <https://doi.org/10.5465/AMJ.2005.19573108>
- Roberts, P. W., & Dowling, G. R. (2002). Corporate reputation and sustained superior financial performance. *Strategic Management Journal*, 23(12), 1077–1093. <https://doi.org/10.1002/smj.274>
- Sarstedt, M., & Schloderer, M. P. (2010). Developing a measurement approach for reputation of non-profit organizations. *International Journal of Nonprofit and Voluntary Sector Marketing*, 15, 276–299. <https://doi.org/10.1002/nvsm>
- Skallerud, K. (2011). School reputation and its relation to parents' satisfaction and loyalty. *International Journal of Education Management*, 25(7), 671–686. <https://doi.org/10.1108/09513541111172081>
- Suomi, K. (2015). *Managing Brand Identity and Reputation - A Case Study from Finnish Higher Education*. University of Turku.
- Tuckman, H. P. (1998). Competition, Commercialization, and the Evolution of Nonprofit Organizational Structures. *Journal of Policy Analysis and Management*, 17(2), 175–194.
- Ying, T. P. (2018, April 9). Four girls injured in Subang Jaya tahfiz school fire. *New Straits Times*.

KECUKUPAN SUMBANGAN (INFAQ) DI KALANGAN SEKOLAH AGAMA SWASTA DI MALAYSIA: PERANAN REPUTASI

Azira Hanani Ab Rahman dan Sofri Yahya

Abstrak

Sumber kewangan yang mencukupi adalah penting untuk memastikan organisasi yang tidak berasaskan keuntungan (NPO) dapat mencapai tujuan dan objektif yang telah ditetapkan serta untuk memastikan organisasi tersebut terus berdaya saing dan relevan. Sekolah Islam swasta di Malaysia merupakan organisasi yang diasaskan oleh individu, badan bukan kerajaan atau pertubuhan Islam bagi memenuhi keperluan masyarakat Islam untuk mendapatkan pendidikan akademik dan agama yang seimbang kepada anak-anak mereka. Namun begitu, kebanyakan sekolah Islam swasta di Malaysia menghadapi masalah kewangan yang telah menyebabkan aktiviti dan pembangunan yang telah dirancang tidak dapat dilaksanakan dengan baik. Sumber kewangan utama untuk sekolah agama Islam swasta ini adalah yuran pelajar, walaubagaimanapun yuran sahaja tidak mencukupi untuk menampung keseluruhan kos operasi dan pembangunan yang dirancang. Oleh itu, sekolah Islam swasta di Malaysia sangat bergantung pada sumbangan daripada individu serta badan korporat. Dengan menggunakan reka bentuk tinjauan keratan rentas, kajian ini bertujuan untuk mengetahui hubungan reputasi dengan kecukupan sumbangan yang diterima oleh sekolah-sekolah Islam swasta di Malaysia. Perisian Smartpls (v. 3.2.9) digunakan untuk menganalisa data dan hasil kajian menunjukkan bahawa kecukupan sumbangan yang diterima oleh sekolah-sekolah Islam swasta di Malaysia dipengaruhi oleh reputasi yang baik. Untuk mendapatkan hasil yang lebih komprehensif, adalah diharapkan agar kajian pada masa depan dapat dilakukan secara berasingan terhadap institusi pondok, sekolah tahfiz serta SRI dan SMI.

Kata Kunci: Sumber kewangan, Sekolah Islam Swasta, Sumbangan, Reputasi

Pengenalan

Adalah menjadi kebiasaan bagi organisasi bukan berasaskan keuntungan (NPO) untuk menerima sumbangan daripada masyarakat umum, syarikat atau pihak berkepentingan yang lain. Sumbangan yang diterima daripada pelbagai pihak ini merupakan sumber pembiayaan yang penting kerana organisasi ini bergantung kepadanya untuk memastikan perjalanan organisasi mereka berjalan dengan lancar sekaligus dapat menunaikan tanggungjawab mereka kepada pihak yang memerlukan (Banding & Mayangsari, 2017; Donkers et al., 2016; Kashif et al., 2015). Sumber kewangan yang mencukupi adalah penting untuk memastikan organisasi ini dapat mencapai tujuan dan objektif yang telah ditentukan serta untuk memastikan organisasi tersebut terus berdaya saing dan relevan.

Kecukupan jumlah sumbangan yang diterima oleh sekolah-sekolah Islam swasta adalah berkait rapat dengan tingkah laku penderma yang terdiri daripada orang perseorangan, badan-badan korporat dan juga pihak-pihak yang lain. Dalam persekitaran yang sangat kompetitif dan sumber yang terhad, NPO mesti memastikan imej dan reputasi yang dimiliki adalah positif bagi mendapatkan sokongan dan kepercayaan masyarakat. Keadaan ini boleh membantu NPO untuk mendapat lebih banyak sumbangan kerana imej dan reputasi merupakan elemen yang sangat penting dalam mempengaruhi tingkah laku penderma (Huang & Ku, 2016). Penemuan dari Sargeant (2001) dan Sargeant dan Lee (2002) menunjukkan bahawa penderma cenderung untuk menderma kepada organisasi yang mempunyai reputasi yang baik. Penemuan ini juga disokong oleh Moraga, Parraga, dan Barra, (2010). Penderma lebih suka menyalurkan sumbangan dan meningkatkan jumlah sumbangan sekiranya

penderma percaya bahawa organisasi itu mempunyai reputasi yang baik. Kong dan Farrell (2010) juga berpendapat bahawa reputasi adalah elemen dominan yang menyokong organisasi yang bukan berasaskan keuntungan dalam membangun dan mengurus rangkaian hubungan yang baik dengan pihak berkepentingan.

Namun, isu-isu negatif yang dilaporkan di media tempatan berkaitan dengan sekolah-sekolah Islam swasta di Malaysia sedikit sebanyak telah mencemarkan reputasi sekolah-sekolah ini. Keadaan ini telah menimbulkan kebimbangan masyarakat terhadap operasi dan kewujudan sekolah-sekolah ini (Andres, 2017; Aziz, 2018; Bernama, 2018; Ying, 2018). Isu dan insiden negatif ini bukan saja mencemarkan reputasi sekolah, tetapi ia turut mempengaruhi para penderma untuk mengurangkan derma bagi dana sekolah ini.

Antara cabaran terbesar yang dihadapi oleh sekolah-sekolah Islam swasta di Malaysia adalah mengekalkan kelangsungan kewangannya dalam jangka masa panjang (Shamsuri, 2018). Pendapatan kewangan yang mencukupi adalah sangat penting bagi memastikan perkembangan fizikal berjalan lancar seperti yang dirancang, kesejahteraan guru dan kakitangan lain terjamin, persekitaran pembelajaran yang kondusif dan sebagainya. Namun, sebagai sebuah organisasi yang bukan berasaskan keuntungan, kebanyakan sekolah Islam swasta di Malaysia berhadapan dengan masalah kekurangan dana yang boleh membantutkan perkembangan sekolah serta gagal menyediakan kemudahan yang mencukupi untuk pelajar mereka kerana kebanyakan sekolah ini dikendalikan oleh individu, badan bukan kerajaan (NGO) atau Yayasan Islam yang hanya bergantung kepada yuran pelajar sebagai sumber kewangan utama (Daud et al., 2012). Sekolah-sekolah Islam swasta di Malaysia tidak semata-mata berorientasikan keuntungan, tetapi yang lebih penting lagi, sekolah-sekolah ini berfungsi untuk menyediakan pendidikan Islam sebagai alternatif sistem pendidikan kebangsaan. Oleh itu, yuran pengajian yang dikenakan oleh sekolah-sekolah ini agak rendah berbanding dengan sekolah swasta lain di Malaysia. Di samping itu, terdapat juga sekolah-sekolah yang memberikan subsidi yuran pengajian yang tinggi kepada murid-murid tertentu seperti seperti anak yatim dan pelajar dari keluarga yang sangat miskin. Malahan terdapat juga sekolah yang tidak mengenakan sebarang yuran kepada pelajar-pelajar ini.

Kajian Literatur

Reputasi kini menjadi semakin penting, bukan sahaja di kalangan entiti perniagaan tetapi juga di kalangan sekolah (Badri & Mohaidat, 2014; Bond & King, 2003; Hollingworth & Archer, 2010; Skallerud, 2011; Vidaver-Cohen, 2007) dan juga di kalangan organisasi bukan berasaskan keuntungan (Peng et al., 2019; Schultz et al., 2019; Willems et al., 2019). Reputasi merujuk kepada persepsi pihak yang berkepentingan mengenai kemampuan sesebuah organisasi dalam meningkatkan nilai tambah organisasi tersebut berbanding dengan pesaingnya (Rindova et al., 2005). Reputasi positif yang dimiliki oleh sesebuah organisasi mampu banyak faedah serta keuntungan jangka panjang kepada organisasi tersebut (Roberts & Dowling, 2002).

Kajian-kajian yang terdahulu menekankan pentingnya reputasi terutama kepada organisasi bukan berasaskan keuntungan dalam memastikan sumbangan yang berterusan dalam jangka panjang, menyokong kerjasama dengan organisasi lain, dapat menarik sukarelawan dan kakitangan berkualiti tinggi, mamapu meningkatkan kepercayaan masyarakat serta menyediakan akses kepada kontrak kerajaan dan prospek kolaborasi yang lain (Peng et al., 2019; Sarstedt & Schloderer, 2010; Schultz et al., 2019).

Reputasi dapat diukur dalam beberapa indikasi. Di samping itu, terdapat beratus-ratus indikator yang digunakan untuk memberi penarafan prestasi di peringkat sekolah di seluruh dunia. Antaranya adalah modal intelektual, rangkaian sekolah, kompetensi pelajar, kepimpinan, persekitaran tempat kerja, aktiviti kemasyarakatan dan inovasi.

Modal intelektual adalah merujuk kepada aset peribadi yang dimiliki oleh seseorang individu seperti pendidikan, warisan genetik, pengalaman serta sikap mengenai sesuatu perihal dan kehidupan (Marr et al., 2004). Ianya juga merujuk kepada asset yang dimiliki oleh individu seperti kemahiran, pengetahuan, pengalaman serta merangkumi komitmen, kecekapan, kesetiaan, dan motivasi (Roos, 1998). Kajian-kajian terdahulu mengiktiraf modal intelektual sebagai antara faktor yang penting dalam mempengaruhi prestasi serta nilai sesebuah organisasi (Cohen & Kaimenakis, 2007; Li, Pike, & Haniffa, 2008; Santoso, 2011).

Jaringan adalah elemen yang penting bagi sesebuah organisasi dalam menjalinkan hubungan dengan pihak luar yang berkepentingan. Banyak sarjana mengaitkan hubungan antara sesebuah organisasi dan pihak luar yang berkepentingan sebagai prasyarat untuk membina reputasi (Grunig & Hung, 2002). Tambahan pula, NPO perlu menumpukan usaha untuk membina hubungan yang profesional dengan bakal penderma kerana kepercayaan dan keyakinan daripada penderma biasanya memakan masa yang agak panjang sebelum penderma membuat keputusan untuk menyumbang kepada organisasi tersebut terutamanya dalam jumlah yang besar dan di dalam jangka masa yang panjang.

Pelajar merupakan produk utama bagi sesebuah sekolah. Cabrera et al. (2005) menegaskan bahawa kualiti, reputasi dan imej sesebuah sekolah antara lainnya bergantung pada kemampuan, kecekapan serta kompetensi para pelajarnya. Jackson dan Bisset (2005) menekankan bahawa reputasi sekolah dan prestasi akademik pelajar adalah ciri utama yang dinilai oleh para ibu bapa dalam memilih sekolah untuk anak-anak mereka. Sebilangan besar ibu bapa memilih sekolah yang mempunyai rekod pencapaian akademik yang baik.

Kepimpinan pihak pengurusan memainkan peranan yang signifikan dan penting bagi sesebuah NPO. Pengurusan atasan terlibat dalam setiap aspek organisasi seperti perancangan strategik, pengawasan pekerja dan keseluruhan operasi organisasi melalui kerjasama yang erat dengan ahli-ahlinya serta lembaga pengarah (Kearns et al., 2015). Kejayaan atau kegagalan sesebuah sekolah biasanya bergantung kepada kemahiran kepemimpinan yang ditunjukkan oleh pengurusan atasan (Vidaver-Cohen, 2007; Wang, Gurr, & Drysdale, 2016). Dalam satu kajian yang dijalankan oleh Wang et al., (2016) mendapati kejayaan sesebuah sekolah amat bergantung kepada kepimpinan yang dimainkan oleh seseorang pengetua. Pengetua juga berperanan untuk menjalinkan kerjasama dengan pihak dalaman dan luaran sekolah di mana kerjasama yang baik dengan pihak berkepentingan membolehkan sekolah mendapat sokongan kewangan untuk pembangunan sesebuah sekolah.


Persekitaran tempat kerja memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi motivasi serta kepuasan bekerja seseorang individu. Kajian terdahulu mendapati bahawa pekerja yang berpuas hati biasanya mampu berkhidmat dengan organisasi tersebut dalam jangka masa panjang, cenderung untuk tidak mengundurkan diri serta cenderung untuk memberikan penilaian yang baik kepada organisasi (Fombrun, Ponzi, & Newburry, 2015). Manakala Ahmed, Nanda, dan Schnusenberg (2010) dalam kajian mereka mendapati organisasi yang mempunyai rekod kepuasan pekerja yang tinggi mampu memperoleh reputasi yang lebih baik.

Sebahagian daripada kajian mendapati aktiviti kemasyarakatan yang dilakukan mampu meningkatkan imej dan reputasi sesebuah organisasi (Freund, 2006; Matten & Crane, 2005; Sandberg, 2012; Vidaver-Cohen, 2007). Aktiviti ini mampu merapatkan hubungan organisasi dengan masyarakat setempat. Pengurusan sekolah yang mendorong guru dan pelajar untuk terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan dengan menyumbang kepada mereka yang kurang bernasib baik terutama di kawasan tempat mereka tinggal atau di mana sekolah itu terletak akan memberi kesan tidak langsung dan positif kepada sekolah terbabit.

Dalam sektor pendidikan, tujuan inovasi adalah untuk meningkatkan kecekapan pendidikan dari sudut ekonomi, hasil dan juga proses sama ada di antara sistem sekolah itu

sendiri atau sistem di kalangan sekolah-sekolah yang lain serta orang awam. Dari sudut ekonomi, inovasi mampu mengurangkan kos-kos yang terlibat tanpa mengorbankan kualiti hasil atau proses yang diinginkan (Lake, 2008).

Oleh itu, usaha ke arah membina reputasi yang baik perlu diberi perhatian oleh pengurusan sekolah Islam swasta untuk menarik lebih ramai pelajar untuk belajar di institusi mereka dan juga untuk mendapatkan sokongan dari penderma. Reputasi yang baik mampu memberikan daya saing yang baik kepada sekolah ini seterusnya dapat mempengaruhi pihak berkepentingan untuk menyumbang kepada dana sekolah secara konsisten. Kajian ini cuba merungkai masalah dengan meneroka hubungan di antara reputasi dan kecukupan sumbangan yang diterima oleh sekolah-sekolah Islam swasta di Malaysia. Model penyelidikan konseptual dapat dijelaskan seperti dalam Gambar 1 di bawah:



Rajah 1. Kerangka Konseptual

Kertas kajian ini terdiri daripada lima bahagian. Bahagian pertama membincangkan gambaran keseluruhan reputasi dan kaitannya dengan kecukupan sumbangan yang diterima oleh sekolah-sekolah Islam swasta di Malaysia. Bahagian kedua, sorotan kajian lepas dibentangkan. Seterusnya bahagian ketiga membincangkan mengenai model dan kaedah yang digunakan untuk menyelidiki hubungan antara konsep-konsep ini akan dihuraikan dan dijelaskan. Keempat, hasil kajian dikemukakan, dianalisis dan dibincangkan. Akhirnya, kesimpulan termasuk implikasi pengurusan mengenai reputasi akan diberikan.

Metodologi Kajian

Populasi dan Saiz Sampel

Terdapat 1148 sekolah Islam swasta berdaftar yang disenaraikan oleh JAKIM. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya akan merangkumi sekolah-sekolah Islam swasta yang telah

ditubuhkan selama lebih dari lima tahun. Senarai sekolah diperoleh dari portal JAKIM dan juga dari senarai yang disediakan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Memandangkan data yang ada dalam portal JAKIM dan MAIN adalah tidak lengkap, populasi kajian ini hanya terdiri daripada 345 sekolah. Rujuk Jadual 1 untuk jumlah sekolah Islam swasta di Malaysia mengikut kategori sekolah.

Jadual 1

Jumlah Sekolah Agama Swasta Mengikut Negeri bagi tahun 2019

Negeri	Pondok/ Madrasah	Sekolah Tahfiz	SRI	SMI	Jumlah
Kelantan	15	19	11	2	47
Terengganu	2	1	0	1	4
Pahang	1	2	4	1	8
Perlis	1	3	0	0	4
Pulau Pinang	3	9	2	1	15
Kedah	18	34	6	4	62
Perak	5	20	4	2	31
Selangor	5	63	31	4	103
Melaka	6	7	0	3	16
Neg Sembilan	0	11	3	1	15
Johor	5	19	6	5	35
Sabah	0	0	0	0	0
Sarawak	0	0	2	0	2
Wilayah Persekutuan	0	1	1	1	3
					345

Kaedah pengumpulan data

Sebanyak 200 borang kaji selidik telah diedarkan ke sekolah-sekolah Islam swasta. Untuk meningkatkan kadar maklumbalas, soal selidik telah disampaikan sendiri oleh penyelidik dan wakil-wakil yang telah dilantik melalui kunjungan secara terus ke sekolah yang terbabit. Panggilan telefon dibuat sebelum mengunjungi sekolah-sekolah tersebut untuk sesi temu janji. Selain itu, borang kaji selidik juga telah diemail ke sekolah-sekolah yang lain dan pihak sekolah telah diminta untuk melengkapkan borang tersebut dan mengembalikan jawapannya secara atas talian.

Jadual 2

Pengedaran Borang kaji Selidik kepada Responden

Kategori Sekolah	Jumlah Sekolah	Peratus	Jumlah Peruntukkan Borang Kaji Selidik (% x 200)
Pondok/ Madrasah	61	18%	36
Tahfiz	189	55%	110
SRI	70	20%	40
SMI	25	7%	14
Jumlah	345	100%	200

Analisa Data

Kajian ini menggunakan dua teknik analisis statistik, iaitu Statistic Package for Social Science (SPSS) dan SmartPLS (PLS-SEM) versi 3.2.9. SPSS digunakan untuk menganalisis statistik asas sampel. Manakala, analisis faktor pengesahan dan pengujian hipotesis dilakukan menggunakan SmartPLS.

Hasil Dapatan Kajian dan Perbincangan*Kadar Maklumbalas*

Sebanyak 200 borang kaji selidik telah diedarkan ke sekolah-sekolah Islam swasta. Daripada jumlah tersebut, 78% (148 borang) telah diisi dan dikembalikan. Walau bagaimanapun, dua borang dikecualikan kerana responden memberikan jawapan yang serupa (garis lurus) untuk semua soalan menjadikan hanya 146 tinjauan lengkap yang dapat digunakan (kadar maklumbalas adalah sebanyak 73%). Ringkasan kadar pengembalian boring kaji selidik ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3

Kadar Maklumbalas

Kategori Sekolah	Jumlah Sekolah	Jumlah Borang Yang Diedar	Jumlah Borang Yang Diterima Balik	Kesahan
SRI	70	40	31	31
SMI	25	14	9	9
Tahfiz School	189	110	85	83
Pondok/Madrasah	61	36	23	23
Total	345	200	148	146

Analisis Deskriptif

Jumlah responden tertinggi adalah daripada sekolah Tahfiz, diikuti oleh SRI, Pondok / Madrasah dan SMI. Sebahagian besar sekolah terletak di Wilayah Utara, namun Selangor mencatat jumlah responden yang tertinggi. Majoriti sekolah yang terlibat dalam kajian ini telah beroperasi di antara 5-10 tahun manakala terdapat 4 buah sekolah yang telah ditubuhkan lebih daripada 50 tahun. Dari segi jumlah pekerja, kebanyakan sekolah mempunyai di antara 2-20 orang pekerja. Manakala, majoriti sekolah mempunyai lebih daripada 100 orang pelajar dengan jumlah pelajar tertinggi adalah seramai 1,248 orang. Dari segi yuran yang dikenakan kepada pelajar, 4.8% sekolah tidak mengenakan sebarang yuran atau tidak mengenakan bayaran tetap. Ini bermaksud pelajar membayar yuran berdasarkan kemampuan ibu bapa mereka. Sebahagian besar sekolah mengenakan yuran pengajian dari RM 151 - RM 250 sebulan. Manakala, bagi jumlah sumbangan yang diterima, majoriti sekolah menerima sumbangan kurang dari RM 30,000 setahun (56.16%) dan hanya 5 sekolah yang menerima lebih dari RM 150,000 setahun (3.42%). Tambahan pula, 15.28% responden merasakan bahawa sumbangan yang diterima tidak mencukupi sama sekali dan 44.44% merasakan bahawa sumbangan yang diterima hanya mencukupi sedikit daripada jumlah yang diperlukan sebenar.

Ujian Hipotesis

Bagi menguji hipotesis reputasi terhadap kecukupan sumbangan yang diterima, R^2 untuk pemboleh ubah bersandar (kecukupan sumbangan) adalah 0.031, yang bermaksud bahawa hanya 3.1% varians yang dapat dijelaskan oleh reputasi. Hasil ini dianggap lemah. Seterusnya, f^2 adalah ujian pelengkap untuk R^2 , di mana perubahan pada R^2 diperhatikan. Hasil nilai f^2 menunjukkan bahawa reputasi mempunyai pengaruh sederhana terhadap kecukupan derma. Penilaian lain dari model struktur adalah relevansi ramalan (Q^2), yang merupakan ukuran kekuatan ramalan model. Indeks untuk nilai Q^2 adalah melebihi sifar, ini menunjukkan bahawa model struktur untuk kajian ini mempunyai peramalan yang relevan (*predictive relevance*).

Jadual 4

Path Coefficient

Hubungan	Beta	Std Error	Nilai T	Nilai P	R^2	Q^2	f^2
Reputasi > Kecukupan Infaq	0.158	0.089	1.7*	0.045	0.031	0.015	0.016

Kesimpulan

Kajian ini adalah hasil daripada keprihatinan mengenai masalah kewangan yang dihadapi oleh kebanyakan sekolah Islam swasta di Malaysia. Majoriti sekolah Islam swasta di Malaysia mengalami masalah kekurangan dana, yang menghalangi sekolah-sekolah ini daripada berkembang serta membantut pembangunan fizikal dan infrastruktur sekolah, seterusnya mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran. Sebilangan besar sekolah Islam swasta di Malaysia bergantung kepada sumbangan orang ramai kerana yuran pengajian sahaja tidak mencukupi untuk menampung kos operasi sekolah. Kajian ini adalah penyelidikan kuantitatif dan bertujuan untuk mengukur hubungan reputasi dengan kecukupan sumbangan yang diterima di antara sekolah-sekolah Islam swasta di Malaysia. Oleh kerana kecukupan sumbangan yang diterima berkait rapat dengan tingkah laku penderma, maka hasil daripada kajian ini mengesahkan bahawa reputasi yang baik mempengaruhi kecukupan sumbangan yang diterima. Oleh itu, pengurusan sekolah Islam swasta harus melaksanakan strategi untuk memperoleh kepercayaan pihak penyumbang. Antara cara untuk mendapatkan kepercayaan para penderma adalah dengan memperkukuhkan reputasi sekolah dengan memperkasakan modal intelektual sekolah yang terdiri daripada para guru, meningkatkan kompetensi pelajar, memperkemaskan kepemimpinan pengurusan sekolah, memperkuat jaringan dengan pihak berkepentingan, memperluas aktiviti kemasyarakatan, memperbaiki persekitaran kerja dan meningkatkan inovasi pengajaran.

Penghargaan

Kajian penyelidikan ini telah dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan juga Universiti Malaysia Kelantan di bawah program SLAB. Pengkaji juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Dr Kati Suomi dari University of Turku, Finland kerana telah berkongsi maklumat berkaitan kajian yang terlibat. Penghargaan ini juga ditujukan kepada Ustaz Abdul Rashid b Abdul Lateh, Pengetua SRI Aman Wakaf Bharu, Ustaz Ahmad Shairazi b Hj Atiqullah, Setiausaha Umum Pusat Pembangunan Pondok Berhad, Ustaz Usman b Alias, Pengarah Pusat Pendidikan Aman, Ustaz Nik Omar b Nik Abdul Aziz, Pengerusi YADIM, Ustaz Nik Mohd Azam Nik Wajis dan semua pengetua, pengerusi, guru dan semua responden daripada sekolah pondok, tahfiz, SRI dan SMI di atas sokongan dan kerjasama yang telah diberikan.

Rujukan

- Ahmed, P., Nanda, S., & Schnusenberg, O. (2010). Can firms do well while doing good? *Applied Financial Economics*, 20(11), 845–860. <https://doi.org/10.1080/09603101003652409>
- Andres, L. (2017, September 17). History repeats itself because we fail to learn from the past. *New Straits Times*. Retrieved from <https://www.nst.com.my/opinion/columnists/2017/09/280636/history-repeats-itself-because-we-fail-learn-past>
- Aziz, M. A. F. A. (2018, March 21). Kuantan tahfiz worker to be charged with sexual abuse of 10 boys. *New Straits Times*. Retrieved from <https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2018/03/347636/kuantan-tahfiz-worker-be-charged-sexual-abuse-10-boys>
- Badri, M. A., & Mohaidat, J. (2014). Antecedents of parent-based school reputation and loyalty: an international application. *International Journal of Educational Management*, 28(6), 635–654. <http://www.emeraldinsight.com/doi/abs/10.1108/IJEM-06-2013-0098>
- Banding, M. P., & Mayangsari, S. (2017). The Impact of Financial and Non-Financial Information Disclosure to Donation Decision in NonProfit Organization by Individual Donor (A True-Experiment Research). *Research Journal of Finance and Accounting*.
- Bernama. (2018, September 2). Two teachers detained for allegedly threatening to cut off boy's private part. *New Straits Times*. Retrieved from <https://www.nst.com.my/news/nation/2018/09/407519/two-teachers-detained-allegedly-threatening-cut-boys-private-part>
- Bond, T. G., & King, J. A. (2003). Measuring Client Satisfaction with Public Education II: Comparing Schools with State Benchmarks. *Journal of Applied Measurement*, 4(3), 258–268.
- Cabrera, A., Weerts, D., & Zulick, B. (2005). Making an impact with alumni surveys. In *Enhancing Alumni Research European and American Perspectives. New Directions for Institutional Research* (Vol. 126, Issue 126, pp. 5–17). <https://doi.org/10.1002/ir.144>
- Cohen, S., & Kaimenakis, N. (2007). Intellectual capital and corporate performance in knowledge-intensive SMEs. *The Learning Organization*, 14(3), 241–262. <https://doi.org/10.1108/09696470710739417>
- Daud, M., Umar, A., & Maidin, M. (2012). Cabaran Pertumbuhan dan Pengelolaan Sekolah Agama Swasta di Malaysia. *Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan IPG*. https://scholar.google.com/scholar?start=40&q=sistem+pendidikan+British&hl=en&as_sdt=0,5#0
- Donkers, B., van Diepen, M., & Franses, P. H. (2016). Do charities get more when they ask more often? Evidence from a unique field experiment. *Journal of Behavioral and Experimental Economics*, 0, 1–8. <https://doi.org/10.1016/j.socec.2016.05.006>
- Fombrun, C. J., Ponzi, L. J., & Newbury, W. (2015). Stakeholder Tracking and Analysis: The RepTrak® System for Measuring Corporate Reputation. *Corporate Reputation Review*, 18(1), 3–24. <https://doi.org/10.1057/crr.2014.21>
- Grunig, J. E., & Hung, C. F. (2002). The effect of relationships on reputation and reputation on relationships: A cognitive, behavioral study. PRSA Educator's Academy 5th Annual International, Interdisciplinary Public Relations Research Conference, March, 1–63.
- Hollingworth, S., & Archer, L. (2010). Urban Schools as Urban Places: School Reputation, Children's Identities and Engagement with Education in London. *Urban Studies*, 47(3), 584–603. <https://doi.org/10.1177/0042098009349774>
- Huang, S. L., & Ku, H. H. (2016). Brand image management for nonprofit organizations: Exploring the relationships between websites, brand images and donations. *Journal of Electronic Commerce Research*, 17(1), 80–96.
- Jackson, C., & Bisset, M. (2005). Gender and school choice: factors influencing parents when choosing single-sex or co-educational independent schools for their children. *Cambridge Journal of Education*, 35(2), 195–211. <https://doi.org/10.1080/03057640500146856>
- Kashif, M., Sarifuddin, S., & Hassan, A. (2015). Charity donation: intentions and behaviour. *Marketing Intelligence & Planning*, 33(1), 90–102. <https://doi.org/10.1108/MIP-07-2013-0110>
- Kearns, K. P., Livingston, J., Scherer, S., & McShane, L. (2015). Leadership skills as construed by nonprofit chief executives. *Leadership and Organization Development Journal*, 36(6), 712–727. <https://doi.org/10.1108/LODJ-11-2013-0143>
- Kong, E., & Farrell, M. (2010). The Role of Image and Reputation as Intangible Resources in Non-Profit Organisations: A Relationship Management Perspective. *7th International Conference on Intellectual Capital, Knowledge Management & Organisational Learning, November*.
- Li, J., Pike, R., & Haniffa, R. (2008). Intellectual capital disclosure and corporate governance structure in UK firms. *Intellectual Accounting and Business Research*, 38(2), 137–159. <https://doi.org/10.1080/00014788.2008.9663326>
- Marr, B., Schiuma, G., & Neely, A. (2004). The dynamics of value creation: mapping your intellectual

- performance drivers. *Journal of Intellectual Capital*, 5(2), 312–325. <https://doi.org/10.1108/14691930410533722>
- Moraga, E. T.-, Parraga, A. Z. V.-, & Barra, C. (2010). Antecedents of donor trust in an emerging charity sector: The role of reputation, familiarity, opportunism and communication. *Transylvanian Review of Administrative Sciences*, 29 E, 159–177.
- Peng, S., Kim, M., & Deat, F. (2019). The Effects of Nonprofit Reputation on Charitable Giving: A Survey Experiment. *Voluntas*, 30(4), 811–827. <https://doi.org/10.1007/s11266-019-00130-7>
- Rindova, V. P., Williamson, I. O., Petkova, A. P., & Sever, J. M. (2005). Being good or being known: An empirical examination of the dimensions, antecedents, and consequences of organizational reputation. *Academy of Management Journal*, 48(6), 1033–1049. <https://doi.org/10.5465/AMJ.2005.19573108>
- Roberts, P. W., & Dowling, G. R. (2002). Corporate reputation and sustained superior financial performance. *Strategic Management Journal*, 23(12), 1077–1093. <https://doi.org/10.1002/smj.274>
- Santoso, E. (2011). Intellectual Capital in Indonesia" The Influence of Financial Performance of Banking Industry (Issue October).
- Sargeant, A. (2001). Relationship fundraising How to Keep Donors Loyal. *NonProfit Management & Leadership*, 12(2), 177–192. http://samples.sainsburysebooks.co.uk/9780787966812_sample_385619.pdf
- Sargeant, A., & Lee, S. (2002). Individual and contextual antecedents of donor trust in the voluntary sector. *Journal of Marketing Management*, 18(February), 779–802. <https://doi.org/10.1362/0267257022780679>
- Sarstedt, M., & Schloderer, M. P. (2010). Developing a measurement approach for reputation of non-profit organizations. *International Journal of Nonprofit and Voluntary Sector Marketing*, 15, 276–299. <https://doi.org/10.1002/nvsm>
- Schultz, C., Einwiller, S., Seiffert-Brockmann, J., & Weitzl, W. (2019). When Reputation Influences Trust in Nonprofit Organizations. The Role of Value Attachment as Moderator. *Corporate Reputation Review*, 22(4), 159–170. <https://doi.org/10.1057/s41299-019-00067-z>
- Shamsuri, N. A. (2018). *Pengurusan Kewangan Sekolah Agama Persendirian (SAP): Kajian Kes Di Daerah Baling*. <http://ethesis.uthm.edu.my/276/1/psm.pdf>
- Skallerud, K. (2011). School reputation and its relation to parents' satisfaction and loyalty. *International Journal of Education Management*, 25(7), 671–686. <https://doi.org/10.1108/09513541111172081>
- Vidaver-Cohen, D. (2007). Reputation Beyond the Rankings: A Conceptual Framework for Business School Research. *Corporate Reputation Review*, 10(4), 278–304.
- Wang, L. H., Gurr, D., & Drysdale, L. (2016). Successful school leadership: case studies of four Singapore primary schools. *Journal of Educational Administration*, 54(3), 270–287. <http://www.emeraldinsight.com/doi/abs/10.1108/JEA-03-2015-0022>
- Willems, J., Waldner, C. J., & Vogel, D. (2019). Reputation spillover effects from grant-providing institutions. *Nonprofit Management and Leadership*, 30(1), 9–30. <https://doi.org/10.1002/nml.21357>
- Ying, T. P. (2018, April 9). Four girls injured in Subang Jaya tahfiz school fire. *New Straits Times*. Retrieved from <https://www.nst.com.my/news/nation/2018/04/355314/four-girls-injured-subang-jaya-tahfiz-school-fire>

GAYA KEPIMPINAN TRANSFORMASI GURU BESAR DALAM PEMBENTUKAN KEMENJADIAN MURID DI SEKOLAH RENDAH DI BAWAH PROGRAM SEKOLAH TRANSFORMASI DI TUARAN, SABAH

Rovica Lawrence Odong dan Roslee Talip

Abstrak

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap gaya kepimpinan transformasi guru besar dalam pembentukan kemenjadian murid di Sekolah Rendah SK Pekan Tuaran, Sabah. Dari segi metodologi, kajian ini menggunakan kajian tinjauan sebagai reka bentuk kajian. Pemilihan responden pula adalah seramai 48 orang guru yang dipilih secara rawak dalam sekolah yang terlibat. Kaedah kajian kauntitatif digunakan dalam kajian ini dengan menggunakan borang soal selidik. Penyelidik menggunakan *Alpha Cronbach* bagi mengukur ketekalan dalaman item-item soal selidik. Dapatan kajian menunjukkan tahap kebolehpercayaan item bagi kepimpinan transformasi guru besar adalah 0.971 dan bagi item kemenjadian murid pula adalah 0.843. Skor ini menggambarkan kebolehpercayaan dan kesahan bagi item soal selidik adalah tinggi. Seterusnya ujian Kolerasi Pearson digunakan bagi menguji kaitan antara kepimpinan transformasi guru besar terhadap kemenjadian murid. Data kajian ini dianalisis menggunakan perisian IBM statistical package for social sciences for windows versi 23 (SPSS). Dapatan kajian menunjukkan tahap kepimpinan transformasi guru besar adalah tinggi. Namun, tidak terdapat hubungan signifikan yang jelas antara variabel tersebut dengan kemenjadian murid. Keadaan ini menunjukkan faktor kepimpinan transformasi guru besar bukanlah penentu dalam membentuk kemenjadian murid di sekolah.

Kata Kunci: Kepimpinan Transformasi, Kemenjadian Murid, Sekolah TS25

Pengenalan

Sekolah di bawah Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) merupakan sebahagian daripada usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ke arah meningkatkan kemenjadian murid dan sekolah berkualiti. Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, sekolah-sekolah (TS25) haruslah mengaplikasi amalan terbaik dalam pelaksanaan pengurusan dan kepimpinan serta pedagogi dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc). Namun, disebalik kemenjadian murid di sekolah adalah disebabkan kepimpinan dan kemenjadian guru besar dan guru-gurunya. Tanpa kepimpinan dan pengajaran yang sesuai, maka kemenjadian murid di sekolah akan terpesong.

Gaya kepimpinan seseorang pemimpin boleh dilihat melalui sikap, tingkah laku dan prestasi orang bawahan (Zuraidah bt Abdullah, 2002). Terdapat banyak teori dan kajian yang menunjukkan bahawa gaya kepimpinan pemimpin mempunyai pengaruh yang besar terhadap keberkesanan sesebuah organisasi. Kepimpinan amat penting dalam membina dan membangunkan sesebuah organisasi (Marhaini, Nadwatul, Hashim dan Mohd Amin, 2016). Selain itu, pemimpin yang proaktif bukan sahaja mempengaruhi keberkesanan sesebuah organisasi malah memberi kesan terhadap komitmen dan produktiviti pekerja (Mohamad Fadli Shafiei dan Noelia Mat Norwani, 2019). Dalam merealisasikan matlamat sekolah berkualiti adalah bergantung kepada pucuk kepimpinan guru besar di sekolah. Menurut Rohani Marasan dan Dg. Norizah Ag. Kiflee (2019), profesionalisme keguruan sentiasa berhadapan dengan pelbagai halangan dan cabaran kepada pemimpin untuk menghasilkan kualiti pendidikan yang cemerlang.

Dalam memperkasakan kemenjadian murid, guru besar memainkan tanggungjawab yang sangat penting. Kemenjadian murid tidak akan tercapai sekiranya guru besar tidak menjalankan tugasnya ke arah kepimpinan yang sesuai. Terdapat pelbagai jenis kepimpinan yang diamalkan oleh pemimpin dalam mentadbir organisasinya. Antaranya ialah Kepimpinan Transformasi yang diperkenalkan oleh Burns (1978). Menurut Burns, kepimpinan transformasi dilihat sebagai sangat sesuai bagi menggantikan amalan kepimpinan transaksional. Berdasarkan kajian yang lepas kepimpinan transformasi mempengaruhi motivasi ahli, membangun, meningkatkan keberkesanan dan keupayaan organisasi untuk berdaya saing dan maju (Bowen, Ware, Rose dan Powers, 2007; Brandt, 2003; Collins, 2016). Pemimpin yang mengamalkan kepimpinan transformasi berupaya membawa perubahan yang baik kepada organisasinya (Chang dan Lee, 2007; Leithwood dan Jantzi, 2000; Lokey dan Dali, 2017; Mulford dan Silins, 2003). Carlson dan Perrew (1995) menyimpulkan bahawa gaya kepimpinan transformasi merupakan suatu proses yang membenarkan wawasan pemimpin dikembangkan ke seluruh organisasi. Ini merujuk kepada perubahan besar dalam sikap kakitangan agar matlamat organisasi dan wawasan pemimpin dicapai. Keadaan ini bertepatan memandangkan sekolah dibawah Program Transformasi (TS25) mempunyai konsep iaitu mewujudkan kemenjadian murid dan sekolah berkualiti.

Penyataan Masalah

Sekolah adalah sebagai sebuah organisasi pembelajaran yang sentiasa berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran. Sekolah yang tidak menunjukkan keberhasilan sekolah yang baik adalah disebabkan beberapa faktor. Antara faktor yang dikaitkan sebagai antara penyumbang kepada permasalahan dalam membentuk kemenjadian murid di sekolah ialah gaya kepimpinan guru besar di sekolah. Menurut Yaakob dan Yahya (2012), budaya yang dibentuk oleh kepimpinan transformasi guru besar mempunyai hubungan dengan pencapaian sesebuah sekolah. Sifat organisasi sekolah yang semakin kompleks juga menjadi faktor masalah utama guru besar dalam memimpin sekolah dengan berkesan (Lee bin Saat, 2015). Hallinger (2005) turut menyatakan bahawa guru besar dan pengetua lebih banyak menghabiskan masa di sekolah dengan melakukan tugas-tugas pengurusan dan pentadbiran sahaja. Sekiranya keadaan tidak diubah maka berlakunya kepincangan dalam membentuk kemenjadian murid yang seimbang.

Kegagalan guru besar dalam pentadbir sekolah dengan baik mempengaruhi pencapaian kecemerlangan di sekolah. Murid-murid tidak menunjukkan perkembangan yang seimbang sepertimana yang disasarkan oleh KPM dalam aspirasi murid. Menurut Agustian (2001), perkembangan murid dari segi sahsiah, komunikasi dan ketrampilan tidak seiring dengan pencapaian akademik. Natijahnya, pentadbir seronok dengan prihal tugas lain, kejayaan sekolah semakin merosot dan disiplin murid semakin membimbangkan. Di sekolah bawah Program TS25, isu guru besar dalam mencapai kemenjadian murid adalah guru besar masih meletakkan pencapaian akademik semata-mata berbanding dengan pencapaian dari segi kokurikulum dan sahsiah. Setiap tahun guru besar akan berbincang bersama-sama *Master Trainer* dan Rakan Elit TS25 sekolah tentang program-program intervensi bagi meningkatkan pencapaian akademik sekolah. Keadaan ini adalah disebabkan sekolah masih mementingkan peratus kelulusan murid yang lebih tinggi berbanding dengan sekolah yang lain. Keadaan ini jelas bahawa terdapat guru besar yang masih berlumba-lumba mengejar status '*ranking*' pencapaian sekolah setiap tahun terutamanya apabila keputusan peperiksaan pusat diumumkan.

Selain itu, dalam kajian Norhannan dan Jamaliah (2006), Tinah (2007) dan Shahrin (2009) mendapati bahawa guru besar lebih cenderung mengamalkan gaya kepimpinan dimensi menstruktur tugas hariannya. Natijahnya, guru-guru bawahannya mungkin menjadi

pasif dan tidak bersedia dalam menghadapi cabaran pendidikan serta tidak membuat apa-apa perubahan dalam pedagogi, pendekatan atau kaedah dalam PdPcnya. Murid juga turut terkesan dengan cara kepimpinan guru besar ini. Murid tidak berpeluang untuk belajar cara pembelajaran abad terkini dan kemenjadian murid sukar dicapai. Haslina dan Abdul Razaq (2016) turut bersependapat bahawa penilaian pendidikan negara hari ini lebih menumpukan kepada pencapaian akademik murid dengan mengabaikan perkembangan murid yang lain.

Objektif Kajian

1. Mengenal pasti tahap skor min gaya kepimpinan transformasi guru besar dan kemenjadian murid di sekolah rendah TS25 di Sabah.
2. Mengenal pasti hubungan antara kepimpinan transformasi guru besar dengan pembentukan kemenjadian murid.

Kajian Literatur

Kepimpinan Transformasi

Pemimpin yang berkesan adalah pemimpin yang sentiasa berubah menerajui perubahan dalam organisasinya. Gaya kepimpinan seorang pemimpin sangat mempengaruhi prestasi organisasinya (Nanjundeswaraswamy dan Swamy (2014). Sistem pendidikan yang kian pesat berubah memerlukan seorang pemimpin yang sentiasa peka pada visi dan matlamat Negara. Kepimpinan transformasi boleh ditakrifkan sebagai satu jenis kepimpinan yang memotivasi bawahan untuk terus memajukan diri dan membimbing mereka untuk bekerja di luar tugas normal mereka dengan mendidik mereka mengenai kepentingan hala tuju organisasi secara keseluruhan (Avolio, Bass, & Jung, 1999). Kajian lepas yang melibatkan gaya kepimpinan transformasi tebahagi kepada beberapa pandangan. Bass menjelaskan bahawa Pemimpin Transformasi boleh digambarkan sebagai mempunyai tiga ciri: karisma, pertimbangan, dan kreativiti di mana pemimpin menggunakannya atau kuasa dan karismanya untuk memberi kuasa kepada pekerja dan menggalakkan pembangunan keupayaan kepimpinan pekerja melalui kerjasama, penyayang, dan sokongan (Leithwood, 1993). Menurut Carless, Wearing, & Mann (2000), terdapat beberapa gaya kepimpinan transformasi yang telah dilaksanakan dalam kajian-kajian sebelum ini. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan teori dan konsep gaya kepimpinan transformasi yang diperkenalkan oleh (Carless et al., 2000). Teori ini mempunyai tujuh dimensi yang menggabungkan konsep kepimpinan transformasi Podsakoff *et al.*, (1990) dan Bass (1985). Gaya kepimpinan transformasi ini diadaptasi dan disebut "Global Transformational Leadership" (GTL). Menurut Carless, konsep ini lebih ringkas, boleh dipercayai dan sah akan mempunyai nilai utiliti yang besar jika ukuran kepimpinan transformasi diperlukan untuk mencari atau menggunakan tujuan. Konsep gaya kepimpinan GTL menurut Carless (2000) adalah seseorang pemimpin harus mempunyai visi dan misi yang jelas, membantu perkembangan staf, pemimpin sebagai penyokong, amalan pengupayaan, pemikiran inovatif, memimpin melalui teladan dan berkarisma. Dalam kepimpinan pendidikan, dimensi yang terdapat dalam GTL adalah sesuai. Teori ini bukan sahaja mementingkan kepimpinan guru besar tetapi juga menitikberatkan kebajikan dan kepentingan warga sekolah dalam mencapai matlamat organisasinya.

Keberkesanan sesebuah sekolah tidak hanya terletak pada kepimpinan guru besar semata-mata. Ini kerana, pemimpin memerlukan sub-ordinatnya (guru) sebagai tulang belakang dalam membantu mencapai matlamat organisasinya. Lee (2016) menyatakan, kecemerlangan tahap kepimpinan yang tinggi sahaja belum tentu menunjukkan keberkesanan sekolah boleh dicapai terutama dalam pencapaian akademik. Kecemerlangan akan tercapai

sekiranya pemimpin memberi perhatian dan mendapat sokongan yang positif dalam kalangan guru-gurunya.

Kemenjadian Murid

Kecemerlangan murid kebiasaannya diukur pada pencapaian murid dalam peperiksaan awam. Dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM 2010), kemenjadian murid dilihat dalam tiga aspek iaitu kemenjadian akademik, kokurikulum dan sahsiah. Kemudian kemenjadian murid ini dikembangkan lagi kepada enam elemen aspirasi murid yang perlu murid capai disekolah (PPPM 2013-2025) iaitu Pengetahuan, Kemahiran Berfikir, Kemahiran Kepimpinan, Kemahiran Dwibahasa, Etika dan Kerohanian serta Identiti Nasional (KPM,2013). Hal ini adalah sangat bertepatan dengan objektif Program Sekolah Transformasi (TS25) iaitu meningkatkan kualiti sekolah dan kemenjadian murid. Ini adalah kerana menjelang tahun 2025, KPM akan memastikan bahawa semua sekolah melaksanakan Program TS25.

Kemenjadian murid dapat diukur dari beberapa aspek melalui proses pembelajaran sama ada secara formal atau pun secara tidak formal. Kemenjadian murid terhasil sekiranya terdapat perubahan tingkah laku selepas proses pembelajaran (Juliana, Jette, Izham, & Hamzah, 2020). Menurut Saat dan Zain, (2016), peningkatan prestasi murid dalam peperiksaan merupakan salah satu keberhasilan daripada kemenjadian murid. Namun, terdapat tiga aspek yang menjadi domain utama pembelajaran ke arah melahirkan murid yang seimbang adalah ilmu pengetahuan, kemahiran sosial dan mengamalkan nilai-nilai murni (KPM, 2018). Keberhasilan murid bukan hanya dilihat pada pencapaian akademik sahaja, kemenjadian aspek kokurikulum dan sahsiah diri murid juga diambil kira. Menurut Kwartolo (2012), murid yang gagal menguasai kemahiran pelbagai adalah murid yang gagal dalam memimpin ke arah kehidupan mereka yang lebih baik. Murid yang berkembang dari aspek kognitif sahaja tidak menunjukkan perkembangan yang seimbang dan harmoni. Dalam hal ini, guru merupakan individu yang memainkan peranan penting untuk merancang aktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran supaya ianya dapat memenuhi keperluan kecerdasan iaitu yang terdiri daripada sembilan kecerdasan yang diperkenalkan dalam teori Gardner. Walaupun tidak semua kecerdasan tersebut dikuasai oleh murid, tetapi sekurang-kurangnya murid dapat menunjukkan keberhasilan yang menjurus kepada kecerdasan tersebut. Jesteru itu, adalah menjadi tanggungjawab golongan pentadbir dan guru-guru dalam membentuk murid yang seimbang dari fizikal, emosi, rohani dan intelek. Pengukuran pembentukan kemenjadian murid ini perlu diberi perhatian yang sewajarnya supaya masyarakat Malaysia akan lebih toleran, menghormati orang lain dan berilmu pengetahuan.

Metodologi

Kajian yang dilaksanakan ini menggunakan kaedah tinjauan sampel di lapangan yang menggunakan borang soal selidik yang mengandungi 102 item. Terdapat tiga bahagian utama iaitu: Bahagian A: Demografi responden, Bahagian B: item-item berhubung dengan kepimpinan transformasi dan Bahagian C: item-item yang berkaitan dengan kemenjadian murid. Soal selidik ini diadaptasi daripada soal selidik Leadership Practices Inventory (LPI) (Kouzes & Posner, 1990), Multifactor Leadership Questionnaire (MLQ; Avolio, Bass, & Jung, 1995) dan Carless et al.,(2000). Oleh kerana kajian rintis ini berfokus kepada sekolah rendah TS25, maka penyelidik memilih salah sebuah sekolah rendah TS25 (Kohot 1). Seramai 55 orang guru aliran perdana yang berkhidmat di SK Pekan Tuaran. Dalam menentukan saiz sampel, penyelidik menetapkan untuk menggunakan jadual Krejcie dan Morgan (1970) sebagai panduan umum dalam menetapkan saiz sampel minimum kajian.

Berasaskan jadual penentu saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970), sampel minimum bagi kajian ini ialah 48 orang. Penyelidik menggunakan persampelan secara rawak dalam pemilihan responden dalam kalangan guru. Data yang diperolehi akan dianalisis menggunakan perisian IBM statistical package for *social sciences for windows* versi 23.0 (SPSS). Penganalisan data dilakukan berdasarkan persoalan dan hipotesis kajian. Terdapat dua kaedah analisa digunakan iaitu kaedah deskriptif dan kaedah inferensi.

Analisis Dapatan Kajian

Pengkaji menganalisis data dengan menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi bagi menjawab soalan-soalan kajian. Nilai korelasi Pearson digunakan untuk menganalisis hubungan antara gaya kepimpinan transformasi dan kemenjadian murid. Selain itu nilai min dan sisihan piawai digunakan untuk membuat rumusan tentang pandangan guru terhadap kedua-dua variabel ini. Data daripada borang soal selidik kajian ini akan dianalisis menggunakan program *SPSS for windows* version 23. Melalui ujian ini juga ianya dapat menjawab hipotesis yang diuji dalam kajian rintis ini. Ho1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan gaya kepimpinan transformasi guru besar terhadap kemenjadian murid.

Demografi Responden

Responden dalam kajian rintis ini terdiri daripada 48 orang guru. Berdasarkan Jadual 1, sebahagian besar responden (62.5%) adalah terdiri daripada guru perempuan iaitu 30 orang berbanding guru lelaki iaitu sebanyak 18 orang (37.5%).

Jadual 1

Taburan Responden Mengikut Jantina

Demografi	Jenis	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	18	37.5 %
	Perempuan	30	62.5 %
	Jumlah	48	100 %

Jadual 2

Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar

Demografi	Variabel	Kekerapan	Peratusan (%)
Pengalaman Mengajar	5 tahun ke bawah	6	12.5%
	5 hingga 10 tahun	16	33.5 %
	11 hingga 15 tahun	13	27.0 %
	15 tahun ke atas	13	27.0 %
	Jumlah	48	100 %

Dari segi pengalaman mengajar, sebanyak 16 orang (33.5%) adalah dari kumpulan guru berpengalaman mengajar dalam tempoh 5 hingga 10 tahun mengajar. Kumpulan ini merupakan kumpulan yang paling tinggi dalam kategori berbanding dengan kumpulan 5 tahun ke bawah iaitu hanya sebanyak 6 orang (12.5%). Kumpulan ini menunjukkan kategori kumpulan yang paling rendah. Bagi kumpulan 11 hingga 15 tahun dan kumpulan 15 tahun ke atas masing-masing mempunyai bilangan responden yang sama iaitu 13 orang (27%).

Jadual 3

Analisis Ujian Kolmogorov-Smirnov^a dan Shapiro-Wilk terhadap Variabel Kajian

Variabel	Kolmogorov-Smirnov ^a			Shapiro-Wilk		
	Statistic	df	Sig.	Statistic	df	Sig.
Kepimpinan Transformasi	.115	48	.134	.973	48	.134
Kemajadian Murid	.115	48	.138	.981	48	.606

a. Lilliefors Significance Correction

Jadual 4

Analisis Ujian Skewness dan Kurtosis Variabel Kajian

Variabel	Statistik	
Kepimpinan Transformasi	Skewness	-.386
	Kurtosis	.561
Kemajadian Murid	Skewness	-.362
	Kurtosis	-.101

Berdasarkan Jadual 3 iaitu analisis ujian Kolmogorov-Smirnov^a dan Shapiro-Wilk terhadap variabel kajian menunjukkan bahawa nilai signifikan kesemua variabel kajian berada diantara 0.134 hingga 0.606 ($p > 0.05$). Oleh yang demikian terdapat bukti yang mencukupi untuk membuat kesimpulan bahawa data kajian bertaburan normal mengikut analisis ujian *Kolmogorov-Smirnov* dan *Shapiro-Wilk*. Keadaan ini memerlukan pembuktian kenormalan data menggunakan kaedah yang lain yang bersesuaian. Oleh yang demikian ujian *Skewness* dan *Kurtosis* telah dijalankan untuk menentukan kenormalan data kajian.

Jadual 4 meringkaskan dapatan analisis ujian *Skewness* dan *Kurtosis* data kajian. Terdapat bukti kukuh untuk membuat kesimpulan tersebut dengan melihat kepada nilai *Skewness* setiap variabel kajian berada pada julat $-.386$ dan $-.362$ ($< \pm 1$). Manakala nilai *Kurtosis* setiap variabel kajian berada pada julat 0.561 dan $-.101$ ($< \pm 1$). Dapatan kedua-dua analisis ujian *Skewness* dan *Kurtosis* yang dijalankan membuktikan bahawa data adalah bertabur secara normal.

Jadual 5

Ujian Kebolehpercayaan Alat Kajian

Variabel	N	Cronbach's Alpha
Kepimpinan Transformasi	55	.971
Kemenjadian Murid	26	.843
Jumlah Keseluruhan	81	.960

Berdasarkan Jadual 5 iaitu analisis ujian kebolehpercayaan alat kajian dijalankan, didapati nilai pekali *Alpha* berada pada paras yang tinggi iaitu .960 bagi kesemua 81 item yang digunakan bagi mengukur variabel-variabel kajian.

Jadual 6

Analisis Skor Min Variabel Kajian

	N	Mean	Std. Deviation
Kepimpinan Transformasi	48	3.82	.53928
Kemenjadian Murid	48	3.46	.37980

Jadual 6 menunjukkan nilai min bagi variabel kajian Kepimpinan Transformasi dan Kemenjadian Murid. Analisis data menunjukkan skor min bagi variabel bebas Kepimpinan Transformasi adalah berada pada tahap nilai yang tinggi iaitu 3.82. Manakala bagi variabel bersandar Kemenjadian Murid pula terletak pada tahap nilai yang sederhana iaitu 3.46.

Jadual 7

Analisis Hubungan Variabel Kepimpinan Transformasi Guru Besar Dengan Kemenjadian Murid

		Kepimpinan Transformasi
Hipotesis Kajian		<i>H₀₁</i>
	Pearson Correlation	.042
Kemenjadian Murid	Sig. (2-tailed)	.775
	N	48

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Hasil analisis data dalam jadual 7 menunjukkan variabel bebas Kepimpinan Transformasi guru besar tidak mempunyai hubungan yang positif dengan variabel bersandar kajian Kemenjadian Murid ($r = 0.042$, $p = 0.775$). Ini bermaksud hubungan kekuatan didapati lemah bagi variable kepimpinan transformasi guru besar berpandukan indeks kolerasi yang dicadangkan oleh (Cohen & Soto, 2007). Memandangkan dapatan menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan, maka Hipotesis Nul (*H₀₁*) diterima.

Kesimpulan

Dalam melahirkan murid yang harmoni dan seimbang bukanlah sesuatu perkara yang rumit sekiranya guru besar bersama barisan guru-guru saling berganding bahu. Hasil kajian ini telah menunjukkan satu cadangan bagi Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengambil langkah bijak dalam membantu golongan pemimpin sekolah untuk bersama-sama guru-guru dalam membentuk kemenjadian murid. Secara keseluruhannya, guru besar telah mengamalkan gaya kepimpinan transformasi, namun ianya tidak dapat membuktikan dan menjamin bahawa dengan hanya kepimpinan transformasi guru besar pembentukan murid akan terhasil. Kepimpinan transformasi guru besar akan berhasil sekiranya guru-guru sebagai pelaksana turut memberi komitmen bersama. Segala kebajikan dan keperluan guru juga harus diambil perhatian. Guru besar juga perlu menjadi suri teladan yang boleh dicontohi oleh semua warga sekolah. Keadaan ini seterusnya dapat meningkatkan kecemerlangan murid dan mewujudkan sekolah berkualiti seperti mana yang tertulis dalam objektif Program Transformasi Sekolah 2013-2025 (TS25). Guru besar juga harus mengambil berat tentang kepentingan gaya kepimpinan di sekolah kerana ianya amatlah mempengaruhi pelbagai aspek pendidikan ke arah pencapaian kecemerlangan terutamanya dalam membentuk kemenjadian murid.

Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi, penyelidik mencadangkan beberapa cadangan untuk mempertingkatkan gaya kepimpinan transformasi pemimpin terhadap kemenjadian murid. Kajian ini boleh dicadangkan untuk menggunakan guru-guru TS25 yang mempunyai latar belakang sekolah, lokasi dan populasi yang berbeza sebagai responden kajian. Selain itu, penyelidik mencadangkan agar kajian lanjutan dapat dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan kualitatif dan reka bentuk eksperimental.

Rujukan

- Abdul Shukor (2004). Ucapan Tema: Kepimpinan unggul tonggak bidang pendidikan cemerlang. Prosiding Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan ke-12. Anjuran IAB, Genting Highlands, Pahang: 6-9 Disember.
- Boyatzis, R.E. 2011. Managerial and leadership competencies: A behavioral approach to emotional, social and cognitive intelligence. *Vision: The Journal of Business Perspective* 15(2): 91-100
- Burn, J. M. 1978. Leadership. New York, NY: Harper Row.
- Carless, S. A., Wearing, A. J., & Mann, L. 2000. A short measure of transformational leadership, *14*(3).
- Chua Yan Piaw. 2006. Asas Statistik Penyelidikan-Malaysia. Shah Alam, Selangor: McGraw Hill.
- Cohen, L. & Manion, L. 1994. *Research Method in Education*. London: Routledge Falmer.
- Gardner, H. (1992). *Multiple intelligences* (Vol. 5, p. 56). Minnesota Center for Arts Education.
- Kwartolo, Y. (2012). Multiple intelligences dan implementasinya dalam taksonomi Bloom. *Jurnal Pendidikan Penabur*, *18*(11), 66-77.
- Mohamad Fadli Shafie dan Noelia Mat Norwani. 2019. Kepimpinan dalam era revolusi 4.0. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Malaysia.
- Ooi Hui Ying. 2009. Transformational Leadership and organizational Innovation: A Study of MNCs in Malaysia. Universiti Sains Malaysia.
- Podsakoff, P. M., & MacKenzie, R. H. (1990). Moorman, and R.
- Van Beveren, P., Dórdio Dimas, I., Renato Lourenço, P., & Rebelo, T. 2017. Propiedades psicométricas de la versión portuguesa de la escala Global Transformational Leadership (GTL). *Revista de Psicología Del Trabajo y de Las Organizaciones*, *33*(2), 109–114. <https://doi.org/10.1016/j.rpto.2017.02.004>
- Spendlove, M. 2007. Competencies for effective leadership in higher education. *International Journal of Educational Management* *21*(5): 407-417
- Zuraidah Abdullah (2002). Kepimpinan Transformasi: Pembentukan organisasi pembelajaran di sebuah sekolah di Selangor. Kertas Projek Ijazah Sarjana Kependetaan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

PERANAN AGIHAN ZAKAT DALAM PEMBASMIAN KELAPARAN DAN KEMISKINAN DI KEDAH

Yusuf Othman, Mohd Sholeh Sheh Yusuff dan Mohammadtahir Cheumar

Abstrak

Zakat bukan sahaja merupakan kewajipan agama yang harus dipatuhi oleh semua umat Islam yang layak membayar zakat tetapi juga memainkan peranan yang sangat penting dalam sistem fiskal Islam, khususnya sebagai sumber pendapatan utama dan dapat digunakan sebagai instrumen untuk membiayai program-program tertentu untuk mencapai matlamat pembangunan ekonomi di kalangan masyarakat Islam. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji peranan agihan zakat di negeri Kedah, Malaysia dalam membantu mencapai matlamat pembasmian kelaparan dan kemiskinan. Kajian ini diharapkan dapat memberi penerangan mengenai agihan zakat di Kedah yang dapat memperluas pemahaman kita tentang keberkesanan agihan zakat dalam mencapai objektif pembasmian kelaparan dan kemiskinan. Kajian ini menggunakan analisis deskriptif untuk menjawab objektif kajian untuk memberikan bukti dan justifikasi empirikal terhadap analisis tersebut. Kajian ini menggunakan data sekunder mengenai agihan zakat yang diterbitkan oleh LZNK. Kajian ini membuat usaha bersepadu untuk menganalisis agihan zakat di negeri Kedah, Malaysia, dan peranannya dalam pembasmian kelaparan dan kemiskinan. Kajian ini mendedahkan bahawa LZNK telah melaksanakan langkah penting untuk mencapai matlamat untuk menghapuskan kelaparan dan kemiskinan. Walaupun terdapat potensi besar untuk mencapai matlamat tersebut melalui agihan zakat, kejayaannya tetap bergantung pada jumlah kutipan zakat. Kutipan zakat perlu ditingkatkan hingga mencapai sasaran kutipan untuk memiliki dana yang mencukupi untuk diagihkan kepada penerima. LZNK perlu merancang, menyusun strategi, dan melaksanakan dasar agihan zakat yang sesuai dan berkesan untuk mempercepat proses mencapai matlamat pembasmian kelaparan dan kemiskinan.

Kata Kunci: Agihan Zakat, Kelaparan, Kemiskinan, Pembasmian, Matlamat Pembangunan Lestari

Pengenalan

Zakat bermaksud kesucian, pertumbuhan, peningkatan, dan kebersihan (Abd Halim et al. 2012; Hj Ibrahim, 2008; Ali et al., 2014). Pembayaran zakat adalah kewajipan agama (Saeed Siddiqi, 1984; Triyuwono & Riduwan, 2012; Norazlina & Abdul Rahim, 2011). Zakat adalah hasil pendapatan fiskal terpenting dalam ekonomi Islam. Kutipan dan agihan zakat adalah fungsi terpenting dalam dasar fiskal Islam. Oleh itu, zakat adalah nadi dasar fiskal Islam. Tambahan pula, zakat juga merupakan sebahagian daripada kewangan Islam. Pada zaman Nabi (SAW), tidak ada kewajipan kewangan selain zakat yang dikenakan kepada rakyat pada tahun kedua setelah hijrah. Tidak ada cukai yang dikenakan ke atas rakyat pada masa itu (Nur Barizah & Hafiz Majdi, 2010; Abu Bakar & Abdul Rahman, 2007).

Pendek kata, zakat bukan sahaja merupakan alat kewangan awam Islam dan alat agihan semula pendapatan tetapi juga bertindak sebagai mekanisme pembangunan dan pembasmian kemiskinan. Zakat bukan sahaja merupakan kewajipan agama yang harus dipatuhi oleh semua umat Islam yang layak membayar zakat tetapi juga memainkan peranan yang sangat penting dalam sistem fiskal Islam, khususnya sebagai sumber pendapatan utama dan dapat digunakan sebagai instrumen untuk membiayai program-program tertentu untuk mencapai matlamat sosial, politik dan pembangunan ekonomi di kalangan masyarakat Islam.

Walau bagaimanapun, matlamat piawai yang harus dicapai dengan agihan zakat di seluruh dunia masih samar-samar dan oleh itu, perlu dikaji.

Untuk mengkaji lebih lanjut mengenai agihan zakat di Kedah dan kaitannya dengan pembasmian kelaparan dan kemiskinan, kita perlu memahami Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) kerana pembasmian kemiskinan dan kelaparan adalah antara tujuan utama SDG. SDG dan agenda 2030 adalah rancangan tindakan yang mensasarkan untuk mengubah dan meningkatkan kehidupan dan kesejahteraan manusia di seluruh dunia (Gaffney, 2014). SDG merangkumi tujuan bersama untuk mencapai kehidupan yang selamat, adil, dan berkesinambungan agar semua orang berjaya. SDG mencerminkan ideologi etika bahawa setiap orang dan setiap negara harus mempunyai kewajipan bersama untuk memainkan peranan mereka dalam merealisasikan matlamat tersebut. Negara-negara di seluruh dunia berusaha berganding bahu untuk membasmi kemiskinan, mengurangkan ketaksamaan, dan memantau perubahan iklim (Griggs, 2013).

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji peranan agihan zakat di negeri Kedah, Malaysia dalam membantu mencapai matlamat pembasmian kelaparan dan kemiskinan. Kajian ini diharapkan dapat memberi pencerahan mengenai agihan zakat di Kedah yang dapat memperluas pemahaman kita tentang keberkesanan agihan zakat dalam mencapai objektif pembasmian kelaparan dan kemiskinan. Dengan memiliki pemahaman yang baik mengenai agihan zakat di Kedah, ia dapat memberi penerangan mengenai dasar-dasar yang sesuai untuk dirumuskan agihan zakat di masa depan. Penting untuk memahami agihan zakat dan kaitannya dengan tujuan pembasmian kelaparan dan kemiskinan sebelum sebarang dasar yang sesuai dapat dirancang, disusun, dan dilaksanakan untuk meningkatkan agihan zakat di masa depan.

Kajian Literatur

Terdapat kajian yang terhad mengenai hubungan antara zakat dan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG). Asmalia et al. (2018) mengkaji potensi zakat untuk menyokong pembiayaan dan merealisasikan Tujuan Pembangunan Berkelanjutan (SDG) di Indonesia. Kajian itu mendapati bahawa umat Islam menganggap pembasmian kemiskinan, pendidikan yang berkualiti, dan kesihatan dan kesejahteraan yang baik adalah keutamaan tertinggi yang harus diberikan sebagai kriteria dalam agihan zakat. Kajian itu menunjukkan potensi zakat dalam membantu pencapaian SDG di Indonesia.

SDG diharapkan untuk dilaksanakan di seluruh dunia di mana ia merangkumi tujuan bersama untuk mencapai ruang yang selamat, adil, dan mampan bagi semua manusia untuk maju. SDG mencerminkan ideologi etika bahawa setiap insan dan setiap negara harus mempunyai kewajipan bersama untuk memainkan peranan mereka dalam merealisasikan matlamat tersebut (Osborn, Cutter, & Ullah, 2015). Negara-negara di seluruh dunia berusaha berganding bahu untuk mencapai matlamat membasmi kemiskinan, disamping matlamat lain (Griggs, 2013).

Beberapa kajian cuba membincangkan tugas yang rumit sebelum dapat merealisasikan SDG. Moldan et al., (2015) membincangkan indikator untuk SDG dan mendedahkan bahawa adalah tugas yang rumit untuk mengenalpasti penunjuk untuk SDG. Lu (2015) mendedahkan bahawa mungkin ada "trade-off" antara SDG bergantung pada skala. Blanc (2015) mendapati bahawa beberapa SDG saling berhubungan antara satu sama lain dan SDG secara keseluruhan adalah sistem yang lebih bersepadu daripada MDG. Namun, ada keutamaan tertentu mengenai bagaimana komuniti saintifik harus bersama-sama membantu merealisasikan matlamat SDG, dan antara matlamat utama adalah pembasmian kelaparan dan kemiskinan.

Metodologi

Kajian ini menggunakan analisis deskriptif untuk menjawab objektif kajian untuk memberikan bukti dan justifikasi empirik terhadap analisis tersebut. Kajian ini menggunakan data sekunder mengenai agihan zakat yang diterbitkan oleh LZNK.

Dapatan dan Perbincangan

Pada tahun 2018, selaras dengan SDG, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) menetapkan tujuh teras agihan zakat berdasarkan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) yang merangkumi pembasmian kemiskinan dan kelaparan.

Jadual 1

Agihan Zakat Mengikut Sektor di Kedah, 2018

SEKTOR	AGIHAN ZAKAT (RM)	PERATUS
Kos sara hidup	58,202,991.96	41.02
Kesihatan	3,007,017.09	2.12
Perumahan	12,100,944.06	8.53
Perniagaan	2,640,369.32	1.86
Pendidikan	45,673,916.20	32.19
Musibah	1,584,590.50	1.12
Pembangunan	18,663,590.10	13.16
Jumlah	141,873,419.23	100.00

Sumber: Lembaga Zakat Negeri Kedah

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1, zakat dibahagikan kepada tujuh sektor utama: kos sara hidup, kesihatan, perumahan, perniagaan, pendidikan, musibah, dan pembangunan. Senarai teratas adalah kos sektor sara hidup yang menerima agihan zakat sebanyak RM58,202,991.96 (41.01 peratus). Data ini menunjukkan bahawa Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) meletakkan keutamaan tertinggi kepada teras pertama agihan zakat berdasarkan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) yang menasaskan untuk membasmi kemiskinan dalam semua bentuknya di semua tempat dan teras kedua agihan zakat untuk membasmi kelaparan. Objektif SDG pertama adalah untuk membasmi kemiskinan bagi semua manusia di seluruh dunia, atau sekurang-kurangnya mengurangkan peratusan orang yang hidup dalam kemiskinan sebanyak 50 peratus. SDG kedua berusaha untuk membasmi kelaparan dan melindungi agar semua manusia, terutama orang miskin dapat memperoleh makanan yang selamat, berkhasiat, dan mencukupi (Griggs, 2013).

Pendidikan diperuntukkan agihan kedua tertinggi sebanyak RM45,673,916.20 (32.19 peratus) daripada jumlah agihan. Ini sejajar dengan teras agihan zakat keempat yang menasaskan pendidikan berkualiti untuk semua untuk memastikan pendidikan berkualiti yang komprehensif dan saksama dan mempromosikan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua. Terdapat desakan untuk menggabungkan jalinan pembelajaran sepanjang hayat ke dalam pendidikan formal, peluang pendidikan informal dan bukan-formal ("<https://www.un.org/sustainabledevelopment/sustainable-development-goals/>," 2019). Matlamat ini penting kerana pendidikan dapat membantu mereka yang berada dalam kemiskinan untuk berusaha keluar dari kitaran kemiskinan.

Sektor pembangunan mendapat agihan ketiga tertinggi sebanyak RM18,663,590.10 (13.16%) agihan zakat. Ini sejajar dengan teras agihan zakat kelima yang menasaskan untuk "mempromosikan pertumbuhan ekonomi yang berterusan, inklusif dan mampan, gunatenaga penuh dan produktif dan pekerjaan yang sesuai untuk semua". Perlu disebutkan bahawa

peningkatan dalam pekerjaan akan mempengaruhi matlamat untuk membasmi kemiskinan dan kelaparan. Oleh itu, wujud keperluan untuk menghadapi cabaran untuk memastikan pekerjaan bagi semua orang, terutama kaum muda (<https://www.un.org/> lanjutan pembangunan / pembangunan lestari-matlamat /, "2019). Selain memberi bantuan zakat, LZNK perlu memberi latihan dan kemahiran yang sewajarnya serta mendidik asnaf zakat dan melengkapkan mereka dengan kemahiran dan alat yang diperlukan untuk meningkatkan peluang pekerjaan menjana pendapatan bagi mereka supaya bukan sahaja bersedia untuk bekerja tetapi juga menjadi usahawan.

Tambahan pula, LZNK memberikan penekanan yang besar kepada perumahan dengan mengagihkan sebanyak RM12,100,944.06 (8,53%) kepada sektor perumahan. Ini sejajar dengan matlamat keenam agihan zakat yang mensasarkan untuk menyediakan bandar dan komuniti yang lestari, yang sesuai dengan sasaran SDG kesebelas iaitu untuk memastikan pembangunan penempatan manusia yang lestari yang, antara lain, berusaha menyediakan perumahan yang mencukupi untuk semua, meningkatkan pengurusan tempat tinggal, dan mempromosikan penyatuan air, sanitasi, saliran, dan pengurusan sisa pepejal. Perlu disebutkan bahawa peruntukan sektor perumahan adalah untuk mereka yang hidup di bawah tahap kemiskinan.

Selain itu, LZNK juga memperuntukkan dana zakat untuk kesihatan, perniagaan, dan musibah. Peruntukan untuk memajukan kesihatan sejajar dengan SDG ketiga yang mensasarkan melindungi kehidupan yang sihat dan menyokong kesejahteraan semua manusia. Terdapat desakan untuk memerangi pelbagai jenis penyakit dan menyelesaikan masalah kesihatan yang diharapkan dapat menyelamatkan nyawa. Selanjutnya, LZNK berusaha untuk meningkatkan taraf hidup dengan membantu golongan miskin yang bercita-cita untuk terlibat dalam aktiviti perniagaan yang selari dengan SDG kesembilan yang berusaha menyediakan infrastruktur, mempromosikan perindustrian inklusif dan lestari, dan memupuk inovasi. Peruntukan untuk musibah diperlukan untuk menolong mereka yang ditimpa musibah seperti banjir, kebakaran, dan kemalangan. Ini sejajar dengan SDG kedua yang bertujuan untuk membasmi kelaparan dan menyediakan keperluan hidup terutama makanan.

Ringkasnya, kajian ini mendedahkan bahawa agihan zakat di negeri Kedah, Malaysia adalah sejajar dengan tujuan pembasmian kelaparan dan kemiskinan dan terdapat potensi besar untuk mencapai tujuan tersebut. Namun, kejayaannya tetap bergantung pada jumlah kutipan zakat. Selanjutnya, tugas yang mencabar pada masa hadapan adalah dengan mengemukakan petunjuk yang sesuai untuk mengukur pencapaian matlamat pembasmian kelaparan dan kemiskinan.

Kesimpulan

Kajian ini mendedahkan bahawa Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) telah melaksanakan langkah penting untuk mencapai matlamat pembasmian kelaparan dan kemiskinan. Walaupun ada potensi besar untuk mencapai tujuan tersebut, kejayaannya tetap bergantung pada jumlah kutipan zakat pada masa akan datang. Kutipan zakat perlu ditingkatkan sehingga mencapai matlamat sasaran kutipan zakat supaya LZNK mempunyai dana yang mencukupi untuk mencapai matlamat pembasmian kelaparan dan kemiskinan, disamping matlamat-matlamat lain. Juga, LZNK perlu merancang, menyusun strategi, dan melaksanakan dasar agihan zakat yang sesuai dan berkesan untuk mempercepat proses mencapai matlamat pembasmian kelaparan dan kemiskinan. Kajian ini mengesyorkan agar LZNK membuat bajet belanjawan tahunan di masa depan yang merangkumi anggaran tahunan hasil pendapatan dan perbelanjaan zakat untuk tahun 2020 dan seterusnya agar LZNK tidak mengalami defisit belanjawan pada masa akan datang.

Penghargaan

Kami ingin merakamkan penghargaan kepada Pusat Pengajian dan Penyelidikan Kewangan Islam (CIFER), Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah kerana memberikan sokongan kepada kami dalam menjalankan kajian ini.

Rujukan

- Abd Halim, M. N., Mohamed Saladin, A. R., Rashidah, A. R., Rozman, M. Y., & Siti Mariam, A. (2012). Assessing performance of nonprofit organization: A framework for zakat institutions. *British Journal of Economics, Finance and Management Sciences*, 5(1), 12–22.
- Abu Bakar, N. B., & Abdul Rahman, A. R. (2007). A Comparative Study of Zakah and Modern Taxation. *J. KAU: Islamic Economics*, 20(1), 25–40.
- Ali, N. N. M., Taha, R., Embong, M. R., & Nor, M. N. M. (2014). Developing a Multidimensional Performance of Zakat Collection System in East Coast Region. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 164, 84–90. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.11.054>
- Asmalia, S., Kasri, R. A., & Ahsan, A. (2018). Exploring the Potential of Zakah for Supporting Realization of Sustainable Development Goals (SDG) in Indonesia. *International Journal of Zakat: Special Issue on Zakat Conference 2018, December 2018*, 51–69.
- Blanc, D. Le. (2015). Towards integration at last? The sustainable development goals as a network of targets (Vol. 1, Issue 141).
- Gaffney, O. (2014). Sustainable Development Goals: Improving human and planetary wellbeing. *Global Change*, 82, 20–23.
- Griggs, D. (2013). Sustainable development goals for people and planet. *Nature*, 5–7.
- Hj Ibrahim, P. (2008). Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirikal. *Shariah Journal*, 16(2), 223–244.
- Lu, Y. (2015). Five priorities for the UN Sustainable Development Goals. *Nature*, 7–8.
- Moldan, B., Billharz, S., & Matravers, R. (2015). Sustainability Indicators : A Report On The Project On Indicators Of Sustainable Development (Vol. 1).
- Norazlina, A. W., & Abdul Rahim, A. R. (2011). Efficiency of Zakat Institutions and Its Determinants. 8th International Conference on Islamic Economics and Finance, 1–19.
- Nur Barizah, A. B., & Hafiz Majdi, A. R. (2010). Motivations of Paying Zakat on Income : Evidence from Malaysia. *International Journal of Economics and Finance*, 2(3), 76–84.
- Saeed Siddiqi, M. A. (1984). Early Development of Zakat Law and Ijtihad. *J. Res. Islamic Econ.*, 2(1), 69–73.
- Triuwono, I., & Riduwan, A. (2012). Zakah Perspectives as a Symbol of Individual and Social Piety: Developing a Review from the Meadian Symbolic Interactionism. *Global Conference on Business and Finance Proceedings*, 7(1).

LANDSKAP PEMILIKAN DAN PENYEWAAN RUMAH DI KALANGAN GOLONGAN MUDA

Nor Suzyilah Sohaimi

Isu yang berkaitan dengan kemampuan perumahan profesional muda telah banyak dibincangkan sejak tahun 2013 dan menjadi isu kontroversi dan mencapai tahap krisis (Sohaimi, 2017), kerana sebahagian besar projek kediaman yang dilancarkan di kawasan bandar seperti Kuala Lumpur mencapai RM 500,000 dan RM 1 Juta (Khazanah Research Institute, 2015). Isu ketidakmampuan perumahan dikalangan golongan muda bukan hanya berlaku di peringkat tempatan malah isu ini serius di peringkat antarabangsa. Youth Access (2007) mendapati bahawa kumpulan muda berjuang mengatasi krisis kemampuan perumahan tiga kali ganda lebih banyak daripada kumpulan lain.

Kemampuan perumahan selalu dikaitkan dengan prinsip monetari (Mulliner & Maliene, 2015; Wilcox, 2003) yang ditakrifkan sebagai hubungan antara kos perumahan dan pendapatan isi rumah. Nisbah harga-pendapatan (Price-Income Ratio, PIR) adalah pendekatan utama untuk mengukur kemampuan perumahan (Jewkes & Delgadillo, 2010; Linneman & Megbolugbe, 1992), dengan memperuntukkan 30% daripada pendapatan tahunan kasar untuk kos perumahan yang dianggap sebagai kemampuan perumahan (Ankhi & Joy, 2013; Jewkes & Delgadillo, 2010) jika melebihi 30% adalah tidak berkemampuan (Hulchanski, 1995; Jewkes & Delgadillo, 2010; Linneman & Megbolugbe, 1992). Namun, sebilangan sarjana yang dipimpin oleh Stone (2006) mempunyai perbezaan prinsip dengan PIR, di mana kemampuan perumahan tidak hanya mempertimbangkan kemampuan isirumah untuk menanggung kos perumahan, tetapi yang sama penting adalah kecukupan untuk keperluan asas perbelanjaan isi rumah seperti makanan, minuman, pendidikan dan lain-lain. Prinsip yang diperjuangkan oleh Stone dikenali sebagai model pendapatan sisa (Residual Income Model, RIM) dengan mengukur kemampuan perumahan dengan melihat perkaitan antara perbelanjaan isi rumah dan pendapatan isi rumah (Hancock, 1993; Md Sani, 2007; Stone, 2006). Secara teknikal, pendekatan ini menunjukkan bahawa untuk mencapai kemampuan perumahan, pendapatan isi rumah bulanan (pendapatan boleh guna) memerlukan jumlah positif setelah membayar kos perumahan bulanan dan perbelanjaan isi rumah bulanan. Satu perkara penting untuk membezakan antara RIM dan PIR adalah penekanan RIM pada konsep 'kecukupan' pendapatan isi rumah untuk kos perumahan dan perbelanjaan isi rumah. Manakala PIR hanya fokus kepada peratusan (30%) pendapatan tahunan isi rumah untuk menanggung kos perumahan.

Kedua-dua pendekatan ini difokuskan secara fiskal di mana tidak mengambil kira atribut pilihan perumahan yang lain. Dalam keputusan perumahan, profesional muda mempunyai faktor pilihan perumahan lain selain daripada faktor kemampuan kewangan. Seperti yang disebutkan oleh Ling, Almeida dan Wei (2017), kemampuan kewangan adalah sama pentingnya dengan pilihan perumahan lain seperti kualiti rumah, lokasi, dan ukuran yang mencukupi untuk menentukan kemampuan perumahan. Dalam keadaan ini, profesional muda mungkin mempunyai pilihan sama ada untuk membeli atau menyewa rumah. Sebilangan penghuni mempunyai kemampuan untuk membeli kediaman tetapi membuat pilihan untuk menyewa manakala yang lain mempunyai kemampuan yang lebih rendah kerana baru memulakan perjalanan kerjaya mereka (Olanrewaju & Tan, 2018). Dalam konteks tempatan, menyewa sebagai pilihan tempat tinggal kurang diberi perhatian berbanding dengan pemilikan rumah. Oleh itu, penulisan ini memberikan landskap tentang pilihan perumahan, iaitu penyewaan dan pemilikan rumah.

Keputusan perumahan, sama ada untuk menyewa atau membeli, umumnya bergantung pada aspek kebebasan ekonomi dan sosial yang serupa dengan faktor lain. Kebergantungan dalam keputusan perumahan timbul apabila pemangkin struktur, sosial atau ekonomi dari satu keputusan mempengaruhi keputusan lain. Misalnya, rumah tangga membuat keputusan untuk menyewa atau membeli berdasarkan keadaan keluarga dan struktur rumah tangga, pendapatan boleh guna dan perbelanjaan isi rumah dan faktor mobiliti (Silver, 1988). Keputusan untuk menyewa atau memiliki bergantung kepada sisi penggunaan sifat perumahan pelbagai aspek (Smith dalam Hargreaves, 2002: 3). Secara amnya, kepemilikan rumah dianggap sebagai keutamaan bagi semua peringkat sosial dan menjadi impian bagi semua rakyat Malaysia. Walau bagaimanapun, tidak diragukan lagi bahawa menyewa rumah menjadi ikutan dan boleh diterima pada masa kini, kerana kos sara hidup semakin meningkat dan juga disebabkan oleh ketidakjaminan pekerjaan, oleh itu menyewa rumah telah diterima oleh generasi kini (Fraser, 1992).

Privasi adalah salah satu pilihan perumahan dalam membuat keputusan perumahan dan dianggap sebagai tujuan utama pemilikan rumah. Rumah tangga boleh melakukan pengubahsuaian berdasarkan pilihan mereka, yang merupakan faedah dari pemilikan rumah yang tiada pada penyewaan. Kestabilan pembayaran gadai janji bulanan akan menjadi salah satu keputusan perumahan untuk pemilikan rumah berbanding dengan menyewa. Kepemilikan rumah melibatkan gadai janji dengan kadar tetap yang mana peminjam memperuntukkan jumlah bulanan yang sama untuk kos bulanan rumah dan kadar faedah sehingga gadai janji dilunaskan, tetapi sebaliknya, penyewaan boleh meningkat secara berkala berdasarkan pembaharuan kontrak sewa (McCabe, 2016). Dengan kata lain, kos perumahan bulanan dapat diramalkan untuk pemilikan rumah berdasarkan gadai janji dengan kadar tetap, oleh itu pemilik rumah dapat merancang kewangan mereka dalam jangka masa yang Panjang tetapi tidak untuk jangkaan sewa. Jelas sekali, cukai harta tanah, kadar faedah dan insurans gadai janji mungkin berubah-ubah dan mengubah pembayaran bulanan, tetapi ia tidak sekerap jika dibandingkan dengan kenaikan kadar sewa yang boleh berubah setiap tahun.

Keputusan perumahan mengenai pemilikan rumah juga didorong oleh alasan kestabilan kejrangan. Kejrangan merujuk kepada kawasan di mana masyarakat tinggal bersama (Sean dan Hong, 2014) dan mempunyai tindakan timbal balik di antara komuniti, dan memberikan pandangan dan persekitaran yang menyenangkan, ruang awam untuk berkumpul dan saling menyokong (Jayantha dan Ming, 2016). Kajian yang dilakukan oleh Rohe dan Stewart (1996) mendapati bahawa hubungan positif antara pemilikan rumah dan jangka masa pemegangan rumah, yang mana keluarga akan memutuskan untuk membeli rumah jika mereka bersedia untuk tinggal bersama komuniti dalam jangka masa yang panjang. Kestabilan juga dikaitkan dengan aspek keselamatan kejrangan, di mana kawasan ini bebas atau kurang berlaku masalah jenayah. Perkara ini juga disokong oleh sarjana terdahulu yang bersetuju bahawa rumah tangga berhak memperuntukkan kos perumahan yang lebih tinggi untuk kawasan kejrangan yang baik (Mariadas, Abdullah dan Abdullah, 2019; San, 2016; Thaker dan Sakaran, 2016; Zeng, 2013).

Tidak dapat dinafikan bahawa kos menyewa adalah lebih rendah daripada gadai janji baru. Oleh itu penyewaan telah memenangi aspek ini. Di kebanyakan pasaran perumahan, penyewa menanggung kos perumahan yang lebih rendah berbanding pemilik rumah untuk rumah yang setara (Hulse, Burke, Ralston dan Stone, 2010). Oleh itu, kebanyakan orang cenderung untuk menyewa kerana kekangan kewangan dan simpanan rumahtangga yang tidak mencukupi (Boshoff, 2015) dan oleh itu, menyewa adalah alternatif untuk berteduh. Untuk menggambarkan hal ini, kebanyakan isi rumah di Switzerland menjadi penyewa berbanding di negara lain dan hanya di bawah 34% orang Switzerland memiliki rumah iaitu

yang terendah di Eropah Barat (Bourassa dan Hoesli, 2010). Tambahan pula, kebanyakan golongan muda yang masih baru dalam sektor kerjaya dan lazimnya mendapat pendapatan sederhana rendah. Anak muda mungkin tidak stabil dari segi kewangan dan menganggap pembelian rumah sebagai bebanan (liabiliti) dan bukannya sebagai aset, di mana mereka mungkin tidak mahu terikat dengan pembayaran bon gadaai janji untuk 20 hingga 30 tahun (Boshoff, 2015). Walaupun begitu, beberapa kajian di Australia membuktikan bahawa pembeli rumah berpendapatan rendah berpotensi untuk membina kekayaan di atas kepemilikan rumah mereka tetapi dengan risiko kewangan yang lebih tinggi dalam mengekalkan pembayaran berterusan pada tahun-tahun awal gadaai janji (Hulse et al., 2010). Perkara ini membuktikan bahawa menyewa memberikan komitmen jangka pendek berbanding dengan pemilik rumah.

Membina ekuiti adalah salah satu peluang kewangan utama bagi pemilikan rumah. Ekuiti adalah jumlah keuntungan yang sebenarnya dimiliki oleh seseorang setelah menolak nilai hutang, yang mana terdapat dua cara untuk membina ekuiti melalui rumah dengan meningkatkan nilai harta tanah atau jumlah hutang yang menurun. Sebagai contoh, jika nilai rumah meningkat, pemilik rumah dengan serta-merta mempunyai lebih banyak ekuiti. Sebilangan sarjana bersetuju bahawa membeli rumah dianggap sebagai pelaburan harta tanah yang berkesan (Chyi, 2013; Lim et al, 2018) kerana ia menawarkan pulangan yang disesuaikan dengan risiko tertinggi (Chyi, 2013). Sebilangan berpendapat bahawa pembeli rumah akan mendapat keuntungan daripada kenaikan nilai aset (Reen & Razali, 2016; Herbert, McCue dan Sanchez-Moyano, 2013, jika mereka menyumbang dengan bayaran pendahuluan yang sederhana (Herbert et al., 201).

Keseluruhannya, menyewa sering dianggap sebagai alternatif untuk pembelian rumah di saat isi rumah tidak mampu membeli rumah di pasaran kini kerana harganya melambung tinggi. Walau bagaimanapun, trend menyewa seolah-olah telah diterima di kalangan golongan muda. Mereka mempunyai mentaliti bahawa mereka tidak keberatan untuk menyewa rumah, ada di antaranya menyewa untuk tempoh yang lama. Namun, kepemilikan rumah adalah impian bagi hampir semua rakyat Malaysia tanpa mengira peringkat umur.

Rujukan

- Bertasso, C., & Pillay, D. (2015). The Rent vs Buy Decision of Residential Property. Accessed https://www.researchgate.net/publication/314611349_The_Rent_vs_Buy_Decision_of_Residential_Property
- Bourassa, S. C., & Hoesli, M. (2010). Why do the Swiss rent?. *The Journal of Real Estate Finance and Economics*, 40(3), 286-309.
- Chyi, L. L.. (2013). Housing in Malaysia as a portfolio investment. *International Journal of Housing Markets and Analysis*, 1(4), 352-361.
- Fraser, W.D 1992. Principles of Property Investment and Pricing. London: The Macmillan Press LTD.
- Hargreaves, B. 2002. TO RENT OR BUY?: THAT IS THE QUESTION. New Zealand Property Journal, 1-17. [Online] Available from: http://www.prres.net/Papers/Hargreaves_Rent_or_Buy_That_is_the_question.pdf [Accessed: 2014-07-29].
- Herbert, C. E., McCue, D. T., & Sanchez-Moyano, R. (2013). Is homeownership still an effective means of building wealth for low-income and minority households?(Was it ever?). *Homeownership Built to Last*.
- Hulse, K., Burke, T., Ralston, L., & Stone, W. (2010). The benefits and risks of home ownership for low-moderate income households. *AHURI Final Report*, 154.
- Jayantha. W. M., and Ming. J. L. (2016). Buyers' property asset purchase decisions: an empirical study on the high-end residential property market in Hong Kong. *International Journal of Strategic Property Management*, 20(1), 1-16.
- San. C. (2016). Attributes influencing home buyers' purchase decision: A study of residential property in Setia Alam (Master's thesis, University Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur).
- Silver, S. D. (1988). Interdependencies in social and economic decision making: a conditional logit model of the joint homeownership-mobility decision. *Journal of consumer research*, 15(2), 234-242.

- Sohaimi, N. S., Abdullah, A., & Shuid, S. (2017). A Review on Housing Pathways Approach for Young Professionals Housing Affordability. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(6), 2222-6990.
- Khazanah Research Institute. (2015). *Making housing affordable*. Kuala Lumpur.
- Lee, C. L., 2009. Housing price volatility and its determinants. *International Journal of Housing Markets and Analysis*, 2(3), 293-308.
- Lim, X. Y., Olanrewaju, A. L., Tan, S. Y., & Lee, J. E. (2018). Factors determining the demand for affordable housing. *Planning Malaysia Journal*, 16(6), 751.
- Li, Y., & Wen, D. (2018). The Rental Right Policy Impact on Young People Rent and Purchase Intention, 2018 *IEEE/ACIS 17th International Conference on Computer and Information Science (ICIS)*, Singapore.
- Ling, C. S., Almeida, S. J., & Wei, H. S. (2017). Affordable housing: Challenges and the way forward. *BNM Quarterly Bulletin: Box Article, Fourth Quarter*, 19-26.
- Reen, T. A., & Razali, M. N. (2016). The dynamics of house price volatility in Malaysia. *Journal of Technology Management and Business*, 3(2).
- Rohe, W. M., & Stewart, L. S. (1996). Homeownership and neighborhood stability. *Housing Policy Debate*, 7(1), 37-81.
- Sean, S., and Hong, T. (2014). Factors affecting the purchase decision of investors in the residential property market in Malaysia. *Journal of Surveying, Construction and Property (JSCP)*, 5(2), 1985-7527.
- Mariadas, P. A., Abdullah, H., & Abdullah, N. (2019). Factors influencing the first home purchase decision of middle-income earners (M40) in Selangor, Malaysia. *e-Bnagi*, 16(1)
- McCabe, B. J. (2016). *No place like home: Wealth, community, and the politics of homeownership*. Oxford University Press.
- Nwogugu, M. (2008). On the Choice Between Renting and Home-Ownership in the Housing Industry. *Developments in Chaos and Complexity Research*, 231.
- Tan, T. H., 2014. Determinates of homeownership in Malaysia. *Habitat International*.
- Thaker, H., and Sakaran, K. (2016). Prioritisation of key attributes influencing the decision to purchase a residential property in Malaysia. *International Journal of Housing Markets and Analysis*, 9(4), 446-467.
- Zeng, R. (2013). Attributes Influencing Home Buyers' Purchase Decisions: A Quantitative Study of the Wuhan Residential Housing Market. DBA thesis, Southern Cross University, Lismore NSW.

KEPIMPINAN GURU BESAR KAJIAN BERDASARKAN SURAH AL ASR AYAT 3 MENURUT TAFSIR AL-AZHAR

Mohd Syafiq Zainuddin

Abstrak

Kepimpinan yang baik amat penting untuk menjamin sekolah yang berkesan. Kajian ini cuba mengupas dua elemen penting dalam ayat 3 Surah Al-Asr iaitu berpesan-pesan dengan kebenaran dan berpesan-pesan dengan sabar yang boleh digunakan oleh pemimpin sekolah apabila berkomunikasi dengan guru-guru. Penafsiran ayat ini diambil dari Tafsir Al-Azhar serta hanya membincangkan dua elemen dihujung ayat Surah Al-Asr iaitu “*berpesan-pesan dengan kebenaran*” dan “*berpesan-pesan dengan sabar*” yang bersesuaian dengan komunikasi yang boleh diterapkan oleh guru besar disekolah. Seterusnya kajian ini cuba mengaitkan kedua-dua ayat ini dengan konteks kepimpinan di sekolah.


Pendahuluan

Apabila menyentuh soal kepimpinan pendidikan, ianya merujuk kepada tugas dan tanggungjawab pihak sekolah dan warga pendidik. Antara faktor yang membezakan sesuatu organisasi itu mencapai kejayaan atau mengalami kegagalan adalah faktor kepimpinan (Taversi, 2007) Kepimpinan boleh didefinisikan dalam pendidikan sebagai keupayaan memotivasikan, mempengaruhi, , mengubah sikap subordinat seperti guru dan staf supaya setiap matlamat sekolah yang telah dirancang dapat direalisasikan (Yahya Don, 2005). Menurut Robbins (2003), kepimpinan adalah kemampuan seorang individu yang dilantik sebagai ketua untuk mempengaruhi individu lain.

Dalam organisasi pendidikan, hal ini boleh ditakrifkan sebagai kemampuan seorang guru besar atau pengetua mempengaruhi guru-guru disekolah tersebut. Kepimpinan guru juga ditakrifkan sebagai proses penambahbaikan yang dilaksanakan oleh pengetua, guru, dan kakitangan sekolah dengan matlamat untuk meningkatkan keberhasilan pembelajaran pelajar (York-Barr & Duke, 2004). Antara ciri-ciri kepimpinan yang berkesan disekolah adalah seorang pemimpin perlu sentiasa memberi galakan kepada subordinat serta membekalkan bimbingan dan nasihat kepada mereka (Ghani, 2008).

Metodologi Kajian

Secara dasarnya, kajian ini hanya melibatkan satu bentuk kajian iaitu kajian dalaman atau kajian kepustakaan. Oleh itu, kajian ringkas ini lebih tertumpu kepada bahan-bahan bertulis yang melibatkan kepimpinan dan juga penafsiran *Surah Al-Asr* ayat 3 yang akan dikaitkan dengan komunikasi dalam kepimpinan pengetua dan guru besar.



Pengenalan Ringkas Tafsir Al-Azhar

Dalam kajian ini, penulis hanya menggunakan satu sumber bagi menafsirkan ayat 3 Surah Al-Asr iaitu *Tafsir Al-Azhar*. Kitab Tafsir ini ditulis oleh Haji Abdul Malik Bin AbdulKarim Amrullah dan lebih dikenali sebagai Hamka semasa beliau dalam tahanan. Tafsir al-Azhar boleh dikategorikan sebagai satu usaha murni seorang ulama Nusantara yang lahir dalam era tajdid atau pembaharuan agama yang dipelopori oleh Muhammad Abduh dan Rashid Rida (Helmy, 2017). Menurut (Yunan, 1990) dalam (Helmy, 2017), kitab Tafsir al-Azhar memperlihatkan keluasan ilmu pengetahuan beliau hampir mencakupi dan meliputi semua disiplin ilmu yang penuh berinformasi. Tafsir Al-Azhar mempunyai ciri-ciri khas iaitu penyajian teks dengan maknanya, penjelasan istilah-istilah agama dalam sebahagian besar ayat yang di tafsirkan serta membawa hujah-hujah sokongan apabila mentafsirkan satu-satu ayat (Howard, 1996).

Penafsiran Surah Al-Asr Ayat 3 Menurut Tafsir Al-Azhar

وَالْعَصْرِ ۝١ (إِنَّ الْإِنْسَانَ لِفِي خُسْرٍ) ۝٢ (إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَّصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَّصَوْا بِالصَّبْرِ) ۝٣

Maksudnya: Demi masa! {1} *Sesungguhnya manusia dalam kerugian* {2} *Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal salih, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran, serta berpesan-pesan dengan sabar*{3} (Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, 2002) Dalam kajian ini, pengkaji hanya mengupas dua elemen yang terdapat dihujung ayat ketiga iaitu berpesan-pesan dengan kebenaran dan berpesan-pesan dengan sabar.

Pengarang Tafsir Al-Azhar,(Hamka,1985) menafsirkan “*Dan berpesan-pesan dengan kebenaran*”, *nyatalah hidup yang bahagia itu adalah hidup bermasyarakat. Hidup nafsinafsi adalah hidup yang sangat rugi. Maka hubungkanlah tali kasih sayang dengan sesama manusia, memberi ingat apa yang benar. Supaya yang benar itu dapat dijunjung tinggi bersama. Ingat memperingati pula mana yang salah, supaya yang salah itu sama-sama dijauhi.*

Dengan demikian beruntunglah masa hidup. Tidak akan pernah merasa rugi. Kerana setiap peribadi merasakan bahawa dirinya tidak terlepas dari ikatan bersama. Brtemulah pepatah yang terkenal: “ Duduk seorang bersempit- sempit, duduk ramai berlapang-lapang”.Dan rugilah orang yang menyendiri, yang menganggap kebenaran hanyalah dirinya seorang”.

Seterusnya pengaran Tafsir Al-Azhar menafsirkan “ *Dan berpesan-pesan dengan kesabaran.*” *Tidaklah cukup kalau hanya pesan-memesan dengan nilai kebenaran. Sebab hidup didunia itu bukanlah jalan datar saja. Kerapkali kaki ini terantuk duri, terancung kerikil. Percobaan terlalu banyak kesusahan kadang-kadang sama banyaknya dengan kemudahan. Banyaklah orang yang rugi kerana tidak dapat menempuh kesukaran dan halangan hidup. Dia rugi sebab dia mundur, atau dia rugi sebab dia tidak berani maju. Dia berhenti di tengah perjalanan. Padahal berhenti artinya pun mundur.*

Hubungan Antara Ayat 3 Surah Al-Asr Dengan Konteks Kepimpinan Guru Besar
Komunikasi yang baik dapat mempengaruhi keberkesanan kepimpinan seseorang guru besar dan pengetua terhadap guru di sekolah masing-masing. Sebagai pemimpin, seorang guru besar haruslah menguasai teknik komunikasi yang berkesan untuk mengelakkan maklumat tidak dapat disampaikan dengan baik kepada guru-guru (Helmi, 2017). Komunikasi yang efektif bukan sahaja dapat membantu menyelesaikan masalah, tetapi juga dapat membantu dalam memperbaiki perhubungan antara guru (Norazuana, 2008).

Terdapat dua aspek komunikasi yang dapat diterapkan oleh guru terhadap pelajar dalam Surah Asr iaitu berpesan-pesan dengan kebenaran dan berpesan-pesan dengan sabar. Elemen pertama iaitu berpesan-pesan dengan kebenaran aspek yang perlu diterapkan dalam nilai komunikasi dalam kepimpinan guru besar disekolah. Seperti penafsiran Hamka, elemen ini adalah seorang individu memberi peringatan kepada individu lain tentang perkara yang benar. Peringatan tentang perkara yang benar dapat didefinisikan dengan nasihat dan bimbingan. Antara perlakuan yang perlu ditunjukkan oleh pemimpin berkesan adalah memberikan nasihat dan bimbingan (Ghani, 2010). Nasihat dan bimbingan adalah perlu diberikan sekiranya seseorang guru melakukan kesilapan. Oleh itu, guru besar perlu sentiasa membimbing dan memberi nasihat kepada guru-guru disekolah supaya guruguru sentiasa menjalankan tugas dengan baik untuk mencapai matlamat yang ditetapkan oleh sekolah. Menurut (Bass, 1975) dalam (Ghani, 2010) elemen ini juga memerlukan seorang guru besar mempunyai pengaruh yang ideal pemimpin bertindak sebagai model, mempunyai nilai etika yang tinggi serta dapat mempengaruhi gurunya. Dengan adanya pengaruh yang ideal, nasihat dan peringatan yang diberikan dapat di terima oleh guru-guru.

Elemen seterusnya adalah berpesan-pesan dengan kesabaran. Menurut Hamka tidak cukup hanya berpesan-pesan dengan kebenaran, namun perlu ada nilai kesabaran dalam memberi nasihat dan bimbingan. Menurut Hamka, di dalam Al-Quran juga banyak menyatakan bahawa kesabaran hanya dapat di capai oleh orang yang kuat jiwanya. Kepentingan sabar juga direkodkan di dalam hadith.

عَنْ صُهَيْبٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمَّا عَجَبُوا لِمُرِّ الْمُؤْمِنِ إِذَا هُنَّ أَمْرُهُ كُلُّهُ خَيْرٌ لِّهِ وَلَا يَسْ ذَاكَ لَوْلَا خَيْرٌ لِّلْمُؤْمِنِ إِذَا أَصَابَتْهُ سَهْرَاءُ شَكَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ وَإِنْ أَصَابَتْهُ ضَرْبٌ مِنْ هَرَاءٍ صَبَّ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ.

Daripada Shuhaib RA berkata, Rasulullah SAW bersabda : “*Amat menakjubkan urusan seorang Mukmin kerana setiap urusannya adalah baik dan itu tidak akan berlaku kepada seorang pun kecuali kepada seorang Mukmin (yang sempurna keimanannya). Jika dia mendapat sesuatu yang mengembirakan dia bersyukur, maka itu adalah kebaikan baginya. Jika dia ditimpa kesusahan dia bersabar, maka itu adalah kebaikan baginya.*”

(Hadith Riwayat Muslim, No.Hadith : 2999)

Sabar ertinya tahan menempuh sesuatu yang sukar (Irsyad Fatwa, Mufti Wilayah Persekutuan, 2015). Sabar juga bermaksud seseorang tidak terjejas semangat dengan kritikan atau penghinaan yang diterima (Syukri, 2018). Menurut Kouzes dan Posner (2002), antara sifat-sifat pemimpin yang berkesan adalah kebolehan mengawal diri iaitu mempunyai kesabaran yang tinggi. Seorang guru besar perlu mempunyai tahap kesabaran yang tinggi dalam memberi nasihat dan bimbingan terhadap guru-gurunya. Dalam teori kepemimpinan karismatik, seorang pemimpin yang baik tidak sekali-kali, dan tidak cepat mengalah apabila berhadapan dengan masalah (Ghani, 2010). Pemimpin ini sentiasa bersabar dan mencari jalan penyelesaian dengan pelbagai cara agar masalah tersebut dapat diselesaikan.

Kesimpulan

Dalam artikel ini dapat dirumuskan bahawa dua elemen dalam yang dikaji dalam Surah Al-Asr iaitu berpesan-pesan dengan kebenaran dan juga berpesan-pesan dengan sabar perlu ada dalam komunikasi seorang guru besar disekolah bagi memastikan kepemimpinan yang diamalkan berkesan. Dua elemen ini juga disokong oleh beberapa trait dan gaya kepemimpinan oleh sarjana barat melalui teori-teori kepemimpinan yang dikemukakan.

Rujukan

- David M. Traversi. (2007), "Eight Drivers of the High-Impact Leader". Retrieved September 2008 dari <http://www.leader-values.com/Content/detail.asp?ContentDetailID=1308>
- Howard M Federspiel, Kajian-kajian al-Qur'an di Indonesia, (Bandung: Mizan. 1996), 142 <http://canselori.umt.edu.my/?p=5824>,
- Abdullah Shukri. (2018). Jurnal Syariah, 25(3), (2017) 531-562, Komunikasi Kepimpinan Berkesan, Helmi Akhtar1 Ilhaamie Abdul Ghani Komunikasi Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Matematik Seko, 2008lah Menengah Norazuana Binti Sait Universiti Teknologi Malaysia
- Kouzes, J.W Posner, B.z(2002). The Leadership Challenge . San Francisco: Josey Bass) Tafsir al azhar Tafsir Pimpinan Ar-rahman ,Pengertian Kepada Al Quran, (2002), JAKIM, Darul Fikir.
- Wan Helmy Shahrman Wan Ahmad Sharifah Norshah Bani Syed Bidin Kamarul Shukri Mat Teh, Metode Pentafsiran Al-Ilmiy Hamka Dan Al-Maraghiy Terhadap Ayat-Ayat AlKawniyyah : Satu Perbandingan, Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari ISSN 2289 6325 Bil. 15 2017 (Julai)
- Yahya Don (2005). Kepimpinan Pendidikan Di Malaysia. Batu Caves Selangor. PTS Profefessional Publishing Sdn Bhd.
- Robbins, S.P. (2003) Organizational Behavior. (10th ed). New Jersey: Prentice Hall.
- York-Barr, J. Duke,K. (2004) What do we know about teacher leadership? Findings from two decades of scholarship. Review Of Eductional Reasearch, 74,255-316.

PENCETUSAN IDEA REKABENTUK ALAT LATIHAN SOLAR FOTOVOLTA MENGGUNAKAN KAEDAH TEORI PENYELESAIAN MASALAH INVENTIF (TRIZ)

Norazlinda Mohamed, Nurul Fazura A Hamid, Irdayanti Mat Nashir dan Muhammad Firdhaus Che Hassan

Abstrak

Tujuan reka bentuk konseptual adalah untuk mendapatkan idea inovatif yang dapat memberikan yang terbaik kepada sesuatu produk. Teori penyelesaian masalah inventif (TRIZ) telah terbukti menjadi teknik yang sistematik dalam penghasilan idea baru. Dalam kajian ini, pencetusan idea bagi pembangunan alat latihan solar Fotovolta menggunakan teknik aplikasi TRIZ dalam mendapatkan reka bentuk yang kreatif. Dalam kajian ini, pemasangan panel solar fotovolta digabungkan secara sendiri bersama beberapa komponen elektronik lain bagi menghasilkan arus terus (DC) pada beban keluaran. Objektif utama kajian ini adalah untuk menunjukkan pendekatan kejuruteraan yang sistematik sebagai teknik yang cekap untuk meningkatkan keupayaan bagi membangunkan masalah rekabentuk alat latihan solar fotovolta baru melalui kaedah instrumen temubual. Pendekatan TRIZ digunakan untuk menghapuskan masalah yang diperolehi dari alat latihan solar fotovolta sedia ada.

Kata Kunci: TRIZ, Pencetusan Idea, Rekabentuk Produk

Pengenalan

Keupayaan untuk menyelesaikan masalah inventif adalah teras bagi proses inovasi. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa teori dan kaedah serta prosedur standard mereka adalah menggunakan percubaan dari masalah secara rawak. Banyak metodologi telah dicadangkan untuk membantu pengkaji dalam proses mendapatkan reka bentuk yang kompleks dan menawarkan idea-idea kreatif. Pada tahun 1946, Genrich Altshuller memulakan analisis statistik lebih daripada dua juta paten di seluruh dunia. Melalui analisis statistik tersebut, beliau dapat mengenalpasti prinsip-prinsip di mana perkembangan sistem teknikal dan penyelesaiannya dapat dibuktikan (Petković, Issa, Pavlović, & Zentner, 2013). Rentetan dari itu, satu algoritma untuk menyelesaikan penyelesaian masalah inventif telah disempurnakan dan merupakan satu usaha dalam menggunakan kaedah TRIZ untuk semua jenis masalah teknikal sebagai teori saintifik. Menurut kaedah TRIZ, analogi yang sama dapat ditakrifkan untuk masalah inventif iaitu model masalah disepadukan dengan model penyelesaiannya dengan satu set alat.

Kajian ini membincangkan idea percanggahan yang timbul hasil kajian temubual dalam pembangunan alat latihan fotovolta solar dengan menggunakan prinsip inventif yang dicadangkan oleh kaedah TRIZ. Keperluan dalam alat ini mengambil kira jenis komponen elektronik yang digunakan, nilai ukuran masukan dan keluaran kuasa serta pematuhan keselamatan dalam penggunaannya. Berpandukan jadual 39 parameter dalam Jadual 1 diekstrak untuk menggambarkan semua percanggahan yang ditemui dalam sesebuah idea bagi pembangunan paten produk. Melalui percanggahan teknikal sebagai gabungan dua parameter memerlukan tafsiran yang luas tentang produk dari mana-mana bidang kejuruteraan. Parameter dan prinsip disusun beserta formulasi percanggahan dan cara untuk menyelesaikannya. Akhirnya, mereka membina matriks 39×39 . Matrix boleh dikatakan sebagai kaedah pantas bagi memperkenalkan kaedah TRIZ kepada jurutera atau pengkaji serta dapat

meyakinkan mereka tentang keberkesanan teori melalui kaedah yang membawa kepada penyelesaian masalah yang lebih cepat (Borgianni & Matt, 2016).

Jadual 1

39 Parameter TRIZ

1	Berat objek bergerak	20	Tenaga yang digunakan oleh objek tak bergerak
2	Berat objek tak bergerak	21	Kuasa
3	Panjang objek bergerak	22	Pembaziran tenaga
4	Panjang objek tak bergerak	23	Pembaziran bahan
5	Luas objek bergerak	24	Kehilangan maklumat
6	Luas objek tak bergerak	25	Pembaziran masa
7	Isipadu objek bergerak	26	Hasil tambah bahan
8	Isipadu objek tak bergerak	27	Keandalan
9	Kelajuan	28	Ketepatan pengukuran
10	Daya	29	Ketepatan pengilangan
11	Tegasan, tekanan	30	Faktor yang memudaratkan yang bertidak ke atas objek
12	Bentuk	31	Kesan sampingan yang memudaratkan
13	Kestabilan	32	Boleh dikilangkan
14	Kekuatan	33	Senang penggunaan
15	Ketahanan objek bergerak	34	Boleh dibaiki
16	Ketahanan objek tak bergerak	35	Kebolehsuaian
17	Suhu	36	Kekompleksan peranti
18	Kecerahan	37	Kekompleksan kawalan
19	Tenaga yang digunakan oleh objek bergerak	38	Tahap automasi
		39	Produktiviti

Beberapa kaedah penyediaan yang telah digunakan mempunyai beberapa kelebihan dan kekurangan. Untuk memastikan pengeluaran alat latihan solar fotovolta, tumpuan perlu diberikan pada kaedah menentukan setiap parameter dan konsep percanggahan dengan merujuk Prinsip Berdaya Cipta pada Jadual 2.

Jadual 2

40 Prinsip Berdaya Cipta

1	Pemetakan/pembahagian	21	Meluru
2	Pengekstrakan	22	Menukar keburukan kepada kebaikan
3	Kualiti setempat	23	Maklum balas
4	Asimetri	24	Orang tengah
5	Menggabungkan	25	Layan diri
6	Kesemestaan	26	Meniru
7	Penyaringan	27	Murah/ tidak tahan lama
8	Berat pengimbang	28	Penggantian sistem mekanik
9	Tindakbalas sebelumnya	29	Penggunaan binaan pneumatik/ hidraulik
10	Tindakan sebelumnya	30	Selaput fleksibel atau membran nipis
11	Perlindungan sebelumnya	31	Penggunaan bahan berpori
12	Kesamaupayaan	32	Ubah warna
13	Penyonsangan	33	Kehomogenan
14	Kebolehsfreaan	34	Menolak atau menjana semula bahagian
15	Kedinamikan	35	Perubahan keadaan fiik atau kimia objek
16	Tindakan separa atau berlebihan	36	Peralihan fasa
17	Bergerak ke dimensi lain	37	Pengembangan haba
18	Getaran mekanik	38	Pengoksidaan kuat
19	Tindakan berkala	39	Persekitaran lengai
20	Keberterusan tindakan berguna	40	Bahan komposit

Kajian Literatur

TRIZ adalah akronim Rusia bagi teori penyelesaian masalah inventif yang dikembangkan oleh Genrich Altshuller di Rusia pada tahun 1965. Ini adalah pendekatan sistematik terhadap kreativiti. Inovasi pula adalah suatu proses mengeluarkan idea dan mengubahnya dalam bentuk produk, perkhidmatan, sistem dan cara operasi yang baru. Penghasilan produk yang berkualiti bergantung kepada pereka produk tersebut. Idea bagi menghasilkan sesuatu inovasi boleh dicetus melalui percambahan fikiran, *TRIZ* dan sebagainya. Melalui kaedah penggunaan matriks percanggahan *TRIZ* dapat menyelesaikan masalah rekaan sesuatu produk (Ang Mei, Ng, & Megat Ghazali, 2011). Donnici, Frizziero, Francia, Liverani, & Caligiana (2018) pula mengkaji metodologi bagi mengenalpasti ciri-ciri utama yang menyumbang kepada penghasilan pengangkutan berteknologi baru. Melalui metodologi *TRIZ*, terdapat prinsip asas dikenalpasti untuk merealisasikan satu penyelesaian inovatif mengenai permintaan sesuatu alatan yang mudah digunakan. Masalah inovatif teknikal yang ditemui dapat dikaji semula segi percanggahan teknikal. Seterusnya melalui prinsip umum penyelesaian inventif menggunakan salah satu alat *TRIZ* iaitu matriks percanggahan. Bermula dari prinsip-prinsip umum penyelesaian, penyelesaian yang inovatif telah dibangunkan pada reka bentuk yang inovatif. Bagi pembangunan alat latihan solar Fotovolta ini, kaedah *TRIZ* telah dijadikan sumber rujukan bagi mendapatkan cetusan idea pembangunan produk. Model generik bermula dengan menetapkan masalah khusus dan menggunakan kaedah *TRIZ* untuk membuat definisi masalah generik. Dari situ, penyelesaian masalah dapat dibangunkan dari aplikasi alat *TRIZ* dan memberikan penyelesaian yang boleh digunakan untuk masalah khusus (Abdul Rahim, Lim Sing Sheng, & Nooh, 2015). Berdasarkan persaingan inovasi untuk pembangunan baru satu produk, produk baru yang dipatenkan adalah antara kaedah terbaik. Ianya amat penting bagi jurutera untuk melindungi inovasi sesuatu pembangunan produk mereka pada tahap yang lebih tinggi dengan mendapat sesuatu idea produk berpaten (Mansoor, Mariun, & AbdulWahab, 2017).

Metodologi

Bagi mendapatkan perbandingan alat latihan solar sedia ada, tiga produk yang dinyatakan sebelum ini telah dikaji menggunakan instrumen temubual. Tiga responden telah menjawab beberapa soalan temubual bagi mendapatkan permasalahan alat latihan solar sedia ada yang telah digunakan. Jadual 3.1 menunjukkan maklumat dan kriteria alat latihan sedia ada yang diperolehi hasil dari instrument temubual. Bagi mendapatkan maklumat bagi mengenalpasti punca masalah, kajian berdasarkan temubual dirujuk sebagai responden bagi mengenalpasti kelemahan produk sedia ada berdasarkan parameter *TRIZ* yang bersesuaian dengan spesifikasi kejuruteraan yang sesuai. Hasil daripada dapatan sistem skor pemarkahan, terdapat lima parameter di kesan sebagai kelemahan bagi alat sedia ada seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3

Parameter sistem alat sedia ada

No Parameter	Parameter Sistem	Parameter sistem baik	Pinsip Inventif
2	Berat objek pegun	Bentuk	26,39,1,40
6	Saiz besar	Kuantiti bahan	2, 18, 40, 4
37	Kesukaran mengukur	Ketepatan pengukuran	26, 24, 32, 28
34	Kemudahan pembaikan	Kemudahan pengoperasian	1,12,26,15

Dengan menggunakan matriks percanggahan TRIZ dan menganalisis prinsip inventif untuk mencari pendekatan terbaik bagi meningkatkan fungsi semasa proses rekabentuk. Berdasarkan prinsip inventif, sistem yang baru tanpa memberi kesan alam sekitar, mudah untuk beroperasi dengan cekap (Wang et al., 2013). Percanggahan kejuruteraan merupakan percanggahan teknikal yang melibatkan dua parameter yang bercanggah dalam satu situasi. Sekiranya satu parameter diperbaiki, parameter kedua pula akan terjejas. Bagi memahami masalah seterusnya mengenalpasti percanggahan yang terdapat dalam masalah, Jadual 4 dirujuk bagi mendapatkan idea percanggahan.

Jadual 4

Idea percanggahan melibatkan parameter yang diperolehi

Kelemahan	Sekiranya	Maka	Tetapi
Berat objek pegun	Ringan dan stabil	Lebih flksible	Mudah jatuh
Saiz besar	kecil	Mudah dikendalikan	Kuantiti berkurang
Kesukaran mengukur	Alat pengukuran dipasang	Mudah diukur	Kuantiti bahan bertambah
Kemudahan pembaikan	Mudah dibaiki	Operasi mudah	Kos bertambah

Setelah prinsip inventif disenaraikan mengikut parameter TRIZ, pemilihan prinsip inventif dipilih mengikut kesesuaian kajian. Beberapa cadangan penyelesaian masalah hasil dari maklumat percanggahan yang memberikan idea penyelesaian masalah bagi pembangunan alat latihan solar Fotovolta.

Jadual 5


Cadangan penyelesaian masalah TRIZ

No	Prinsip inventif	Cadangan penyelesaian
1	Segmentasi	Memisahkan objek kepada beberapa bahagian dan boleh dicantum apabila perlu
4	Asimetri	Menukar bentuk sesuatu objek dengan meningkatkan tahap asimetri seperti meletakkan bingkai aluminium di sekitar alat.
15	Dinamik	Memberi keupayaan alat agar mudah bergerak dan mudah alih

24	Pengantara	Menggunakan pengantara ketika pengujian dilakukan samada secara kekal atau mudah alih.
26	Menyalin	Meniru sesuatu bagi mencapai tujuan seperti lebih mudah dibawa serta lebih murah.

Bagi setiap prinsip inventif yang diperolehi, cadangan penyelesaian dapat memberi idea bagi membangunkan alat yang berinovasi dan mempunyai potensi untuk digunapakai oleh pengguna. Bagi pengkaji, perbincangan secara kumpulan amat digalakkan supaya banyak idea dapat dihasilkan berdasarkan pengetahuan dan pengalaman yang perlbagai dapat memberi kelebihan yang tinggi kepada pembangunan sesuatu penyelesaian (Mansor et al., 2017).

Hasil dari pemerhatian dengan merujuk kepada masalah dari kajian temubual bersama pengguna, cadangan penyelesaian adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 5. Idea penghasilan bagi alat latihan solar fotovolta yang akan dibangunkan dilakar seperti Rajah 1 dibawah.



Gambar 1 Lakaran idea rekabentuk alat latihan solar fotovolta

Kesimpulan

Triz merupakan satu kaedah yang sesuai bagi memberi idea serta penyelesaian masalah bagi pembangunan produk baru. Penelitian dalam menjana idea perlu mengikuti langkah yang dicadangkan seperti mengenalpasti parameter, matriks percanggahan dan setiap prinsip inventif perlu dikaji setiap satu sesuai dengan alat latihan yang akan dibangunkan. Hasil daripada kajian ini bermula dari dapatan kajian temubual bagi mendapatkan masalah alat latihan solar sedia ada yang digunakan oleh pengguna, seterusnya setiap masalah dikaji dengan merujuk matriks 39x39 TRIZ. Setelah parameter dikesan, idea percanggahan

dikenalpasti mengikut kesesuaian seterusnya proses pemilihan mengikut prinsip inventif diperolehi seterusnya penyelesaian masalah diperolehi. Idea lakaran rekabentuk kemudiannya dilakar dengan mengambilkira beberapa spesifikasi rekabentuk yang sesuai dan inovatif.

Rujukan

- Abdul Rahim, Z., Lim Sing Sheng, I., & Nooh, A. B. (2015). TRIZ methodology for applied chemical engineering: A case study of new product development. *Chemical Engineering Research and Design*, 103, 11–24. <https://doi.org/10.1016/j.cherd.2015.08.027>
- Ang Mei, F. H. C., Ng, K. W., & Megat Ghazali. (2011). Pencetusan Idea Reka Bentuk Produk Mengguna TRIZ. *Jurnal Teknologi Maklumat & Multimedia*, 11(2011), 1–9.
- Borgianni, Y., & Matt, D. T. (2016). Applications of TRIZ and Axiomatic Design: A Comparison to Deduce Best Practices in Industry. *Procedia CIRP*, 39, 91–96. <https://doi.org/10.1016/j.procir.2016.01.171>
- Donnici, G., Frizziero, L., Francia, D., Liverani, A., & Caligiana, G. (2018). TRIZ method for innovation applied to an hoverboard. *Cogent Engineering*, 5(1), 1–24. <https://doi.org/10.1080/23311916.2018.1524537>
- Mansoor, M., Mariun, N., & AbdulWahab, N. I. (2017). Innovating problem solving for sustainable green roofs: Potential usage of TRIZ – Theory of inventive problem solving. *Ecological Engineering*, 99, 209–221. <https://doi.org/10.1016/j.ecoleng.2016.11.036>
- Mansor, M. R., Shahruruzaman, M. A., Tahir, M. M., Akop, M. Z., Salim, M. A., & Zainudin, A. Z. (2017). Product design improvement Of water dispenser tap using TRIZ method. *Journal of Advanced Manufacturing Technology*, 11(1 Special Issue), 101–111.
- Petković, D., Issa, M., Pavlović, N. D., & Zentner, L. (2013). Application of the TRIZ creativity enhancement approach to design of passively compliant robotic joint. *International Journal of Advanced Manufacturing Technology*, 67(1–4), 865–875. <https://doi.org/10.1007/s00170-012-4530-4>

KERANGKA KONSEP FAKTOR PENENTU PENGLIBATAN PENIAGA BUMIPUTERA SABAH TERHADAP E-NIAGA SEMPENA COVID-19

Merlin Dunding dan Heather Valarie Benilus

Abstrak

Berikutan dengan penularan pandemik COVID-19, banyak perniagaan terjejas disebabkan oleh kawalan pergerakan dan permintaan barang yang berkurangan. Kesan daripada ini, aktiviti perniagaan banyak yang tidak dapat beroperasi. Namun disebabkan kemudahan teknologi, perniagaan masih dapat berlangsung secara dalam talian atau lebih dikenali sebagai e-niaga. E-niaga merupakan satu proses pembelian dan juga penjualan yang dibuat melalui elektronik. Dalam e-niaga, proses yang terlibat adalah seperti pengiklanan, pesanan, penghantaran, pembayaran dan juga khidmat selepas jualan bagi perkhidmatan dan juga barangan. Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi penglibatan peniaga atau usahawan dalam e-niaga. Menurut sebahagian kajian, e-niaga adalah pemacu keuntungan penting untuk perniagaan. Justeru, kajian ini dijalankan untuk membina kerangka konsep faktor penentu penglibatan peniaga bumiputera Sabah terhadap e-niaga. Kerangka konsep ini penting bagi menentukan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang relevan sebelum kajian lapangan di buat.

Kata Kunci: E-Niaga, Kerangka Konsep, Bumiputera Sabah.

Pendahuluan

Perniagaan dan keusahawanan adalah faktor penting kerana ia menyumbang kepada pembangunan sebuah negara (Achmad, Saputro & Handayani, 2016). Banyak kajian-kajian dijalankan mendapati terdapat pelbagai faktor yang menyumbangkan kepada penglibatan seseorang terhadap usahawan. Walau bagaimanapun, untuk menjalankan sesebuah perniagaan, bukan suatu perkara yang mudah untuk dilaksanakan kerana terdapat banyak perkara yang perlu dipertimbangkan (Othman, Anuar & Husin, 2009). Menurut Alstete, (2002), banyak perkara tidak dapat dinafikan menjadi faktor halangan dan cabaran dalam menjalankan perniagaan dan untuk menjadi seorang peniaga atau usahawan berjaya. Antara faktor yang perlu dipertimbangkan oleh peniaga adalah risiko yang terlibat dalam perniagaan. Umumnya terdapat dua risiko iaitu risiko tidak sistematik dan risiko sistematik. Risiko tidak sistematik merujuk kepada risiko yang timbul daripada pemboleh ubah yang dikawal dan diketahui, iaitu industri atau spesifikasi keselamatan. Risiko ini boleh dikawal dengan cara mempelbagaikan portfolio perniagaan dan biasanya berpunca daripada faktor dalaman syarikat. Risiko ini adalah tidak umum dan hanya melibatkan kepada syarikat, perniagaan atau individu tertentu. Sementara itu, risiko sistematik adalah disebabkan oleh perubahan dalam dasar kerajaan, tindakan alam seperti bencana alam, perubahan dalam ekonomi negara, komponen ekonomi antarabangsa, dan sebagainya.³ Risiko ini boleh mengakibatkan jatuhnya nilai pelaburan dalam tempoh tertentu. Banyak kajian-kajian seperti Wijiyanti, Anastasia & Gunawan (2003), Natarsyah (2000) dan Delvira & Nelvirita (2013) mendapati terdapat kesan risiko sistematik terhadap harga saham, pendapatan syarikat dan perniagaan. Kajian yang dijalankan oleh Yusi (2011) mendapati koefisien regresi pemboleh ubah risiko sistematik adalah signifikan secara positif pada tingkat kepercayaan 90%. Hal ini menunjukkan bahawa para pelabur bersedia untuk menanggung risiko yang lebih besar.

³ <https://ms.gadget-info.com/difference-between-systematic>

Isu hangat yang berkaitan risiko sistematik pada tahun 2020 adalah merujuk kepada penularan wabak yang dikenali sebagai Covid-19. Dipetik dalam Wikipedia, pandemik COVID-19 2019-20, juga dikenali sebagai pandemik koronavirus 2019–2020 ialah wabak penyakit koronavirus 2019 yang berterusan secara global berpunca daripada sindrom pernafasan akut teruk koronavirus 2 (SARS-CoV-2).⁴ Sehingga 20 Mac 2020, lebih daripada 246,000 kes COVID-19 telah dilaporkan dalam sekurang-kurangnya 180 negara dan wilayah, menyebabkan lebih daripada 10,000 kematian dan 87,000 pulih.⁵ Pandemik ini telah membawa kepada gangguan sosioekonomi global⁶ dan ketakutan yang meluas dalam kekurangan bekalan yang telah mendorong pembelian panik.⁷ Senario wabak ini turun menjejaskan aktiviti perniagaan di Malaysia. Laporan yang disiarkan oleh Harian Metro (Murnaena, 2020) menunjukkan hasil jualan daripada aktiviti perniagaan mengalami kemerosotan. Banyak peniaga-peniaga mengadu dengan kemerosotan hasil perniagaan yang mereka peroleh setiap hari. Ini berlaku disebabkan oleh perintah kawalan pergerakan yang dikeluarkan oleh kerajaan menyebabkan kedai-kedai diarahkan untuk ditutup dan hampir tiada pembeli, hanya perniagaan yang menjual barangan asal makanan sahaja yang dibenarkan beroperasi dengan beberapa syarat yang ketat.

Bagi mengelakkan perniagaan terjejas lebih teruk, pelbagai inovasi dijalankan bagi membantu mengembangkan perniagaan dalam pelbagai cara. Antara alternatif yang ada bagi meneruskan dan mengembangkan perniagaan dalam masa kesulitan ini adalah melalui penggunaan digital dalam perniagaan. Ini selari dengan perkembangan era digital dan elektronik yang kian rancak pada masa kini. Berdasarkan kepada senario ini, kajian lanjut perlu dijalankan bagi melihat apakah faktor utama yang mendorong peniaga untuk menceburkan diri dalam e-niaga dalam situasi sukar ini. Justeru objektif kajian ini adalah untuk membina satu kerangka konsep apakah pemboleh ubah yang dilihat sesuai yang mendorong penglibatan peniaga bumiputera Sabah terhadap e-niaga sempena Covid-19.

Sorotan Kajian

Sikap terhadap e-niaga

Menurut Ajzen (1985), kecenderungan seseorang untuk melakukan gelagat dapat dilihat daripada sikapnya terhadap sesuatu perkara. Sikap merujuk kepada sejauh mana seseorang mempunyai penilaian iaitu sama ada penilaian positif atau negatif terhadap sesuatu perkara (Yoo & Lee, 2009). Teori Perilaku menganggap bahawa sikap individu merupakan peramal penting terhadap keinginan seseorang untuk melibatkan diri dalam sesuatu perkara (Ajzen & Fishbein, 1980). Menurut Muhamad, Adnan & Mohamed (2017), sikap dianggap sebagai faktor penting dalam meramalkan niat seseorang dan hubungan antara sikap terhadap tingkah laku dan penglibatan seseorang telah dijalankan secara meluas dalam penyelidikan sains sosial. Ini menunjukkan bahawa sekiranya sikap peniaga terhadap e-niaga dalam situasi

⁴ "Coronavirus Disease (COVID-19) – events as they happen". who.int. "Undiagnosed pneumonia - China (HU) (01): wildlife sales, market closed, RFI Archive Number: 20200102.6866757". Pro-MED-mail. International Society for Infectious Diseases.

⁵ Coronavirus Update (Live): 246,000 Cases and 10,024 Deaths from COVID-19 Virus Outbreak - Worldometer"

⁶ "Here Comes the Coronavirus Pandemic: Now, after many fire drills, the world may be facing a real fire". Editorial. The New York Times.

⁷ Scipioni, Jade (18 March 2020). "Why there will soon be tons of toilet paper, and what food may be scarce, according to supply chain experts". CNBC. "The Coronavirus Outbreak Could Disrupt the U.S. Drug Supply". Council on Foreign Relations.

pandemik Covid-19 adalah positif, maka peniaga lebih cenderung untuk mempertimbangkan untuk meneruskan aktiviti perniagaan mereka secara e-niaga. Oleh itu, hipotesis yang dicadangkan adalah:

H1: Sikap peniaga terhadap penglibatan dalam aktiviti e-niaga semasa pandemik Covid-19 adalah berhubung secara positif.

Norma subjektif terhadap e-niaga

Norma subjektif adalah persepsi atau anggapan seseorang tentang jangkaan orang lain tentang perilaku tertentu yang akan atau tidak akan dilakukan seseorang (Huda et al., 2012). Oleh kerana persepsi ini bersifat subjektif, dimensi ini dirujuk sebagai norma subjektif. Sikap yang sama terhadap tingkah laku, norma subjektif juga dipengaruhi oleh kepercayaan. Kedua-duanya adalah berbeza. Sikap terhadap tingkah laku adalah fungsi kepercayaan terhadap tingkah laku (kepercayaan perilaku) yang akan dilakukan, sementara norma subjektif adalah fungsi kepercayaan seseorang yang dibentuk oleh orang lain dalam kehidupan seseorang (Hanno & Violette, 1996). Justeru, dalam situasi ini sekiranya peniaga tersebut menganggap bahawa orang yang mereka anggap penting merasakan peniaga tersebut patut menjalankan perniagaan mereka secara e-niaga, maka peniaga lebih cenderung untuk mempertimbangkan untuk meneruskan aktiviti perniagaan mereka secara e-niaga. Oleh itu, hipotesis yang dicadangkan adalah:

H2: Norma Subjektif terhadap penglibatan dalam aktiviti e-niaga semasa pandemik Covid-19 adalah berhubung secara positif.

Pengalaman terhadap e-niaga

Kajian yang dijalankan oleh Othman et al. (2009) menjelaskan bahawa pengalaman merupakan aspek penting bagi mendapatkan keyakinan untuk berniaga. Walaupun seseorang mempunyai kekangan dan halangan untuk berniaga, pengalaman yang ada dapat membantu untuk lebih yakin dan mendorong untuk terus mencari jalan untuk berniaga. Menurut Collins et al. (2004) seseorang memerlukan pengalaman dalam persekitaran keusahawanan. Justeru, dari segi e-niaga dalam situasi Covid-19, pengalaman mereka menjalankan e-niaga sebelum Covid-19 akan membantu mereka untuk terus melibatkan diri dalam e-niaga walaupun semasa Covid-19. Oleh itu, hipotesis yang dicadangkan adalah:

H3: Pengalaman terhadap penglibatan dalam aktiviti e-niaga semasa pandemik Covid-19 adalah berhubung secara positif.


Kemahiran dalam teknologi digital

Kemahiran asas dalam menggunakan teknologi digital adalah penting dalam e-niaga. Teknologi digital memainkan peranan yang penting dalam era industri dan perniagaan pada masa kini. Persaingan dan internet pada era media digital memberi peluang kepada pembangunan daya saing yang tinggi (Reuber & Fischer, 2011). Daya saing adalah penting untuk bersaing dalam pasaran, justeru inovasi dalam perniagaan sentiasa diperlukan. Menurut Achmad et al. (2016), etos keusahawanan tidak hanya merujuk kepada nilai produk, tetapi juga produk dan inovasi pasaran. Akibat daripada permintaan yang tinggi dalam inovasi perniagaan, model pemasaran luar talian tradisional (offline) perlu diganti menjadi model transaksi dalam talian. Kajian yang dijalankan oleh Harn, Khatibi & Ismail (2006) mendapati era e-niaga telah pun berkembang maju selari dengan perkembangan komputer dan internet setiap tahun. Kajian tersebut juga memetik kajian Nua (2001) pada tahun 2005 yang menyatakan 25 peratus daripada penduduk Malaysia mempunyai akses internet. Oleh itu,

kemahiran dalam teknologi digital perlu adalah untuk terlibat dalam e-niaga. Justeru hipotesis yang dicadangkan adalah:

H3: Kemahiran dalam teknologi digital terhadap penglibatan dalam aktiviti e-niaga semasa pandemik Covid-19 adalah berhubung secara positif.

Cadangan kerangka konsep



Rajah 1. Kerangka konsep penyelidikan

Berdasarkan kepada perbincangan kajian literatur dan isu semasa, kajian mengenai penglibatan dalam aktiviti e-niaga semasa pandemik Covid-19 perlu dijalankan. Oleh itu, kajian ini mencadangkan empat pemboleh ubah yang perlu diuji bagi menentukan manakah pemboleh ubah yang menjadi faktor penentu kepada penglibatan peniaga-peniaga dalam aktiviti e-niaga semasa pandemik Covid-19 yang ideal. Model bagi kerangka konsep yang dicadangkan adalah seperti ditunjukkan dalam Rajah 1.

Kesimpulan

Empat pemboleh ubah yang dibincangkan merupakan antara faktor penting yang mempengaruhi penglibatan peniaga terhadap e-niaga. Berikutan dengan penularan wabak Covid-19 serta Perintah Kawalan Pergerakan bagi memutuskan rangkaian Covid-19, banyak kedai-kedai tidak dapat beroperasi seperti biasa. Keadaan ini sangat sukar bagi peniaga-peniaga yang bergantung pada hasil perniagaan jualan hasil. Walaupun begitu, dengan adanya teknologi digital dan telefon pintas, masih terdapat segelintir perniagaan yang boleh beroperasi di atas talian. Ini disokong oleh laporan berita harian⁸ bertarikh 13 April 2020 yang menyatakan pembelian online melonjak walaupun dalam situasi sukar. Justeru model yang ditunjukkan dalam Rajah 1 adalah dilihat relevan untuk dikaji bagi menentukan faktor penentu penglibatan peniaga dalam e-niaga. Hasil analisis yang akan dijalankan, akan

⁸ <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/03/557138/covid-19-pembelian-online-melonjak>

membantu mencari kekuatan dan kelemahan bumiputera Sabah dalam e-niaga bagi membantu kumpulan-kumpulan peniaga menjalankan perniagaan mereka walaupun dalam situasi sukar.

Rujukan

- Achmad, N., Saputro, E. P., & Handayani, S. (2016). Entrepreneurship in the Digital Era. *Dinamika Pendidikan, 11*(2), 102-107.
- Ajzen, I. & Fishbein, M. (1980). *Understanding Attitudes and Predicting Social Behavior*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Ajzen, I. (1985). From intention to actions: a theory of planned behaviour. In J. Kuhl & J. Beckmann (Ed.), *Action Control: From Cognition to Behaviour* (11-39). Berlin, New York: Springer
- Alstete, J.W. 2002. On Becoming Entrepreneur: An Evolving Typology. *International Journal of Entrepreneurial Behaviour & Research, 8* (4):222-234.
- Collins, L., Hannon, P. D. & Smith, A. 2004. Enacting Entrepreneurial Intent: The Gaps Between Student Needs And Higher Education Capability. *Education and Training, 46*(8/9): 454-463
- Delvira, M., & Nelvirita, N. (2013). Pengaruh Risiko Sistemik, Leverage Dan Persistensi Laba Terhadap Earnings Response Coefficient (ERC). *Wahana Riset Akuntansi, 1*(1).
- Harn, A. C. P., Khatibi, A., & Ismail, H. B. (2006). E-Commerce: A study on online shopping in Malaysia. *Journal of Social Sciences, 13*(3), 231-242.
- Muhamad, A., Adnan, M. N., & Mohamed, M. A. (2017). Pembelian Produk Tiruan di Malaysia: Pengaruh Sikap Dan Niat Pengguna. *International Journal of Accounting, Finance and Business, 2* (5), 152-162.
- Murnaena Muhammad Nasir (2020). Covid-19: Perniagaan terjejas. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/03/551783/covid-19-perniagaan-terjejas>
- Natarysah, S. (2000). Analisis Pengaruh Beberapa Faktor Fundamental dan Risiko Sistemik Terhadap Harga Saham Kasus Industri Barang Konsumsi yang Go-Publik di Pasar Modal Indonesia. *Journal of Indonesian Economy and Business, 15*(3), 294-312.
- Othman, N., Anuar, A., & Husin, M. (2009). Kekangan dalam Menjalankan Perniagaan dalam Kalangan Pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia. *MALAYSIAN JOURNAL ON STUDENT ADVANCEMENT, 12*(12).
- Reuber, A. R. & Fischer, E. (2011). International entrepreneurship in internet-enabled markets. *Journal of Business Venturing, 26*(6), 660-679.
- Wijiyanti, I., Anastasia, N., & Gunawan, Y. W. (2003). Analisis faktor fundamental dan risiko sistemik terhadap harga saham properti di BEJ. *Jurnal Akuntansi dan Keuangan, 5*(2), 123-132.
- Yusi, M. S. (2011). Faktor Fundamental dan Risiko Sistemik Implikasinya Terhadap Harga Saham. *Jurnal Keuangan dan Perbankan, 15*(1).

LITERASI KEWANGAN DALAM KALANGAN PELAJAR BUMIPUTERA SABAH

Edward John dan Ernie Suzana Mahsum

Abstrak

Di era yang penuh dengan cabaran ini, literasi kewangan adalah penting untuk melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang sangat diperlukan untuk mengurus wang dengan berkesan. Tanpa pengetahuan tersebut, keputusan berkaitan kewangan dan tindakan yang diambil tidak akan berjaya. Justeru kajian ini dijalankan untuk menilai sejauh mana tahap literasi kewangan dalam kalangan pelajar Politeknik Kota Kinabalu, Sabah. Tujuannya ada supaya dapat merangka satu aktiviti atau bengkel asas berkaitan kewangan sekiranya tahap literasi asas kewangan adalah rendah. Kajian ini menggunakan borang soal selidik dan seramai 352 pelajar Politeknik Kota Kinabalu terlibat dalam kajian ini. Data yang diterima akan dianalisis secara deskriptif. Implikasi kajian ini ialah dapat membantu kumpulan pelajar untuk memberi kefahaman tentang ilmu asas kewangan bagi mengharungi sistem kewangan yang semakin rumit.

Kata Kunci: Literasi Kewangan, Mengurus Wang, Bumiputera Sabah.

Pendahuluan

Keupayaan untuk mengurus kewangan peribadi menjadi dilihat semakin penting pada masa ini. Setiap orang mesti merancang untuk aktiviti kewangan mereka seperti pelaburan jangka panjang, kewangan persaraan dan pendidikan anak-anak. Mereka juga harus membuat keputusan tentang simpanan jangka pendek dan hutang piutang, budget untuk percutian, bayaran pendahuluan untuk rumah, pinjaman kereta, dan barang-barang tertentu dan lain-lainnya. Di samping itu, mereka mesti menguruskan keperluan insurans perubatan dan kewangan harian mereka sendiri. Malangnya, banyak kajian sebelum ini seperti Chen & Volpe (1998) yang menunjukkan bahawa rakyat Amerika mempunyai pengetahuan kewangan yang tidak mencukupi yang menyebabkan mereka gagal membuat keputusan yang betul kerana mereka tidak menerima pendidikan kewangan peribadi yang kukuh. Dapatan kajian tersebut juga menunjukkan bahawa tahap literasi kewangan dalam kalangan pelajar adalah rendah. Pada masa kini, senario telah berbeza. Pengetahuan begitu mudah disebarkan melalui banyak cara. Di samping itu peranan media massa turut mengambil peranan masa kini (Gani, 2005) dalam perkongsian ilmu kewangan. Namun, Pada 23 Julai 2019 baru-baru ini, pihak Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Kewangan (MoF) telah membentangkan hasil kajian tahap pengurusan kewangan rakyat Malaysia masih sederhana dan boleh ditambah baik. Kajian lebih spesifik perlu diteruskan kepada kumpulan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi bagi melihat peranan institusi dalam perkara ini.

Sorotan Kajian

Kim (2001) merumuskan bahawa literasi kewangan merupakan pengetahuan asas berkaitan aspek kewangan yang diperlukan oleh individu untuk bertingkah laku dalam masyarakat moden. Selain itu, (Duguay 2004) pula mendapati bahawa pengetahuan pelajar dalam beberapa aspek kewangan berada pada tahap rendah terutamanya berkaitan kredit, pelaburan dan insurans. Pengetahuan kewangan juga dikaitkan dengan amalan kewangan dan gelagat membuat keputusan kewangan individu seperti mana yang diterangkan dalam kajian Chen dan Volpe (1998) terhadap 924 siswa daripada 14 buah kolej di Amerika Syarikat. Mereka mendapati pelajar yang mempunyai pengetahuan kewangan yang tinggi sering menyimpan rekod kewangan. Kajian tersebut juga mendapati pelajar daripada bidang bukan perniagaan,

wanita, pelajar di peringkat kelas bawah, di bawah usia 30 tahun, dan dengan sedikit pengalaman kerja mempunyai tahap pengetahuan yang lebih rendah. Implikasi daripada itu, Chen dan Volpe (1998) mendapati pelajar yang kurang berpengetahuan cenderung untuk mempunyai pendapat yang salah dan membuat keputusan yang salah. Secara kesimpulannya data kajian tersebut menunjukkan bahawa pelajar kolej tidak berpengetahuan tentang kewangan peribadi dan tahap rendah pengetahuan akan membatasi keupayaan mereka untuk membuat keputusan kewangan yang tepat. Sementara itu, kajian yang dijalankan oleh Lusardi dan Mitchell (2011) menunjukkan bahawa kaum wanita didapati kurang celik dari segi kewangan, lelaki muda dan tua kurang celik dari segi kewangan berbanding orang dewasa, dan orang berpendidikan lebih berpengetahuan dari segi kewangan. Menurut Kementerian Kewangan (2019), isi rumah yang berpendapatan rendah cenderung untuk memiliki tahap pengetahuan kewangan yang rendah.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian empirikal yang dijalankan ke atas pelajar di Institusi Pengajian Tinggi di Sabah iaitu di Politeknik Kota Kinabalu. Borang soal selidik telah diedarkan kepada semua pelajar kampus dan sebanyak 352 pelajar telah memberikan jawapan. Ukuran skala Likert 5 mata (iaitu 1-sangat tidak setuju, 2-tidak setuju, 3-tidak pasti, 4-setuju dan 5-sangat setuju) digunakan untuk mengukur item-item dalam kajian ini. Data yang lengkap kemudian di analisis dengan menggunakan analisis deskriptif.


Hasil Kajian Dan Perbincangan

a) Demografi responden

Berdasarkan kepada jawapan daripada borang soal selidik yang diterima, majoriti pelajar yang mengambil bahagian dalam kajian ini adalah perempuan iaitu sebanyak 63.1 peratus. Di samping itu, majoriti pelajar yang mengambil bahagian dalam kajian ini adalah daripada keluarga yang berpendapatan rendah atau B40. Hanya 7.4 peratus sahaja keluarga responden yang berpendapatan melebihi RM4000 sebulan. Maklumat yang diperoleh dalam Jadual 1 menunjukkan majoriti pelajar mengambil pinjaman PTPTN iaitu sebanyak 67.9 peratus. Manakala yang terakhir adalah berkaitan tempat tinggal pelajar, di mana majoriti daripada responden adalah yang tinggal di kolej kediaman yang disediakan oleh institusi. sementara itu, hanya 8.8 peratus sahaja yang tinggal bersama keluarga mereka.


b) Analisis item kajian

Bahagian ini akan menerangkan lima item berkaitan dengan literasi kewangan. Hasil dapatan yang diterima ditunjukkan dalam bentuk carta bar. Carta bar sering digunakan kerana melalui cara ini sesuatu perkara yang sedang dikaji dapat dipersembahkan secara visual dan ianya lebih mudah dan jelas difahami.




Rajah 1. Analisis item 1

Rajah 1 menunjukkan majoriti pelajar iaitu sebanyak 56.5 peratus sangat setuju bahawa semakin lama pinjaman pendidikan tertunggak semakin besar kos pinjaman yang perlu dibayar, diikuti oleh setuju (22.4 peratus), tidak pasti (15.1 peratus), sangat tidak setuju (4.3 peratus) dan tidak setuju sebanyak 1.7 peratus. Hasil dapatan menunjukkan majoriti pelajar yang tidak memahami jenis pinjaman pendidikan di Malaysia. Pinjaman pendidikan seperti PTPTN telah menetapkan 1 peratus faedah ke atas keseluruhan pinjaman dan jumlah bayaran balik secara tetap sepanjang tempoh. Oleh itu tiada kos tambahan sekiranya tertunggak bayaran. Pengetahuan sebegini perlu ada sebelum membuat sebarang pinjaman kerana individu perlu tahu sama ada bayaran pinjaman mereka tetap (*flat rate*) atau boleh berubah mengikut situasi ekonomi.




Rajah 2. Analisis item 2

Untuk item 2, Rajah 2 menunjukkan majoriti pelajar iaitu sebanyak 56.5 peratus sangat setuju bahawa wang yang disimpan bernilai lebih dua kali ganda selepas sepuluh tahun, diikuti oleh tidak pasti (30.1 peratus), setuju (25.6 peratus), tidak setuju (6 peratus) dan sangat tidak setuju sebanyak 4 peratus. Hasil dapatan menunjukkan walaupun tidak pasti berapa pulangan yang diterima, tetapi majoriti pelajar yakin bahawa semakin lama seseorang menyimpan atau melabur, semakin bertambah berganda keuntungan yang akan diperolehnya.



Rajah 3. Analisis item 3

Bagi item 3 pula, Rajah 3 menunjukkan majoriti pelajar iaitu sebanyak 33.2 peratus setuju bahawa simpanan merupakan lebih pendapatan setelah ditolak perbelanjaan, diikuti oleh sangat setuju (33 peratus), tidak pasti (28.1 peratus), tidak setuju (4.3 peratus) dan sangat tidak setuju sebanyak 1.4 peratus. Hasil dapatan menunjukkan masih terdapat segelintir pelajar yang memahami konsep simpanan yang sebenarnya.



Rajah 4. Analisis item 4

Manakala bagi item 4, Rajah 4 menunjukkan majoriti pelajar iaitu sebanyak 50.9 peratus sangat setuju bahawa apabila harga barang meningkat, ia akan mengurangkan kemampuan seseorang untuk membeli, diikuti oleh setuju (24.7 peratus), tidak pasti (15.9 peratus), tidak setuju (5.1 peratus) dan sangat tidak setuju sebanyak 3.4 peratus. Hasil dapatan menunjukkan majoriti pelajar memahami situasi sebenar atau mempunyai pengalaman membeli ketika harga sesuatu barang meningkat. Walau bagaimanapun terdapat juga segelintir pelajar yang tidak memahami kesan daripada kenaikan harga barang. Keadaan ini berlaku kemungkinan latar belakang pendapatan keluarga adalah baik sehingga kesan kenaikan harga barang tidak dirasainya.



Rajah 5. Analisis item 5

Untuk item yang terakhir, Rajah 5 menunjukkan majoriti pelajar iaitu sebanyak 38.9 peratus sangat setuju bahawa apabila individu menggunakan simpanannya untuk membeli keperluan harian, ini menunjukkan bahawa individu tersebut telah terlebih berbelanja, diikuti oleh setuju (30.1 peratus), tidak pasti (25.9 peratus), tidak setuju (3.7 peratus) dan sangat tidak setuju sebanyak 1.4 peratus. Hasil dapatan menunjukkan masih terdapat segelintir pelajar yang tidak memahami dan tidak pasti konsep terlebih berbelanja. Kefahaman ini berlaku disebabkan perbezaan latar belakang di antara responden. Bagi sesetengah orang, simpanan akan digunakan untuk hal-hal kecemasan atau untuk membeli barang yang mahal. Justeru apabila simpanan telah digunakan untuk membeli barang asas harian seperti makanan, ini menunjukkan banyak wang gaji telah digunakan.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, tahap literasi kewangan pelajar di Politeknik Kota Kinabalu adalah pada tahap sederhana. Kajian yang dijalankan oleh Mandell dan Klein (2009) mendapati terdapat impak pendidikan celik kewangan terhadap tingkah laku kewangan. Justeru setiap individu perlu mempunyai asas kewangan yang membolehkan mereka menguruskan wang dengan yakin dan baik. Literasi kewangan mempunyai hubungan dengan gelagat menguruskan kewangan. Secara asasnya, seseorang perlu mempunyai sedikit simpanan dan perlu memahami manakah keperluan yang perlu diberi keutamaan. Kegagalan menguruskan kewangan menyebabkan tekanan kewangan yang akhirnya terjerumus kepada hutang. Hasil analisis ini menunjukkan perlu diperluaskan pengetahuan asas kewangan kepada semua

lapisan pelajar. Bagi pelajar dari aliran perdagangan atau ekonomi, mungkin mereka telah memahami asas-asas ekonomi dan kewangan. Tetapi bagi pelajar aliran kejuruteraan dan sebagainya, mereka memerlukan masa untuk memahami konsep-konsep asas ini. Justeru, adalah perlu inisiatif daripada institusi seperti menganjurkan kuiz, pertandingan, pameran dan lain-lain berkaitan asas kewangan perlu dijalankan bagi menyalurkan maklumat secara terus kepada pelajar. Ini selari dengan strategi yang dilancarkan kerajaan adalah langkah yang penting untuk meningkatkan keyakinan dan pengetahuan pengurusan kewangan rakyat Malaysia. Jadi seharusnya rakyat Malaysia pula mengambil peluang untuk sentiasa belajar bagi meningkatkan literasi pengurusan kewangan mereka sendiri.

Rujukan

- Kim, J. H. (2001). Financial knowledge and subjective and objective financial well-being. *Consumer Interests Annual*, 47
- Duguay. (2004). *Financial Literacy Improves among Nation's High School Students*. Jumpstart Coalition. Dimuat turun dari http://www.financialeducationicfe.org/children_and_money/financial-literacy-improves-amongnations-high-school-students.asp
- Chen, H., & Volpe, R. P. (1998). An analysis of personal financial literacy among college students. *Financial services review*, 7(2), 107-128.
- Lusardi, A., & Mitchell, O. S. (2011). Financial literacy around the world: an overview. *Journal of pension economics & finance*, 10(4), 497-508.
- Mandell, L., & Klein, L. S. (2009). The impact of financial literacy education on subsequent financial behavior. *Journal of Financial Counseling and Planning*, 20(1).
- Gani, R. (2005). Media Massa dalam Masyarakat Madani. *Mediator: Jurnal Komunikasi*, 6(1), 35-42.

TAHAP KESEDARAN TERHADAP CAJ PINJAMAN PENDIDIKAN DALAM KALANGAN PELAJAR

Edward John dan Merlin Dunding

Abstrak

Dalam aktiviti perbankan dan ekonomi, peminjam perlu membayar balik jumlah yang dipinjam di samping memberi pampasan kepada pemberi pinjaman untuk risiko pemberian pinjaman atau lebih dikenali sebagai faedah atau caj pinjaman. Umumnya pelajar yang berada dalam aliran perdagangan mudah untuk memahami konsep umum dalam perbankan. Bahkan pengetahuan asas ini juga mudah untuk difahami oleh mereka yang bukan aliran perdagangan seperti kejuruteraan. Walaupun begitu, adakah mereka mengaplikasikan pengetahuan tentang caj pinjaman sebelum membuat pinjaman pendidikan. Justeru kajian ini dijalankan untuk melihat tahap kesedaran pelajar Politeknik Kota Kinabalu, Sabah mengenai caj dalam pinjaman pendidikan. Kajian ini menggunakan borang soal selidik dan seramai 352 pelajar Politeknik Kota Kinabalu terlibat dalam kajian ini. Data yang diterima akan dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian mendapati majoriti pelajar mengaplikasikan pengetahuan caj tersebut sebelum membuat pinjaman. Kajian ini perlu dijalankan ini dapat membantu pihak di institusi kewangan untuk memberi maklumat dan kesedaran mengenai caj-caj yang dikenakan dalam sistem perbankan.

Kata Kunci: Faedah, Pinjaman, Kesedaran.

Pendahuluan

Pinjaman pendidikan merupakan satu perkara yang sangat penting bagi pelajar di Institusi Pengajian Tinggi. Walaupun demikian, banyak kajian yang dijalankan menghubungkan pinjaman pendidikan dengan tekanan kewangan. Kajian yang dijalankan oleh Thompson & Bricker (2014) mendapati terdapat hubungan di antara tekanan kewangan dengan pinjaman pendidikan. Tinjauan yang dijalankan oleh *Survey of Consumer Finances* pada tahun 2007 menunjukkan pertambahan hutang pendidikan dalam kunci kira-kira rumah tangga di samping pengangguran tinggi yang berterusan berikutan kemelesetan ekonomi dunia telah membangkitkan banyak perbincangan mengenai masalah kewangan di kalangan mereka yang mempunyai pinjaman pelajar. Menurut Chopra (2012), *Consumer Financial Protection Bureau* telah memberi amaran bahawa sekiranya tidak dilakukan perubahan terhadap dasar polisi penting kepada sistem pinjaman pelajar, ratusan ribu peminjam akan mengalami tekanan kewangan yang panjang, di samping, semakin ramai penerima dikecualikan daripada perhidmatan kewangan disebabkan gagal membayar balik pinjaman pendidikan yang ditawarkan oleh kerajaan. Justeru, kajian perlu dijalankan bagi melihat tahap kesedaran terhadap caj pinjaman pendidikan dan gelagat belanjawan dalam kalangan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi di Sabah. Hasil kajian ini sangat bermanfaat bagi menghubungkan secara tidak langsung terhadap kesedaran pelajar terhadap pinjaman pendidikan yang sedang mereka gunakan. Ini kerana terdapat segelintir tidak menganggap pinjaman pendidikan sebagai perkara yang serius seperti yang di laporkan dalam banyak akhbar (BH online, 2014)

Sorotan Kajian

Pinjaman pendidikan membantu golongan yang menghadapi masalah kewangan dan tidak berkemampuan. Menurut Thompson & Bricker (2014), pinjaman pendidikan membolehkan pelajar pergi ke kolej dan meningkatkan prospek pekerjaan dan pendapatan mereka. Tinjauan yang dijalankan oleh Thompson & Bricker (2014) mendapati secara puratanya, keluarga yang mempunyai pinjaman pendidikan dalam *Survey of Consumer Finances 2007-09* menyaksikan pertumbuhan pendapatan yang lebih tinggi. Kajian tersebut menunjukkan bahawa pinjaman pendidikan yang digunakan sewajarnya akan dapat meningkatkan kemahiran dan potensi diri. Perkara yang perlu diperhatikan apabila membuat pinjaman adalah faedah atau caj yang dikenakan oleh institusi kewangan. Ramai orang tidak mengambil tahu faedah yang dikenakan apabila membuat pinjaman dan mereka hanya ingin tahu sama ada pinjaman mereka lulus atau tidak sahaja. Akhirnya, apabila pemberi pinjaman meminta bayaran balik pinjaman berserta dengan faedah yang dikenakan, barulah mereka sedar faedah yang dikenakan adalah tinggi seperti yang dilaporkan dalam banyak akhbar (Wan Noor Hayati, 2015). Untuk pinjaman pendidikan, satu perkara yang perlu diberi perhatian iaitu, kadar faedah ke atas pinjaman pendidikan yang ditawarkan kepada pelajar adalah agak rendah berbanding dengan pinjaman tunai yang lain. Selain itu, atas sebab yang munasabah pinjaman pendidikan juga boleh mendapat penangguhan sementara bagi pembayaran balik pinjaman. Faedah yang ditawarkan mungkin boleh terakru atau tidak semasa penangguhan, bergantung kepada jenis pinjaman yang dipohon. sebab itu, terdapat beberapa sebab mengapa peminjam boleh dibebaskan daripada membuat pembayaran semasa pinjaman pendidikan (Iuliano, 2011).

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian empirikal yang dijalankan ke atas pelajar di Institusi Pengajian Tinggi di Sabah iaitu di Politeknik Kota Kinabalu. Borang soal selidik telah diedarkan kepada semua pelajar kampus dan sebanyak 352 pelajar telah memberikan jawapan. Ukuran skala Likert 5 mata (iaitu 1-sangat tidak setuju, 2-tidak setuju, 3-tidak pasti, 4-setuju dan 5-sangat setuju) digunakan untuk mengukur item-item dalam kajian ini. Data yang lengkap kemudian di analisis dengan menggunakan analisis deskriptif.

Hasil Kajian Dan Perbincangan

a) Profil responden

Jadual 1

Latar Belakang Responden

Item	Peratusan
Jantina:	
Lelaki	39.9
Perempuan	63.1
Sumber Pendapatan Ibu bapa:	
Kurang RM1000	40.9
RM1001 - RM2000	23.9
RM2001 - RM3000	15.1

RM3001 - RM4000	7.4
Lebih RM4000	7.4
Sumber Pinjaman:	
PTPTN	67.9
Lain –Lain	32.1
Tempat Tinggal:	
Kolej Kediaman	76.4
Rumah Sewa	14.8
Rumah Keluarga	8.8

Berdasarkan kepada maklumat dalam Jadual 1, majoriti pelajar yang mengambil bahagian dalam kajian ini adalah perempuan iaitu sebanyak 63.1 peratus. Majoriti pelajar yang mengambil bahagian dalam kajian ini adalah daripada keluarga yang berpendapatan rendah atau B40. Hanya 7.4 peratus sahaja keluarga responden yang berpendapatan melebihi RM4000 sebulan. Maklumat yang diperoleh dalam Jadual 1 menunjukkan majoriti pelajar mengambil pinjaman PTPTN iaitu sebanyak 67.9 peratus. Manakala yang terakhir adalah berkaitan tempat tinggal pelajar, di mana majoriti daripada responden adalah yang tinggal di kolej kediaman yang disediakan oleh institusi. sementara itu, hanya 8.8 peratus sahaja yang tinggal bersama keluarga mereka.


b) Analisis item soal selidik



Rajah 1. Analisis item 1


Rajah 1 menunjukkan majoriti pelajar iaitu sebanyak 39.8 peratus sangat setuju untuk memastikan kadar faedah pinjaman pendidikan adalah rendah, diikuti oleh tidak pasti (30.1 peratus), setuju (23.6 peratus), tidak setuju (2.3 peratus) dan sangat tidak setuju sebanyak 2.3 peratus. Hasil dapatan menunjukkan masih terdapat segelintir pelajar yang tidak

menghiraukan atau tidak mengambil tahu jumlah faedah yang dikenakan bagi pinjaman pendidikan. Senario ini mungkin boleh berlaku apabila pelajar terdesak dan tidak mempunyai alternatif lain untuk mendapatkan sumber pinjaman lain.



Rajah 2. Analisis item 2

Sementara itu, Rajah 2 menunjukkan majoriti pelajar iaitu sebanyak 36.9 peratus sangat setuju untuk memastikan pastikan tiada kadar faedah pinjaman dikenakan sebelum membuat pinjaman, diikuti oleh tidak pasti (31.8 peratus), setuju (31.8 peratus), tidak setuju (6.3 peratus) dan sangat tidak setuju sebanyak 4 peratus. dapatan ini adalah selari dengan dapatan yang ditunjukkan dalam Jadual 1 iaitu masih terdapat segelintir pelajar yang tidak menghiraukan atau tidak mengambil tahu jumlah faedah yang dikenakan bagi pinjaman pendidikan.



Rajah 3. Analisis item 3

Manakala yang terakhir, Rajah 3 menunjukkan majoriti pelajar iaitu sebanyak 36.9 peratus sangat setuju akan memastikan pastikan tiada kadar faedah pinjaman dikenakan, diikuti oleh tidak pasti (31.8 peratus), setuju (31.8 peratus), tidak setuju (6.3 peratus) dan sangat tidak setuju sebanyak 4peratus. dapatan ini adalah juga selari dengan dapatan yang ditunjukkan dalam Jadual 1 dan Jadual 2 iaitu masih terdapat segelintir pelajar yang tidak menghiraukan atau tidak mengambil tahu jumlah faedah yang dikenakan bagi pinjaman pendidikan. Kemungkinan mereka adalah kumpulan peminjam yang mempunyai persepsi pinjaman pendidikan, terutamanya yang ditawarkan oleh kerajaan adalah rendah.

Kesimpulan

Pinjaman pendidikan tidak boleh dipandang remeh bagi segelintir kumpulan yang berpendapatan rendah. Pengetahuan tentang caj yang dikenakan kepada peminjam membantu pelajar memahami bebanan hutang yang perlu dibayar setelah tamat belajar. Di samping itu dengan adanya kesedaran tentang caj kepada peminjam, mereka boleh menggunakan pinjaman tersebut untuk mengutamakan keperluan asas dalam perbelanjaan seperti makanan supaya tidak perlu berlapar. Isu-isu pelajar lapar di Institusi Pengajian Tinggi pernah menjadi isu dalam akhbar-akhbar utama. Isu pelajar lapar bukan sahaja di IPT Borneo tetapi juga pernah disiarkan oleh berita Metro pada 23 Mac 2019 (Shamsul Munir Safini, 2019) dan berita Harian pada 18 March 2019 dalam tajuk 'Peruntukan khas tangani isu mahasiswa lapar'. Walaupun begitu, isu pembayaran semula pinjaman pendidikan seperti Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) hangat diperkatakan kini, berikutan peminjam tegar culas membuat bayaran balik pinjaman. Banyak persoalan mengapa peminjam ingkar dan mengambil mudah perkara berkenaan, sedangkan ribuan pelajar baharu lain menunggu untuk menerima bantuan yang sama. Justeru hasil dapatan kajian ini menunjukkan perlunya diberi penekanan kepada pengetahuan berkaitan isu faedah dan bayaran balik pinjaman agar pelajar benar-benar memahami caj-caj yang terlibat sebelum membuat pinjaman.

Rujukan

- Thompson, J. P., & Bricker, J. (2014). Does education loan debt influence household financial distress? An assessment using the 2007-09 SCF Panel.
- Iuliano, Jason, 2011. "An Empirical Assessment of Student Loan Discharges and the Undue Hardship Standard," mimeo
- Chopra, Rohit, 2012. "Debt déjà vu for students," posted on Philly.com October 24, 2012: http://articles.philly.com/2012-10-24/news/34709132_1_servicers-student-borrowersstudent-loans.
- BH online. (2014). 'Pinjaman lain sanggup bayar, hutang PTPTN culas!' dipetik dalam <https://www.bharian.com.my/node/16675>
- Wan Noor Hayati Wan Alias. (2015). "Tak habis-habis bayar hutang along". Dipetik dalam <https://www.bharian.com.my/node/89070>
- Shamsul Munir Safini (2019). Mahasiswa tak perlu ikat perut lagi. Dipetik dalam <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/03/436900/mahasiswa-tak-perlu-ikat-perut-lagi>

ANALISIS BIBLIOMETRIK: SYARIKAT RANGKAIAN PENGANGKUTAN SEBAGAI MOD PENGANGKUTAN UNTUK MOBILITI MASYARAKAT

Norazlisham Mohd Amin dan Mazdi Marzuki

Abstrak

Syarikat Rangkaian Pengangkutan menawarkan perkhidmatan secara atas talian melalui aplikasi *e-hailing* menggunakan telefon pintar. Penggunaan teknologi terkini dan model perkhidmatan yang berbeza, membolehkan Syarikat Rangkaian Pengangkutan berkembang secara mendadak di seluruh dunia dan dikatakan bersifat 'menggangu' perkhidmatan pengangkutan awam yang sedia ada. Malah ada yang berpandangan perkhidmatan ini bakal menjadi mod pengangkutan utama untuk mobiliti masyarakat setempat. Sungguhpun begitu kajian yang berkaitan dengannya masih lagi terhad. Kajian tinjauan literatur ini meneroka untuk memahami ciri-ciri bibliometrik mengenai kajian terdahulu yang telah dilaksanakan ke atas Syarikat Rangkaian Pengangkutan serta mengenalpasti teori dan faktor situasi yang mempengaruhi pilihan penduduk setempat untuk memilih Syarikat Rangkaian Pengangkutan sebagai mod pengangkutan. Kajian ini menyediakan analisis bibliometrik artikel daripada pangkalan data *ScienceDirect* untuk tempoh selama 40 bulan dari tahun 2014 sehingga bulan April 2018. Artikel ini menyumbang kepada penyediaan maklumat asas yang penting berkaitan dengan tumpuan penyelidikan Syarikat Rangkaian Pengangkutan. Hasil kajian membolehkan penilaian objektif dilakukan ke atas kajian Syarikat Rangkaian Pengangkutan dengan menggunakan maklumat bibliometrik sebagai panduan. Kajian yang lebih mendalam dan meluas seperti analisis tematik melibatkan artikel yang terkini akan memberikan input yang lebih besar kepada halatuju kajian pada masa hadapan.

Kata Kunci: Syarikat Rangkaian Pengangkutan, Kajian Literatur, Analisis Bibliometrik, Mod Pengangkutan Pilihan, *E-Hailing*.

Pengenalan

Pengangkutan merupakan salah satu aspek terpenting dalam pergerakan penduduk (Haggett, Cliff, & Frey, 1965; Marzuki, 2008; Mohamad, 1996) dan berkait rapat dengan aspek geografi yang lain seperti pembangunan ekonomi dan penggunaan sumber tenaga (Gregory, Johnston, Pratt, Watts, & Whatmore, 2011; Marzuki, Rosmiza, Mapjabil, & Isa, 2016). Pilihan sama ada untuk menggunakan pengangkutan persendirian atau pengangkutan awam adalah merupakan opsyen pilihan yang sedia ada pada diri seorang individu.

Kewujudan Syarikat Rangkaian Pengangkutan yang menawarkan perkhidmatan melalui aplikasi *e-hailing* berkembang dengan pesat di seluruh dunia khususnya di bandar-bandar besar, termasuk di Malaysia. Perkembangannya, walaupun pada mulanya berhadapan dengan pelbagai cabaran (Cramer & Krueger, 2016; Dudley, Banister, & Schwanen, 2017), dikatakan semakin mendapat tempat di kalangan penduduk setempat. Secara tidak langsung ianya telah mewujudkan pilihan yang baharu kepada penduduk setempat. Terdapat juga pandangan yang memungkinkan perkhidmatan ini menggantikan perkhidmatan pengangkutan awam sedia ada (Hall, Palsson, & Price, 2018; Kessler, 2017; Malalgoda & Lim, 2019). Kajian terdahulu mengkaji penerimaan pengguna terhadap platform *e-hailing* dan penerimaan ciri-ciri perkhidmatan yang ditawarkan oleh Syarikat Rangkaian Pengangkutan. Kajian untuk menilai situasi pilihan perkhidmatan *e-hailing* berbanding dengan mod pengangkutan yang sedia ada adalah sangat terhad. Penekanan kepada aspek ini adalah amat penting kerana keperluan untuk menggunakan sistem pengangkutan yang berkesan dan efisien amat diperlukan seiringan dengan perkembangan sosioekonomi penduduk di sesuatu kawasan, di

samping mengurangkan kesesakan lalu lintas khususnya di bandar-bandar utama. Akses kepada pengangkutan yang berkesan akan membantu penduduk meningkatkan aktiviti sosioekonomi dengan lebih berdaya saing.

Di Malaysia sebagai contoh, berdasarkan kepada data perbandingan untuk tempoh dua puluh tahun, didapati peratusan penggunaan pengangkutan awam di kawasan *Greater Kuala Lumpur* telah merosot sebanyak 14% pada tahun 1997 kepada 20% berbanding 34% pada tahun 1985. Peratusan ini semakin menurun pada tahun 2009 kepada hanya 12% sahaja. Situasi ini menunjukkan pilihan penduduk untuk menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam semakin berkurangan. Penggunaan perkhidmatan awam dengan kenderaan persendirian mempunyai perkaitan yang rapat. Kadar penggunaan pengangkutan awam yang rendah akan melonjakkan kadar peningkatan penggunaan kenderaan persendirian. Perkara ini sekiranya berterusan akan menimbulkan pebagai masalah yang berkaitan dengan lalu lintas seperti kesesakan lalu lintas yang melampau dan masa perjalanan yang terlalu lama.

Walaupun perkhidmatan Syarikat Rangkaian Pengangkutan yang telah berkembang pesat untuk tujuan mobiliti, kajian sebelumnya lebih tertumpu kepada niat untuk menggunakan perkhidmatan atau penerimaan terhadap perkhidmatan ini, dan tidak ada kajian yang menumpukan kepada perubahan daripada pilihan mod pengangkutan sedia ada kepada perkhidmatan Syarikat Rangkaian Pengangkutan untuk trip mobiliti di kalangan penduduk di satu-satu kawasan. Penghuraian yang jelas tentang perubahan pilihan mod pengangkutan adalah penting untuk memahami fenomena lalu lintas dan reaksi pengguna pengangkutan terhadap perubahan persekitaran. Dengan mengambilkira senario di atas, kajian ini bertujuan untuk menyokong penyelidikan masa depan dengan mendokumentasikan penyelidikan mengenai penggunaan perkhidmatan Syarikat Rangkaian Pengangkutan, mengenal pasti artikel dan penulis yang berpengaruh dan mengenalpasti teori yang berkaitan dengan Syarikat Rangkaian Pengangkutan sebagai mod pengangkutan pilihan untuk mobiliti masyarakat. Dengan mengenal pasti kajian yang telah dilakukan secara khusus mengenai Syarikat Rangkaian Pengangkutan adalah diharapkan kajian ini menjadi sebahagian daripada langkah-langkah yang diambil untuk melengkapkan epistemik Syarikat Rangkaian Pengangkutan yang ada. Artikel ini menggunakan pendekatan tinjauan literatur untuk mengenal pasti dan memahami maklumat bibliometrik artikel kajian Syarikat Rangkaian Pengangkutan yang lalu. Sebanyak 55 artikel dari 26 jurnal dalam tempoh 40 bulan telah dikenal pasti dan dianalisis.

Mobiliti Dan Syarikat Rangkaian Pengangkutan

Mobiliti

Mobiliti merujuk kepada perihal mudah bergerak atau digerakkan (Burgstaller, Flowers, Tamberrino, Terry, & Yang, 2017; Kamus Dewan, 2005). Ianya dikaitkan dengan penggunaan pengangkutan bagi sesuatu tujuan perjalanan yang dilakukan. Contohnya bekerja, tujuan pendidikan (seperti ke sekolah atau institusi pengajian tinggi), dan membeli-belah (Burgstaller et al., 2017). Mobiliti mempunyai impak yang besar kepada sosioekonomi. Di peringkat global, pada tahun 2016 sebagai contoh, dilaporkan bahawa sebanyak USD\$7 trilion telah dibelanjakan setiap tahun untuk tujuan mobiliti (Burgstaller et al., 2017, p. 8).

Syarikat Rangkaian Pengangkutan

Definisi

Terdapat beberapa perbincangan mengenai penggunaan istilah Syarikat Rangkaian Pengangkutan (Jin, Kong, Wu, & Sui, 2018). Adakalanya ia dirujuk sebagai *ridesharing*, *ridesharing real-time* atau *ridesourcing* (Hughes & MacKenzie, 2016; Rayle, Dai, Chan, Cervero, & Shaheen, 2016). Ada juga yang menggunakan istilah *vehicle-for-hire* atau *on-demand-ride services* (Contreras & Paz, 2017).

Pada peringkat awal ianya dirujuk sebagai 'Perkhidmatan Pengangkutan Atas Talian Yang Baharu' (*New Online-Enabled Transportation Services*), yang menggunakan akronim NOETS. Akronim NOETS telah ditukar kepada TNC (*Transportation Network Companies*/Syarikat Rangkaian Pengangkutan) oleh Suruhanjaya Kemudahan Awam California (California Public Utilities Commission, 2013). Suruhanjaya Kemudahan Awam California mendefinisikan Syarikat Rangkaian Pengangkutan sebagai sebuah syarikat yang menggunakan platform atas talian untuk menghubungkan penumpang dengan pemandu yang menggunakan kenderaan peribadi bagi tujuan komersial (California Public Utilities Commission, 2013). Definisi ini telah turut digunakan di dalam kajian yang lain (Cramer & Krueger, 2016; Geron, 2013; Goodin & Moran, 2017; Moran & Lasley, 2017; Oxera, 2014) and agensi berwajib di luar negara (Virginia Department of Motor Vehicles, 2017). Berdasarkan kepada penggunaan istilah dan definisi di dalam kajian-kajian tersebut, terdapat tiga elemen yang diguna pakai dalam mendefinisikan Syarikat Rangkaian Pengangkutan: -

- penggunaan platform digital atau aplikasi perisian (aplikasi), umumnya diakses melalui telefon pintar;
- perjalanan yang dipersetujui di antara pemandu dan penumpang; dan
- penggunaan kenderaan peribadi untuk menyediakan pengangkutan oleh pemandu.

Kajian yang lalu telah menggunakan beberapa istilah yang berbeza seperti di bincangkan di atas untuk merujuk kepada perkhidmatan ini. Di dalam kajian ini, sebagai sebahagian daripada tinjauan awal, kriteria pencarian artikel dihadkan hanya kepada istilah Syarikat Rangkaian Pengangkutan.

Perbezaan Antara Syarikat Rangkaian Pengangkutan, Perkhidmatan Teksi dan Kereta Sewa
Perbandingan yang menunjukkan perbezaan di antara Syarikat Rangkaian Pengangkutan dengan perkhidmatan teksi dan kereta sewa digambarkan seperti berikut: -

Jadual 1

Bagaimana Penumpang Mendapatkan Perkhidmatan Pengangkutan

Item	Syarikat Rangkaian Pengangkutan	Teksi	Kereta Sewa
Bagaimana penumpang mendapatkan perkhidmatan?	Penumpang memasukkan data perjalanan seperti tempat mengambil dan menurunkan penumpang melalui	Penumpang mencari teksi secara fizikal sama ada di atas jalan atau menunggu di hentian teksi. Penumpang perlu menunggu di bahu	Penumpang menghubungi khidmat pelanggan melalui telefon, internet atau aplikasi telefon pintar (untuk kes tertentu). Jangka

Item	Syarikat Rangkaian Pengangkutan	Taksi	Kereta Sewa
	aplikasi telefon pintar.	jalan atau di hentian taksi.	masa ketibaan untuk menjemput dimaklumkan kepada penumpang.
Bagaimana pemandu menerima tempahan perjalanan penumpang?	Pemandu bertugas menerima permintaan perjalanan.	Pemandu yang ditahan/ dipanggil oleh penumpang akan berhenti untuk mengambil penumpang.	Pemandu yang sedang bertugas menerima tempahan perjalanan.
Bagaimana penumpang mengesahkan penerimaan perkhidmatan pengangkutan?	Penumpang dimaklumkan yang pemandu telah menerima tempahan perjalanan, dan boleh menjejak lokasi dan pergerakan kenderaan melalui aplikasi di dalam telefon pintar.	Penumpang menahan/memanggil taksi yang lalu secara fizikal.	Penumpang dimaklumkan yang pemandu sedang dalam perjalanan, termasuk jangkaan masa ketibaan.

Sumber: Oxera (2014)

Kajian Penerimaan dan Penggunaan Syarikat Rangkaian Pengangkutan

Berdasarkan kepada tinjauan literatur yang dilakukan ke atas Syarikat Rangkaian Pengangkutan daripada pengkalan data Google Scholar, didapati kajian terdahulu tertumpu kepada usaha untuk menyiasat faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan dan penggunaan perkhidmatan Syarikat Rangkaian Pengangkutan (Mohd Amin & Marzuki, 2018). Antara teori-teori yang digunakan di dalam kajian tersebut adalah Model Penerimaan Teknologi (*Technology Acceptance Model* - TAM), Teori Tingkah Laku Terancang (*Theory of Planned Behaviour* - TPB), Teori Penerusan Teknologi (*Technology Continuance Theory* - TCT) dan Teori Penyatuan Penerimaan dan Penggunaan Teknologi (*Unified Theory of Acceptance and Use of Technology* - UTAUT) (Mohd Amin & Marzuki, 2018).

Pendekatan Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan tinjauan literatur oleh Arunachalam, Kumar & Kawalek (2017) di dalam kajiannya yang diterbitkan di dalam jurnal logistik dan pengangkutan. Pendekatan ini dicadangkan oleh Mayring (2003) dan pendekatan hampir serupa juga telah digunakan dalam menganalisis kajian yang terdahulu (Gao, Xu, Ruan, & Lu, 2017; Ginieis, Sánchez-Rebull, & Campa-Planas, 2012). Seperti yang dicadangkan oleh Arunachalam, et al. (2017), kajian ini merangkumi empat proses iaitu pengumpulan bahan, analisis deskriptif, pemilihan kategori dan penilaian bahan. Pertama, pencarian literatur dilakukan di pangkalan data ScienceDirect dengan menggunakan kata kunci khusus '*Transportation Network Company*', merujuk kepada Syarikat Rangkaian Pengangkutan. Memandangkan bidang penyelidikan ini secara relatifnya agak baru, prosiding persidangan telah turut disenaraikan seperti yang dilakukan oleh penyelidik sebelumnya (Arunachalam et al., 2017). Buku dan format rujukan lain tidak termasuk dalam kriteria pencarian. Sebanyak 62 artikel telah


dikenal pasti untuk semakan awal. Ke semua artikel ini ditulis di dalam Bahasa English. Data yang dikumpulkan seterusnya dieksport ke dalam format fail *Research Information System* (RIS) dan dimuatnaik ke dalam perisian Endnote. Senarai artikel disemak untuk memastikan tiada penduaan berlaku dan hanya artikel kajian sahaja yang tersenarai iaitu jurnal dan prosiding persidangan. Hanya 55 artikel yang dipilih untuk analisis lebih lanjut. Data ini kemudiannya ditukarkan ke format file *Markup Language eXtensible* (XML) dan dimuatnaik ke dalam perisian NViVo Plus. Selepas itu, artikel diklasifikasikan berdasarkan kepada maklumat bibliometrik seperti penerbitan artikel, penulis berpengaruh, kekerapan kata kunci dan perkataan yang digunakan.

Hasil Kajian Dan Perbincangan

Maklumat Bibliometrik

Penerbitan Tahun Artikel

Kajian berkaitan Syarikat Rangkaian Pengangkutan menunjukkan peningkatan bilangan artikel yang diterbitkan sejak tahun 2014 hingga ke bulan April 2018. Data ini menunjukkan lebih daripada 76% (42 dari 55) artikel telah diterbitkan dalam tempoh 16 bulan terakhir (tahun 2017 sehingga bulan April 2018). Trend ini menunjukkan tumpuan dan kepentingan yang semakin meningkat di kalangan penyelidik untuk menyiasat fenomena Syarikat Rangkaian Pengangkutan.



Rajah 1. Penerbitan Artikel Berdasarkan Tahun


Penulis Artikel Berpengaruh

BibExcel digunakan untuk menganalisis penyumbang utama dalam bidang ini. Analisis di dalam Rajah 1 ditumpukan kepada penulis (pengkaji) pertama di dalam artikel. Berdasarkan kepada maklumat 15 penulis yang teratas, didapati bahawa Zha berada di kedudukan teratas

dengan jumlah 3 artikel, diikuti oleh Lui, Mackowski dan Masoud dengan masing-masing 2 artikel setiap penulis.

Pengaruh penulis dinilai dengan menggunakan *h-index* dan jumlah sitasi. Di dalam analisis jumlah sitasi, 3 artikel dikecualikan dari senarai untuk jumlah kutipan sitasi untuk mengelakkan pengiraan berganda. Rayle mempunyai sitasi terbanyak sebanyak 96 sitasi (Rayle et al., 2016), Mahmudi sebanyak 50 sitasi (Mahmoudi & Zhou, 2016) dan Chen T. Donna sebanyak 42 sitasi (Chen, Kockelman, & Hanna, 2016).

Setiap penulis mempunyai sekurang satu artikel dalam kategori *h-index* seperti yang digambarkan di dalam Rajah 2 diatas. Zha dan Masoud mendahului senarai penulis yang mempunyai artikel tertinggi. Kesemua artikel yang tersenarai di dalam kategori *h-index* berada di dalam senarai Q1 *Science Citation Index*, kecuali 1 artikel di dalam senarai Q2 *Science Citation Index* iaitu hasil penulisan Watanabe (Watanabe, Naveed, Neittaanmäki, & Fox, 2017).



Rajah 2. Penulis Artikel – Penyumbang Tertinggi

Kekerapan Kata Kunci dan Perkataan

Kata kunci artikel diekstrak dan dianalisis berdasarkan kekerapan penggunaannya. Kata kunci yang mempunyai kekerapan tinggi dan kata kunci terpilih ditunjukkan dalam Jadual 2. Kata kunci yang paling kerap digunakan adalah *ridesharing*. Syarikat Rangkaian Pengangkutan (*Transportation Network Company*) turut tersenarai dengan 4 kekerapan. Berdasarkan kepada kata kunci, beberapa teori dan model dikenalpasti digunakan di dalam kajian yang lalu antaranya ialah *activity-based modelling*, *discrete choice/event simulation*, *mode choice*, *multi-model transportation* dan *structural equation modelling*. Perhatian juga perlu diberikan kepada kata kunci yang berkaitan dengan trend semasa seperti *big data*, *deep learning*, *machine learning*, dan *smart mobility*, walaupun kekerapan kata kunci ini masih rendah.

Jadual 2

Analisis Kata Kunci

Kata Kunci	Kekerapan	Kata Kunci	Kekerapan
Ridesharing	11	On-demand ride service/transport	6
Ridesourcing	6	Sharing economy	6
Taxi/Taxis	6	Transportation Network Company	4
Flexible transport/service	3	Regulation	3
Uber	3	Activity-based modelling	2
Demand responsive transportation	2	Discrete choice/event simulation	2
Household activity pattern problem	2	Mode choice	2
Multi-model transportation	2	Structural equation modelling	2
Time-Expanded Network	2	Travel behavior	2
Work schedule	2	Big data	1
Accessibility	1	Car ownership impacts	1
Consumer perceptions	1	Decision tree	1
Deep learning	1	Demand charges	1
Digital platforms	1	e-hailing	1
Gig labor	1	Machine learning	1
Mobility services	1	New regulatory frameworks	1
Public transport	1	scenario analysis	1
Smart mobility	1	Social media	1
Sociodemographics	1	Travel Choice	1
Travel pattern	1	User characteristics	1




Rajah 3. Awan perkataan Berdasarkan Kekerapan Perkataan

Selain analisis pada kata kunci yang dilakukan dalam kajian sebelumnya (Arunachalam et al., 2017), analisis turut dilakukan ke atas artikel secara keseluruhan dengan menggunakan fungsi kekerapan perkataan di dalam aplikasi NVivo. Rajah 3 menunjukkan bahawa masa (*time*),

pengangkutan (*transportation*), perjalanan (*travel*), kenderaan (*vehicle*), permintaan (*demand*), kajian (*research*), model (*model*) dan perkhidmatan (*service*) adalah perkataan yang paling kerap digunakan di dalam kumpulan artikel yang dikaji. Langkah tambahan ini dilakukan kerana terdapat artikel yang tidak menyenaraikan kata kunci.

Terbitan Berpengaruh

Terakhir, terbitan berpengaruh disadarkan kepada kepada analisis bilangan artikel Syarikat Rangkaian Pengangkutan yang diterbitkan di dalam jurnal. Berdasarkan kepada Rajah 4 dibawah, secara keseluruhannya *Transportation Research Part A – Part F* mempunyai bilangan artikel terkumpul yang terbanyak berkaitan dengan Syarikat Rangkaian Pengangkutan. *Transportation Research Procedia* dan *Transportation Policy* adalah sumber rujukan yang mempunyai bilangan artikel yang tinggi seperti yang di dalam Rajah 4 dibawah:



Rajah 4. Bil. Artikel Berdasarkan Journal

Aplikasi Analisis Bibliometrik Dalam Kajian Mod Pengangkutan

Teori dan Faktor Situasi Pilihan

Berdasarkan kepada analisis kata kunci dan perkataan di dapati *activity-based modelling*, *discrete choice/event simulation*, *mode choice*, *multi-model transportation* dan *structural equation modelling* adalah antara teori dan model yang digunakan di dalam kajian terdahulu. Hal ini dapat membantu pengkaji mengenalpasti teori dan model yang berkaitan dengan lebih berkesan.

Sebagai contoh, teori yang menarik perhatian penulis adalah teori pilihan mod (*mod choice*) yang telah digunakan di dalam salah satu artikel (Shaheen, Chan, & Gaynor, 2016). Analisis pilihan mod pengangkutan digunakan untuk mencapai keputusan tentang mod pengangkutan yang dipilih bagi tujuan perjalanan tertentu (Mohamad, 1992). Shaheen, Chan & Gaynor (2016) di dalam kajiannya mengkaji motivasi dan tingkah laku pemandu di Teluk San Francisco untuk memahami ciri dan motivasi pengguna pengangkutan. Antara faktor yang berkaitan adalah kemudahan, penjimatan masa dan wang, motivasi berasaskan persekitaran

dan masyarakat, serta faedah kelestarian alam sekitar (Shaheen et al., 2016). Kumpulan pengguna perkhidmatan juga dikenal pasti di dalam kajiannya, iaitu sama ada sebelum ini menggunakan pengangkutan awam atau pengangkutan persendirian.

Berbeza dengan teori-teori lain seperti yang dinyatakan sebelum ini, teori pilihan mod mengambil kira kewujudan mod pengangkutan yang lain yang boleh digunakan untuk sesuatu tujuan perjalanan. Hakikatnya, masyarakat setempat mempunyai pilihan untuk memilih mod pengangkutan. Pilihan akan dibuat berdasarkan kepada situasi yang berkaitan dengan tujuan perjalanan yang dipengaruhi oleh kecenderungan atau pun kekangan (Brög, Erl, Ker, Ryle, & Wall, 2009; Marzuki & Mohamad, 2006; Mohamad, 1997).

Beberapa kata kunci dan perkataan yang dikenalpasti daripada analisis kekerapan boleh diperhalusi dan berkemungkinan mempengaruhi situasi mod pengangkutan pengguna yang perlu dikaji dengan lebih lanjut. Kelakuan perjalanan (*travel behavior*), persepsi pelanggan (*customer perceptions*) dan jadual kerja (*work schedule*) adalah contoh dari analisis kata kunci, manakala masa, permintaan, pekhidmatan adalah contoh dari analisis perkataan di dalam artikel. Teori dan model berkaitan dengan penerimaan dan penggunaan perkhidmatan seperti yang dinyatakan dibahagian awal artikel ini tidak tersenarai di dalam kata kunci artikel yang dianalisa.

Kesimpulan

Tujuan artikel ini adalah untuk menyokong kajian masa depan yang berkaitan dengan Syarikat Rangkaian Pengangkutan dengan mendokumentasikan maklumat bibliometrik artikel yang diterbitkan sebelumnya. Artikel ini mendokumentasikan sebahagian dari langkah-langkah yang diambil dalam tinjauan literatur dalam usaha untuk memahami aliran penyelidikan Syarikat Rangkaian Pengangkutan, yang boleh dijadikan sebagai panduan dan rujukan. Analisis dan penemuan data dalam artikel ini terbatas pada analisis deskriptif mengenai sebahagian maklumat bibliometrik dan bagaimana menggunakan maklumat tersebut melalui contoh aplikasi yang diberikan. Tinjauan literatur membantu mengenalpasti persoalan asas kajian, apa yang telah dipelajari, permasalahan semasa, dan apa yang perlu dikaji pada masa hadapan. Ia membuka ruang untuk memikirkan kembali (refleksi) dan menyelaraskan kajian yang berkaitan dengan Syarikat Rangkaian Pengangkutan dengan keperluan dan permintaan pengangkutan penduduk setempat, pengusaha perkhidmatan pengangkutan dan penggubal dasar terutamanya di era Revolusi Industri 4.0 (IR4.0). Untuk kajian pada masa hadapan, kandungan artikel akan dianalisis untuk mencari tema utama, kod dan konsep dimensi penyelidikan Syarikat Rangkaian Pengangkutan yang akan memberikan makna yang mendalam mengenai topik penyelidikan ini. Kajian hadapan perlu diperluas dengan tidak menghadkan pencarian kepada istilah Syarikat Rangkaian Pengangkutan sahaja. Pertimbangan perlulah diberikan kepada istilah-istilah yang berkaitan yang telah digunakan didalam kajian yang lalu. Selain itu, sumber data yang akan diperluaskan tidak membatasikannya kepada pangkalan data ScienceDirect dan artikel yang ditulis di dalam Bahasa English sahaja. Artikel yang ditulis di dalam Bahasa Melayu perlu turut dipertimbangkan.

Rujukan

- Arunachalam, D., Kumar, N., & Kawalek, J. P. (2017). Understanding big data analytics capabilities in supply chain management: Unravelling the issues, challenges and implications for practice. *Transportation Research Part E: Logistics and Transportation Review*.
- Brög, W., Erl, E., Ker, I., Ryle, J., & Wall, R. (2009). Evaluation of voluntary travel behaviour change: Experiences from three continents. *Transport Policy*, 16(6), 281-292.
- Burgstaller, S., Flowers, D., Tamberrino, D., Terry, H. P., & Yang, Y. (2017). *Rethinking Mobility The 'pay-as-you-go' car: Ride Hailing Just The Start*: Goldman Sachs Global Investment Research

- California Public Utilities Commission. (2013). Decision Adopting Rules and Regulations to Protect Public Safety While Allowing New Entrants to the Transportation Industry (Decision 13-09-045 September 19, 2013): San Francisco, California.
- Chen, T. D., Kockelman, K. M., & Hanna, J. P. (2016). Operations of a shared, autonomous, electric vehicle fleet: Implications of vehicle & charging infrastructure decisions. *Transportation Research Part A: Policy and Practice*, 94, 243-254.
- Contreras, S. D., & Paz, A. (2017). The effects of ride-hailing companies on the taxicab industry in Las Vegas, Nevada. *Transportation Research Part A: Policy and Practice*.
- Cramer, J., & Krueger, A. B. (2016). Disruptive change in the taxi business: The case of Uber. *American Economic Review*, 106(5), 177-182.
- Dudley, G., Banister, D., & Schwanen, T. (2017). The rise of Uber and regulating the disruptive innovator. *The political quarterly*, 88(3), 492-499.
- Gao, D., Xu, Z., Ruan, Y. Z., & Lu, H. (2017). From a systematic literature review to integrated definition for sustainable supply chain innovation (SSCI). *Journal of Cleaner Production*, 142, 1518-1538.
- Geron, T. (2013, 19 September). California Becomes First State To Regulate Ridesharing Services Lyft, Sidecar, UberX. *Forbes Magazine*.
- Ginieis, M., Sánchez-Rebull, M.-V., & Campa-Planas, F. (2012). The academic journal literature on air transport: Analysis using systematic literature review methodology. *Journal of Air Transport Management*, 19, 31-35.
- Goodin, G., & Moran, M. (2017). *Transportation Network Companies*. Texas: Transportation Policy Research Centre.
- Gregory, D., Johnston, R., Pratt, G., Watts, M., & Whatmore, S. (2011). *The dictionary of human geography*: John Wiley & Sons.
- Haggett, P., Cliff, A., & Frey, A. (1965). *Locational Analysis in Human Geography* (Edward Arnold, London) Google Scholar.
- Hall, J. D., Palsson, C., & Price, J. (2018). Is Uber a substitute or complement for public transit? *Journal of Urban Economics*, 108, 36-50.
- Hughes, R., & MacKenzie, D. (2016). Transportation network company wait times in Greater Seattle, and relationship to socioeconomic indicators. *Journal of Transport Geography*, 56, 36-44.
- Jin, S. T., Kong, H., Wu, R., & Sui, D. Z. (2018). Ridesourcing, the sharing economy, and the future of cities. *Cities*.
- Kamus Dewan. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kessler, M. L. (2017). How transportation network companies could replace public transportation in the United States.
- Mahmoudi, M., & Zhou, X. (2016). Finding optimal solutions for vehicle routing problem with pickup and delivery services with time windows: A dynamic programming approach based on state-space-time network representations. *Transportation Research Part B: Methodological*, 89, 19-42.
- Malalgoda, N., & Lim, S. H. (2019). Do transportation network companies reduce public transit use in the U.S.? *Transportation Research Part A: Policy and Practice*, 130, 351-372.
- Marzuki, M. (2008). *Situasi Pilihan Mod Pengangkutan Pelajar Sekolah Menengah: Kajian Di Daerah Hulu Langat, Selangor* Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Marzuki, M., & Mohamad, J. (2006). Mod pengangkutan ke sekolah: Satu kajian pilihan pelajar-pelajar sekolah menengah di Hulu Langat.
- Marzuki, M., Rosmiza, M., Mapjabil, J., & Isa, N. K. M. (2016). Memperkasakan usahawan van dalam pengangkutan awam luar bandar di Hulu Terengganu (Strengthening van operators as public transport in rural area: A case study in Hulu Terengganu). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 12(12).
- Mayring, P. (2003). *Qualitative Content Analysis*. Weinheim, Germany: Beltz Verlag.
- Mohamad, J. (1992). *Realities of Modal Choice in Kuala Lumpur: Transport Planning for the Disadvantaged*.
- Mohamad, J. (1996). Pengangkutan Ke Arah 2020: Peluang Kesempaan Untuk Semua. *Sarjana*, 13, 59-73.
- Mohamad, J. (1997). Situations of option—modelling worktrip modal choice in Kuala Lumpur. *Journal of the Eastern Asia Society for Transportation Studies*, 2, 931-948.
- Mohd Amin, N., & Marzuki, M. (2018). *Transportation Network Companies: Acceptance Model of e-Hailing Services*. Paper presented at the National Research Seminar 2018.
- Moran, M., & Lasley, P. (2017). Legislating Transportation Network Companies. *Transportation Research Record: Journal of the Transportation Research Board*(2650), 163-171.
- Oxera. (2014). *Is the ride right? Transportation network companies and taxicabs*: Oxera.

- Rayle, L., Dai, D., Chan, N., Cervero, R., & Shaheen, S. (2016). Just a better taxi? A survey-based comparison of taxis, transit, and ridesourcing services in San Francisco. *Transport Policy*, 45, 168-178.
- Shaheen, S. A., Chan, N. D., & Gaynor, T. (2016). Casual carpooling in the San Francisco Bay Area: Understanding user characteristics, behaviors, and motivations. *Transport Policy*, 51, 165-173.
- Virginia Department of Motor Vehicles. (2017). TNC Frequently Asked Questions. *Motor Carrier - Commercial* Retrieved 3 January, 2018, from <https://www.dmv.virginia.gov/commercial/#tnc/faqs.asp>
- Watanabe, C., Naveed, K., Neittaanmäki, P., & Fox, B. (2017). Consolidated challenge to social demand for resilient platforms - Lessons from Uber's global expansion. *Technology in Society*, 48, 33-53.

PENERIMAAN SISWA GURU TERHADAP PENGGUNAAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN (OLL) SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) COVID-19

Bani Hidayat Mohd Shafie

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penerimaan dan faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan pembelajaran dalam talian (OLL) dalam kalangan siswa guru semasa PKP COVID-19 di sebuah Institut Pendidikan Guru di Bangi, Selangor. Empat faktor yang terlibat dalam kajian ini ialah tanggapan kebergunaan (TK), tanggapan mudah guna (TMG), ciri-ciri pensyarah dalam PdP OLL serta isu pelaksanaan OLL semasa PKP COVID-19. Seramai 313 orang siswa guru dalam pelbagai pengkhususan iaitu Pendidikan Islam, Bahasa Arab, Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Matematik dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (PAKK) bagi Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) dan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) yang telah mengguna OLL terlibat sebagai responden dalam kajian ini. Instrumen kajian yang digunakan adalah terdiri daripada satu set soal selidik yang mengandungi 32 item soalan dan menggunakan skala Likert. Dapatan kajian dianalisis menggunakan statistik deskriptif yang merangkumi taburan frekuensi, min, dan sisihan piawai. Hasil kajian keseluruhan menunjukkan bahawa faktor tanggapan kebergunaan ($\text{min}=3.20, \text{sp}=1.153$), faktor tanggapan mudah guna ($\text{min}=3.40, \text{sp}=1.156$), faktor ciri-ciri pensyarah dalam PdP OLL ($\text{min}=3.96, \text{sp}=0.854$) dan isu pelaksanaan semasa COVID-19 ($\text{min}=3.34, \text{sp}=0.518$) yang mempengaruhi penerimaan OLL dalam kalangan siswa guru. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penerimaan siswa guru terhadap OLL semasa PKP COVID-19 dipengaruhi oleh manfaat dan mudah guna yang diperoleh daripada OLL, penjimatan masa dan kandungan kursus yang mudah dan bersesuaian dengan tugasan.

Kata Kunci: Pembelajaran Dalam Talian (OLL), Penerimaan Teknologi, Tanggapan Kebergunaan, Mudah Guna, PKP COVID-19

Pengenalan

Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merupakan institusi pendidikan yang melatih guru-guru sekolah rendah di bawah Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP). Disamping melatih bakal guru atau dikenali juga sebagai latihan pra perkhidmatan, IPGM KPM juga melaksanakan Pembangunan Profesionalisme Berterusan (CPD) kepada guru-guru dalam perkhidmatan. Pada masa ledakan teknologi terkini, memperlihatkan penggunaan e- pembelajaran dalam pengajaran dan pembelajaran sangat penting. *Online learning* (OLL) atau pembelajaran dalam talian merupakan satu pendekatan yang diguna secara meluas sebagai sistem maklumat dan sistem pangkalan data untuk mengurus, menyampaikan isi kandungan, berinteraksi atau pemudahcaraan serta mengendalikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Biasanya OLL lebih popular diaplikasikan di universiti-universiti atau kolej yang menawar kursus-kursus dalam bentuk dalam talian dan pembelajaran secara jarak jauh.

Namun begitu, akibat wabak COVID-19 yang sedang menular. Kerajaan Malaysia telah mengadakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1 (18 -31 Mac 2020) Fasa 2 (1-14 April 2020), Fasa 3 (15 – 28 April 2020) ,Fasa 4 (29 April – 12 Mei 2020) dan disusuli

pula dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) di IPG secara bersemuka (seperti kuliah, tutorial dan amali) telah diubahsuai dan telah dikendalikan secara dalam talian atau secara *remote learning*. Kaedah-kaedah *remote learning* seperti pembelajaran berbentuk tugas dan pembelajaran sendiri dilaksanakan oleh pensyarah terutamanya kepada siswa guru yang sukar mengakses internet ataupun sukar dihubungi kerana masalah capaian internet atau berada di kawasan pedalaman (IPGM,2020).

Penyataan Masalah

Tahun 2020 menyaksikan peristiwa bersejarah apabila hampir seluruh dunia terjejas secara ekonomi, politik dan sosial akibat daripada wabak Coronavirus atau Covid-19. (UNESCO,2020; Crawford, Joseph et al.,2020). Salah satu organisasi yang terlibat adalah sektor pendidikan yang memainkan peranan paling besar untuk sebuah negara (Evans, 2020). Sektor pendidikan terdiri daripada institusi pendidikan tinggi seperti universiti awam, universiti swasta, Institut Pendidikan Guru, Kolej Matrikulasi, Politeknik dan lain-lain. Sekolah juga terdiri daripada sekolah rendah, menengah, tadika, prasekolah dan lain-lain (PBB, 2014). Di Malaysia, wabak COVID-19 mulai merebak sekitar akhir Januari ketika jumlah kes berjangkit kecil di kalangan pelancong dari China pada masa itu (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020). Menjelang akhir bulan Februari, wabak itu merebak kerana terdapat peningkatan yang ketara dalam bilangan pesakit yang dijangkiti. Akibatnya, kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara mulai bulan Mac 18, 2020 (Pejabat Perdana Menteri, 2020).

Semasa tempoh PKP, kerajaan menerusi Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggesa institusi pengajian tinggi dan sekolah untuk terus belajar melalui talian (Kementerian Pendidikan Malaysia 2020). Sesi pembelajaran untuk pelajar dijalankan seperti biasa tetapi menggunakan aplikasi dalam talian. Pelajar sekolah akan diberi tugas, nota dan sebarang bentuk pembelajaran semasa mereka tinggal di rumah. Begitu juga, institusi pengajian tinggi di Malaysia, seperti Universiti Utara Malaysia, Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Sains Malaysia, meneruskan kuliah mereka dengan pelajar mereka menggunakan platform dalam talian (Bernama, 2020). Malah, Institut Pendidikan Guru (IPG) tidak terkecuali untuk pembelajaran dalam talian seperti yang dikeluarkan oleh IPGM Malaysia (Institut Pendidikan Guru Malaysia, 2020). Institut Pendidikan Guru Malaysia telah mengeluarkan prosedur operasi dalam pengurusan akademik semasa PKP

Namun begitu, pelajar-pelajar tidak dapat mengelak daripada menghadapi masalah dan halangan semasa mengguna OLL dalam pembelajaran semasa PKP. Kajian Muhammad Sukri Saud, Mohd Anuar Abdul Rahman, dan Ting (2007), menyatakan bahawa penerimaan OLL dipengaruhi oleh halangan ciri-ciri OLL yang kurang menarik, kurang mesra dan kurang interaktif menyebabkan pelajar lebih selesa berhubung dengan pensyarah dan rakan melalui *facebook*, *whatapps*, *wechat* dan emel. Kajian Ab. Hamid Ali, Fadzli Adam, dan Wong, Wan Solihin Abdullah (2014) menunjukkan bahawa tanggapan kebergunaan tidak mempengaruhi penerimaan pelajar terhadap blog dan berada pada tahap sederhana. Kajian ini disokong oleh Kusuma (2008) yang menjelaskan bahawa faktor kebergunaan dan mudah guna tidak mempengaruhi penerimaan OLL. Dapatan para penyelidik ini tidak konsisten.

Memandangkan sistem OLL mula digiatkan semasa COVID-19, jadi adalah sangat penting untuk mengkaji tahap penerimaan siswa guru terhadap penggunaan OLL yang

disediakan pensyarah. Walaupun, masalah yang dihadapi merupakan rintangan yang boleh membawa kesan yang negatif kepada siswa guru dalam OLL, namun ia boleh ditambah baik dan di atasi dengan kerjasama pelbagai pihak. Oleh itu, Kajian ini juga berhasrat untuk mengkaji tahap penerimaan siswa terhadap OLL semasa COVID-19 di peringkat institut pendidikan guru Kampus Pendidikan Islam, Bangi.

Objektif Kajian

Objektif-objektif kajian yang disarankan dalam kajian ini adalah untuk:

1. Mengetahui tahap tanggapan kebergunaan OLL siswa guru semasa COVID-19
2. Mengetahui tahap tanggapan mudah guna OLL siswa guru semasa COVID-19
3. Mengetahui tahap PdP pensyarah dalam pengajaran OLL semasa COVID-19
4. Mengetahui tahap penerimaan siswa guru dalam pembelajaran OLL semasa COVID-19

Soalan Kajian

Objektif-objektif kajian yang disarankan dalam kajian ini adalah untuk:

1. Apakah tahap tanggapan kebergunaan OLL siswa guru semasa COVID-19?
2. Apakah tahap tanggapan mudah guna OLL siswa guru semasa COVID-19?
3. Apakah tahap PdP pensyarah dalam pengajaran OLL semasa COVID-19?
4. Apakah tahap penerimaan siswa guru dalam pembelajaran OLL semasa COVID-19?

Sorotan Kajian

Para penyelidik telah banyak membincangkan penerimaan teknologi telah banyak dengan menggabungkan pelbagai teori dan model (Sharma & Chandel, 2013) tetapi dalam keadaan, budaya dan persekitaran yang berbeza. Teori dan model yang biasa digunakan adalah seperti *Unified Theory of Acceptance and Use of Technology* (UTAUT), *Technology Acceptance Model* (TAM), *Extension of TAM*, *Innovation Diffusion Theory* (IDT), *Theory of Planned Behavior* (TPB) dan *Theory Reasoned Action* (TRA). Teori dan model ini mempunyai kepercayaan, pemikiran dan manfaat yang pelbagai kepada para penyelidik.

Dalam kajian ini, tiga faktor diadaptasi daripada teori, model dan kajian lepas yang berkaitan dengan penerimaan OLL. Dua faktor iaitu tanggapan kebergunaan dan tanggapan mudah guna diadaptasi daripada TAM (Davis, 1989), faktor ciri-ciri pensyarah diadaptasi daripada kajian lepas seperti Waheed dan Hussain (2010), Sun, Tsai, Finger, Chen, dan Yeh (2008) dan Selim (2007). Tanggapan kebergunaan dan tanggapan mudah guna boleh mempengaruhi keinginan pengguna untuk mengguna OLL dan kemudian akan mempengaruhi penggunaan sistem tersebut. Tanggapan kebergunaan (TK) merujuk kepada sejauh mana seseorang percaya bahawa penggunaan sistem tertentu akan meningkatkan prestasi kerjanya, dan Tanggapan mudah guna (TMG) pula merujuk kepada sejauh mana seseorang percaya bahawa sistem itu dapat digunakan dengan mudah dan bebas atau sebaliknya (Davis, 1989). Tanggapan mudah guna juga mempengaruhi tanggapan kebergunaan iaitu jika seseorang itu berfikir bahawa sistem tersebut mudah digunakan maka sistem tersebut berguna baginya. Bagi memastikan tanggapan kebergunaan dan mudah guna memenuhi keinginan pengguna, maka kualiti sistem dan kualiti maklumat perlu diberi perhatian.

Demikian pula, pensyarah memainkan peranan penting dalam menggalakkan pelajar untuk mengguna sistem OLL. Waheed dan Hussain (2010) mengatakan bahawa faktor ciri-ciri pensyarah dalam PdP boleh menyumbang terhadap penerimaan OLL dan memberi kepuasan kepada pelajar. Tambahan pula, kejayaan pelaksanaan sistem OLL bergantung kepada sikap pensyarah terhadap OLL. Bukan hanya sikap terhadap sistem, malahan peranan pensyarah dalam pengendalian OLL, penyebaran maklumat, gaya pengajaran, penyediaan maklumat dan kandungan yang sesuai dan berkualiti memberi kepuasan serta mempengaruhi penerimaan OLL dalam kalangan siswa guru. Sun et al. (2008), pula menegaskan bahawa sikap pensyarah terhadap OLL boleh mempengaruhi penerimaan OLL dalam kalangan siswa guru.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan berbentuk deskriptif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian bagi memberi gambaran tentang penerimaan OLL dalam kalangan siswa guru. Menurut Yahya Don (2006), kajian tinjauan deskriptif boleh mengumpulkan pelbagai maklumat dan mengukur pembolehubah-pembolehubah yang berkaitan dengan suatu fenomena. Kaedah soal selidik pula mudah untuk mendapat maklumat- maklumat yang tepat yang diperlukan berdasarkan item soalan kajian. Soalan soal selidik dibentuk menggunakan *Google Form* dan diedar melalui aplikasi *WhatsApp* kepada semua responden. Kaedah ini juga hanya memerlukan responden sendiri menanda jawapan di *Google Form* (Jas Laile, 2008). Justeru, kaedah soal selidik ini mudah, cepat dan menjimatkan masa.

Sampel Kajian

Sampel kajian terdiri daripada siswa guru yang telah mengguna OLL semasa PKP COVID-19 dari pelbagai bidang di sebuah IPG di Bangi. Dalam kajian ini, persampelan yang digunakan ialah persampelan rawak berlapis (*stratified random sampling*) kerana saiz populasi yang tidak seragam dan seterusnya menggunakan persampelan rawak mudah. Berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970), nilai minimum bagi populasi 850 orang adalah 265 orang. Bilangan ini dianggap memadai dalam kajian ini berdasarkan Chua (2006) yang menyatakan bahawa peratus (%) minimum bagi sampel sesuatu kajian adalah 30% sahaja dari populasi kajian. Justeru, Kajian ini telah melibatkan seramai 313 orang responden yang dipilih secara rawak bagi setiap kumpulan PPISMP dan PISMP.

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, satu set soal selidik yang mengandungi lima bahagian telah disediakan, iaitu Bahagian A: Latar belakang siswa guru; Bahagian B: Tanggapan Kebergunaan (TK); Bahagian C: Tanggapan mudah guna (TMG); Bahagian D: Ciri-ciri pensyarah dalam PdP; Bahagian E: Isu pelaksanaan OLL semasa PKP COVID 19. Soal selidik diadaptasi dan diubahsuai daripada para penyelidik seperti Agatha dan Suhaimi (2016), Waheed dan Hussain (2010), Ab Hamid et al. (2014), , Selim (2007), DeLone dan McLean (2003 dan 1992), Davis, dan Davis (1989). Soal selidik ini menggunakan pengukuran Skala Likert 5 iaitu Sangat Tidak Setuju, Tidak Setuju, Kurang Pasti, Setuju dan Sangat Setuju untuk melihat faktor-faktor mempengaruhi penerimaan OLL dalam kalangan siswa guru.

Kajian Rintis

Kajian rintis telah dijalankan terhadap 45 orang siswa guru dan tahap kebolehpercayaan instrumen kajian ini adalah tinggi seperti di dalam jadual 1:

Jadual 1

Tahap kebolehpercayaan instrumen kajian.

Bil	Aspek OLL	Cronbach's Alpha	Bil. Item
1	Tanggapan kebergunaan (TK)	0.920	9
2	Tanggapan Mudah guna (TMG)	0.872	6
3	Ciri PdP Pensyarah	0.913	9
4	Isu Pelaksanaan OLL semasa PKP COVID-19	0.834	8
		0.884	32

Data bagi kajian ini dianalisis dengan menggunakan analisis kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* dengan perisian SPSS versi 20.0. Nilai *Cronbach Alpha* yang diperolehi ialah .90 Nilai kebolehpercayaan ini menunjukkan soal selidik tersebut adalah bagus dan boleh digunakan untuk kajian ini. Ini adalah kerana instrumen yang mempunyai nilai pekali yang lebih daripada 8 dianggap mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi (Cohen, Manion & Morrison, 2007).

Dapatan Kajian

Profil Siswa Guru

Dari sesi profil sampel kajian mengikut jantina, bidang dan major, seperti dalam Jadual 2 yang ditunjukkan di bawah:

Jadual 2

Profil siswa guru

Bil	Perkara	Kategori	Kekerapan	Peratus
1	Jantina	lelaki	112	35.8
		Perempuan	201	64.2
		Jumlah	313	100%
2	Bidang	PPISMP	81	25.2
		PISMP	231	71.7
		Jumlah	313	100%
3	Major	Pendidikan Islam	181	57.8
		Bahasa Arab	67	21.4
		Pengajian Melayu	35	11.2
		Bahasa Inggeris	10	3.2
		PAKK	10	3.2
		Matematik	10	3.2
		Jumlah	313	100%

Analisis Deskriptif

Analisis statistik deskriptif digunakan untuk melaporkan tahap penerimaan dan faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan OLL dalam kalangan siswa guru semasa PKP COVID-19 dengan menggunakan min dan sisihan piawai. Min yang diperoleh ditafsirkan menggunakan cara interpretasi dapatan statistik deskriptif yang dicadangkan oleh Nunnally (1976) dan diguna oleh Azhar (2006) seperti jadual 3 berikut :

Jadual 3

Interpretasi skor min bagi melaporkan dapatan deskriptif statistik:

Skor Min	Interpretasi
1.00 – 2.00	Rendah (R)
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah (SR)
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi (ST)
4.01 – 5.00	Tinggi (T)

Sumber: Ubahsuai daripada Nunnally (1976) diguna oleh Azhar (2006)

1. Faktor Tanggapan Kebergunaan (TK)

Bagi menjawab soalan kajian yang pertama. Dapatan menunjukkan bahawa tahap tanggapan kebergunaan berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai purata min keseluruhan adalah (min=3.20, sp=1.153). Analisis keseluruhan bagi hasil kajian yang diperolehi dapat dirujuk menerusi Jadual 4 di bawah:

Jadual 4

Taburan Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Tanggapan Kebergunaan

Bil	Item	Kekerapan & Peratus (N=313)					Min	SP	Tahap
		STS 1	TS 2	KS 3	S 4	SS 5			
A1	Pembelajaran `online' meningkatkan prestasi pembelajaran saya	32 10.2%	49 15.7%	91 29.1%	88 28.1%	53 16.9%	3.26	1.209	ST
A2	Pembelajaran `online' meningkatkan tahap kefahaman saya	36 11.5%	53 19.9%	101 32.3%	78 24.9%	45 14.4%	3.14	1.200	ST
A3	Pembelajaran `online' meningkatkan keberkesanan pembelajaran saya	33 10.5%	55 16.9%	98 31.3%	73 23.3%	54 17.3%	3.19	1.220	ST
A4	Saya mendapati sistem pembelajaran `online' sangat berguna untuk saya	30 9.6%	49 15.7%	79 25.2%	90 28.8%	65 10.8%	3.35	1.240	ST
A5	Melalui pembelajaran `online', isi kandungan kursus lebih mudah untuk dipelajari	40 12.8%	65 20.8%	82 26.2%	69 22.0%	57 18.2%	3.12	1.288	ST
A6	Pembelajaran `online' meningkatkan kualiti tugasan saya	41 13.1%	60 19.2%	80 25.6%	69 22.0%	63 20.1%	3.17	1.311	ST
A7	Pembelajaran `online' membolehkan lebih banyak tugas dapat disiapkan dalam satu masa	52 16.6%	53 16.9%	64 20.4%	64 20.4%	80 25.6%	3.21	1.422	ST
A8	Pembelajaran `online' menyokong sebarang aspek yang dianggap kritikal dalam	38 12.1%	52 16.6%	98 31.3%	70 22.4%	55 17.6%	3.17	1.247	ST

	pembelajaran								
A9	Pembelajaran `online' membolehkan kerja disiapkan lebih cepat	49 15.7%	54 17.3%	62 19.8%	72 23.0%	76 24.3%	3.23	1.398	ST
	Min Keseluruhan						3.20	1.153	ST

Berdasarkan Jadual 4, dapatan yang diperoleh daripada analisis menunjukkan bahawa item (A4) seramai 39.6 peratus responden bersetuju dan seramai 60.4 peratus responden tidak bersetuju dengan item ini di mana min ialah 3.35, $sp=1.240$. Item ini berada pada min yang tertinggi daripada 9 item. Manakala terendah ialah item (A5) seramai 40.2 peratus responden bersetuju dan seramai 59.8 peratus responden tidak bersetuju dengan item ini di mana min ialah 3.12, $sp=1.288$. Ini menunjukkan bahawa item-item ini berada pada kumpulan item min tahap Sederhana tinggi.

Ini menunjukkan bahawa faktor tanggapan kebergunaan memberi kesan positif terhadap penerimaan dan OLL dalam kalangan siswa guru. Responden percaya bahawa OLL dapat meningkatkan kefahaman, keberkesanan pembelajaran serta sangat berguna dan mudah semasa digunakan.

2. Faktor Tanggapan Mudah Guna (TMG)

Bagi menjawab soalan kajian yang kedua ialah faktor tanggapan mudah guna. Jadual 5 menunjukkan analisis data faktor tanggapan mudah guna dalam penerimaan OLL. Terdapat enam item yang diperuntukkan untuk menguji faktor tanggapan mudah guna dalam penerimaan OLL dalam kalangan siswa guru.

Jadual 5

Taburan Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Tanggapan Mudah Guna

Bil.	Item	Kekerapan & Peratus (N=313)					Min	SP	Tahap
		STS 1	TS 2	KS 3	S 4	SS 5			
B1	Pembelajaran `online' akan menjimatkan masa untuk mendapatkan bahan rujukan	23 7.3%	34 10.9%	53 16.9%	103 32.9%	100 31.9%	3.71	1.228	ST
B2	Saya selesa menggunakan pembelajaran `online'	48 15.3%	46 14.7%	73 23.3%	69 22.0%	77 24.6%	3.26	1.380	ST
B3	Saya mendapati sistem pembelajaran `online' mudah digunakan	37 11.8%	54 17.3%	72 23.0%	77 24.6%	73 23.3%	3.30	1.318	ST
B4	Pembelajaran `online' amat berguna bagi saya	32 10.2%	47 15.0%	88 28.1%	69 22.0%	77 24.6%	3.36	1.281	ST
B5	Pembelajaran `online' menyediakan maklumat yang berkaitan	18 5.8%	47 15.0%	72 23.0%	101 32.3%	75 24.0%	3.54	1.174	ST
B6	Pembelajaran `online' menyediakan maklumat yang terperinci	31 9.9%	58 18.5%	85 27.2%	78 24.9%	19.5%	3.26	1.245	ST
	Min Keseluruhan						3.40	1.156	ST

Berdasarkan Jadual 5, dapatan yang diperoleh daripada analisis menunjukkan bahawa item (B1) seramai 64.8 peratus responden bersetuju dan seramai 35.2 peratus responden tidak

bersetuju dengan item ini di mana min ialah 3.71, $sp=1.228$. Item ini berada pada min yang tertinggi daripada 6 item. Manakala terendah ialah item (B6) seramai 44.4 peratus responden bersetuju dan seramai 55.6 peratus responden tidak bersetuju dengan item ini di mana min ialah 3.26, $sp=1.245$. Ini menunjukkan bahawa item-item ini berada pada kumpulan item min tahap Sederhana tinggi.

Ini menunjukkan bahawa faktor tanggapan mudah guna memberi kesan positif terhadap penerimaan dan OLL dalam kalangan siswa guru. Responden percaya bahawa OLL dapat menyediakan maklumat yang tepat, baik, terperinci dan tepat pada masa yang diperlukan mempengaruhi penerimaan OLL.

3. Faktor Ciri-ciri Pensyarah dalam PdP OLL

Bagi menjawab soalan kajian yang ketiga ialah faktor ciri pensyarah yang menggunakan OLL. Jadual 6 menunjukkan analisis data faktor ciri-ciri pensyarah dalam menggunakan OLL. Terdapat sembilan item yang diperuntukkan untuk menguji faktor ciri-ciri pensyarah yang menggunakan OLL dalam kalangan siswa guru.

Jadual 6

Taburan Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Ciri-ciri Pensyarah

Bil.	Item	Kekerapan & Peratus (N=313)					Min	SP	Tahap
		STS 1	TS 2	KS 3	S 4	SS 5			
C1	Pensyarah bersemangat untuk mengajar kelas PdPc 'online'	9 2.9%	16 5.1%	48 15.3%	113 36.1%	127 40.6%	4.06	1.011	T
C2	Gaya penyampaian pensyarah dalam PdPc 'Online' menarik perhatian saya	16 5.1%	27 8.6%	78 24.9%	107 34.2%	85 27.2%	3.70	1.113	ST
C3	Pensyarah mesra terhadap setiap pelajar semasa PdPc 'Online' berlangsung.	9 2.9%	12 3.8%	52 16.6%	122 39.0%	118 37.7%	4.05	0.978	T
C4	Pensyarah mengendalikan PdPc 'online' dengan berkesan	10 3.2%	17 5.4%	69 22.0%	119 38.0%	98 31.3%	3.89	1.014	ST
C5	Pensyarah menerangkan bagaimana untuk menggunakan sistem PdPc 'online'	4 1.3%	15 4.8%	66 21.1%	118 37.7%	110 35.1%	4.01	0.934	T
C6	Pensyarah berasa gembira apabila kami menggunakan PdPc 'online' untuk berinteraksi	8 2.6%	25 8.0%	68 21.7%	102 32.6%	110 35.1%	3.90	1.054	ST
C7	Pelajar digalakkan untuk mengambil bahagian dalam PdPc 'online'	11 3.5%	10 3.2%	52 16.6%	114 36.4%	126 40.3%	4.07	1.006	T
C8	Pensyarah menggalak dan mendorong saya untuk menggunakan PdPc 'online'	5 1.6%	16 5.1%	63 20.1%	114 36.4%	115 36.7%	4.02	0.959	T
C9	Pensyarah aktif mengajar subjek melalui PdPc 'online'	7 2.2%	14 4.5%	74 23.6%	106 33.9%	112 35.8%	3.96	0.988	ST
Min Keseluruhan						3.96	0.854	ST	

Berdasarkan Jadual 6, dapatan yang diperoleh daripada analisis menunjukkan bahawa item (C7) seramai 76.7 peratus responden bersetuju dan seramai 23.3 peratus responden tidak bersetuju dengan item ini di mana min ialah 4.07, $sp=1.006$. Item ini berada pada min yang tertinggi daripada 6 item. Manakala terendah ialah (C2) seramai 61.4 peratus responden bersetuju dan seramai 38.6 peratus responden tidak bersetuju dengan item ini di mana min ialah 3.70, $sp=1.113$. Ini menunjukkan bahawa item-item ini berada pada kumpulan item min tahap sederhana tinggi.

Ini menunjukkan bahawa faktor ciri-ciri pensyarah semasa PdP OLL memberi kesan positif terhadap penerimaan dan OLL dalam kalangan siswa guru. Responden percaya bahawa pensyarah berpengaruh terhadap penerimaan OLL dalam kalangan responden.

4. Faktor PKP COVID 19

Bagi menjawab soalan kajian yang keempat ialah faktor PKP COVID-19 yang menggunakan OLL. Jadual 7 menunjukkan analisis data faktor PKP COVID-19 dalam menggunakan OLL. Terdapat lapan item yang diperuntukkan untuk menguji faktor PKP COVID-19 yang menggunakan OLL dalam kalangan siswa guru.

Jadual 7

Taburan Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Faktor PKP COVID-19

Bil.	Item	Kekerapan & Peratus (N=313)					Min	SP	Tahap
		STS 1	TS 2	KS 3	S 4	SS 5			
D1	IPGKPI mempunyai sistem pengurusan PdPc 'online' masing-masing	32 10.2%	29 9.3%	78 24.9%	112 35.8%	62 19.8%	3.46	1.203	ST
D2	Di rumah saya mempunyai capaian internet sangat baik	88 28.1%	75 24.0%	83 26.5%	38 12.1%	29 9.3%	2.50	1.271	SR
D3	Saya hadapi bebanan masa untuk PdPc 'online' sekiranya berada di kampung	36 11.5%	28 8.9%	45 14.4%	86 27.5%	118 37.7%	3.71	1.355	ST
D4	PdPc 'online' menggunakan kos kewangan (data, top up) yang agak tinggi.	40 12.8%	30 9.6%	59 18.8%	83 26.5%	101 32.3%	3.56	1.362	ST
D5	Tahap capaian internet yang lemah mengganggu PdPc 'online' berlangsung dengan lancar.	23 7.3%	19 8.6%	27 8.6%	68 21.7%	176 56.2%	4.13	1.241	T
D6	PdPc 'online' yang tidak terurus oleh pensyarah menyebabkan ketidakadilan kepada pelajar.	31 9.9%	25 8.0%	64 20.4%	70 22.4%	129 41.2%	3.73	1.320	ST
D7	Pertambahan bebanan tugas pelajar dalam PdPc 'online' berbanding interaksi bersemuka.	40 12.8%	25 8.0%	47 15.0%	72 23.0%	129 41.2%	3.72	1.400	ST
D8	Suasana persekitaran di rumah kurang sesuai PdPc 'online' untuk dijalankan.	34 10.9%	23 7.3%	52 16.6%	79 25.2%	125 39.9%	3.76	1.336	ST
Min Keseluruhan						3.34	0.518	ST	

Berdasarkan Jadual 7, dapatan yang diperoleh daripada analisis menunjukkan bahawa item (D5) seramai 77.9 peratus responden bersetuju dan seramai 22.1 peratus responden tidak bersetuju dengan item ini di mana min ialah 4.13, $sp=1.241$. Item ini berada pada min yang tertinggi daripada 8 item. Manakala terendah ialah (D2) seramai 21.4 peratus responden bersetuju dan seramai 78.6 peratus responden tidak bersetuju dengan item ini di mana min ialah 2.50, $sp=1.271$. Ini menunjukkan bahawa item-item ini berada pada kumpulan item min tahap Tinggi, Sederhana tinggi dan sederhana rendah.

Ini menunjukkan bahawa faktor PKP COVID-19 memberi kesan negatif terhadap penerimaan dan OLL dalam kalangan siswa guru. Responden percaya bahawa pencapaian internet yang lemah, bebanan kerja yang bertambah semasa PKP COVID-19 serta kos kewangan yang tinggi juga mempengaruhi penerimaan OLL dalam kalangan responden.

Perbincangan

Daripada hasil analisis kajian, didapati min keseluruhan bagi faktor tanggapan kebergunaan ($min=3.20, sp=1.153$) dan tanggapan mudah guna ($min=3.40, sp=1.156$) masing-masing mempengaruhi penerimaan OLL semasa PKP COVID-19. Ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai sikap positif dan percaya bahawa OLL memberi faedah dalam penggunaan sistem itu. Dapatan kajian ini selaras dengan kajian Davis et al. (1989) dan Davis (1989) yang menjelaskan faktor tanggapan kebergunaan dan tanggapan mudah guna dalam teori TAM memberi kesan positif terhadap penggunaan teknologi OLL. Penyataan ini disokong oleh Ahmad Althumibat et al. (2012) yang menyatakan tanggapan kebergunaan dan tanggapan mudah guna mempengaruhi penerimaan pengguna terhadap produk dan perkhidmatan berbantuan teknologi. Menurut Ahmad Althunibat et al. (2012), produk dan perkhidmatan yang memberi faedah dan mudah untuk menggunakannya akan memberi kesan kepada penerimaan pengguna terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh agensi. Berbeza pula dengan kajian dijalankan oleh Ab Hamid et al (2014), dan Kusuma (2008) yang menjelaskan bahawa faktor tanggapan kebergunaan tidak memberi kesan terhadap penerimaan OLL dalam kalangan pengguna. Ini menunjukkan bahawa dapatan kajian ini dengan kajian lepas adalah berbeza dan tidak konsisten. Perbezaan dapatan kajian boleh dipengaruhi oleh faktor-faktor yang lain.

Faktor ciri pensyarah mencatatkan keseluruhan skor min 3.96. Ini menunjukkan peranan pensyarah dalam mempengaruhi penerimaan adalah positif. Dapatan kajian ini selaras dengan kajian Waheed dan Hussain (2010) yang menyatakan bahawa pengguna perlu berinteraksi dengan pengajar bagi menyelesaikan masalah tugas. Interaksi antara pelajar dengan pensyarah dan rakan membolehkan pelajar berhubung dengan pensyarah dan rakan apabila menghadapi masalah dalam tugas atau penerangan sesuatu konsep. Bimbingan dan dorongan daripada pensyarah boleh memberi motivasi kepada pelajar untuk menggunakan sistem OLL dan secara tidak langsung dapat menerima sistem tersebut. Selain itu, penyampaian yang menarik, gaya pengajaran yang bersistematik serta interaksi yang mesra adalah antara faktor yang menggalakkan pelajar untuk menerima dan mendorong untuk terus menggunakan sistem OLL. Kenyataan ini disokong oleh Sun et al. (2008), yang menyatakan bahawa sikap pengajar terhadap OLL adalah penting kerana ia boleh memberi kesan positif kepada penerimaan pelajar terhadap OLL.

Seterusnya faktor PKP COVID-19 ($min=3.34, sp=0.518$) dalam pembelajaran OLL telah memberi kesan yang negatif terhadap penerimaan siswa guru terhadap OLL. Masalah pencapaian akses internet yang lemah bagi siswa guru di mana sebahagian daripadanya tinggal di kawasan luar bandar terutamanya di beberapa bahagian di Sabah dan Sarawak. Di samping itu, beberapa siswa guru yang tinggal di Semenanjung juga tidak dapat mengakses internet kerana lokasi kediaman mereka jauh dari kawasan liputan rangkaian. Kesanya ialah

sukar bagi mereka untuk mengikuti OLL dengan baik dan berkesan. Disamping itu juga OLL menggunakan interaksi segerak adalah proses yang sangat menarik dan dapat berinteraksi dengan pelajar secara bersemuka. Walau bagaimanapun, penemuan kajian ini menunjukkan bahawa pengajaran dan pembelajaran tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan kerana memerlukan data rangkaian internet yang tinggi. Kebanyakan mereka melanggan perkhidmatan internet secara prabayar dan bukannya pasca berbayar. Mereka sering memuat semula data prabayar mereka apabila mereka berhasrat menggunakan rangkaian internet. Pada peringkat awal fasa pertama PKP COVID-19, beberapa rangkaian telekomunikasi masih belum menyediakan pengguna dengan data internet secara percuma.

Kesimpulan

Pendekatan OLL amat penting sebagai satu kaedah dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pensyarah dan siswa guru terutamanya apabila PdP telah mengalami perubahan normal daripada kebiasaan semasa PKP COVID-19. Dapatan kajian mendapati bahawa tahap penerimaan OLL dalam kalangan siswa guru adalah sederhana dan dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti tanggapan kebergunaan dan tanggapan mudah guna. Kebergunaan dan mudah guna siswa guru dipengaruhi oleh kualiti sistem yang disediakan oleh pihak institut berkenaan dan maklumat yang disediakan oleh pensyarah. Namun faktor PKP COVID-19 semasa OLL yang dijalankan seperti capaian internet lemah, *signal* rendah, beban tugas kerja kursus, masalah kos kewangan tinggi, persekitaran pembelajaran di kampung yang kurang selesa dan kondusif sukar untuk siswa guru untuk menggunakan OLL dengan lebih berkesan. Kemudahan lain seperti perkhidmatan internet dan jalur lebar harus ditambah baik kerana internet merupakan teras kepada penggunaan dan penerimaan OLL.

Hasil kajian ini memberi implikasi kepada pihak pengurusan, para pensyarah, penyelidik sendiri dan para siswa guru. Kajian dapat menambah pengetahuan penyelidik dalam bidang OLL terutamanya semasa berlaku wabak COVID-19 berkaitan dengan amalan penggunaan dan penerimaan OLL. Dari pihak siswa guru dan pensyarah boleh membantu dan memudahkan pembelajaran dan pengajaran kerana OLL boleh dilaksanakan di mana-mana dan pada bila-bila masa, asalkan tempat atau lokasi itu mempunyai persekitaran yang berangkaian. Kajian ini juga memberi gambaran jelas kepada pihak pentadbiran dan pengurusan serta pensyarah-pensyarah tentang isu-isu OLL luar jangka seperti PKP COVID-19 agar langkah-langkah yang sewajar dapat diambil. Selain itu, kajian ini menggalakkan para pensyarah untuk menggunakan OLL dalam membantu melicinkan proses pengajaran mereka. Selain itu, kajian ini juga menambahkan lagi jumlah kajian dalam bidang OLL dan menjadi sumber rujukan kepada para penyelidik untuk membuat kajian lanjutan.

Rujukan

- Ab. Hamid Ali, Fadzli Adam, & Wong, Wan Solihin Abdullah. (2014). Penerimaan blog sebagai medium agama dalam kalangan pelajar IPTA di *Malaysia. Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization iCasic* 2014, 4-5 March 2014, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Aghata F. Umbit & Muhammad Suhaimi Taat.(2016). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penerimaan E Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Di Institut. *Jurnal Penyelidikan IPGKBL*. Bil 13, 1-14
- Ahmad Althunibat, Nor Azan Mat Zin, & Noraidah Sahari. (2012). Pemodelan faktor penerimaan perkhidmat kerajaan mudah alih (M-Kerajaan). *Asia-Pacific Journal of Information Technology and Multimedia*, 1 (1). 21-37.
- Aypay, A., Celik, H. C., Aypay, A., & Sever, M. (2012). Technology acceptance in education: a study of pre-service teachers in Turkey *TOJET: The Turkish Online Journal of Educational Technology*, 11 (4), 264-272.

- Azhar Ahmad. (2006). *Strategi pembelajaran dan pengaturan sendiri pendidikan Islam dan penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah*. Tesis Ph. D, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bernama (2020). COVID-19: USM Laksana Kuliah Secara Dalam Talian. <https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1821545>
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah penyelidikan: Buku 1*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. (2007). *Research methods in education* (6th Crawford, Joseph; Butler-Henderson, Kerry; Rudolph, Jürgen; Glowatz, Matthias; (2020). COVID-19: 20 Countries' Higher Education Intra-Period Digital Pedagogy Responses. *Journal of Applied Teaching and Learning (JALT)*, 3 (1):
- Davis, F. D., Bagozzi, R. P., & Warshaw, P. R. (1989). User acceptance of computer technology: A comparison of two theoretical models. *Management Science*, 35 (8), 982-1003.
- Davis, F. D. (1989). Perceived usefulness, perceived ease of use, and user acceptance of information technology. *MIS Quarterly*, 13 (3), 318-339.
- Delone, W. H., & McLean. E. R. (2003). The Delone and McLean Model of information systems success: A Ten-Year update. *Journal of Management Information System*, 19, 9-30. ed.) New York: Routledge.
- Evans, O. (2020). Socio-economic impacts of novel coronavirus: The policy solutions. *BizEcons Quarterly*, 7, 3-12.
- Evans, O. (2020). Socio-economic impacts of novel coronavirus: The policy solutions. *BizEcons Quarterly*, 7, 3-12.
- Institut Pendidikan Guru Malaysia (2020). Tatacara Pengoperasian Pengurusan Akademik Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan. Surat Makluman Raptor Bertarikh 26 March 2020. Nombor Rujukan KPM.100-1/7/96 (92)
- Institut Pendidikan Guru Malaysia (2020). Tatacara Pengoperasian Pengurusan Akademik
- Jas Laile Suzana Jaafar. (2008). *Pengenalan kepada psikologi kanak-kanak dan remaja*. Shah Alam: Arah Pendidikan.
- Kementerian Kesihatan Malaysia (2020). Kenyataan Akhbar KPK 25 Januari 2020 – Pengesanan Kes Baharu yang Disahkan Dijangkiti 2019 Novel Coronavirus (2019- nCoV) di Malaysia. Retrieved on April 7, 2020 from <https://kpkkesihatan.com/2020/01/25/kenyataan-akhbar-kpk-25-januari-2020-pengesanan-kes-baharu-yang-disahkan-dijangkiti-2019-novel-coronavirus-2019-ncov-di-malaysia/>
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2020). Soalan Lazim (Faqs) Berkaitan Perlanjutan Perintah Kawalan Pergerakan Kpm Bilangan 2. Retrieved on April 9, 2020 from <https://www.moe.gov.my/pemberitahuan/pengumuman/faq-perlanjutan-ppk-bil2>
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Kusuma, Hadri. (2008). Model Penerimaan Teknologi Informasi: Peran nilai-nilai personal, pidato. *Human-Computer Studies*, 64, 683-696.
- Muhammad Sukri Saud, Mohd Anuar Abdul Rahman, & Ting, K. S. (2007). Kajian mengenai penggunaan e pembelajaran (*e-learning*) di kalangan pelajar jurusan pendidikan teknikal dan Vokasional di institusi pengajian tinggi (IPTA) Negeri Johor. *1st International Malaysian Educational Technology Convention*, UTM Skudai, Johor.
- Nunnally, J. C. (1976). *Psychometric Theory*. New York: McGraw Hill Book Company. University Press.
- Pejabat Perdana Menteri Malaysia (2020). Perutusan Khas YAB Perdana Menteri Mengenai COVID-19 – 16 Mac 2020. Retrieved on April 7, 2020 from <https://www.pmo.gov.my/ms/2020/03/perutusan-khas-yab-perdana-menteri-profesional-publishing>.
- Selim, H. M. (2007). Critical success factors for e-learning acceptance: Confirmatory factor models. *Computers & Education*, 49, 396-413.
- Sharma, Sujeet Kumar & Chandel, Jyoti Kumar. (2013). Technology Acceptance Model for the use of learning through websites among students in Oman. *International Arab Journal of e-Technology*, 3 (1), 44-49.
- Sun, P. C., Tsai, R. J., Finger, G., Chen, Y. Y., & Yeh, D. (2008). What drives a successful e-Learning? An empirical investigation of the critical factors influencing learner satisfaction. *Computers and Education*, 50, 1183-1202.
- UNESCO. (2020). *COVID-19 Educational disruption and response*. <https://en.unesco.org/themes/education-emergencies/coronavirus-school-closures>
- United Nations Educational, Social and Cultural Organisation (2014), *Educational Systems in ASEAN and Six Countries: A Comparative Analysis of Selected Educational Issues*, Bangkok, UNESCO
- Waheed, M., & Hussain, M. F. (2010). Empirical study of e-learner contentment towards e-Learning: Influential role of key factors. *The 2010 MIT LINC Conference in Stratton Center on the MIT*

Campus. Boston, 23 – 26 May.

Yahya Don. (2006). *Psikologi sosial dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS

AMALAN NORMA-NORMA BUDAYA TERHADAP KEPEDULIAN KERJA GURU MAKTAB RENDAH SAINS MARA

Faridah Binti Darus dan Mohd Khairuddin@ Jerry Abdullah

Abstrak

Kemampuan pemimpin sekolah untuk melihat organisasi daripada berbagai-bagai rupa merupakan satu keistimewaan dalam mengetahui dan membentuk norma-norma budaya. Dengan mengetahui norma-norma budaya sekolah, seseorang pemimpin sekolah akan tahu tujuan dalam membentuk nilai, kepercayaan dan kesesuaian sikap untuk menyemai persekitaran pembelajaran. Budaya yang bersifat kolaborasi akan menolong sekolah untuk mengharungi sebarang cabaran dan kesulitan bersama agar tercapai matlamat mereka (Schein, 1992; Shellard, 2002). Pembentukan budaya kerja sudah seharusnya patut disokong ke arah matlamat tersebut secara berterusan. Hal ini dilakukan dalam organisasi kerana budaya kerja merupakan satu proses berterusan sepanjang kerjaya seseorang individu dalam organisasi ia bekerja (Jaafar, 2010). Hal ini bermaksud perlu wujud norma-norma budaya yang dapat meninggikan keyakinan guru-guru bagi memastikan kesediaan melaksanakan kerja di sekolah. Norma-norma budaya merujuk kepada fenomena atau tindakan yang melibatkan aspek seperti kolaboratif profesional, keyakinan diri dan hubungan keserakanan yang dibentuk dengan tujuan untuk menyokong budaya ke arah mencapai sesuatu matlamat. Kebiasaannya guru-guru percaya mereka telah melaksanakan sesuatu tugas harian dengan baik dan segala cadangan untuk perubahan akan menjejaskan mutu dan profesionisme tugas mereka. Namun begitu, kemampuan untuk melaksanakan tugas sahaja tidak memberi gambaran kredibiliti seseorang guru malahan kesedaran inovasi mereka adalah multidimensi dengan mengambilkira pengalaman mereka. Oleh itu, kejayaan inovasi guru dalam pengajaran dan pembelajaran dikaitkan dengan kepedulian guru-guru melaksanakan sesuatu inovasi dalam pengajaran secara berkesan. Kepedulian kerja guru adalah seperti kepedulian diri, kepedulian tugas dan kepedulian impak. Kertas konsep ini akan membincangkan amalan norma-norma budaya terhadap kepedulian kerja guru MRSM seluruh Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan kajian tinjauan sebagai reka bentuknya. Responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada Ketua Jabatan Akademik dan Guru Kanan Subjek di MRSM.

Kata Kunci : Amalan Norma-Norma Budaya dan Kepedulian Kerja Guru MRSM.

Pengenalan

Guru-guru Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) turut menghadapi cabaran dalam membudayakan amalan abad ke-21 bagi pembelajaran dan pemudahcaraan. Isu berkaitan cabaran guru pada abad ke-21 adalah penyediaan pengalaman pembelajaran melampaui sesuatu yang diperlukan oleh murid-murid zaman sebelum ini. Antara cabaran yang utama adalah keselarian teknologi multimedia sedia ada di MRSM dengan keperluan pembelajaran, kesediaan dalam keupayaan murid yang berbeza, kekangan masa persediaan dan penyempurnaan kurikulum; peperiksaan yang masih dikekalkan serta masalah teori, amalan, pedagogi yang begitu sempurna atas kertas tetapi sukar dilaksanakan dalam keadaan realiti di sekolah. Tambahan pula, sikap kepedulian terhadap sebarang perubahan dan amalan baharu di sekolah perlu memikirkan juga jurang latar belakang generasi guru-guru yang boleh

dikelompok kepada generasi X, Y, dan Z (Tapscott, 2008), iaitu setiap generasi mempunyai personality tersendiri (Lancaster & Stillman, 2003). Generasi Z dianggap generasi teknologi (Tapscott, 2008) yang pastinya memiliki kelebihan kemahiran ICT berbanding generasi sebelumnya.

Bagi meningkatkan budaya inovasi dalam sistem pendidikan di MRSM, pengetua dan guru perlu menggerakkan organisasi supaya selari dan maju dalam bidang akademik, kemahiran dan juga kokurikulum. Proses pembelajaran di dalam kelas yang menarik bergantung kepada kepedulian guru-guru untuk menjalankan sesuatu perubahan atau amalan baharu. Berkaitan hal itu, inovasi sering dikaitkan dan diperkatakan setiap tahun, malah kelebihan inovasi sebagai alat penting dalam menempuh cabaran yang semakin mencabar iaitu dalam bidang pendidikan. Selain itu, pendidikan merupakan suatu proses berterusan dan selalu menerima perubahan dan penambahbaikan selaras dengan keperluan dan kehendak masyarakat Dunia abad ke-21. Rentetan itu, kini dapat dilihat penggunaan multimedia dan teknologi maklumat menguasai kehidupan masyarakat umumnya melalui moto dunia tanpa sempadan. Subjek Pendidikan Islam yang bersumberkan Al-Quran dan Hadis tidak boleh diubah rujukannya, namun gaya penyampaian dan persembahan isi kandungannya boleh diinovasikan bersesuaian dengan kemahiran guru dan pengetahuan murid. Hal ini berkaitan juga dengan Guru Pendidikan Islam di MRSM yang dikaitkan dengan tahap pengetahuan dan kesediaan terhadap penggunaan multimedia dalam pengajaran yang perlu diberi perhatian. (Maimun et. al. 2017).

Sehubungan itu, kualiti guru bukan sahaja diukur dari segi cemerlangnya aktiviti pengurusan malahan juga perlu mengambil kira sikap mereka dari semasa ke semasa di sekolah. Oleh itu, aspek kepedulian kerja guru perlu diberi perhatian oleh Majlis Amanah MARA (MAR) agar kesanggupan guru-guru dalam melaksanakan inovasi dalam pendidikan yang dilakukan di sekolah. Lebih-lebih lagi, kesedaran tentang norma-norma budaya yang ada di MRSM memudahkan MARA menyediakan latihan ataupun tindakan susulan bagi memudahkan guru-guru berhadapan dengan dimensi kepelbagaian seperti pelbagai generasi termasuk generasi 'Y' yang boleh memberi faedah kepada kemajuan sekolah dengan menggunakan perbezaan ini sebagai kelebihan untuk penambahbaikan sistem di sekolah tersebut. Walau bagaimanapun, hal ini juga boleh membawa kepada berlakunya konflik, salah faham, ketegangan dan menyebabkan produktiviti menurun. Perkara ini akan memberi kesan kepada kualiti guru dan seterusnya akan memberi kesan kepada keberkesanan sekolah tersebut (Spence, 2011). Situasi ini juga mungkin berlaku di MRSM kerana di MRSM juga terdiri daripada 70 peratus guru dalam kalangan generasi 'Y' (Bahagian Pendidikan Menengah MAR, 2018).

Latar Belakang Kajian

MARA prihatin dalam menyediakan sistem pendidikan menengah berasaskan sains dan teknologi kepada bumiputera di lima puluh empat (54) buah MRSM di seluruh Malaysia (Data Korporat MAR, Mac 2019). Pelbagai program yang ditawarkan di MRSM iaitu Program ICCSE, Program IB MYP, Program Ulul Albab, Program Teknikal, Program Premier dan Program PKP. Selaras dengan perkembangan ini berbagai-bagai usaha telah dilaksanakan oleh MARA untuk membina modal insan guru berkualiti dengan hasrat ilmu dan kemahiran yang dikuasai guru dapat digunakan dalam membina masyarakat yang berilmu. Perubahan-perubahan yang dilaksanakan ini juga akan memberi impak kepada amalan dan penerimaan guru-guru terutamanya dalam aspek tugas, kurikulum dan pentaksiran.

Kepedulian kerja guru di MRSM dapat meningkatkan daya saing terutama menerusi bidang pendidikan. Daya saing sesebuah negara sangat berkait rapat dengan keupayaan

sistem pendidikan bagi melahirkan modal insan yang kreatif dan inovatif, peningkatan elemen kreativiti dan inovasi dalam pendidikan. MARA juga mementingkan perkembangan bakat dan kebolehan yang wajar dipertingkatkan secara berterusan melalui idea kreatif dan inovatif serentak dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam menyediakan perkhidmatan pendidikan terbaik serta meninggikan tahap pendidikan rakyat di negara ini. Pelan tersebut bersesuaian dengan visi MRSM iaitu menjadikan MRSM sebagai pusat kecemerlangan pendidikan yang inovatif dan bertaraf dunia. Hasrat pendidikan di MRSM ini, jelas menunjukkan betapa hebatnya cabaran guru dalam menjadikan suasana pengajaran dan pembelajaran lebih dinamik dalam menghasilkan masyarakat yang berdaya maju. Selaras dengan itu, bagi merealisasikan hasrat negara, MARA telah mewujudkan persekitaran akademik yang selamat supaya guru berasa selesa dan dapat melaksanakan inovasi pendidikan dengan baik dan berkualliti. Walau bagaimanapun, budaya yang menyokong kepada perubahan perlu diamalkan dalam kalangan guru sekiranya inginkan perubahan paradigma guru dan organisasi berlaku. Perubahan ini wajar mengambil kira cabaran, kebebasan, sumber, kolaboratif, dan juga pertolongan pemimpin dan organisasi.

Amalan Norma-Norma Budaya Terhadap Kepedulian Kerja Guru

Norma-Norma Budaya

Norma boleh mempengaruhi tingkahlaku seseorang secara langsung. Hal ini kerana norma adalah lebih nyata jika dibandingkan dengan nilai dan andaian atau abstrak; akibatnya norma bertujuan untuk membantu seseorang memahami aspek kitaran organisasi. Sekiranya hendak mengubah tingkahlaku organisasi maka adalah penting jika mengenal pasti dan memahami norma-norma budaya. Norma juga mempunyai hubungan dengan seseorang melalui penceritaan dan contoh yang baik berkaitan dengan kehendak organisasi. Kadang-kala penceritaan tentang seseorang direka bagi menguatkan norma-norma asas sesuatu organisasi. Contohnya, sokongan dalam organisasi, cara berkomunikasi, menyelesaikan konflik dan kepentingan diri. Menurut Hoy dan Miskel (2005), norma budaya wajar dikuatkuasa dan disokong; kegagalan seseorang untuk menyesuaikan diri dengan norma akan mengakibatkan tindakan diambil terhadap ahli-ahli dalam sesuatu kumpulan itu.

Malah Schein (1992) juga menjelaskan bahawa budaya wujud daripada tiga sumber iaitu kepercayaan, nilai dan andaian daripada pengasas organisasi, pengalaman dari pembelajaran ahli kumpulan apabila organisasi berkembang; dan kepercayaan baharu, nilai dan andaian yang dibawa ahli dan pemimpin baru. Beliau juga menyatakan antara sumber yang boleh dikaji secara kuantitatif ialah norma budaya.

Apabila norma budaya sekolah itu kuat maka peningkatan amalan pengajaran dan pembelajaran adalah amat signifikan dan begitu sebaliknya jika norma yang lemah maka peningkatan amat perlahan (Saphier & King, 1985). Mereka juga memberi cadangan bahawa dua belas norma-norma budaya yang memberi kesan kepada peningkatan sekolah seperti keserakanan, pengujian, jangkaan yang tinggi, kepercayaan dan keyakinan, sokongan yang nyata, pencapaian asas pengetahuan, penghargaan dan pengiktirafan, mengambil berat, keramaian serta jenaka, penglibatan dalam membuat keputusan, memelihara kepentingan, tradisi dan jujur, serta komunikasi terbuka.

Bagi Schweiker-Marra (1995) terdapat enam iaitu norma bagi budaya sekolah didapati mempunyai hubungan antara satu sama lain, iaitu guru-guru dan pentadbir mempamerkan perkara yang harus dilakukan untuk bekerja secara berkesan. Menurut beliau, kejayaan ini dapat dilakukan dengan mempromosikan penghargaan dan bertanggungjawab sepanjang pembentukan budaya. Hal ini juga termasuk tanggungjawab bersama-sama dalam

membuat keputusan terutamanya pihak pentadbir. Mereka perlu berterusan mengingatkan setiap orang harus memainkan peranan dalam membangunkan budaya penyayang, meraikan dan ada unsur jenaka.

Kajian Sagor (1996) menambah dua lagi norma dalam kajian Saphier dan King (1985) serta Schweiker-Marra (1995) iaitu penghargaan kepimpinan dan kejelasan matlamat sekolah. Sebanyak empat belas norma budaya yang dibangunkan oleh Sagor (1996) yang mempunyai kesan terhadap budaya sekolah. Penjelasan bagi setiap empat belas norma adalah seperti berikut:

- a. **Keserakanan**
Takrifannya sebagai kolaborasi profesional dalam isu pendidikan. Hal ini juga menerangkan kepada keadaan ketika kakitangan profesional saling membantu. Setiap mereka mempunyai keperluan, keistimewaan dan kemahiran yang berlainan untuk dikongsi bersama-sama.
- b. **Pengujian**
Takrifannya sebagai keinginan untuk meneroka perkara baharu. Perkara utama di sekolah adalah bagi mencari lebih banyak cara terbaik dalam pengajaran dan pembelajaran agar pencapaian akademik pelajar dapat ditingkatkan.
- c. **Jangkaan yang tinggi**
Takrifannya sebagai anjakan terhadap prestasi pelajar dan guru. Pentadbir dan guru-guru bertanggungjawab terhadap pencapaian prestasi yang tinggi melalui penilaian. Dalam hal ini, dorongan dalam pembangunan profesional adalah sebahagian daripada kejayaan organisasi.
- d. **Kepercayaan dan Keyakinan**
Di sekolah adalah wajar untuk meresap dalam hati tentang perkara yang dilakukan oleh seseorang adalah betul. Hal ini perlu bagi pentadbir dan guru-guru merasakan bahawa wujudnya kepercayaan komuniti terhadap penilaian dan komitmen profesional dalam meningkatkan sekolah.
- e. **Sokongan yang nyata**
Hal ini merujuk kepada perasaan terhadap sekolah bahawa setiap orang akan menolong dari aspek masa, pelbagai sumber, kewangan dan bantuan bahan dalam pengajaran dan pembelajaran.
- f. **Pencapaian asas pengetahuan**
Guru-guru dan warga sekolah menggunakan penyelidikan, jurnal serta menghadiri bengkel dan ceramah untuk meningkatkan pengetahuan asas. Rakan sekerja dan penyelia akan membantu guru-guru dalam aspek arahan dan kawalan.
- g. **Penghargaan dan Pengiktirafan**
Penghargaan dan pengiktirafan secara berterusan terhadap kualiti pencapaian akademik pelajar serta usaha gigih guru-guru.
- h. **Mengambil berat, Keramaian dan Kecindan**
Merayakan hari kelahiran dan mengadakan pertemuan khas pada masa atau selepas masa sekolah.
- i. **Penglibatan dalam membuat keputusan**
Kepimpinan adalah kewajiban bersama-sama antara guru-guru dan pemimpin sekolah.
- j. **Matlamat yang jelas**
Setiap orang harus sedar faham misi dan visi sekolah. Harus dimaklumkan kepada semua warga sekolah.

- k. Memelihara kepentingan**
Menentukan perancangan dan masa intruksional bagi setiap ahli dalam organisasi dijaga dengan teliti.
- l. Penglibatan pemegang amanah dalam membuat keputusan**
Guru-guru terbabit dalam membuat keputusan terutama hal yang menimbulkan kesan terhadap mereka.
- m. Tradisi**
Sekolah perlu ada *ritual* dan aktiviti yang dapat menolong dan menyokong teras nilai sekolah.
- n. Jujur dan komunikasi terbuka**
Guru-guru dan pemimpin sekolah boleh berbincang secara terus tentang berbagai-bagai isu. Tidak wujud rasa terancam, renggang hubungan atau menjatuhkan keyakinan diri seseorang apabila tidak setuju dalam sesuatu perkara.

Budaya yang memberi fokus kepada pembelajaran akan meningkatkan kolaboratif, persekitaran kerja dan keserakanan yang terdedah kepada perubahan akan menunjukkan keinsafan untuk belajar (McCullough, 1999). Kajian yang dijalankan oleh Hayes (2007) iaitu budaya yang berfokuskan pengajaran dan pembelajaran juga memakai kriteria norma-norma budaya seperti kolaborasi, keserakanan dan efikasi guru. Dalam pada itu, untuk memberi faedah kepada sesuatu organisasi maka perlu ada rasa hormat dalam kemampuan membangunkan perhubungan manusia (Fullan, 2001). Kehendak individu perlu dikaitkan dengan yang lain bagi membentuk satu sistem hubungan iaitu setiap orang perlu menyokong dan melihat sistem yang telah dicipta (Wheatley, 2005). Sekolah ialah sistem yang dinamik yang perlu diurus serta memantapkan hubungannya kerana tiada organisasi yang diurus secara individu. Organisasi memiliki kemampuan untuk menghasilkan struktur, menentukan arah komunikasi, menentukan nilai dan erti kehidupan serta pembentukan sikap.

Dalam kajian ini, pengkaji akan mengenal pasti norma-norma budaya yang membantu kepada kepedulian kerja guru terutamanya apabila berhadapan dengan amalan dan perubahan yang dibawa di sekolah. Hal ini berkaitan dengan norma-norma budaya yang terdiri daripada kolaboratif profesional, hubungan keserakanan dan keyakinan diri.

Kolaboratif profesional adalah suatu proses berterusan iaitu guru yang mempunyai pelbagai kepakaran dengan hati yang ikhlas bekerjasama bagi mewujudkan penyelesaian. Keserakanan pula ialah cara rakan sekerja dalam organisasi berinteraksi antara satu sama lain (Wagner, 2003; Marzano, 2005; Schmoker, 2006). Oleh itu, iklim organisasi merupakan suatu kolektif personaliti individu di sekolah yang berdasarkan interaksi antara individu ketika mereka menyelesaikan masalah yang menghalang kemajuan sekolah (Deal & Kennedy, 1983). Keserakanan dan kolaboratif profesional memberi sumbangan agar berlakunya hubungan baik yang membolehkan guru-guru menjadi sebahagian daripada kumpulan sewaktu membuat keputusan dan mencipta kejayaan kumpulan (DuFour, 2005). Bagi Paterson (2002) pula asas perubahan dan peningkatan komunikasi diwujudkan apabila pemimpin mengamalkan budaya kolaboratif dan keserakanan di sekolah. Kolaboratif profesional akan berlaku apabila pemimpin menentukan dan memajukan bakat yang terdapat dalam organisasi (Schmoker, 2006). Perkara ini dapat disaksikan dalam empat sifat kejayaan kolaboratif profesional iaitu; mendorong dan memudahkan kajian berkaitan pengajaran dan pembelajaran; mengamalkan latihan hubungan dalam kalangan guru; menggunakan kajian instruksional untuk menghasilkan keputusan; dan penggunaan pembelajaran dewasa bagi meningkat perbezaan usaha peningkatan sekolah (Joseph Blase, & Jo Blase, 1999). Sementara Marzano (2005) mengenal pasti tiga kriteria spesifik tentang kolaboratif profesional iaitu menunjukkan organisasi kepada kajian semasa, membanyakk

perbincangan profesional dan membangunkan perhubungan yang secara keseluruhan akan mempengaruhi prestasi sekolah. Hasil daripada beberapa kajian tentang kolaboratif profesional mendapati wujudnya ikatan kukuh antara satu sama lain (Fullan, 2001), pemimpin perlu bergantung kepada pembentukan perhubungan yang kuat antara kakitangan bagi menghasilkan perubahan dalam organisasi (Kotter, 1996; Bennis, 2003; Kouzes & Posner, 2003).

Seterusnya, pemimpin yang berjaya akan dapat mengekalkan usaha organisasi untuk mencapai kehendak kejayaan (Fullan, 2001). Beberapa kajian berulang kali menyatakan perhubungan antara keserakanan dan kolaborasi dengan dapatan positif sekolah (Marzano, 2005; DuFour *et al.*, 2005; Reeves, 2006). Kajian Peterson (2002) tentang budaya sekolah mendapati kejayaan mudah terjadi apabila guru-guru bekerjasama untuk peningkatan sekolah. Begitu juga budaya yang positif berkenaan dengan kepercayaan, kepimpinan dan perpaduan sosial (Cunningham, 2003). Secara keseluruhan, norma-norma seperti kolaboratif profesional dan hubungan keserakanan di sekolah adalah bagi memudahkan tingkahlaku yang menyokong peningkatan pembelajaran pelajar (Deal & Peterson, 1999; DuFour *et al.*, 2005). Bagi Peterson (2002) pula, lebih banyak penyelesaian masalah yang kompleks dan perkongsian pengetahuan, pengukuhan jaringan profesional, meningkatnya risiko dan pengujian, meningkatnya kepuasan kerja dan lebih banyak usaha komprehensif peningkatan pelajar. Selain daripada kolaboratif profesional dan keserakanan, keyakinan diri guru juga boleh mempengaruhi organisasi kerana guru yang mempunyai tinggi tahap efikasi maka mempunyai jangkaan yang tinggi terhadap prestasi pelajar (DuFour & Esker, 2005). Ada juga dapatan kajian yang menunjukkan kesejahteraan hidup, keserakanan dan kesejahteraan di tempat kerja adalah secara signifikan mempengaruhi efikasi guru secara kolektif (Yusni Zaini, 2015).

Oleh itu, kajian ini akan memberi penekanan kepada norma-norma budaya dalam kolaboratif profesional, keserakanan dan keyakinan diri bagi menghasilkan tingkahlaku guru-guru dalam berhadapan dengan isu-isu seperti amalan baharu dalam pembangunan pendidikan yang akhirnya akan memberi impak kepada penerimaan guru-guru dalam melaksanakan kerja di sekolah.

Rumusan daripada perbincangan tersebut menunjukkan norma-norma budaya merujuk kepada fenomena atau tindakan yang melibatkan aspek seperti kolaboratif profesional, keyakinan diri dan hubungan keserakanan yang dibentuk dengan tujuan untuk menyokong budaya ke arah mencapai sesuatu matlamat.

Kepedulian Kerja Guru

Pelaksanaan Pembelajaran Abad ke-21 memerlukan setiap guru perlu bertindak lebih kreatif dan inovatif bagi mewujudkan PdP berkesan di dalam bilik darjah (Norhailmi, 2017). Sesungguhnya pelajar masa kini yang berdepan dengan kecanggihan teknologi tanpa batas telah mencabar keupayaan guru supaya dapat menghasilkan kaedah PdP terkini berasaskan teknologi (Noor Aini, 2014). Sehubungan itu, BBM bersifat lebih kreatif dan inovatif juga wajar diwujudkan untuk meningkatkan kefahaman pelajar secara efektif berkaitan sesuatu topik yang diajar (Siti Fatimah & Ab. Halim 2010). Keseluruhan cabaran tersebut memerlukan pemikiran guru yang amat mendalam dan pendekatan baharu yang progresif. Pendekatan ini harus selalu didahului dengan penjelajahan yang mendahului percubaan dan tidak boleh semata-mata atas dasar cuba-cuba. Sehubungan itu, segala apa keperluan, idea, inovasi atau amalan baharu yang hendak dibawa di sekolah akan mengakibatkan sikap kepedulian guru dalam melaksanakan tugas mereka. Gagasan baharu sebagai hasil pemikiran haruslah mampu menghuraikan persoalan dalam segala masalah pendidikan. Gagasan dan pendekatan baharu yang memenuhi keputusan yang muktamad inilah yang dinamakan

inovasi pendidikan. Inovasi pendidikan adalah suatu perubahan yang baharu, dan kualitatif berlainan daripada sebelumnya, serta sengaja diusahakan untuk meningkatkan keupayaan bagi menghasilkan tujuan tertentu dalam pendidikan.

Sehubungan itu, Hall dan Hord (2011) menerangkan perubahan atau inovasi kurikulum merupakan satu proses dan bukannya satu peristiwa dalam pendidikan. Sebagai satu proses, pelaksanaan inovasi memerlukan pengguna mempelajari inovasi tersebut supaya mereka dapat melaksanakannya secara efektif. Kejayaan sesuatu perubahan atau inovasi kurikulum sangat berhubung rapat dengan cara perubahan atau inovasi yang telah dirangka untuk direalisasikan oleh guru di bilik darjah. Kebanyakan inovasi kurikulum yang telah diperkenalkan mengalami kegagalan kerana guru kurang peduli atau kurang informasi, pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan bagi melaksanakan sesuatu perubahan dengan berkesan (Anderson 2008). Di Malaysia, berbagai-bagai perubahan dan inovasi kurikulum telah diperkenalkan, namun laporan daripada kajian-kajian mendapati terdapat banyak kekurangan serta kelemahan di peringkat pelaksanaan. Contohnya hasil kajian oleh Umi Nadiha (2011) berkaitan penerapan kemahiran generik dalam kalangan guru bahasa Melayu memperlihatkan lima kemahiran, iaitu kemahiran beretika dan moral, kemahiran bekerja dalam kumpulan, kemahiran merancang dan mengendalikan aktiviti, dan kemahiran menyelesaikan masalah berada pada tahap tinggi dan kerap diamalkan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran. Manakala kemahiran penggunaan teknologi menunjukkan tahap sederhana dan kurang diamalkan berbanding dengan kemahiran yang lain. Malahan terdapat kelompangan atau jurang yang luas antara kurikulum yang dirangka dengan kurikulum yang dijalankan oleh guru di bilik darjah (Sharifah Nor Puteh 2011) mengakui bahawa perubahan atau reformasi kurikulum adalah sesuatu yang rapuh dan *transient*, oleh itu pemimpin pendidikan seharusnya mewujudkan berbagai-bagai program intervensi bagi membantu dan menyokong guru pelaksana.

Selain itu, menurut Roger (2003), inovasi merupakan idea, amalan atau projek yang dianggap baharu oleh seseorang atau lebih baik daripada yang lama. Inovasi adalah satu amalan dalam usaha untuk membawa perubahan sosial, tidak semestinya amalan itu sesuatu yang baharu tetapi kriteria adalah keberkesanan dan keupayaan pelaksanaannya. Walaupun demikian, terdapat banyak terminologi yang berbeza tentang inovasi dalam kajian (Garcia dan Calantone, 2002), inovasi pada asasnya adalah keinginan untuk mencari cara baharu (Grant, 2002), bukan hanya terhad pada perubahan teknologi walaupun sering dikaitkan dengan inovasi. Secara umum definisi inovasi adalah berkaitan dengan *change* (Tidd *et al.*, 2001). Apa-apa yang berkaitan dengan inovasi adalah suatu idea, kelihatan baharu, kejayaan aplikasi baharu, memodifikasikan idea, yang diamati atau dirasakan sebagai suatu yang baharu bagi seseorang atau kelompok masyarakat. Hal yang baharu itu dapat berupa hasil ciptaan atau penemuan, yang digunakan untuk mencapai tujuan tertentu atau untuk menyelesaikan sesuatu permasalahan (Oldman & Cummings, 1996).

Oleh itu, perubahan dalam sistem pendidikan dimulakan dengan guru yang berkualiti iaitu memiliki ciri-ciri peribadi yang unggul seperti sifat jati diri yang tinggi, inovatif, produktif, berkemahiran, berdaya saing, berdaya tahan dan kreatif. Hal ini bermakna, guru yang berinovasi akan sering menggunakan berbagai-bagai kaedah dan cara untuk menajamkan daya fikir, daya kreativiti dan daya tahan murid untuk menjadi mereka insan yang berdaya saing dan berakhlak mulia. Guru-guru telah pun menjalankan tugas mereka dalam melaksanakan PdP bagi menghasilkan tingkah laku dan pengalaman pelajar-pelajar. Selain itu, terdapat juga ketekunan guru-guru melaksanakan amalan baharu dalam pengajaran. Namun begitu menurut Sathiamoorthy (2010) kebanyakan inovasi yang diperkenalkan di organisasi seperti di sekolah kurang berjaya. Kajian beliau juga mengenal pasti bahawa wujudnya kepedulian mengurus dan penggunaan inovasi *integrase computer*

dalam kalangan guru-guru di Sekolah Bestari dan terdapatnya halangan dari segi latihan, sokongan, masa serta kekurangan kemahiran dan pengalaman. Guru diberi amanah untuk melahirkan pelajar cemerlang dan berkualiti tinggi melalui proses PdP yang berkesan. Guru harus memiliki kompetensi tinggi dalam melaksanakan tugas dengan mengetahui kandungan subjek, mahir dalam pedagogi, mendapat dari pelbagai sumber dan strategi pengajaran, berkemahiran teknologi dan komunikasi serta memiliki sikap dan personaliti yang positif.

Namun demikian, dalam usaha untuk melaksanakan sesuatu inovasi, wujudnya beberapa isu atau cabaran yang menjadi penghalang untuk berinovasi. Menurut Harvey (1990) dalam Habib Mat Som dan Megat Ahmad (2008) telah mengenal pasti beberapa halangan untuk melaksanakan perubahan:

- i. Kurang rasa kepunyaan: Guru-guru berpendapat perubahan yang dilakukan di sekolah sebagai perkara yang asing dan bukan idea mereka.
- ii. Tidak berfaedah: Guru-guru berpendapat amalan sedia ada tidak perlu kepada yang keterlaluan dan kurang yakin bahawa sesuatu inovasi itu akan memberi faedah, apatah lagi jika peranan dan fungsi guru hanya sebagai pemudah cara di dalam kelas.
- iii. Beban Bertambah: Guru mempunyai anggapan umum bahawa setiap perubahan adalah beban tugas dan apa yang dirancang itu akan banyak menimbulkan masalah terhadap tanggungjawab yang sedia ada.
- iv. Kurang sokongan pentadbiran: Kelancaran dalam menjalankan inovasi di sekolah tidak akan berjalan dengan lancar jika tiada sokongan daripada pemimpin sekolah dalam aspek kewangan, motivasi, pengiktirafan, alat bantuan pengajaran dan sikap birokrasi.
- v. Budaya Bersendirian: Budaya *Lone Ranger* terutama dalam usaha meningkatkan kurikulum akan menyebabkan sekolah hilang haluan dalam mencapai visi dan misi. Keadaan ini amat ketara apabila guru-guru bekerja secara bersendirian dan mereka akan mengelak untuk tidak melibatkan diri secara proaktif.
- vi. Terbeza tahap kemahiran dan pengetahuan: Perbezaan ini akan menghasilkan guru yang proaktif dan sebaliknya. Hal ini akan menyebabkan kurang kerjasama terhadap sesuatu inovasi.
- vii. Perubahan drastik: Pengenalan pada sesuatu kurikulum yang amat kerap dan drastik akan menjadikan guru-guru kurang bersedia dan mengambil masa untuk menguasainya.

Selain itu, beberapa inovasi kurikulum telah diperkenalkan dan dijalankan terutama pada proses pelaksanaan kurikulum (Berman & McLaughlin, 1978; Fullan, 1991). Namun begitu menurut Fullan (1991) kebanyakan usaha perkembangan kurikulum ini tidak dilaksanakan dan diamalkan. Berman dan McLaughlin (1978) juga mendapati hampir semua kajian yang dibuat untuk menerima program kurikulum bukan menjadi isu utama tetapi masalah utama ialah pelaksanaan terhadap kurikulum, penguasaan hasil dan kejayaan semua projek yang dikaji. Secara logiknya, tidak banyak idea yang telah berjaya dilaksanakan di dalam bilik darjah walaupun pelaksanaan kurikulum merupakan perkara dan matlamat yang penting dalam sistem pendidikan.

Begitu juga dengan kajian Kirkland dan Sutch (2009) yang menyenaraikan beberapa perkara seperti inovasi, sokongan, persekitaran, risiko, kepimpinan, perkongsian visi dan pengurusan perubahan sebagai perkara yang mempengaruhi amalan pendidikan juga telah

mengemukakan pendapatnya mengenai peluang-peluang bagi seseorang guru untuk melaksanakan inovasi. Bagi mencapai sesuatu dasar sistem perubahan, organisasi itu wajarlah memiliki sepuluh elemen untuk mendapat satu organisasi yang sihat. Elemen-elemen itu adalah matlamat yang jelas, kelengkapan komunikasi, samarata kuasa maksimum iaitu antara pentadbir dan guru-guru, penggunaan sumber-sumber secara optimum, guru yang menyayangi institusi dan rakan sejawat, semangat guru yang tinggi, inovatif, autonomi, adaptasi dan kelengkapan untuk menyelesaikan masalah. Selain itu, pelaksanaan kurikulum di bilik darjah tetap diuruskan oleh guru kerana guru ialah orang yang membuat keputusan ingin melaksanakan atau menghalang kurikulum tersebut (Anna Christina, 1989). Antara kajian yang dinyatakan oleh Baharudin Yacob (2003) yang mendapati guru telah mengubahsuaikan pelbagai aspek kurikulum yang dianggap tidak sesuai mengikut kemampuan sendiri. Beberapa faktor yang menyebabkan fenomena ini berlaku, antaranya adalah kurang sesuai aspek kandungan dan susah menerima perubahan (Franz & Enochs, 1982; Mumtaz, 2000; Jones, 2004); kelemahan dari aspek kepimpinan Instruksional (Fitch & Fisher, 1979); sikap guru dan perubahan amalan di bilik darjah (Koballa & Crawley, 1985; Hobban, 2002). Sementara itu Clark dan Peterson (1986) juga bersetuju bahawa proses pemikiran guru dikuasai oleh kehendak atau tuntutan kerja dan persepsi guru tentang tugas tersebut. Halangan dan peluang dikaitkan dengan tuntutan kerja seseorang guru.

Hal ini kerana pembangunan inovasi atau amalan baharu dalam pendidikan sukar diterima oleh guru. Selain itu, aspek pemahaman guru berkaitan konsep pemikiran aras tinggi amat berguna kerana ini akan mempengaruhi keberkesanan pembelajaran pelajar (Hasnah Isnon & Jamaludin Badusah, 2016). Sebaliknya terdapat banyak perbezaan antara perkara utama yang dilakukan di dalam bilik darjah dengan perkara yang dikehendaki oleh kurikulum (Sharifah Nor Puteh, 2011). Bagi meninggikan tahap pemikiran di dalam bilik darjah, guru wajar mempelbagaikan kaedah pengajaran agar pelajar lebih berminat untuk belajar. Pelbagai inovasi dalam pengajaran diamalkan dengan bertujuan untuk meningkatkan aras. Menurut Saemah dan Zamri (2017), dalam merancang dan melaksanakan kurikulum, tumpuan wajar diberi kepada pengembangan dan penguasaan kemahiran berfikir dan kemahiran belajar agar membolehkan pelajar menghasilkan keputusan dan menyelesaikan masalah secara logik dalam mengharungi dugaan hidup yang semakin kompleks. Hal ini bertepatan dengan kajian oleh Rahimah Ahmad (2017) yang mendapati guru bahasa Melayu masih tidak dapat menyesuaikan KBAT dalam proses PdP.

Dalam era pendidikan sekarang, organisasi sekolah sering berusaha untuk mencapai tumpuan sasaran dan mencari jalan penyelesaian yang dapat menyelesaikan semua pendekatan pengajaran dan pembelajaran (Bellah & Dyer, 2009), mendapati dalam bidang pendidikan tumpuannya membantu guru dan pelajar dalam pengetahuan dan sikap oleh Knobloch dan Martin (2000); Leising (2001) dan kajian tentang mengenal pasti halangan terhadap pelaksanaan kurikulum (Balschweid dan Thompson, 1998). Sudah pasti, kepimpinan sekolah iaitu pengetua, penolong pengetua, ketua jabatan akademik dan guru kanan subjek yang akan menentukan kesuburan budaya yang berinovatif. Hal ini adalah kerana pemimpin sekolah menjadi sebagai agen perubahan atau penggerak *innovator* iaitu mengenal pasti sifat-sifat yang menghalang inovasi, gelagat organisasi sekolah yang menolak perubahan dan juga sikap kepimpinan guru (Nisbet & Collins, 1978).

Berdasarkan sorotan-sorotan kajian di atas, kepedulian kerja guru dalam kajian ini merangkumi tahap Kepedulian Diri, Kepedulian Tugas dan Kepedulian Impak dalam melaksanakan sebarang perubahan atau amalan baharu sama ada melibatkan kerja akademik dan bukan akademik di MRSM.

Rumusan

Kefahaman berkenaan kewujudan amalan norma-norma terhadap kepedulian kerja guru amat penting bagi memastikan MRSM di bawah kelolaan agensi MARA yang menjadi peneraju pendidikan menengah yang unggul di Malaysia. Hal ini perlu kerana sumber manusia merupakan elemen penting sebagai penggerak kepada apa jua agenda yang ingin dicapai oleh agensi ini. Perubahan dalam sistem pendidikan dimulakan dengan guru yang berkualiti iaitu memiliki ciri-ciri peribadi yang unggul seperti sifat jati diri yang tinggi, inovatif, produktif, berkemahiran, berdaya saing, berdaya tahan dan kreatif. Norma-norma budaya dalam kolaboratif profesional, keserakanan dan keyakinan diri bagi menghasilkan tingkahlaku guru-guru dalam berhadapan dengan isu-isu seperti amalan baharu dalam pembangunan pendidikan yang akhirnya akan memberi impak kepada penerimaan guru-guru dalam melaksanakan kerja di sekolah.

Rumusan daripada perbincangan tersebut menunjukkan norma-norma budaya merujuk kepada fenomena atau tindakan yang melibatkan aspek seperti kolaboratif profesional, keyakinan diri dan hubungan keserakanan yang dibentuk dengan tujuan untuk menyokong budaya ke arah mencapai sesuatu matlamat. Hal ini bermakna, guru yang berinovasi akan sering menggunakan berbagai-bagai kaedah dan cara untuk menajamkan daya fikir, daya kreativiti dan daya tahan murid untuk menjadi mereka insan yang berdaya saing dan berakhlak mulia. Guru-guru telah pun menjalankan tugas mereka dalam melaksanakan PdP bagi menghasilkan tingkah laku dan pengalaman pelajar-pelajar. Selain itu, terdapat juga ketekunan guru-guru melaksanakan amalan baharu dalam pengajaran. Kajian ini diharap dapat memberi input terkini kepada pihak MARA agar dapat merancang pelan strategik berkesan berkaitan sumber manusia pada masa akan datang. Dengan input sebegini diharap agensi ini berjaya melonjak ke hadapan untuk memastikan MARA sebagai organisasi yang penting dalam menjunjung aspirasi Amanah Rakyat khasnya kepada masyarakat bumiputera di Malaysia.

Rujukan

- Anderson, K.D. (2008). *Transformational Teacher Leadership in Rural Schools*. The Rural Educator: Spring 29, 3 Proquest Education Journal.
- Anna Christina Abdullah. (1989). *Kepercayaan Guru Terhadap Peranan Mereka Dalam Proses Perkembangan Kurikulum*. Unpublished M.Ed. Dissertation, Universiti Sains Malaysia.
- Baharudin Yaacob. (2003). *Pemikiran Guru Terhadap Hasrat dan Pelaksanaan Inovasi Kurikulum di Maktab Perguruan: Satu Kajian Kes*, *Jurnal Penyelidikan MPAH*, 7.
- Balschweid, Mark A.; Thompson, Greg W.; Cole, R. L. 1998. The Effects of an Agricultural Literacy Treatment on Participating K-12 Teachers and Their Curricula.
- Bellah, K.A. & Dyer, J.E. (2009). Attitudes and Stages of Concern of elementary as A Context for Teaching Across Grade Level Context Area Standard. *Journal of Agriculture Education*, 50(2), 12-55.
- Bennis, W. (2003). *On becoming a leader*. Cambridge, MA : Perseus Pub
- Berman, P. and McLaughlin, M.W. 1978. *Federal Programs Supporting Educational Change, Vol 8, Implementing and Sustaining Innovation*, Santa Monica, CA Rand Corporation.
- Cunningham, B. (2003). A study of the relationship between school culture and student achievement. Unpublished doctoral dissertation, university of central Florida.
- Deal, T.E. and Kennedy, A.A. (1983). Culture and social performance, *Educational Leadership*, 40(5)14-15.
- Deal, T.E. and Peterson, K.D. (1999). *Shaping school culture: The heart of leadership*. San Francisco: Jossey-Bass.
- DuFour, R., Esker, R. (2005). *Whatever it takes: How professional learning communities respond when kids don't learn*. Bloomington, IN: Solution Tree.
- Franz and Enochs, L.G. (1982). Elementary school science: state certification requirements in science and their implications. *Science education*, 66, 287-292.
- Fullan, M. 1991. *The new meaning of educational change*. New York: Teacher's College
- Fullan, M. 2001. *The new meaning of educational change (3rd ed.)*. New York: Teachers College Press.

- Garcia, R., and Calantone, R. (2002). A critical look at technological innovation typology and innovativeness terminology: a literature review. *The Journal of Product Innovation Management* 19, 110-132
- Habib Mat Som, Megat Ahmad Kamaluddin Megat Daud. (2008). Globalisasi dan Cabaran Pendidikan di Malaysia, *Masalah Pendidikan*, 31(1), 91-101.
- Hall, G.E., & Hord, S.E. (2011). *Implementing change: Patterns, principles and potholes (3rd ed)*. Upper Saddle River, NJ : Person
- Hasnah Isnong & Jamaludin Badusah. (2016). Kompetensi Guru Bahasa Melayu Dalam Menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (JPBM)*, 7(1), 56-65.
- Hayes, C.J. (2007). *Leading a learning-centered culture: Collaboration, collegiality, teacher efficacy, and parent engagement*
- Hoy, W.K. and Miskel, C.G. (2005). *Educational administration: Theory, research, and practice (7th ed.)*. New York: McGraw Hill.
- Jones, A. (2004). *A review of the Research Literature on Barriers to the Uptake of ICT by Teachers*. Becta.
- Joseph Blase, Jo Blasé. (1999). *Principals' Instructional Leadership and Teacher Development: Teachers' Perspectives*. First Published
- Kirkland K & Sutch. D. (2009). *Overcoming the Barriers to Educational Innovation A Literature Review*. www.futurelab.org.uk
- Knobloch, N.A. & Martin, R.A. (2000). Agricultural awareness activities and their integration into the curriculum as perceived by elementary teachers. *Journal of Agricultural Education*, 41(4), 15-26.
- Kotter, J. (1996). *Leading Change*. Boston: Harvard Business School.
- Kouzes, J.M. & Posner, B.Z. (2003). *The Leadership Challenge*, San Francisco: Jossey- Bass.
- Lancaster & Stillman. (2003). *When Generations Collide: Who They Are, Why They Clash. How to Solve The Generational Puzzle at Work*. Harper Collins.
- Leising, J.G., Pense, S.L., & Igo, C.G. (2001). An assessment of students agricultural literacy knowledge based on the food and fiber systems literacy framework. Proceedings of the 28th Annual National Agricultural Education Research Conference, New Orleans, LA, 259- 268.
- Maimun Aqsha Lubis, Wan Nurul Syuhada, Mohd Isa Hamzah. (2017). Tahap Pengetahuan dan Kesiapan Guru-Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Selangor Terhadap Penggunaan Multimedia Dalam Pengajaran Pendidikan Islam. *Asean Comparative Education Research Journal On Islam and Civilization(ACER-J)*, 1(1), 1-13.
- Marzano, R.J. & McNulty, B. (2005). *School Leadership That Works: From Research to Results*. Alexandria, VA: Association of Curriculum and Development.
- McCullough. (1999). Research on religion-accomodative counseling: review and meta-analysis. *Journal of Counseling Psychology*. 46(1), 92-98
- Mumtaz, S. (2000). Factors affecting teachers' use of information and communications technology: A review of the literature. *Journal of information Technology for Teacher Education*, 9(3), 319-341
- Nisbet, R. I., & Collins, J. M. (1978). Barriers and Resistance to Innovation. *Australian Journal of Teacher Education*, 3(1).
- Noor Aini Ahmad. (2014). Mengintergrasi teknologi komunikasi dan maklumat sebagai media pengajaran bahasa dalam kalangan kanak-kanak awal umur. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4,36-43.
- Norhailmi Abdul Mutalib. (2017). *Pembelajaran Abad Ke-21 Bukan Sekadar Susun Kerusi dan Meja*. Perlis: Percetakan Perlis (1990) Sdn.Bhd.
- Oldman, R., & Cummings, A. (1996). Employee Creativity: Personel and contextual factor at work. *Academy of Management Journal*, 39, 607-634
- Paterson, D. (2002). Teachers' In-Flight. *Thinking In Inclusive Classrooms*, 40(5).
- Rahimah Ahmad. (2017). *Penerapan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran karangan guru Bahasa Melayu sekolah berprestasi tinggi: Satu kajian kes*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Reeves, D. (2006). *The Learning Leader: how to focus improvements for better results*. Alexandria, VA: Association of Supervision and Curriculum Development.
- Roger, E.M. (2003). *Diffusion of innovations*. 5th Ed. New York: The Free Press.
- Saemah Rahman & Zamri Mahamod. (2017). *Inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran: Mengoptimumkan pembelajaran pelajar*. (Pnyt.). Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Sagor, R. (1996). *Local control and accountability: How to get it, keep it, and improve school performance*. Thousand Oaks, CA: Corwin Press.
- Saphier, J., & King, N. (1985). Good seeds grow in strong cultures. *Educational Leadership*, 42(6), 67-74.
- Sathiamoorthy Kaannan. (2010). Pelaksanaan Inovasi daripada perspektif Keprihatinan dan Penggunaan. In Shahril Marzuki, Rahimah Ahmad, & Hussein Ahmad (Eds.) *Kepimpinan Pengetua: Menjana Modal Insan di Sekolah Berkesan* (233 - 263). Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Schein, E.H. (1992). *Organizational culture and leadership: A dynamic view*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Schmoker, M. (2006). *Results Now: How we Can Achieve Unprecedented Improvements in Teaching and Learning*. Alexandria, VA: Association of Supervision and Curriculum Development.
- Schweiker-Marra, K. (1995). *The principal's role in effecting a change in school culture*. Paper presented at the annual meeting of the Eastern Educational Research Association, Hilton Head, SC
- Sharifah Nor Puteh. (2011). Pendekatan Bermain dalam Pengajaran Bahasa dan Literasi bagi Pendidikan Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 1(2), 1-15
- Spencer, W.R. 2011. *Innovation: the communication of change in ideas, practices and products*. London: Chapman & Hall.
- Tapscott. (2008). *Grown Up Digital: How the Net Generation is Changing Your world*. McGraw Hill Professional
- Tidd, J., Bessant, J. & Pavitt, K. (2001). *Managing innovation integrating technological*
- Umi Nadiha Mohd Nor. (2011). Penerapan Kemahiran Generik Dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(2), 71-84.
- Wagner, C. (2003). *School Culture Assessment, a Manual for Assessing and Transforming School-Classroom Culture*. Vancouver, Canada: Mitchell Press.
- Wheatley, K.F. (2005). The case for reconceptualizing teacher efficacy research. *Teaching and Teacher Education*, 21, 747-766
- Yusni Zaini Yusof. (2015). Pemodelan Hubungan Di Antara Kesejahteraan Hidup Guru, Keserakanan Dan Kesejahteraan Guru Di Tempat Kerja Dengan Efikasi Guru Secara Kolektif. Tesis PhD. UUM Sintok

KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN MODUL MY TAPS DALAM KELANCARAN PENGURUSAN KELAS PRASEKOLAH

Siti Rohana binti Salleh

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menilai kesahan dan kebolehpercayaan Modul Transisi Awal Prasekolah (My TAPS). Pembangunan modul ini menggunakan Kajian Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR). Modul ini terdiri daripada 13 aktiviti berbentuk nyanyian berkaitan penerapan kemahiran sosioemosi kanak-kanak prasekolah. Kandungan utama modul ini terdiri daripada lima konstruk dalam Teori Kecerdasan Emosi, oleh Goleman iaitu Kesedaran Kendiri, Pengurusan Diri, Motivasi Diri, Empati dan Pengurusan Sosial. Selain itu kombinasi Teori Pembelajaran Sosial oleh Bandura dan perancah *Scaffolding* oleh Vygotsky menjadikan kandungan modul ini lebih mantap sesuai dengan pendekatan pengajaran yang digunakan. Draf modul kajian ini telah dibangunkan berdasarkan dapatan kajian analisis keperluan, gabungan teori dan analisis Tunjang Keterampilan Diri dalam dokumen Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, KSPK (semakan 2017). Draf modul telah disemak oleh sepuluh pakar untuk kesahan kandungan berdasarkan Rusell (1974) dan menunjukkan nilai sebanyak 90.0. Manakala kebolehpercayaan modul menunjukkan nilai Alpha Croanbach's sebanyak 0.98. Dapatan ini menunjukkan modul ini sesuai digunapakai oleh guru dalam pengajaran Tunjang Keterampilan Diri selain membantu kanak-kanak prasekolah menguasai kemahiran sosioemosi dengan lebih berkesan. Kaedah nyanyian yang digunakan dalam modul ini berupaya membantu guru supaya pengurusan kelas menjadi lebih lancar

Kata Kunci : Kesahan, Kebolehpercayaan, Pembangunan Modul, Prasekolah, Sosioemosi

Pengenalan

Kali pertama kanak-kanak memulakan persekolahan banyak kemahiran baru berkaitan sosioemosi yang perlu dipelajari antaranya seperti kemahiran mengikut giliran, berkongsi alatan, mengemas alatan sendiri, bersapaan dengan guru dan rakan, mengucapkan salam dan terima kasih, memohon maaf, meminta izin dan banyak lagi. Kesemua kemahiran ini perlu diperkenalkan oleh guru melalui Tunjang Keterampilan Diri dalam Kurikulum Prasekolah. Walau bagaimana dengan adanya modul My TAPS, guru tidak perlu mengambil masa yang lama untuk memperkenalkan kemahiran baru ini. Ini kerana kemahiran-kemahiran ini dapat dipelajari dengan mudah melalui kaedah nyanyian secara 'sebut dan ikut' yang diperkenalkan melalui Modul My TAPS. Sebagaimana menurut Erikson(1968) kanak-kanak berusia dalam lingkungan usia tiga hingga enam tahun lebih cepat belajar, cepat bertindak, mempunyai inisiatif diri, sangat peka, mudah merasa malu dan merasa bersalah. Oleh itu, kemahiran sosioemosi sesuai diterapkan dalam diri kanak-kanak semasa transisi ke prasekolah bagi memudahkan tugas guru dalam pengajaran seterusnya.

Kenyataan Masalah

Ketika transisi atau kali pertama kanak-kanak memulakan persekolahan banyak kemahiran baru yang perlu dipelajari terutama kemahiran mengurus diri dan tingkah laku. Kanak-kanak mungkin mengalami cabaran akademik, sosial dan emosi dalam tempoh transisi. Kegagalan untuk menangani secara berkesan dengan cabaran itu boleh membawa kesan kepada kehidupan seterusnya. (UCLA, 2003). Selain itu, kadar kebimbangan, keganasan, masalah

rakan sebaya, tekanan, gangguan tingkah laku, kemurungan, dan keciciran sekolah semakin meningkat dalam kalangan kanak-kanak (Napoli, Krech & Holley, 2005; Schonert-Reichl & Lawlor, 2010; Maras, Thompson, Lewis & Thornburg, 2015). Hal ini merupakan satu perkara serius yang berlaku dalam kalangan kanak-kanak pada hari ini dan perlu diberi perhatian. Keadaan ini berlaku disebabkan kanak-kanak yang memulakan persekolahan pada hari ini tidak mempunyai kemahiran sosioemosi dan memerlukan pengajaran khas berkaitan kemahiran tersebut (Shore, 2014). Ini kerana kanak-kanak yang mempunyai tahap kemahiran sosioemosi yang tinggi mampu membina suasana pembelajaran yang baik seperti mengikuti arahan, memberi perhatian dan mendengar, mampu menyelesaikan sesuatu masalah dan sabar (Denham, 2006). Menurut Goleman (1995) kecerdasan emosi hanyalah sebahagian daripada penyebab untuk kejayaan hidup, sebaliknya kemahiran sosial dan emosi merupakan penyebab utama untuk kesejahteraan dan kejayaan hidup berbanding akademik. Maka kajian ini bertujuan membangunkan sebuah modul berasaskan nyanyian bagi penerapan kemahiran sosioemosi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah.

Draf modul yang telah siap telah dinilai kesahan dan kebolehpercayaan berdasarkan objektif kajian seperti berikut:

1. Menentukan nilai kesahan kandungan Modul My TAPS
2. Menentukan nilai kebolehpercayaan Modul My TAPS.

Metodologi

Kajian ini bertujuan menguji kesahan dan kebolehpercayaan draf modul yang dibina. Seramai sepuluh orang panel dipilih berdasarkan kepakaran mereka dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan Pembangunan Modul. Kesahan kandungan Modul My TAPS dilakukan melalui dua kaedah iaitu: a) kesahan dari segi objektif setiap aktiviti berdasarkan Jamaludin (2001) dan b) Kesahan kandungan modul berdasarkan Russell (1974). Data dikumpul melalui borang soalselidik berbentuk skala Likert lima mata iaitu: sangat tidak bersetuju (1), tidak setuju (2), tidak pasti (3), setuju (4) dan sangat setuju (5). Setiap pakar yang terlibat dikehendaki menilai draf modul yang dibekalkan secara pos bersama soalselidik kesahan kandungan aktiviti modul oleh Jamaludin (2001) dan kesahan kandungan aktiviti modul secara Rusell (1974). Menurut Sidek dan Jamaludin (2005), sesebuah modul itu mempunyai kesahan kandungan yang tinggi apabila memperoleh nilai 70% dan dianggap telah menguasai atau mencapai tahap pencapaian yang tinggi. Bagi menentukan tahap kesahan kandungan modul, jumlah skor yang telah diisi oleh pakar (x) akan dibahagikan dengan jumlah skor sebenar (y) dan didarabkan dengan seratus mengikut formula seperti berikut:

$$\frac{\text{Jumlah Skor Pakar}}{\text{Skor Maksimum (25)}} \times 100\% = \text{Tahap Penguasaan Kesahan Kandungan}$$

Kebolehpercayaan modul pula ditentukan berdasarkan penilaian pengguna modul ke atas objektif-objektif pembelajaran yang perlu dicapai. Pengkaji telah menggunakan soal selidik yang dibina berdasarkan objektif setiap aktiviti bagi menilai pekali kebolehpercayaan modul berdasarkan Jamaludin Ahmad dan Sidek Mohd Noah (2001) yang mengandungi 39 item

yang terdiri daripada soalan-soalan objektif aktiviti modul. Soal selidik ini menggunakan skala Likert lima mata iaitu: 1=sangat tidak setuju, 2=tidak setuju, 3=tidak pasti, 4=setuju dan 5= sangat setuju. Pemilihan berkenaan dibuat atas dasar pencapaian dan matlamat terhadap sampel akan tercapai apabila mereka memahami dan memenuhi sesuatu objektif yang telah digariskan dalam modul berkenaan. Soal selidik kemudiannya dianalisis bagi mendapatkan nilai kebolehpercayaan dengan menggunakan kaedah pekali Alpha Cronbach. Menurut Mohd Majid (2000), sekiranya nilai kebolehpercayaan melebihi 0.60 bermakna sesuatu modul mempunyai tahap konsistensi yang baik.

Dapatan kajian

Jadual 1 di bawah menunjukkan nilai kesahan Kandungan Modul My TAPS berdasarkan Rusell (1974)

Jadual 1

Nilai kesahan kandungan Modul My TAPS

Pernyataan	P 1	P 2	P 3	P 4	P 5	P 6	P 7	P 8	P 9	P 10	%	Hasil
Kandungan aktiviti modul ini menepati sasaran populasinya.	4	5	5	5	5	5	4	5	5	5	96	Diterima
Kandungan aktiviti modul ini boleh dilaksanakan dengan sempurna.	4	5	3	4	5	4	4	4	5	4	84	Diterima
Kandungan aktiviti modul ini bersesuaian dengan masa yang diperuntukkan.	4	5	4	4	3	4	5	4	5	4	84	Diterima
Kandungan aktiviti modul ini boleh meningkatkan kemahiran sosioemosi murid.	4	5	4	5	5	5	4	4	5	4	90	Diterima
Kandungan modul ini boleh mengubah sikap murid dengan lebih berkesan.	4	5	3	5	5	5	5	4	5	5	96	Diterima
Tahap Penguasaan Kesahan Kandungan modul My TAPS											90	Diterima

Menurut Mohd Majid Konting (2004) kesahan kandungan alat ukuran atau aktiviti modul merujuk kepada sejauh manakah alat ukuran atau aktiviti modul dapat mengumpul data yang merangkumi kandungan sesuatu bidang yang dikaji. Bagi menentukan sesuatu aktiviti modul itu mempunyai kesahan kandungan yang baik, maka pandangan Tuckman dan Waheed (1981), dan Abu Bakar Nordin (1995) boleh dijadikan panduan di mana aras penguasaan 70 peratus dianggap telah mencapai tahap pencapaian yang tinggi. Oleh itu, tahap kesahan kandungan Modul My TAPS 90.0 adalah tinggi dan mempunyai kesahan kandungan yang baik.

Saranan Pakar

Saranan pakar telah diambil kira untuk pemurnian modul seterusnya. Jadual 2 dibawah menunjukkan sebahagian daripada komen pakar yang menilai kandungan modul My TAPS.

Jadual 2

Komen dan Cadangan Pakar

Pakar	Apa kata pakar?
P1	Berpotensi digunakan guru prasekolah namun perlu penambahbaikan supaya penggunaannya lebih berkesan.
P2	Modul yang sangat baik dan memuaskan dari aspek teori yang dipilih sesuai dengan pemboleh ubah yang digunakan untuk membina sub-modul, aktiviti dan langkah-langkah pengajaran.
P3	Kandungan modul My TAPS adalah menepati sasaran populasi dan mudah untuk dilaksanakan berdasarkan langkah-langkah aktiviti. Sedikit penambahbaikan pada format penulisan modul. Tahniah !
P6	Modul ini dilihat mampu mencapai objektif yang ditetapkan dengan beberapa pembetulan seperti yang dicadangkan.
P7	Kandungan aktiviti modul My TAPS menarik dan seiring dengan pdpc abad ke 21.
P9	Modul mudah difahami dan dilaksanakan sesuai dengan murid.

Kebolehpercayaan Modul

Sebanyak 13 aktiviti dalam modul My TAPS telah diuji keatas pengguna modul dari segi kebolehpercayaan modul ini. Mereka terdiri daripada guru prasekolah KPM, prasekolah swasta dan bakal guru pendidikan awal kanak-kanak. Soal selidik dibina berdasarkan Jamaludin Ahmad dan Sidek Mohd Noah (2001) yang mengandungi 39 item yang terdiri daripada soalan-soalan objektif aktiviti modul telah dibentuk dan diedarkan untuk tujuan mencari nilai Alpha Croanbach.

Jadual 3
Nilai Kebolehpercayaan Modul

Aktiviti	Nilai α
Seronoknya Ke Sekolah	0.824
Hulurkan Salam	0.867
Sabarlah Sayang	0.750
Luahkan Emosimu	0.889
Bertenang Sahabatku	0.775
Saya Boleh	0.761
Saya Budak Baik	0.877
Barisan Cantik	0.860
Maafkan Saya	0.729
Tanganku Ada Dua	0.884
Jika Kita Berkumpul	0.775
Jom Main Bersama	0.801
Kelasku Bersih	0.848
Nilai α	0.980

Jadual 3 menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang tinggi bagi keseluruhan aktiviti modul iaitu sebanyak 0.98. Nilai kebolehpercayaan paling rendah adalah untuk aktiviti Maafkan Saya dengan bacaan 0.72, manakala nilai paling tinggi ialah untuk aktiviti 'Tanganku Ada Dua' dengan nilai *Cronbach Alpha* 0.88. Dapatan menunjukkan modul ini sesuai digunakan oleh pengguna modul untuk kemahiran sosioemosi kanak-kanak prasekolah.

Perbincangan dan Rumusan

Kesahan dan kebolehpercayaan yang baik menjadikan modul My TAPS sesuai digunakan dalam kelas prasekolah sebagai bahan bantu pengajaran guru untuk memperkenalkan kemahiran sosioemosi kanak-kanak prasekolah. Kemahiran sosioemosi ini penting kerana ia menjadi asas kepada pembinaan konsep sendiri yang positif seterusnya membolehkan kanak-kanak menangani cabaran dalam kehidupan seterusnya. Selain itu kaedah nyanyian yang digunakan ketika memperkenalkan kemahiran sosioemosi membantu memudahkan pengurusan kelas terutama lagu-lagu yang digunakan sebagai amalan rutin dalam bilik darjah prasekolah. Apa yang difokuskan dalam Modul My TAPS ini diharapkan dapat memenuhi sebahagian daripada matlamat utama Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) melalui Tunjang Keterampilan Diri.

Penulis

Siti Rohana binti Salleh
National Child Development Research Centre
Sultan Idris Education University,
35900 Tanjong Malim,
Perak, Malaysia.
Email : sirosa77@gmail.com

Rujukan

- Denham, S. A. (2006). Social-emotional competence as support for school readiness: What it is and how do we assess it? *Early Education and Development*, 17(1), 57–89.
- Erikson, E. H. (1968). *Identity, Youth and Crisis*. New York: Norton.
- Goleman, D. (1996). Emotional Intelligence: Why It Can Matter More Than IQ? *Learning*, 24 (6), 49- 50.
- Maras, M.A., Thompson A.M., Lewis, C. Thornburg, K., & Hawks, J. (2015). Developing a tiered response model for social-emotional learning through interdisciplinary collaboration. *Journal of Educational and Psychological Consultation*, 25, 1-26.
- Napoli, M. (2004). Mindfulness training for teachers: A pilot program. *Complementary Health Practice Review*, 9, 31-42.
- Russell, J. D. (1974). *Modular instruction: a guide to the design, selection, utilization and evaluation of modular materials*. Mineapolis, Minnesota: Burgess Publishing.
- Schonert-Reichl, K. A., & Lawlor, M.S. (2010). *The Effects of a Mindfulness-Based Education Program on Pre- and Early Adolescents' Well-Being and Social Emotional Competence*. *Mindfulness*, 1, 137-151.
- Shore, R. (2014). *An Ounce of Prevention; Investing early in social emotional learning pays big dividends*. The Vancouver Sun, p. A.9. Retrieved May 4, 2015, from <http://ezproxy.viu.ca/login?url=http://search.proquest.com.ezproxy.viu.ca/docview/1615170609?accountid=12246>
- Sidek Md.Noah, & Jamaludin Ahmad (2005). *Pembinaan modul: bagaimana membina modul latihan dan modul akademik*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia
- Tuckman, B. W., & Waheed, M. A. (1981). Evaluating an individualized science programmed for community college student. *Journal of Research in Science Teaching*, 18, 489-495.



KAIZENTRENOVATION SDN BHD (1167478-D)
No A10-1 & A10-2, Gemilang Avenue,
Jalan Pulai 1, Proton City,
35900 Tg Malim, Perak
Laman Web: kaizentreovationpublishing.com
Email: info.kaizentreovation@gmail.com

eISBN 978-967-17718-2-2



9 789671 771822